Akhir sekali, bab ini menggariskan penstrukturan tesis dengan memperincikan susunan setiap bab sebagai panduan kepada pembaca untuk menelusuri keseluruhan aliran logik kajian. Penyusunan yang teratur ini menegaskan bahawa kajian ini bukan sahaja berperanan mengisi jurang akademik, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada amalan industri dan pembentukan dasar. Justeru, bab satu bukan sekadar pengenalan, tetapi merupakan asas penting yang meletakkan kajian ini dalam landskap ilmu dan praktik hospitaliti Islam kontemporari.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan antara peneraju utama dalam sektor pelancongan Islam di rantau ini dengan pelbagai inisiatif yang menyokong pertumbuhan pelancongan patuh *Syarīʿah* termasuk dalam sektor perhotelan. Hotel patuh *Syarīʿah* berperanan bukan sahaja sebagai penyedia penginapan yang selesa bagi pelancong Muslim, tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai Islam melalui perkhidmatan yang menyeluruh. Dengan majoriti penduduk beragama Islam serta pengiktirafan sebagai destinasi utama pelancongan Muslim di peringkat serantau, wujud keperluan mendesak terhadap perkhidmatan hospitaliti yang mematuhi prinsip *Syarīʿah* bagi memenuhi jangkaan pelancong domestik dan antarabangsa. Keperluan ini merangkumi penyediaan penginapan, makanan halal, kemudahan ibadah, serta kualiti perkhidmatan yang berlandaskan tuntutan agama (Abdul Rahman, 2018; Aziz et al., 2022; Ali et al., 2021).

Industri halal kini menjadi ekosistem luas yang merentasi pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman, farmaseutikal, kosmetik, pembungkusan, logistik, dan pelancongan. Dalam konteks ini, pelancongan halal berfungsi sebagai pemacu ekonomi berlandaskan prinsip *Syarīʿah* dengan menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak agama serta responsif terhadap keperluan pengguna Muslim masa kini (Stephenson, 2014; El-Gohary, 2020; CrescentRating, 2023). Perkembangan sektor perhotelan di Malaysia membuktikan wujudnya usaha ke arah memenuhi kriteria mesra Muslim melalui penyediaan ruang solat, penunjuk arah kiblat, serta makanan dan minuman halal. Kemudahan ini telah meningkatkan tahap keyakinan dan keselesaan pelancong Muslim untuk memilih Malaysia sebagai destinasi utama (Mastercard & CrescentRating, 2022; Tourism Malaysia, 2022).

Selain itu, faktor lokasi hotel yang berhampiran pusat beli-belah, restoran halal, dan masjid turut memudahkan tetamu mengekalkan gaya hidup Islam sepanjang perjalanan. Inisiatif latihan kakitangan barisan hadapan di pintu masuk antarabangsa seperti KLIA untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab turut memperkukuh pengalaman tetamu dari Timur Tengah (Abdul Rahman, 2018; Zulkifli et al., 2020). Walaupun pencapaian ini menunjukkan kemajuan infrastruktur dan perkhidmatan, analisis kritikal mendapati bahawa kebanyakan usaha masih tertumpu pada aspek luaran. Hakikatnya, industri memerlukan peluasan skop kepada pengurusan nilai secara sistemik yang melibatkan dasar sumber manusia beretika, audit dalaman *Syarīʿah*, tadbir urus kewangan bebas riba, kawalan hiburan, serta komunikasi dan pemasaran yang telus agar

integriti patuh *Syarīʿah* tidak bersifat kosmetik semata-mata (Razalli, Abdullah, & Hassan, 2019; Amri et al., 2020; Battour & Ismail, 2022).

Syarīʿah bukanlah teori abstrak, tetapi suatu cara hidup yang menyeluruh dan memandu keputusan serta tindakan manusia dalam segenap aspek kehidupan. Dalam konteks muamalat dan perkhidmatan, *Syarīʿah* menjadi rujukan utama termasuk dalam bidang hospitaliti (Maḥmūd M. Ayyūb, 1996; Lāldīn & Furqānī, 2018). Prinsip ini turut ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

۞ شَرَعَ لَكُمْ مِّنَ الدِّيْنِ مَا وَصّٰى بِهٖ نُوْحًا وَّالَّذِيْٓ اَوْحَيْنَآ اِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهٖٓ اِبْرٰهِيْمَ وَمُوْسٰى وَعِيْسٰٓى اَنْ اَقِيْمُوا الدِّيْنَ وَلَا تَتَفَرَّقُوْا فِيْهِۗ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِيْنَ مَا تَدْعُوْهُمْ اِلَيْهِۗ اَللّٰهُ يَجْتَبِيْٓ اِلَيْهِ مَنْ يَّشَاۤءُ وَيَهْدِيْٓ اِلَيْهِ مَنْ يُّنِيْبُ

Maksudnya: Allah SWT telah menerangkan kepada kamu – di antara perkara-perkara agama yang Dia tetapkan hukumNya – apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: 'Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya.' Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadaNya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadaNya (dengan taat).

(al-Shūrā 42:13)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah menetapkan satu garis panduan agama yang konsisten sejak zaman Nabi Nuh A.S. hingga kepada Nabi Muhammad SAW. Semua rasul membawa asas risalah yang sama, iaitu menegakkan agama dan tidak berpecah-belah dalam perkara pokok akidah dan *Syarīʿah*. Pesanan ini menunjukkan bahawa *Syarīʿah* bukanlah ciptaan baharu, sebaliknya kesinambungan daripada wahyu Allah yang diturunkan kepada para nabi terdahulu. Hal ini menegaskan kewajipan umat Islam untuk berpegang teguh kepada prinsip agama tanpa kompromi, khususnya dalam urusan yang melibatkan kehidupan seharian termasuk bidang muamalat dan perkhidmatan (al-Marāghī, 1992; Jāsir ‘Awdah, 2010).

Dari perspektif kajian ini, ayat tersebut menekankan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* bukanlah pilihan sampingan atau sekadar strategi pemasaran, tetapi merupakan sebahagian daripada tuntutan agama untuk menegakkan *Syarīʿah* dalam

semua aspek kehidupan. Dengan itu, usaha membangunkan model perkhidmatan hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* dilihat selari dengan tuntutan wahyu, kerana ia menegakkan agama (*iqāmat al-dīn*) dan mengelakkan perpecahan dalam memahami standard piawaian antara konsep *Muslim-friendly* dan *Shariah-compliant* (Amri et al., 2020; Ali et al., 2021).

Hal ini menunjukkan bahawa agama disyariatkan untuk ditegakkan secara menyeluruh dan tidak berpecah belah, manakala misi kerasulan pula ditetapkan sebagai rahmat bagi seluruh alam. Kedua-dua penegasan ini menggariskan keperluan membangunkan sistem perhotelan Islam yang bukan sahaja mematuhi hukum secara literal, tetapi juga mengangkat *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka utama bagi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dalam konteks perkhidmatan hotel, pematuhan ini bermakna bahawa nilai *Syarīʿah* tidak boleh dilaksanakan secara fragmentari atau kosmetik semata-mata, sebaliknya mesti menjadi prinsip asas yang mengikat keseluruhan aspek operasi, pengurusan, dan pengalaman pelanggan (Laldin & Furqani, 2018; Battour & Ismail, 2022).

Kajian lepas menunjukkan bahawa tumpuan tradisional dalam industri hospitaliti Islam masih banyak berfokus kepada penyediaan kemudahan pelanggan seperti makanan halal, ruang ibadah, dan penunjuk arah kiblat (Stephenson, 2014; Battour & Ismail, 2016). Walaupun aspek-aspek tersebut penting, ia tidak lagi memadai untuk menangani cabaran industri hospitaliti kontemporari yang semakin kompleks. Industri kini beroperasi dalam suasana persaingan global yang sengit, berdepan dengan pelancong Muslim yang lebih celik nilai serta menuntut standard ketelusan, jejak audit *Syarīʿah*, dan piawaian yang boleh disahkan secara objektif (Ali et al., 2021; CrescentRating, 2023).

Keadaan ini memperlihatkan jurang pengetahuan yang nyata, iaitu ketiadaan Model MaSC-Hotel yang benar-benar mengintegrasikan maqasid secara operasional dengan konstruk pengurusan kontemporari serta diuji keberkesanannya melalui metodologi saintifik yang kukuh. Jurang ini menguatkan rasional bahawa pembangunan model baharu berasaskan maqasid bukan sahaja relevan, tetapi amat diperlukan bagi memastikan integriti hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia dapat dipertahankan dan diperkukuh (Aziz et al., 2022).

Allah SWT telah mensyariatkan agama kepada umat manusia sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Nuh A.S. dan para Rasul Ulul Azmi selepasnya. Mereka diutus dengan misi utama untuk menegakkan prinsip tauhid walaupun bentuk syariat yang

dibawa berbeza mengikut konteks zaman dan keperluan umat masing-masing. Dalam konteks ini, Allah SWT menuntut manusia agar memelihara kesucian agama dan menjauhi perpecahan dalam dasar ajaran. Firman Allah SWT juga menegaskan bahawa hanya mereka yang dipilih dan mendapat hidayah-Nya akan berpegang teguh pada kebenaran (al-Maraghi, 1992). Setiap ketetapan hukum yang diturunkan memiliki hikmah yang mendalam dan membawa rahmat kepada manusia. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ

Maksudnya: Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.

(al-Anbiya', 21:107).

Ayat ini menjelaskan bahawa seluruh syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah berasaskan prinsip rahmat. Islam bukan sekadar menetapkan hukum secara literal, tetapi setiap peraturan yang diturunkan mengandungi hikmah, kemaslahatan, dan kesejahteraan untuk seluruh manusia, bukan hanya umat Islam.

Dalam konteks kajian ini, ayat tersebut menekankan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* perlu difahami sebagai manifestasi rahmat Islam kepada semua pihak iaitu tetamu Muslim yang menuntut pematuhan syariat, pengusaha hotel yang memperoleh keyakinan pelanggan, serta masyarakat dan negara yang mendapat manfaat daripada integriti industri pelancongan Islam. Pembangunan model perkhidmatan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dengan itu adalah selaras dengan misi kerasulan Nabi Muhammad SAW yang memastikan prinsip rahmat dan kesejahteraan dapat direalisasikan dalam kehidupan moden melalui sistem perkhidmatan hospitaliti yang menyeluruh dan bersepadu.

Rahmat ini mencerminkan konsep maslahah, iaitu manfaat sejagat yang memberi kebaikan kepada kehidupan manusia secara menyeluruh. Dari perspektif maqasid, ia menekankan bahawa akal manusia diberi kemampuan untuk memahami hikmah di sebalik pensyariatan hukum, sama ada melalui teks syarak yang jelas mahupun melalui proses ijtihad dan penelitian ilmiah (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015).

Dalam kerangka *Syarīʿah*, segala bentuk perkhidmatan termasuk dalam sektor perhotelan wajib mematuhi garis panduan yang menetapkan dengan jelas batas halal, haram dan syubhah. Sabda Rasulullah SAW:

مَعْنَاهُ: إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللهِ مَحَارِمُهُ

Maksudnya: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya pula terdapat perkara-perkara yang syubhah (tidak terang halal atau haramnya). Barang siapa meninggalkan perkara yang diragukan mengandung dosa, maka ia akan lebih meninggalkan perkara yang telah jelas mengandung dosa. Barang siapa berani melakukan apa sahaja yang diragukan dosanya, maka dikhuatirkan ia akan jatuh pada perkara yang nyata dosanya. Semua maksiat adalah larangan Allah. Barang siapa mengelilingi sekitar larangan Allah, maka dikhuatirkan akan menjatuhkannya."

(Riwayat al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyūʿ, Bāb al-Ḥalāl Bayyin wa al-Ḥarām Bayyin wa Baynahumā Mushtabihāt, hadis no. 2051; dan Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Musāqāh, Bāb Akhdh al-Ḥalāl wa Tark al-Shubuhāt, hadis no. 1599).

Hadis ini menjelaskan bahawa perkara halal dan haram mempunyai ketetapan yang jelas dalam Islam. Namun begitu, terdapat perkara syubhah yang hukumnya tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Oleh itu, perkara syubhah hendaklah dijauhi bagi memelihara kesucian agama dan kehormatan seseorang Muslim. Hadis yang diriwayatkan daripada al-Nuʻmān ibn Bashīr RA ini berstatus ṣaḥīḥ dan muttafaq ʻalayh kerana diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim. Prinsip ini sangat penting dalam konteks pembangunan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* kerana industri perhotelan melibatkan pelbagai bentuk urusan yang berkait rapat dengan hukum *Syarīʿah* sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam aspek penyediaan makanan dan minuman, pematuhan kepada piawaian halal yang ditetapkan oleh pihak berautoriti seperti JAKIM adalah syarat utama bagi menjamin kesucian dan kebersihan makanan yang ditawarkan kepada pelanggan Muslim (Abd Rahman, 2018; Aziz et al., 2022). Segala bentuk makanan yang syubhah atau diragui status halalnya perlu dielakkan bagi menghindarkan hotel daripada unsur yang boleh mencemarkan imej patuh *Syarīʿah*.

Dari sudut kewangan dan transaksi, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan semua urusan perniagaan termasuk sistem pembayaran, pelaburan, dan pembiayaan dijalankan berlandaskan prinsip muamalat Islam yang bebas daripada unsur riba, gharar, dan maysir (Dusuki & Bouheraoua, 2011; Amri et al., 2020). Begitu juga dalam

penyediaan hiburan atau fasiliti, segala bentuk aktiviti yang bercanggah dengan *Syarīʿah* seperti persembahan tidak bermoral, penyediaan arak, atau aktiviti perjudian mestilah dilarang sama sekali (El-Gohary, 2020). Aspek operasi harian hotel seperti pemakaian pekerja, pengasingan kemudahan tertentu antara lelaki dan wanita, serta penyediaan ruang ibadah yang kondusif turut perlu diberi perhatian (Ali et al., 2021). Kesemua item ini bukan sahaja menegaskan kepatuhan kepada garis panduan *Syarīʿah*, malah turut mengangkat nilai kesucian dan keberkatan dalam setiap bentuk perkhidmatan yang ditawarkan. Oleh itu, prinsip yang digariskan oleh Rasulullah SAW berhubung halal, haram, dan syubhah menjadi asas penting dalam penggubalan Model MaSC-Hotel. Model ini memastikan bahawa pengurusan tidak sekadar mematuhi hukum secara literal, tetapi juga menghayati roh *Syarīʿah* yang menekankan kesejahteraan, kemaslahatan, dan rahmat untuk semua pihak yang terlibat.

Secara menyeluruh, dapat difahami bahawa setiap perintah dan larangan Allah SWT di dalam al-Quran serta arahan Rasulullah SAW melalui sunnah mengandungi tujuan tertentu yang berlandaskan hikmah dan tidak bersifat sia-sia (Kamali, 2008; al-Maraghi, 1992). Hal ini memperlihatkan bahawa *Syarīʿah* diturunkan untuk menjamin kemaslahatan umat manusia dengan mengangkat prinsip keadilan, kebaikan, dan kesejahteraan sejagat. Perbincangan mengenai *Maqāṣid Syarīʿah* atau tujuan pensyariatan hukum Islam terus mendapat perhatian meluas dalam kalangan ulama dan sarjana. Sebahagian besar pengkaji meneliti *Maqāṣid Syarīʿah* dalam kerangka ilmu Usul Fiqh, manakala sebahagian lain mengembangkannya sebagai satu disiplin tersendiri dalam falsafah hukum Islam moden (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015; Laldin & Furqani, 2018).

Maqāṣid Syarīʿah merupakan objektif utama yang ingin dicapai dalam setiap bentuk perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Islam. Dalam konteks pengurusan kontemporari, perundangan serta garis panduan yang digubal perlu diselaraskan dengan sumber utama hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan ijtihad kontemporari yang disesuaikan dengan cabaran semasa. Di sinilah letaknya jurang dalam literatur kerana banyak kajian terdahulu hanya menekankan aspek pensijilan halal, kebolehcapaian kemudahan ibadah, atau persepsi pelanggan Muslim (Stephenson, 2014; Battour & Ismail, 2016; Ali et al., 2022). Namun, masih belum wujud model konseptual yang menyepadukan *Maqāṣid Syarīʿah* ke dalam keseluruhan ekosistem operasi hotel, diuji kebolehgunaan secara saintifik, dan mampu dijadikan rujukan standard oleh industri (CrescentRating, 2023).

Sehubungan itu, model MaSC-Hotel yang dicadangkan dalam kajian ini bukan sahaja menitikberatkan pematuhan terhadap prinsip *Syarīʿah*, tetapi turut berorientasikan kepada pencapaian maqasid secara holistik. Model ini bertujuan membentuk sistem pengurusan perhotelan yang strategik, inklusif, dan harmoni, selaras dengan aspirasi untuk mewujudkan perkhidmatan yang bukan sahaja sah di sisi syarak, tetapi juga mendukung nilai kesejahteraan, kemaslahatan, dan rahmat bagi semua pihak yang terlibat.

Meskipun industri pelancongan patuh *Syarīʿah* berkembang pesat, setiap pelaksanaannya perlulah berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas utama dalam menguruskan urusan perniagaan dan perkhidmatan. Hal ini kerana Islam merupakan agama yang menyeluruh (*syumul*) yang merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk hal-hal berkaitan jual beli, pelaburan, dan perkhidmatan. Al-Quran sebagai wahyu Ilahi memberikan prinsip asas dalam membentuk sistem kehidupan umat Islam termasuk dalam sektor hospitaliti. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.

(Surah al-Nahl:89)

Ayat ini menegaskan bahawa al-Quran berperanan sebagai panduan menyeluruh yang meliputi setiap aspek kehidupan manusia. Ia bukan sahaja menjelaskan hukum-hakam secara terperinci, bahkan menjadi sumber hidayah, rahmat, dan pedoman bagi umat Islam dalam melaksanakan urusan seharian. Dalam konteks kajian ini, ayat ini menekankan bahawa segala bentuk perkhidmatan termasuk dalam sektor hospitaliti mestilah berpandukan prinsip dan garis panduan al-Quran.

Penerapan nilai-nilai *Syarīʿah* dalam industri perhotelan bukan sekadar memenuhi kehendak pelanggan Muslim, tetapi lebih utama ialah merealisasikan peranan al-Quran sebagai sumber panduan hidup yang *syumul*. Oleh itu, pembangunan Model MaSC-Hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* adalah manifestasi praktikal kepada fungsi al-Quran sebagai *tibyānan li-kulli shay'in* (penjelas bagi segala sesuatu) dan sebagai rahmat yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Dari perspektif pembangunan ekonomi, sektor pelancongan Islam khususnya perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim kini muncul sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi mampan. Ekonomi yang berkembang melalui pendekatan yang menitikberatkan nilai *Syarīʿah* dilihat mampu menjana kesan positif terhadap kestabilan dan kemajuan sesebuah tamadun (Suid et al., 2017; Waehama et al., 2018; Amri et al., 2020). Dalam hal ini, sektor hospitaliti Islam telah menjadi tunjang utama dalam pengukuhan pelancongan negara melalui penyediaan kemudahan yang sesuai dengan tuntutan *Syarīʿah*. Sektor pelancongan juga dikenal pasti sebagai penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi Malaysia, dengan potensi besar untuk meningkatkan pendapatan negara menerusi jaringan perniagaan halal bersama pelabur dan pedagang tempatan serta antarabangsa (Bhuiyan et al., 2011; Mohd Noor et al., 2021; Aziz et al., 2022).

Namun, walaupun terdapat peningkatan positif, analisis literatur menunjukkan fokus yang berulang pada aspek asas seperti makanan halal, ruang ibadah, dan lokasi strategik (Stephenson, 2014; Che Omar et al., 2019). Penekanan ini sememangnya penting, tetapi tidak lagi mencukupi untuk menjawab cabaran semasa yang lebih kompleks seperti isu standardisasi label patuh *Syarīʿah*, mekanisme pemantauan yang berkesan, serta keperluan penyelarasan dengan agenda pembangunan mampan dan ekosistem digital (Ali et al., 2021; Battour & Ismail, 2022). Hal ini menimbulkan jurang pengetahuan, iaitu ketiadaan model sistematik yang menyepadukan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan rantaian perkhidmatan hotel dan diuji keberkesanannya secara empirikal.

Kejayaan pembangunan pelancongan Islam juga banyak bergantung kepada keupayaan negara dalam menyediakan ekosistem pelancongan mesra Muslim yang inklusif dan efektif. Setiap aspek keperluan pelancong Muslim perlu diteliti, difahami, dan dilaksanakan secara komprehensif untuk menjamin kepuasan serta kesetiaan pelanggan (Ibrahim et al., 2018; Zulkifli et al., 2020). Dalam hal ini, kerajaan serta penggiat industri pelancongan berperanan penting dalam memperkukuh sistem sokongan ini bagi memastikan kelangsungan pertumbuhan sektor hospitaliti Islam sama ada di peringkat domestik mahupun global. Walau bagaimanapun, masih belum ada pendekatan menyeluruh yang menjadikan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka operasional dalam hotel, berbanding sekadar indikator kepatuhan formal.

Keaslian kajian ini terletak pada usaha membangunkan Model MaSC-Hotel yang bukan sahaja memenuhi tuntutan hukum secara literal, tetapi juga mengangkat

dimensi kesejahteraan holistik. Dari sudut akademik, ia memperkaya disiplin hospitaliti Islam dengan memperkenalkan kerangka berasaskan maqasid yang boleh diuji secara saintifik (Auda, 2010; al-Raysūnī, 2015; Laldīn & Furqānī, 2018). Dari sudut praktikal, model ini berfungsi sebagai panduan pengusaha hotel untuk mengintegrasikan nilai *Syarīʿah* dalam operasi seharian. Manakala dari sudut dasar, ia menyokong aspirasi Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global melalui standardisasi yang lebih mantap dan berpandukan piawaian terkini (Mastercard & CrescentRating, 2023).

Menurut laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) oleh Mastercard-CrescentRating, Malaysia telah diiktiraf secara konsisten sebagai destinasi utama pelancong Muslim di peringkat global sejak 2011, termasuk kedudukan teratas pada tahun 2016, 2018, 2022, dan 2023 (CrescentRating, 2023). Dalam laporan tahunan Tourism Malaysia, direkodkan bahawa seramai 26.8 juta pelancong telah melawat Malaysia pada tahun 2016, dengan unjuran meningkat kepada 28 juta pada tahun 2018 (Tourism Malaysia, 2017). Statistik terkini menunjukkan bahawa selepas pandemik COVID-19, jumlah ketibaan pelancong Muslim antarabangsa kembali meningkat dengan sumbangan besar daripada negara Timur Tengah, termasuk Arab Saudi, Kuwait, Oman, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan Iran (Tourism Malaysia, 2022).

Laporan GMTI 2023 turut menyokong kenyataan ini apabila Malaysia sekali lagi mencatatkan skor tertinggi iaitu 83.5, mengatasi Indonesia dan Turki, sekali gus mengekalkan kedudukan sebagai destinasi paling mesra Muslim di dunia (CrescentRating, 2023). Skor tinggi ini mencerminkan tahap kesediaan Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan hospitaliti yang menyeluruh dan sistematik. Antara kriteria yang menyumbang kepada pencapaian ini termasuk ketersediaan restoran halal, kemudahan ruang solat, sistem pengangkutan awam mesra Muslim, serta kebolehcapaian maklumat berkaitan ibadah dan gaya hidup Islam bagi pelancong Muslim (Ali et al., 2022).

Jadual 1.1 dalam kajian ini memperincikan kedudukan Malaysia berdasarkan indikator utama GMTI, sekali gus memperlihatkan kelebihan negara ini dari aspek *Muslim-friendly ecosystem* berbanding negara-negara OIC lain. Penilaian ini turut disokong oleh dapatan kajian Che Omar et al. (2019) dan Wan Sahida et al. (2011) yang menyatakan bahawa item perkhidmatan seperti ketersediaan makanan halal dan ruang ibadah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan pelancong Muslim ketika memilih destinasi pelancongan.

Jadual 1.1
20 Destinasi Teratas OIC (*Top 20 OIC Destinations*)

GMTI 2025 Rank	Change vs 2024	Destination	GMTI 2025 Score	Change vs 2024
1	0	Malaysia	79	+3
2	+2	Türkiye	78	+5
2	+1	Saudi Arabia	78	+4
2	+3	United Arab Emirates (UAE)	78	+6
5	-4	Indonesia	76	0
5	+1	Qatar	76	+5
7	+1	Oman	74	+8
7	+5	Kuwait	74	+9
9	-1	Jordan	73	+7
9	-2	Iran	73	+6
11	-3	Singapore	71	+5
12	0	Egypt	70	+5
12	+2	Morocco	70	+6
12	+5	Bahrain	70	+7
15	-1	Maldives	69	+5
15	-7	Brunei	69	+3
17	-3	Uzbekistan	67	+3
18	-1	Pakistan	66	+3
19	0	Tunisia	65	+3
20	0	Azerbaijan	64	+3

Sumber: Global Muslim Travel Index (GMTI) 2025

Jadual 1.1 menunjukkan senarai 20 destinasi utama negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang paling mesra pelancong Muslim berdasarkan laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) tahun 2025. Malaysia muncul sebagai destinasi utama dengan skor tertinggi sebanyak 79, sekali gus mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pelancongan halal global. Kedudukan kedua pula dikongsi oleh

Türkiye, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang masing-masing mencatatkan skor 78. Indonesia dan Qatar berada di kedudukan kelima dengan skor 76, diikuti oleh Oman dan Kuwait di kedudukan ketujuh dengan skor 74. Seterusnya, Jordan dan Iran masing-masing berada di kedudukan kesembilan dengan skor 73, manakala Singapura menduduki tempat kesebelas dengan skor 71.

Selain itu, Mesir, Morocco dan Bahrain turut tersenarai di kedudukan kedua belas dengan skor 70, diikuti Maldives dan Brunei di kedudukan kelima belas dengan skor 69. Uzbekistan, Pakistan dan Tunisia masing-masing berada di kedudukan ketujuh belas hingga kesembilan belas dengan skor antara 65 hingga 67. Azerbaijan dan Lebanon pula melengkapkan senarai 20 destinasi teratas dengan skor 64. Penyenaraian ini menunjukkan peningkatan daya saing negara-negara OIC dalam menarik pelancong Muslim melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang memenuhi keperluan patuh *Syarīʿah*.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan Islam utama dalam pasaran pelancongan Muslim global. Kejayaan konsisten ini membuktikan keupayaan Malaysia dalam menyediakan ekosistem pelancongan mesra Muslim yang komprehensif, meliputi kemudahan solat, restoran halal, akses maklumat ibadah, serta infrastruktur pelancongan yang menyokong keperluan pelancong Muslim (Battour & Ismail, 2022; Ali et al., 2021).

Penemuan dalam kajian ini diharap dapat memberi penjelasan mendalam berkaitan konsep dan kriteria Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (PHMM) yang diterapkan dalam industri pelancongan negara, khususnya berlandaskan piawaian Malaysian Standard MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements (Department of Standards Malaysia, 2015), serta disokong oleh aspirasi dasar Pelan Tindakan Pelancongan Islam 2021–2030 (MOTAC, 2021). Pertambahan mendadak pelancong dari dalam dan luar negara secara langsung meningkatkan permintaan terhadap penginapan, sekali gus membuka peluang besar kepada hotel patuh *Syarīʿah*. Permintaan ini didorong oleh persekitaran Malaysia yang stabil sebagai negara Islam serta sokongan infrastruktur mesra Muslim yang holistik (Mohd Noor et al., 2021; Tourism Malaysia, 2022). Walaupun sasaran utama hotel patuh *Syarīʿah* ialah pelancong Muslim, kehadiran pelancong bukan Islam turut disambut baik, menjadikan hotel-hotel ini medium interaksi budaya dan dakwah yang mampu mempamerkan nilai-nilai Islam secara praktikal.

Konsep hotel patuh *Syarīʿah* jelas berbeza dengan hotel konvensional yang berorientasikan keuntungan semata-mata. Hotel patuh *Syarīʿah* menawarkan nilai tambah melalui pembangunan spiritual, kesejahteraan sosial, serta manfaat ekonomi berlandaskan prinsip Islam. Ini menjadikan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja instrumen pertumbuhan ekonomi mampan, tetapi juga sarana memperluas dakwah secara inklusif kepada masyarakat pelbagai latar belakang (Aziz et al., 2022; Omar, 2022).

Kajian ini tidak hanya berhenti pada analisis literatur, tetapi menekankan keperluan membangunkan Model MaSC-Hotel secara sistematik dan berfasa. Model ini dibangunkan menerusi pendekatan *Design and Development Research (DDR)* dengan tiga fasa utama: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan model, serta penilaian kebolehgunaan. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan Richey dan Klein (2007) serta Nieveen (2010) yang menegaskan bahawa pembangunan model atau strategi reka bentuk perlu melalui proses empirikal dan penilaian menyeluruh agar dapat menangani permasalahan secara praktikal.

Selain menyahut keperluan industri, usaha ini juga selaras dengan dasar pentadbiran kerajaan, khususnya gagasan *Rahmatan lil-ʿAlamin* yang diperjuangkan oleh pihak berautoriti Islam seperti JAKIM. Gagasan ini menekankan penerapan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pengurusan perkhidmatan termasuk sektor perhotelan (JAKIM, 2019, 2021). Justeru, pembangunan model ini tidak sekadar memenuhi tuntutan praktikal, tetapi juga menyokong aspirasi dasar negara dalam memperkukuh ekosistem pelancongan Islam.

Pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* memberikan beberapa kepentingan utama. Pertama, ia meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Muslim global dengan memenuhi keperluan asas pelancong Muslim seperti makanan halal, pemisahan ruang, dan kemudahan solat (Battour & Ismail, 2016; Mohd & Alias, 2022). Kedua, ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui peluang pekerjaan dan pembangunan komuniti setempat (El-Gohary, 2016; Razalli, Abdullah & Hassan, 2019). Ketiga, ia berperanan memperkukuh imej Malaysia sebagai hab pelancongan Islam yang kompetitif dalam pasaran global (CrescentRating, 2023).

Oleh itu, latar belakang kajian ini menegaskan keperluan mendesak untuk membangunkan satu Model MaSC-Hotel yang berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu Model MaSC-Hotel. Model ini diyakini dapat memperkukuh ekosistem pelancongan Islam secara menyeluruh dengan menghubungkan lima prinsip utama *Maqāṣid Syarīʿah*

(*al-Ḍarūriyyāt al-khamsah*) iaitu pemeliharaan agama *(hifz al-dīn*), nyawa (*Hifẓ al-Nafs*), akal (*Hifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-'Irḍ*), dan harta (*hifz al-māl*) kepada dimensi operasi dan pengurusan hotel (Ibrahim & Hamzah, 2021; Omar, 2022; Ali et al., 2021). Hubungan antara lima prinsip utama *Maqāṣid Syarīʿah* (*al-Ḍarūriyyāt al-khamsah*) dengan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* serta kesannya dari aspek ekonomi, sosial dan spiritual. Penerapan maqasid ini memastikan bahawa operasi hotel bukan sahaja berlandaskan pematuhan hukum, tetapi turut menjamin kesejahteraan holistik kepada para pelanggan, pekerja dan masyarakat.

Dari sudut *Hifẓ al-Dīn* (pemeliharaan agama), hotel patuh *Syarīʿah* menekankan penyediaan kemudahan ibadah seperti surau, arah kiblat, dan makanan halal. Usaha ini memberi kesan positif kepada sektor pelancongan Islam dengan menarik pelancong Muslim global, di samping memupuk gaya hidup Islam yang sihat serta meningkatkan ketenangan spiritual tetamu (Battour & Ismail, 2016; Ibrahim & Hamzah, 2021; Ali et al., 2022).

Bagi *Hifẓ al-Nafs* (pemeliharaan nyawa), aspek keselamatan dan kebersihan menjadi keutamaan, termasuk penyediaan makanan halal yang bersih serta pematuhan kepada piawaian kesihatan dan keselamatan. Hal ini bukan sahaja menyokong industri makanan halal, malah melindungi tetamu daripada mudarat, sekali gus menepati tuntutan *Syarīʿah* untuk menjaga nyawa manusia (Samori & Sabtu, 2014; Henderson, 2010; Aziz et al., 2021).

Dalam konteks *Hifẓ al-ʿAql* (pemeliharaan akal), hotel patuh *Syarīʿah* menolak segala bentuk hiburan yang merosakkan seperti alkohol dan perjudian, sebaliknya menawarkan aktiviti alternatif yang membina minda dan jiwa. Pendekatan ini memberikan kesan positif kepada ekonomi beretika, mewujudkan persekitaran sosial yang sihat, serta melindungi akal daripada unsur yang boleh merosakkannya (Stephenson, 2014; Omar, 2022; El-Gohary, 2020).

Seterusnya, *Ḥifẓ al-'Irḍ* (pemeliharaan keturunan) diaplikasikan melalui dasar pengasingan kemudahan lelaki dan wanita, pematuhan etika pemakaian serta larangan maksiat. Usaha ini membantu memelihara kesucian institusi keluarga, membina masyarakat bermoral, dan mengukuhkan nilai sosial. Dalam masa yang sama, ia menyokong industri pelancongan mesra keluarga yang semakin mendapat perhatian (Razalli, Abdullah & Hassan, 2019; Mohd & Alias, 2022).

Akhir sekali, *Hifẓ al-Māl* (pemeliharaan harta) menekankan keperluan pengurusan kewangan hotel yang berasaskan prinsip *Syarīʿah*. Setiap transaksi perlu

bebas daripada unsur riba, gharar, dan maysir. Penggunaan sistem perbankan Islam bukan sahaja meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap integriti perniagaan, tetapi juga menjamin keberkatan keuntungan. Usaha ini sejajar dengan prinsip keadilan ekonomi dan pengagihan kekayaan yang lestari (Dusuki & Abdullah, 2019; El-Gohary, 2016; Amri et al., 2020).

Jadual 1.2
Hubungan *Maqāṣid Syarīʿah* dengan Impak Hotel Patuh *Syarīʿah*

Maqāṣid Syarīʿah	**Aplikasi dalam Hotel Patuh *Syarīʿah***	**Impak Ekonomi**	**Impak Sosial**	**Impak Spiritual**
Ḥifẓ al-Dīn (Pemeliharaan Agama)	Penyediaan surau, arah kiblat, al-Quran di bilik, makanan halal, tiada aktiviti maksiat	Menarik pelancong Muslim global, meningkatkan pasaran halal	Memupuk gaya hidup Islam, mengelak percampuran tidak sihat	Memudahkan ibadah dan meningkatkan ketenangan jiwa tetamu
Ḥifẓ al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)	Makanan bersih & halal, piawaian keselamatan, kesihatan & kebersihan	Menyokong industri makanan halal & keselamatan	Perlindungan tetamu daripada mudarat & penyakit	Memenuhi tuntutan *Syarīʿah* menjaga nyawa
Ḥifẓ al-ʿAql (Pemeliharaan Akal)	Larangan alkohol, dadah & hiburan tidak bermoral; aktiviti berfaedah	Menggalakkan perniagaan beretika & mesra keluarga	Menyediakan hiburan sihat, persekitaran pendidikan	Melindungi akal daripada perkara haram & merosakkan
Ḥifẓ al-'Irḍ (Pemeliharaan Keturunan)	Polisi pengasingan kemudahan, etika pemakaian, larangan maksiat	Menyokong industri mesra keluarga & perkahwinan	Memelihara kehormatan masyarakat & moral sosial	Menjaga kesucian keturunan dan institusi keluarga
Ḥifẓ al-Māl (Pemeliharaan Harta)	Transaksi bebas riba, gharar & maysir; perbankan Islam; harga telus	Meningkatkan kepercayaan pelabur & ekonomi halal	Membina keyakinan pelanggan terhadap integriti perniagaan	Mendapat keberkatan harta dan mengelak kerugian batil

Sumber: (Auda, 2010; Battour & Ismail, 2016; Dusuki & Abdullah, 2019; Ibrahim & Hamzah, 2021; Omar, 2022; Razalli et al., 2019).

Secara keseluruhannya, Jadual 1.2 menunjukkan bahawa pelaksanaan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja memperkukuh aspek pematuhan hukum, tetapi turut memberi impak signifikan kepada pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan pengukuhan spiritual masyarakat. Kelima-lima dimensi pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-'Irḍ*), dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) saling melengkapi dalam membentuk ekosistem

perhotelan Islam yang menyeluruh. Justeru, penerapan kerangka maqasid diyakini mampu memperkukuh daya saing Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global, selaras dengan aspirasi negara untuk memposisikan diri sebagai peneraju dalam industri hospitaliti patuh *Syarīʿah*.

Analisis kritikal mendapati bahawa walaupun kajian terdahulu menyinggung dimensi maqasid, kebanyakannya bersifat terpisah dan tidak menekankan hubungan integratif antara kelima-lima pemeliharaan tersebut. Jurang pengetahuan wujud kerana masih tiada model hotel patuh *Syarīʿah* yang menggabungkan *Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-'Irḍ*, dan *Hifẓ al-Māl* secara menyeluruh serta diaplikasikan dalam konteks pengurusan kontemporari.

Keaslian (*novelty*) kajian ini terletak pada usaha penulis membina Model MaSC-Hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* dengan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menggabungkan triangulasi kaedah (analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method* , dan *Nominal Group Technique*). Pendekatan ini memastikan model yang dihasilkan bukan sahaja sah dari sudut normatif *Syarīʿah*, tetapi turut diuji dari segi keberkesanan praktikal, seterusnya menyumbang perspektif baharu kepada wacana hospitaliti Islam kontemporari.

Tesis ini berpandangan bahawa sekiranya kelima-lima maqasid tidak diintegrasikan, konsep hotel patuh *Syarīʿah* berisiko menjadi label semata-mata tanpa roh sebenar *Syarīʿah*. Banyak amalan baik wujud secara terpencar, namun tanpa kerangka bersepadu ia tidak mampu membentuk piawaian yang diiktiraf. Kesedaran inilah yang mendorong penulis membangunkan model yang benar-benar mengangkat maqasid sebagai prinsip menyeluruh, bukan sekadar memenuhi keperluan minimum piawaian halal, tetapi mampu diaplikasikan secara praktikal dalam konteks sebenar industri perhotelan.

1.3 Penyataan Masalah

Industri hospitaliti Islam di Malaysia menunjukkan perkembangan yang semakin pesat selaras dengan peningkatan permintaan terhadap penginapan yang mematuhi prinsip *Syarīʿah*. Malaysia juga sering diiktiraf sebagai antara destinasi utama pelancongan Muslim dunia berdasarkan laporan Global Muslim Travel Index (GMTI), sekali gus memperlihatkan potensi besar sektor hospitaliti Islam dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi halal negara. Pertumbuhan ini

dipengaruhi oleh peningkatan kesedaran pengguna Muslim terhadap kepentingan gaya hidup halal serta keperluan mendapatkan pengalaman hospitaliti yang selari dengan nilai agama, etika dan kesejahteraan Islam (Battour & Ismail, 2016; Han & Kiatkawsin, 2022). Walau bagaimanapun, di sebalik perkembangan tersebut, industri hotel patuh *Syarīʿah* masih berdepan dengan pelbagai isu berkaitan ketidakseragaman standard, kekeliruan konsep, kelemahan pelaksanaan serta ketiadaan model perkhidmatan yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh dan sistematik.

1.3.1 Keperluan Pembangunan Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia

Permasalahan pertama dalam kajian ini ialah berkaitan keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Walaupun pelbagai garis panduan dan standard berkaitan hospitaliti mesra Muslim telah diperkenalkan seperti MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Malaysian Halal Management System (MHMS), Halal Industry Master Plan (HIMP 2030) dan New Industrial Master Plan (NIMP 2030), pelaksanaannya dalam industri hotel masih belum benar-benar menyeluruh dan konsisten. Kebanyakan garis panduan sedia ada lebih memberi penekanan kepada aspek pematuhan teknikal seperti penyediaan makanan halal, arah kiblat, fasiliti ibadah dan pengurusan kebersihan tanpa menghuraikan secara komprehensif bagaimana prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* perlu diintegrasikan dalam keseluruhan operasi hotel (Nor Azizah Tukiran et al., 2018; Razalli et al., 2023).

Selain itu, penggunaan istilah seperti hotel patuh *Syarīʿah*, *Muslim-friendly hotel*, *halal hotel* dan Islamic hotel secara bertindih telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha hotel, pelanggan dan pihak berkepentingan. Sebahagian pengusaha hotel menggunakan label "patuh *Syarīʿah*" hanya sebagai strategi pemasaran tanpa memenuhi keseluruhan prinsip pematuhan *Syarīʿah* dalam aspek pengurusan organisasi, etika pekerja, hiburan, kewangan dan pengurusan pelanggan (Mohd Hyrul et al., 2017; Shafaei & Mohamed, 2017). Situasi ini menyebabkan pengguna sukar membezakan antara hotel yang benar-benar melaksanakan prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh dengan hotel yang hanya menawarkan kemudahan asas mesra Muslim.

Di samping itu, kajian-kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada aspek pemasaran halal, kepuasan pelanggan dan kemudahan fizikal seperti arah kiblat,

surau dan makanan halal (Henderson, 2010; Samori & Sabtu, 2014). Walaupun aspek tersebut penting, pendekatan tersebut masih belum mencerminkan keseluruhan dimensi pematuhan *Syarīʿah* yang merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta secara menyeluruh. Kajian berkaitan keperluan pembangunan hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* secara sistematik masih terhad, khususnya dalam konteks industri perhotelan Malaysia.

Selain itu, masih terdapat kekurangan kefahaman dalam kalangan pengusaha hotel berkaitan konsep darūriyyāt, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* dalam *Maqāṣid Syarīʿah* (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Kebanyakan pengusaha lebih memberi fokus kepada elemen luaran dan fizikal berbanding aspek pemeliharaan nilai dan kesejahteraan yang lebih luas. Sedangkan *Maqāṣid Syarīʿah* menuntut pelaksanaan yang lebih menyeluruh meliputi aspek akidah, akhlak, keselamatan, integriti pengurusan, kesejahteraan pelanggan dan kelestarian operasi hotel.

Dalam konteks pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), masih terdapat kelemahan dalam penetapan dan pemantauan parameter Maqāṣid Syarīʿah yang berkaitan dengan perlindungan akidah serta identiti Islam dalam operasi hotel yang menggunakan label "patuh Syarīʿah". Sebagai contoh, terdapat hotel yang menyediakan kemudahan mesra Muslim tetapi masih belum mempunyai polisi yang jelas berkaitan hiburan melampau, percampuran bebas tanpa kawalan, kewujudan unsur perlambangan agama (selain Islam), serta penyediaan alat (*tools*) penyembahan dan pelaksanaan ritual agama lain dalam program, promosi atau perkhidmatan rasmi hotel. Isu ini tidak merujuk kepada amalan peribadi atau hak pelanggan bukan Islam, tetapi kepada keselarasan dasar, program dan perkhidmatan rasmi hotel dengan label patuh Syarīʿah yang digunakan. Garis panduan JAKIM berkaitan penglibatan orang Islam dalam perayaan agama lain menjelaskan keperluan mengelakkan penglibatan dalam upacara, simbol dan perbuatan penyembahan yang boleh menjejaskan akidah, manakala MPPHM dan MHMS menyediakan asas kawalan integriti halal serta penghindaran unsur haram dan syubhah dalam skop pensijilan halal (JAKIM, 2015, 2020a, 2020b). Keadaan ini menunjukkan keperluan membangunkan parameter Maqāṣid Syarīʿah yang spesifik, boleh diukur dan menepati realiti industri halal bagi membezakan kemudahan mesra Muslim daripada pematuhan Syarīʿah secara menyeluruh.

Selain itu, perbezaan keperluan antara pelancong Muslim tempatan dan antarabangsa turut mewujudkan cabaran dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Pelancong antarabangsa lebih menitikberatkan kemudahan ibadah dan keyakinan

terhadap status halal, manakala pelancong tempatan lebih menekankan aspek keselesaan, privasi keluarga dan suasana mesra Islam (Stephenson, 2014; Battour et al., 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* memerlukan satu kerangka yang lebih fleksibel tetapi tetap berpaksikan prinsip *Syarīʿah* yang jelas.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kajian lepas, amalan industri dan dasar sedia ada menunjukkan bahawa masih terdapat jurang yang ketara dalam mengenal pasti secara sistematik keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Oleh itu, kajian ini diperlukan bagi mengenal pasti secara lebih jelas keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* agar satu kerangka pembangunan hotel yang lebih sistematik, holistik dan relevan dengan keperluan industri semasa dapat diwujudkan.

1.3.2 Pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dan Pengurusan Hospitaliti Kontemporari

Permasalahan kedua ialah berkaitan ketiadaan model hotel patuh *Syarīʿah* yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dan pengurusan hospitaliti kontemporari secara sistematik dan holistik. Walaupun terdapat beberapa model dan kerangka hotel patuh *Syarīʿah* yang dibangunkan sebelum ini, kebanyakan model tersebut hanya menumpukan kepada aspek pematuhan operasi asas seperti pengasingan fasiliti, makanan halal dan penyediaan ruang ibadah tanpa mengambil kira keseluruhan dimensi pengurusan hotel moden.

Selain itu, model-model sedia ada masih belum mengintegrasikan secara menyeluruh dimensi darūriyyāt, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* dalam pembangunan perkhidmatan hotel. Sedangkan ketiga-tiga dimensi ini penting dalam menentukan keutamaan operasi, kesejahteraan pelanggan dan kelestarian industri. Ketiadaan model yang sistematik menyebabkan amalan hotel patuh *Syarīʿah* masih berselerak dan tidak mempunyai kerangka integratif yang jelas. Ada hotel yang menekankan aspek makanan halal, manakala sebahagian yang lain memberi fokus kepada fasiliti ibadah atau pemasaran mesra Muslim. Tanpa model yang sistematik, usaha-usaha tersebut hanya bersifat terpisah dan tidak mampu membentuk standard industri yang holistik.

Di samping itu, pendekatan hotel patuh *Syarīʿah* yang terlalu menumpukan kepada aspek prosedural menyebabkan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* tidak benar-benar

diterjemahkan dalam operasi hotel. Sebagai contoh, sesetengah hotel mungkin menyediakan makanan halal dan kemudahan ibadah, namun masih tidak menitikberatkan aspek pemeliharaan akhlak pekerja, budaya organisasi Islam, pengurusan kewangan patuh *Syarīʿah*, keselamatan pelanggan dan pengurusan integriti organisasi. Hal ini menunjukkan bahawa pematuhan *Syarīʿah* dalam industri hotel masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu.

Tambahan pula, cabaran kontemporari seperti digitalisasi industri, penggunaan *platform online travel agencies* (OTA), agenda *environmental*, *social and governance* (ESG), perubahan tingkah laku pengguna dan persaingan global menuntut pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih fleksibel dan relevan dengan perkembangan semasa (Hassan & Rahman, 2021; El-Gohary, 2023). Walau bagaimanapun, kebanyakan model terdahulu masih belum mengambil kira integrasi antara prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dan keperluan pengurusan hospitaliti moden seperti transformasi digital, pengurusan data pelanggan, kelestarian operasi, pengurusan risiko dan inovasi teknologi.

Selain itu, industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia juga masih bergantung kepada sistem penarafan antarabangsa seperti *CrescentRating* dan *Salam Standard*. Walaupun sistem tersebut diiktiraf di peringkat global, pendekatan yang digunakan masih lebih bersifat penilaian mesra Muslim dan belum benar-benar berasaskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang dibangunkan mengikut konteks tempatan Malaysia (Mohd Salleh & Othman, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia masih memerlukan satu model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih bersifat tempatan, sistematik dan berteraskan nilai Islam secara menyeluruh.

Tambahan pula, kajian-kajian terdahulu lebih banyak membincangkan elemen hotel patuh *Syarīʿah* secara berasingan dan tidak membentuk satu model integratif yang lengkap. Terdapat kajian yang hanya memfokuskan kepada aspek *halal food*, terdapat juga yang memberi perhatian kepada *Muslim-friendly services*, namun masih kurang kajian yang menggabungkan keseluruhan elemen tersebut dalam satu model berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* dan pengurusan hospitaliti kontemporari secara serentak.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kajian lepas dan amalan industri menunjukkan bahawa masih terdapat jurang yang jelas dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang sistematik, holistik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Oleh itu, kajian ini diperlukan bagi membangunkan Model MaSC-Hotel yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dan pengurusan hospitaliti kontemporari

agar dapat dijadikan panduan yang lebih praktikal dan relevan kepada industri perhotelan Islam di Malaysia.

1.3.3 Kebolehgunaan Model MaSC-Hotel dalam Industri Perhotelan Islam di Malaysia

Permasalahan ketiga ialah berkaitan kebolehgunaan model hotel patuh *Syarīʿah* dalam konteks sebenar industri perhotelan Islam di Malaysia. Kebanyakan model dan kerangka yang dibangunkan sebelum ini lebih bersifat konseptual dan kurang dinilai dari sudut kebolehgunaan, kesesuaian dan keberkesanannya dalam operasi sebenar hotel. Sedangkan industri perhotelan melibatkan pelbagai aspek operasi seperti pengurusan pelanggan, latihan pekerja, pengurusan makanan dan minuman, pensijilan halal, pemantauan operasi, pemasaran dan pengurusan fasiliti secara berterusan.

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa industri hotel patuh *Syarīʿah* masih berdepan dengan cabaran seperti kos pelaksanaan yang tinggi, kekurangan pekerja berkemahiran, tahap kefahaman pekerja terhadap etika kerja Islam serta kekurangan mekanisme pemantauan selepas pensijilan diperoleh (Rahman & Wahab, 2021; Yahaya et al., 2020). Tambahan pula, terdapat hotel yang gagal mengekalkan standard pematuhan *Syarīʿah* secara konsisten selepas memperoleh pensijilan halal. Situasi ini menunjukkan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja memerlukan garis panduan yang jelas, tetapi turut memerlukan model yang benar-benar praktikal dan boleh dilaksanakan dalam operasi harian hotel.

Selain itu, hanya sebahagian kecil hotel di Malaysia memperoleh pensijilan halal penuh daripada JAKIM, sekali gus menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih belum menyeluruh dan konsisten. Hal ini boleh menjejaskan keyakinan pelancong Muslim terhadap integriti industri hospitaliti Islam negara. Dalam masa yang sama, pengusaha hotel turut berdepan dengan cabaran kos penyelenggaraan standard halal, latihan pekerja, pemantauan operasi dan pematuhan terhadap perubahan dasar industri halal semasa.

Tambahan pula, tahap penerimaan pengusaha hotel terhadap model baharu juga masih belum dapat dipastikan. Sesetengah pengusaha mungkin menganggap pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh akan meningkatkan kos operasi dan mengehadkan pasaran pelanggan. Oleh itu, sesuatu model yang dibangunkan perlu dinilai oleh pakar industri, pihak berkepentingan dan ahli akademik bagi memastikan

model tersebut benar-benar praktikal, sesuai dan boleh diaplikasikan dalam konteks industri sebenar.

Di samping itu, kebanyakan kajian terdahulu hanya mencadangkan elemen dan ciri hotel patuh *Syarīʿah* tanpa melalui proses penilaian kebolehgunaan secara sistematik menggunakan penglibatan pakar industri dan pihak berkepentingan. Keadaan ini menyebabkan terdapat model yang sukar dilaksanakan kerana tidak mengambil kira realiti operasi sebenar hotel seperti kekangan sumber manusia, kos operasi, keperluan latihan dan penerimaan pelanggan.

Sekiranya model yang dibangunkan tidak diuji dari sudut kebolehgunaan, terdapat risiko model tersebut hanya bersifat teoritikal dan sukar dilaksanakan dalam operasi sebenar hotel. Oleh itu, penilaian terhadap kebolehgunaan Model MaSC-Hotel amat penting bagi memastikan model tersebut bukan sahaja kukuh dari sudut teori *Maqāṣid Syarīʿah*, tetapi juga relevan dengan realiti industri perhotelan Islam di Malaysia.

Secara keseluruhannya, masih terdapat jurang dalam aspek penilaian kebolehgunaan model hotel patuh *Syarīʿah* dalam konteks industri sebenar. Oleh itu, kajian ini diperlukan bagi menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* supaya model yang dibangunkan benar-benar praktikal, sesuai dan mampu diaplikasikan secara menyeluruh dalam industri perhotelan Islam di Malaysia.

Rajah 1.1 di bawah menggambarkan aliran permasalahan utama dalam industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia yang berpunca daripada ketiadaan Model MaSC-Hotel yang komprehensif dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Rajah ini menunjukkan bahawa peningkatan permintaan terhadap hotel patuh *Syarīʿah* tidak disertai dengan pelaksanaan standard yang seragam dan model yang sistematik, sekali gus menimbulkan pelbagai isu dalam industri seperti kekangan pensijilan dan penguatkuasaan standard, penggunaan label "patuh *Syarīʿah*" secara tidak terkawal serta tahap kefahaman pengusaha hotel yang masih rendah terhadap prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih tidak holistik dan belum mampu menzahirkan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel. Oleh itu, rajah ini menegaskan keperluan untuk membangunkan satu Model MaSC-Hotel yang lebih holistik, sistematik dan bersepadu bagi memenuhi keperluan industri perhotelan Islam di Malaysia.



Rajah 1.1 Permasalahan Kajian
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 1.1 menggambarkan aliran permasalahan utama dalam industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia yang berpunca daripada ketiadaan model hotel patuh *Syarīʿah* yang komprehensif dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Rajah ini menunjukkan bahawa peningkatan permintaan terhadap hotel patuh *Syarīʿah* tidak disertai dengan pelaksanaan standard yang seragam, sekali gus menimbulkan pelbagai isu seperti kekangan pensijilan dan penguatkuasaan standard, penggunaan label "patuh *Syarīʿah*" secara tidak terkawal serta tahap kefahaman pengusaha hotel yang masih rendah terhadap prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Rajah ini turut menunjukkan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih tertumpu kepada aspek pematuhan asas seperti makanan halal, surau dan arah kiblat tanpa mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel. Selain itu, cabaran kontemporari seperti digitalisasi industri, kos operasi, kekurangan pekerja berkemahiran dan perubahan tingkah laku pengguna turut memberi kesan terhadap pembangunan industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih tidak holistik dan memberi implikasi terhadap keyakinan pelancong Muslim, konsistensi standard industri serta daya saing Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global. Oleh itu, rajah ini menegaskan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan dan menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang lebih sistematik, praktikal dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* bagi memenuhi keperluan industri perhotelan Islam di Malaysia.

1.4 Objektif

Merujuk kepada permasalahan kajian yang telah dibincangkan, kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia iaitu yang dinamakan dalam tesis ini adalah Model MaSC-Hotel. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengisi jurang penyelidikan dan amalan industri melalui pembentukan model yang bersifat sistematik, holistik serta mampu diaplikasikan dalam konteks sebenar.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menetapkan tiga objektif utama yang disusun mengikut fasa reka bentuk dan pembangunan kajian, iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian kebolehgunaan. Secara terperinci, objektif kajian adalah:

1. Mengenal pasti keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia.
2. Membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dan pengurusan hospitaliti kontemporari.
3. Menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam industri perhotelan di Malaysia

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia seperti yang telah digariskan, persoalan kajian ini dibentuk mengikut tiga fasa utama dalam reka bentuk penyelidikan pembangunan, iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan, serta fasa penilaian kebolehgunaan. Perincian persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.5.1 Fasa I: Analisis Keperluan

Apakah keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?

1. Bagaimanakah usaha-usaha sedia ada dalam industri perhotelan memenuhi keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?
2. Apakah pandangan pakar pelaksana dan pihak berkepentingan terhadap keperluan pembangunan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?

1.5.2 Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan

Bagaimanakah Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dan pengurusan hospitaliti kontemporari dibangunkan?

1. Apakah domain utama yang perlu ada dalam reka bentuk Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan sorotan kajian lepas?
2. Apakah konstruk yang perlu ada dalam setiap domain Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan literatur terdahulu?

3. Apakah domain dan konstruk yang dipersetujui pakar dalam pembentukan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?
4. Bagaimanakah susunan keutamaan domain dalam Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan konsensus pakar?

1.5.3 Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan

Apakah tahap kebolehgunaan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam industri perhotelan di Malaysia?

1. Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian domain utama dalam Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?
2. Apakah pandangan pakar terhadap kesesuaian konstruk yang terkandung dalam setiap domain serta susunan keutamaannya?
3. Apakah pandangan pakar terhadap kebolehgunaan keseluruhan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia?

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks Malaysia. Model ini dirangka sebagai panduan praktikal dan rujukan konseptual kepada pengusaha hotel, agensi kerajaan, serta pihak berkepentingan dalam industri pelancongan Islam. Selain memastikan pematuhan menyeluruh terhadap prinsip *Syarīʿah*, model ini turut menitikberatkan keseimbangan hak dan tanggungjawab antara majikan, pekerja, dan pelanggan, selaras dengan nilai asas *Maqāṣid Syarīʿah*. Bagi memastikan pelaksanaan kajian lebih fokus dan sistematik, skop dan batasan ditetapkan dalam tiga dimensi utama:

1) Aspek Teori

Kajian ini menumpukan perhatian kepada prinsip asas hotel patuh *Syarīʿah* serta model-model sedia ada yang dibincangkan dalam literatur terdahulu. Walaupun pelbagai kerangka telah diperkenalkan di peringkat global (Stephenson, 2014; El-Gohary, 2023), fokus utama diberikan kepada prinsip yang sesuai dengan konteks

tempatan dan boleh diintegrasikan dengan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*. Penekanan khusus diberikan kepada piawaian tempatan MS2610:2015 *Muslim-Friendly Hospitality Services* serta garis panduan antarabangsa seperti *Salam Standard* dan *CrescentRating*, yang masih belum sepenuhnya diterjemahkan ke dalam operasi hotel di Malaysia (Razalli et al., 2023; Hashim et al., 2025).

Batasan kajian ini adalah ia tidak menilai semua model antarabangsa secara mendalam kerana kerangka yang dihasilkan perlu disesuaikan dengan realiti Malaysia. Selain itu, fokus diberi kepada konstruk *darūriyyāt* dalam *Maqāṣid Syarīʿah*, manakala item *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* disentuh sebagai sokongan, bukan sebagai kerangka utama. Hal ini dilakukan kerana kajian ini bertujuan mengukuhkan asas pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta sebagai tonggak utama perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

2) Aspek Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* kerana ia menekankan pembangunan model secara sistematik, berperingkat, dan sahih (Richey & Klein, 2014; Nieveen & Folmer, 2019). Pendekatan DDR dipilih kerana terbukti sesuai dalam penyelidikan pembangunan model pendidikan, pengurusan, dan kajian Islam kontemporari di Malaysia (Saedah Siraj et al., 2020; Jalil & Musa, 2021). Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama:

- Fasa Analisis Keperluan melibatkan analisis dokumen dasar dan temu bual pakar bagi mengenal pasti isu-isu kritikal.
- Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan melibatkan pembentukan konstruk dan domain menggunakan *Fuzzy Delphi Method (FDM)* untuk menilai tahap kesepakatan pakar.
- Fasa Penilaian Kebolehgunaan dilaksanakan dengan *Nominal Group Technique (NGT)* yang membolehkan perbincangan bersemuka untuk menguji kesesuaian, keberkesanan, dan kebolehlaksanaan model dalam konteks sebenar industri.

Batasan metodologi kajian ini ialah pemilihan pakar terhad kepada kumpulan tertentu sahaja (akademik, penggubal dasar, dan pengamal industri) kerana faktor masa dan sumber, sedangkan pelibatan lebih luas mungkin memberi variasi perspektif. Selain itu, kajian ini tidak menggunakan kaedah kuantitatif berskala besar seperti *survey*

nasional kerana keutamaan diberikan kepada kualiti dapatan pakar berbanding kuantiti responden.

3) Aspek Analisis Data

Kaedah analisis data berbeza mengikut fasa *Design and Development Research* (DDR). Dalam Fasa I, data dokumen dan temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan dan tematik (Braun & Clarke, 2006). Dalam Fasa II, data *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dianalisis secara kuantitatif melalui pengiraan *threshold* value ($d \leq 0.2$), peratus kesepakatan ($\geq 75\%$), dan *fuzzy mean* score, sejajar dengan kajian pembangunan model halal dan pendidikan Islam (Mohd Ridhuan et al., 2019; Ridhuan Tony Lim, 2020). Dalam Fasa III, dapatan *Nominal Group Technique* (NGT) dianalisis secara deskriptif dan tematik, yang membolehkan penilaian kolektif tentang kekuatan, kelemahan, dan kebolehgunaan model dalam aplikasi industri sebenar (Delbecq & Van de Ven, 1971; Mack & Sharples, 2009).

Batasan dalam analisis data ialah kajian ini tidak menilai dimensi kuantitatif lain seperti regresi atau *Structural Equation Modeling* (SEM), kerana fokus adalah kepada penjanaan dan penilaian model, bukan pengukuran hubungan pemboleh ubah. Namun begitu, pendekatan triangulasi melalui gabungan FDM dan NGT tetap memperkukuh kebolehpercayaan serta kesahan dapatan kajian (Creswell & Plano Clark, 2018). Model menggunakan NGT, kaedah yang semakin mendapat perhatian dalam kajian pembangunan instrumen dan model di Malaysia (Habibah et al., 2016; Norhayati et al., 2020).

Secara keseluruhan, skop dan batasan kajian ini ditetapkan bagi memastikan penelitian kekal fokus serta sejajar dengan objektif yang digariskan. Dengan menyepadukan aspek teori, metodologi, dan analisis data, diharapkan model yang dihasilkan dapat menyumbang secara signifikan bukan sahaja kepada pembangunan wacana akademik, tetapi juga meningkatkan amalan industri perhotelan Islam di Malaysia agar lebih bersepadu, berdaya saing, dan benar-benar mencerminkan *Maqāṣid Syarīʿah*.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan lanjutan daripada penyelidikan terdahulu yang meneliti aspek pelaksanaan, kriteria, dan cabaran perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Namun,

nilai tambah signifikan kajian ini ialah penghasilan sebuah Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Model ini tidak sekadar memenuhi keperluan pematuhan teknikal, tetapi menekankan prinsip kesejahteraan holistik (*darūriyyāt, Ḥājiyyāt dan Taḥsīniyyāt*) yang menjamin keseimbangan aspek agama, ekonomi, sosial, dan kelestarian alam sekitar (Auda, 2010; al-Raysūnī, 2015; Kamali, 2020). Usaha ini diyakini memperkukuh pembangunan industri hospitaliti Islam, yang bukan sahaja menitikberatkan pematuhan ritual, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat beretika, harmoni, dan inklusif.

Dari sudut sumbangan akademik, kajian ini memperkayakan wacana ilmiah dengan mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* ke dalam pembangunan model perkhidmatan hotel menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang sistematik (Richey & Klein, 2014; Nieveen & Folmer, 2019; Saedah Siraj et al., 2020). Integrasi kaedah analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, dan *Nominal Group Technique (NGT)* menjadikan kajian ini bukan sahaja sahih secara normatif, tetapi juga aplikatif serta diuji kebolehgunaannya dalam konteks sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia (Mohd Nazri et al., 2019; Norhayati et al., 2020; Jalil & Musa, 2021). Hal ini memberikan nilai akademik yang berfungsi secara praktikal, selaras dengan keperluan disiplin kontemporari.

Dari sudut praktikal industri, dapatan kajian ini berpotensi menjadi rujukan utama bagi pengusaha hotel, agensi pelancongan, institusi agama, dan pembuat dasar. Model yang dibangunkan menawarkan garis panduan jelas dalam meningkatkan ketelusan, konsistensi, dan keberkesanan pelaksanaan piawaian hotel patuh *Syarīʿah*. Usaha ini seiring dengan aspirasi Malaysia untuk mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan Islam global (CrescentRating & Mastercard, 2023; Shawaliah, 2025). Pelaksanaan model ini berupaya meningkatkan keyakinan pelanggan Muslim terhadap integriti perkhidmatan, di samping membina persepsi positif dalam kalangan pelancong bukan Muslim terhadap etika dan profesionalisme Islam (Stephenson, 2014; Henderson, 2016; Omar, 2022).

Kajian ini turut memberi impak kepada dasar awam, khususnya dalam memperkukuh ekosistem halal negara. Model ini boleh dijadikan asas penggubalan polisi, program latihan, serta mekanisme pemantauan pematuhan *Syarīʿah* dalam sektor perhotelan, sekali gus menyokong agenda kerajaan melalui Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 yang menekankan pembangunan pelancongan mampan, inklusif, dan mesra *Syarīʿah* (MOTAC, 2020; Razalli et al., 2023). Dengan adanya model ini, kelengkapan

komponen dalam model ini membawa kepada penyelesaian yang menyeluruh bagi mengharmonikan kedua-dua pendekatan *"Muslim-friendly"* dan *"Shariah-compliant"*. Dengan penyusunan item secara sistematik, Model MaSC-Hotel mampu menyepadukan keperluan asas pelancong Muslim serta tuntutan *Syarīʿah*, sekali gus menghasilkan standard perkhidmatan yang lebih jelas, seragam dan berwibawa..

Selain itu, kajian ini memberi sumbangan penting kepada pembangunan insan, khususnya dalam latihan kakitangan hotel agar nilai Islam dapat diterapkan dalam setiap dimensi perkhidmatan pelanggan, pentadbiran dan operasi harian. Model ini berpotensi dijadikan modul latihan profesional, kursus sijil halal hospitaliti, serta silibus pendidikan tinggi dalam bidang pengurusan perhotelan Islam (Rahman & Wahab, 2021; Hashim et al., 2025). Dengan demikian, kapasiti sumber manusia dapat dipertingkat, sekali gus meningkatkan daya saing Malaysia dalam pasaran global.

Dari perspektif antarabangsa, model ini menyumbang kepada pengukuhan identiti Islam dalam sistem perkhidmatan moden dengan menawarkan alternatif berasaskan *Syarīʿah* yang kompetitif tanpa mengabaikan profesionalisme dan keberkesanan ekonomi. Ia juga berpotensi menjadi penanda aras baharu yang menyaingi sistem penarafan global seperti *Salam Standard* dan *CrescentRating*, tetapi dengan identiti tempatan berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah* (Zulkifli & Ahmad, 2022; Hashim, 2025). Hal ini akan memposisikan Malaysia bukan sahaja sebagai pengguna, tetapi pencetus piawaian hospitaliti Islam global.

Akhir sekali, kajian ini relevan dengan matlamat pembangunan mampan (SDG), khususnya Matlamat ke 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi) dan Matlamat ke 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), kerana ia menekankan pembangunan perkhidmatan beretika, mesra alam, serta menjaga kesejahteraan pelanggan, pekerja, dan komuniti (United Nations, 2022; El-Gohary, 2023). Oleh itu, kajian ini bukan sahaja signifikan dalam konteks semasa, tetapi juga strategik untuk masa depan industri hospitaliti Islam dalam menghadapi persaingan global dan memenuhi tuntutan pelanggan yang semakin kompleks (Han & Kiatkawsin, 2022; Rahman & Halim, 2023).

Rajah 1.2 di bawah menggambarkan kepentingan kajian ini terhadap pelbagai aspek, termasuk akademik, industri, dasar negara, pembangunan insan, dan pengukuhan identiti pelancongan Islam di peringkat global. Rajah tersebut menunjukkan aliran kesan yang menghubungkan dapatan kajian dengan manfaat yang boleh diperoleh oleh pihak berkepentingan dalam ekosistem pelancongan Islam di Malaysia.



Rajah 1.2 Kepentingan Kajian
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Pembentukan kerangka konseptual merupakan prosedur sistematik dalam mengumpul maklumat, merumus hubungan antara pemboleh ubah, serta merancang hala tuju kajian (Kerlinger, 2000). Melalui kerangka ini, penyelidikan menjadi lebih berkualiti kerana setiap konstruk disokong oleh asas teori, model, dan penemuan lepas. Sinergi antara item-item tersebut menjadikan penyelidikan lebih berfokus dan berstruktur, sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan (Creswell & Creswell, 2018; Razalli et al., 2023; Hashim et al., 2025).

Dalam konteks kajian ini, tesis ini meneliti secara kritis beberapa asas utama bagi membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Asas yang pertama ialah kriteria hotel patuh *Syarīʿah* yang melibatkan garis panduan nasional, pensijilan halal, piawaian antarabangsa, serta amalan operasi hotel yang selari dengan tuntutan *Syarīʿah* (Nor Azizah Tukiran et al., 2018; Junaidi, 2020; halal.gov.my, 2023). Asas yang kedua ialah model hotel patuh *Syarīʿah* sedia ada yang dibangunkan oleh penyelidik terdahulu, khususnya yang menekankan aspek pemasaran, pengurusan operasi, pengalaman pelanggan, dan kepuasan pengguna (Shafaei & Mohamed, 2017; Battour & Ismail, 2016; Henderson, 2016; Ibrahim & Hamzah, 2021). Asas yang ketiga ialah kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang mengintegrasikan lima prinsip utama iaitu

pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*), sebagai asas penyusunan nilai dalam pengurusan perkhidmatan (Dusuki & Abozaid, 2007; Rahman & Wahab, 2021; Zulkifli & Ahmad, 2022).

Asas yang keempat pula ialah kajian ini turut meneliti produk, garis panduan, dan kerangka kontemporari yang diperkenalkan oleh sarjana Islam sebagai asas membentuk hala tuju pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Kajian Suhailah Abdul Muin (2022), Iqbal et al. (2021), dan Nor 'Azzah Kamri (2020) menegaskan kepentingan integrasi nilai maqasid dalam produk dan polisi perkhidmatan *Syarīʿah*. Penyelidikan terdahulu oleh Samori (2012, 2013, 2014) serta Mohammad Azizol Aziz (2019) pula menunjukkan bahawa tanpa kerangka teoritikal yang kukuh, pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* berisiko menjadi fragmentasi, dengan hanya memenuhi syarat minimum tanpa membawa roh maqasid secara menyeluruh.

Dari sudut piawaian, Malaysia telah memperkenalkan MS 2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements* sebagai penanda aras kebangsaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih belum sepenuhnya menyepadukan maqasid, malah wujud kebergantungan terhadap sistem antarabangsa (Hashim et al., 2025). Antaranya ialah Salam Standard oleh Tripfez Travel yang diiktiraf MOTAC dan ITC, serta CrescentRating Pte. Ltd. yang berpangkalan di Singapura. Kerjasama CrescentRating bersama Mastercard menghasilkan Global Muslim Travel Index (GMTI), yang kini menjadi rujukan global dalam penarafan pelancongan halal (Cuesta-Valiño et al., 2020; Mastercard-CrescentRating, 2023).

Gabungan antara prinsip maqasid, piawaian kebangsaan, model terdahulu, dan sistem antarabangsa ini mempunyai hubungan signifikan dalam menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel. Melalui integrasi tersebut, model yang dibangunkan bukan sahaja menepati konteks tempatan, tetapi juga mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Rajah 1.3 menggambarkan sinergi keseluruhan kerangka teoritikal ini yang menjadi landasan asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia.

Kerangka konseptual kajian ini berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama yang menjadi asas pembentukan Model MaSC-Hotel. Sumber wahyu ini diperincikan melalui sumbangan tokoh klasik dalam disiplin usul fiqh seperti al-Juwaini (1400H), al-Ghazali (t.t.), dan al-Syatibi (t.t.) yang mengasaskan gagasan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pemikiran ini seterusnya diperluas oleh sarjana kontemporari

termasuk al-Zuhaili (1986), Abdul Wahhab Khallaf (1968), al-Yubi (1998), al-Khadimi (1998), dan al-Qaradawi (2008) yang menekankan kepentingan pengaplikasian maqasid dalam konteks sosial, institusi, dan dasar semasa.

Daripada asas maqasid tersebut, lima item utama pemeliharaan iaitu agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*ḥifẓ al-ʿaql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*), dan harta (*ḥifẓ al-māl*) dijadikan teras utama pembangunan model. Item-item ini disusun mengikut hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt*, dan *Taḥsīniyyāt* bagi menentukan keutamaan praktikal dalam pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Pendekatan ini selari dengan pandangan Dusuki dan Abozaid (2007) serta diperkukuh oleh penyelidikan kontemporari yang menekankan maqasid sebagai kerangka konseptual untuk merangka dasar, operasi, dan strategi dalam konteks moden (Auda, 2010; Rahman & Wahab, 2021; Hashim et al., 2025).

Kerangka ini turut menggabungkan polisi kerajaan, piawaian kebangsaan, dan standard antarabangsa yang menjadi penanda aras utama dalam industri hospitaliti Islam. Antaranya ialah MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements yang dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia, serta Salam Standard yang diperkenalkan oleh Tripfez Travel dan diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama Islamic Tourism Centre (ITC). Selain itu, CrescentRating Pte. Ltd. yang berpangkalan di Singapura turut menyediakan sistem penarafan halal-mesra pelancongan global melalui Global Muslim Travel Index (GMTI) (Cuesta-Valiño, Bolifa, & Gálvez-Rodríguez, 2020; Mastercard-CrescentRating, 2023). Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (ITC, 2021) serta pelbagai standard halal mesra Muslim oleh agensi swasta lain turut dijadikan sandaran untuk memastikan keselarasan dengan dasar kebangsaan dan keperluan antarabangsa.

Gabungan antara teori *Maqāṣid Syarīʿah*, sumbangan sarjana klasik dan kontemporari, serta dasar dan piawaian rasmi ini membentuk asas pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Kerangka ini memastikan bahawa model yang dicadangkan bukan sahaja berpaksikan norma agama, tetapi juga selari dengan realiti praktikal industri hospitaliti Islam, kehendak pasaran, dasar kerajaan, serta standard antarabangsa (Stephenson, 2014; Henderson, 2016; Battour & Ismail, 2016; Razalli et al., 2023; Suhailah Abdul Muin, 2022; Zulkifli & Ahmad, 2022).

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini mengintegrasikan dimensi normatif dan praktikal dalam satu landasan konseptual yang menyeluruh. Ia

menegaskan kepentingan keselarasan antara teori (*Maqāṣid Syarīʿah* dan pandangan ulama) dengan praktis (piawaian, dasar, dan garis panduan industri). Pendekatan ini menjamin bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja relevan dan praktikal, tetapi juga mampu menjadi panduan utama dalam memperkukuh identiti dan daya saing industri hospitaliti Islam di Malaysia serta berpotensi diangkat sebagai penanda aras antarabangsa.



Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian
Sumber: Siti Nur Husna (2026).

1.9 Kerangka Teoritikal Kajian

Kajian ini berteraskan pendekatan metodologi Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research (DDR*) sebagaimana diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007; 2014). Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bertujuan membangunkan sesuatu model, kerangka atau instrumen secara sistematik, melalui gabungan proses analisis, reka bentuk, pembangunan dan penilaian. Kaedah DDR membolehkan pembangunan model dilakukan secara berperingkat dengan integrasi data empirikal, pengesahan pakar, serta penilaian keberkesanan dalam konteks sebenar (Nieveen, 2019; Sulaiman, 2020).

Proses pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam kajian ini dirangka melalui tiga fasa utama, iaitu:

1.9.1 Fasa I: Analisis Keperluan

Fasa pertama kajian ini memberi tumpuan kepada analisis keperluan sebagai asas justifikasi dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Proses analisis keperluan amat penting kerana ia menentukan sama ada wujud jurang pengetahuan dan praktis yang perlu ditangani melalui model yang dicadangkan (Nieveen, 2019; Richey & Klein, 2014). Dalam konteks ini, dua kaedah utama digunakan secara triangulasi, iaitu analisis dokumen dan temu bual pakar.

Analisis dokumen dilaksanakan ke atas dasar, piawaian, garis panduan dan polisi rasmi yang berkaitan dengan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Antara dokumen yang dianalisis termasuk MS 2610:2015, *Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements oleh Jabatan Standard Malaysia*, Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan Islam oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC), serta dokumen penarafan antarabangsa seperti Salam Standard dan CrescentRating/Global Muslim Travel Index (GMTI). Analisis ini membolehkan penulis mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan jurang dalam pelaksanaan piawaian sedia ada, selain menilai tahap keseragaman antara standard tempatan dan antarabangsa (Cuesta-Valiño, Bolifa & Gálvez-Rodríguez, 2020; Global Muslim Travel Index, 2023).

Di samping itu, temu bual pakar turut dijalankan bagi mendapatkan perspektif yang lebih mendalam berkaitan isu dan cabaran sebenar di lapangan. Informan terdiri daripada tiga kelompok utama, iaitu ahli akademik dalam bidang pengurusan halal, *Maqāṣid Syarīʿah* dan hospitaliti Islam; pengurus hotel yang terlibat secara langsung dalam operasi perkhidmatan patuh *Syarīʿah*; serta pegawai industri halal daripada agensi kerajaan dan swasta yang mempunyai pengalaman luas dalam pensijilan dan pemantauan piawaian halal. Temu bual ini menggunakan pendekatan separa struktur bagi membolehkan data diperoleh secara fleksibel, kaya dengan hujah, serta berpaksikan pengalaman sebenar informan (Merriam, 2009; Cohen et al., 2007).

Data kualitatif yang diperoleh daripada kedua-dua kaedah ini seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik *(thematic analysis)* untuk mengenal pasti item-item asas yang wajar dijadikan

konstruk dalam pembentukan model (Braun & Clarke, 2006). Proses ini melibatkan beberapa langkah iaitu membaca transkrip secara berulang, melakukan pengekodan terbuka (*open coding*), mengelompokkan kod menjadi kategori, dan seterusnya membentuk tema yang mencerminkan isu-isu kritikal dalam pembangunan model.

Secara keseluruhannya, Fasa I ini berperanan penting dalam memastikan model yang bakal dibangunkan mempunyai asas empirikal yang kukuh berlandaskan dapatan dokumen rasmi serta pengalaman praktikal pakar. Pemerhatian penulis sepanjang fasa ini juga mendapati bahawa banyak item yang telah wujud dalam dokumen rasmi masih tidak diaplikasikan secara konsisten di peringkat industri. Pandangan pakar pula menegaskan perlunya sebuah model integratif berasaskan maqasid yang lebih sistematik, praktikal dan menyeluruh agar mampu menjawab cabaran sebenar dalam industri perhotelan Islam.

1.9.2 Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Model

Maklumat yang diperoleh daripada Fasa I dijadikan asas untuk membentuk prototaip awal Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Dalam fasa ini, penekanan diberikan kepada proses penyaringan, pengesahan, dan pengukuhan konstruk serta domain model agar benar-benar menepati keperluan industri dan selaras dengan prinsip *Syarīʿah*. Bagi tujuan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, iaitu gabungan kaedah Delphi konvensional dengan logik kabur (*fuzzy logic*). Kaedah ini dipilih kerana ia berupaya menangani unsur subjektiviti dan ketidakpastian dalam penilaian pakar, sekali gus menghasilkan dapatan yang lebih telus, sahih, dan konsisten (Hsu & Sandford, 2007; Cheng & Lin, 2002).

Proses pelaksanaan FDM dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah utama. Pertama, instrumen kaji selidik pakar dibangunkan berdasarkan konstruk dan item yang diperoleh daripada analisis dokumen serta temu bual dalam Fasa I. Soal selidik ini menggunakan skala *Likert* tujuh mata yang kemudiannya ditukar kepada nombor kabur segitiga (*Triangular Fuzzy Numbers*) untuk tujuan analisis. Kedua, data penilaian pakar yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel FDM (Mohd Ridhuan et al., 2014), yang mengira tiga nilai utama kabur iaitu m_1 (minimum), m_2 (sederhana), dan m_3 (maksimum). Nilai ini seterusnya digunakan untuk menilai tahap kesepakatan dalam kalangan pakar.

Bagi memastikan hanya item signifikan dikekalkan, tiga kriteria utama diaplikasikan: (i) nilai *threshold* (d) ≤ 0.2, yang menunjukkan tahap kesepakatan tinggi; (ii) tahap persetujuan pakar ≥ 75%, yang mencerminkan konsensus majoriti; dan (iii) skor purata kabur (*fuzzy mean*) melebihi nilai min (*α-cut* ≥ 0.5), yang menandakan kekuatan persepsi kukuh daripada pakar (Chu & Wang, 2008; Bodjanova, 2006). Item yang memenuhi semua syarat ini dikekalkan, manakala item lain sama ada digugurkan atau diteliti semula berdasarkan cadangan pakar.

Melalui kaedah ini, penulis bukan sahaja memperoleh konsensus ilmiah yang sah, tetapi juga dapat menyusun semula item mengikut keutamaan melalui proses *defuzzification* dan *ranking*. Item dengan *ranking* tertinggi dianggap paling signifikan untuk dimasukkan dalam model, manakala item dengan *ranking* rendah dipertimbangkan semula atau digugurkan. Proses ini memastikan konstruk dan domain model benar-benar relevan, praktikal, dan berpaksikan data empirikal, bukan semata-mata berasaskan andaian teoritikal.

Pemerhatian penulis sepanjang Fasa II menunjukkan bahawa penggunaan FDM amat berkesan kerana ia menggabungkan penilaian kuantitatif dengan pertimbangan kualitatif pakar. Sebagai contoh, terdapat item yang secara statistik memenuhi kriteria FDM tetapi dibincangkan semula kerana memerlukan penilaian tambahan daripada sudut maqasid. Hal ini membuktikan bahawa FDM bukan sekadar mekanisme matematik, tetapi juga sebuah proses interaktif yang membantu penulis menilai kesesuaian item dalam konteks sebenar industri (Habibah et al., 2016; Mohd Nazri et al., 2014).

Secara keseluruhannya, Fasa II ini menjadi teras pembangunan model kerana ia memastikan konstruk dan domain yang dipilih bukan sahaja sah secara metodologi, tetapi juga relevan dengan realiti industri hospitaliti Islam di Malaysia. Dengan menggabungkan prinsip maqasid, pandangan pakar, serta analisis sistematik, prototaip awal model yang dihasilkan dalam fasa ini lebih kukuh, berdaya guna, serta bersedia untuk diuji pada Fasa III iaitu penilaian kebolehgunaan.

1.9.3 Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan

Fasa terakhir dalam kerangka *Design and Development Research (DDR)* memberi tumpuan kepada penilaian kebolehgunaan (usability evaluation) terhadap model yang telah dibangunkan. Tujuan utama fasa ini adalah untuk memastikan Model

MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* benar-benar sesuai, praktikal, serta boleh diaplikasikan dalam konteks sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia. Menurut Richey dan Klein (2014), penilaian merupakan komponen kritikal dalam DDR kerana ia bukan sahaja mengesahkan kebolehgunaan model, tetapi juga menambah baik reka bentuk berdasarkan maklum balas pengguna sasaran.

Bagi melaksanakan penilaian ini, kajian menggunakan kaedah *Nominal Group Technique (NGT)* yang diubah suai. Kaedah NGT dipilih kerana ia berupaya menggabungkan penilaian kuantitatif dengan perbincangan reflektif kualitatif dalam satu sesi berstruktur. Menurut Van de Ven dan Delbecq (1971), NGT sangat sesuai dalam penyelidikan pembangunan model kerana ia membolehkan konsensus dicapai secara interaktif melalui penjanaan idea, perkongsian pendapat, perbincangan terarah, dan pengundian sistematik. Dalam kajian ini, NGT dilaksanakan melalui bengkel penilaian dalam talian menggunakan platform mesyuarat maya, dengan melibatkan pakar daripada pelbagai latar belakang akademik, industri, dan agensi berautoriti.

Proses penilaian dimulakan dengan pembentangan menyeluruh oleh penulis mengenai kerangka model, Domain Utama, domain dan item yang terkandung di dalamnya. Seterusnya, setiap pakar diberikan Borang Soal Selidik Penilaian Kebolehgunaan yang disusun berdasarkan tiga dimensi utama kebolehgunaan, iaitu keberkesanan (*effectiveness*), kecekapan (*efficiency*), dan kepuasan pengguna (*user satisfaction*) sebagaimana disarankan oleh Mack dan Sharples (2009). Penilaian ini menggunakan skala *Likert* tujuh mata, yang membolehkan skor kuantitatif diperoleh dan ditafsir secara deskriptif bagi menentukan tahap penerimaan pakar terhadap model.

Selain penilaian kuantitatif, kaedah NGT memberi ruang kepada pakar untuk menyampaikan pandangan kualitatif melalui sesi perbincangan reflektif. Maklum balas ini sangat penting kerana ia mendedahkan isu-isu praktikal yang mungkin tidak terakam dalam soal selidik, seperti kos pelaksanaan, cabaran latihan kakitangan, penerimaan pelanggan bukan Muslim, serta implikasi dasar kerajaan. Data ini seterusnya dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti cadangan penambahbaikan yang boleh mengukuhkan model daripada aspek keberkesanan, fleksibiliti, dan kesesuaian konteks industri hospitaliti Islam (Habibah et al., 2016; Goodman et al., 2020).

Pemerhatian penulis sepanjang pelaksanaan bengkel NGT menunjukkan bahawa kaedah ini bukan sahaja berkesan dalam mencapai konsensus, tetapi turut mencungkil dimensi baharu yang tidak dijangka. Sebagai contoh, meskipun skor kuantitatif menunjukkan tahap persetujuan tinggi terhadap item teknikal model,

perbincangan kualitatif menekankan kepentingan integrasi transformasi digital, kelestarian (*sustainability*), serta pematuhan terhadap prinsip *Environmental, Social and Governance (ESG)* dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Hal ini membuktikan bahawa penilaian kebolehgunaan tidak boleh hanya bergantung kepada angka semata-mata, tetapi perlu menilai realiti operasi dan cabaran lapangan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Fasa III memastikan bahawa model yang dihasilkan melalui DDR mempunyai asas kebolehgunaan yang mantap, berlandaskan gabungan dapatan kuantitatif dan kualitatif, serta disahkan secara langsung oleh pakar. Hasil penilaian ini bukan sahaja memperkukuh kesahihan model, tetapi juga meningkatkan nilai praktikalnya sebagai rujukan industri. Dengan demikian, model ini diyakini mampu memberikan sumbangan signifikan dari segi teori (memperkaya literatur hospitaliti Islam berasaskan maqasid), praktikal (sebagai panduan pengusaha hotel dan agensi pelancongan), serta dasar (menyokong agenda pelancongan Islam negara dan Dasar Pelancongan Negara 2020–2030).

Rajah 1.5 di bawah memperincikan tiga fasa utama DDR yang diaplikasikan dalam kajian ini, iaitu Fasa I (Analisis Keperluan), Fasa II (Reka Bentuk dan Pembangunan), dan Fasa III (Penilaian Kebolehgunaan).



Rajah 1.4 Fasa Kajian Pembangunan Model MaSC-Hotel yang Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia
Sumber: Siti Nur Husna (2026).

Perincian lanjut mengenai asas teori dan model yang menjadi sandaran kepada pembangunan model ini akan dihuraikan secara mendalam dalam Bab II (Sorotan Literatur), manakala aspek metodologi penyelidikan diperincikan dalam Bab III. Secara ringkas, kerangka konseptual kajian yang menggabungkan item teoritikal dan metodologi ditunjukkan dalam Rajah 1.5. Kerangka ini dibangunkan bagi menjelaskan item utama daripada teori dan model sedia ada, serta menunjukkan hubungan langsung

antara setiap fasa kajian. Ia turut memperlihatkan kesinambungan antara komponen yang saling berkaitan dalam membentuk model akhir. Melalui pendekatan ini, penulis menekankan bagaimana teori *Maqāṣid Syarīʿah*, garis panduan rasmi, piawaian antarabangsa, serta kaedah analisis saintifik bergabung untuk menghasilkan Model MaSC-Hotel yang kukuh, relevan, dan praktikal.

Dalam membangunkan model ini, penulis mengaplikasikan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* oleh Richey dan Klein (2007; 2014). DDR dipilih kerana ia merupakan pendekatan penyelidikan yang sistematik, merangkumi proses analisis, reka bentuk, pembangunan, dan penilaian. Kajian ini telah mengubah suai kerangka DDR tersebut kepada tiga fasa utama. Fasa pertama ialah Analisis Keperluan, yang berfokus kepada pengenalpastian jurang serta keperluan pembangunan model melalui analisis dokumen rasmi, piawaian hotel patuh *Syarīʿah*, dan temu bual bersama pakar akademik, pengurus hotel, serta pegawai industri halal. Fasa kedua ialah Reka Bentuk dan Pembangunan, yang memberi tumpuan kepada pembinaan prototaip awal model serta pengujiannya menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)* untuk mencapai konsensus pakar. Fasa ketiga ialah Penilaian Kebolehgunaan, yang melibatkan proses penilaian kesesuaian dan keberkesanan model melalui *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dengan melibatkan bengkel interaktif bersama pakar pelbagai latar belakang.

Dari sudut kandungan, penulis memberi tumpuan kepada item-item utama yang membentuk kriteria hotel patuh *Syarīʿah*. Antaranya termasuk penyediaan makanan halal dan sistem penarafan (Noriah Ramli, 2011; Wan Sahida Wan Zulkifli et al., 2011; Noor Fiteriah Abdullah et al., 2014; Mevlüt Akyol et al., 2014; Battour et al., 2015; Iqbal et al., 2021; Ahmad Qayyumshah et al., 2022), konsep hotel mesra Muslim, panduan operasi, serta integrasi prinsip *Syarīʿah* dalam pengurusan hotel (Shafaei & Mohamed, 2017; Stephenson, 2014). Selain itu, perhatian turut diberikan kepada aspek transaksi kewangan patuh *Syarīʿah*, pemandu pelancong, pakej pelancongan Islam, dan perkhidmatan pengangkutan mesra Muslim seperti syarikat penerbangan (Zulkifli et al., 2011; Henderson, 2016; Global Muslim Travel Index, 2023).

Kerangka konseptual dalam Rajah 1.5 menunjukkan dengan jelas ketiga-tiga fasa utama DDR yang diaplikasikan. Fasa I memberi tumpuan kepada analisis dokumen dan temu bual pakar, Fasa II melibatkan pembangunan model berasaskan FDM, dan Fasa III menilai kebolehgunaan model menggunakan pendekatan NGT. Keseluruhan kerangka ini menegaskan bahawa proses pembangunan model dilakukan secara

berperingkat, sistematik, dan saintifik, serta mendapat pengesahan daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual kajian ini berfungsi sebagai panduan yang sistematik untuk memastikan pembangunan Model MaSC-Hotel benar-benar menepati prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Dengan demikian, model ini diyakini dapat menjamin keseimbangan antara kepentingan agama, keperluan komersial, dan kelestarian industri pelancongan Islam di Malaysia, sekali gus memperkukuh daya saing negara sebagai destinasi pelancongan Islam bertaraf global.

Jadual 1.3
Kerangka Kerja Penyelidikan Mengikut Fasa DDR

Fasa	**Bab**	**Metodologi**	**Alat Analisis**	**Hasil Dapatan**
Fasa 1	Bab II – Analisis Keperluan	– Analisis dokumen – Sorotan literatur – Temu bual awal pakar (jika ada) – Penentuan konstruk asas model	Nvivo Template	– -Kenal pasti jurang ilmu – -Tahap keperluan dikenal pasti – -Kriteria awal item *Maqāṣid Syarīʿah* dalam hotel – -Pembentukan draf awal Model MaSC-Hotel
Fasa 2	Bab III – Reka Bentuk & Pembangunan	– FDM (*Fuzzy Delphi Method*) – Analisis TFN, *threshold* (d ≤ 0.2), Amax	*Fuzzy Delphi* Template	– Senarai item dimuktamadkan – Konsensus pakar dicapai – Model MaSC-Hotel
Fasa 3	Bab IV/V – Penilaian & Validasi	– NGT (*Nominal Group Technique*) – Semakan pakar (expert review) – Analisis kesahan kandungan (CVI)- Penilaian kebolehgunaan model	NGT Template	– Model MaSC-Hotel versi akhir (Final Model) – Penilaian kekuatan dan kesesuaian model dalam industri

Sumber: Siti Nur Husna (2026).

Jadual 1.3 tersebut menunjukkan struktur teratur bagi pelaksanaan penyelidikan berdasarkan tiga fasa utama DDR, bermula dengan Fasa 1 yang memfokuskan kepada

analisis keperluan. Fasa ini melibatkan analisis dokumen, sorotan literatur dan temu bual awal pakar bagi mengenal pasti jurang ilmu serta keperluan sebenar pembangunan Model MaSC-Hotel. Penggunaan NVivo Template sebagai alat analisis menunjukkan pendekatan kualitatif yang sistematik, manakala hasil dapatan memberi asas kukuh melalui penentuan konstruk awal serta pembentukan draf awal model yang akan dibangunkan.

Fasa 2 pula memfokuskan kepada proses reka bentuk dan pembangunan model melalui kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Dalam fasa ini, analisis nilai *Triangular Fuzzy Number* (TFN), *threshold* $d \leq 0.2$, dan nilai Amax digunakan untuk mencapai konsensus pakar terhadap item-item model yang dicadangkan. Penggunaan *Fuzzy Delphi* Template memudahkan penyelidik mentafsir keputusan secara objektif. Hasil dapatan fasa ini menghasilkan senarai item muktamad dan mengesahkan struktur awal model MaSC-Hotel, yang menjadi asas versi 1.0 model tersebut. Proses ini juga memastikan model yang dibangunkan benar-benar relevan dengan konteks industri dan pandangan pakar.

Fasa 3 menumpukan kepada penilaian dan validasi model bagi memastikan kesahihan serta kebolehgunaannya dalam konteks sebenar industri hospitaliti Islam. Melalui kaedah NGT, semakan pakar (*expert review*), analisis kesahan kandungan (CVI), dan penilaian kebolehgunaan, fasa ini memperkukuh ketepatan model sebelum dimuktamadkan sebagai Model MaSC-Hotel versi akhir. Penggunaan NGT Template menjadikan proses validasi ini lebih sistematik dan bukti empirikal yang diperoleh membantu menilai kekuatan serta kesesuaian model untuk diaplikasikan dalam industri. Secara keseluruhannya, jadual tersebut menunjukkan aliran penyelidikan yang berstruktur, bermula daripada pengumpulan maklumat asas sehinggalah kepada pembangunan dan pemuktamadan model berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

1.10 Definisi Operasi Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada tiga komponen utama yang membentuk asas pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Ketiga-tiga komponen ini dihuraikan melalui definisi operasi yang menerangkan fungsi, skop, dan peranan masing-masing dalam membentuk keseluruhan struktur model tersebut. Definisi operasi ini turut membantu menjelaskan bagaimana setiap komponen dianalisis, dibangunkan, dan disepadukan dalam kajian.

1.10.1 Pembangunan Model

Dalam konteks kajian ini, model ditakrifkan sebagai suatu kerangka konseptual yang diterjemahkan dalam bentuk grafik atau visual, berfungsi sebagai panduan sistematik untuk memahami proses, struktur, serta hubungan antara item-item yang terlibat dalam sesuatu sistem (Tracey et al., 2006; Normand et al., 2008; Yusof et al., 2021). Pembangunan model bertujuan untuk menggabungkan dapatan empirikal, pandangan pakar, dan asas teoritikal ke dalam suatu rangka kerja yang mudah difahami, jelas, serta boleh diaplikasikan secara praktikal dalam industri perhotelan Islam di Malaysia.

Secara khusus, pembangunan model dalam kajian ini ditakrifkan sebagai proses penyusunan kerangka kerja yang terdiri daripada komponen serta item utama perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, yang dipilih, ditapis, dan disahkan oleh pakar dalam bidang hospitaliti Islam, halal, serta *Maqāṣid Syarīʿah*. Kesahan item tersebut diperoleh melalui aplikasi kaedah saintifik seperti *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan *Nominal Group Technique (NGT)*, yang memastikan hanya item yang signifikan, relevan, serta mendapat konsensus pakar dimasukkan dalam model (Hsu & Sandford, 2007; Mohd Ridhuan et al., 2014). Dengan demikian, model ini tidak hanya bersifat teoritikal, tetapi juga mempunyai asas praktikal yang kukuh untuk diaplikasikan oleh pengusaha hotel dalam konteks sebenar industri.

Menurut O'Neill (2010), pembangunan sesebuah model boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu model proses dan model produk. Model proses menekankan aliran aktiviti yang melibatkan pelaksanaan serta kesannya terhadap individu atau kumpulan sasaran, manakala model produk memberi fokus kepada penghasilan panduan dan perancangan bagi mencapai hasil tertentu. Dalam kajian ini, model yang dibangunkan lebih dekat dengan konsep model produk kerana ia bertujuan menjadi rujukan praktikal kepada pengusaha hotel dalam merancang, melaksanakan, dan menilai perkhidmatan patuh *Syarīʿah*. Walau bagaimanapun, model ini turut mengandungi ciri model proses kerana ia dibangunkan melalui fasa analisis, pembangunan, dan penilaian sebagaimana digariskan dalam pendekatan DDR (Richey & Klein, 2014).

Dari sudut aplikasi, model ini mempunyai beberapa fungsi utama. Pertama, ia berperanan sebagai rujukan kepada pengusaha hotel dalam menaik taraf perkhidmatan agar selari dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Kedua, ia bermanfaat kepada penggubal

dasar, pihak berautoriti, serta agensi pensijilan kerana menyediakan kerangka seragam untuk dijadikan asas standardisasi dan pemantauan berterusan. Ketiga, ia boleh dijadikan modul latihan industri atau kursus akademik dalam bidang pengurusan hospitaliti Islam, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kapasiti sumber manusia dalam industri (Abdullah & Jamal, 2022; Khalid et al., 2023).

Tambahan pula, pembangunan model ini memberi penekanan terhadap integrasi antara nilai agama, etika profesional, dan keperluan pasaran global. Dengan berpaksikan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Dusuki & Abozaid, 2007; Auda, 2010), model ini diharap dapat memastikan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya berfungsi sebagai label komersial, tetapi benar-benar mencerminkan prinsip *raḥmatan li-l-ʿālamīn* dalam perkhidmatan hospitaliti.

Secara keseluruhannya, definisi operasi bagi pembangunan model dalam kajian ini merujuk kepada suatu kerangka produk yang bukan sahaja memberi nilai tambah kepada amalan industri, tetapi turut memperkukuh literatur akademik serta dasar pelancongan Islam negara. Model ini diharapkan dapat berfungsi sebagai rujukan utama yang seragam, aplikatif, serta mudah diadaptasi oleh semua pihak berkepentingan dalam sektor perhotelan Islam, sekali gus menyokong aspirasi Malaysia sebagai peneraju pelancongan Islam global.

1.10.2 Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah*

Perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* merangkumi pelbagai aspek penting dalam penyediaan penginapan dan hospitaliti, yang melibatkan bukan sahaja kemudahan fizikal, tetapi juga kualiti layanan, etika, serta nilai spiritual. Kedua-dua aspek ini saling melengkapi dalam membentuk persepsi pelanggan, meningkatkan keyakinan, dan mewujudkan kepuasan pengguna terhadap institusi perhotelan Islam (Norhayati et al., 2019). Dalam konteks umum, perkhidmatan berkualiti didefinisikan sebagai keupayaan organisasi memenuhi atau melebihi jangkaan pelanggan dengan menutup jurang antara persepsi dan harapan pengguna (Nitecki et al., 2000). Namun, dari perspektif Islam, takrifan ini diperluaskan kepada aspek kerohanian, akhlak, dan *Maqāṣid Syarīʿah*. Perkhidmatan berkualiti dalam Islam menuntut prinsip ikhlas kerana Allah, pelaksanaan tugasan berasaskan konsep ihsan, serta penghayatan akhlak Rasulullah SAW sebagai model utama dalam memberikan layanan kepada tetamu. Hal ini bertepatan dengan

konsep khidmah dalam Islam yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga mencakupi aspek amanah, muhasabah diri, dan penambahbaikan berterusan (Suhailah et al., 2022; Wan Liz Ozman, 1996). Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh hanya difahami sebagai entiti komersial yang menyediakan perkhidmatan, tetapi harus dilihat sebagai satu sistem yang mengintegrasikan nilai Islam dalam keseluruhan operasinya, termasuk pengurusan organisasi, polisi pekerja, operasi harian, kewangan, serta interaksi dengan pelanggan.

Kajian terdahulu mendefinisikan hotel patuh *Syarīʿah* sebagai institusi penginapan yang mengamalkan prinsip Islam secara menyeluruh dalam pengurusan dan perkhidmatan (Munirah Mustaffa et al., 2021; Wan Sahida et al., 2012; Hesham et al., 2014). Antara ciri utama yang sering ditekankan termasuk penyediaan makanan dan minuman halal, kemudahan ibadah seperti surau dan arah kiblat, pengasingan bilik bagi tetamu bukan mahram, larangan terhadap pasangan bukan suami isteri dan LGBT untuk berkongsi bilik, ketiadaan alkohol serta hiburan tidak bermoral, pengurusan kewangan yang bebas daripada riba dan gharar, serta pelaksanaan tanggungjawab sosial seperti zakat korporat dan sumbangan kebajikan (Zakiah, 2013; Battour et al., 2010). Walau bagaimanapun, literatur menunjukkan masih terdapat perbezaan dalam interpretasi kriteria hotel patuh *Syarīʿah*. Ada pengusaha beranggapan bahawa dengan hanya tidak menyediakan minuman keras sudah memadai untuk dikategorikan sebagai hotel patuh *Syarīʿah* (Fadil, 2011), manakala ada pandangan lain yang menegaskan perlunya pendekatan menyeluruh termasuk pemisahan dapur halal dan tidak halal, penguatkuasaan polisi berpakaian menutup aurat bagi kakitangan, serta pelaksanaan latihan etika Islam dalam kalangan pekerja (Shafaei & Mohamed, 2017; Battour & Ismail, 2016). Perbezaan tafsiran ini menimbulkan kekeliruan dalam industri, sekali gus menimbulkan persoalan tentang integriti label "patuh *Syarīʿah*" di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan membangunkan Model MaSC-Hotel yang bersifat sistematik, komprehensif, dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Model yang dicadangkan bukan sahaja menekankan aspek teknikal seperti penyediaan makanan halal dan fasiliti ibadah, tetapi juga mengintegrasikan dimensi maqasid yang merangkumi *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt*, dan *Taḥsīniyyāt* dalam setiap item perkhidmatan. Dengan pendekatan ini, pengusaha hotel dapat menetapkan keutamaan dengan lebih jelas dalam merangka transformasi perkhidmatan mereka.

Secara keseluruhannya, definisi operasi perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* dalam kajian ini merujuk kepada sistem pengurusan dan operasi hotel yang bersepadu dengan nilai Islam, berpaksikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, disokong oleh piawaian kebangsaan seperti MS 2610:2015, serta standard antarabangsa seperti Salam Standard dan CrescentRating. Definisi ini menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* mesti memenuhi tuntutan agama dan teknikal secara menyeluruh, serta berfungsi sebagai rujukan praktikal yang mampu menjawab keperluan pelancong Muslim kontemporari yang semakin menuntut perkhidmatan berkualiti, beretika, dan selari dengan prinsip *Syarīʿah*.

1.10.3 *Maqāṣid Syarīʿah*

Perkataan maqasid merupakan bentuk jamak kepada maqsad, yang berasal daripada kata kerja Arab *qaṣada*, membawa maksud "menuju" atau "menghala" ke suatu tempat (al-Qazwini, 1986). Ibn Manzur dalam Lisan al-'Arab menjelaskan bahawa al-Qasdu merujuk kepada jalan lurus yang tidak berlekuk, serta berada di pertengahan antara sikap berlebihan dan kedekut (Ibn Manzur, n.d.). Dari segi bahasa, maqsad merujuk kepada kehendak atau tujuan, manakala maqasid pula membawa maksud matlamat atau objektif yang menjadi tempat berhimpunnya niat (al-Badawi, 2000; Abu 'Amar, 2003; al-Fayumi, 2008).

Dari sudut terminologi, *Maqāṣid Syarīʿah* merujuk kepada tujuan, objektif, atau matlamat yang ingin dicapai oleh Syariat Islam dalam menetapkan hukum dan peraturan. Prinsip ini berfungsi untuk membawa kemaslahatan (*jalb al-maslahah*) dan menolak kemudaratan (*dar' al-mafsadah*) dalam kehidupan manusia (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Mahmood Zuhdi (2014) menegaskan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* ialah objektif asas yang menjadi kerangka tindakan hidup manusia dengan matlamat utama mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

Para sarjana klasik seperti al-Ghazali (2012) dan al-Syatibi (1997) telah menekankan lima objektif utama *Syarīʿah* iaitu pemeliharaan agama (*Hifẓ al-Dīn*), pemeliharaan nyawa (*Hifẓ al-Nafs*), pemeliharaan akal (*Hifẓ al-ʿAql*), pemeliharaan keturunan atau maruah (*Ḥifẓ al-'Irḍ*), dan pemeliharaan harta (*Hifẓ al-Māl*). Kelima-lima prinsip ini dianggap sebagai *Ḍarūriyyāt* atau keperluan asasi yang mesti dipelihara bagi menjamin kemaslahatan manusia secara menyeluruh. Pemeliharaan tersebut dilaksanakan melalui dua pendekatan, iaitu janib al-wujud atau aspek positif yang

melibatkan usaha memperkukuh, memelihara dan membangunkan nilai-nilai tersebut, serta janib al-'adam atau aspek negatif yang berfungsi mencegah sebarang bentuk kerosakan atau ancaman terhadap nilai tersebut (al-Qahtani, 2010; al-Syatibi, 1997).

Selain lima objektif utama ini, sarjana kontemporari seperti al-Qaradawi (2008), al-Zuhaili (1986), dan Auda (2010) menekankan bahawa maqasid perlu diaplikasikan dalam konteks moden termasuk sistem sosial, ekonomi, pendidikan, teknologi, dan perkhidmatan awam. Dalam konteks industri hospitaliti, aplikasi maqasid semakin relevan apabila dihubungkan dengan cabaran semasa. Misalnya, *Hifẓ al-Dīn* dapat dizahirkan melalui penyediaan ruang ibadah, makanan halal, dan larangan hiburan haram, sementara *Hifẓ al-Nafs* diterjemahkan melalui aspek keselamatan penginapan, kebersihan dan kesihatan pelanggan. *Hifẓ al-ʿAql* pula dapat dipelihara dengan polisi hiburan yang mendidik serta mengelakkan pengaruh negatif, manakala *Ḥifẓ al-'Irḍ* dilindungi melalui polisi bilik yang tegas terhadap pasangan bukan mahram atau aktiviti bercanggah dengan *Syarīʿah*. Akhir sekali, *Hifẓ al-Māl* dipraktikkan melalui pengurusan kewangan Islam yang telus, bebas riba, serta pematuhan terhadap prinsip amanah.

Dalam era digitalisasi dan Revolusi Industri 4.0, *Maqāṣid Syarīʿah* juga perlu dilihat sebagai kerangka yang membimbing penggunaan teknologi secara beretika. Transformasi digital seperti penggunaan aplikasi tempahan hotel, sistem pembayaran tanpa tunai, dan automasi perkhidmatan mestilah dilaksanakan secara telus serta melindungi privasi pelanggan, sekali gus memenuhi prinsip *Hifẓ al-Māl* dan *Hifẓ al-Nafs*. Begitu juga dengan penyebaran maklumat digital, ia menuntut kawalan agar tidak bercanggah dengan prinsip *Hifẓ al-ʿAql* serta tidak mendorong pelanggan kepada hiburan yang merosakkan akhlak.

Selain itu, tuntutan global terhadap kelestarian (*sustainability*) dan amalan *environmental, social, governance (ESG)* turut selari dengan maqasid. Penjagaan alam sekitar dalam operasi hotel menggambarkan tanggungjawab terhadap *Hifẓ al-Nafs* dan *Ḥifẓ al-'Irḍ*, kerana ia berkaitan dengan kelangsungan hidup generasi akan datang. Dari sudut sosial pula, pengurusan pekerja yang adil dan beretika menepati prinsip *Hifẓ al-Dīn* dan *Hifẓ al-ʿAql*, manakala aspek tadbir urus korporat yang telus menyokong prinsip *Hifẓ al-Māl*. Hal ini menunjukkan bahawa maqasid bukan sahaja bersifat normatif, tetapi juga praktikal dalam menyokong agenda pembangunan mampan sejagat.

Di samping itu, *Maqāṣid Syarīʿah* juga memberi panduan dalam menghadapi cabaran pasca pandemik. Aspek keselamatan kesihatan pelanggan, latihan semula pekerja, dan pengurusan krisis kewangan hotel boleh ditafsirkan dalam kerangka *Hifẓ al-Nafs* dan *Hifẓ al-Māl*. Justeru, aplikasi maqasid memberikan fleksibiliti dalam memastikan industri hotel patuh *Syarīʿah* kekal relevan, berdaya tahan, dan bersaing dalam landskap global.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pemboleh ubah utama dalam kajian ini iaitu pembangunan model, perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, dan *Maqāṣid Syarīʿah* saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk satu kerangka konseptual yang kukuh. Pembangunan model bertindak sebagai struktur panduan, perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* menjadi aplikasi praktikal, manakala *Maqāṣid Syarīʿah* pula memastikan setiap item selari dengan objektif *Syarīʿah*. Gabungan ketiga-tiga pemboleh ubah ini bukan sahaja menghasilkan model komprehensif yang aplikatif, tetapi juga mampu menjawab cabaran kontemporari seperti digitalisasi, *sustainability*, *ESG*, dan transformasi organisasi. Dengan itu, model ini berpotensi menjadi rujukan standard bagi industri perhotelan Islam di Malaysia serta memperkukuh kedudukan negara sebagai peneraju pelancongan Islam global. Berikut adalah Jadual 1.3 ringkasan yang merumuskan ketiga-tiga definisi operasi dalam kajian ini.

Jadual 1.4
Rumusan Definisi Operasi Kajian

Komponen	**Definisi Operasi**	**Rujukan**
Pembangunan Model	Merujuk kepada proses sistematik membina kerangka konseptual dalam bentuk grafik/visual yang menjelaskan hubungan antara konstruk dan item hotel patuh *Syarīʿah*. Model ini dibangunkan melalui gabungan proses analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, dan *Nominal Group Technique (NGT)*. Ia bertujuan menjadi panduan praktikal bagi pengusaha hotel dalam membentuk perkhidmatan yang selari dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.	Tracey et al. (2006); Normand et al. (2008); Yusof et al. (2021); Abdullah & Jamal (2022); Khalid et al. (2023)
Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah*	Merangkumi penyediaan kemudahan fizikal dan kualiti perkhidmatan berasaskan prinsip Islam seperti makanan halal, kemudahan ibadah, polisi bilik	Norhayati et al. (2019); Munirah Mustaffa et al. (2021); Wan Sahida et al. (2012); Hesham et al. (2014); Zakiah (2013);

Komponen	Definisi Operasi	Rujukan
	berasaskan *Syarīʿah*, transaksi kewangan bebas riba, serta etika kerja berlandaskan ihsan. Ia bukan sekadar teknikal, tetapi menuntut penerapan nilai spiritual dan akhlak Rasulullah SAW dalam pengurusan serta operasi perhotelan.	Battour et al. (2010); Suhailah et al. (2022)
Maqāṣid Syarīʿah	Prinsip objektif *Syarīʿah* yang bertujuan membawa kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Lima item utama (*Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-'Irḍ*, *Hifẓ al-Māl*) menjadi asas model. Prinsip ini diaplikasikan dalam perkhidmatan hotel untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan, dan kepatuhan pelanggan serta operasi industri perhotelan Islam.	Auda (2010); al-Raysuni (2015); al-Ghazali (2012); al-Syatibi (1997); Mahmood Zuhdi (2014); al-Qahtani (2010)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 1.3 merumuskan tiga pemboleh ubah utama dalam kajian ini iaitu pembangunan model, perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, dan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pembangunan model difahami sebagai proses penyusunan kerangka konseptual yang dapat dijadikan panduan sistematik kepada pengusaha hotel dalam melaksanakan perkhidmatan berlandaskan prinsip Islam. Perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* pula ditakrifkan sebagai keseluruhan aspek pengurusan dan operasi hotel yang menepati piawaian *Syarīʿah* secara menyeluruh, merangkumi penyediaan kemudahan fizikal, pengurusan sumber manusia, polisi operasi, serta etika perkhidmatan. Seterusnya, *Maqāṣid Syarīʿah* berperanan sebagai asas normatif yang memastikan setiap item model berpaksikan kepada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

Secara keseluruhan, jadual ini memperlihatkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut saling melengkapi dan berfungsi sebagai teras konseptual kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Gabungan ini menjadikan model yang dicadangkan lebih komprehensif, praktikal, dan relevan, sekali gus memberi nilai tambah kepada industri hospitaliti Islam serta menyumbang kepada pengukuhan literatur akademik dan dasar pelancongan Islam negara.

Bagi memperjelaskan bagaimana prinsip-prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* diaplikasikan dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, Rajah 1.6 dibina untuk

menggambarkan hubungan antara lima objektif utama *Syarīʿah* dengan item praktikal dalam industri perhotelan Islam. Rajah ini menunjukkan secara visual bagaimana setiap prinsip maqasid diterjemahkan ke dalam bentuk operasi dan polisi hotel, sekaligus memastikan model yang dicadangkan berfungsi sebagai kerangka holistik yang relevan dengan realiti industri.



Rajah 1.5 Aplikasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Model MaSC-Hotel
Sumber: Siti Nur Husna (2026).

Rajah 1.5 memperlihatkan hubungan langsung antara lima prinsip utama *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *Ḥifẓ al-Dīn* (agama), *Ḥifẓ al-Nafs* (nyawa), *Ḥifẓ al-ʿAql* (akal), *Ḥifẓ al-'Irḍ* (keturunan) dan *Ḥifẓ al-Māl* (harta) dengan item praktikal dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*. Setiap prinsip diterjemahkan melalui langkah operasional tertentu yang menjadi asas kepada pelaksanaan perkhidmatan. Sebagai contoh, *Ḥifẓ al-Dīn* diperkukuh melalui penyediaan kemudahan ibadah yang lengkap, makanan dan minuman halal, serta pengawalan hiburan yang selari dengan *Syarīʿah*. *Ḥifẓ al-Nafs* pula dizahirkan melalui penekanan terhadap aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dalam operasi hotel. Dari sudut *Ḥifẓ al-ʿAql*, ia diaplikasikan dengan menyediakan polisi hiburan yang mendidik, latihan pekerja beretika, serta kawalan terhadap item yang boleh merosakkan akal dan moral. Seterusnya, *Ḥifẓ al-'Irḍ* dijamin melalui polisi ketat berkaitan bilik penginapan, larangan aktiviti bercanggah *Syarīʿah*, serta penekanan kepada nilai kekeluargaan. Akhir sekali, *Ḥifẓ al-Māl*

diterapkan melalui pengurusan kewangan Islam yang telus, bebas daripada riba dan gharar, serta sistem transaksi yang berlandaskan prinsip muamalat Islam.

Gabungan ini memperlihatkan bahawa pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja berpaksikan tuntutan agama, tetapi juga memenuhi keperluan pelanggan Muslim secara menyeluruh dan lestari. Rajah ini menegaskan bahawa setiap dimensi operasi hotel boleh dikaitkan secara langsung dengan objektif *Syarīʿah*, sekali gus menjadikan model yang dicadangkan lebih holistik, praktikal, dan relevan dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia serta berdaya saing di peringkat global.

1.11 Rancangan Pengajian

Kajian ini disusun dalam tujuh (7) bab utama yang dirangka secara sistematik bagi memastikan proses pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berjalan secara berstruktur, berfasa, dan berpandukan objektif kajian. Penyusunan ini mencerminkan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menuntut setiap langkah dilaksanakan secara berperingkat, bermula daripada analisis awal sehinggalah kepada penilaian kebolehgunaan model serta rumusan akhir yang menekankan implikasi dan cadangan lanjutan.

Bab pertama berfungsi sebagai pengenalan kajian. Bab ini menghuraikan latar belakang penyelidikan, isu-isu utama yang wujud, serta keperluan mendesak untuk membangunkan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih komprehensif. Penyataan masalah dibentangkan secara terperinci berdasarkan jurang teori, praktis, dan dasar, diikuti dengan objektif dan persoalan kajian. Bab ini turut menjelaskan kerangka teoritikal dan konseptual, definisi operasi pemboleh ubah, skop dan batasan kajian, serta kepentingan penyelidikan.

Bab kedua meneliti perkembangan industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia serta peranan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam memastikan pengoperasian hotel selaras dengan tuntutan Islam. Perbincangan memberi fokus kepada sejarah perkembangan industri, amalan semasa, cabaran pelaksanaan piawaian sedia ada, analisis dokumen serta dasar dan garis panduan seperti MS 2610:2015, *Salam Standard, CrescentRating*, dan garis panduan ITC. Di akhir bab menerangkan kerangka kerja cabaran perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* dan *Muslim friendly* yang menjadi asas kepada kajian fasa I iaitu analisis keperluan.

Bab ketiga memberi tumpuan kepada sorotan literatur yang komprehensif untuk menghasilkan cadangan kerangka kerja Model MaSC-Hotel. Literatur dianalisis daripada jurnal dan buku berkaitan hotel patuh *Syarīʿah* dan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Bab keempat membincangkan metodologi kajian secara menyeluruh. Pendekatan DDR diperincikan dengan memberi fokus kepada tiga fasa utama: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian kebolehgunaan. Perbincangan meliputi prosedur persampelan, instrumen pengumpulan data, kaedah analisis (analisis kandungan, FDM, NGT), isu kesahan, kebolehpercayaan, etika penyelidikan, dan strategi pengukuhan dapatan.

Bab kelima mempersembahkan dapatan kajian mengikut fasa DDR. Dapatan daripada analisis dokumen, temu bual, FDM, dan NGT dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah, dan tema tematik. Bab ini menonjolkan proses saringan item, konsensus pakar, serta penghasilan prototaip model.

Bab keenam membincangkan dapatan kajian secara kritis dengan mengaitkannya kepada teori, literatur terdahulu, dan realiti industri. Bab ini menegaskan sumbangan penemuan baharu, cabaran pelaksanaan, serta potensi model dalam memperkukuh amalan industri dan dasar pelancongan Islam.

Bab Ketujuh merumuskan keseluruhan kajian. Bab ini menggariskan implikasi kajian dari aspek teori, praktikal, dan dasar. Dari sudut teori, ia menyumbang kepada literatur hospitaliti Islam dengan pendekatan maqasid. Dari sudut praktikal, model yang dibangunkan boleh dijadikan panduan operasional oleh pengusaha hotel, agensi kerajaan, dan penyedia latihan. Dari sudut dasar, ia menyokong pembentukan garis panduan pelancongan Islam negara. Akhir sekali, bab ini mengetengahkan cadangan kajian lanjutan yang berpotensi memperluas horizon penyelidikan pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, rancangan pengajian tujuh bab ini memastikan setiap bahagian saling melengkapi, membentuk aliran penyelidikan yang sistematik dan menyeluruh. Rajah 1.7 di bawah menunjukkan aliran struktur kajian daripada pengenalan hingga ke rumusan akhir, yang menjadi panduan jelas dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia.



Rajah 1.6 Rancangan Pengajian
Sumber: Siti Nur Husna (2026).

1.12 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab pertama telah membentangkan asas dan rangka awal kajian yang memberi tumpuan kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Perbincangan dalam bab ini meliputi latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kerangka konseptual, skop dan batasan, kepentingan, definisi operasi serta rancangan pengajian. Bab ini berfungsi

sebagai landasan menyeluruh bagi memahami fokus, arah tuju, dan justifikasi penyelidikan yang sedang dijalankan.

Kajian ini digerakkan oleh keperluan semasa industri hospitaliti Islam yang semakin berkembang pesat, namun masih berdepan kekangan dalam penyediaan perkhidmatan penginapan yang benar-benar menepati prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh (Samori & Rahman, 2022). Meskipun garis panduan seperti MS 2610:2015 di peringkat nasional serta piawaian antarabangsa seperti CrescentRating dan Salam Standard telah diperkenalkan, penilaian awal mendapati pelaksanaannya masih terbatas, khususnya kerana lebih menekankan aspek simbolik berbanding pemeliharaan maqasid secara holistik (Battour et al., 2021; Razalli & Ismail, 2023). Aspek kritikal seperti keselamatan pelanggan, pemeliharaan maruah, keadilan sosial, dan pengurusan kewangan Islam masih kurang diberi penekanan, sedangkan kesemuanya merupakan sebahagian daripada objektif utama *Maqāṣid Syarīʿah* (Auda, 2010; Mohd Nazri et al., 2021).

Kelemahan ini menimbulkan cabaran terhadap integriti konsep "hotel patuh *Syarīʿah*" yang adakalanya digunakan secara longgar oleh pengusaha tanpa pematuhan menyeluruh (Shafaei & Mohamed, 2017; Stephenson, 2020). Kesedaran inilah yang mendorong penyelidik membangunkan model baharu yang lebih komprehensif dengan berpandukan pendekatan *Design and Development Research (DDR)*. Pendekatan ini memberi ruang kepada gabungan analisis dokumen, temu bual pakar, serta kaedah saintifik seperti *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan *Nominal Group Technique (NGT)* bagi memastikan model yang dihasilkan benar-benar sahih, praktikal, dan sesuai dengan realiti industri (Hsu & Sandford, 2007; Habibah et al., 2016; Chu & Wang, 2020).

Sepanjang pengkajian, penyelidik menyedari bahawa pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh lagi dilihat sebagai usaha sampingan atau simbolik, tetapi harus difahami sebagai agenda strategik yang mampu menentukan hala tuju industri hospitaliti Islam di Malaysia dan global (Henderson, 2021). Hasil penelitian piawaian, pandangan pakar, dan kebimbangan pengguna memperkukuh keyakinan bahawa usaha ini bukan sahaja memberi sumbangan akademik, tetapi juga mampu menjadi panduan operasional kepada pengusaha hotel, pembuat dasar, dan masyarakat Islam secara keseluruhan (Battour & Ismail, 2024).

Sebagai penutup, bab pertama ini telah menyediakan asas teori, praktikal, dan justifikasi kajian sebelum perbincangan lebih mendalam diteruskan dalam bab kedua. Bab seterusnya akan menelusuri perkembangan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* di

Malaysia serta menekankan pengaplikasian prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pengurusan perhotelan Islam yang menjadi landasan utama pembangunan model kajian ini.

BAB 2
KONSEP, TEORI DAN KONTEKS HOTEL PATUH SYARIAH BERTERASKAN MAQASID SYARIAH DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Bab Industri perhotelan merupakan antara sektor utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pelancongan negara. Perkembangan sektor ini selari dengan peningkatan jumlah pelancong domestik dan antarabangsa yang menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di rantau Asia Tenggara. Menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), sektor pelancongan telah menyumbang secara signifikan kepada pendapatan negara melalui peningkatan aktiviti pelancongan, penyediaan peluang pekerjaan serta pembangunan infrastruktur berkaitan hospitaliti (MOTAC, 2023). Perkembangan ini secara tidak langsung memperkukuhkan kedudukan industri perhotelan sebagai komponen penting dalam ekosistem pelancongan negara.

Dalam konteks global, Malaysia turut dikenali sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang konsisten berada pada kedudukan teratas dalam laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) oleh Mastercard-CrescentRating sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Mastercard & CrescentRating, 2022). Kedudukan ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai potensi besar untuk menerajui pembangunan industri pelancongan dan hospitaliti Islam di peringkat antarabangsa. Faktor seperti majoriti penduduk Muslim, sistem pensijilan halal yang diiktiraf, kemudahan ibadah yang meluas serta sokongan kerajaan terhadap industri halal menjadi antara kelebihan utama Malaysia dalam memperkukuhkan sektor pelancongan Islam (ITC, 2021; Tourism Malaysia, 2023).

Perkembangan industri pelancongan Islam telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan hotel yang memenuhi keperluan pengguna Muslim. Pelancong Muslim masa kini bukan sahaja menitikberatkan aspek makanan halal, bahkan turut memberi perhatian terhadap penyediaan fasiliti ibadah, privasi, keselamatan, suasana patuh syariah serta persekitaran yang menyokong penghayatan nilai Islam (Battour & Ismail, 2016; Stephenson, 2014). Situasi ini menyebabkan konsep hotel patuh syariah

mula mendapat perhatian dalam kalangan pengusaha hotel dan pihak berkepentingan dalam industri hospitaliti.

Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan bahawa pelaksanaan hotel patuh syariah di Malaysia masih belum mencapai tahap yang benar-benar menyeluruh. Sebahagian hotel hanya menyediakan elemen asas seperti arah kiblat, sejadah dan makanan halal tanpa mengintegrasikan prinsip syariah dalam keseluruhan sistem pengurusan dan operasi hotel (Razalli et al., 2019; Suhailah Abdul Muin, 2022). Keadaan ini menunjukkan bahawa konsep hotel patuh syariah masih dilaksanakan secara parsial dan lebih bersifat simbolik berbanding penerapan nilai syariah secara holistik. Situasi ini turut disebabkan oleh ketiadaan satu standard khusus yang diwajibkan oleh kerajaan bagi mengawal selia pelaksanaan hotel patuh syariah secara komprehensif.

Selain itu, terdapat kekeliruan dalam penggunaan istilah seperti *Muslim-friendly hotel*, Islamic hotel dan *Shariah-compliant hotel* yang sering digunakan tanpa definisi dan garis panduan yang seragam. Kekeliruan ini menyebabkan wujudnya perbezaan dalam tafsiran dan amalan antara pengusaha hotel. Sesetengah hotel hanya menumpukan kepada elemen pemasaran Islamik tanpa memenuhi keperluan syariah yang sebenar, manakala sebahagian lagi cuba melaksanakan konsep patuh syariah secara lebih menyeluruh tetapi berdepan kekangan dari sudut kos, latihan pekerja, kesedaran industri dan penerimaan pelanggan (Samori et al., 2016; Henderson, 2016).

Dalam masa yang sama, cabaran industri hotel patuh syariah juga melibatkan aspek penguatkuasaan dan perlindungan akidah pengguna Muslim. Beberapa isu seperti penggunaan simbol agama lain, kewujudan unsur hiburan bercanggah syariah, percampuran sosial tanpa kawalan serta ketiadaan garis panduan berkaitan pemeliharaan agama menunjukkan bahawa aspek *Hifz al-Din* masih kurang diberi perhatian dalam industri perhotelan. Sedangkan dalam kerangka Maqasid Syariah, pemeliharaan agama merupakan objektif utama yang perlu dipelihara dalam setiap aspek kehidupan termasuk sektor hospitaliti dan pelancongan (al-Ghazali, 2012; al-Syatibi, 1997).

Bagi memperkukuhkan pembangunan industri hospitaliti Islam, kerajaan Malaysia melalui pelbagai agensi seperti MOTAC, Islamic Tourism Centre (ITC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Standard Malaysia telah memperkenalkan beberapa garis panduan dan standard berkaitan hospitaliti mesra Muslim. Antaranya termasuklah MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services

(MFHS), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) serta beberapa inisiatif berkaitan pelancongan Islam (Department of Standards Malaysia, 2015; ITC, 2021). Walaupun garis panduan ini menyediakan asas penting kepada industri, pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan khususnya dari aspek integrasi Maqasid Syariah dan pemeliharaan agama secara lebih menyeluruh.

Justeru, perkembangan industri perhotelan di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu model hotel patuh syariah yang lebih sistematik, komprehensif dan berteraskan Maqasid Syariah. Model ini penting bagi memastikan konsep hotel patuh syariah tidak hanya tertumpu kepada pematuhan teknikal semata-mata, sebaliknya mampu mengintegrasikan aspek pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta secara holistik dalam pengurusan dan operasi hotel.

2.2 Latar Belakang Industri Perhotelan di Malaysia

Industri perhotelan merupakan nadi penting kepada sektor pelancongan Malaysia yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Laporan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menunjukkan sektor pelancongan telah menjana lebih RM86 bilion pada tahun 2019, sebelum pandemik COVID-19 menjejaskan pergerakan global (MOTAC, 2023). Sumbangan ini mengesahkan kedudukan industri perhotelan sebagai antara penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), selain memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan dan merancakkan pembangunan sosioekonomi tempatan.

Kepelbagaian produk pelancongan serta kekayaan warisan budaya telah melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan di rantau Asia Tenggara. Malah, Malaysia sering tersenarai dalam 10 destinasi teratas dunia dari segi ketibaan pelancong antarabangsa, sekali gus menggambarkan tahap kematangan infrastruktur dan daya saing sektor hospitaliti negara (Tourism Malaysia, 2023). Statistik ini bukan sahaja membuktikan keupayaan Malaysia menarik pelancong, tetapi turut mencerminkan permintaan yang semakin meningkat terhadap penginapan yang berkualiti dan berdaya saing.

Dalam konteks global, Malaysia diiktiraf sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim terkemuka. *Global Muslim Travel Index* (GMTI) menempatkan Malaysia di kedudukan pertama selama beberapa tahun berturut-turut, termasuk pada tahun 2022 (Mastercard & CrescentRating, 2022). Kedudukan ini membuktikan bahawa Malaysia bukan sahaja berjaya memenuhi keperluan asas pelancong Muslim seperti makanan halal dan fasiliti ibadah, tetapi juga mempunyai potensi besar untuk memperkukuh konsep hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih komprehensif.

Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan mesra Muslim di Malaysia masih bersifat parsial. Kajian oleh *Islamic Tourism Centre* (ITC, 2021) mendapati sebahagian besar hotel hanya menekankan aspek asas seperti penyediaan makanan halal atau arah kiblat, tetapi belum mengintegrasikan prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam keseluruhan operasi. Keadaan ini menimbulkan cabaran standardisasi yang serius kerana tanpa kerangka model yang komprehensif, pelaksanaan patuh *Syarīʿah* berisiko sekadar kosmetik atau simbolik.

Bagi mengatasi cabaran ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Penubuhan ITC pada tahun 2009 merupakan langkah strategik memperkukuh sektor hospitaliti Islam, diikuti dengan pengenalan piawaian MS 2610:2015 *Muslim-Friendly Hospitality Services* (MFHS) oleh Jabatan Standard Malaysia (Department of Standards Malaysia, 2015). Piawaian ini bertujuan memberi garis panduan kepada pengusaha hotel dalam aspek pengurusan, fasiliti, dan latihan pekerja. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelaksanaannya masih memerlukan pemantauan berterusan serta komitmen kukuh daripada pihak industri bagi memastikan nilai Islam benar-benar dizahirkan dalam operasi harian.

Selain isu standardisasi, daya saing industri perhotelan Malaysia juga bergantung kepada keupayaan menyesuaikan diri dengan kehendak pelancong moden. Trend semasa memperlihatkan peningkatan permintaan terhadap konsep sustainable tourism dan digital hospitality yang menekankan kelestarian alam sekitar, penggunaan teknologi pintar, serta pengalaman pelanggan yang diperibadikan (UNWTO, 2022; UNWTO, 2024). Dalam konteks ini, integrasi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan item kelestarian dan digitalisasi dapat melahirkan keunikan baharu bagi industri perhotelan Islam di Malaysia.

Tambahan pula, kedudukan Malaysia sebagai negara majoriti Muslim memberi kelebihan kompetitif untuk tampil sebagai peneraju hospitaliti Islam global. Namun, tanpa model pembangunan yang menyeluruh, usaha ini berisiko terbatas kepada

pematuhan simbolik semata-mata, dan gagal mencerminkan roh maqasid yang sebenar. Justeru, pembangunan Model MaSC-Hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* menjadi satu keperluan mendesak untuk memastikan keseimbangan antara keperluan spiritual, keselamatan, kelestarian, dan keselesaan pelanggan Muslim dapat dicapai secara holistik.

Secara keseluruhannya, perkembangan industri perhotelan di Malaysia memperlihatkan kekuatan dari sudut infrastruktur, pengiktirafan antarabangsa, serta daya tarikan pelancong Muslim yang semakin meningkat. Namun, pengaplikasian konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih bersifat fragmentasi dan belum mencapai integrasi menyeluruh berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah*. Piawaian sedia ada seperti MS 2610:2015 dan inisiatif ITC menyediakan asas penting, tetapi kelemahan dari segi mekanisme pemantauan, tahap kesedaran pengusaha, serta komitmen praktikal menyebabkan pelaksanaannya masih kurang konsisten.

Penulis berpendapat bahawa jurang ini berpunca daripada kecenderungan industri yang lebih menekankan aspek simbolik seperti penyediaan makanan halal atau arah kiblat, berbanding penerapan nilai maqasid yang lebih luas meliputi penjagaan nyawa, akal, keturunan, dan harta. Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan Malaysia mengekalkan reputasi sebagai hab pelancongan Islam global, apatah lagi dalam suasana persaingan antarabangsa yang semakin kompleks. Oleh itu, pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang komprehensif, bersepadu, dan berorientasikan maqasid merupakan agenda penting yang diyakini dapat memperkukuh dasar kerajaan, meningkatkan keyakinan pelancong Muslim, serta menjamin kelestarian industri hospitaliti Islam di Malaysia.

2.2.1 Cabaran Industri Hotel Patuh Syariah

Perkembangan industri hotel patuh syariah di Malaysia sememangnya menunjukkan peningkatan yang positif selari dengan pertumbuhan sektor pelancongan Islam global. Namun begitu, industri ini masih berdepan pelbagai cabaran yang menghalang pelaksanaan konsep hotel patuh syariah secara menyeluruh dan konsisten. Cabaran tersebut melibatkan aspek standardisasi, kefahaman konsep, penguatkuasaan, kos operasi, sumber manusia dan penerimaan industri terhadap prinsip syariah dalam pengurusan hotel.

Antara cabaran utama ialah ketiadaan satu standard khusus yang diwajibkan bagi mengawal selia pelaksanaan hotel patuh syariah di Malaysia. Walaupun kerajaan melalui Jabatan Standard Malaysia telah memperkenalkan MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), pelaksanaannya masih bersifat sukarela dan lebih tertumpu kepada konsep Muslim-friendly berbanding hotel patuh syariah secara menyeluruh (Department of Standards Malaysia, 2015). Situasi ini menyebabkan wujudnya ketidakseragaman dalam amalan industri kerana setiap hotel mempunyai tafsiran tersendiri terhadap konsep patuh syariah.

Selain itu, kekeliruan istilah antara *Muslim-friendly hotel*, Islamic hotel dan *Shariah-compliant hotel* turut menjadi cabaran besar dalam industri hospitaliti Islam. Sebahagian pengusaha hotel menganggap penyediaan makanan halal dan arah kiblat sudah memadai untuk dikategorikan sebagai hotel patuh syariah, sedangkan konsep sebenar melibatkan integrasi prinsip syariah dalam keseluruhan sistem pengurusan, operasi, kewangan, hiburan, sosial dan perkhidmatan hotel (Samori et al., 2016; Henderson, 2016). Kekeliruan ini akhirnya menyebabkan pelaksanaan konsep hotel patuh syariah menjadi tidak konsisten dan lebih bersifat simbolik berbanding penghayatan syariah secara holistik.

Cabaran seterusnya ialah aspek penguatkuasaan dan perlindungan agama (*Hifz al-Din*) dalam industri hotel. Berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), terdapat beberapa keperluan kritikal berkaitan pemeliharaan agama dan akidah yang perlu diberi perhatian seperti larangan simbol agama lain, ritual keagamaan bukan Islam, penggunaan religious tools serta unsur-unsur yang boleh menjejaskan akidah pengguna Muslim. Walau bagaimanapun, aspek ini masih kurang diberi penekanan dalam kebanyakan hotel mesra Muslim di Malaysia.

Di samping itu, sebahagian pengusaha hotel berpandangan bahawa pelaksanaan hotel patuh syariah secara menyeluruh akan meningkatkan kos operasi dan mengehadkan pasaran pelanggan. Penyediaan fasiliti berasingan antara lelaki dan wanita, kawalan hiburan, latihan pekerja, pelaksanaan sistem kewangan Islam dan pematuhan standard halal memerlukan komitmen kewangan yang tinggi (Razalli et al., 2019). Situasi ini menyebabkan sebahagian hotel lebih cenderung memilih pendekatan minimum yang hanya menekankan aspek pemasaran Islamik tanpa melaksanakan prinsip syariah secara menyeluruh.

Cabaran sumber manusia turut memberi kesan terhadap pembangunan hotel patuh syariah. Terdapat pekerja hotel yang kurang memahami konsep Maqasid Syariah

dan pelaksanaan hospitaliti Islam secara praktikal. Kekurangan latihan berkaitan etika kerja Islam, sensitiviti agama dan keperluan pelanggan Muslim menyebabkan perkhidmatan yang diberikan masih belum memenuhi standard syariah yang sebenar (ITC, 2021). Dalam konteks ini, latihan dan pembangunan modal insan berasaskan nilai Islam amat penting bagi memastikan pekerja mampu menghayati konsep ihsan, amanah dan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan hotel.

Selain itu, cabaran globalisasi dan persaingan industri pelancongan turut mempengaruhi pelaksanaan hotel patuh syariah. Pengusaha hotel perlu menyesuaikan perkhidmatan dengan kehendak pelanggan antarabangsa yang pelbagai tanpa mengabaikan prinsip syariah. Dalam keadaan tertentu, terdapat hotel yang berkompromi terhadap beberapa prinsip syariah demi menjaga keuntungan dan persaingan pasaran. Situasi ini menunjukkan bahawa industri hotel patuh syariah memerlukan satu kerangka model yang jelas dan komprehensif bagi memastikan keseimbangan antara tuntutan syariah dan keperluan industri kontemporari dapat dicapai secara holistik.

Secara keseluruhannya, cabaran industri hotel patuh syariah di Malaysia menunjukkan bahawa pembangunan sektor hospitaliti Islam masih memerlukan penambahbaikan yang menyeluruh dari sudut standardisasi, penguatkuasaan, perlindungan agama, latihan pekerja dan kesedaran industri. Tanpa garis panduan yang jelas dan berteraskan Maqasid Syariah, konsep hotel patuh syariah berisiko menjadi sekadar label komersial tanpa memenuhi objektif sebenar syariah dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta pengguna Muslim.

2.3 Perkembangan Konsep Hotel Patuh Syariah

Konsep hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia berkembang seiring dengan kebangkitan industri pelancongan Islam global yang menunjukkan pertumbuhan pesat dari segi jumlah pelancong Muslim dan sumbangan ekonomi antarabangsa. Laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) menganggarkan nilai pasaran pelancongan Muslim global mencecah USD 225 bilion menjelang tahun 2028, sekali gus menjadikan sektor ini antara segmen paling dinamik dalam industri pelancongan dunia (Mastercard & CrescentRating, 2022). Kedudukan Malaysia sebagai negara majoriti Muslim dengan infrastruktur pelancongan yang matang serta sistem pensijilan halal yang diiktiraf di

peringkat antarabangsa meletakkan negara ini pada posisi strategik untuk menjadi peneraju dalam pembangunan konsep hotel patuh *Syarīʿah*.

Pada peringkat awal perkembangannya sekitar awal tahun 2000-an, sebahagian pengusaha hotel di Malaysia mula memperkenalkan beberapa elemen asas mesra Muslim seperti penyediaan makanan halal, arah kiblat, sejadah dan kemudahan solat kepada pelanggan Muslim. Namun demikian, pelaksanaan tersebut masih bersifat asas, tidak sistematik dan lebih bergantung kepada inisiatif pengusaha hotel tertentu berbanding suatu kerangka nasional yang jelas (Battour & Ismail, 2016). Situasi ini menyebabkan wujud pelbagai tafsiran terhadap konsep sebenar hotel patuh *Syarīʿah*, termasuk tanggapan bahawa ketiadaan alkohol sahaja sudah memadai untuk dikategorikan sebagai hotel Islamik, sedangkan konsep tersebut sebenarnya jauh lebih luas dan menyeluruh.

Bagi memperkukuhkan pembangunan industri hospitaliti Islam, kerajaan Malaysia melalui Islamic Tourism Centre (ITC) dan Jabatan Standard Malaysia telah memperkenalkan piawaian MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) sebagai garis panduan rasmi kepada industri hospitaliti negara (Department of Standards Malaysia, 2015). Malaysia juga diiktiraf sebagai negara pertama yang memperkenalkan piawaian hospitaliti mesra Muslim di peringkat nasional. Piawaian ini bukan sahaja menekankan penyediaan makanan halal, bahkan meliputi aspek pengurusan hotel, kemudahan ibadah, perkhidmatan pelanggan, kebersihan, keselamatan dan latihan pekerja, sekali gus memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rujukan dalam industri hospitaliti Islam global (ITC, 2021).

Selain MS 2610:2015, beberapa polisi dan garis panduan lain turut menyokong perkembangan industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Antaranya termasuklah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), CrescentRating Standard dan Salam Standard. Walaupun dokumen dan piawaian ini tidak secara khusus mewajibkan penggunaan istilah "hotel patuh *Syarīʿah*", namun kandungannya menyediakan asas penting dalam memastikan elemen halal, kebersihan, keselamatan, sensitiviti agama dan pemeliharaan pengguna Muslim dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dalam industri hospitaliti.

Walaupun piawaian dan polisi tersebut menjadi tonggak penting kepada pembangunan industri hospitaliti Islam, pelaksanaannya di peringkat industri masih belum konsisten. Terdapat hotel yang hanya menumpukan kepada aspek tertentu seperti

penyediaan makanan halal dan ketiadaan alkohol, tetapi mengabaikan aspek lain seperti kawalan hiburan, pengasingan ruang lelaki dan wanita, transaksi kewangan Islam serta perlindungan akidah pengguna Muslim (Razalli et al., 2019). Fenomena ini menunjukkan bahawa masih wujud jurang yang ketara antara prinsip piawaian dan realiti pelaksanaan industri.

Dari sudut permintaan pasaran, pelancong Muslim antarabangsa khususnya dari Timur Tengah bukan sahaja menuntut makanan halal, tetapi turut mengharapkan suasana hotel yang kondusif untuk keluarga, bebas daripada unsur tidak bermoral serta menawarkan tahap privasi yang tinggi (Stephenson, 2014). Dalam masa yang sama, pelancong Muslim domestik lebih menitikberatkan aspek kos berpatutan, kemudahan ibadah dan kepastian status halal sesuatu premis (Tourism Malaysia, 2023). Perbezaan keperluan ini memberikan cabaran kepada pengusaha hotel dalam menyeimbangkan kehendak pelbagai segmen pelanggan Muslim.

Tambahan pula, kekeliruan antara istilah "mesra Muslim" dan "patuh *Syarīʿah*" terus menjadi perdebatan dalam industri hospitaliti Islam. Hotel mesra Muslim lazimnya hanya menyediakan kemudahan asas kepada pelanggan Muslim seperti makanan halal dan arah kiblat, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menuntut integrasi menyeluruh nilai Islam dalam keseluruhan operasi hotel termasuk aspek pengurusan, kewangan, sumber manusia, hiburan, polisi sosial dan budaya organisasi (Samori et al., 2016). Kekeliruan istilah ini akhirnya menjejaskan kredibiliti sesetengah hotel serta mewujudkan keraguan pengguna terhadap kesahihan label "patuh *Syarīʿah*" yang digunakan.

Dari sudut polisi nasional, Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik seperti penubuhan Islamic Tourism Centre pada tahun 2009, pelaksanaan piawaian MS 2610:2015, pengenalan MFAR dan pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan Muslim dunia oleh GMTI secara konsisten sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Walaupun usaha tersebut menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan industri hospitaliti Islam, tahap kesedaran pengusaha hotel terhadap kepentingan integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pengurusan hotel masih berada pada tahap sederhana. Kebanyakan hotel lebih menumpukan kepada pematuhan minimum piawaian berbanding penghayatan roh maqasid secara menyeluruh dalam operasi harian.

Perkembangan konsep hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia sememangnya menunjukkan perkembangan yang positif, namun masih belum mencapai tahap

integrasi menyeluruh berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pelaksanaan konsep ini masih cenderung kepada pendekatan simbolik seperti penyediaan arah kiblat dan makanan halal berbanding penghayatan menyeluruh terhadap pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa pembangunan model yang lebih komprehensif dan sistematik, terdapat risiko konsep hotel patuh *Syarīʿah* menjadi sekadar label pemasaran komersial tanpa benar-benar mencerminkan nilai dan objektif sebenar syariah.

Oleh itu, pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dilihat sebagai satu keperluan penting dalam memperkukuhkan industri hospitaliti Islam di Malaysia. Model ini bukan sahaja berfungsi untuk menyeragamkan tafsiran dan memperkukuhkan kredibiliti industri, malah berpotensi menjadikan Malaysia sebagai penanda aras global dalam pembangunan hospitaliti Islam berteraskan maqasid. Melalui pendekatan ini, konsep hotel patuh *Syarīʿah* dapat dilaksanakan secara lebih holistik, relevan dan lestari selaras dengan keperluan semasa industri pelancongan Islam global.

2.3.1 Konsep Muslim-Friendly dan Hotel Patuh *Syarīʿah*

Konsep Muslim-friendly dan hotel patuh *Syarīʿah* merupakan dua istilah yang sering digunakan dalam industri hospitaliti Islam bagi menggambarkan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan Muslim. Walau bagaimanapun, kedua-dua konsep ini mempunyai skop, pendekatan dan tahap pematuhan syariah yang berbeza. Perbezaan tersebut penting untuk diperjelaskan kerana kekeliruan penggunaan istilah sering menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam pelaksanaan industri hotel Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Secara umum, konsep Muslim-friendly merujuk kepada penyediaan kemudahan asas yang memudahkan pelanggan Muslim melaksanakan tuntutan agama ketika menggunakan sesuatu perkhidmatan hospitaliti. Antara elemen utama yang sering dikaitkan dengan konsep ini ialah penyediaan makanan halal, arah kiblat, sejadah, kemudahan solat dan persekitaran yang sesuai untuk pelanggan Muslim (Battour & Ismail, 2016). Konsep ini lebih bersifat fleksibel dan tidak semestinya menuntut keseluruhan operasi hotel mematuhi prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Di Malaysia, konsep Muslim-friendly hospitality diperkukuhkan melalui pengenalan piawaian MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) oleh Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Islamic Tourism Centre (ITC).

Piawaian ini diperkenalkan sebagai garis panduan kepada pengusaha industri hospitaliti dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra Muslim tanpa perlu mengubah keseluruhan sistem operasi hotel kepada model patuh *Syarīʿah* sepenuhnya (Department of Standards Malaysia, 2015). Antara aspek yang ditekankan dalam piawaian ini termasuklah penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, kebersihan, keselamatan dan latihan pekerja berkaitan sensitiviti pelanggan Muslim.

Selain itu, kerajaan Malaysia turut memperkenalkan beberapa inisiatif lain seperti Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), garis panduan Islamic Tourism Centre (ITC), CrescentRating Standard dan Salam Standard bagi memperkukuhkan pembangunan industri hospitaliti mesra Muslim. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan keyakinan pelancong Muslim terhadap perkhidmatan hotel di Malaysia serta memperkukuhkan kedudukan negara sebagai hab pelancongan Islam global (ITC, 2021).

Walaupun konsep Muslim-friendly dilihat mampu memenuhi keperluan asas pelanggan Muslim, pendekatan tersebut masih mempunyai keterbatasan dari sudut pematuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh. Hal ini kerana konsep Muslim-friendly lazimnya hanya menumpukan kepada aspek fasiliti dan perkhidmatan tertentu tanpa melibatkan keseluruhan sistem pengurusan hotel termasuk aspek kewangan, hiburan, sumber manusia dan polisi sosial organisasi. Situasi ini menyebabkan sesetengah hotel masih menyediakan kemudahan Muslim tetapi dalam masa yang sama turut menawarkan aktiviti atau perkhidmatan yang bercanggah dengan prinsip *Syarīʿah* seperti hiburan tidak terkawal, penjualan alkohol dan percampuran sosial tanpa batasan.

Berbeza dengan konsep Muslim-friendly, hotel patuh *Syarīʿah* menuntut pematuhan *Syarīʿah* secara lebih menyeluruh dalam keseluruhan operasi dan pengurusan hotel. Konsep ini bukan sahaja melibatkan penyediaan makanan halal dan fasiliti ibadah, bahkan merangkumi aspek pengurusan kewangan Islam, pemeliharaan akidah, kawalan hiburan, etika pekerja, penjagaan aurat, pengasingan ruang tertentu antara lelaki dan wanita serta pelaksanaan polisi sosial yang selaras dengan prinsip Islam (Samori et al., 2016). Pendekatan ini menunjukkan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* tidak sekadar menampilkan identiti Islam secara simbolik, sebaliknya mengintegrasikan nilai dan objektif *Syarīʿah* dalam keseluruhan sistem operasi hotel.

Dalam konteks Malaysia, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut menjadi antara rujukan penting dalam memastikan pematuhan *Syarīʿah* terhadap aspek

tertentu dalam operasi hotel khususnya berkaitan makanan, kebersihan dan sensitiviti agama. Selain itu, beberapa garis panduan lain seperti MS2610:2015 dan MFAR turut menyediakan asas penting kepada pembangunan konsep hotel patuh *Syarīʿah* walaupun belum wujud satu pensijilan rasmi khusus bagi hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, konsep hotel patuh *Syarīʿah* dilihat lebih komprehensif kerana bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal pelanggan Muslim, malah turut menekankan pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Dalam konteks ini, hotel patuh *Syarīʿah* berperanan menyediakan persekitaran yang selamat, bersih dan kondusif bagi menyokong penghayatan nilai Islam secara menyeluruh dalam kalangan pengguna.

Secara keseluruhannya, konsep Muslim-friendly dan hotel patuh *Syarīʿah* mempunyai hubungan yang rapat tetapi berbeza dari sudut tahap pelaksanaan syariah. Konsep Muslim-friendly lebih menekankan kemudahan asas kepada pelanggan Muslim, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menuntut integrasi menyeluruh prinsip Islam dalam keseluruhan sistem pengurusan dan operasi hotel. Perbezaan ini penting bagi memastikan penggunaan istilah dalam industri hospitaliti Islam lebih jelas, sistematik dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna serta pemain industri.

2.3.2 Kekeliruan Konsep dalam Industri

Perkembangan pesat industri hospitaliti Islam telah menyebabkan penggunaan istilah seperti *Muslim-friendly hotel*, Islamic hotel, dry hotel dan hotel patuh *Syarīʿah* digunakan secara meluas dalam industri perhotelan. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah-istilah tersebut sering berlaku tanpa definisi yang jelas dan seragam sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna, pengusaha hotel dan pihak berkepentingan industri. Situasi ini secara tidak langsung menjejaskan kefahaman sebenar terhadap konsep hotel patuh *Syarīʿah* dan menyebabkan wujudnya pelbagai bentuk pelaksanaan yang tidak konsisten dalam industri hospitaliti Islam.

Secara umumnya, konsep *Muslim-friendly hotel* lebih tertumpu kepada penyediaan kemudahan asas untuk pelanggan Muslim seperti makanan halal, arah kiblat, sejadah dan kemudahan solat. Namun demikian, hotel jenis ini tidak semestinya melaksanakan prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam keseluruhan operasi hotel. Sebaliknya, hotel patuh *Syarīʿah* menuntut pematuhan yang lebih komprehensif

melibatkan aspek pengurusan, kewangan, hiburan, sumber manusia, polisi sosial dan budaya organisasi yang selaras dengan prinsip Islam (Samori et al., 2016). Kekeliruan berlaku apabila sesetengah hotel menggunakan label "patuh *Syarīʿah*" sedangkan pelaksanaannya hanya memenuhi sebahagian kecil keperluan asas pelanggan Muslim.

Selain itu, terdapat juga pengusaha hotel yang menganggap bahawa ketiadaan alkohol dan penyediaan makanan halal sudah mencukupi untuk melayakkan sesebuah hotel dikategorikan sebagai hotel patuh *Syarīʿah*. Hakikatnya, konsep hotel patuh *Syarīʿah* jauh lebih luas kerana melibatkan pemeliharaan agama, kawalan hiburan, pengasingan ruang tertentu antara lelaki dan wanita, penjagaan aurat pekerja, transaksi kewangan Islam serta perlindungan akidah pengguna Muslim. Situasi ini menunjukkan bahawa masih wujud kefahaman yang sempit terhadap konsep sebenar hotel patuh *Syarīʿah* dalam kalangan pengusaha industri.

Kekeliruan konsep ini turut dipengaruhi oleh ketiadaan satu pensijilan rasmi khusus bagi hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Walaupun kerajaan telah memperkenalkan piawaian MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) dan beberapa garis panduan berkaitan hospitaliti Islam, piawaian tersebut lebih menekankan konsep Muslim-friendly berbanding pematuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh (Department of Standards Malaysia, 2015). Dalam masa yang sama, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) pula lebih memfokuskan kepada aspek pensijilan halal makanan dan premis, bukannya keseluruhan sistem operasi hotel. Keadaan ini menyebabkan tiada satu standard yang benar-benar komprehensif untuk mengukur tahap pematuhan *Syarīʿah* sesebuah hotel.

Tambahan pula, penggunaan istilah seperti Islamic hotel dan dry hotel dalam industri antarabangsa turut menyumbang kepada kekeliruan konsep. Istilah dry hotel misalnya sering digunakan untuk merujuk hotel yang tidak menjual alkohol, namun tidak semestinya melaksanakan prinsip Islam dalam aspek lain seperti hiburan, kewangan atau pengurusan sosial. Begitu juga dengan istilah Islamic hotel yang kadangkala hanya digunakan sebagai strategi pemasaran bagi menarik pelanggan Muslim tanpa integrasi *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel (Henderson, 2016).

Dari sudut pengguna pula, kekeliruan konsep ini menyebabkan berlakunya keraguan terhadap kredibiliti sesetengah hotel yang menggunakan label "patuh *Syarīʿah*". Terdapat pengguna yang menganggap semua hotel mesra Muslim adalah

hotel patuh *Syarīʿah*, sedangkan tahap pematuhan syariah bagi kedua-dua konsep tersebut adalah berbeza. Situasi ini menunjukkan bahawa penggunaan istilah yang tidak seragam boleh menjejaskan keyakinan pelanggan Muslim terhadap integriti industri hospitaliti Islam.

Dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah*, kekeliruan konsep ini turut memberi implikasi terhadap pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan perlindungan akidah pengguna Muslim. Hotel yang hanya menampilkan elemen simbolik Islam tanpa kawalan terhadap unsur hiburan tidak bermoral, percampuran sosial tanpa batasan atau unsur bercanggah dengan *Syarīʿah* berpotensi menjejaskan objektif sebenar pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Oleh itu, pendekatan yang lebih holistik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* amat diperlukan bagi memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya menjadi label komersial semata-mata.

Sehubungan itu, kekeliruan konsep dalam industri hospitaliti Islam menunjukkan keperluan mendesak untuk membangunkan satu model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, komprehensif dan jelas dari sudut definisi serta pelaksanaannya. Model tersebut penting bagi menyeragamkan tafsiran, meningkatkan kredibiliti industri dan memastikan prinsip *Syarīʿah* dapat dilaksanakan secara menyeluruh dalam operasi hotel selaras dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*.

2.4 Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah*

Konsep hotel patuh *Syarīʿah* telah mendapat perhatian meluas dalam industri hospitaliti global, seiring dengan pertumbuhan pesat segmen pelancongan Islam. Secara umum, hotel patuh *Syarīʿah* ditakrifkan sebagai institusi penginapan yang mengintegrasikan prinsip-prinsip *Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi, pengurusan, perkhidmatan, dan reka bentuk fasiliti. Ia bukan sekadar menawarkan makanan halal atau menyediakan arah kiblat, tetapi mencerminkan ekosistem hospitaliti Islam yang komprehensif dan holistik (Battour & Ismail, 2016; Henderson, 2016). Dalam kerangka ini, hotel patuh *Syarīʿah* dilihat bukan hanya sebagai penyedia penginapan, tetapi juga sebagai medium dakwah yang memperlihatkan penerapan nilai Islam secara praktikal dalam industri moden.

Walau bagaimanapun, tafsiran mengenai maksud sebenar hotel patuh *Syarīʿah* masih pelbagai dalam kalangan sarjana dan pengamal industri. Sebahagian pihak mendefinisikan ia sekadar ketiadaan alkohol dan makanan tidak halal (Fadil, 2011),

sementara pihak lain menekankan keperluan garis panduan menyeluruh merangkumi aspek kewangan, pengurusan operasi, reka bentuk bilik, hiburan, dan dasar sumber manusia (Samori et al., 2016; Stephenson, 2014). Perbezaan tafsiran ini menggambarkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih berada dalam fasa transisi dan memerlukan standardisasi yang lebih jelas serta diterima secara universal.

Di Malaysia, usaha formal ke arah menyusun konsep ini bermula dengan pengenalan piawaian MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS) oleh Jabatan Standard Malaysia. Piawaian ini memberi penekanan kepada aspek mesra Muslim seperti makanan halal, kemudahan ibadah, serta polisi mesra keluarga (Department of Standards Malaysia, 2015). Malaysia menjadi negara pertama di dunia yang memperkenalkan piawaian rasmi dalam bidang ini, sekali gus meningkatkan reputasi negara di persada global (ITC, 2021). Namun, beberapa sarjana berpendapat piawaian ini masih lebih menekankan item "*Muslim-friendly*" berbanding penghayatan penuh konsep "patuh *Syarīʿah*" yang sebenar (Mohd Faizal et al., 2018).

Selain inisiatif kerajaan, sektor swasta turut memainkan peranan penting. Antaranya ialah Salam Standard oleh Tripfez Travel yang mendapat pengiktirafan MOTAC dan ITC, serta CrescentRating yang berpusat di Singapura dan menawarkan akreditasi halal-mesra pelancongan di peringkat antarabangsa. Usaha CrescentRating bersama Mastercard dalam menghasilkan Global Muslim Travel Index (GMTI) juga telah konsisten menempatkan Malaysia di kedudukan teratas destinasi pelancongan mesra Muslim (Cuesta-Valiño et al., 2020; Mastercard & CrescentRating, 2022).

Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia masih berdepan dengan pelbagai kekangan. Banyak hotel hanya menekankan aspek simbolik seperti penyediaan sejadah atau arah kiblat, tetapi gagal menzahirkan item kritikal seperti pemisahan fasiliti lelaki dan wanita, larangan hiburan tidak bermoral, atau pengurusan kewangan bebas riba (Samori & Rahman, 2013; Suhailah, 2022). Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai keabsahan penggunaan label "patuh *Syarīʿah*" yang sering dilihat lebih sebagai strategi pemasaran berbanding komitmen sebenar terhadap prinsip *Syarīʿah*.

Kekangan ini turut dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan budaya. Sebahagian pengusaha beranggapan bahawa terlalu banyak syarat *Syarīʿah* akan mengehadkan pasaran serta menjejaskan keuntungan. Namun, kajian menunjukkan pelancong Muslim lebih cenderung memilih hotel yang benar-benar mematuhi prinsip *Syarīʿah*, malah kesetiaan pelanggan terhadap hotel sebegini jauh lebih tinggi (Battour et al., 2017). Oleh

itu, pelaburan dalam hotel patuh *Syarīʿah* wajar dilihat sebagai strategi jangka panjang yang berdaya saing, bukannya beban kos semata-mata.

Kesimpulannya, konsep hotel patuh *Syarīʿah* menuntut integrasi menyeluruh dalam semua aspek operasi perhotelan, sedangkan realiti pelaksanaannya masih memperlihatkan ketidakkonsistenan, kelemahan, dan kekeliruan tafsiran. Malaysia telah menunjukkan komitmen melalui piawaian kebangsaan, pengiktirafan antarabangsa, dan inisiatif sektor swasta, namun cabaran implementasi kekal sebagai isu utama. Justeru, pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* merupakan satu keperluan mendesak bagi memastikan setiap item perkhidmatan benar-benar selari dengan objektif *Syarīʿah* serta memberi impak positif kepada kelestarian industri perhotelan Islam di Malaysia dan peringkat global.

Bagi memperjelaskan perbezaan antara konsep *Muslim-friendly* dengan hotel patuh *Syarīʿah*, perbandingan dibuat berdasarkan aspek utama seperti definisi, makanan dan minuman, kemudahan ibadah, reka bentuk fasiliti, polisi sosial, pengurusan kewangan, sumber manusia, dan nilai tambah. Perbandingan ini penting kerana kekeliruan istilah sering menyebabkan ketidakseragaman dalam amalan industri. Jadual 2.1 berikut merumuskan perbezaan signifikan antara kedua-dua konsep tersebut.

Jadual 2.1
Perbandingan antara Konsep "*Muslim-Friendly*" dan "Hotel Patuh *Syarīʿah"*

Aspek	***Muslim-Friendly Hotel***	**Hotel Patuh *Syarīʿah***
Definisi Umum	Hotel yang menyediakan kemudahan asas untuk memenuhi keperluan pelancong Muslim.	Hotel yang mengintegrasikan prinsip *Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi, pengurusan, dan perkhidmatan.
Makanan & Minuman	Menawarkan makanan halal, tetapi kadang kala masih menyediakan alkohol.	Hanya menyediakan makanan halal dan tiada alkohol sama sekali.
Kemudahan Ibadah	Menyediakan arah kiblat, sejadah, atau surau asas.	Menyediakan ruang solat khusus, masjid/ surau berasingan, kemudahan wuduk dan program kerohanian.
Reka Bentuk Fasiliti	Lebih fleksibel, tanpa pemisahan jantina yang jelas.	Pemisahan ruang lelaki & wanita (kolam renang, spa, gimnasium) dan bilik mengikut polisi *Syarīʿah*.
Polisi Sosial	Tidak menekankan aspek larangan sosial.	Larangan pasangan bukan mahram/LGBT berkongsi bilik, hiburan ditapis agar selaras dengan *Syarīʿah*.

Aspek	*Muslim-Friendly Hotel*	Hotel Patuh *Syarīʿah*
Pengurusan Kewangan	Tidak semestinya mematuhi prinsip kewangan Islam.	Semua transaksi, pelaburan & operasi adalah bebas riba dan patuh *Syarīʿah*.
Sumber Manusia	Tiada syarat khas berkaitan pemakaian atau etika kakitangan.	Kakitangan berpakaian menutup aurat, dilatih dengan nilai ihsan & etika kerja Islam.
Nilai Tambah	Fokus pada keselesaan pelancong Muslim, tetapi tidak komprehensif.	Berperanan sebagai agen dakwah, melaksanakan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam perkhidmatan.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 2.1 memperlihatkan perbezaan mendasar antara konsep *Muslim-friendly hotel* dengan Hotel Patuh *Syarīʿah* berdasarkan pelbagai aspek utama dalam operasi perhotelan. Dari segi definisi, hotel mesra Muslim hanya menumpukan kepada penyediaan kemudahan asas untuk memenuhi keperluan asas pelancong Muslim, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menekankan pengintegrasian prinsip *Syarīʿah* dalam keseluruhan sistem pengurusan, perkhidmatan, dan fasiliti.

Bagi aspek makanan dan minuman, hotel mesra Muslim umumnya menyediakan makanan halal, namun dalam sesetengah keadaan masih menawarkan alkohol kepada pelanggan bukan Muslim. Sebaliknya, hotel patuh *Syarīʿah* hanya menyediakan makanan dan minuman halal sepenuhnya serta menolak sebarang bentuk alkohol.

Dari sudut kemudahan ibadah, hotel mesra Muslim biasanya menyediakan sejadah, arah kiblat, atau surau asas, sedangkan hotel patuh *Syarīʿah* menawarkan ruang solat khusus, kemudahan wuduk, malah ada yang menyediakan program kerohanian untuk tetamu. Perbezaan ini menunjukkan tahap penghayatan nilai Islam yang lebih komprehensif dalam hotel patuh *Syarīʿah*.

Bagi reka bentuk fasiliti, hotel mesra Muslim lebih bersifat fleksibel tanpa pemisahan jantina yang jelas, manakala hotel patuh *Syarīʿah* memastikan pengasingan ruang lelaki dan wanita di tempat tertentu seperti kolam renang, spa, dan gimnasium, selain mengawal polisi penginapan bilik mengikut *Syarīʿah*.

Dari aspek polisi sosial, hotel mesra Muslim tidak menekankan larangan tertentu, sebaliknya hotel patuh *Syarīʿah* secara tegas melarang pasangan bukan mahram atau LGBT daripada berkongsi bilik, serta menapis hiburan agar selaras dengan prinsip *Syarīʿah*.

Dalam pengurusan kewangan, hotel mesra Muslim tidak semestinya terikat dengan prinsip kewangan Islam, manakala hotel patuh *Syarīʿah* melaksanakan sistem kewangan yang bebas riba, gharar, dan unsur haram dalam semua bentuk transaksi dan pelaburan.

Aspek sumber manusia juga memperlihatkan perbezaan ketara. Hotel mesra Muslim tidak mempunyai garis panduan khusus berkaitan pemakaian atau etika pekerja, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menetapkan kakitangan berpakaian menutup aurat serta dilatih dengan nilai ihsan dan akhlak kerja Islam.

Akhir sekali, dari sudut nilai tambah, hotel mesra Muslim hanya menumpukan kepada keselesaan asas pelanggan Muslim, sedangkan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal dan rohani pelancong, tetapi juga berfungsi sebagai agen dakwah dengan melaksanakan *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh dalam perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, jadual ini menunjukkan bahawa konsep *Muslim-friendly* lebih bersifat asas dan parsial, manakala Hotel Patuh *Syarīʿah* menekankan integrasi menyeluruh prinsip *Syarīʿah* dalam semua aspek operasi. Perbandingan ini membuktikan keperluan satu model yang jelas dan sistematik bagi mengelakkan kekeliruan dalam industri serta memperkukuh kredibiliti konsep hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

2.4.1 Definisi Hotel Patuh *Syarīʿah*

Konsep hotel patuh *Syarīʿah* semakin mendapat perhatian dalam industri hospitaliti Islam selari dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan Muslim. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum wujud satu definisi tunggal yang benar-benar seragam mengenai hotel patuh *Syarīʿah* sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Perbezaan definisi ini dipengaruhi oleh pendekatan pelaksanaan, standard industri dan tahap integrasi prinsip *Syarīʿah* dalam operasi hotel.

Secara umum, hotel patuh *Syarīʿah* merujuk kepada hotel yang melaksanakan prinsip-prinsip Islam dalam keseluruhan aspek pengurusan, operasi dan penyampaian perkhidmatan hotel. Konsep ini bukan sahaja melibatkan penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah, malah turut merangkumi aspek kewangan Islam, etika pekerja,

kawalan hiburan, penjagaan aurat, pengasingan ruang tertentu antara lelaki dan wanita serta pemeliharaan nilai dan akhlak Islam dalam persekitaran hotel (Samori et al., 2016).

Menurut Henderson (2016), hotel patuh *Syarīʿah* ialah hotel yang menyediakan persekitaran perkhidmatan berlandaskan prinsip Islam dengan menitikberatkan aspek halal, moraliti dan sensitiviti agama pelanggan Muslim. Definisi ini menunjukkan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar memenuhi tuntutan teknikal seperti makanan halal, tetapi turut melibatkan penghayatan nilai Islam dalam keseluruhan operasi organisasi.

Battour dan Ismail (2016) pula mendefinisikan hotel patuh *Syarīʿah* sebagai hotel yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan Muslim berdasarkan prinsip Islam dan hukum *Syarīʿah*. Antara elemen utama yang ditekankan termasuklah penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, persekitaran bebas alkohol dan hiburan yang tidak bercanggah dengan syariah. Walau bagaimanapun, definisi ini lebih cenderung kepada pendekatan Muslim-friendly hospitality berbanding pematuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Selain itu, Razalli et al. (2019) menjelaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* perlu mengintegrasikan prinsip Islam dalam keseluruhan sistem pengurusan hotel termasuk aspek operasi, sumber manusia, kewangan, hiburan dan polisi sosial organisasi. Pendekatan ini menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan pematuhan yang lebih komprehensif dan tidak terhad kepada penyediaan fasiliti asas semata-mata.

Dalam konteks Malaysia, Jabatan Standard Malaysia melalui piawaian MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) mentakrifkan perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim sebagai penyediaan produk dan perkhidmatan hospitaliti yang mengambil kira keperluan pelanggan Muslim dari aspek makanan halal, kemudahan ibadah, kebersihan dan sensitiviti agama (Department of Standards Malaysia, 2015). Walaupun piawaian ini tidak secara khusus menggunakan istilah "hotel patuh *Syarīʿah*", namun ia menjadi antara rujukan utama dalam pembangunan industri hospitaliti Islam di Malaysia.

Selain itu, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut menjadi dokumen penting dalam memastikan pematuhan halal dalam aspek makanan, kebersihan dan pengurusan premis hotel. Walaupun MPPHM lebih tertumpu kepada pensijilan halal makanan dan premis, kandungannya tetap memberi implikasi penting terhadap

pembangunan konsep hotel patuh *Syarīʿah* khususnya dalam aspek pemeliharaan agama, kebersihan dan perlindungan pengguna Muslim.

Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, definisi hotel patuh *Syarīʿah* seharusnya melangkaui pematuhan teknikal semata-mata dan memberi penekanan kepada pemeliharaan lima elemen utama *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Dalam konteks ini, hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada pelanggan Muslim, malah berperanan mewujudkan persekitaran yang selamat, bersih, bermoral dan kondusif bagi menyokong penghayatan Islam secara menyeluruh.

Berdasarkan pelbagai definisi sarjana dan standard yang dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* ialah sebuah institusi hospitaliti yang mengintegrasikan prinsip dan nilai Islam secara menyeluruh dalam aspek pengurusan, operasi, perkhidmatan dan budaya organisasi bagi memastikan pemeliharaan maslahat pengguna selaras dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*. Definisi ini menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya tertumpu kepada simbol dan fasiliti asas Islam semata-mata, sebaliknya melibatkan penghayatan *Syarīʿah* secara holistik dalam keseluruhan ekosistem hotel.

2.4.2 Cabaran Pelaksanaan Hotel Patuh *Syarīʿah*

Pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia semakin mendapat perhatian selari dengan perkembangan industri pelancongan Islam global. Walau bagaimanapun, usaha untuk melaksanakan konsep tersebut secara menyeluruh masih berdepan pelbagai cabaran yang melibatkan aspek standardisasi, kefahaman konsep, kos operasi, penguatkuasaan dan penerimaan industri. Cabaran-cabaran ini secara tidak langsung menjejaskan usaha membangunkan sistem hospitaliti Islam yang benar-benar memenuhi prinsip *Syarīʿah* dan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Antara cabaran utama ialah ketiadaan standard khusus yang benar-benar komprehensif dan diwajibkan kepada semua pengusaha hotel di Malaysia. Walaupun kerajaan telah memperkenalkan piawaian MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), CrescentRating Standard dan Salam Standard, pelaksanaan piawaian tersebut masih bersifat sukarela dan lebih tertumpu kepada konsep Muslim-friendly berbanding hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh (Department of Standards Malaysia, 2015). Situasi

ini menyebabkan setiap hotel mempunyai tafsiran dan tahap pelaksanaan yang berbeza terhadap konsep hotel patuh *Syarīʿah*.

Selain itu, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula lebih memfokuskan kepada pensijilan halal makanan dan premis tertentu, bukannya keseluruhan sistem operasi hotel. Keadaan ini menyebabkan masih belum wujud satu garis panduan nasional yang benar-benar menyeluruh bagi mengawal selia aspek pengurusan, hiburan, kewangan, sumber manusia dan polisi sosial hotel berdasarkan prinsip *Syarīʿah*. Ketiadaan standard yang seragam akhirnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna dan pemain industri terhadap maksud sebenar hotel patuh *Syarīʿah*.

Cabaran standardisasi ini turut menyebabkan berlakunya pelaksanaan konsep hotel patuh *Syarīʿah* secara simbolik. Terdapat hotel yang hanya menyediakan elemen asas seperti arah kiblat, sejadah dan makanan halal tetapi masih menawarkan aktiviti atau perkhidmatan yang bercanggah dengan prinsip *Syarīʿah* seperti hiburan tidak terkawal, penjualan alkohol, percampuran sosial tanpa batasan dan penggunaan sistem kewangan konvensional (Razalli et al., 2019). Situasi ini menunjukkan bahawa sebahagian pengusaha hotel lebih menekankan elemen luaran dan pemasaran Islamik berbanding penghayatan *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel.

Fenomena simbolik ini juga dipengaruhi oleh kecenderungan sesetengah pengusaha menggunakan label "Islamik" atau "patuh *Syarīʿah*" sebagai strategi pemasaran bagi menarik pelanggan Muslim tanpa benar-benar memahami konsep sebenar pematuhan *Syarīʿah*. Henderson (2016) menjelaskan bahawa penggunaan identiti Islam dalam industri hospitaliti kadangkala lebih bersifat komersial dan tidak disertai dengan integrasi nilai Islam dalam pengurusan organisasi. Situasi ini akhirnya menjejaskan kredibiliti industri hospitaliti Islam dan mewujudkan keraguan dalam kalangan pelanggan Muslim terhadap kesahihan label hotel patuh *Syarīʿah*.

Di samping itu, cabaran pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* turut melibatkan aspek kos operasi dan kesediaan industri. Pelaksanaan sistem pengurusan berteraskan *Syarīʿah* memerlukan kos tambahan seperti penyediaan fasiliti berasingan antara lelaki dan wanita, latihan pekerja, pelaksanaan sistem kewangan Islam, pengurusan halal serta pemantauan pematuhan syariah secara berterusan. Keadaan ini menyebabkan sebahagian pengusaha hotel berpandangan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh boleh meningkatkan kos operasi dan mengehadkan segmen pelanggan tertentu.

Selain itu, tahap kefahaman dan kesedaran pemain industri terhadap konsep *Maqāṣid Syarīʿah* juga masih berada pada tahap sederhana. Kebanyakan pengusaha lebih menumpukan kepada pematuhan minimum piawaian seperti penyediaan makanan halal dan fasiliti ibadah berbanding memahami objektif sebenar *Syarīʿah* yang melibatkan pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql)*, keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Situasi ini menyebabkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih belum benar-benar mengintegrasikan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi dan budaya organisasi hotel.

Dalam konteks semasa, cabaran penguatkuasaan juga menjadi antara isu penting dalam industri hospitaliti Islam. Sehingga kini, tiada satu badan khusus yang bertanggungjawab memantau secara menyeluruh pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Walaupun terdapat pemantauan terhadap aspek pensijilan halal makanan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri, aspek lain seperti hiburan, pengurusan sosial, perlindungan akidah dan pematuhan syariah dalam operasi hotel masih kurang diberi perhatian secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, cabaran pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* menunjukkan bahawa industri hospitaliti Islam di Malaysia masih memerlukan satu model yang lebih sistematik, komprehensif dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Model tersebut penting bagi menyeragamkan tafsiran, mengurangkan pelaksanaan bersifat simbolik serta memastikan prinsip *Syarīʿah* dapat dilaksanakan secara holistik dalam keseluruhan operasi hotel selaras dengan objektif pembangunan hospitaliti Islam yang sebenar.

2.5 Teori Maqasid Syariah

Maqāṣid Syarīʿah Maqāṣid Syarīʿah merujuk kepada tujuan, hikmah dan matlamat yang hendak dicapai oleh Syarīʿah melalui pensyariatan hukum. Matlamat utamanya adalah untuk merealisasikan *maṣlaḥah* dan mencegah *mafsadah* dalam kehidupan manusia, sama ada pada peringkat individu, keluarga, masyarakat mahupun institusi. Al-Raysuni (2015) menjelaskan bahawa Maqāṣid Syarīʿah ialah tujuan yang ditetapkan oleh Syarīʿah bagi memastikan kemaslahatan manusia dapat direalisasikan. Auda (2010) pula melihat Maqāṣid Syarīʿah sebagai suatu kerangka yang bersifat menyeluruh, terbuka dan saling berhubung dalam menangani perubahan serta kerencaman kehidupan semasa. Oleh itu, Maqāṣid Syarīʿah tidak seharusnya difahami sebagai prinsip perundangan yang bersifat abstrak semata-mata, tetapi sebagai kerangka

normatif yang membimbing proses pembuatan keputusan, penggubalan dasar dan pelaksanaan perkhidmatan supaya selaras dengan tujuan Syarīʿah.

Al-Ghazali (2012) menjelaskan bahawa *maṣlaḥah* berkaitan dengan pemeliharaan tujuan Syarīʿah terhadap manusia. Tujuan tersebut merangkumi pemeliharaan lima perkara asas, iaitu agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Menurut beliau, setiap perkara yang dapat memelihara kelima-lima asas tersebut merupakan *maṣlaḥah*, manakala perkara yang merosakkannya dianggap sebagai *mafsadah*. Penolakan terhadap *mafsadah* tersebut juga merupakan sebahagian daripada usaha mencapai kemaslahatan. Pandangan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan lima perkara asas bukan sekadar pilihan etika, tetapi merupakan keperluan yang menentukan kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan manusia.

Al-Syatibi (1997) seterusnya menghuraikan bahawa kemaslahatan manusia perlu dipelihara berdasarkan tiga peringkat keutamaan, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. *Ḍarūriyyāt* merujuk kepada keperluan asas yang menentukan kelangsungan kehidupan manusia dan kestabilan masyarakat. Sekiranya keperluan ini tidak dipelihara, kehidupan manusia akan mengalami kerosakan dan ketidakseimbangan. *Ḥājiyyāt* pula merujuk kepada keperluan yang bertujuan menghilangkan kesukaran dan memudahkan kehidupan, manakala *Taḥsīniyyāt* merangkumi unsur pelengkap yang memperindah akhlak, adab, kebersihan, keselesaan dan kualiti kehidupan. Ketiga-tiga peringkat ini saling melengkapi kerana *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* berfungsi menyokong serta menyempurnakan pencapaian *Ḍarūriyyāt*.

Al-Syatibi (1997) turut menjelaskan bahawa pemeliharaan Maqāṣid Syarīʿah berlaku melalui dua dimensi, iaitu *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merujuk kepada usaha mewujudkan, mengukuhkan dan mengembangkan perkara yang dapat menjamin pencapaian kemaslahatan. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula merujuk kepada usaha mencegah atau menghapuskan perkara yang boleh merosakkan kemaslahatan tersebut. Kedua-dua dimensi ini menunjukkan bahawa Maqāṣid Syarīʿah bukan sahaja menuntut penyediaan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan yang baik, tetapi juga memerlukan kawalan terhadap unsur yang boleh membawa kemudaratan.

Ibn ‘Ashur (2006) memperluas perbincangan Maqāṣid Syarīʿah daripada pemeliharaan kepentingan individu kepada pembentukan sistem sosial dan institusi yang adil, teratur serta membawa kesejahteraan kepada masyarakat. Pemikiran ini

menunjukkan bahawa Maqāṣid Syarīʿah boleh digunakan sebagai asas dalam pembangunan dan penilaian sesebuah institusi kontemporari, termasuk institusi perhotelan. Operasi hotel bukan sahaja melibatkan hubungan komersial antara penyedia perkhidmatan dengan pelanggan, tetapi turut mempengaruhi agama, keselamatan, kesihatan, maruah, keluarga, akhlak dan harta manusia. Justeru, penilaian terhadap hotel patuh Syarīʿah perlu mengambil kira kesan keseluruhan operasinya terhadap kemaslahatan pelanggan, pekerja dan masyarakat.

Pemilihan Maqāṣid Syarīʿah sebagai asas teori kajian ini penting kerana pematuhan Syarīʿah dalam industri perhotelan tidak boleh dinilai hanya berdasarkan kewujudan kemudahan fizikal seperti sejadah, penunjuk arah kiblat, makanan halal atau ruang solat. Pendekatan tersebut hanya menggambarkan pematuhan pada peringkat luaran dan belum semestinya membuktikan bahawa keseluruhan sistem pengurusan hotel mencapai tujuan Syarīʿah. Sebagai contoh, penyediaan sejadah dan arah kiblat tidak menggambarkan pemeliharaan agama secara menyeluruh sekiranya hotel masih menyediakan minuman beralkohol dan hiburan yang bertentangan dengan Syarīʿah. Begitu juga, penyediaan makanan halal belum mencukupi sekiranya aspek kebersihan, keselamatan makanan dan kesihatan pelanggan diabaikan.

Sebaliknya, pendekatan berasaskan Maqāṣid Syarīʿah membolehkan penilaian dilakukan secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira polisi organisasi, reka bentuk fasiliti, keselamatan pelanggan, integriti pekerja, perlindungan privasi, urus niaga kewangan, kesejahteraan keluarga dan kesan sosial daripada operasi hotel. Melalui dimensi *min jānib al-wujūd*, pihak hotel perlu menyediakan kemudahan, perkhidmatan dan persekitaran yang menyokong pencapaian kemaslahatan. Melalui dimensi *min jānib al-ʿadam* pula, pihak hotel bertanggungjawab mencegah aktiviti, amalan dan risiko yang boleh memudaratkan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta pelanggan.

Keperluan terhadap kerangka Maqāṣid Syarīʿah semakin signifikan kerana operasi hotel melibatkan pelbagai aktiviti yang berpotensi menghasilkan manfaat atau kemudaratan. Aktiviti tersebut merangkumi penyediaan makanan, pengurusan bilik, keselamatan premis, perlindungan privasi, hiburan, urus niaga kewangan, pengurusan maklumat pelanggan serta interaksi antara pekerja dengan pelanggan. Sekiranya aspek-aspek ini tidak dipandu oleh objektif Syarīʿah, sesebuah hotel mungkin hanya memenuhi kepentingan komersial tanpa mempertimbangkan kesannya terhadap agama, akhlak, keselamatan, maruah dan kesejahteraan manusia.

Walaupun konsep hospitaliti mesra Muslim banyak dibincangkan melalui penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah dan perkhidmatan yang sensitif terhadap keperluan pelancong Muslim (Battour & Ismail, 2016; Razalli et al., 2019; Stephenson, 2014), pendekatan tersebut perlu diperkukuh melalui kerangka teori yang menjelaskan tujuan di sebalik setiap amalan. Dalam hal ini, Maqāṣid Syarīʿah berfungsi untuk menentukan bukan sahaja perkara yang perlu disediakan oleh hotel, tetapi juga sebab perkara tersebut diperlukan, bentuk kemudaratan yang perlu dicegah dan kemaslahatan yang hendak dicapai.

Oleh itu, teori Maqāṣid Syarīʿah digunakan dalam kajian ini sebagai asas untuk mengenal pasti, menyusun dan menjelaskan elemen perkhidmatan hotel patuh Syarīʿah. Lima prinsip pemeliharaan, iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-Nasl* dan *Ḥifẓ al-Māl*, seterusnya digunakan bagi menilai sejauh mana keseluruhan ekosistem perhotelan mampu merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kemudaratan. Huraian setiap prinsip tersebut dibincangkan dalam subseksyen berikut.

Ḥifẓ al-Dīn (Pemeliharaan Agama)

Ḥifẓ al-Dīn merujuk kepada usaha memelihara agama melalui pengukuhan akidah, pelaksanaan ibadah dan penghayatan nilai Syarīʿah dalam kehidupan manusia. Al-Ghazali (2012) meletakkan pemeliharaan agama sebagai salah satu daripada lima kepentingan asas yang membentuk *al-ḍarūriyyāt al-khams*. Menurut beliau, kemaslahatan manusia tidak dapat dicapai tanpa pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebarang perkara yang memelihara kelima-lima asas tersebut dianggap sebagai *maṣlaḥah*, manakala perkara yang merosakkan atau menghilangkannya dikategorikan sebagai *mafsadah*.

Al-Syatibi (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan agama perlu dilaksanakan melalui dua dimensi yang saling melengkapi, iaitu *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Pemeliharaan *min jānib al-wujūd* bermaksud mengukuhkan kewujudan agama melalui pelaksanaan akidah, ibadah dan amalan yang diperintahkan. Pemeliharaan *min jānib al-ʿadam* pula merujuk kepada usaha mencegah segala unsur yang boleh merosakkan, melemahkan atau menghapuskan kehidupan beragama. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Dīn* tidak terbatas kepada penyediaan kemudahan ibadah, tetapi turut melibatkan pengawalan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Ibn ‘Ashur (2006) memperluas pemahaman Maqāṣid Syarīʿah dengan menekankan bahawa pemeliharaan agama turut melibatkan perlindungan kebebasan untuk beragama, pengukuhan nilai moral serta pembentukan kehidupan sosial yang teratur. Auda (2010) pula melihat Maqāṣid Syarīʿah sebagai suatu sistem yang bersifat menyeluruh dan saling berhubung. Berdasarkan pandangan ini, pemeliharaan agama perlu diterapkan dalam keseluruhan struktur institusi, bukannya dilaksanakan melalui amalan simbolik atau kemudahan tertentu sahaja.

Dalam konteks hotel patuh Syarīʿah, dimensi *min jānib al-wujūd* dapat diterapkan melalui penyediaan surau yang bersih dan mudah diakses, penunjuk arah kiblat yang tepat, sejadah, naskhah al-Quran, jadual waktu solat dan kemudahan berwuduk. Hotel juga perlu menyediakan makanan halal yang diyakini statusnya serta memberikan ruang dan masa kepada pekerja untuk menunaikan kewajipan agama. Kemudahan tersebut membantu pelanggan dan pekerja melaksanakan ibadah dengan lebih mudah sepanjang berada di hotel (Battour & Ismail, 2016; Razalli et al., 2019).

Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula diterjemahkan melalui polisi yang menghalang penyediaan minuman beralkohol, perjudian, pelacuran dan hiburan yang bertentangan dengan Syarīʿah. Kandungan media, aktiviti rekreasi dan bentuk promosi hotel juga perlu dikawal agar tidak mengandungi unsur yang boleh menjejaskan akidah, akhlak dan penghayatan agama. Dalam hal ini, sebuah hotel belum boleh dianggap memelihara agama sekiranya hanya menyediakan sejadah dan arah kiblat, tetapi pada masa yang sama masih menawarkan arak atau aktiviti yang bertentangan dengan nilai Islam.

Pemeliharaan agama turut diterapkan melalui budaya organisasi dan etika penyampaian perkhidmatan. Nilai amanah, adil, jujur dan *iḥsān* perlu menjadi asas kepada hubungan antara pengurusan, pekerja dan pelanggan. Adab layanan pekerja, ucapan salam, pemakaian sopan dan penghormatan terhadap batas pergaulan mencerminkan penerapan nilai agama dalam operasi hotel. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya perlu dilakukan secara profesional, berhikmah dan menghormati pelanggan daripada latar belakang agama yang berbeza.

Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012), al-Syatibi (1997), Ibn ‘Ashur (2006) dan Auda (2010), *Ḥifẓ al-Dīn* memberikan asas teoritis untuk menilai pematuhan Syarīʿah secara lebih menyeluruh. Konstruk ini diperlukan kerana pematuhan agama dalam perhotelan tidak boleh diukur berdasarkan kemudahan fizikal semata-mata. Sebaliknya, penilaian perlu merangkumi polisi, fasiliti, makanan, sumber manusia,

budaya organisasi dan kawalan terhadap aktiviti yang bercanggah dengan Syarīʿah. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Dīn* menjadi konstruk teras dalam pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah berteraskan Maqāṣid Syarīʿah bagi memastikan keseluruhan ekosistem hotel menyokong kehidupan beragama dan mencegah perkara yang boleh merosakkannya.

Ḥifẓ al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa)

Ḥifẓ al-Nafs merujuk kepada pemeliharaan nyawa, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan fizikal manusia daripada segala bentuk ancaman dan kemudaratan. Al-Ghazali (2012) meletakkan pemeliharaan nyawa sebagai salah satu daripada lima keperluan asas dalam kategori *Ḍarūriyyāt*. Menurut beliau, setiap perkara yang melindungi nyawa merupakan *maṣlaḥah*, manakala tindakan yang mengancam atau memusnahkan nyawa dikategorikan sebagai *mafsadah* yang perlu dicegah. Prinsip ini selaras dengan larangan mencampakkan diri ke dalam kebinasaan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 195. Hal ini menunjukkan bahawa usaha mencegah bahaya dan melindungi manusia merupakan tuntutan asas dalam Syarīʿah.

Al-Syatibi (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan nyawa perlu dilaksanakan melalui dua dimensi, iaitu *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Pemeliharaan dari dimensi *min jānib al-wujūd* melibatkan penyediaan keperluan yang menyokong kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, rawatan dan persekitaran yang selamat. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula menuntut pencegahan terhadap segala ancaman yang boleh menyebabkan kecederaan, penyakit atau kehilangan nyawa. Ibn ‘Ashur (2006) turut menekankan bahawa pemeliharaan nyawa tidak terbatas kepada perlindungan individu, malah merangkumi pembentukan sistem sosial dan institusi yang mampu menjamin keselamatan serta kesejahteraan manusia secara menyeluruh.

Dalam konteks hotel patuh Syarīʿah, dimensi *min jānib al-wujūd* dapat diterapkan melalui penyediaan penginapan yang selamat, bersih dan kondusif. Pihak hotel perlu memastikan bilik, restoran, kolam renang, gimnasium, lif, kawasan parkir dan ruang awam diselenggarakan dengan baik. Penyediaan makanan halal juga perlu disertai prinsip *ṭayyib*, iaitu makanan yang bersih, selamat, berkualiti dan tidak memudaratkan kesihatan. Oleh itu, pengurusan bahan mentah, penyimpanan makanan, kebersihan dapur serta pencegahan pencemaran silang perlu diberikan perhatian kerana

aspek tersebut mempunyai hubungan langsung dengan kesihatan pelanggan (Razalli et al., 2019).

Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula diterjemahkan melalui langkah pencegahan terhadap risiko yang boleh mengancam keselamatan pelanggan dan pekerja. Langkah tersebut merangkumi sistem pengesanan serta pemadaman kebakaran, laluan keluar kecemasan, pencahayaan kawasan parkir, kawalan akses bilik, kamera keselamatan, kawalan kolam renang dan prosedur pemindahan ketika kecemasan. Pihak hotel juga perlu menyediakan pelan tindak balas kecemasan, peti pertolongan cemas dan pekerja yang terlatih untuk mengendalikan kejadian seperti kebakaran, kecederaan, keracunan makanan atau kecemasan kesihatan. Langkah ini membuktikan bahawa pemeliharaan nyawa memerlukan sistem pengurusan risiko yang tersusun, bukan sekadar reaksi selepas sesuatu kejadian berlaku.

Aspek kebersihan turut menjadi sebahagian penting daripada *Ḥifẓ al-Nafs* kerana kegagalan mengekalkan kebersihan boleh menyebabkan penyebaran penyakit dan menjejaskan kesihatan pelanggan. Pengalaman pandemik COVID-19 menunjukkan keperluan terhadap prosedur sanitasi yang konsisten, pengudaraan yang baik, pembersihan kawasan sentuhan tinggi dan pengurusan penyakit berjangkit. Walaupun ancaman pandemik berubah mengikut keadaan, kesiapsiagaan menghadapi penyakit berjangkit perlu dikekalkan sebagai sebahagian daripada sistem keselamatan dan kesihatan hotel. Ini menunjukkan bahawa kebersihan dalam hotel patuh Syarīʿah bukan sekadar unsur penampilan atau keselesaan, tetapi merupakan mekanisme penting untuk mencegah kemudaratan terhadap nyawa.

Pemeliharaan nyawa juga perlu mengambil kira keperluan pelanggan yang lebih terdedah kepada risiko, seperti kanak-kanak, warga emas, wanita hamil dan orang kurang upaya. Kemudahan yang mudah diakses, permukaan lantai yang selamat, papan tanda kecemasan yang jelas serta prosedur bantuan kepada golongan rentan mencerminkan tanggungjawab hotel dalam melindungi semua pelanggan tanpa diskriminasi. Pendekatan ini bertepatan dengan pemahaman Maqāṣid Syarīʿah yang menekankan kesejahteraan manusia secara inklusif dan menyeluruh.

Penerapan *Ḥifẓ al-Nafs* diperlukan kerana sesebuah hotel tidak boleh dianggap benar-benar patuh Syarīʿah sekiranya hanya menyediakan kemudahan ibadah dan makanan halal tetapi mengabaikan keselamatan, kebersihan serta kesihatan pelanggan. Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012), al-Syatibi (1997) dan Ibn ‘Ashur (2006), perlindungan nyawa perlu diterjemahkan melalui penyediaan kemudahan yang selamat

serta pencegahan risiko secara sistematik. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Nafs* menjadi konstruk penting dalam pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah bagi memastikan keseluruhan operasi hotel melindungi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pelanggan serta pekerja.

*Ḥifẓ al-'Aql (*Pemeliharaan Akal*)*

Ḥifẓ al-ʿAql merujuk kepada usaha memelihara kewarasan, kemampuan berfikir, pertimbangan moral dan perkembangan intelektual manusia. Al-Ghazali (2012) meletakkan pemeliharaan akal sebagai salah satu daripada lima keperluan asas dalam kategori *Ḍarūriyyāt*. Akal mempunyai kedudukan penting kerana melaluinya manusia dapat memahami tuntutan agama, membezakan antara kebaikan dengan keburukan serta melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Oleh itu, setiap perkara yang memelihara fungsi akal dianggap sebagai *maṣlaḥah*, manakala perkara yang merosakkan kewarasan dan pertimbangan manusia merupakan *mafsadah* yang perlu dicegah.

Larangan terhadap perkara yang merosakkan akal dapat dilihat melalui pengharaman arak dan bahan memabukkan. Allah SWT melarang pengambilan arak dan perjudian kerana kedua-duanya merupakan perbuatan keji yang boleh menghalang manusia daripada mengingati Allah SWT dan menunaikan solat, sebagaimana dijelaskan dalam Surah al-Mā'idah, ayat 90 hingga 91. Larangan tersebut menunjukkan bahawa Syarīʿah bukan sahaja melindungi manusia daripada kemudaratan fizikal, tetapi turut memelihara kestabilan pemikiran, pertimbangan dan tingkah laku. Justeru, pemeliharaan akal mempunyai hubungan langsung dengan pengawalan bahan, aktiviti dan persekitaran yang boleh menyebabkan ketagihan, kelalaian atau kehilangan kawalan diri.

Berdasarkan kerangka al-Syatibi (1997), pemeliharaan akal perlu dilaksanakan melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merujuk kepada usaha mengembangkan akal melalui pendidikan, penyampaian ilmu dan penyediaan persekitaran yang menyokong pemikiran positif. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan terhadap perkara yang boleh merosakkan fungsi akal seperti arak, dadah, perjudian dan kandungan yang membawa pengaruh negatif. Kedua-dua dimensi ini membuktikan bahawa *Ḥifẓ al-ʿAql* bukan sahaja

menuntut penghapusan bahan memabukkan, tetapi turut menggalakkan pembangunan ilmu dan kesedaran manusia.

Dalam konteks hotel patuh Syarīʿah, dimensi *min jānib al-ʿadam* dapat dilaksanakan melalui polisi yang melarang penjualan, penyediaan dan pengambilan minuman beralkohol serta bahan memabukkan di premis hotel. Larangan tersebut perlu meliputi bilik tetamu, restoran, bar mini, dewan acara dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak hotel. Hotel juga perlu mengelakkan perjudian dan bentuk hiburan yang boleh menghilangkan pertimbangan rasional atau mendorong kepada perlakuan tidak bermoral. Sesebuah hotel tidak boleh dianggap memelihara akal sekiranya keuntungan daripada penjualan arak, perjudian atau hiburan yang memudaratkan masih menjadi sebahagian daripada model perniagaannya.

Pemeliharaan akal turut melibatkan kawalan terhadap kandungan televisyen, internet dan media digital yang disediakan kepada pelanggan. Pihak hotel perlu mempunyai mekanisme kawalan terhadap kandungan pornografi, perjudian dalam talian, keganasan melampau dan bahan lain yang bercanggah dengan nilai agama serta moral. Walau bagaimanapun, kawalan tersebut perlu dilaksanakan secara teratur, telus dan profesional dengan mengambil kira keselamatan digital serta hak pelanggan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan akal dalam perhotelan tidak terhad kepada larangan bahan memabukkan, tetapi turut merangkumi pengurusan persekitaran maklumat yang boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pelanggan.

Dimensi *min jānib al-wujūd* pula dapat diterapkan dengan menyediakan kandungan yang bersifat mendidik dan membina pemikiran. Hotel boleh menyediakan bahan bacaan, perpustakaan mini, saluran dokumentari pendidikan, maklumat berkaitan budaya tempatan serta kandungan yang meningkatkan kefahaman tentang nilai Islam. Program seperti kelas al-Quran, ceramah agama atau perkongsian ilmu boleh disediakan sebagai perkhidmatan nilai tambah, khususnya kepada pelanggan yang menginap bagi tujuan program keagamaan. Langkah tersebut dapat memperluas fungsi hotel daripada sebuah premis penginapan kepada persekitaran yang menyokong pendidikan dan pembangunan nilai (Stephenson, 2014). Namun demikian, kemudahan ini merupakan unsur sokongan dan tidak boleh menggantikan tanggungjawab utama hotel untuk mencegah perkara yang merosakkan akal.

Prinsip *Ḥifẓ al-ʿAql* juga perlu diterapkan terhadap pekerja melalui latihan dan pembangunan pengetahuan. Pihak pengurusan hendaklah memberikan latihan berkaitan pematuhan Syarīʿah, pengurusan halal, etika perkhidmatan, keselamatan, sensitiviti

agama dan pengendalian pelanggan. Latihan tersebut membolehkan pekerja memahami tujuan di sebalik sesuatu polisi serta membuat keputusan yang tepat apabila berhadapan dengan situasi operasi sebenar. Tanpa pengetahuan yang mencukupi, pematuhan mungkin dilaksanakan secara mekanikal, tidak seragam atau terbatas kepada simbol fizikal semata-mata.

Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012) dan al-Syatibi (1997), pemeliharaan akal merangkumi pendekatan pencegahan dan pembangunan. Oleh itu, hotel patuh Syarīʿah bukan sahaja perlu menghindari arak, perjudian dan hiburan yang memudaratkan, tetapi juga perlu membentuk persekitaran maklumat serta budaya organisasi yang menyokong ilmu dan pemikiran yang sihat. Justeru, *Ḥifẓ al-ʿAql* menjadi konstruk penting dalam pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah bagi memastikan operasi hotel tidak merosakkan kewarasan dan pertimbangan manusia, malah menyumbang kepada perkembangan pengetahuan pelanggan serta pekerja.

Ḥifẓ al-nasl (Pemeliharaan Keturunan/Maruah)

Ḥifẓ al-Nasl merujuk kepada pemeliharaan keturunan, institusi keluarga, kehormatan dan kesinambungan generasi manusia melalui hubungan yang sah menurut Syarīʿah. Al-Ghazali (2012) meletakkan pemeliharaan keturunan sebagai salah satu daripada lima keperluan asas dalam kategori *Ḍarūriyyāt*. Prinsip ini bertujuan memastikan nasab manusia terpelihara, hubungan kekeluargaan dibangunkan secara sah dan maruah individu dilindungi daripada perbuatan yang boleh merosakkannya. Dalam perbincangan Maqāṣid Syarīʿah, pemeliharaan maruah atau *Ḥifẓ al-ʿIrḍ* mempunyai hubungan rapat dengan *Ḥifẓ al*-Nasl, khususnya dari aspek perlindungan kehormatan diri dan institusi keluarga.

Al-Syatibi (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan keturunan perlu dilaksanakan melalui dua dimensi, iaitu *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merangkumi usaha mengukuhkan institusi perkahwinan, keharmonian keluarga dan pendidikan generasi. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan terhadap zina, eksploitasi seksual, gangguan seksual dan perbuatan lain yang boleh menjejaskan nasab serta maruah manusia. Pendekatan ini selaras dengan larangan mendekati zina dalam Surah al-Isrā', ayat 32. Larangan tersebut

bukan sahaja merujuk kepada perbuatan zina, tetapi turut meliputi usaha menutup ruang yang boleh membawa kepada perlakuan tersebut.

Ibn ‘Ashur (2006) memperluas pemeliharaan keturunan kepada aspek pembentukan keluarga yang stabil dan sistem sosial yang melindungi anggota masyarakat. Berdasarkan pandangan ini, *Ḥifẓ al-Nasl* tidak seharusnya difahami hanya dari sudut pengawalan hubungan antara lelaki dengan wanita. Prinsip ini turut merangkumi perlindungan wanita, kanak-kanak dan golongan rentan daripada eksploitasi, penderaan, pemerdagangan manusia serta ancaman terhadap keselamatan dan maruah mereka. Oleh itu, sesebuah institusi bertanggungjawab mewujudkan persekitaran yang menyokong kesejahteraan keluarga dan melindungi kehormatan setiap individu.

Dalam konteks hotel patuh Syarīʿah, dimensi *min jānib al-ʿadam* dapat diterapkan melalui polisi penginapan dan pengurusan premis yang tidak memudahkan aktiviti pelacuran, eksploitasi seksual, khalwat atau perlakuan seksual yang bertentangan dengan Syarīʿah. Pelaksanaan polisi tersebut hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang dan prosedur operasi yang sah, telus serta tidak melibatkan pencerobohan sewenang-wenangnya terhadap privasi pelanggan. Pekerja juga perlu dilatih untuk mengenal pasti petunjuk pemerdagangan manusia, eksploitasi kanak-kanak dan gangguan seksual supaya tindakan yang sesuai dapat diambil berdasarkan prosedur keselamatan dan saluran perundangan.

Pemeliharaan keturunan dan maruah turut diterjemahkan melalui reka bentuk serta pengurusan fasiliti rekreasi yang menjaga aurat dan batas pergaulan. Kemudahan seperti kolam renang, spa, sauna dan gimnasium boleh diasingkan mengikut jantina atau disediakan melalui jadual penggunaan yang berbeza. Pihak hotel juga boleh menyediakan ruang rekreasi yang lebih tertutup serta menetapkan kod pakaian yang bersesuaian. Langkah tersebut memberikan pilihan kepada pelanggan Muslim untuk menggunakan kemudahan hotel tanpa mengabaikan tuntutan agama dan maruah diri.

Selain itu, privasi pelanggan perlu dilindungi melalui kawalan akses bilik, pengurusan rakaman kamera litar tertutup dan perlindungan maklumat peribadi. Kamera keselamatan tidak seharusnya ditempatkan di kawasan yang boleh mencabul privasi seperti bilik persalinan, tandas dan ruang rawatan spa. Maklumat serta imej pelanggan juga tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran atau asas perundangan yang sah. Perlindungan ini penting kerana pencerobohan privasi, penyebaran rakaman dan

penyalahgunaan maklumat boleh menjejaskan maruah pelanggan walaupun tidak melibatkan ancaman terhadap nasab secara langsung.

Dimensi *min jānib al-wujūd* pula dapat dilaksanakan melalui penyediaan perkhidmatan mesra keluarga. Antaranya termasuk bilik keluarga, ruang penyusuan, kemudahan penjagaan bayi, ruang permainan kanak-kanak dan aktiviti rekreasi yang sesuai untuk semua peringkat umur. Hotel juga boleh menawarkan pakej keluarga dan program yang menggalakkan interaksi positif antara ibu bapa dengan anak-anak. Penyediaan perkhidmatan ini dapat membantu mewujudkan persekitaran penginapan yang selamat, kondusif dan menyokong kesejahteraan keluarga Muslim (Samori et al., 2016).

Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012), al-Syatibi (1997) dan Ibn ‘Ashur (2006), *Ḥifẓ al-Nasl* merangkumi usaha mengukuhkan institusi keluarga serta mencegah perkara yang boleh merosakkan nasab dan maruah manusia. Oleh itu, penerapannya dalam perhotelan perlu meliputi polisi penginapan, pengurusan fasiliti rekreasi, perlindungan privasi, pencegahan eksploitasi dan penyediaan kemudahan mesra keluarga. Justeru, *Ḥifẓ al-Nasl* menjadi konstruk penting dalam pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah bagi memastikan keseluruhan operasi hotel menyokong kesejahteraan keluarga serta melindungi kehormatan pelanggan.

Ḥifẓ al-māl (Pemeliharaan Harta)

Ḥifẓ al-Māl merujuk kepada pemeliharaan hak pemilikan, pengurusan, pengembangan dan penggunaan harta melalui kaedah yang sah, adil serta tidak memudaratkan manusia. Al-Ghazali (2012) meletakkan pemeliharaan harta sebagai salah satu daripada lima keperluan asas dalam kategori *Ḍarūriyyāt*. Menurut beliau, setiap perkara yang melindungi harta manusia merupakan *maṣlaḥah*, manakala perbuatan yang menyebabkan kehilangan, kerosakan atau pengambilan harta secara *batil* dikategorikan sebagai *mafsadah*. Kedudukan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan harta bukan sekadar berkaitan dengan keuntungan, tetapi turut melibatkan perlindungan hak dan pencegahan kezaliman dalam urus niaga.

Prinsip tersebut selaras dengan larangan mengambil harta orang lain melalui jalan yang batil sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Nisā’, ayat 29. Ayat ini menegaskan bahawa urus niaga perlu dilaksanakan berdasarkan persetujuan bersama serta bebas daripada penipuan, manipulasi dan penganiayaan. Oleh itu, *Syarīʿah*

mengiktiraf hak manusia untuk memperoleh dan mengembangkan harta, tetapi hak tersebut perlu dilaksanakan melalui kaedah yang halal serta tidak menjejaskan kepentingan pihak lain.

Berdasarkan kerangka al-Syatibi (1997), pemeliharaan harta dapat dilaksanakan melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merangkumi usaha memperoleh, mengurus dan mengembangkan harta melalui aktiviti ekonomi yang sah dan produktif. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan terhadap kecurian, penipuan, pecah amanah, pembaziran, kerosakan harta dan pengambilan harta secara tidak sah. Ibn ‘Ashur (2006) turut memperluas pemeliharaan harta kepada aspek keteraturan urus niaga, kejelasan kontrak, keadilan dan peredaran kekayaan yang memberikan manfaat kepada masyarakat.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, dimensi *min jānib al-wujūd* dapat diterapkan melalui pengurusan kewangan yang cekap, beretika dan selaras dengan prinsip muamalat Islam. Sistem pembiayaan, pelaburan, perlindungan risiko, pembayaran dan pengurusan hasil hotel perlu menghindari unsur *ribā, gharar* yang berlebihan serta *maysir*. Kontrak antara hotel dengan pelanggan, pekerja, pembekal dan pelabur hendaklah mempunyai terma yang jelas serta dipersetujui oleh pihak yang terlibat. Kejelasan tersebut penting bagi mengelakkan pertikaian dan memastikan hak setiap pihak dilindungi.

Pemeliharaan harta pelanggan pula melibatkan ketelusan kadar bilik, caj perkhidmatan, cukai, deposit, polisi pembatalan dan bayaran tambahan. Semua maklumat tersebut perlu dinyatakan secara jelas sebelum pelanggan membuat tempahan atau pembayaran. Hotel tidak seharusnya mengenakan caj tersembunyi, menggunakan iklan mengelirukan atau menawarkan perkhidmatan yang tidak sama seperti yang dijanjikan. Amalan tersebut bukan sahaja menjejaskan kepercayaan pelanggan, tetapi juga boleh dikategorikan sebagai pengambilan harta secara tidak adil.

Dimensi *min jānib al-ʿadam* turut menuntut pihak hotel melindungi wang, barangan dan maklumat kewangan pelanggan daripada kehilangan atau penyalahgunaan. Langkah tersebut boleh dilaksanakan melalui penyediaan peti keselamatan, kawalan akses bilik, sistem kamera keselamatan, prosedur pengurusan barangan hilang serta mekanisme aduan dan pampasan yang jelas. Perlindungan data peribadi, maklumat kad pembayaran dan rekod transaksi digital juga merupakan sebahagian daripada pemeliharaan harta kerana kebocoran data boleh mengakibatkan penipuan serta kerugian kewangan kepada pelanggan.

Prinsip *Ḥifẓ al-Māl* tidak hanya melindungi kepentingan pelanggan, malah merangkumi hak pekerja dan pembekal. Pihak hotel bertanggungjawab membayar gaji dalam tempoh yang ditetapkan, menyediakan faedah pekerja yang dipersetujui dan mengelakkan eksploitasi tenaga kerja. Bayaran kepada pembekal juga perlu dilaksanakan berdasarkan kontrak dan tempoh yang dipersetujui. Pengurusan yang tidak telus, kelewatan bayaran tanpa alasan munasabah atau penyalahgunaan kuasa boleh menjejaskan harta serta kehidupan pihak yang bergantung pada operasi hotel.

Selain melindungi harta, Islam menggalakkan pengagihan kekayaan supaya manfaat aktiviti ekonomi dapat dinikmati oleh masyarakat. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu menunaikan zakat perniagaan apabila memenuhi syarat yang ditetapkan. Pihak hotel juga boleh melaksanakan tanggungjawab sosial melalui wakaf, infak, sedekah, bantuan komuniti dan sokongan kepada perusahaan tempatan (Kasim et al., 2019). Walau bagaimanapun, zakat perlu dibezakan daripada wakaf dan infak kerana zakat ialah kewajipan apabila mencukupi syarat, manakala wakaf dan infak merupakan amalan kebajikan yang digalakkan. Pelaksanaan tanggungjawab sosial ini membantu memastikan kekayaan tidak hanya berlegar dalam organisasi, tetapi turut memberikan manfaat kepada masyarakat.

Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012), al-Syatibi (1997) dan Ibn ʻAshur (2006), pemeliharaan harta merangkumi pemerolehan harta secara halal, pengurusan yang telus, perlindungan hak pemilikan dan pencegahan kezaliman dalam urus niaga. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Māl* menjadi konstruk penting dalam pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah* bagi memastikan keseluruhan pengurusan kewangan, kontrak, aset, hak pekerja dan transaksi pelanggan dilaksanakan secara adil, berintegriti serta selaras dengan prinsip muamalat Islam.

Rumusan Penerapan Teori *Maqāṣid Syarīʿah*

Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan konsep hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia masih bersifat fragmentari. Sebahagian hotel lebih menonjolkan elemen yang mudah dilihat seperti penyediaan makanan halal, sejadah dan penunjuk arah kiblat, sedangkan aspek keselamatan, perlindungan maruah, integriti urus niaga dan pengurusan kewangan patuh Syarīʿah belum diberikan perhatian secara seimbang (Rahman & Wahab, 2021; Suhailah, 2022). Ketidakseimbangan ini

menunjukkan bahawa pematuhan pada peringkat kemudahan fizikal belum mencukupi untuk menggambarkan pencapaian tujuan *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Penggunaan label seperti "hotel Islamik" atau "hotel patuh *Syarīʿah*" tanpa kriteria dan mekanisme penilaian yang jelas turut berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan. Penggunaan label tersebut sebagai strategi pemasaran tanpa disokong oleh polisi, sistem pengurusan dan amalan operasi yang konsisten boleh menjejaskan integriti konsep hotel patuh *Syarīʿah.* Keadaan ini membuktikan perlunya suatu model yang dapat menjelaskan elemen pematuhan serta hubungan setiap elemen dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*.

Berdasarkan sorotan literatur, *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar suatu idealisme normatif, tetapi merupakan kerangka praktikal yang boleh diterjemahkan ke dalam polisi dan operasi hotel. Kerangka ini mewujudkan keseimbangan antara aspek material seperti keselesaan, keselamatan, kesihatan dan kelestarian ekonomi dengan aspek kerohanian seperti agama, akhlak, maruah dan tanggungjawab sosial. Kelima-lima prinsip pemeliharaan juga saling berkaitan. Sebagai contoh, penyediaan makanan halal dan bersih bukan sahaja memelihara agama, tetapi turut melindungi nyawa, akal dan harta pelanggan.

Tanpa penerapan *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh, konsep hotel patuh *Syarīʿah* berisiko menjadi label komersial yang hanya menampilkan simbol keagamaan tanpa mencapai tujuan sebenar *Syarīʿah*. Oleh itu, pembangunan model berasaskan Maqāṣid Syarīʿah diperlukan bagi menyediakan kerangka yang lebih sistematik dalam menilai polisi, kemudahan, perkhidmatan, sumber manusia, kewangan dan tadbir urus hotel. Model tersebut bukan sahaja dapat memperkukuh integriti pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*, tetapi juga berpotensi meningkatkan keyakinan pelanggan serta daya saing Malaysia dalam pasaran pelancongan Islam.ummah.

2.5.1 Konsep Maqāṣid Syarīʿah

Maqāṣid Syarīʿah merupakan antara konsep terpenting dalam sistem perundangan Islam yang menjadi asas kepada pembentukan hukum dan pelaksanaan syariah dalam kehidupan manusia. Konsep ini merujuk kepada tujuan, hikmah dan objektif yang ingin dicapai oleh syariah dalam memastikan kemaslahatan manusia serta menolak kemudaratan dalam kehidupan dunia dan akhirat. Dalam konteks semasa, *Maqāṣid Syarīʿah* semakin diberikan perhatian dalam pelbagai bidang termasuk

ekonomi, kewangan Islam, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan hospitaliti Islam kerana pendekatannya yang bersifat holistik, fleksibel dan relevan dengan keperluan masyarakat kontemporari.

Dari sudut bahasa, perkataan maqāṣid merupakan kata jamak kepada maqṣad yang berasal daripada perkataan Arab qaṣada yang membawa maksud tujuan, matlamat, sasaran atau kehendak. Manakala perkataan *Syarīʿah* pula merujuk kepada segala hukum dan ketetapan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui al-Quran dan al-Sunnah bagi mengatur kehidupan manusia secara menyeluruh (Ibn Manẓūr, 1990). Oleh itu, *Maqāṣid Syarīʿah* dapat difahami sebagai tujuan dan objektif utama yang ingin dicapai melalui pensyariatan hukum-hakam Islam.

Dari sudut istilah, para ulama usul fiqh memberikan pelbagai definisi berkaitan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan pendekatan dan kefahaman masing-masing. Imam al-Ghazālī menjelaskan bahawa tujuan utama syariah adalah untuk menjaga lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut beliau:

"Maṣlaḥah ialah memelihara tujuan syarak dan tujuan syarak terhadap makhluk ialah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka" (al-Ghazālī, 2012).

Definisi ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* berfungsi sebagai mekanisme pemeliharaan kesejahteraan manusia melalui penjagaan elemen-elemen asas kehidupan.

Selain itu, al-Syāṭibī dalam karya al-Muwāfaqāt menegaskan bahawa keseluruhan hukum syariah dibina atas dasar menjaga kemaslahatan manusia sama ada dalam urusan dunia mahupun akhirat (al-Syāṭibī, 1997). Beliau turut menjelaskan bahawa setiap hukum yang disyariatkan mempunyai hikmah dan tujuan tertentu yang berkait rapat dengan kesejahteraan manusia. Pendekatan al-Syāṭibī ini menjadikan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai asas penting dalam memahami fleksibiliti dan kesyumulan syariah Islam.

Ibn ʿĀshūr pula mentakrifkan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai hikmah dan rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT dalam setiap hukum syariah demi mencapai kemaslahatan manusia secara menyeluruh (Ibn ʿĀshūr, 2001). Beliau menekankan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata, bahkan melibatkan keseluruhan sistem kehidupan manusia termasuk aspek sosial, ekonomi, politik dan pembangunan masyarakat.

Konsep *Maqāṣid Syarīʿah* turut berkait rapat dengan konsep maṣlaḥah dan mafsadah. Dari sudut bahasa, maṣlaḥah berasal daripada perkataan Arab ṣaluḥa yang

membawa maksud kebaikan, manfaat dan sesuatu yang mendatangkan faedah kepada manusia. Dari sudut istilah pula, maṣlaḥah merujuk kepada segala perkara yang membawa manfaat dan kebaikan serta membantu mencapai tujuan syariah dalam kehidupan manusia (al-Ghazālī, 2012). Dalam konteks syariah, sesuatu perkara dianggap sebagai maṣlaḥah apabila ia membantu memelihara lima elemen asas *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Sebaliknya, mafsadah merujuk kepada segala bentuk kerosakan, kemudaratan dan keburukan yang boleh menjejaskan kesejahteraan manusia serta bercanggah dengan tujuan syariah. Izz al-Dīn Ibn ʿAbd al-Salām menjelaskan bahawa keseluruhan syariah dibina atas prinsip mencapai maṣlaḥah dan menolak mafsadah dalam kehidupan manusia (Izz al-Dīn Ibn ʿAbd al-Salām, 1991). Oleh itu, setiap hukum dan ketetapan syariah bertujuan memastikan manusia memperoleh manfaat serta terhindar daripada sebarang bentuk kerosakan dan kemudaratan.

Hubungan antara maṣlaḥah dan mafsadah menjadi asas penting dalam memahami pelaksanaan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pelbagai bidang kehidupan termasuk industri hospitaliti Islam. Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pendekatan maṣlaḥah dapat dilihat melalui penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, keselamatan pelanggan, perlindungan privasi dan suasana yang kondusif untuk penghayatan Islam. Pada masa yang sama, unsur mafsadah pula perlu dielakkan seperti penyediaan hiburan melampau, penjualan alkohol, percampuran sosial tanpa batasan, unsur perjudian dan perkara yang boleh menjejaskan akidah serta moral pelanggan Muslim.

Dalam perkembangan ilmu usul fiqh, para ulama membahagikan *Maqāṣid Syarīʿah* kepada tiga kategori utama iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Kategori *ḍarūriyyāt* merujuk kepada keperluan asas yang wajib dipelihara bagi menjamin kelangsungan kehidupan manusia seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Ḥājiyyāt* pula merujuk kepada keperluan yang membantu menghilangkan kesukaran dan memudahkan kehidupan manusia, manakala *taḥsīniyyāt* melibatkan aspek kesempurnaan, akhlak dan nilai estetika dalam kehidupan (al-Syāṭibī, 1997).

Dalam konteks industri hospitaliti Islam, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* dilihat sangat relevan kerana konsep ini bukan sahaja menekankan pematuhan hukum secara literal, tetapi turut memberi perhatian kepada objektif dan hikmah di sebalik pelaksanaan sesuatu perkhidmatan. Hotel patuh *Syarīʿah* misalnya bukan sekadar menyediakan makanan halal dan fasiliti ibadah, tetapi turut berperanan memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), menjaga keselamatan pelanggan (*Ḥifẓ al-Nafs*), mengawal unsur

hiburan yang merosakkan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), menjaga maruah dan keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) serta memastikan pengurusan kewangan dan transaksi yang telus (*Ḥifẓ al-Māl*

Selain itu, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* juga membantu memastikan pembangunan industri hospitaliti Islam tidak hanya tertumpu kepada elemen simbolik semata-mata, sebaliknya benar-benar memenuhi objektif syariah secara menyeluruh. Pendekatan ini selaras dengan keperluan semasa industri pelancongan Islam yang semakin kompleks dan memerlukan satu model pengurusan yang lebih sistematik, lestari dan berteraskan nilai Islam.

Secara keseluruhannya, konsep *Maqāṣid Syarīʿah* merupakan asas penting dalam memahami tujuan dan hikmah pensyariatan Islam dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk industri hospitaliti. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek pematuhan hukum, malah turut memberi perhatian kepada pemeliharaan maslahat dan kesejahteraan manusia secara holistik. Oleh itu, penerapan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* dilihat mampu memperkukuhkan integriti industri hospitaliti Islam serta memastikan pelaksanaannya selaras dengan objektif sebenar syariah.

2.5.2 Pembahagian Maqāṣid Syarīʿah

Para ulama usul fiqh membahagikan *Maqāṣid Syarīʿah* kepada beberapa kategori berdasarkan tahap keperluan dan kepentingannya dalam kehidupan manusia. Pembahagian ini bertujuan menjelaskan bahawa syariah Islam bukan sahaja menjaga perkara asas yang berkaitan kelangsungan hidup manusia, malah turut memberi perhatian kepada aspek kemudahan, kesempurnaan akhlak dan kesejahteraan sosial. Secara umumnya, *Maqāṣid Syarīʿah* dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* (al-Syāṭibī, 1997).

Pembahagian ini diperincikan secara sistematik oleh al-Syāṭibī dalam karya beliau *al-Muwāfaqāt* fī Uṣūl al-*Syarīʿah* dan kemudiannya diterima secara meluas dalam perbahasan *Maqāṣid Syarīʿah* oleh para ulama selepas beliau. Pembahagian tersebut menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai pendekatan yang menyeluruh dalam memenuhi keperluan manusia dari aspek asas, kemudahan dan kesempurnaan kehidupan.

a) Ḍarūriyyāt

Kategori *ḍarūriyyāt* merujuk kepada keperluan asas yang wajib dipelihara bagi memastikan kelangsungan hidup manusia dan kestabilan masyarakat. Kegagalan memelihara elemen-elemen *ḍarūriyyāt* boleh menyebabkan kerosakan besar terhadap kehidupan manusia sama ada di dunia mahupun akhirat. Menurut al-Ghazālī (2012), syariah Islam diturunkan untuk menjaga lima perkara asas yang dikenali sebagai al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams iaitu agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*).

Pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) merupakan maqasid tertinggi dalam syariah kerana agama menjadi asas kepada kehidupan manusia. Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, aspek ini melibatkan penyediaan kemudahan ibadah, kawalan unsur yang boleh menjejaskan akidah serta penyediaan persekitaran yang menyokong penghayatan Islam. Pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) pula merangkumi aspek keselamatan pelanggan, kebersihan, makanan halal dan kawalan risiko dalam operasi hotel.

Selain itu, pemeliharaan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*) melibatkan kawalan terhadap unsur-unsur yang boleh merosakkan pemikiran seperti alkohol, dadah dan hiburan melampau. Pemeliharaan keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) pula berkait dengan penjagaan maruah, kawalan pergaulan bebas dan perlindungan institusi keluarga. Manakala pemeliharaan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) merangkumi pengurusan kewangan yang telus, transaksi patuh *Syarīʿah* dan perlindungan hak pelanggan serta organisasi.

Dalam konteks industri hospitaliti Islam, kategori *ḍarūriyyāt* menjadi asas utama dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* kerana elemen-elemen ini berkait secara langsung dengan objektif utama syariah dan kesejahteraan pengguna Muslim.

b) Ḥājiyyāt

Kategori *Ḥājiyyāt* merujuk kepada keperluan yang bertujuan menghilangkan kesukaran dan memudahkan kehidupan manusia. Walaupun ketiadaan unsur *Ḥājiyyāt* tidak mengancam kelangsungan hidup manusia seperti *ḍarūriyyāt*, namun ketiadaannya boleh menyebabkan kesulitan dan kesempitan dalam kehidupan (al-Syāṭibī, 1997).

Dalam syariah Islam, kategori *Ḥājiyyāt* menunjukkan bahawa Islam bukan agama yang membebankan, sebaliknya memberi kemudahan kepada manusia dalam melaksanakan tuntutan kehidupan. Konsep ini dapat dilihat melalui pelbagai rukhsah

dan kelonggaran yang diberikan dalam hukum Islam bagi mengelakkan kesukaran kepada manusia.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, elemen *Ḥājiyyāt* merangkumi aspek yang membantu meningkatkan keselesaan dan kemudahan pelanggan Muslim seperti penyediaan menu mesra Muslim, kemudahan tempahan makanan halal, ruang rekreasi berasingan, aplikasi digital berkaitan waktu solat dan arah kiblat serta perkhidmatan pelanggan yang memahami sensitiviti agama. Elemen-elemen ini membantu meningkatkan pengalaman pelanggan tanpa menjejaskan prinsip asas syariah.

Selain itu, pendekatan *Ḥājiyyāt* juga penting dalam membantu pengusaha hotel menyesuaikan pelaksanaan prinsip *Syarīʿah* dengan realiti industri semasa tanpa mengabaikan objektif utama syariah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai elemen fleksibiliti dan kemudahan dalam pelaksanaannya.

c) Taḥsīniyyāt

Kategori *taḥsīniyyāt* pula merujuk kepada aspek pelengkap yang bertujuan memperindahkan kehidupan manusia melalui penerapan nilai akhlak, adab, etika dan kesempurnaan dalam kehidupan. Kategori ini berkait dengan unsur keselesaan, kecantikan, kesopanan dan nilai moral yang membantu meningkatkan kualiti kehidupan manusia (al-Syāṭibī, 1997).

Walaupun *taḥsīniyyāt* tidak berada pada tahap keperluan asas seperti *ḍarūriyyāt* dan *Ḥājiyyāt*, namun elemen ini tetap penting dalam memperlihatkan kesempurnaan syariah Islam. Dalam konteks kehidupan Muslim, *taḥsīniyyāt* membantu membentuk masyarakat yang berakhlak, beradab dan mempunyai nilai estetika yang baik selaras dengan tuntutan Islam.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, elemen *taḥsīniyyāt* boleh dilihat melalui aspek kebersihan, susun atur hotel, pemilihan hiburan yang sesuai, pakaian pekerja yang sopan, persekitaran yang tenang dan dekorasi yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Selain itu, layanan mesra pelanggan, budaya kerja beretika dan suasana yang harmoni juga merupakan sebahagian daripada elemen *taḥsīniyyāt* dalam industri hospitaliti Islam.

Pendekatan *taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja perlu memenuhi keperluan asas pelanggan Muslim, malah turut memberi perhatian

kepada aspek keselesaan, etika dan kualiti perkhidmatan yang mencerminkan keindahan nilai Islam.

Secara keseluruhannya, pembahagian *Maqāṣid Syarīʿah* kepada *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai pendekatan yang menyeluruh dalam menjaga keperluan manusia. Pembahagian ini bukan sahaja penting dalam memahami tujuan pensyariatan Islam, malah sangat relevan dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, holistik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

2.5.3 Teori *Maqāṣid Syarīʿah* Menurut Ulama Klasik

Perbahasan mengenai *Maqāṣid Syarīʿah* telah diberikan perhatian yang besar oleh para ulama usul fiqh klasik melalui karya-karya turath yang membincangkan tujuan, hikmah dan maslahat di sebalik pensyariatan hukum Islam. Pemikiran ulama klasik ini menjadi asas penting dalam memahami konsep *Maqāṣid Syarīʿah* secara lebih sistematik dan menyeluruh. Melalui perbahasan tersebut, para ulama bukan sahaja menekankan kepentingan pematuhan hukum, malah turut menjelaskan bahawa setiap hukum syariah mempunyai objektif tertentu bagi menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan.

a) Imam al-Juwaynī

Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī (m. 478H) merupakan antara tokoh terawal yang membincangkan konsep maslahat dan tujuan syariah secara sistematik dalam karya beliau al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh. Beliau menjelaskan bahawa syariah diturunkan untuk menjaga kepentingan manusia serta mengelakkan kerosakan dalam kehidupan. Al-Juwaynī turut membahagikan maslahat kepada beberapa kategori dan menekankan bahawa sesuatu hukum perlu dinilai berdasarkan kesannya terhadap kesejahteraan manusia (al-Juwaynī, 1997).

Pemikiran al-Juwaynī menjadi asas awal kepada perkembangan teori *Maqāṣid Syarīʿah* khususnya dalam perbahasan berkaitan maslahat dan objektif hukum Islam. Pendekatan beliau menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai sifat yang fleksibel dan bertujuan menjaga kestabilan kehidupan manusia secara menyeluruh.

b) Imam al-Ghazālī

Perkembangan teori *Maqāṣid Syarīʿah* diperkukuhkan lagi oleh Imam al-Ghazālī (m. 505H) menerusi karya beliau al-Mustaṣfā min ʿIlm al-Uṣūl. Al-Ghazālī dianggap sebagai tokoh penting yang memperkemaskan teori *Maqāṣid Syarīʿah* melalui pembahagian al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams iaitu pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*).

Menurut beliau:

"Tujuan syariah terhadap manusia ialah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka" (al-Ghazālī, 2012).

Al-Ghazālī turut menjelaskan bahawa sesuatu perkara dianggap sebagai maṣlaḥah apabila ia membantu memelihara lima perkara asas tersebut. Sebaliknya, segala perkara yang membawa kerosakan terhadap elemen-elemen tersebut dianggap sebagai mafsadah dan wajib dielakkan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa syariah Islam bukan sekadar bersifat ritual semata-mata, sebaliknya bertujuan menjaga kesejahteraan manusia secara holistik.

c) Imam al-Syāṭibī

Abū Isḥāq al-Syāṭibī (m. 790H) merupakan tokoh yang memainkan peranan besar dalam memperluaskan teori *Maqāṣid Syarīʿah* melalui karya beliau al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-*Syarīʿah*. Beliau dianggap sebagai pelopor utama yang menjadikan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai satu teori yang lengkap dan tersusun dalam ilmu usul fiqh.

Al-Syāṭibī menegaskan bahawa keseluruhan syariah dibina atas dasar menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Menurut beliau:

"Sesungguhnya syariah ditetapkan untuk merealisasikan maslahat manusia di dunia dan akhirat" (al-Syāṭibī, 1997).

Beliau turut membahagikan *Maqāṣid Syarīʿah* kepada tiga kategori utama iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Pembahagian ini menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai pendekatan yang menyeluruh dalam memenuhi keperluan asas, menghilangkan kesukaran dan memperindahkan kehidupan manusia.

Selain itu, al-Syāṭibī juga menekankan bahawa setiap hukum syariah mempunyai hikmah tertentu dan tidak ditetapkan secara sia-sia. Oleh itu, kefahaman terhadap *Maqāṣid Syarīʿah* amat penting dalam memastikan sesuatu hukum diaplikasikan secara tepat mengikut keperluan semasa.

d) Imam al-Qarāfī

Al-Qarāfī (m. 684H) melalui karya beliau al-Furūq turut memberikan sumbangan penting dalam perkembangan teori *Maqāṣid Syarīʿah* khususnya dalam aspek memahami perbezaan antara tujuan (maqāṣid) dan medium (wasāʾil) sesuatu hukum. Beliau menjelaskan bahawa kegagalan membezakan antara kedua-dua aspek tersebut boleh menyebabkan kesilapan dalam memahami dan melaksanakan hukum Islam.

Al-Qarāfī juga menegaskan bahawa hukum syariah sentiasa berkait dengan maslahat manusia dan perubahan sesuatu keadaan boleh mempengaruhi pendekatan pelaksanaan hukum. Pemikiran beliau menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai elemen fleksibiliti dalam memastikan maslahat manusia sentiasa terpelihara.

e) Fakhr al-Dīn al-Āmidī

Fakhr al-Dīn al-Āmidī (m. 631H) melalui karya beliau al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām turut membincangkan hubungan antara hukum syariah dan maslahat manusia. Beliau menegaskan bahawa setiap ketetapan hukum mempunyai tujuan tertentu dan tidak terpisah daripada prinsip menjaga kepentingan manusia.

Al-Āmidī turut menekankan bahawa pemeliharaan agama merupakan maqasid tertinggi dalam syariah kerana agama menjadi asas kepada kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa aspek *Ḥifẓ al-Dīn* perlu diberikan keutamaan dalam setiap pelaksanaan hukum dan pengurusan kehidupan manusia.

f) Izz al-Dīn Ibn ʿAbd al-Salām

Izz al-Dīn Ibn ʿAbd al-Salām (m. 660H) melalui karya beliau Qawāʿid al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām turut memberikan sumbangan besar dalam perkembangan teori *Maqāṣid Syarīʿah*. Beliau menjelaskan bahawa keseluruhan syariah dibina atas dasar mencapai maslahat dan menolak mafsadah dalam kehidupan manusia.

Menurut beliau, segala bentuk kebaikan dan manfaat merupakan tujuan utama syariah, manakala segala bentuk kerosakan dan kemudaratan perlu dicegah. Pendekatan ini menunjukkan bahawa syariah Islam sangat menitikberatkan kesejahteraan manusia dalam setiap aspek kehidupan termasuk sosial, ekonomi, politik dan pengurusan masyarakat.

g) Ibn ʿĀshūr

Walaupun dikategorikan sebagai ulama kontemporari awal, Ibn ʿĀshūr (m. 1393H) turut memainkan peranan penting dalam memperbaharui teori *Maqāṣid Syarīʿah* melalui karya beliau Maqāṣid al-*Syarīʿah* al-Islāmiyyah. Beliau menekankan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* perlu diaplikasikan dalam pelbagai bidang kehidupan moden termasuk ekonomi, pentadbiran dan pembangunan sosial.

Ibn ʿĀshūr turut menjelaskan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* bukan hanya tertumpu kepada individu, tetapi turut melibatkan kepentingan masyarakat dan pembangunan tamadun manusia secara menyeluruh. Pendekatan beliau menunjukkan bahawa teori *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai sifat yang dinamik dan relevan dengan keperluan semasa.

Secara keseluruhannya, teori *Maqāṣid Syarīʿah* menurut ulama klasik menunjukkan bahawa syariah Islam dibina atas prinsip menjaga maslahat dan menolak mafsadah dalam kehidupan manusia. Pemikiran tokoh-tokoh seperti al-Juwaynī, al-Ghazālī, al-Syāṭibī, al-Qarāfī, al-Āmidī dan Izz al-Dīn Ibn ʿAbd al-Salām telah menjadi asas penting dalam memperkukuhkan teori *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka utama dalam memahami tujuan pensyariatan Islam. Dalam konteks kajian ini, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* amat signifikan dalam membangunkan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, holistik dan selaras dengan objektif sebenar syariah.

2.5.4 Sejarah Perkembangan *Maqāṣid Syarīʿah*

Perbincangan mengenai *Maqāṣid Syarīʿah* telah berkembang sejak zaman awal perkembangan ilmu usul fiqh dan terus mengalami evolusi sehingga menjadi antara disiplin penting dalam pengajian hukum Islam kontemporari. Walaupun istilah *Maqāṣid Syarīʿah* tidak dibincangkan secara khusus pada peringkat awal Islam, namun asas pemikirannya telah pun wujud melalui penekanan al-Quran dan al-Sunnah terhadap kepentingan menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan dalam kehidupan.

Perkembangan awal konsep *Maqāṣid Syarīʿah* dapat dilihat melalui ijtihad para sahabat dan tabiʿin yang sentiasa mengambil kira hikmah dan tujuan sesuatu hukum dalam menyelesaikan isu-isu semasa. Pendekatan ini kemudiannya berkembang dalam perbahasan ilmu usul fiqh melalui karya-karya ulama klasik yang membincangkan

konsep maslahat (maṣlaḥah), hikmah hukum dan tujuan pensyariatan Islam secara lebih sistematik.

Antara tokoh terawal yang membincangkan asas *Maqāṣid Syarīʿah* secara ilmiah ialah Imam al-Ḥaramayn al-Juwaynī (m. 478H) menerusi karya beliau al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh. Beliau merupakan antara ulama terawal yang membahagikan maslahat kepada beberapa kategori dan menekankan kepentingan menjaga tujuan syariah dalam penetapan hukum. Al-Juwaynī menjelaskan bahawa syariah diturunkan bagi menjaga kepentingan manusia serta mengelakkan kemudaratan dalam kehidupan (al-Juwaynī, 1997). Pemikiran beliau menjadi asas penting kepada perkembangan teori *Maqāṣid Syarīʿah* pada zaman-zaman berikutnya.

Perkembangan konsep *Maqāṣid Syarīʿah* kemudiannya diperkukuhkan oleh Imam al-Ghazālī (m. 505H) melalui karya agung beliau al-Mustaṣfā min ʿIlm al-Uṣūl. Al-Ghazālī dianggap sebagai tokoh penting yang memperkemaskan teori *Maqāṣid Syarīʿah* secara lebih sistematik khususnya melalui pembahagian lima keperluan asas manusia yang dikenali sebagai al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams. Menurut beliau, tujuan utama syariah adalah untuk memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) (al-Ghazālī, 2012). Pembahagian ini kemudiannya menjadi asas utama dalam kebanyakan perbahasan *Maqāṣid Syarīʿah* sehingga ke hari ini.

Selain itu, al-Ghazālī turut memperkenalkan konsep maṣlaḥah sebagai asas penting dalam memahami tujuan pensyariatan Islam. Beliau menjelaskan bahawa sesuatu hukum dianggap selaras dengan syariah apabila mampu menjaga lima keperluan asas manusia tersebut. Pendekatan ini menunjukkan bahawa syariah Islam tidak hanya menekankan aspek ibadah semata-mata, bahkan memberi perhatian terhadap kesejahteraan hidup manusia secara menyeluruh.

Perkembangan *Maqāṣid Syarīʿah* mencapai tahap yang lebih matang melalui pemikiran Abū Isḥāq al-Syāṭibī (m. 790H) dalam karya beliau al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-*Syarīʿah*. Al-Syāṭibī dianggap sebagai tokoh yang memperluaskan perbahasan *Maqāṣid Syarīʿah* daripada sekadar konsep maslahat kepada satu teori yang lengkap dan tersusun. Beliau menegaskan bahawa keseluruhan syariah dibina atas dasar menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat (al-Syāṭibī, 1997).

Al-Syāṭibī turut membahagikan *Maqāṣid Syarīʿah* kepada tiga kategori utama iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Menurut beliau, kategori *ḍarūriyyāt* merupakan keperluan asas yang wajib dipelihara bagi memastikan kelangsungan hidup

manusia dan kestabilan masyarakat. Manakala *Ḥājiyyāt* pula bertujuan menghilangkan kesukaran dalam kehidupan, sementara *taḥsīniyyāt* melibatkan aspek kesempurnaan akhlak, adab dan nilai estetika. Pembahagian ini menunjukkan bahawa syariah Islam mempunyai pendekatan yang menyeluruh dan fleksibel dalam menjaga kepentingan manusia.

Selain al-Juwaynī, al-Ghazālī dan al-Syāṭibī, perkembangan *Maqāṣid Syarīʿah* turut diperkukuhkan oleh tokoh-tokoh lain seperti *al-Qarāfī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Āmidī* dan *Ibn ʿĀshūr.* Ibn ʿĀshūr khususnya memainkan peranan penting dalam memperbaharui perbahasan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks moden melalui karya beliau Maqāṣid al-*Syarīʿah* al-Islāmiyyah. Beliau menekankan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* perlu diaplikasikan dalam pelbagai bidang kehidupan kontemporari termasuk ekonomi, sosial, politik dan pembangunan masyarakat (Ibn ʿĀshūr, 2001).

Dalam konteks semasa, *Maqāṣid Syarīʿah* tidak lagi terhad kepada perbahasan ilmu usul fiqh semata-mata, sebaliknya telah diaplikasikan secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk kewangan Islam, pengurusan halal, pelancongan Islam dan hospitaliti *Syarīʿah*. Pendekatan ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai sifat yang dinamik dan mampu menjadi asas penting dalam menangani isu-isu kontemporari secara lebih holistik dan relevan.

Dalam industri hospitaliti Islam, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* dilihat sangat signifikan kerana konsep ini bukan sahaja menekankan pematuhan hukum secara literal, malah memberi perhatian terhadap tujuan dan hikmah sesuatu pelaksanaan. Oleh itu, pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* perlu mengambil kira prinsip pemeliharaan agama, keselamatan, akhlak, privasi dan kesejahteraan pelanggan secara menyeluruh selaras dengan objektif utama syariah.

Secara keseluruhannya, sejarah perkembangan *Maqāṣid Syarīʿah* menunjukkan bahawa konsep ini berkembang secara berperingkat daripada perbahasan asas maslahat dalam ilmu usul fiqh kepada satu teori yang komprehensif dan relevan dengan pelbagai bidang kehidupan moden. Pemikiran tokoh-tokoh seperti al-Juwaynī, al-Ghazālī dan al-Syāṭibī telah menjadi asas penting dalam memperkukuhkan kedudukan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka utama dalam memahami tujuan dan hikmah pensyariatan Islam.

2.5.5 al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams

Konsep *al-Ḍarūriyyāt al-Khams* merupakan teras utama dalam perbahasan Maqāṣid Syarīʿah yang merujuk kepada lima kepentingan asas yang mesti dipelihara bagi menjamin kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan manusia. Lima kepentingan tersebut ialah agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Pemeliharaan kelima-lima elemen ini menjadi asas kepada pembentukan hukum kerana kerosakannya boleh menyebabkan kehidupan manusia kehilangan keseimbangan, ketertiban dan kemaslahatan, sama ada di dunia mahupun di akhirat (al-Ghazālī, 2012; al-Syāṭibī, 1997).

Asas pemikiran mengenai keperluan darurat dapat dikesan dalam karya Imam al-Juwaynī melalui *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Al-Juwaynī membahagikan tujuan hukum berdasarkan tahap kepentingannya, termasuk perkara yang bersifat darurat, keperluan umum dan kemuliaan akhlak. Beliau menegaskan bahawa hukum yang berkaitan dengan kepentingan darurat bertujuan melindungi asas kehidupan manusia daripada kerosakan. Walaupun beliau belum menyusun lima pemeliharaan dalam bentuk yang lengkap seperti ulama selepasnya, kerangka pemikiran tersebut menjadi asas penting kepada pembentukan teori Maqāṣid Syarīʿah yang lebih sistematik (al-Juwaynī, 1997).

Al-Ghazālī kemudiannya memperincikan konsep tersebut dalam *al-Mustaṣfā min ʿIlm al-Uṣūl* dengan menyatakan bahawa tujuan Syarīʿah terhadap manusia adalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut al-Ghazālī (2012), setiap perkara yang menjamin pemeliharaan lima kepentingan tersebut merupakan *maṣlaḥah*, manakala perkara yang merosakkan atau menghilangkannya merupakan *mafsadah*. Usaha menolak *mafsadah* juga termasuk dalam pengertian merealisasikan *maṣlaḥah*. Penjelasan ini menunjukkan bahawa sesuatu hukum atau tindakan perlu dinilai berdasarkan kesannya terhadap kelangsungan lima kepentingan asas tersebut.

Al-Syāṭibī (1997) mengembangkan pemikiran ini secara lebih sistematik melalui *al-Muwāfaqāt*. Menurut beliau, keseluruhan ketetapan Syarīʿah bertujuan menjaga kemaslahatan manusia berdasarkan tiga tahap keutamaan, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. *Ḍarūriyyāt* ialah kepentingan asas yang tanpanya kehidupan dunia dan agama akan mengalami kerosakan. *Ḥājiyyāt* pula bertujuan menghilangkan kesukaran dan memberikan kemudahan kepada manusia, manakala *Taḥsīniyyāt*

menyempurnakan kehidupan melalui akhlak, kesopanan, kebersihan, keindahan dan keselesaan. Kedua-dua tahap terakhir berfungsi menyokong dan menyempurnakan pencapaian *Ḍarūriyyāt*, tetapi tidak boleh disamakan kedudukannya dengan keperluan asas.

Al-Syāṭibī (1997) turut menjelaskan bahawa pemeliharaan lima kepentingan tersebut berlaku melalui dua dimensi. Dimensi pertama ialah *min jānib al-wujūd*, iaitu mewujudkan, mengukuhkan dan mengembangkan perkara yang menyokong kewujudan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dimensi kedua ialah *min jānib al-ʿadam*, iaitu mencegah atau menghapuskan perkara yang boleh merosakkan kelima-lima kepentingan tersebut. Oleh itu, pemeliharaan *Maqāṣid Syarīʿah* tidak hanya melibatkan penyediaan manfaat, tetapi turut menuntut pengurusan risiko dan pencegahan kemudaratan.

Perbahasan ini mempunyai hubungan dengan kaedah fiqh *al-ḍarar yuzāl*, iaitu kemudaratan hendaklah dihilangkan. Ia juga bertepatan dengan prinsip *darʾ al-mafāsid muqaddam ʿalā jalb al-maṣāliḥ*, iaitu pencegahan kemudaratan diberikan keutamaan apabila bertembung dengan usaha memperoleh kemaslahatan. Al-'Izz ibn 'Abd al-Salām dalam *Qawāʿid al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām* menegaskan kepentingan menilai tahap manfaat dan kemudaratan sebelum menentukan keutamaan sesuatu tindakan. Al-Qarāfī pula menerusi *al-Furūq* menunjukkan bahawa penilaian hukum perlu mengambil kira tujuan, konteks dan kesan pelaksanaan supaya sesuatu hukum tidak diaplikasikan secara mekanikal tanpa mempertimbangkan realiti (al-'Izz ibn 'Abd al-Salām, 1991; al-Qarāfī, 1998).

Walau bagaimanapun, hubungan sesuatu amalan dengan salah satu daripada lima pemeliharaan tidak secara automatik menjadikan amalan tersebut sebagai *Ḍarūriyyāt*. Pengelasan perlu dibuat berdasarkan tahap keperluan dan kesan ketiadaannya. Sesuatu perkara hanya boleh dikategorikan sebagai *Ḍarūriyyāt* apabila ketiadaannya mengancam atau merosakkan asas agama dan kehidupan manusia. Sekiranya ketiadaan sesuatu perkara hanya menyebabkan kesukaran, perkara tersebut lebih tepat diletakkan pada peringkat *Ḥājiyyāt*. Jika sesuatu perkara sekadar meningkatkan keselesaan, kebersihan, keindahan dan kesempurnaan amalan, perkara tersebut berada pada peringkat *Taḥsīniyyāt*.

Pembezaan ini penting dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*. Sebagai contoh, kewajipan menunaikan solat berkaitan dengan pemeliharaan agama pada peringkat *Ḍarūriyyāt*. Namun, penyediaan ruang yang memudahkan pelanggan menunaikan solat

lebih hampir kepada *Ḥājiyyāt*, manakala penyediaan sejadah yang bersih dan selesa boleh dikategorikan sebagai *Taḥsīniyyāt*. Sejadah bukan syarat sah solat kerana solat boleh dilakukan di atas mana-mana permukaan yang bersih dan suci. Oleh itu, penyediaan sejadah menyokong *Ḥifẓ al-Dīn*, tetapi tidak boleh dianggap sebagai elemen *Ḍarūriyyāt* secara tersendiri.

Begitu juga, penyediaan makanan mempunyai hubungan dengan *Ḥifẓ al-Nafs*, tetapi bentuk pelaksanaannya perlu dibezakan mengikut tahap. Ketersediaan makanan yang halal dan selamat merupakan keperluan penting bagi melindungi agama serta kesihatan pelanggan. Kepelbagaian pilihan menu pula boleh berada pada peringkat *Ḥājiyyāt* kerana mengurangkan kesukaran pelanggan, manakala persembahan makanan yang menarik dan suasana restoran yang indah merupakan unsur *Taḥsīniyyāt*. Pembezaan tersebut mengelakkan semua kemudahan hotel daripada diklasifikasikan secara umum sebagai *Ḍarūriyyāt* hanya kerana mempunyai hubungan dengan salah satu daripada lima prinsip pemeliharaan.

Dalam konteks industri perhotelan, *Ḥifẓ al-Dīn* melibatkan perlindungan terhadap pelaksanaan agama dan pencegahan aktiviti yang bercanggah dengan Syarīʿah. *Ḥifẓ al-Nafs* merangkumi keselamatan, kesihatan, kebersihan dan pengurusan kecemasan. *Ḥifẓ al-ʿAql* melibatkan pencegahan bahan memabukkan, pengawalan kandungan yang memudaratkan serta pembangunan pengetahuan pekerja. *Ḥifẓ al-Nasl* berkaitan dengan perlindungan keluarga, privasi dan maruah pelanggan, manakala *Ḥifẓ al-Māl* merangkumi ketelusan transaksi, perlindungan aset dan pengurusan kewangan yang beretika.

Berdasarkan perbincangan tersebut, *al-Ḍarūriyyāt al-Khams* menyediakan asas teoritis untuk menilai tujuan, tahap kepentingan dan implikasi setiap elemen perkhidmatan hotel. Penggunaannya dalam kajian ini bukan sekadar untuk memadankan kemudahan hotel dengan lima prinsip pemeliharaan, tetapi untuk menentukan sama ada sesuatu elemen bersifat asas, memudahkan atau menyempurnakan perkhidmatan. Pendekatan ini seterusnya menjadi asas dalam penyusunan konstruk *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* bagi pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah berteraskan Maqāṣid Syarīʿah di Malaysia.

a) *Ḥifẓ al-Dīn* (Pemeliharaan Agama)

Ḥifẓ al-Dīn merujuk *Ḥifẓ al-Dīn* merujuk kepada pemeliharaan akidah, ibadah, nilai dan penghayatan agama daripada perkara yang boleh melemahkan atau merosakkannya. Dalam perbahasan Maqāṣid Syarīʿah, pemeliharaan agama lazimnya diletakkan pada kedudukan pertama dalam susunan *al-Ḍarūriyyāt al-Khams* kerana agama memberikan panduan kepada manusia dalam mengatur kehidupan dunia dan mencapai kesejahteraan akhirat. Al-Āmidī (2003) memberikan keutamaan kepada pemeliharaan agama apabila berlaku pertentangan pada peringkat kepentingan yang sama. Walau bagaimanapun, susunan tersebut tidak bermaksud bahawa agama sentiasa didahulukan secara mutlak tanpa mempertimbangkan konteks, tahap kemudaratan dan hubungan antara lima kepentingan asas.

Al-Juwaynī (1997) melalui *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* membincangkan kepentingan memelihara asas kehidupan agama dan masyarakat melalui kategori keperluan yang bersifat darurat. Pemikirannya menjadi asas kepada pengembangan konsep Maqāṣid oleh al-Ghazālī. Dalam *al-Mustaṣfā min ʿIlm al-Uṣūl*, al-Ghazālī (2012) menjelaskan bahawa pemeliharaan agama merupakan salah satu tujuan utama Syarīʿah. Setiap perkara yang memastikan agama dapat ditegakkan dianggap sebagai *maṣlaḥah*, manakala perkara yang menghilangkan atau merosakkan agama merupakan *mafsadah* yang perlu dicegah.

Al-Syāṭibī (1997) memperincikan pemeliharaan agama melalui dua dimensi, iaitu *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Pemeliharaan *min jānib al-wujūd* merujuk kepada usaha mengukuhkan kewujudan agama melalui akidah, ibadah, pendidikan dan pembentukan akhlak. Pemeliharaan *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan terhadap perkara yang boleh merosakkan akidah, menghalang pelaksanaan ibadah atau melemahkan kehidupan beragama. Kedua-dua dimensi ini menunjukkan bahawa *Ḥifẓ al-Dīn* tidak hanya menuntut penyediaan kemudahan keagamaan, tetapi turut memerlukan dasar dan persekitaran yang tidak menghalang pelanggan serta pekerja Muslim daripada menunaikan kewajipan agama.

Prinsip tersebut mempunyai hubungan dengan kaedah fiqh *al-umūr bi maqāṣidihā*, iaitu setiap perkara dinilai berdasarkan tujuan, dan kaedah *al-ḍarar yuzāl*, iaitu kemudaratan hendaklah dihilangkan. Al-ʻIzz ibn ʻAbd al-Salām (1991) menegaskan bahawa sesuatu tindakan perlu dinilai berdasarkan manfaat yang dihasilkan dan kemudaratan yang dicegah. Al-Qarāfī (1998) pula menjelaskan

kepentingan membezakan hukum berdasarkan konteks, sebab dan implikasinya. Oleh itu, penilaian terhadap kemudahan hotel tidak boleh dilakukan dengan hanya memadankan sesuatu kemudahan kepada *Ḥifẓ al-Dīn* tanpa menentukan fungsi dan tahap keperluannya.

Dalam konteks hotel patuh Syarīʿah, pemeliharaan agama pada peringkat *Ḍarūriyyāt* merujuk kepada perlindungan terhadap hak dan keupayaan pelanggan serta pekerja Muslim untuk menunaikan kewajipan agama. Pihak hotel tidak seharusnya mempunyai polisi atau operasi yang menghalang pelaksanaan solat, penggunaan makanan halal atau kewajipan asas agama. Hotel juga perlu mengawal aktiviti yang jelas bertentangan dengan Syarīʿah seperti perjudian, pelacuran, penyediaan minuman memabukkan dan hiburan tidak bermoral. Aspek ini mencerminkan pemeliharaan agama melalui dimensi *min jānib al-ʿadam* kerana bertujuan mencegah kemudaratan terhadap akidah, ibadah dan akhlak.

Walau bagaimanapun, kemudahan yang menyokong pelaksanaan ibadah perlu dibezakan daripada kewajipan ibadah itu sendiri. Kewajipan menunaikan solat merupakan sebahagian daripada *Ḥifẓ al-Dīn* pada peringkat *Ḍarūriyyāt*. Penyediaan ruang yang bersih dan mudah digunakan, penunjuk arah kiblat yang disahkan serta maklumat waktu solat pula lebih tepat diletakkan pada peringkat *Ḥājiyyāt* kerana kemudahan tersebut menghilangkan kesukaran pelanggan dalam menunaikan solat. Ketiadaan kemudahan yang disediakan oleh hotel mungkin menyukarkan pelanggan, tetapi tidak semestinya menggugurkan atau menghapuskan kewajipan solat.

Penyediaan sejadah secara khusus lebih tepat dikategorikan sebagai *Taḥsīniyyāt*. Sejadah bukan syarat atau rukun sah solat kerana solat boleh dilaksanakan di atas mana-mana permukaan yang bersih dan suci. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Jābir ibn ʻAbd Allāh RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Bumi dijadikan untukku sebagai tempat sujud dan alat bersuci. Oleh itu, sesiapa daripada umatku yang telah masuk waktu solat, maka hendaklah dia menunaikan solat." Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tayammum, hadis no. 335, dan Muslim dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Masājid wa Mawāḍiʻ al-Ṣalāh, hadis no. 521. Hadis ini berstatus ṣaḥīḥ dan muttafaq ʻalayh. Oleh itu, fungsi sejadah adalah untuk meningkatkan kebersihan, keselesaan dan kesempurnaan adab ketika beribadah, bukan untuk menentukan sah atau tidaknya solat.

Kaedah *mā lā yatimm al-wājib illā bihi fa huwa wājib*, iaitu sesuatu yang tanpanya kewajipan tidak dapat disempurnakan turut perlu digunakan secara tepat.

Kaedah ini tidak menjadikan semua alat yang membantu ibadah sebagai *Ḍarūriyyāt*. Sesuatu perantaraan hanya mengambil hukum wajib apabila kewajipan tersebut benar-benar tidak dapat dilaksanakan tanpanya. Oleh sebab solat masih boleh dilaksanakan tanpa sejadah, penyediaannya tidak boleh diklasifikasikan sebagai keperluan *Ḍarūriyyāt*. Sebaliknya, sejadah merupakan pelengkap yang menyempurnakan pengalaman ibadah pelanggan.

b) *Ḥifẓ al-Nafs* (Pemeliharaan Nyawa)

Ḥifẓ al-Nafs merujuk kepada pemeliharaan nyawa, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia daripada segala bentuk ancaman, kemudaratan dan bahaya. Prinsip ini merupakan salah satu daripada lima kepentingan asas dalam *al-Ḍarūriyyāt al-Khams*. Kepentingan melindungi nyawa dapat difahami melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Mā'idah, ayat 32 yang menggambarkan besarnya nilai menyelamatkan satu nyawa manusia. Prinsip tersebut turut disokong oleh larangan mencampakkan diri ke dalam kebinasaan sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Baqarah, ayat 195.

Al-Juwaynī (1997) meletakkan perlindungan terhadap asas kehidupan manusia dalam kategori kepentingan darurat yang perlu dipelihara melalui ketetapan hukum. Al-Ghazālī (2012) kemudiannya memperincikan bahawa pemeliharaan nyawa ialah salah satu tujuan utama Syarīʿah. Setiap perkara yang melindungi kehidupan manusia dianggap sebagai *maṣlaḥah*, manakala tindakan yang menyebabkan kecederaan, penyakit atau kehilangan nyawa merupakan *mafsadah* yang perlu dicegah. Pemeliharaan nyawa dengan itu merangkumi penyediaan keperluan asas dan pencegahan terhadap segala bentuk bahaya.

Al-Syāṭibī (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan nyawa perlu dilaksanakan melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* melibatkan penyediaan perkara yang menjamin kelangsungan dan kesejahteraan hidup seperti makanan, tempat tinggal, rawatan dan persekitaran yang selamat. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula menuntut pencegahan terhadap perkara yang boleh menyebabkan kecederaan, penyakit, penderaan atau kehilangan nyawa. Kedua-dua dimensi ini menunjukkan bahawa organisasi bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan kemudahan, tetapi juga perlu mengurus risiko sebelum kemudaratan berlaku.

Prinsip ini selaras dengan kaedah fiqh *al-ḍarar yuzāl*, iaitu kemudaratan hendaklah dihilangkan. Kaedah *lā ḍarar wa lā ḍirār* pula menegaskan bahawa seseorang tidak boleh melakukan kemudaratan terhadap dirinya atau orang lain. Al-'Izz ibn 'Abd al-Salām (1991) menjelaskan bahawa pencegahan kemudaratan merupakan sebahagian daripada usaha merealisasikan kemaslahatan. Dalam konteks pengurusan, kaedah *darʾ al-mafāsid muqaddam ʿalā jalb al-maṣāliḥ* menuntut organisasi memberikan keutamaan kepada pencegahan bahaya apabila sesuatu manfaat komersial berpotensi mengancam keselamatan manusia.

Dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*, *Ḥifẓ al-Nafs* pada peringkat *Ḍarūriyyāt* melibatkan perlindungan terhadap ancaman yang boleh mengakibatkan kematian, kecederaan serius atau penyakit. Pihak hotel perlu memastikan bangunan, lif, sistem elektrik, kawasan parkir, kolam renang dan kemudahan lain berada dalam keadaan selamat. Sistem pengesanan dan pemadaman kebakaran, laluan keluar kecemasan, papan tanda keselamatan, prosedur pemindahan serta pelan tindak balas terhadap bencana perlu disediakan dan diselenggarakan secara berkala. Kegagalan memenuhi keperluan asas tersebut boleh menimbulkan ancaman langsung kepada nyawa pelanggan dan pekerja.

Penyediaan makanan turut mempunyai hubungan dengan *Ḥifẓ al-Nafs*, khususnya dari sudut kebersihan dan keselamatan makanan. Walau bagaimanapun, aspek halal dan keselamatan perlu dibezakan. Status halal berkaitan secara langsung dengan *Ḥifẓ al-Dīn*, manakala kebersihan, kualiti dan keselamatan makanan berkaitan dengan *Ḥifẓ al-Nafs*. Makanan halal yang tidak dikendalikan secara bersih atau disimpan pada suhu yang sesuai masih boleh menyebabkan keracunan dan memudaratkan pelanggan. Oleh itu, konsep halal perlu dilengkapi prinsip *ṭayyib*, iaitu makanan yang baik, bersih, selamat dan tidak memudaratkan.

Dimensi *min jānib al-ʿadam* juga menuntut hotel mengawal risiko pencemaran silang, keracunan makanan, penularan penyakit berjangkit dan kecuaian dalam penyelenggaraan. Prosedur sanitasi, pengudaraan, pembersihan kawasan sentuhan tinggi dan pengendalian pelanggan yang mengalami kecemasan kesihatan perlu dibangunkan secara sistematik. Pekerja pula perlu diberikan latihan pertolongan cemas, keselamatan kebakaran dan pengurusan kecemasan supaya mereka mampu bertindak dengan cepat serta tepat.

Pemeliharaan nyawa turut merangkumi keselamatan pelanggan yang lebih terdedah kepada risiko, termasuk kanak-kanak, warga emas, wanita hamil dan orang

kurang upaya. Kemudahan akses, permukaan lantai yang selamat, susur tangan, pencahayaan yang mencukupi, bilik mesra OKU serta prosedur bantuan kecemasan perlu disediakan mengikut keperluan. Penyediaan tersebut mencerminkan pemeliharaan nyawa yang bersifat inklusif dan tidak hanya memenuhi keperluan pelanggan biasa.

Selain keselamatan fizikal, hotel perlu menyediakan persekitaran yang bebas daripada gangguan, keganasan, penderaan dan eksploitasi. Prosedur aduan, kawalan akses bilik, perlindungan identiti pelanggan dan latihan pekerja untuk mengenal pasti risiko pemerdagangan manusia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab keselamatan. Aspek ini mempunyai hubungan serentak dengan *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿIrḍ* dan *Ḥifẓ al-ʿAql* kerana gangguan atau eksploitasi boleh menjejaskan keselamatan fizikal, maruah dan kesejahteraan psikologi seseorang.

Walau bagaimanapun, tidak semua kemudahan berkaitan keselamatan dan kesihatan boleh dikategorikan sebagai *Ḍarūriyyāt*. Pengelasan perlu dibuat berdasarkan kesan ketiadaan sesuatu kemudahan. Perkara yang mencegah kematian, kecederaan serius atau penyakit berada pada peringkat *Ḍarūriyyāt*. Kemudahan yang mengurangkan kesukaran dan membantu pelanggan mendapatkan bantuan pula boleh dikategorikan sebagai *Ḥājiyyāt*. Unsur yang meningkatkan keselesaan, kecergasan dan kualiti pengalaman pelanggan pula lebih hampir kepada *Taḥsīniyyāt*.

c) Ḥifẓ al-ʿAql (Pemeliharaan Akal)

Ḥifẓ al-ʿAql merujuk kepada pemeliharaan kewarasan, keupayaan berfikir, pertimbangan moral dan perkembangan intelektual manusia daripada perkara yang boleh merosakkan atau melemahkannya. Akal mempunyai kedudukan penting dalam Islam kerana melaluinya manusia memahami tuntutan agama, membezakan antara kebaikan dengan keburukan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba serta khalifah. Oleh itu, pemeliharaan akal termasuk dalam lima keperluan asas *al-Ḍarūriyyāt al-Khams* yang perlu diberikan perlindungan oleh individu, masyarakat dan institusi.

Al-Juwaynī (1997) telah meletakkan perlindungan terhadap asas kehidupan manusia dalam kategori kepentingan darurat. Al-Ghazālī (2012) kemudiannya menetapkan pemeliharaan akal sebagai salah satu tujuan utama Syarīʿah. Menurut beliau, segala perkara yang menjamin kewarasan dan kemampuan manusia berfikir merupakan *maṣlaḥah*, manakala perkara yang merosakkan fungsi akal merupakan

mafsadah. Atas dasar tersebut, Syarīʿah mengharamkan bahan memabukkan dan mengenakan tindakan pencegahan terhadap perbuatan yang boleh menghilangkan kewarasan manusia.

Al-Syāṭibī (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan akal berlaku melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merangkumi usaha membangunkan akal melalui pendidikan, pengetahuan, latihan, pemikiran dan penilaian yang berterusan. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan terhadap bahan atau aktiviti yang merosakkan kewarasan seperti arak, dadah dan bahan memabukkan. Kedua-dua dimensi tersebut menunjukkan bahawa *Ḥifẓ al-ʿAql* bukan hanya berbentuk larangan, tetapi turut menuntut pembangunan ilmu dan keupayaan membuat pertimbangan yang baik.

Asas larangan arak dan perjudian dinyatakan dalam Surah al-Mā'idah, ayat 90 hingga 91. Kedua-duanya dikaitkan dengan permusuhan, kebencian dan kelalaian daripada mengingati Allah SWT serta menunaikan solat. Rasulullah SAW turut menjelaskan bahawa setiap bahan yang memabukkan termasuk dalam pengertian khamr dan hukumnya adalah haram. Hal ini berdasarkan sabda Baginda SAW: "Setiap yang memabukkan ialah khamr dan setiap yang memabukkan adalah haram." Hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ashribah, Bāb Bayān Anna Kulla Muskir Khamr wa Anna Kulla Khamr Ḥarām, hadis no. 2003, daripada ʻAbd Allāh ibn ʻUmar RA. Hadis ini berstatus ṣaḥīḥ. Dalil tersebut menunjukkan bahawa penilaian tidak hanya bergantung pada nama atau bentuk sesuatu bahan, tetapi pada kesannya terhadap kewarasan dan fungsi akal.

Prinsip ini selaras dengan kaedah *al-ḍarar yuzāl*, iaitu kemudaratan hendaklah dihilangkan, serta kaedah *mā askara kathīruhu fa qalīluhu ḥarām*, iaitu sesuatu yang memabukkan apabila diambil dalam jumlah banyak, maka jumlahnya yang sedikit juga diharamkan. Al-ʻIzz ibn ʻAbd al-Salām (1991) menekankan bahawa pencegahan kemudaratan terhadap manusia merupakan sebahagian daripada pencapaian kemaslahatan. Al-Qarāfī (1998) pula mengingatkan bahawa penilaian terhadap sesuatu amalan perlu mengambil kira tujuan, konteks dan kesannya, bukan berdasarkan bentuk luaran semata-mata.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pemeliharaan akal pada peringkat *Ḍarūriyyāt* menuntut larangan terhadap penjualan, penyediaan dan pengedaran minuman beralkohol, dadah serta bahan memabukkan. Larangan tersebut perlu meliputi restoran, ruang acara, bar mini, perkhidmatan bilik dan aktiviti yang dianjurkan oleh

hotel. Hotel juga perlu mempunyai prosedur yang jelas bagi menangani penyalahgunaan bahan terlarang kerana perbuatan tersebut boleh mengancam kewarasan, keselamatan dan kesejahteraan pelanggan serta pekerja.

Perjudian turut perlu dielakkan kerana mempunyai implikasi terhadap agama, akal dan harta. Dari sudut *Ḥifẓ al-ʿAql*, perjudian boleh menyebabkan ketagihan dan menjejaskan pertimbangan rasional. Dari sudut *Ḥifẓ al-Māl*, perjudian mendedahkan pelanggan kepada kerugian dan pengambilan harta melalui kaedah yang dilarang. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* tidak seharusnya menyediakan kasino, mesin perjudian, promosi pertaruhan atau akses yang sengaja memudahkan aktiviti perjudian.

Pemeliharaan akal turut berkaitan dengan kandungan hiburan dan media digital yang disediakan oleh hotel. Pihak pengurusan perlu mengawal kandungan yang jelas mengandungi pornografi, perjudian, promosi dadah, keganasan melampau atau unsur yang bercanggah dengan undang-undang serta polisi *Syarīʿah* organisasi. Namun demikian, istilah "hiburan melalaikan" tidak seharusnya digunakan secara terlalu umum tanpa kriteria yang jelas. Penilaian kandungan perlu dibuat berdasarkan sifat, tujuan dan kesan sebenar hiburan tersebut dengan mengambil kira kaedah *al-umūr bi maqāṣidihā*, iaitu setiap perkara dinilai berdasarkan tujuannya.

Hotel juga perlu menjaga keselamatan maklumat dan pengalaman digital pelanggan. Akses internet yang disediakan tidak seharusnya menjadi saluran kepada penipuan, eksploitasi atau kandungan yang memudaratkan. Mekanisme kawalan kandungan, perlindungan rangkaian dan maklumat penggunaan yang telus boleh disediakan tanpa melakukan pencerobohan sewenang-wenangnya terhadap privasi pelanggan. Aspek ini menunjukkan hubungan antara *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-Māl* dan *Ḥifẓ al-ʿIrḍ*.

Dimensi *min jānib al-wujūd* dapat diterapkan melalui pembangunan pengetahuan pekerja. Hotel perlu menyediakan latihan berkaitan pematuhan *Syarīʿah*, pengurusan halal, etika perkhidmatan, keselamatan, sensitiviti agama dan pengendalian aduan. Latihan tersebut membolehkan pekerja memahami tujuan di sebalik sesuatu polisi dan membuat keputusan yang tepat apabila berhadapan dengan situasi operasi sebenar. Tanpa ilmu dan kefahaman, pematuhan mungkin dilaksanakan secara mekanikal atau tidak konsisten.

Pelanggan juga boleh diberikan akses kepada kandungan yang membina pemikiran seperti maklumat budaya tempatan, bahan bacaan, dokumentari pendidikan dan penerangan tentang kemudahan mesra Muslim. Hotel boleh menyediakan

terjemahan al-Quran, perpustakaan mini atau program perkongsian ilmu sebagai nilai tambah. Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut bersifat sokongan dan tidak boleh dianggap sebagai keperluan asas yang menentukan pemeliharaan akal pada peringkat *Ḍarūriyyāt*.

d) Ḥifẓ al-Nasl (Pemeliharaan Keturunan)

Ḥifẓ al-Nasl merujuk *Ḥifẓ al-Nasl* merujuk kepada pemeliharaan keturunan, nasab dan institusi keluarga daripada perkara yang boleh merosakkan kesinambungan generasi serta ketertiban masyarakat. Prinsip ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pemeliharaan maruah atau *Ḥifẓ al-ʿIrḍ*. Namun demikian, kedua-duanya perlu dibezakan secara konseptual. *Ḥifẓ al-Nasl* memberikan tumpuan kepada perlindungan keturunan dan institusi keluarga, manakala *Ḥifẓ al-ʿIrḍ* merujuk secara lebih khusus kepada pemeliharaan kehormatan, privasi dan reputasi seseorang.

Al-Juwaynī (1997) telah membincangkan perlindungan terhadap keturunan dalam kerangka keperluan darurat yang menjadi asas kestabilan kehidupan manusia. Al-Ghazālī (2012) kemudiannya menetapkan pemeliharaan keturunan sebagai salah satu daripada lima tujuan utama Syarīʿah. Menurut beliau, perkara yang memelihara nasab dan keluarga ialah *maṣlaḥah*, manakala zina, eksploitasi seksual dan tindakan yang merosakkan keturunan merupakan *mafsadah* yang perlu dicegah.

Al-Syāṭibī (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan keturunan berlaku melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merangkumi pembentukan keluarga melalui perkahwinan yang sah, perlindungan hak anggota keluarga dan pendidikan generasi. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula melibatkan pencegahan zina, eksploitasi seksual, penderaan, pemerdagangan manusia dan perbuatan lain yang boleh menjejaskan nasab serta kehormatan manusia. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Nasl* tidak terhad kepada pengawalan hubungan antara lelaki dengan wanita, tetapi turut merangkumi perlindungan keluarga, kanak-kanak dan golongan rentan.

Asas pemeliharaan tersebut dapat dilihat melalui larangan mendekati zina dalam Surah al-Isrā', ayat 32. Larangan ayat tersebut bukan sahaja tertumpu kepada perbuatan zina, tetapi turut memberikan asas kepada pencegahan jalan yang secara munasabah membawa kepada perlakuan tersebut. Prinsip ini mempunyai hubungan dengan konsep *sadd al-dharā'iʿ*, iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada kemudaratan. Walau bagaimanapun, penerapannya perlu berdasarkan risiko yang nyata dan tidak

boleh digunakan secara berlebihan sehingga membawa kepada pencerobohan privasi atau kezaliman terhadap pelanggan.

Pemeliharaan maruah turut disokong oleh tuntutan menjaga pandangan dan kehormatan sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Nūr, ayat 30 hingga 31. Dalam konteks institusi, tuntutan ini diterjemahkan melalui penyediaan persekitaran yang menghormati aurat, privasi dan keselamatan pelanggan. Al-Qarāfī (1998) menegaskan kepentingan menilai konteks dan implikasi sesuatu tindakan, manakala al-'Izz ibn 'Abd al-Salām (1991) menekankan pertimbangan antara manfaat dengan kemudaratan. Oleh itu, polisi hotel berkaitan pergaulan dan privasi hendaklah dilaksanakan secara berhikmah, berasaskan peraturan yang jelas dan tidak menimbulkan kemudaratan yang lebih besar.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pemeliharaan keturunan pada peringkat *Ḍarūriyyāt* menuntut pihak hotel tidak memudahkan aktiviti pelacuran, eksploitasi seksual, penderaan kanak-kanak atau pemerdagangan manusia. Hotel perlu mempunyai polisi serta prosedur untuk mengenal pasti dan melaporkan aktiviti tersebut kepada pihak berkuasa. Pekerja perlu dilatih untuk mengenal pasti petunjuk eksploitasi, melindungi mangsa serta mengambil tindakan berdasarkan prosedur keselamatan dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Polisi penginapan berkaitan pasangan bukan mahram atau khalwat pula perlu dinyatakan dengan jelas dan dilaksanakan berdasarkan undang-undang serta bidang kuasa pihak berautoriti. Pekerja hotel tidak seharusnya melakukan pemeriksaan, tuduhan atau pendedahan maklumat pelanggan secara sewenang-wenangnya. Pelaksanaan pematuhan *Syarīʿah* perlu diseimbangkan dengan kewajipan menjaga privasi, mengelakkan sangkaan buruk dan melindungi maruah pelanggan. Kaedah *al-ḍarar yuzāl* menuntut pencegahan kemudaratan, tetapi kaedah tersebut tidak mengizinkan penciptaan kemudaratan baharu melalui pencerobohan atau penghinaan.

Pihak hotel juga perlu mengelakkan pengelasan pelanggan berdasarkan identiti peribadi secara diskriminatif. Fokus polisi hendaklah diberikan kepada aktiviti yang dilarang, keselamatan premis dan pematuhan undang-undang, bukan kepada andaian tentang identiti atau kecenderungan seseorang. Pendekatan ini lebih selaras dengan *Ḥifẓ al-ʿIrḍ* kerana kehormatan setiap pelanggan perlu dilindungi sepanjang mendapatkan perkhidmatan.

Pengurusan kemudahan rekreasi seperti kolam renang, spa, sauna, bilik persalinan dan gimnasium turut berkaitan dengan pemeliharaan maruah. Hotel boleh

menyediakan pengasingan ruang berdasarkan jantina, jadual penggunaan yang berbeza atau kemudahan yang memberikan privasi kepada pelanggan. Penyediaan tersebut lebih tepat diletakkan pada peringkat *Ḥājiyyāt* kerana bertujuan menghilangkan kesukaran pelanggan Muslim dalam menjaga aurat dan batas pergaulan. Jika ketiadaannya tidak merosakkan nasab secara langsung, kemudahan tersebut tidak boleh dianggap sebagai *Ḍarūriyyāt* secara automatik.

Perlindungan privasi pelanggan juga merupakan aspek penting. Pihak hotel perlu memastikan kamera keselamatan tidak ditempatkan di bilik, tandas, bilik persalinan atau ruang rawatan. Maklumat penginapan, rakaman keselamatan dan data peribadi pelanggan tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran atau asas perundangan yang sah. Tindakan merakam, menyebarkan imej atau mendedahkan identiti pelanggan boleh menjejaskan maruah serta keselamatan mereka. Aspek tersebut mempunyai hubungan dengan *Ḥifẓ al-ʿIrḍ*, *Ḥifẓ al-Nafs* dan *Ḥifẓ al-Māl*.

Dimensi *min jānib al-wujūd* pula dapat diterapkan melalui penyediaan perkhidmatan mesra keluarga. Antaranya termasuk bilik keluarga, ruang penyusuan, kemudahan penjagaan bayi, ruang permainan kanak-kanak dan aktiviti rekreasi yang sesuai untuk semua peringkat umur. Pihak hotel juga boleh menyediakan pakej keluarga yang menggalakkan interaksi positif antara ibu bapa dengan anak-anak. Kemudahan tersebut menyokong kesejahteraan keluarga, tetapi kedudukannya lazimnya berada pada peringkat *Ḥājiyyāt* atau *Taḥsīniyyāt* bergantung pada fungsi dan tahap keperluan.

e) Ḥifẓ al-Māl (Pemeliharaan Harta)

Ḥifẓ al-Māl merujuk *Ḥifẓ al-Māl* merujuk kepada pemeliharaan hak pemilikan, pemerolehan, pengembangan, penggunaan dan pengagihan harta melalui kaedah yang sah, adil serta tidak memudaratkan manusia. Prinsip ini bukan sahaja melindungi harta daripada kehilangan atau kerosakan, tetapi turut mengawal cara harta diperoleh dan diuruskan. Oleh itu, Syarīʿah mengiktiraf hak pemilikan individu dan organisasi, namun melarang pengambilan harta melalui penipuan, riba, rasuah, perjudian, pecah amanah dan bentuk transaksi yang tidak adil.

Asas pemeliharaan harta dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Nisā', ayat 29 yang melarang manusia mengambil harta sesama mereka melalui cara yang batil, kecuali melalui perniagaan yang dilaksanakan atas dasar persetujuan bersama. Larangan mengambil harta secara batil turut dinyatakan dalam Surah al-

Baqarah, ayat 188, manakala larangan riba ditegaskan dalam Surah al-Baqarah, ayat 275. Dalil-dalil tersebut menunjukkan bahawa kesahan sesuatu transaksi tidak hanya bergantung pada persetujuan formal, tetapi turut memerlukan keadilan, ketelusan dan ketiadaan unsur yang dilarang Syarīʿah.

Al-Juwaynī (1997) telah membincangkan perlindungan terhadap kepentingan asas manusia, termasuk harta, dalam kategori keperluan darurat. Al-Ghazālī (2012) kemudian meletakkan pemeliharaan harta sebagai salah satu daripada lima tujuan utama Syarīʿah. Menurut beliau, setiap perkara yang melindungi hak pemilikan dan penggunaan harta secara sah merupakan *maṣlaḥah*, manakala kecurian, penipuan, kerosakan dan pengambilan harta secara batil ialah *mafsadah* yang perlu dicegah.

Al-Syāṭibī (1997) menjelaskan bahawa pemeliharaan harta berlaku melalui dimensi *min jānib al-wujūd* dan *min jānib al-ʿadam*. Dimensi *min jānib al-wujūd* merangkumi usaha memperoleh, mengembangkan dan mengurus harta melalui pekerjaan, perniagaan, pelaburan dan pertukaran yang dibenarkan Syarīʿah. Dimensi *min jānib al-ʿadam* pula merangkumi pencegahan terhadap kecurian, penipuan, riba, rasuah, pembaziran, pecah amanah dan kerosakan harta. Kedua-dua dimensi tersebut menunjukkan bahawa *Ḥifẓ al-Māl* mengandungi unsur pembangunan ekonomi dan perlindungan daripada eksploitasi.

Al-‘Izz ibn ‘Abd al-Salām (1991) menekankan bahawa pengurusan harta perlu mengambil kira manfaat dan kemudaratan kepada pihak yang terlibat. Al-Qarāfī (1998) pula menunjukkan bahawa kontrak dan transaksi perlu dinilai berdasarkan tujuan, konteks serta kesannya. Prinsip ini berkaitan dengan kaedah *al-umūr bi maqāṣidihā*, iaitu setiap perkara dinilai berdasarkan tujuannya, serta *al-ḍarar yuzāl*, iaitu kemudaratan hendaklah dihilangkan. Sesuatu kontrak yang kelihatan sah pada bentuk luarannya masih perlu diteliti jika pelaksanaannya mengandungi penipuan, eksploitasi atau pengambilan harta secara tidak adil.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pemeliharaan harta pada peringkat *Ḍarūriyyāt* menuntut sumber pendapatan dan aktiviti utama perniagaan diperoleh melalui cara yang halal. Hotel perlu mengelakkan hasil yang berpunca daripada perjudian, pelacuran, penjualan minuman beralkohol dan aktiviti lain yang dilarang. Sumber pembiayaan, pelaburan dan pengurusan kewangan juga perlu dinilai supaya tidak mengandungi riba, *gharar* yang berlebihan, *maysir*, penipuan atau rasuah.

Hubungan antara hotel dengan pelanggan terbentuk melalui kontrak perkhidmatan. Oleh itu, kadar bilik, cukai, deposit, caj tambahan, syarat pembatalan

dan bentuk perkhidmatan yang ditawarkan perlu dinyatakan dengan jelas sebelum tempahan disahkan. Hotel tidak seharusnya mengenakan caj tersembunyi, menggunakan iklan mengelirukan atau memberikan perkhidmatan yang berbeza daripada perkara yang dijanjikan. Ketelusan tersebut menepati prinsip persetujuan bersama dan membantu mengelakkan unsur *gharar*, pertikaian serta pengambilan harta secara batil.

Pemeliharaan harta pelanggan turut merangkumi keselamatan wang, barangan peribadi dan maklumat pembayaran. Hotel perlu menyediakan kawalan akses bilik, peti keselamatan, prosedur pengurusan barangan hilang dan mekanisme aduan serta pampasan yang jelas. Maklumat kad pembayaran, rekod transaksi dan data peribadi pelanggan perlu dilindungi daripada kebocoran, kecurian identiti dan penipuan digital. Perlindungan keselamatan siber mempunyai hubungan dengan *Ḥifẓ al-Māl* kerana serangan digital boleh menyebabkan kerugian kewangan kepada pelanggan dan organisasi.

Prinsip *Ḥifẓ al-Māl* juga merangkumi hak pekerja dan pembekal. Pihak hotel perlu membayar gaji serta faedah pekerja mengikut kontrak dan tempoh yang ditetapkan. Bayaran kepada pembekal hendaklah dilaksanakan secara adil, manakala proses perolehan perlu bebas daripada rasuah, konflik kepentingan dan manipulasi harga. Kelewatan bayaran tanpa alasan yang munasabah, eksploitasi pekerja dan penyalahgunaan kuasa bertentangan dengan prinsip amanah serta keadilan dalam pengurusan harta.

Pengurusan aset organisasi juga perlu dilakukan secara sistematik. Bangunan, peralatan, kenderaan, stok makanan dan kemudahan hotel hendaklah diselenggarakan untuk mengelakkan kerosakan, pembaziran dan kerugian. Penggunaan air, elektrik dan bahan mentah secara berhemah turut menyokong pemeliharaan harta kerana pembaziran sumber meningkatkan kos serta menjejaskan kelestarian operasi. Walau bagaimanapun, langkah penjimatan tidak boleh dilakukan sehingga mengancam keselamatan, kesihatan atau hak pelanggan dan pekerja.

Hotel juga bertanggungjawab menunaikan zakat perniagaan apabila memenuhi syarat yang ditetapkan. Selain itu, pihak hotel boleh melaksanakan tanggungjawab sosial melalui *wakaf*, infak, sedekah dan bantuan kepada masyarakat. Zakat perlu dibezakan daripada tanggungjawab sosial korporat kerana zakat merupakan kewajipan apabila memenuhi syarat, manakala *wakaf*, infak dan sedekah ialah amalan kebajikan yang digalakkan. Aktiviti tersebut mencerminkan pengagihan manfaat ekonomi, tetapi

tidak menggantikan tanggungjawab asas organisasi untuk memperoleh dan mengurus harta secara halal.

Tidak semua amalan berkaitan kewangan berada pada peringkat *Ḍarūriyyāt*. Pengelasan perlu ditentukan berdasarkan kesan ketiadaannya. Perlindungan daripada kecurian, penipuan, rasuah dan kehilangan harta yang serius berada pada peringkat *Ḍarūriyyāt*. Kemudahan yang memudahkan transaksi dan mengurangkan pertikaian lebih hampir kepada *Ḥājiyyāt*. Program kebajikan tambahan serta ciri transaksi yang meningkatkan keselesaan pula boleh berada pada peringkat *Taḥsīniyyāt*.

2.6 *Ḥifẓ al-Dīn* dalam Hotel Patuh *Syarīʿah*

Konsep *Ḥifẓ al-Dīn* merupakan salah satu elemen terpenting dalam *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan pemeliharaan agama, akidah dan penghayatan Islam dalam kehidupan manusia. Dalam hierarki al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams, pemeliharaan agama diletakkan pada kedudukan tertinggi kerana agama menjadi asas utama kepada kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat (al-Ghazālī, 2012). Oleh itu, segala bentuk pelaksanaan hukum dan pengurusan kehidupan Muslim perlu memberi keutamaan kepada aspek perlindungan agama serta menjauhkan manusia daripada perkara yang boleh merosakkan akidah dan penghayatan Islam.

Dari sudut bahasa, *ḥifẓ* membawa maksud menjaga, memelihara dan melindungi, manakala al-Dīn merujuk kepada agama Islam sebagai sistem kehidupan yang lengkap. Oleh itu, *Ḥifẓ al-Dīn* dapat difahami sebagai usaha memelihara agama Islam daripada sebarang bentuk ancaman, kerosakan dan penyelewengan sama ada dari aspek akidah, ibadah, akhlak mahupun pelaksanaan syariah dalam kehidupan manusia (Ibn Manẓūr, 1990).

Menurut al-Syāṭibī (1997), pemeliharaan agama bukan sahaja berkaitan pelaksanaan ibadah semata-mata, bahkan melibatkan usaha memastikan manusia dapat menghayati Islam secara menyeluruh dalam setiap aspek kehidupan. Dalam konteks ini, syariah Islam menetapkan pelbagai hukum dan garis panduan bagi melindungi agama manusia daripada unsur syirik, maksiat, kerosakan moral dan perkara-perkara yang boleh menjejaskan keimanan.

Dalam industri hospitaliti Islam, konsep *Ḥifẓ al-Dīn* memainkan peranan yang sangat signifikan kerana hotel bukan sekadar tempat penginapan, malah merupakan ruang sosial yang mempengaruhi tingkah laku, akhlak dan gaya hidup pengguna. Oleh

itu, pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh hanya tertumpu kepada penyediaan makanan halal dan fasiliti ibadah semata-mata, sebaliknya perlu memastikan keseluruhan operasi hotel menyokong pemeliharaan agama dan penghayatan nilai Islam secara menyeluruh.

Aspek *Ḥifẓ al-Dīn* dalam hotel patuh *Syarīʿah* melibatkan pelbagai elemen penting seperti penyediaan surau dan kemudahan ibadah, arah kiblat, sejadah, waktu solat, makanan halal serta persekitaran yang bersih dan sesuai untuk pelanggan Muslim melaksanakan tuntutan agama. Walau bagaimanapun, pemeliharaan agama dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah* jauh lebih luas daripada sekadar penyediaan fasiliti asas tersebut.

Dalam konteks semasa, elemen *Ḥifẓ al-Dīn* turut melibatkan perlindungan akidah pengguna Muslim daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip Islam. Antaranya termasuklah kawalan terhadap simbol agama lain, ritual keagamaan bukan Islam, unsur syirik, hiburan melampau, percampuran sosial tanpa batasan serta aktiviti yang boleh merosakkan moral dan penghayatan agama pelanggan Muslim. Situasi ini penting kerana sesebuah hotel yang menggunakan label "patuh *Syarīʿah*" seharusnya menyediakan persekitaran yang benar-benar menyokong penghayatan Islam secara holistik dan bukan sekadar menampilkan elemen simbolik semata-mata.

Kepentingan pemeliharaan agama dalam industri hospitaliti turut dapat dilihat melalui beberapa garis panduan dan standard berkaitan hospitaliti Islam di Malaysia. Antaranya termasuklah MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walaupun piawaian tersebut lebih tertumpu kepada aspek kemudahan dan pematuhan halal, namun kandungannya secara tidak langsung menyokong pemeliharaan agama dan sensitiviti pengguna Muslim dalam industri hospitaliti.

Selain itu, beberapa fatwa dan garis panduan pihak berkuasa agama turut menekankan kepentingan menjaga akidah dan mengelakkan unsur yang bercanggah dengan syariah dalam persekitaran awam termasuk industri hospitaliti. Antaranya termasuk larangan penggunaan simbol agama lain, ritual keagamaan bukan Islam dan unsur hiburan yang boleh menjejaskan penghayatan Islam dalam kalangan pelanggan Muslim. Pendekatan ini selaras dengan prinsip sadd al-dharāʾiʿ iaitu menutup jalan kepada perkara yang boleh membawa kepada kerosakan akidah dan moral masyarakat.

Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, *Ḥifẓ al-Dīn* bukan sahaja bertujuan melindungi individu, malah turut berperanan menjaga kestabilan sosial dan identiti masyarakat Islam. Oleh itu, pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan segala bentuk operasi, perkhidmatan dan budaya organisasi selaras dengan prinsip pemeliharaan agama. Dalam konteks ini, hotel patuh *Syarīʿah* seharusnya menjadi medium yang membantu pelanggan Muslim menghayati nilai Islam secara lebih baik sepanjang berada di premis hotel.

Walaupun konsep *Ḥifẓ al-Dīn* sangat penting dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*, realiti industri menunjukkan bahawa aspek ini masih kurang diberikan perhatian secara menyeluruh. Terdapat hotel yang hanya menumpukan kepada elemen makanan halal dan kemudahan ibadah tetapi masih menawarkan hiburan tidak terkawal, aktiviti bercanggah dengan syariah dan persekitaran sosial yang tidak selaras dengan prinsip Islam. Situasi ini menunjukkan bahawa pelaksanaan *Ḥifẓ al-Dīn* dalam industri hospitaliti masih memerlukan satu model yang lebih sistematik dan komprehensif.

Oleh itu, penerapan konsep *Ḥifẓ al-Dīn* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel dilihat sangat signifikan bagi memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* benar-benar memenuhi objektif *Maqāṣid Syarīʿah*. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperkukuhkan integriti industri hospitaliti Islam, malah berpotensi menjadikan Malaysia sebagai penanda aras global dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih holistik, lestari dan berteraskan nilai Islam secara menyeluruh.

2.6.1 *Ḥifẓ al-Dīn* Berdasarkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM)

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) merupakan antara dokumen rujukan utama dalam sistem pensijilan halal di Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dokumen ini berfungsi sebagai garis panduan rasmi dalam memastikan pematuhan halal terhadap produk, premis makanan dan perkhidmatan yang memohon pensijilan halal Malaysia. Walaupun MPPHM tidak secara khusus dibangunkan untuk hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh, kandungannya mempunyai hubungan yang signifikan dengan prinsip *Ḥifẓ al-Dīn* dalam konteks industri hospitaliti Islam.

Secara asasnya, MPPHM menekankan kepentingan memastikan produk, bahan, premis dan operasi yang terlibat dalam pensijilan halal bebas daripada unsur haram,

najis dan perkara yang bercanggah dengan hukum syarak (JAKIM, 2020). Pendekatan ini selaras dengan konsep *Ḥifẓ al-Dīn* yang bertujuan memelihara agama dan akidah umat Islam daripada perkara-perkara yang boleh menjejaskan penghayatan Islam serta membawa kepada pelanggaran syariah.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, elemen *Ḥifẓ al-Dīn* berdasarkan MPPHM dapat dilihat melalui keperluan memastikan makanan dan minuman yang disediakan kepada pelanggan adalah halal, bersih dan selamat untuk digunakan. Penyediaan makanan halal bukan sahaja memenuhi tuntutan ibadah pengguna Muslim, malah membantu memelihara agama daripada unsur syubhah dan perkara yang diharamkan oleh syarak. Firman Allah SWT:

> *"Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik..."*
>
> *(Surah al-Baqarah, 2:168)*

Ayat ini menunjukkan bahawa pemilihan makanan halal merupakan sebahagian daripada tuntutan agama yang berkait secara langsung dengan pemeliharaan akidah dan penghayatan Islam.

Selain aspek makanan halal, MPPHM turut menekankan kepentingan kebersihan premis, kawalan pencemaran silang (cross contamination) serta pengasingan bahan halal dan tidak halal dalam operasi perniagaan. Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, keperluan ini penting bagi memastikan keseluruhan operasi hotel sentiasa berada dalam keadaan bersih, suci dan bebas daripada unsur najis serta perkara yang boleh menjejaskan sensitiviti agama pelanggan Muslim.

Dari sudut *Ḥifẓ al-Dīn*, MPPHM juga secara tidak langsung menekankan perlindungan akidah pengguna Muslim melalui larangan penggunaan bahan haram, unsur memabukkan dan perkara yang bercanggah dengan prinsip syariah. Ini termasuk larangan penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman yang disijilkan halal serta larangan penggunaan bahan yang diragui statusnya. Pendekatan ini menunjukkan bahawa konsep halal dalam MPPHM bukan sekadar tertumpu kepada aspek teknikal makanan, malah turut berkait dengan pemeliharaan agama dan kepatuhan terhadap syariah Islam.

Selain itu, MPPHM turut memberi penekanan terhadap integriti pengurusan halal melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Dalaman (Internal Halal Assurance System) dalam organisasi. Sistem ini bertujuan memastikan keseluruhan proses operasi

sentiasa mematuhi piawaian halal secara berterusan. Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pendekatan ini sangat penting kerana pemeliharaan agama bukan hanya melibatkan produk akhir, tetapi merangkumi keseluruhan proses pengurusan dan operasi organisasi.

Walaupun MPPHM lebih memfokuskan kepada pensijilan halal makanan dan premis, prinsip-prinsip yang digariskan dalam dokumen ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Hal ini kerana konsep *Ḥifẓ al-Dīn* bukan sahaja melibatkan penyediaan makanan halal, tetapi turut menuntut persekitaran yang menyokong penghayatan Islam dan melindungi pengguna Muslim daripada unsur yang bercanggah dengan syariah.

Dalam konteks semasa, beberapa isu berkaitan perlindungan agama dalam industri hotel turut memerlukan perhatian seperti penggunaan simbol agama lain, ritual keagamaan bukan Islam, hiburan tidak terkawal dan aktiviti yang boleh menjejaskan akidah pelanggan Muslim. Walaupun perkara tersebut tidak dihuraikan secara terperinci dalam MPPHM, namun prinsip asas pemeliharaan agama dan sensitiviti syariah yang terkandung dalam dokumen ini boleh dijadikan asas penting dalam memperkukuhkan elemen *Ḥifẓ al-Dīn* dalam hotel patuh *Syarīʿah*.

Selain itu, pendekatan MPPHM juga menunjukkan bahawa pematuhan halal tidak boleh dilaksanakan secara simbolik semata-mata, sebaliknya perlu melibatkan kawalan menyeluruh terhadap operasi dan pengurusan organisasi. Situasi ini selaras dengan pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan pemeliharaan agama secara holistik dan bukan hanya tertumpu kepada aspek luaran sahaja.

Secara keseluruhannya, MPPHM memainkan peranan penting sebagai asas rujukan dalam memperkukuhkan elemen *Ḥifẓ al-Dīn* dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Walaupun skopnya lebih tertumpu kepada pensijilan halal makanan dan premis, prinsip-prinsip yang terkandung dalam MPPHM tetap signifikan dalam memastikan industri hospitaliti Islam beroperasi selaras dengan tuntutan syariah dan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*. Oleh itu, integrasi prinsip MPPHM dalam pembangunan Model MaSC-Hotel dilihat mampu membantu memperkukuhkan aspek pemeliharaan agama dan meningkatkan kredibiliti industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

2.6.2 *Ḥifẓ al-Dīn* Berdasarkan Fatwa di Malaysia

Institusi fatwa memainkan peranan penting dalam memelihara kesucian akidah, hukum syarak dan kesejahteraan umat Islam di Malaysia. Dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah*, fatwa berfungsi sebagai mekanisme penting bagi memastikan prinsip *Ḥifẓ al-Dīn* dapat dilaksanakan secara menyeluruh dalam kehidupan masyarakat termasuk dalam industri hospitaliti Islam. Hal ini kerana konsep *Ḥifẓ al-Dīn* bukan sahaja melibatkan pelaksanaan ibadah, bahkan turut merangkumi perlindungan akidah umat Islam daripada sebarang unsur yang boleh membawa kepada kerosakan keimanan, penyelewengan akidah dan normalisasi perkara yang bercanggah dengan syariah.

Di Malaysia, pengurusan fatwa berada di bawah bidang kuasa negeri-negeri dengan penyelarasan tertentu dilakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Pelbagai fatwa yang dikeluarkan mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* khususnya dalam aspek pemeliharaan agama dan perlindungan akidah pengguna Muslim.

Antara aspek utama yang diberi perhatian dalam fatwa-fatwa di Malaysia ialah larangan terhadap unsur syirik, pluralisme agama, penyebaran ajaran sesat serta penggunaan simbol dan ritual agama lain yang boleh mengelirukan umat Islam. Dalam konteks industri hotel, perkara ini menjadi signifikan kerana hotel merupakan ruang sosial terbuka yang sering digunakan untuk pelbagai bentuk aktiviti, sambutan dan program melibatkan masyarakat pelbagai agama dan budaya.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pernah menegaskan bahawa umat Islam dilarang terlibat dalam upacara atau ritual keagamaan bukan Islam yang boleh menjejaskan akidah dan membawa kepada unsur penyerupaan agama lain (tashabbuh). Prinsip ini selaras dengan konsep sadd al-dharāʾiʿ iaitu menutup jalan yang boleh membawa kepada kerosakan akidah umat Islam. Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pendekatan ini menunjukkan bahawa sesebuah hotel yang berteraskan *Syarīʿah* perlu memastikan persekitarannya bebas daripada unsur ritual agama lain yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pelanggan Muslim

Selain itu, beberapa fatwa di Malaysia turut menekankan larangan terhadap penyebaran unsur hiburan melampau, budaya hedonisme dan aktiviti tidak bermoral yang boleh merosakkan akhlak dan penghayatan Islam masyarakat. Dalam konteks *Ḥifẓ al-Dīn*, unsur-unsur tersebut dianggap boleh melemahkan pegangan agama serta

membuka ruang kepada keruntuhan moral dan sosial. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan bentuk hiburan dan aktiviti yang dianjurkan berada dalam batas yang dibenarkan oleh syarak.

Dari sudut perlindungan akidah, fatwa berkaitan ajaran sesat dan pluralisme agama juga mempunyai implikasi penting terhadap pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi fatwa negeri secara konsisten menegaskan bahawa umat Islam perlu mengelakkan sebarang bentuk aktiviti yang boleh mengelirukan pegangan akidah atau mencampuradukkan ajaran Islam dengan kepercayaan lain. Dalam konteks industri hospitaliti, perkara ini berkait dengan penggunaan simbol keagamaan, dekorasi tertentu, aktiviti ritual dan bentuk perkhidmatan yang berpotensi menjejaskan sensitiviti agama pelanggan Muslim.

Selain itu, fatwa berkaitan makanan dan minuman halal turut menjadi asas penting dalam pemeliharaan agama di Malaysia. Pengambilan makanan halal bukan sahaja berkait dengan aspek pematuhan hukum, tetapi turut menjadi sebahagian daripada usaha menjaga kesucian agama dan penghayatan Islam dalam kehidupan harian. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan keseluruhan rantaian penyediaan makanan mematuhi prinsip halal serta bebas daripada unsur syubhah dan haram.

Dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah*, perlindungan agama tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata, tetapi melibatkan usaha membina persekitaran yang membantu umat Islam mengekalkan identiti, akhlak dan pegangan agama mereka. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* seharusnya berfungsi sebagai ruang yang menyokong penghayatan Islam secara menyeluruh dan bukannya sekadar menyediakan kemudahan asas kepada pelanggan Muslim.

Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai fatwa dan garis panduan berkaitan perlindungan akidah dan sensitiviti agama, pelaksanaannya dalam industri hotel masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Terdapat hotel yang menggunakan label "patuh *Syarīʿah*" tetapi masih membenarkan unsur hiburan tidak terkawal, program bercampur bebas dan aktiviti tertentu yang boleh menjejaskan konsep *Ḥifẓ al-Dīn*. Situasi ini menunjukkan bahawa masih wujud jurang antara prinsip fatwa dan realiti pelaksanaan industri hospitaliti Islam semasa.

Sehubungan itu, integrasi fatwa-fatwa berkaitan akidah, sensitiviti agama dan perlindungan moral dalam pembangunan Model MaSC-Hotel dilihat sangat penting bagi memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* benar-benar selaras dengan objektif *Ḥifẓ*

al-Dīn. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperkukuhkan kredibiliti industri hospitaliti Islam, malah mampu memastikan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia dilaksanakan secara lebih holistik, sistematik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

2.7 Keperluan Kritikal *Ḥifẓ al-Dīn* dalam Hotel Patuh *Syarīʿah*

Konsep *Ḥifẓ al-Dīn* dalam *Maqāṣid Syarīʿah* menekankan kepentingan memelihara agama, akidah dan penghayatan Islam daripada sebarang unsur yang boleh membawa kepada kerosakan keimanan dan pelanggaran syariah. Dalam konteks industri hotel patuh *Syarīʿah*, elemen *Ḥifẓ al-Dīn* bukan sahaja melibatkan penyediaan fasiliti ibadah dan makanan halal, bahkan merangkumi usaha membina persekitaran yang benar-benar menyokong pemeliharaan akidah, sensitiviti agama dan identiti Muslim secara menyeluruh (al-Ghazālī, 2012; al-Syāṭibī, 1997).

Perkembangan industri hospitaliti semasa menunjukkan bahawa sebahagian hotel hanya menumpukan kepada elemen simbolik seperti arah kiblat dan penyediaan sejadah tanpa memberi perhatian terhadap aspek perlindungan agama secara holistik. Situasi ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* dilaksanakan secara separa dan tidak benar-benar mencapai objektif *Ḥifẓ al-Dīn* sebagaimana yang digariskan dalam *Maqāṣid Syarīʿah* (Razalli et al., 2019).

Dalam konteks ini, terdapat beberapa keperluan kritikal yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pemeliharaan agama dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*.

a) Penyediaan Kemudahan Ibadah

Antara keperluan asas dalam pemeliharaan agama ialah penyediaan kemudahan ibadah kepada pelanggan Muslim seperti surau, arah kiblat, sejadah, al-Quran dan maklumat waktu solat. Kemudahan ini penting bagi membantu pelanggan Muslim melaksanakan tuntutan agama dengan mudah sepanjang berada di premis hotel (Battour & Ismail, 2016).

Walau bagaimanapun, dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, penyediaan kemudahan ibadah bukan sekadar memenuhi tuntutan fizikal semata-mata, tetapi turut berfungsi sebagai simbol sokongan terhadap penghayatan Islam dalam kehidupan harian pengguna Muslim. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan kemudahan

tersebut berada dalam keadaan bersih, mudah diakses dan sesuai digunakan (MS2610:2015).

b) Kawalan Simbol Agama Lain

Dalam konteks *Ḥifẓ al-Dīn*, perlindungan akidah Muslim merupakan aspek yang sangat penting. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memberi perhatian terhadap penggunaan simbol agama lain dalam kawasan hotel khususnya di ruang awam yang digunakan oleh pelanggan Muslim.

Penggunaan simbol agama lain secara terbuka dalam premis hotel boleh menimbulkan kekeliruan terhadap identiti dan sensitiviti agama pelanggan Muslim khususnya apabila hotel tersebut menggunakan label "patuh *Syarīʿah*". Situasi ini juga berpotensi membawa kepada unsur tashabbuh iaitu penyerupaan terhadap amalan agama lain yang ditegah dalam Islam (al-Qarāfī, 1998).

Dalam konteks Malaysia, beberapa fatwa dan garis panduan pihak berkuasa agama turut menekankan kepentingan menjaga sensitiviti akidah umat Islam dan mengelakkan unsur yang boleh membawa kepada kekeliruan agama. Oleh itu, kawalan terhadap penggunaan simbol agama lain dalam hotel patuh *Syarīʿah* dilihat penting bagi memastikan persekitaran hotel benar-benar selaras dengan prinsip *Ḥifẓ al-Dīn* (JAKIM, 2020).

c) Kawalan Ritual Agama Lain

Selain simbol agama, pelaksanaan ritual atau upacara keagamaan bukan Islam dalam hotel patuh *Syarīʿah* juga perlu diberikan perhatian. Hal ini kerana ritual agama lain yang dilaksanakan secara terbuka dalam premis hotel boleh menjejaskan identiti Islam serta mewujudkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan Muslim.

Dalam Islam, perlindungan agama bukan hanya tertumpu kepada pelaksanaan ibadah umat Islam, malah turut melibatkan usaha mengelakkan unsur yang boleh menjejaskan kesucian akidah dan penghayatan agama. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu mempunyai garis panduan yang jelas berkaitan penggunaan ruang hotel bagi aktiviti keagamaan agar selaras dengan prinsip syariah dan sensitiviti pelanggan Muslim (Muzakarah Fatwa Kebangsaan, 2007).

Pendekatan ini selaras dengan konsep sadd al-dharāʾiʿ yang menekankan kepentingan menutup jalan kepada perkara yang boleh membawa kepada kerosakan akidah dan moral masyarakat (Ibn al-Qayyim, 1991).

d) Kawalan terhadap Religious Tools

Aspek lain yang turut signifikan dalam pemeliharaan agama ialah kawalan terhadap penggunaan religious tools atau peralatan keagamaan bukan Islam dalam persekitaran hotel patuh *Syarīʿah*. Peralatan tersebut termasuk bahan ritual, patung keagamaan, altar penyembahan dan peralatan tertentu yang mempunyai hubungan langsung dengan amalan agama lain.

Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, penggunaan atau penyediaan religious tools yang bercanggah dengan prinsip Islam boleh menjejaskan identiti *Syarīʿah* hotel tersebut dan mewujudkan keraguan dalam kalangan pelanggan Muslim. Oleh itu, pengurusan hotel perlu memastikan segala bentuk dekorasi, peralatan dan bahan yang digunakan dalam premis hotel tidak bercanggah dengan prinsip pemeliharaan agama (al-Syāṭibī, 1997).

Selain itu, pendekatan ini juga penting dalam memastikan hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya memenuhi aspek komersial semata-mata, tetapi benar-benar menzahirkan komitmen terhadap pemeliharaan agama dan akidah pelanggan Muslim.

e) Perlindungan Akidah Muslim

Perlindungan akidah Muslim merupakan antara objektif utama *Ḥifẓ al-Dīn* dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Dalam konteks industri hotel, perlindungan akidah melibatkan usaha memastikan pelanggan Muslim tidak terdedah kepada unsur yang boleh merosakkan pegangan agama, moral dan identiti Islam mereka.

Antara elemen yang perlu diberi perhatian termasuklah kawalan hiburan melampau, aktiviti tidak bermoral, unsur perjudian, penyebaran ideologi bercanggah dengan Islam serta persekitaran sosial yang tidak selaras dengan prinsip *Syarīʿah* (Samori et al., 2016). Selain itu, pengurusan hotel juga perlu memastikan budaya organisasi dan bentuk perkhidmatan yang ditawarkan sentiasa menghormati sensitiviti agama pelanggan Muslim.

Dalam konteks semasa, perlindungan akidah juga penting bagi mengelakkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* daripada menjadi sekadar label simbolik tanpa

penghayatan syariah yang sebenar. Oleh itu, pendekatan *Ḥifẓ al-Dīn* perlu diterjemahkan secara lebih menyeluruh dalam keseluruhan operasi dan polisi hotel.

Secara keseluruhannya, keperluan kritikal *Ḥifẓ al-Dīn* dalam hotel patuh *Syarīʿah* menunjukkan bahawa pemeliharaan agama tidak boleh dihadkan kepada penyediaan fasiliti ibadah semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan yang lebih holistik melibatkan perlindungan akidah, kawalan unsur bercanggah dengan syariah serta pembinaan persekitaran hotel yang benar-benar menyokong penghayatan Islam. Pendekatan ini penting bagi memastikan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* selaras dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah* dan memenuhi keperluan semasa industri hospitaliti Islam secara lebih sistematik dan menyeluruh.

2.8 Standard dan Piawaian Hotel Patuh Syariah

Standard dan piawaian memainkan peranan penting dalam memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* diterjemahkan kepada bentuk pengurusan dan operasi yang boleh dilaksanakan, dipantau serta dinilai. Standard menyediakan keperluan yang lebih tersusun kepada pengusaha hotel, manakala garis panduan berfungsi sebagai rujukan dalam menentukan amalan yang selaras dengan prinsip Islam. Sistem penarafan pula membantu pelanggan mengenal pasti tahap kemudahan mesra Muslim yang disediakan oleh sesebuah hotel. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga instrumen tersebut mempunyai tujuan, skop dan tahap autoriti yang berbeza serta tidak wajar digunakan sebagai istilah yang membawa maksud sama.

Dalam konteks Malaysia, belum terdapat satu standard tunggal yang merangkumi secara menyeluruh semua dimensi hotel patuh *Syarīʿah*, termasuk tadbir urus, kewangan Islam, sumber manusia, makanan halal, kemudahan ibadah, keselamatan, privasi dan pemantauan pematuhan. Sebaliknya, pengusaha hotel merujuk kepada beberapa dokumen yang saling melengkapi. Antaranya ialah MS 2610:2015 *Muslim Friendly Hospitality Services-Requirements*, MPPHM 2020, MHMS 2020 dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan Berteraskan Maqasid Syariah 2021 (*Department of Standards Malaysia,* 2015; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020a, 2020b, 2021).

MS 2610:2015 menyediakan keperluan berkaitan perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim yang meliputi kemudahan penginapan, pakej pelancongan dan pemandu pelancong. MPPHM 2020 pula menetapkan prosedur pensijilan halal, khususnya bagi

memastikan bahan mentah, penyediaan makanan, premis dan proses pengendalian memenuhi keperluan halal. MHMS 2020 memberikan penekanan terhadap sistem pengurusan halal dalaman melalui aspek tadbir urus, dokumentasi, kawalan risiko, latihan dan pemantauan. Sementara itu, garis panduan JAKIM tahun 2021 memperluas penerapan Maqāṣid Syarīʿah kepada pentadbiran, kewangan, sumber manusia, operasi perkhidmatan, aset, prasarana dan penilaian organisasi.

Selain dokumen kerajaan, terdapat sistem penarafan dan instrumen penilaian yang dibangunkan oleh organisasi swasta serta penyelidik. Antaranya ialah *Islamic Quality Standard for Hotel* (IQS), CrescentRating, Salam Standard dan *Shariah Islamic Hotel Assessment Tool* (SIHAT). IQS menilai tahap penerapan amalan Islam dalam perkhidmatan hotel, manakala CrescentRating dan Salam Standard lebih tertumpu pada kemudahan mesra Muslim yang dapat dikenal pasti oleh pelanggan, seperti makanan halal, sejadah, arah kiblat dan polisi alkohol. SIHAT pula merangkumi skop yang lebih luas seperti pentadbiran, sumber manusia, kewangan, ruang awam, bilik, perkhidmatan serta makanan dan minuman (Othman & Othman, 2013; Razalli et al., 2015).

Pada peringkat antarabangsa, bentuk pelaksanaan turut berbeza mengikut dasar kerajaan, struktur industri, sistem pensijilan halal dan kedudukan penduduk Muslim di sesebuah negara. Negara majoriti Muslim cenderung mengintegrasikan keperluan agama melalui perundangan, pensijilan halal atau dasar pelancongan negara. Negara minoriti Muslim pula lazimnya menggunakan pendekatan mesra Muslim dengan menyediakan makanan halal, maklumat waktu solat, arah kiblat dan akses kepada masjid. Sistem penarafan antarabangsa seperti CrescentRating dan Salam Standard membantu mengurangkan ketidakpastian pelanggan, tetapi penilaiannya lebih berorientasikan kemudahan pelanggan berbanding keseluruhan tadbir urus organisasi.

Perbezaan ini menjelaskan bahawa label *"mesra Muslim", "hotel Islamik"* dan *"hotel patuh Syarīʿah"* tidak semestinya menunjukkan tahap pematuhan yang sama. Hotel mesra Muslim lazimnya memenuhi sebahagian keperluan berasaskan agama pelanggan, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menuntut penyelarasan seluruh struktur dan proses organisasi dengan prinsip Islam. Pematuhan tersebut sepatutnya meliputi sumber kewangan, kontrak, kepimpinan, kebajikan pekerja, makanan halal, perlindungan pelanggan, hiburan, pemasaran dan pemantauan *Syarīʿah* (Razalli et al., 2012; Samori et al., 2016).

Daripada perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, sesuatu standard tidak seharusnya dinilai berdasarkan bilangan kemudahan fizikal semata-mata. Setiap keperluan perlu diteliti

berdasarkan kemaslahatan yang hendak dicapai dan kemudaratan yang perlu dicegah. Kemudahan ibadah berkaitan dengan *Ḥifẓ al-Dīn*, keselamatan dan kebersihan dengan *Ḥifẓ al-Nafs*, pengawalan alkohol serta pembangunan pengetahuan dengan *Ḥifẓ al-ʿAql*, perlindungan keluarga dan maruah dengan *Ḥifẓ al-Nasl* serta *Ḥifẓ al-ʿIrḍ*, manakala integriti kewangan dan perlindungan aset berkaitan dengan *Ḥifẓ al-Māl*. Walau bagaimanapun, kedudukan sesuatu item dalam peringkat *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* atau *Taḥsīniyyāt* perlu ditentukan berdasarkan fungsi serta kesannya, bukan semata-mata kerana item tersebut mempunyai hubungan umum dengan salah satu prinsip pemeliharaan.

Analisis terhadap standard, garis panduan dan sistem penarafan tersebut menunjukkan bahawa setiap instrumen mempunyai kekuatan, batasan dan fungsi tersendiri. Tidak semua instrumen dibangunkan sebagai standard hotel patuh *Syarīʿah* yang menyeluruh. Sebahagiannya hanya mengawal pensijilan makanan halal, sebahagiannya menilai kemudahan mesra Muslim, manakala sebahagian yang lain memberikan panduan pengurusan berteraskan Maqāṣid Syarīʿah. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk mengintegrasikan elemen yang berkaitan ke dalam sebuah model yang lebih komprehensif, tersusun dan sesuai dengan realiti industri perhotelan di Malaysia.

Berdasarkan skop tersebut, perbincangan seterusnya meneliti MS 2610:2015, MPPHM 2020, MHMS 2020, garis panduan JAKIM 2021, IQS, CrescentRating, Salam Standard dan SIHAT. Setiap instrumen dianalisis berdasarkan tujuan, skop, kandungan, hubungannya dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* serta sumbangannya terhadap pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia.

2.8.1 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM)

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) merupakan antara dokumen utama dalam sistem pensijilan halal di Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dokumen ini berfungsi sebagai garis panduan rasmi bagi mengawal selia prosedur pensijilan halal terhadap produk, premis makanan, rumah sembelihan dan perkhidmatan berkaitan halal di Malaysia. MPPHM turut menjadi rujukan penting dalam memperkukuhkan integriti industri halal negara serta

memastikan pematuhan terhadap prinsip syariah dilaksanakan secara sistematik dan konsisten (JAKIM, 2020).

Secara umumnya, MPPHM dibangunkan bagi memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang memperoleh pensijilan halal memenuhi keperluan hukum syarak serta piawaian halal yang ditetapkan. Manual ini merangkumi pelbagai aspek penting termasuk sumber bahan mentah, pengendalian makanan, kebersihan premis, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan, dokumentasi dan pengurusan halal dalaman organisasi.

Perbincangan mengenai perkembangan, konsep, cabaran, dan keperluan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia secara jelas memperlihatkan jurang yang masih wujud dalam teori dan amalan semasa. Kajian-kajian terdahulu banyak menekankan aspek teknikal seperti penyediaan makanan halal, arah kiblat, atau ketiadaan alkohol (Battour & Ismail, 2016; Henderson, 2016), namun masih kurang memberi perhatian terhadap dimensi yang lebih menyeluruh berpaksikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Kajian semasa ini hadir untuk mengisi kekosongan tersebut dengan membangunkan sebuah model yang tidak hanya memfokuskan kepatuhan simbolik, tetapi turut mengintegrasikan lima objektif utama *Syarīʿah* iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta ke dalam keseluruhan operasi hotel.

Cabaran praktikal seperti kekaburan definisi, ketiadaan piawaian seragam, dan perbezaan amalan antara pengusaha hotel menguatkan lagi keperluan untuk kajian yang lebih mendalam berpaksikan kerangka sistematik (Mohd Faizal et al., 2018; Stephenson, 2014). Kajian ini mengangkat cabaran tersebut sebagai asas pembentukan model bersepadu yang boleh dijadikan panduan kepada pengusaha, pembuat dasar, dan agensi pengawalseliaan. Dengan cara ini, model yang dicadangkan berfungsi bukan sahaja sebagai teori akademik, tetapi juga sebagai manual praktikal dalam memperkukuh standard perhotelan Islam di Malaysia.

Dari sudut akademik, literatur sedia ada lebih menonjolkan analisis deskriptif tanpa membangunkan kerangka teori atau model empirikal yang komprehensif. Kekurangan ini memberi ruang kepada kajian semasa untuk mengaplikasikan metodologi reka bentuk dan pembangunan atau *Design and Development Research (DDR)* seperti yang disarankan oleh Richey dan Klein (2007). Pendekatan DDR membolehkan kajian dilakukan secara berfasa iaitu analisis keperluan, pembangunan model, dan penilaian kebolehgunaan bagi memastikan model yang dihasilkan benar-benar sistematik, sahih, dan boleh diuji dalam konteks industri. Hal ini selaras dengan

tuntutan penyelidikan semasa yang menekankan integrasi antara teori dan aplikasi dalam bidang hospitaliti Islam.

Dalam konteks global, kajian ini turut signifikan kerana permintaan terhadap pelancongan Muslim semakin meningkat dengan nilai pasaran yang dijangka terus berkembang dalam dekad mendatang (CrescentRating, 2023). Hasil penyelidikan ini bukan sahaja relevan untuk konteks Malaysia, tetapi juga berpotensi dijadikan rujukan oleh negara lain yang sedang membangunkan industri hospitaliti Islam berlandaskan kerangka maqasid. Dengan berteraskan prinsip ini, model yang dibangunkan mampu menawarkan sumbangan ilmiah baharu yang menghubungkan teori maqasid dengan keperluan kontemporari industri perhotelan global.

Kajian ini juga berperanan memperkukuh penyelarasan antara pelbagai pihak berkepentingan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa inisiatif pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* sering bersifat berselerak, bergantung pada tafsiran masing-masing, dan kurang berkoordinasi antara agensi kerajaan, pengusaha hotel, serta institusi akademik (Samori et al., 2016). Oleh sebab itu, kajian ini cuba menawarkan satu kerangka seragam yang dapat menyatukan kefahaman dan pelaksanaan industri, sekali gus meningkatkan kejelasan, kredibiliti, dan daya saing perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Dari perspektif kemanusiaan, kajian ini memberi penekanan terhadap kesejahteraan insan secara menyeluruh. Prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja menjamin kepatuhan terhadap hukum, tetapi juga meliputi aspek keselamatan nyawa, maruah, kesihatan mental, dan kesejahteraan ekonomi pengguna (Auda, 2010). Dengan memasukkan dimensi ini, kajian ini menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar instrumen komersial, tetapi juga medium dakwah, pembangunan sosial, serta penyumbang kepada kesejahteraan ummah.

Analisis literatur dan pemerhatian industri menunjukkan jurang yang ketara antara teori dan amalan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Piawaian sedia ada hanya menekankan sebahagian prinsip maqasid, manakala aspek lain yang lebih mendasar masih terpinggir. Keadaan ini mendorong kajian semasa untuk membina model yang berasaskan maqasid secara menyeluruh agar industri hotel Islam di Malaysia bukan sahaja diiktiraf kerana aspek teknikal, tetapi juga dihormati kerana roh *Syarīʿah* yang dihidupkan dalam setiap dimensi perkhidmatan. Dengan pendekatan DDR, model ini diyakini dapat menjadi asas penting kepada transformasi industri, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Bab 2 menegaskan bahawa kajian semasa berperanan penting dalam mengisi jurang teori, menyelesaikan cabaran praktikal, serta memberikan sumbangan ilmiah dan praktikal yang signifikan. Justeru, pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* diyakini mampu memberi manfaat besar kepada literatur akademik, industri hospitaliti, serta masyarakat Islam secara keseluruhan. Bab seterusnya akan membentangkan sorotan literatur yang lebih mendalam untuk memperkukuh asas konseptual bagi pembangunan model ini.

2.13 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian merupakan asas penting dalam sesebuah penyelidikan kerana ia berfungsi sebagai panduan utama dalam menjelaskan hubungan antara konsep, teori dan pemboleh ubah yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, *Maqāṣid Syarīʿah* dipilih sebagai kerangka teori utama bagi membangunkan Model MaSC-Hotel kerana pendekatan tersebut dilihat lebih holistik, sistematik dan relevan dalam menjelaskan keperluan sebenar hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Pemilihan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka teori adalah berasaskan pandangan ulama usul fiqh seperti al-Ghazālī (2012), al-Syāṭibī (1997) dan Ibn ʿĀshūr (2001) yang menegaskan bahawa keseluruhan syariah Islam dibina atas dasar menjaga maslahat manusia dan menolak mafsadah dalam kehidupan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan syariah bukan hanya tertumpu kepada pematuhan hukum secara literal, tetapi turut mengambil kira tujuan, hikmah dan kesan sesuatu pelaksanaan terhadap kesejahteraan manusia.

Dalam kajian ini, konsep hotel patuh *Syarīʿah* tidak dilihat sekadar sebagai penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah semata-mata, sebaliknya sebagai sebuah sistem hospitaliti yang perlu memenuhi objektif *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Oleh itu, kerangka teori *Maqāṣid Syarīʿah* digunakan bagi menjelaskan hubungan antara elemen pematuhan syariah dengan pembangunan model hotel yang lebih komprehensif dan berteraskan prinsip Islam.

Kajian ini memfokuskan kepada lima elemen utama al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams iaitu pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) sebagai asas utama dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Kelima-lima elemen ini dijadikan kerangka utama

bagi mengenal pasti keperluan kritikal hotel patuh *Syarīʿah* serta membentuk konstruk model yang lebih sistematik dan holistik.

Elemen *Ḥifẓ al-Dīn* digunakan bagi menilai aspek pemeliharaan agama dalam operasi hotel seperti penyediaan kemudahan ibadah, perlindungan akidah, kawalan simbol agama lain, ritual keagamaan bukan Islam dan kawalan unsur yang bercanggah dengan syariah. Elemen *Ḥifẓ al-Nafs* pula berkait dengan aspek keselamatan pelanggan, kebersihan, makanan halal, kesihatan dan perlindungan pengguna dalam persekitaran hotel.

Selain itu, elemen *Ḥifẓ al-ʿAql* digunakan bagi menilai kawalan terhadap unsur yang boleh merosakkan akal seperti alkohol, dadah, perjudian dan hiburan melampau. Manakala *Ḥifẓ al-Nasl* pula memfokuskan kepada aspek penjagaan maruah, privasi, pengasingan ruang tertentu antara lelaki dan wanita serta kawalan aktiviti tidak bermoral dalam premis hotel. Seterusnya, *Ḥifẓ al-Māl* digunakan bagi menilai aspek pengurusan kewangan Islam, transaksi halal, integriti organisasi dan perlindungan harta pelanggan serta pengurusan hotel.

Di samping itu, kajian ini turut mengintegrasikan kategori *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* dalam pembangunan model bagi memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya tertumpu kepada keperluan asas semata-mata, tetapi turut mengambil kira aspek kemudahan, keselesaan, etika dan nilai estetika dalam industri hospitaliti Islam. Pendekatan ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan model hospitaliti Islam yang lebih menyeluruh dan lestari.

Kerangka teori kajian ini juga dibangunkan berdasarkan hubungan antara teori *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan semasa industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Hal ini kerana kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan standard dan garis panduan sedia ada seperti MS2610:2015, MPPHM, MFAR dan CrescentRating lebih tertumpu kepada aspek teknikal serta kemudahan asas pelanggan Muslim berbanding integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh (Razalli et al., 2019).

Oleh itu, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam kajian ini digunakan bagi mengatasi kelompangan tersebut melalui pembangunan Model MaSC-Hotel yang lebih sistematik dan berorientasikan objektif syariah. Pendekatan ini membolehkan setiap elemen dalam model dikaitkan secara langsung dengan prinsip pemeliharaan maslahat dan penolakan mafsadah dalam industri hospitaliti Islam.

Dalam konteks metodologi kajian, kerangka teori *Maqāṣid Syarīʿah* turut menjadi asas dalam pembentukan item kajian, proses temu bual pakar, analisis *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan *Modified Nominal Group Technique (Modified NGT)*. Pendekatan ini memastikan setiap konstruk dan item yang dibangunkan benar-benar mempunyai hubungan yang jelas dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah* dan keperluan sebenar industri hotel patuh *Syarīʿah*.

Secara keseluruhannya, kerangka teori kajian ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan Model MaSC-Hotel dalam memastikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* dilaksanakan secara lebih holistik, sistematik dan berteraskan objektif sebenar syariah. Pendekatan ini bukan sahaja membantu memperkukuhkan integriti industri hospitaliti Islam, malah berpotensi menjadikan model yang dibangunkan sebagai rujukan penting dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Rajah 2.1 di bawah menunjukkan kerangka teori kajian yang dibangunkan berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai teori teras dalam pembentukan Model MaSC-Hotel. Kerangka ini memperlihatkan hubungan antara asas wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah dengan konsep *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi panduan utama dalam menentukan domain, konstruk dan elemen model hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Selain itu, kerangka ini turut menjelaskan hierarki *Maqāṣid Syarīʿah* yang merangkumi *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* sebagai asas dalam pembentukan domain model seperti pengurusan operasi, integriti, ekosistem halal, pengalaman pelanggan, pemasaran dan kelestarian. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel bukan sahaja menekankan aspek pematuhan syariah, malah memberi perhatian terhadap pemeliharaan maslahat dan kesejahteraan pengguna selaras dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, kerangka teori ini menjadi asas konseptual dalam menghasilkan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, holistik, praktikal dan relevan dengan keperluan semasa industri hospitaliti Islam di Malaysia.



Rajah 2.2 Kerangka Teori *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Pembentukan Model Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah* (MaSC-Hotel) di Malaysia
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 2.1 merupakan kerangka teori kajian yang dibangunkan berasaskan teori *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai teras utama dalam pembentukan Model MaSC-Hotel. Kerangka ini menunjukkan hubungan antara asas wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah dengan konsep *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi panduan dalam menentukan domain, konstruk dan elemen model hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Kerangka ini turut memperlihatkan hierarki *Maqāṣid Syarīʿah* yang merangkumi *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* sebagai asas dalam membentuk domain Model MaSC-Hotel seperti pengurusan operasi, integriti, ekosistem halal, pengalaman pelanggan, pemasaran dan kelestarian. Melalui pendekatan ini, model yang dibangunkan bukan sahaja menekankan aspek pematuhan syariah, malah memberi perhatian terhadap kemaslahatan, kesejahteraan dan keperluan semasa industri hospitaliti Islam.

Secara keseluruhannya, kerangka teori ini menunjukkan bahawa teori *Maqāṣid Syarīʿah* berfungsi sebagai asas konseptual dan panduan utama dalam membangunkan Model MaSC-Hotel yang lebih sistematik, holistik, praktikal dan relevan dengan realiti industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

2.14 Rumusan Bab

Secara Secara keseluruhannya, Bab Dua telah membincangkan perkembangan, konsep, teori, piawaian, realiti pelaksanaan, cabaran dan keperluan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Perbincangan tersebut menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh dibataskan kepada penyediaan makanan halal, sejadah, penunjuk arah kiblat dan ruang solat semata-mata. Sebaliknya, konsep ini perlu merangkumi keseluruhan sistem pengurusan hotel, termasuk tadbir urus *Syarīʿah*, pengurusan kewangan, sumber manusia, operasi perkhidmatan, perlindungan pelanggan, aset dan prasarana serta pemantauan pematuhan secara berterusan.

Teori *Maqāṣid Syarīʿah* telah dikenal pasti sebagai asas normatif utama dalam pembangunan model kajian. Berdasarkan pandangan al-Ghazali (2012), al-Syatibi (1997), Ibn ʻAshur (2006), Auda (2010) dan al-Raysuni (2015), kemaslahatan manusia direalisasikan melalui pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Pemeliharaan kelima-lima perkara tersebut perlu dilaksanakan melalui dimensi *min jānib al-wujūd*, iaitu menyediakan dan memperkukuh perkara yang membawa kemaslahatan, serta *min jānib al-ʿadam*, iaitu mencegah perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan. Kerangka ini membolehkan pematuhan hotel dinilai berdasarkan tujuan dan kesan sesuatu amalan, bukan hanya berdasarkan kewujudan kemudahan fizikal.

Dalam konteks perhotelan, *Ḥifẓ al-Dīn* diterjemahkan melalui kemudahan ibadah, makanan halal, tadbir urus *Syarīʿah* dan pengawalan aktiviti yang bercanggah dengan agama. *Ḥifẓ al-Nafs* pula melibatkan keselamatan, kebersihan, kesihatan, penyelenggaraan prasarana dan pengurusan kecemasan. *Ḥifẓ al-ʿAql* merangkumi pengawalan minuman memabukkan, kandungan hiburan serta pembangunan pengetahuan dan kompetensi pekerja. Pemeliharaan keturunan dan maruah diterapkan melalui perlindungan privasi, pengurusan kemudahan rekreasi, pencegahan eksploitasi serta penyediaan perkhidmatan mesra keluarga. Sementara itu, *Ḥifẓ al-Māl* merangkumi ketelusan transaksi, pengurusan kewangan yang bebas daripada unsur terlarang, perlindungan harta pelanggan serta pemeliharaan hak pekerja dan pembekal. Kesemua prinsip ini saling melengkapi dalam membentuk ekosistem perhotelan yang menyeluruh.

Sorotan terhadap pelaksanaan di Malaysia menunjukkan bahawa beberapa dokumen telah menyediakan asas penting kepada pembangunan industri, antaranya MS

2610:2015, MPPHM 2020, MHMS 2020 serta Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan Berteraskan Maqasid Syariah 2021. Dokumen-dokumen tersebut merangkumi aspek perkhidmatan mesra Muslim, pensijilan halal, sistem kawalan halal dalaman, tadbir urus, kewangan, sumber manusia dan operasi perhotelan. Walau bagaimanapun, skop, fungsi dan tahap pematuhan yang ditetapkan oleh setiap dokumen adalah berbeza. Perbezaan ini menunjukkan bahawa belum terdapat satu model bersepadu yang menyusun keseluruhan keperluan hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*.

Perbandingan dengan pendekatan luar negara dan sistem penarafan antarabangsa turut memperlihatkan perbezaan dari segi skop serta tahap pematuhan. Di Indonesia dan beberapa negara Timur Tengah, pendekatan perhotelan Islam lebih dipengaruhi oleh dasar halal, konteks perundangan, struktur industri dan permintaan pasaran tempatan. Di negara yang penduduk Muslimnya minoriti pula, perkhidmatan cenderung menumpukan keperluan asas pelancong Muslim seperti makanan halal, maklumat waktu solat, arah kiblat dan akses kepada ruang ibadah. Sistem antarabangsa seperti *CrescentRating* dan *Salam Standard* pula menggunakan penarafan bertahap untuk memaklumkan tahap kemudahan mesra Muslim sesebuah hotel. Namun demikian, pendekatan tersebut lebih berorientasikan keperluan pelanggan dan belum semestinya merangkumi tadbir urus *Syarīʿah*, kewangan Islam, pengurusan sumber manusia dan pemantauan organisasi secara menyeluruh.

Perbandingan tersebut juga menjelaskan perbezaan antara konsep "mesra Muslim" dengan "patuh *Syarīʿah*". Perkhidmatan mesra Muslim lazimnya menyediakan sebahagian kemudahan yang menyokong keperluan agama pelanggan, manakala hotel patuh *Syarīʿah* menuntut pematuhan yang lebih menyeluruh pada peringkat dasar, tadbir urus, kewangan, sumber manusia dan operasi. Kekaburan penggunaan kedua-dua istilah boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan serta membuka ruang kepada penggunaan label Islam sebagai strategi pemasaran tanpa mekanisme pematuhan yang jelas (Razalli et al., 2012; Samori et al., 2016).

Bab ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*, termasuk ketidakseragaman definisi dan piawaian, keterbatasan kefahaman pengusaha, kos pengubahsuaian serta operasi, kekurangan pekerja yang kompeten, persepsi pelanggan bukan Muslim dan kesukaran menyeimbangkan tuntutan komersial dengan pematuhan agama. Cabaran tersebut menunjukkan bahawa

pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan lebih daripada penyediaan kemudahan simbolik. Ia memerlukan dasar yang jelas, pengurusan risiko, pemantauan, latihan pekerja dan komitmen organisasi yang konsisten.

Analisis terhadap kajian terdahulu dan dokumen piawaian seterusnya mengenal pasti jurang dari segi ketiadaan model yang mengintegrasikan lima prinsip pemeliharaan dengan tiga tahap keutamaan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi hotel. Model sedia ada dan sistem penarafan tertentu lebih tertumpu pada atribut fizikal atau keperluan asas pelanggan, sedangkan hubungan antara tadbir urus, halal, integriti, keselamatan, aset, pembangunan sumber manusia dan kesejahteraan pelanggan masih belum disusun secara sistematik. Jurang tersebut mengukuhkan keperluan pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia atau MaSC-Hotel.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan model yang bergerak melangkaui pematuhan teknikal kepada pendekatan yang lebih bersepadu, berhierarki dan berorientasikan kemaslahatan. Model tersebut diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan dan pembuat dasar dalam menentukan keutamaan pelaksanaan serta menilai pematuhan secara lebih sistematik. Pembangunannya juga berpotensi memperkukuh integriti perkhidmatan, meningkatkan keyakinan pelanggan dan menyumbang kepada daya saing Malaysia dalam industri pelancongan Islam.

Kesimpulannya, sorotan literatur dalam bab ini telah membina asas teoritis dan empirikal bagi pembangunan MaSC-Hotel. Bab seterusnya menghuraikan metodologi kajian yang digunakan untuk mengenal pasti keperluan, membangunkan konstruk dan elemen serta menilai model tersebut melalui pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research*).

BAB 3
KAJIAN LITERATUR

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan sorotan literatur yang menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Jika bab kedua meneliti konteks, perkembangan, cabaran dan keperluan industri hotel patuh *Syarīʿah*, maka bab ketiga ini berfokus kepada asas konseptual, teori serta dapatan kajian lepas yang membimbing pembentukan model kajian. Sorotan literatur bukan sekadar menghimpunkan pandangan sarjana, bahkan berfungsi untuk mengenal pasti jurang pengetahuan, kelemahan kajian sedia ada serta memberi justifikasi terhadap keperluan menghasilkan sebuah model baharu yang lebih sistematik, holistik dan berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Dalam kerangka penyelidikan akademik, sorotan literatur berperanan sebagai jambatan antara teori dan amalan. Ia memastikan sesuatu kajian tidak dijalankan secara arbitrari, sebaliknya disokong oleh hujah ilmiah dan bukti empirikal yang kukuh (Creswell & Creswell, 2018). Hal ini penting kerana pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan asas konseptual yang jelas bagi menjamin kesahan teori, kebolehgunaan praktikal serta kesesuaian dengan realiti industri hospitaliti Islam semasa. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini melibatkan karya ulama klasik seperti al-Ghazālī (2012), al-Syāṭibī (1997), Ibn ʿĀshūr (2001) dan al-Qarāfī (1998), di samping penyelidikan kontemporari dalam bidang hospitaliti Islam oleh Battour dan Ismail (2016), Stephenson (2014), Razalli et al. (2019), Eid dan El-Gohary (2022), serta laporan industri oleh Islamic Tourism Centre (ITC, 2022; 2023).

Selain itu, perkembangan pesat industri pelancongan Islam global turut memperkukuhkan keperluan kajian ini. Menurut laporan Global Muslim Travel Index (GMTI, 2023), jumlah pelancong Muslim antarabangsa dijangka terus meningkat dengan Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai destinasi utama pelancongan Islam dunia. Walau bagaimanapun, ketiadaan model piawaian yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* menyebabkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia masih tidak seragam dan cenderung kepada pematuhan bersifat simbolik seperti penyediaan arah kiblat, makanan halal dan kemudahan ibadah semata-mata (Mohd Faizal et al.,

2018). Situasi ini menunjukkan bahawa masih wujud jurang besar antara prinsip syariah dengan realiti pelaksanaan industri hospitaliti semasa.

Literatur turut menunjukkan wujud variasi definisi dan pendekatan terhadap konsep hotel patuh *Syarīʿah*. Sebahagian sarjana menegaskan perlunya pematuhan menyeluruh terhadap prinsip syariah termasuk aspek kewangan Islam, hiburan, polisi sosial dan pengurusan sumber manusia (Battour & Ismail, 2016; Stephenson, 2014). Namun begitu, terdapat juga pengkaji yang berpendapat bahawa penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah sudah memadai untuk melabelkan sesebuah hotel sebagai hotel patuh *Syarīʿah* (Fadil, 2011). Perbezaan tafsiran ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha hotel, malah turut menjejaskan keyakinan pelanggan terhadap kredibiliti hotel yang menggunakan label "patuh *Syarīʿah*".

Berdasarkan sorotan awal ini, jelas bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* perlu dijadikan kerangka asas dalam membangunkan Model MaSC-Hotel. Prinsip maqasid bukan sahaja menekankan pemeliharaan agama, tetapi turut meliputi pemeliharaan nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai asas kesejahteraan manusia (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Pendekatan ini dilihat lebih sesuai dalam membentuk model hotel patuh *Syarīʿah* yang bukan sekadar memenuhi aspek pematuhan luaran, tetapi turut menekankan elemen maslahah, integriti, keselamatan, etika dan kesejahteraan pelanggan secara menyeluruh.

Sehubungan itu, Bab Tiga ini akan membincangkan beberapa aspek utama iaitu *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka teori kajian, konsep dan realiti pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*, sorotan terhadap kajian-kajian lepas, analisis jurang pengetahuan yang masih wujud serta justifikasi keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel. Keseluruhan perbincangan ini akan membentuk asas konseptual dan teoritikal yang kukuh bagi menyokong pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia..

3.2 Jurang Pengetahuan sebagai Asas Pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah*

Kajian literatur menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia masih berada pada tahap awal pembangunan teori dan aplikasi praktikal. Walaupun pelbagai definisi, konsep dan kriteria telah diketengahkan oleh sarjana antarabangsa seperti Henderson (2010), Stephenson et al. (2017), Battour dan

Ismail (2016), serta Samori et al. (2016), kebanyakan kajian masih memberi penekanan terhadap aspek asas seperti penyediaan makanan halal, arah kiblat, kemudahan ibadah dan larangan alkohol. Penekanan yang terlalu tertumpu kepada elemen tertentu ini menunjukkan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* masih belum diintegrasikan secara menyeluruh dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, khususnya dalam aspek pengurusan operasi, polisi sosial, tadbir urus, perlindungan akidah dan sistem kewangan Islam (Hashim et al., 2019; El-Gohary, 2020).

Selain itu, literatur terdahulu lebih banyak memfokuskan dimensi pemasaran, kepuasan pelanggan dan strategi pengkomersialan hotel patuh *Syarīʿah* (Razalli et al., 2013; Samori et al., 2016; Din et al., 2021). Walaupun aspek tersebut penting dalam meningkatkan daya saing industri, fokus yang terlalu dominan terhadap pemasaran menyebabkan dimensi pemeliharaan maqasid seperti *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-Nasl* dan *Ḥifẓ al-Māl* kurang diberikan perhatian secara mendalam. Akibatnya, pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* sering dilihat secara fragmentari dan bersifat simbolik, bukannya sebagai satu sistem hospitaliti Islam yang benar-benar holistik dan berteraskan objektif syariah (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015; Kamali, 2021).

Jurang ini menjadi semakin ketara apabila wujud percanggahan dalam penggunaan label "hotel patuh *Syarīʿah*" dalam industri hospitaliti semasa. Terdapat hotel yang hanya menekankan ketiadaan alkohol atau penyediaan makanan halal tetapi masih membenarkan hiburan tidak terkawal, percampuran sosial tanpa batasan serta penggunaan transaksi kewangan konvensional yang bercanggah dengan prinsip Islam (Stephenson, 2014; Akyol & Kilinç, 2014; Rahman et al., 2020). Situasi ini menunjukkan bahawa pematuhan syariah sering dilaksanakan secara minimum dan bersifat luaran tanpa menghayati roh sebenar *Maqāṣid Syarīʿah*. Keadaan tersebut bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha hotel, malah turut menjejaskan keyakinan pelanggan Muslim terhadap kredibiliti sesebuah hotel yang menggunakan label "patuh *Syarīʿah*".

Tambahan pula, kajian tempatan masih kurang membincangkan hubungan langsung antara *Maqāṣid Syarīʿah* dengan operasi dan pengurusan hotel secara sistematik. Walaupun pendekatan maqasid telah digunakan secara meluas dalam bidang kewangan Islam, ekonomi, pengurusan dan perundangan Islam, aplikasinya dalam industri hospitaliti masih agak terbatas (Laldin & Furqani, 2018; Kasim et al., 2019; Khalid et al., 2023). Sebagai contoh, aspek *Ḥifẓ al-Māl* boleh dikaitkan dengan penggunaan sistem kewangan Islam dan tadbir urus bebas riba, manakala *Ḥifẓ al-Dīn*

pula berkait secara langsung dengan perlindungan akidah pelanggan Muslim, kawalan unsur syirik serta pemeliharaan sensitiviti agama dalam persekitaran hotel. Namun demikian, aspek-aspek ini masih kurang dihuraikan secara komprehensif dalam kajian terdahulu. Hal ini membuktikan bahawa masih wujud jurang konseptual yang signifikan dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Di samping itu, kebanyakan kajian terdahulu lebih bersifat deskriptif dan tertumpu kepada isu pelaksanaan seperti kekurangan latihan pekerja, tahap kesedaran pengusaha, kos operasi dan kekangan pensijilan halal (Samori & Rahman, 2013; Kamarudin & Ismail, 2020; Suhailah et al., 2022). Walaupun isu-isu ini penting, kajian terdahulu masih kurang menghasilkan satu model pembangunan yang sistematik dan boleh dijadikan panduan standard oleh industri hotel patuh *Syarīʿah*. Ketiadaan model yang jelas menyebabkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* terus berdepan masalah ketidakseragaman, jurang kefahaman serta kelemahan dalam aspek standardisasi dan pemantauan industri.

Selain itu, literatur juga menunjukkan bahawa masih belum terdapat satu model nasional yang benar-benar mengintegrasikan elemen *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* secara menyeluruh dalam industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Kebanyakan standard sedia ada seperti MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services, CrescentRating dan Salam Standard lebih tertumpu kepada penyediaan kemudahan asas pelanggan Muslim berbanding pembangunan model hospitaliti Islam yang benar-benar berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah* (ITC, 2022; CrescentRating, 2023). Situasi ini menunjukkan bahawa masih wujud kelompangan dalam usaha membangunkan kerangka hospitaliti Islam yang lebih sistematik, holistik dan relevan dengan keperluan industri semasa.

Sorotan literatur ini menegaskan bahawa terdapat beberapa jurang kritikal yang perlu diberikan perhatian. Antaranya termasuk definisi dan kriteria hotel patuh *Syarīʿah* yang masih tidak seragam, penekanan berlebihan terhadap aspek simbolik tanpa integrasi maqasid, kekurangan model konseptual yang komprehensif, ketiadaan standard nasional yang benar-benar holistik serta kurangnya kajian yang menghubungkan teori *Maqāṣid Syarīʿah* dengan realiti operasi industri hotel. Oleh itu, jurang-jurang ini menjadi asas penting kepada kajian semasa dalam membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Model yang dicadangkan bukan sahaja berfungsi mengisi kelompangan dalam literatur akademik, malah menyediakan panduan praktikal yang lebih sistematik dalam membantu

pengusaha hotel, pihak kerajaan dan badan pensijilan memperkukuhkan standard industri hospitaliti Islam di Malaysia.

3.2.1 Isu Fragmentasi Piawaian Antarabangsa

Salah satu jurang utama dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* ialah wujudnya fragmentasi piawaian antarabangsa yang masih tidak seragam dari sudut konsep, definisi dan pelaksanaan. Pada peringkat global, pelbagai organisasi dan institusi telah memperkenalkan standard serta garis panduan berkaitan hospitaliti Islam dan hotel mesra Muslim seperti CrescentRating, Salam Standard, Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), serta piawaian tempatan seperti MS2610:2015 di Malaysia. Walau bagaimanapun, setiap piawaian tersebut mempunyai pendekatan, skop dan tahap penekanan yang berbeza antara satu sama lain (Battour & Ismail, 2016; Stephenson, 2014).

Sebagai contoh, CrescentRating lebih memberi tumpuan kepada kebolehcapaian pasaran pelancong Muslim antarabangsa melalui elemen asas seperti makanan halal, arah kiblat, kemudahan solat dan ketiadaan alkohol. Pendekatan ini bertujuan membantu hotel memenuhi keperluan minimum pelancong Muslim global khususnya dari Timur Tengah dan negara majoriti Muslim lain (CrescentRating, 2023). Namun demikian, piawaian ini lebih menekankan aspek pengalaman pelanggan dan kebolehpasaran industri berbanding integrasi syariah secara menyeluruh dalam operasi hotel.

Salam Standard pula mengklasifikasikan hotel berdasarkan kategori asas, premium dan eksklusif mengikut tahap kemudahan Muslim-friendly yang disediakan. Walaupun pendekatan ini membantu pengguna mengenal pasti tahap kemudahan yang ditawarkan, fokusnya masih tertumpu kepada pengalaman pelanggan dan strategi pemasaran industri pelancongan Muslim (Salam Standard, 2022). Dalam masa yang sama, aspek seperti perlindungan akidah, kawalan hiburan, transaksi kewangan Islam dan pengasingan sosial kurang diberikan penekanan secara komprehensif.

Di Malaysia, MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) diperkenalkan oleh Jabatan Standard Malaysia dan Islamic Tourism Centre (ITC) sebagai garis panduan rasmi berkaitan hospitaliti mesra Muslim. Piawaian ini merangkumi aspek pengurusan hotel, kemudahan ibadah, makanan halal, latihan pekerja dan beberapa keperluan operasi lain yang lebih sesuai dengan konteks tempatan

(Department of Standards Malaysia, 2015). Malaysia juga merupakan antara negara terawal yang membangunkan piawaian hospitaliti mesra Muslim di peringkat nasional. Walaupun begitu, piawaian ini masih menggunakan pendekatan "Muslim-friendly" dan belum sepenuhnya mengintegrasikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh.

Selain itu, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang dikeluarkan oleh JAKIM turut memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan halal khususnya berkaitan makanan, minuman dan pengendalian premis. Namun demikian, MPPHM lebih tertumpu kepada aspek pensijilan halal dan belum merangkumi keseluruhan dimensi operasi hotel seperti pengurusan hiburan, polisi sosial, perlindungan akidah dan sistem kewangan Islam (JAKIM, 2020).

Perbezaan pendekatan dan skop antara piawaian-piawaian ini menunjukkan bahawa masih belum wujud satu standard universal yang benar-benar seragam dan komprehensif bagi industri hotel patuh *Syarīʿah*. Situasi ini mewujudkan fragmentasi piawaian yang memberi kesan langsung terhadap industri hospitaliti Islam global. Pengusaha hotel sering berdepan kekeliruan dalam menentukan standard yang perlu dipatuhi, manakala pelanggan Muslim pula menghadapi kesukaran untuk menilai tahap sebenar pematuhan syariah sesebuah hotel.

Fragmentasi piawaian ini turut membuka ruang kepada fenomena mislabeling, iaitu penggunaan label "hotel patuh *Syarīʿah*" atau "Muslim-friendly" sebagai strategi pemasaran tanpa memenuhi keperluan syariah secara menyeluruh. Terdapat hotel yang hanya menyediakan makanan halal dan arah kiblat tetapi masih menawarkan hiburan tidak terkawal, aktiviti bercampur bebas serta transaksi kewangan konvensional yang bercanggah dengan prinsip Islam (Rahman et al., 2020). Situasi ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* dilihat lebih bersifat simbolik dan komersial berbanding sebagai satu sistem hospitaliti Islam yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Lebih membimbangkan, kebanyakan piawaian antarabangsa masih memberi penekanan terhadap elemen luaran dan teknikal seperti makanan halal, kemudahan ibadah dan kebersihan premis tanpa meneliti aspek *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Elemen penting seperti *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-Nasl* dan *Ḥifẓ al-Māl* masih kurang diterjemahkan dalam bentuk standard operasi hotel yang komprehensif. Hal ini menunjukkan bahawa jurang pengetahuan bukan sahaja berlaku di peringkat nasional, malah turut wujud pada skala antarabangsa.

Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* amat penting bagi menyediakan satu kerangka alternatif yang lebih holistik, sistematik dan menyeluruh. Model ini bukan sahaja bertujuan mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam operasi hotel, malah berpotensi menjadi asas kepada usaha penyelarasan piawaian hotel patuh *Syarīʿah* pada masa hadapan. Melalui pendekatan ini, industri hospitaliti Islam dapat dibangunkan secara lebih konsisten, berintegriti dan diyakini oleh pengguna Muslim di peringkat tempatan dan global.

3.3 *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai Kerangka Teoritikal

Maqāṣid Syarīʿah merupakan kerangka teoritikal yang paling sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia menyediakan asas konseptual yang menyeluruh dalam memahami objektif sebenar pensyariatan Islam terhadap kehidupan manusia. Istilah maqāṣid berasal daripada perkataan Arab qaṣada yang membawa maksud tujuan, matlamat atau arah yang dituju (Ibn Manẓūr, n.d.; al-Qazwīnī, 1986). Dari sudut terminologi, *Maqāṣid Syarīʿah* merujuk kepada hikmah, tujuan dan objektif yang ingin dicapai oleh syariah dalam setiap hukum dan ketetapan yang diturunkan oleh Allah SWT. Para ulama usul fiqh menjelaskan bahawa keseluruhan hukum syariah dibina atas dasar merealisasikan maslahat dan menolak mafsadah dalam kehidupan manusia (al-Ghazālī, 2012; al-Syāṭibī, 1997).

Konsep maslahat dalam *Maqāṣid Syarīʿah* merujuk kepada segala bentuk kebaikan, manfaat dan kesejahteraan yang membawa kepada pemeliharaan kehidupan manusia, manakala mafsadah pula merujuk kepada kerosakan, kemudaratan dan perkara yang boleh menjejaskan kesejahteraan individu serta masyarakat (al-Rāzī, 1992; al-Qarāfī, 1998). Dalam konteks ini, *Maqāṣid Syarīʿah* berfungsi sebagai asas utama dalam memastikan setiap hukum dan sistem yang dibangunkan benar-benar memberi manfaat kepada manusia serta selaras dengan objektif syariah Islam.

Perbincangan berkaitan *Maqāṣid Syarīʿah* telah dikembangkan secara sistematik oleh ulama klasik seperti al-Juwaynī, al-Ghazālī dan al-Syāṭibī. Al-Juwaynī dianggap antara sarjana terawal yang membahaskan kepentingan objektif syariah dalam penentuan hukum melalui konsep al-uṣūl al-kulliyyah (Auda, 2010). Perbahasan ini kemudiannya diperincikan oleh al-Ghazālī yang menegaskan bahawa tujuan utama syariah adalah untuk memelihara lima perkara asas iaitu agama, nyawa, akal, keturunan

dan harta (al-*ḍarūriyyāt* al-khams) (al-Ghazālī, 2012). Seterusnya, al-Syāṭibī memperkukuhkan teori tersebut melalui karya al-Muwāfaqāt dengan menjelaskan bahawa keseluruhan hukum syariah bertujuan menjaga maslahat manusia secara menyeluruh dan berterusan (al-Syāṭibī, 1997).

Selain itu, Ibn ʿĀshūr (2001) memperluaskan perbahasan *Maqāṣid Syarīʿah* dengan menekankan aspek fleksibiliti dan kesesuaian maqasid dalam menghadapi perubahan zaman dan perkembangan masyarakat moden. Pendekatan ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar teori klasik yang terhad kepada ibadah semata-mata, tetapi boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang kontemporari termasuk ekonomi, kewangan Islam, pentadbiran, teknologi dan industri hospitaliti (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015).

Dalam kajian ini, *Maqāṣid Syarīʿah* diposisikan sebagai kerangka teoritikal utama dalam pembangunan Model MaSC-Hotel di Malaysia. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pematuhan syariah dalam industri hospitaliti tidak hanya tertumpu kepada elemen simbolik seperti makanan halal, arah kiblat dan kemudahan ibadah semata-mata, tetapi turut melibatkan aspek pemeliharaan agama, keselamatan pelanggan, integriti pengurusan, perlindungan akidah, kawalan hiburan, transaksi kewangan Islam serta kesejahteraan sosial secara menyeluruh (Dusuki & Bouheraoua, 2011; Laldin & Furqani, 2018).

Secara tradisinya, *Maqāṣid Syarīʿah* dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*. Kategori *ḍarūriyyāt* merujuk kepada keperluan asas yang wajib dipelihara bagi menjamin kelangsungan kehidupan manusia. Kategori *Ḥājiyyāt* pula merujuk kepada keperluan yang membantu mengurangkan kesukaran dan memberikan kemudahan dalam kehidupan, manakala *taḥsīniyyāt* melibatkan elemen kesempurnaan, adab dan nilai estetika yang memperindah kehidupan manusia (al-Ghazālī, 2012; al-Syāṭibī, 1997).

Dalam konteks pembangunan Model MaSC-Hotel, kategori *ḍarūriyyāt* dijadikan asas utama dalam pembentukan domain model melalui pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Sebagai contoh, *Ḥifẓ al-Dīn* diterjemahkan melalui penyediaan kemudahan ibadah, perlindungan akidah dan kawalan unsur syirik dalam hotel. *Ḥifẓ al-Nafs* pula berkait dengan aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan hotel, manakala *Ḥifẓ al-ʿAql* melibatkan kawalan terhadap alkohol, perjudian, pornografi dan hiburan melampau. Selain itu, *Ḥifẓ al-Nasl* diterapkan melalui kawalan sosial, perlindungan

maruah dan pengasingan fasiliti tertentu, sementara *Ḥifẓ al-Māl* pula diaplikasikan melalui pengurusan kewangan Islam, transaksi bebas riba dan tadbir urus yang berintegriti.

Penggunaan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam kajian ini juga dilihat mampu mengatasi kelemahan pendekatan sedia ada yang lebih bersifat terpisah dan fragmentari. Kajian terdahulu banyak menumpukan kepada elemen ritual seperti makanan halal dan kemudahan solat tanpa menghubungkannya secara langsung dengan objektif syariah yang lebih luas (Battour & Ismail, 2016; Razalli et al., 2019). Dengan menggunakan kerangka maqasid, setiap elemen dalam industri hotel dapat dinilai secara lebih sistematik dan saling melengkapi antara satu sama lain bagi memastikan keseluruhan operasi hotel benar-benar selaras dengan prinsip syariah.

Selain itu, *Maqāṣid Syarīʿah* juga berfungsi sebagai asas normatif dan etika yang menghubungkan nilai Islam dengan keperluan industri moden. Pendekatan ini bukan sahaja memberi jaminan kepada pelanggan Muslim bahawa keperluan agama mereka dipenuhi, malah turut memastikan nilai universal seperti keselamatan, keadilan, integriti sosial dan kesejahteraan pengguna sentiasa dipelihara (Kamali, 2021). Oleh itu, integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel dilihat mampu menghasilkan satu model hospitaliti Islam yang lebih praktikal, relevan dan berdaya saing di peringkat global.

Dari sudut metodologi, penggunaan *Maqāṣid Syarīʿah* juga selaras dengan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan DDR memerlukan asas teori yang kukuh bagi memastikan proses pembangunan model dilakukan secara sistematik melalui fasa analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan dan penilaian model (Richey & Klein, 2007). Dalam konteks ini, *Maqāṣid Syarīʿah* berfungsi sebagai prinsip panduan utama yang memayungi keseluruhan proses pembangunan Model MaSC-Hotel agar selaras dengan objektif syariah dan keperluan industri hospitaliti Islam semasa.

Secara keseluruhannya, pemilihan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka teoritikal dalam kajian ini memberikan nilai tambah yang signifikan kerana ia bukan sahaja memastikan keselarasan model dengan prinsip Islam, malah menjadikan model yang dibangunkan lebih komprehensif, sistematik dan praktikal. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh dilihat sekadar dari sudut pematuhan simbolik semata-mata, tetapi perlu dinilai berdasarkan keupayaannya dalam merealisasikan maslahat dan memelihara kesejahteraan manusia

secara menyeluruh. Dengan pendekatan ini, kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pengukuhan literatur hospitaliti Islam serta memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam pembangunan industri pelancongan Islam berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

3.4 Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah* dalam Literatur

Konsep hotel patuh *Syarīʿah* semakin mendapat perhatian dalam literatur akademik selari dengan perkembangan pesat industri pelancongan Islam global yang diiktiraf sebagai antara segmen pasaran paling dinamik di dunia (Global Muslim Travel Index, 2023). Pertumbuhan jumlah pelancong Muslim antarabangsa telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan hospitaliti yang bukan sahaja menyediakan makanan halal dan kemudahan ibadah, tetapi turut memenuhi keperluan gaya hidup Islam secara menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* berkembang daripada pendekatan bersifat asas kepada satu sistem hospitaliti Islam yang lebih komprehensif dan berorientasikan nilai syariah.

Secara umum, hotel patuh *Syarīʿah* didefinisikan sebagai institusi hospitaliti yang mengintegrasikan prinsip *Syarīʿah* dalam keseluruhan aspek pengurusan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan (Battour & Ismail, 2016; Henderson, 2010). Definisi ini menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar tertumpu kepada penyediaan makanan halal atau larangan alkohol semata-mata, tetapi turut melibatkan pengurusan kewangan Islam, kawalan hiburan, perlindungan privasi pelanggan, pengurusan sumber manusia serta etika perkhidmatan yang selaras dengan prinsip Islam.

Walau bagaimanapun, literatur menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih berdepan pelbagai kekeliruan dari sudut definisi dan pelaksanaan. Sebahagian sarjana seperti Fadil (2011) berpendapat bahawa ketiadaan alkohol dan penyediaan makanan halal sudah memadai untuk mengklasifikasikan sesebuah hotel sebagai hotel patuh *Syarīʿah*. Pendekatan ini dilihat agak sempit kerana hanya memberi penekanan terhadap aspek luaran dan simbolik tanpa mengambil kira objektif *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh (Battour et al., 2011). Sebaliknya, Ismail dan Razalli (2017) menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* perlu memenuhi dimensi pematuhan operasi, kesesuaian kemudahan dan nilai pengurusan beretika bagi memastikan keseluruhan sistem hotel benar-benar selaras dengan prinsip Islam.

Selain itu, Samori dan Sabtu (2014) menjelaskan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan piawaian yang lebih sistematik dan konsisten agar dapat memenuhi kehendak pelancong Muslim global. Hal ini kerana penggunaan istilah seperti "*Muslim-friendly hotel*", "Islamic hotel", "*halal hotel*" dan "hotel patuh *Syarīʿah*" sering digunakan secara bertindih tanpa definisi yang jelas. Kekeliruan istilah ini menyebabkan berlaku ketidakselarasan dalam amalan industri dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan Muslim terhadap tahap sebenar pematuhan syariah sesebuah hotel.

Dalam konteks ini, konsep *Muslim-friendly hotel* lazimnya merujuk kepada hotel yang menyediakan kemudahan asas bagi pelanggan Muslim seperti makanan halal, arah kiblat, kemudahan solat dan persekitaran yang lebih mesra Muslim. Namun demikian, konsep hotel patuh *Syarīʿah* mempunyai skop yang lebih luas kerana melibatkan integrasi prinsip syariah secara menyeluruh dalam operasi hotel termasuk aspek kewangan Islam, kawalan sosial, hiburan, etika pekerja, perlindungan akidah dan tadbir urus organisasi. Perbezaan ini menunjukkan bahawa hotel mesra Muslim lebih berorientasikan kemudahan pelanggan, manakala hotel patuh *Syarīʿah* pula menekankan keseluruhan sistem pengurusan dan operasi yang berlandaskan prinsip Islam.

Di Malaysia, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dan agensi berkaitan seperti Islamic Tourism Centre (ITC) melalui Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) dan piawaian MS2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services. Walaupun usaha ini menunjukkan komitmen Malaysia dalam membangunkan industri hospitaliti Islam, kajian mendapati penekanannya masih lebih tertumpu kepada aspek simbolik seperti makanan halal, arah kiblat, penyediaan al-Quran dan kemudahan ibadah (Razalli et al., 2012). Aspek yang lebih kritikal seperti perlindungan akidah, kawalan unsur syirik, transaksi kewangan bebas riba, keselamatan pelanggan, privasi keluarga dan pengurusan integriti masih kurang diberikan perhatian sebagai indikator utama hotel patuh *Syarīʿah* (Samori et al., 2016).

Selain itu, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan halal khususnya dalam aspek makanan, minuman dan pengendalian premis. Namun demikian, MPPHM lebih memfokuskan kepada pensijilan halal produk dan perkhidmatan makanan berbanding keseluruhan operasi hotel seperti kawalan hiburan, pengurusan sosial dan perlindungan akidah

pelanggan Muslim (JAKIM, 2020). Situasi ini menunjukkan bahawa masih wujud kelompangan dalam usaha membangunkan satu model hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar menyeluruh.

Perbandingan antarabangsa turut memperlihatkan variasi pendekatan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Di Turki, hotel patuh *Syarīʿah* lebih berorientasikan konsep resort keluarga dengan penyediaan fasiliti rekreasi yang berasingan antara lelaki dan wanita (Stephenson, 2014). Di negara Timur Tengah pula, penekanan lebih diberikan kepada identiti Islam melalui seni bina dan larangan alkohol, namun aspek kewangan bebas riba masih belum diamalkan secara menyeluruh (Rahman et al., 2020). Sementara itu, Malaysia lebih memberi tumpuan kepada aspek makanan halal dan fasiliti ibadah sebagai asas utama hotel mesra Muslim. Perbezaan pendekatan ini menunjukkan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih belum mempunyai satu tafsiran universal yang benar-benar seragam.

Kajian terkini turut menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh hanya bersifat teknikal atau berorientasikan operasi semata-mata, tetapi perlu memberi perhatian terhadap pengalaman pelanggan secara lebih holistik. Stephenson (2014) serta Samori, Salleh dan Khalid (2016) menjelaskan bahawa pelancong Muslim bukan sahaja mengharapkan makanan halal dan penginapan bebas alkohol, malah turut menuntut suasana yang harmoni, layanan berasaskan ihsan, perlindungan privasi, keselamatan keluarga dan etika perniagaan yang adil. Dimensi pengalaman spiritual dan kesejahteraan ini menjadi elemen penting yang membezakan hotel patuh *Syarīʿah* daripada hotel konvensional.

Walaupun demikian, literatur semasa masih lemah dalam menekankan integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* secara sistematik dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada pematuhan terhadap syarat halal dan keperluan operasi tanpa menghubungkannya secara langsung dengan konsep maslahat dan objektif syariah yang lebih luas. Sebagai contoh, *Ḥifẓ al-Dīn* sering diterjemahkan melalui penyediaan kemudahan ibadah dan larangan alkohol, tetapi aspek *Ḥifẓ al-Nafs* seperti keselamatan pelanggan, *Ḥifẓ al-ʿAql* seperti kawalan hiburan dan pembentukan akhlak, *Ḥifẓ al-Nasl* seperti penjagaan maruah dan institusi keluarga, serta *Ḥifẓ al-Māl* seperti pengurusan kewangan Islam masih kurang diberikan perhatian secara komprehensif (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Kekurangan ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* yang dibangunkan tidak benar-benar menzahirkan tujuan asal *Maqāṣid Syarīʿah*.

Dari sudut pandangan pengkaji, kebergantungan terhadap simbol fizikal semata-mata boleh menjejaskan kredibiliti konsep hotel patuh *Syarīʿah*. Pelanggan Muslim mungkin meragui status sesebuah hotel sekiranya pengurusan hotel gagal mengamalkan keadilan terhadap pekerja, tidak telus dalam transaksi kewangan atau mengabaikan isu keselamatan dan integriti operasi. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* seharusnya difahami sebagai satu sistem hospitaliti Islam yang menyeluruh merangkumi pengurusan dalaman, operasi, perkhidmatan pelanggan, struktur organisasi dan budaya kerja yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Secara keseluruhannya, Malaysia sememangnya berada lebih ke hadapan berbanding banyak negara lain dari sudut pembangunan dasar, piawaian dan sistem pengiktirafan berkaitan hospitaliti Islam. Walau bagaimanapun, masih wujud jurang dari aspek keseragaman, kefahaman dan konsistensi pelaksanaan khususnya dalam mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Oleh itu, analisis terhadap polisi, standard dan garis panduan ini menjadi asas penting kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Model yang dicadangkan diharapkan bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal dan operasi industri, malah mampu berfungsi sebagai kerangka holistik yang menepati objektif *Syarīʿah* dalam memelihara agama, nyawa, akal, maruah dan harta pelanggan Muslim secara lebih menyeluruh.

Jadual 3.1
Polisi, Standard, dan Garis Panduan Hotel Patuh *Syarīʿah* di Malaysia

Polisi / Standard / Garis Panduan	**Agensi / Pihak Berkuasa**	**Fokus Utama**	**Kekangan / Isu**	**Rujukan**
Dasar Pelancongan Negara 2020-2030	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan halal global, termasuk pelancongan Islam	Umum dan strategik, tidak memperincikan item teknikal patuh *Syarīʿah* di hotel	MOTAC (2020)
MS 1500:2019 – Halal Food	Department of Standards Malaysia & JAKIM	Standard halal untuk makanan, penyediaan, penyimpanan dan operasi F&B hotel	Fokus kepada makanan sahaja, tidak merangkumi aspek keseluruhan operasi hotel	Department of Standards Malaysia (2019)

Polisi / Standard / Garis Panduan	Agensi / Pihak Berkuasa	Fokus Utama	Kekangan / Isu	Rujukan
MS 2610:2015 – Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS)	Department of Standards Malaysia	Standard hospitaliti mesra Muslim (kemudahan solat, kiblat, ketiadaan alkohol, fasiliti mesra Muslim)	Implementasi tidak menyeluruh, bergantung pada tahap kesediaan hotel	Department of Standards Malaysia (2015)
Muslim-friendly Accommodation Recognition (MFAR)	Islamic Tourism Centre (ITC), MOTAC	Skim pengiktirafan penginapan mesra Muslim; fleksibel berdasarkan tahap komitmen	Lebih kepada pengiktirafan "mesra Muslim", bukan piawaian wajib / menyeluruh	Islamic Tourism Centre (2022)
CrescentRating & Salam Standard (Piawaian Global)	Badan swasta antarabangsa	Standard antarabangsa untuk hotel mesra Muslim, memudahkan pasaran global	Tidak selari sepenuhnya dengan standard tempatan; isu teologi & konteks budaya	Battour & Ismail (2016); CrescentRating (2021)
Garis Panduan JAKIM (Halal Assurance System)	JAKIM	Menetapkan keperluan pengurusan halal dalaman (Halal Committee, audit, pengesahan)	Lebih fokus pada makanan & minuman; belum menyeluruh ke semua operasi hotel	JAKIM (2019)
Prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* (rujukan normatif)	Kerangka *Syarīʿah* (diguna pakai oleh pengkaji & ulama)	Menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, harta; asas holistik untuk operasi hotel	Belum diterjemah dalam bentuk standard teknikal rasmi di Malaysia	Auda (2010); al-Raysuni (2015)

Sumber: Disesuaikan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (2020); Department of Standards Malaysia (2015, 2019); ITC (2022); JAKIM (2020); CrescentRating (2021); Salam Standard (2019); al-Shatibi (1997); Auda (2010).

Secara keseluruhan, Jadual 3.1 menunjukkan bahawa terdapat pelbagai dasar, standard, dan garis panduan yang menjadi rujukan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Setiap dokumen menekankan dimensi tertentu, sama ada pada tahap strategik, teknikal, mahupun normatif. Dasar Pelancongan Negara 2020–2030, misalnya, memberikan hala tuju umum dalam menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan halal global, namun tidak menghuraikan secara mendalam aspek teknikal pengurusan hotel. Dari sudut standard teknikal, MS 1500:2019 lebih menumpukan kepada aspek makanan dan minuman halal, manakala MS 2610:2015 memperluaskan fokus kepada hospitaliti mesra Muslim termasuk kemudahan solat, ketiadaan alkohol, serta fasiliti penginapan yang sesuai dengan prinsip *Syarīʿah*.

Selain itu, skim pengiktirafan *Muslim-friendly* Accommodation Recognition (MFAR) yang diperkenalkan oleh ITC berperanan memberi pengiktirafan rasmi kepada premis penginapan. Walaupun begitu, sistem ini masih bersifat sukarela dan belum menyeluruh. Piawaian global seperti CrescentRating dan Salam Standard pula menekankan kebolehcapaian antarabangsa serta imej global, namun wujud jurang dari segi keselarasan dengan konteks teologi, budaya, dan keperluan masyarakat tempatan. Di pihak JAKIM, Halal Assurance System memberi penekanan kepada mekanisme pengurusan dalaman halal, walaupun setakat ini masih lebih tertumpu kepada sektor makanan dan minuman.

Akhir sekali, kerangka normatif berasaskan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* tampil sebagai asas utama yang berpotensi menyatukan pelbagai dasar dan standard sedia ada. Lima objektif utama maqasid, iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, dapat melengkapi kekangan dasar strategik dan standard teknikal yang sedia ada. Oleh itu, jadual ini secara jelas memperlihatkan keperluan untuk satu model yang lebih holistik dan bersepadu berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah*, agar pembangunan industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih konsisten, praktikal, dan komprehensif.

3.7.1 Peranan Dasar Kerajaan dan Piawaian Antarabangsa

Peranan dasar kerajaan dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* amat signifikan kerana ia menyediakan hala tuju strategik, kerangka tadbir urus dan mekanisme sokongan yang diperlukan bagi memperkukuhkan industri hospitaliti Islam. Di Malaysia, kerajaan secara konsisten memberi perhatian terhadap pembangunan pelancongan Islam melalui pelbagai dasar, standard dan inisiatif yang bertujuan menjadikan negara sebagai hab pelancongan halal global. Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 misalnya secara jelas mengangkat pelancongan Islam sebagai salah satu teras utama pembangunan sektor pelancongan negara (MOTAC, 2020). Dasar ini memberi penekanan terhadap pembangunan penginapan mesra Muslim, pengukuhan ekosistem halal, pembangunan modal insan dan peningkatan standard hospitaliti Islam agar Malaysia terus kekal kompetitif dalam industri pelancongan global.

Komitmen kerajaan turut diterjemahkan melalui penubuhan Islamic Tourism Centre (ITC) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). ITC berperanan sebagai agensi utama yang menyelaras pembangunan

pelancongan Islam dan hospitaliti mesra Muslim di Malaysia melalui penyelidikan, latihan, promosi dan pembangunan standard industri (ITC, 2023). Antara inisiatif penting yang diperkenalkan ialah Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), iaitu sistem pengiktirafan kepada hotel dan penginapan yang menyediakan kemudahan mesra Muslim. MFAR diwujudkan bagi membantu pengusaha hotel meningkatkan tahap keyakinan pelanggan Muslim melalui penyediaan fasiliti dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan asas pelanggan Muslim tanpa membebankan pengusaha dengan proses pensijilan yang terlalu kompleks.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan besar dalam memastikan integriti halal dalam industri perhotelan khususnya berkaitan pengurusan makanan dan minuman hotel. JAKIM bertanggungjawab menyelaras pensijilan halal negara melalui pelaksanaan standard seperti MS 1500:2019 serta Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang menjadi rujukan utama dalam aspek penyediaan makanan halal, pengurusan dapur, kebersihan premis dan pematuhan operasi halal (JAKIM, 2022). Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, peranan JAKIM amat penting kerana operasi makanan dan minuman merupakan antara komponen utama yang mempengaruhi keyakinan pelanggan Muslim terhadap status *Syarīʿah* sesebuah hotel.

Di samping itu, Malaysia turut memperkenalkan MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS) – Requirements yang merupakan standard rasmi pertama di dunia berkaitan hospitaliti mesra Muslim. Piawaian ini dibangunkan oleh Department of Standards Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan bagi menyediakan garis panduan yang lebih sistematik kepada pengusaha hotel dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan mesra Muslim (Department of Standards Malaysia, 2015). MS 2610:2015 meliputi pelbagai aspek seperti kemudahan solat, penandaan kiblat, penyediaan makanan halal, pengasingan fasiliti tertentu serta penyediaan maklumat Islamik kepada pelanggan.

Walaupun pelbagai dasar dan standard tempatan telah diperkenalkan, industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia turut dipengaruhi oleh piawaian antarabangsa yang digunakan secara meluas dalam pasaran pelancongan Islam global. Antaranya ialah CrescentRating dan Salam Standard yang berfungsi sebagai sistem penarafan dan rujukan utama kepada pelancong Muslim antarabangsa. CrescentRating menilai hotel berdasarkan kemudahan ibadah, penyediaan makanan halal, kemudahan Muslim-friendly dan pengalaman pelanggan Muslim secara keseluruhan. Salam Standard pula

mengkategorikan hotel berdasarkan tahap penyediaan kemudahan mesra Muslim daripada kategori asas sehingga premium bagi memudahkan pelanggan membuat pilihan penginapan yang sesuai.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara antara standard antarabangsa dan piawaian tempatan Malaysia. CrescentRating misalnya lebih menekankan aspek aksesibiliti, pengalaman pelanggan dan kebolehpasaran global, manakala MS 2610:2015 memberi perhatian lebih teknikal terhadap kemudahan ibadah, pengurusan operasi dan pematuhan asas Muslim-friendly (Battour & Ismail, 2016). Perbezaan pendekatan ini menyebabkan wujud cabaran kepada pengusaha hotel dalam menyesuaikan kehendak pasaran antarabangsa dengan tuntutan standard tempatan dan prinsip *Syarīʿah* yang lebih menyeluruh.

Selain itu, kebanyakan piawaian antarabangsa masih lebih memfokuskan pendekatan Muslim-friendly berbanding konsep hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Penekanan yang diberikan lebih tertumpu kepada aspek simbolik seperti makanan halal, arah kiblat dan kemudahan ibadah, sedangkan aspek perlindungan akidah, pengurusan kewangan Islam, kawalan sosial, keselamatan pelanggan dan pemeliharaan maruah keluarga masih kurang diberi perhatian secara sistematik. Situasi ini menyebabkan berlaku kekeliruan antara konsep "Muslim-friendly" dan "*Syarīʿah*-compliant" dalam industri hospitaliti global

Di peringkat antarabangsa, organisasi seperti Organisation of Islamic Cooperation (OIC) dan Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC) juga semakin aktif dalam usaha menyelaraskan piawaian pelancongan Islam dan hospitaliti halal. Inisiatif pembangunan OIC Tourism and Hospitality Standards dilihat berpotensi menjadi kerangka global yang lebih seragam bagi negara-negara anggota OIC. Piawaian ini dijangka mampu mengintegrasikan elemen teknikal, etika dan *Maqāṣid Syarīʿah* secara lebih menyeluruh dalam industri pelancongan Islam antarabangsa.

Dalam konteks Malaysia, hubungan antara dasar kerajaan dan piawaian antarabangsa perlu dilihat secara saling melengkapi dan bukan bersifat bersaing. Malaysia sebagai peneraju pelancongan Islam dunia perlu memastikan bahawa dasar domestik, standard halal dan sistem pengiktirafan tempatan mampu bergerak seiring dengan perkembangan piawaian global tanpa mengabaikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Pendekatan ini penting bagi memastikan industri hotel patuh *Syarīʿah* negara bukan

sahaja konsisten dan diyakini di peringkat nasional, malah mampu bersaing secara lebih berkesan dalam pasaran pelancongan Islam antarabangsa.

Secara keseluruhannya, dasar kerajaan dan piawaian antarabangsa memainkan peranan penting dalam membentuk landskap industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, masih wujud jurang dari aspek keseragaman, kefahaman dan integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Oleh itu, pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dilihat mampu menjadi kerangka alternatif yang lebih komprehensif bagi membantu menyelaraskan elemen polisi, standard dan pelaksanaan industri hospitaliti Islam di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

3.8 Trend dan Potensi Pasaran Hotel Patuh *Syarīʿah* di Malaysia

Industri pelancongan Islam kini muncul sebagai salah satu sektor paling dinamik dalam ekonomi global dengan pertumbuhan yang semakin pesat dari sudut jumlah pelancong, nilai pasaran dan permintaan terhadap perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim. Laporan Global Muslim Travel Index (GMTI) 2025 mengunjurkan jumlah pengembara Muslim global akan mencecah sekitar 245 juta orang menjelang tahun 2030 dengan nilai pasaran pelancongan Islam melebihi USD 300 bilion (Mastercard-CrescentRating, 2025). Pertumbuhan ini menunjukkan bahawa pelancongan halal bukan lagi segmen kecil dalam industri pelancongan antarabangsa, sebaliknya telah berkembang menjadi pasaran strategik yang memberi impak besar terhadap ekonomi global.

Malaysia bukan sahaja berada dalam arus perkembangan ini, malah telah membuktikan kedudukannya sebagai peneraju utama apabila mengekalkan tempat teratas dalam Global Muslim Travel Index (GMTI) selama sembilan tahun berturut-turut. Pencapaian ini memperlihatkan bahawa Malaysia memiliki ekosistem hospitaliti Islam yang matang serta berpotensi besar untuk terus berkembang sebagai hab pelancongan Muslim global. Kejayaan tersebut disokong oleh pelbagai faktor termasuk kestabilan politik, sistem pensijilan halal yang diyakini, kemudahan ibadah yang meluas, perkhidmatan mesra Muslim dan komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan industri pelancongan Islam (ITC, 2024).

Sumbangan pelancong Muslim terhadap ekonomi Malaysia juga sangat signifikan. Dalam tempoh Januari hingga September 2023 sahaja, lebih 3.25 juta

pelancong Muslim direkodkan dengan pulangan ekonomi sebanyak RM9.52 bilion (The Malaysian Reserve, 2024). Angka ini menegaskan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan perhotelan yang benar-benar patuh *Syarīʿah* bukan lagi bersifat pilihan tambahan, sebaliknya telah menjadi satu keperluan penting dalam memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam pasaran pelancongan Islam global.

Trend positif ini turut memperlihatkan kesinambungan pertumbuhan pasca-pandemik COVID-19. Sebelum pandemik, Malaysia menerima lebih 5.3 juta pelancong Muslim dengan nilai perbelanjaan mencecah RM16.7 bilion pada tahun 2019 (Springer, 2025). Pemulihan pantas pasaran pelancongan Muslim selepas pandemik menunjukkan bahawa sektor ini mempunyai daya tahan yang tinggi dan terus berkembang hasil sokongan dasar kerajaan serta peningkatan kesedaran pengguna Muslim terhadap keperluan pelancongan yang lebih patuh *Syarīʿah*.

Dalam konteks global, peningkatan permintaan terhadap hotel patuh *Syarīʿah* turut dipengaruhi oleh pertumbuhan kelas pertengahan Muslim antarabangsa khususnya dari rantau Timur Tengah. Pelancong dari negara-negara Teluk seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan Kuwait dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada industri pelancongan Islam global kerana memiliki kuasa beli yang tinggi serta kecenderungan memilih destinasi yang menyediakan kemudahan mesra Muslim secara menyeluruh (CrescentRating & Mastercard, 2025). Pelancong Timur Tengah lazimnya memberi perhatian terhadap aspek privasi keluarga, kemudahan ibadah, makanan halal, pengasingan fasiliti tertentu dan suasana penginapan yang lebih selesa serta patuh *Syarīʿah*. Oleh itu, Malaysia dilihat mempunyai potensi besar untuk menarik lebih ramai pelancong dari rantau ini melalui pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih komprehensif dan berkualiti.

Selain pelancong Timur Tengah, permintaan terhadap pelancongan halal juga meningkat dalam kalangan pelancong Muslim dari Asia Selatan, Indonesia, Brunei, Turkiye dan negara minoriti Muslim di Eropah serta Amerika Utara. Golongan Muslim traveller moden kini bukan sahaja mencari makanan halal dan ruang solat, tetapi turut menuntut pengalaman penginapan yang lebih holistik merangkumi keselamatan, privasi, etika perkhidmatan, integriti pengurusan dan suasana yang selari dengan nilai Islam (Battour & Ismail, 2016; Han & Kiatkawsin, 2022). Perubahan trend ini menunjukkan bahawa industri hotel patuh *Syarīʿah* perlu bergerak melangkaui pendekatan simbolik kepada pendekatan yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Kedudukan Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim utama dunia turut disokong oleh rangka kerja pensijilan halal yang mantap, peranan aktif agensi seperti JAKIM dan Islamic Tourism Centre (ITC), serta ketersediaan infrastruktur mesra Muslim seperti makanan halal, ruang solat dan penginapan mesra Muslim. Pengiktirafan antarabangsa seperti Top Muslim-friendly Destination of the Year dan pencapaian konsisten dalam GMTI memperkukuh lagi kredibiliti Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong Muslim antarabangsa (ITC, 2024).

Dari perspektif ekonomi, pelancong Muslim kini menyumbang hampir 20% daripada jumlah keseluruhan pelancong ke Malaysia dengan nilai perbelanjaan sekitar RM14.7 bilion (Halal Times, 2024). Sumbangan besar ini membuktikan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja penting dari sudut keagamaan, malah merupakan strategi berimpak tinggi dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan peluang pekerjaan dan memperkukuhkan ekosistem halal nasional.

Kejayaan Malaysia juga berpunca daripada dasar kerajaan yang konsisten dalam menyokong pembangunan industri pelancongan Islam. Pelbagai inisiatif strategik seperti Muslim-friendly Accommodation Recognition (MFAR), Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition serta pembangunan piawaian MS 2610:2015 telah membantu memperkukuh standard industri agar lebih selari dengan kehendak pelancong Muslim global (Halal Times, 2024). Langkah ini menunjukkan komitmen Malaysia dalam memastikan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar bersifat simbolik, tetapi benar-benar memenuhi prinsip hospitaliti Islam secara lebih sistematik.

Walau bagaimanapun, Malaysia kini berdepan persaingan yang semakin sengit daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan Jepun yang semakin agresif membangunkan produk pelancongan mesra Muslim (ADB, 2023). Indonesia misalnya mula memperkukuhkan sektor pelancongan halal melalui pembangunan destinasi Muslim-friendly dan pensijilan halal yang lebih agresif. Thailand pula giat mempromosikan Muslim-friendly tourism bagi menarik pelancong Timur Tengah, manakala Singapura memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur halal dan kemudahan ibadah untuk pelancong Muslim antarabangsa.

Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia perlu bergerak melangkaui aspek asas seperti makanan halal dan arah kiblat dengan menumpukan kepada pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih holistik, inovatif dan berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pendekatan ini penting bagi memastikan Malaysia memiliki kelebihan

kompetitif yang lebih kukuh berbanding negara pesaing. Hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar mengintegrasikan aspek perlindungan agama, keselamatan, privasi, integriti pengurusan, kesejahteraan pelanggan dan etika hospitaliti Islam mampu menjadi nilai tambah utama dalam industri pelancongan global.

Selain itu, perkembangan teknologi digital dan media sosial turut mempengaruhi trend pelancongan Muslim semasa. Pelanggan kini lebih mudah mendapatkan maklumat berkaitan hotel patuh *Syarīʿah* melalui platform digital, aplikasi tempahan hotel dan sistem penarafan Muslim-friendly seperti CrescentRating. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia perlu memperkukuh penggunaan teknologi digital dan strategi pemasaran global bagi meningkatkan keterlihatan dan daya saing mereka dalam pasaran antarabangsa.

Secara keseluruhannya, trend semasa memperlihatkan bahawa potensi pasaran hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia sangat luas dan strategik. Dengan sokongan dasar kerajaan yang kukuh, reputasi antarabangsa yang cemerlang, pertumbuhan permintaan Muslim traveller global serta peningkatan pengaruh pelancong Timur Tengah, keperluan untuk membangunkan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* menjadi semakin mendesak. Model MaSC-Hotel yang dicadangkan diyakini bukan sahaja mampu menjamin integriti *Syarīʿah* dalam industri hospitaliti, malah berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi, pengukuhan jenama negara dan penjenamaan Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global yang unggul dan berdaya saing.

3.8.1 Isu Globalisasi dan Persaingan Serantau

Dalam Dalam era globalisasi, industri pelancongan Islam tidak lagi bersifat domestik semata-mata, sebaliknya semakin dipengaruhi oleh arus persaingan serantau dan antarabangsa yang berkembang pesat. Pertumbuhan jumlah pelancong Muslim global serta peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim telah mendorong banyak negara untuk membangunkan sektor pelancongan halal secara lebih agresif (Mastercard-CrescentRating, 2025). Situasi ini menyebabkan Malaysia yang selama ini diiktiraf sebagai peneraju utama dalam Global Muslim Travel Index (GMTI) kini berdepan cabaran persaingan daripada negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Brunei, Singapura dan Jepun yang semakin aktif mempromosikan produk pelancongan mesra Muslim (ADB, 2023).

Indonesia misalnya telah memperkukuh sektor pelancongan halal melalui pembangunan resort patuh *Syarīʿah*, destinasi Muslim-friendly dan pensijilan halal yang lebih meluas khususnya di kawasan pelancongan seperti Lombok dan Aceh. Negara tersebut turut mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam beberapa kategori pelancongan halal global melalui pembangunan ekosistem hospitaliti Islam yang lebih agresif dan tersusun. Thailand pula menggunakan pendekatan diplomasi halal dan strategi pemasaran antarabangsa bagi menarik pelancong Muslim dari Timur Tengah dengan menawarkan kemudahan halal, restoran mesra Muslim dan penginapan Muslim-friendly di destinasi utama seperti Bangkok dan Phuket. Singapura walaupun merupakan negara minoriti Muslim turut menunjukkan perkembangan ketara melalui pembangunan infrastruktur halal, ruang ibadah dan sistem maklumat digital mesra Muslim yang lebih moden dan mudah diakses.

Persaingan ini memberi tekanan kepada Malaysia untuk terus memperkukuh standard, inovasi dan nilai tambah dalam industri hospitaliti Islam. Sekiranya Malaysia hanya bergantung kepada kelebihan tradisional seperti makanan halal dan kemudahan ibadah asas, negara berisiko kehilangan kelebihan kompetitif dalam pasaran pelancongan Islam global yang semakin dinamik. Oleh itu, pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia perlu bergerak ke arah pendekatan yang lebih holistik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* agar mampu menawarkan pengalaman penginapan yang lebih menyeluruh dan berkualiti

Globalisasi juga membawa kepada perubahan jangkaan pelanggan Muslim antarabangsa. Pelancong Muslim moden kini bukan sahaja menuntut kemudahan asas seperti makanan halal dan ruang solat, tetapi turut memberi perhatian terhadap aspek keselamatan, privasi, teknologi digital, kelestarian, kebersihan dan pengalaman spiritual yang lebih menyeluruh (Stephenson, 2014; Rahman et al., 2020). Pelanggan dari Timur Tengah khususnya lebih menekankan suasana penginapan yang menjaga privasi keluarga, pengasingan fasiliti tertentu, keselamatan wanita dan layanan pelanggan yang memahami sensitiviti budaya serta agama mereka. Situasi ini menunjukkan bahawa industri hotel patuh *Syarīʿah* perlu melangkaui pendekatan minimum compliance kepada pendekatan yang benar-benar mengintegrasikan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi hotel.

Selain itu, perkembangan teknologi digital dan keterhubungan global turut mempengaruhi landskap persaingan industri hospitaliti Islam. Platform tempahan antarabangsa seperti Booking.com, Agoda, Airbnb dan Traveloka kini menjadi medium

utama pelanggan mencari penginapan berdasarkan keperluan dan gaya hidup mereka. Walaupun platform-platform ini menyediakan kategori hotel mesra Muslim secara umum, kategori hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar memenuhi standard syariah masih belum diwujudkan secara sistematik dalam penarafan global. Kekosongan ini menyebabkan pelancong Muslim sukar mengenal pasti hotel yang benar-benar memenuhi prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Dalam konteks ini, Malaysia mempunyai peluang besar untuk menerajui agenda global dengan mencadangkan integrasi kategori *Syarīʿah*-Compliant Hotel dalam platform tempahan antarabangsa. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan visibiliti hotel patuh *Syarīʿah* Malaysia di pasaran global, malah membantu membentuk satu standard antarabangsa yang lebih jelas dan diyakini pelanggan Muslim. Pendekatan ini juga mampu memperkukuhkan penjenamaan Malaysia sebagai peneraju industri hospitaliti Islam dunia yang bukan sekadar menawarkan kemudahan Muslim-friendly, tetapi benar-benar mengintegrasikan prinsip *Syarīʿah* dan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi hotel.

Di samping itu, globalisasi turut menyebabkan pelanggan Muslim semakin peka terhadap isu integriti, etika dan ketelusan dalam industri hospitaliti. Pelanggan kini lebih mudah mendapatkan maklumat dan ulasan berkaitan hotel melalui media sosial, platform digital dan aplikasi penarafan pengguna. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* perlu memastikan operasi mereka benar-benar memenuhi standard yang dijanjikan dan bukan sekadar menggunakan label "Islamik" atau "Muslim-friendly" sebagai strategi pemasaran semata-mata. Kegagalan memenuhi jangkaan pelanggan boleh menjejaskan reputasi hotel dan mengurangkan tahap kepercayaan pengguna terhadap industri hospitaliti Islam secara keseluruhan.

Selain persaingan serantau, industri hotel patuh *Syarīʿah* juga berdepan cabaran global berkaitan kelestarian dan pembangunan mampan. Pelanggan masa kini semakin menitikberatkan aspek pelancongan lestari, penggunaan teknologi hijau dan tanggungjawab sosial dalam memilih destinasi penginapan. Dalam konteks Islam, konsep kelestarian selaras dengan prinsip khalifah dan tanggungjawab manusia dalam memelihara alam sekitar. Oleh itu, hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia perlu mengintegrasikan elemen pembangunan lestari, pengurusan sisa, penjimatan tenaga dan penggunaan teknologi hijau sebagai sebahagian daripada nilai tambah dalam persaingan global.

Secara keseluruhannya, isu globalisasi dan persaingan serantau menuntut Malaysia untuk terus inovatif, proaktif dan strategik dalam memperkukuhkan industri hotel patuh *Syarīʿah*. Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada kelebihan tradisional semata-mata, tetapi perlu membangunkan model hospitaliti Islam yang lebih komprehensif, profesional dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pembangunan Model MaSC-Hotel dilihat sangat relevan dalam konteks ini kerana ia bukan sahaja membantu memperkukuhkan standard industri domestik, malah berpotensi menjadi model rujukan antarabangsa dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih holistik, berdaya saing dan mampan di era globalisasi.

3.9 Kajian Terdahulu tentang Pelaksanaan Hotel Patuh *Syarīʿah*

Kajian terdahulu mengenai pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* memperlihatkan perkembangan yang semakin pesat selaras dengan kebangkitan industri pelancongan Islam global. Pertumbuhan jumlah pelancong Muslim antarabangsa serta peningkatan kesedaran terhadap keperluan penginapan yang selari dengan prinsip Islam telah mendorong banyak negara membangunkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* dan penginapan mesra Muslim secara lebih sistematik (Mastercard-CrescentRating, 2025). Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih berbeza-beza mengikut konteks budaya, undang-undang, polisi kerajaan dan tahap kefahaman industri terhadap prinsip *Syarīʿah* (Henderson, 2010; Battour & Ismail, 2016). Kepelbagaian tafsiran ini sering kali menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan dan pengusaha industri mengenai maksud sebenar hotel patuh *Syarīʿah*.

Di Malaysia, kajian awal menunjukkan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih banyak tertumpu kepada pendekatan simbolik dan pematuhan minimum. Razalli et al. (2012) menegaskan bahawa kebanyakan hotel hanya memberi penekanan kepada penyediaan makanan halal, arah kiblat serta larangan alkohol, sedangkan aspek penting lain seperti pengurusan kewangan Islam, polisi sumber manusia, tadbir urus dan pengurusan risiko masih belum benar-benar berlandaskan prinsip *Syarīʿah*. Dapatan ini turut disokong oleh Fadil (2011) yang mendapati terdapat hotel mendakwa patuh *Syarīʿah* hanya kerana tidak menjual minuman keras walaupun aspek lain masih tidak mematuhi prinsip Islam secara menyeluruh.

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa kebanyakan hotel masih gagal mengintegrasikan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam operasi mereka secara sistematik. Sebagai contoh, aspek pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) lazimnya hanya diterjemahkan melalui penyediaan ruang solat dan makanan halal, sedangkan elemen perlindungan akidah, kawalan hiburan, pengasingan fasiliti tertentu dan pengurusan moral sosial kurang diberikan perhatian. Begitu juga aspek pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), pemeliharaan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), pemeliharaan maruah (ḥifẓ al-ʿirḍ) dan pemeliharaan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) yang masih jarang dijadikan asas utama dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015).

Dari sudut pelanggan, beberapa kajian mendapati bahawa tahap kepercayaan terhadap kesahihan label patuh *Syarīʿah* memberi kesan langsung terhadap kepuasan pelanggan Muslim. Samori et al. (2016) melaporkan bahawa pelancong Muslim mengharapkan pengalaman penginapan yang lebih menyeluruh merangkumi layanan berasaskan akhlak Islam, privasi keluarga, pemisahan ruang tertentu, suasana harmoni serta transaksi kewangan bebas riba. Kajian Wan Sahida et al. (2011) terhadap De Palma Hotel Ampang turut menunjukkan bahawa penerapan prinsip *Syarīʿah* secara lebih menyeluruh berjaya meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap kredibiliti hotel tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelanggan Muslim tidak lagi hanya menilai aspek fizikal semata-mata, tetapi turut memberi perhatian terhadap nilai etika dan pengalaman spiritual sepanjang penginapan mereka.

Dalam konteks antarabangsa, pelaksanaan konsep hotel patuh *Syarīʿah* menunjukkan pola yang berbeza mengikut latar belakang sosial dan budaya sesebuah negara. Stephenson (2014) mendapati bahawa di Turkiye, pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* lebih menumpukan kepada pengasingan fasiliti rekreasi lelaki dan wanita serta penyediaan resort keluarga berorientasikan Muslim. Di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pula, fokus lebih diberikan kepada identiti Islam melalui seni bina, suasana mewah berkonsepkan Islam dan larangan alkohol di kawasan tertentu. Walau bagaimanapun, Rahman et al. (2020) menunjukkan bahawa sebahagian hotel di Timur Tengah masih kurang memberi perhatian terhadap aspek maqasid seperti keadilan pekerja, keselamatan pelanggan, perlindungan sosial dan kelestarian operasi.

Perbandingan ini membuktikan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* banyak dipengaruhi oleh konteks sosio-budaya, ekonomi dan undang-undang tempatan. Situasi ini menyebabkan tiada satu definisi atau model standard yang benar-benar seragam digunakan di peringkat antarabangsa. Malah, istilah seperti "*Muslim-friendly*

hotel", "Islamic hotel", "*halal hotel*" dan "*Syarīʿah*-compliant hotel" sering digunakan secara bertindih tanpa garis pemisah yang jelas dalam literatur akademik mahupun amalan industri (Battour & Ismail, 2016).

Kajian empirikal terkini turut menegaskan bahawa keberkesanan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* mempunyai hubungan langsung dengan kepuasan pelanggan dan daya saing industri. Munirah Mustaffa et al. (2021) mendapati bahawa pelancong Muslim di Malaysia bukan sahaja menilai aspek fizikal seperti makanan halal dan kemudahan solat, tetapi turut memberi perhatian terhadap dimensi kerohanian seperti suasana harmoni, layanan beretika dan nilai ihsan dalam penyampaian perkhidmatan. Pelanggan Muslim masa kini mengharapkan pengalaman penginapan yang lebih holistik dan tidak terhad kepada pematuhan teknikal semata-mata.

Selain itu, beberapa kajian turut mengaitkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* dengan pembangunan ekonomi Islam dan kelestarian industri halal global. Mohd Salleh et al. (2014) menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* sepatutnya menjadi sebahagian daripada rantaian nilai halal global yang menghubungkan sektor pelancongan, makanan halal, kewangan Islam dan gaya hidup Muslim. Namun demikian, kebanyakan hotel masih beroperasi secara terasing daripada kerangka ekonomi halal yang lebih luas menyebabkan potensi integrasi industri tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Hashim et al. (2019) pula menekankan kelemahan dari sudut latihan pekerja dan pembangunan modal insan dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*. Kajian mereka mendapati bahawa sebahagian besar pekerja hotel masih kurang memahami prinsip *Syarīʿah* dan hanya melaksanakan prosedur tertentu secara rutin tanpa benar-benar memahami nilai dan objektif di sebalik pelaksanaan tersebut. Situasi ini menyebabkan nilai *Syarīʿah* hanya diamalkan secara kosmetik dan gagal membentuk budaya kerja organisasi yang benar-benar berteraskan Islam.

Di samping itu, kajian terdahulu juga kurang memberi perhatian terhadap aspek perlindungan akidah dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*. Kebanyakan kajian hanya memfokuskan penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah, sedangkan isu berkaitan simbol agama lain, ritual bukan Islam, hiburan tidak bermoral dan perlindungan identiti Muslim masih kurang dibincangkan secara mendalam. Sedangkan dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah*, perlindungan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) merupakan asas utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*.

Sorotan literatur juga menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih bersifat deskriptif dan tertumpu kepada isu pelaksanaan semasa tanpa menghasilkan

model pembangunan yang benar-benar komprehensif dan aplikatif. Sebahagian besar kajian menggunakan pendekatan berbentuk checklist yang menekankan item seperti arah kiblat, makanan halal dan larangan alkohol tanpa menghubungkannya dengan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh (Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Pendekatan ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih terperangkap dalam paradigma "minimum compliance" yang lebih bersifat simbolik dan luaran.

Tanpa integrasi dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, hotel berisiko dilihat sekadar menggunakan label patuh *Syarīʿah* sebagai strategi pemasaran dan penjenamaan komersial semata-mata. Situasi ini boleh menjejaskan keyakinan pelanggan Muslim terhadap kredibiliti industri hospitaliti Islam serta membuka ruang kepada fenomena mislabeling dalam pasaran pelancongan halal global.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menegaskan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih bersifat tidak seragam, terhad dan cenderung kepada pendekatan simbolik. Walaupun pelbagai standard dan garis panduan telah diperkenalkan, masih wujud jurang besar dalam aspek integrasi *Maqāṣid Syarīʿah*, perlindungan akidah, tadbir urus organisasi dan pembangunan model yang benar-benar holistik. Oleh itu, jurang ini menuntut kepada pembangunan satu model berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang lebih komprehensif, praktikal dan konsisten. Model MaSC-Hotel yang dicadangkan dalam kajian ini diharapkan dapat menjadi kerangka alternatif yang lebih menyeluruh dalam menyeragamkan standard industri serta memastikan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* benar-benar memenuhi objektif *Syarīʿah* dan memberikan manfaat holistik kepada pelanggan serta masyarakat.

3.9.1 Isu Kepercayaan dan Label *Syarīʿah*

Salah satu cabaran terbesar dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* ialah isu kepercayaan pelanggan terhadap label *Syarīʿah* yang digunakan oleh pihak pengusaha hotel. Dalam industri hospitaliti semasa, pelbagai istilah seperti "Islamic Hotel", "*Muslim-friendly hotel*", "*Halal hotel*" dan "*Syarīʿah*-Compliant Hotel" digunakan secara meluas, namun definisi serta tahap pematuhan yang diamalkan sering kali berbeza-beza antara satu hotel dengan hotel yang lain (El-Gohary, 2016; Battour & Ismail, 2016). Situasi ini menyebabkan pelanggan Muslim sukar mengenal pasti sama ada sesebuah hotel benar-benar mematuhi prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh atau sekadar memenuhi syarat minimum tertentu sahaja.

Di Malaysia, sebahagian hotel mendakwa diri mereka sebagai hotel patuh *Syarīʿah* hanya kerana menyediakan makanan halal, arah kiblat atau tidak menjual alkohol, sedangkan pada masa yang sama masih menawarkan hiburan yang tidak selaras dengan prinsip Islam, membenarkan percampuran sosial yang tidak terkawal atau menggunakan sistem kewangan yang bercampur dengan unsur riba (Razalli et al., 2012). Pendekatan yang bersifat minimum ini menunjukkan bahawa konsep patuh *Syarīʿah* masih banyak difahami dari sudut simbolik dan luaran tanpa benar-benar mengintegrasikan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam keseluruhan operasi hotel.

Fenomena ini sering dirujuk sebagai "*Syarīʿah* labeling without substance", iaitu penggunaan label *Syarīʿah* lebih bertujuan sebagai strategi pemasaran dan penjenamaan komersial berbanding penghayatan sebenar terhadap nilai Islam dalam operasi organisasi (Battour & Ismail, 2016). Penggunaan label *Syarīʿah* tanpa pematuhan yang jelas boleh menimbulkan kekeliruan dan rasa sangsi dalam kalangan pelanggan Muslim. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan pelanggan terhadap sesebuah hotel, malah boleh memberi kesan negatif terhadap kredibiliti keseluruhan industri hospitaliti Islam.

Kajian oleh Samori et al. (2016) menunjukkan bahawa faktor kepercayaan (trust factor) merupakan elemen utama yang mempengaruhi kepuasan dan kesetiaan pelanggan terhadap hotel patuh *Syarīʿah*. Pelanggan Muslim didapati lebih mementingkan keyakinan terhadap integriti dan ketulenan pematuhan *Syarīʿah* berbanding faktor harga atau lokasi hotel semata-mata. Hal ini menunjukkan bahawa pelanggan masa kini semakin peka terhadap isu integriti dan ketelusan dalam industri pelancongan Islam.

Selain itu, perkembangan teknologi digital dan media sosial menyebabkan pelanggan lebih mudah berkongsi pengalaman dan penilaian terhadap hotel yang mereka kunjungi. Sekiranya pelanggan mendapati sesebuah hotel gagal memenuhi janji atau label *Syarīʿah* yang dipromosikan, maklumat tersebut boleh tersebar dengan cepat melalui platform digital dan menjejaskan reputasi hotel secara meluas. Dalam era globalisasi dan keterhubungan digital, isu kepercayaan menjadi semakin penting kerana pelanggan Muslim mempunyai lebih banyak pilihan dan akses kepada maklumat berkaitan hotel di seluruh dunia.

Ketiadaan badan tunggal yang benar-benar mengawal selia pensijilan hotel patuh *Syarīʿah* turut menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada kekeliruan dalam industri. Berbeza dengan pensijilan halal makanan yang dikawal secara jelas oleh

JAKIM melalui standard dan prosedur pensijilan halal negara, label hotel patuh *Syarīʿah* masih banyak bergantung kepada tafsiran pengusaha atau pengiktirafan sukarela seperti Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) yang diperkenalkan oleh Islamic Tourism Centre (ITC). Walaupun MFAR membantu meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap kemudahan mesra Muslim, sistem ini masih dilihat lebih longgar kerana tidak menekankan keseluruhan dimensi *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh khususnya berkaitan perlindungan akidah, integriti kewangan, kawalan sosial dan tadbir urus organisasi.

Selain itu, kebanyakan piawaian sedia ada lebih tertumpu kepada pendekatan Muslim-friendly dan belum benar-benar membezakan antara konsep "mesra Muslim" dengan "patuh *Syarīʿah*". Situasi ini menyebabkan sebahagian pelanggan menyangka bahawa semua hotel Muslim-friendly telah memenuhi standard *Syarīʿah* sepenuhnya sedangkan realitinya tahap pematuhan adalah berbeza. Kekeliruan ini boleh menjejaskan persepsi pelanggan terhadap kesahihan label yang digunakan oleh industri hospitaliti Islam.

Dari perspektif antarabangsa, isu kepercayaan dan ketidakseragaman label *Syarīʿah* turut memberi implikasi terhadap imej Malaysia sebagai peneraju pelancongan Islam dunia. Pelancong Muslim antarabangsa khususnya dari Timur Tengah, Eropah dan Asia Barat semakin menuntut ketelusan dan standard yang lebih jelas dalam memilih hotel patuh *Syarīʿah*. Tanpa sistem piawaian yang benar-benar konsisten dan diyakini, pelancong mungkin berasa sangsi terhadap tahap pematuhan sebenar sesebuah hotel walaupun menggunakan label *Syarīʿah* dalam promosi mereka. Situasi ini boleh menjejaskan *credibility* branding Malaysia sebagai hab hospitaliti Islam global.

Dalam konteks *Maqāṣid Syarīʿah*, isu kepercayaan bukan sahaja berkaitan reputasi industri, tetapi turut melibatkan aspek pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan pemeliharaan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Penggunaan label *Syarīʿah* tanpa pematuhan sebenar boleh dianggap sebagai bentuk ketidakjujuran dalam penyampaian perkhidmatan dan berpotensi mengelirukan pelanggan Muslim. Oleh itu, prinsip amanah, ketelusan dan integriti perlu menjadi asas utama dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*.

Selain itu, kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pelanggan Muslim semakin mengharapkan hotel patuh *Syarīʿah* menyediakan pengalaman penginapan yang benar-benar selaras dengan nilai Islam secara menyeluruh dan bukan sekadar simbolik. Mereka bukan sahaja menilai aspek makanan halal dan kemudahan ibadah, tetapi turut memberi perhatian terhadap budaya kerja pekerja, etika layanan pelanggan,

suasana hotel, keselamatan keluarga, pengurusan hiburan dan perlindungan moral sosial. Oleh itu, penggunaan label *Syarīʿah* perlu disokong dengan pelaksanaan yang benar-benar konsisten dan menyeluruh

Secara keseluruhannya, isu kepercayaan dan label *Syarīʿah* membuktikan bahawa industri hotel patuh *Syarīʿah* masih memerlukan satu kerangka standard yang lebih komprehensif, sistematik dan berautoriti. Situasi ini mengukuhkan keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai satu model alternatif yang lebih menyeluruh dalam membantu menyeragamkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Model ini diharapkan mampu mengurangkan risiko mislabeling, meningkatkan tahap keyakinan pelanggan serta memperkukuhkan kredibiliti industri hospitaliti Islam Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa.

3.10 Implikasi Terhadap Kajian Semasa

Dapatan daripada sorotan literatur menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* amat diperlukan bagi mengisi jurang konseptual dan praktikal yang masih wujud dalam industri perhotelan Islam. Walaupun pelbagai standard, garis panduan dan pengiktirafan berkaitan hotel mesra Muslim telah diperkenalkan, pelaksanaannya masih tidak seragam dan banyak bergantung kepada tafsiran pengusaha hotel masing-masing. Situasi ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* sering dilaksanakan secara minimum dan simbolik tanpa integrasi menyeluruh terhadap prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Oleh itu, kajian ini hadir untuk menutup kekurangan tersebut melalui pembangunan satu model yang lebih komprehensif, sistematik dan praktikal untuk dijadikan rujukan industri serta menyumbang kepada pengayaan literatur tempatan dan antarabangsa berkaitan hospitaliti Islam.

Dari sudut pembangunan teori, kajian ini memperluaskan aplikasi *Maqāṣid Syarīʿah* yang sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada bidang kewangan Islam, perundangan, pentadbiran dan dasar awam. Melalui kajian ini, maqasid diaplikasikan secara lebih luas dalam konteks industri hospitaliti dan perkhidmatan moden. Pendekatan ini membuktikan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka normatif dalam hukum Islam, malah mampu menjadi asas teoritikal yang fleksibel dan relevan dalam pembangunan model industri kontemporari. Pengintegrasian prinsip pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), maruah (ḥifẓ al-ʿirḍ) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) ke dalam konteks perhotelan

menunjukkan bahawa maqasid mempunyai potensi besar untuk diaplikasikan secara lebih dinamik dalam sektor pelancongan dan hospitaliti Islam.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi penting terhadap pembangunan model konseptual dalam bidang hospitaliti Islam. Kebanyakan kajian terdahulu hanya menggunakan pendekatan berbentuk checklist atau pematuhan teknikal yang menumpukan item seperti makanan halal, arah kiblat dan larangan alkohol semata-mata. Sebaliknya, Model MaSC-Hotel yang dibangunkan dalam kajian ini mengintegrasikan elemen *Maqāṣid Syarīʿah* secara lebih menyeluruh merangkumi aspek operasi, tadbir urus, keselamatan, perlindungan akidah, pengurusan sosial dan integriti organisasi. Pendekatan ini membantu mengangkat konsep hotel patuh *Syarīʿah* daripada paradigma simbolik kepada model hospitaliti Islam yang lebih holistik dan berorientasikan maslahah.

Dari aspek praktikal, model ini berpotensi menjadi panduan operasi yang komprehensif kepada pengusaha hotel dalam melaksanakan perkhidmatan patuh *Syarīʿah* secara lebih sistematik. Implikasinya bukan sahaja memastikan keseragaman standard dalam industri, malah membantu mengurangkan risiko mislabeling yang boleh menjejaskan keyakinan pelanggan terhadap industri hospitaliti Islam. Dengan berpandukan lima prinsip utama *Maqāṣid Syarīʿah*, pengusaha hotel dapat menyusun polisi operasi, pengurusan pekerja, sistem keselamatan, pengurusan kewangan dan strategi pemasaran secara lebih tersusun, berintegriti dan diyakini pelanggan Muslim.

Model ini juga membantu menyeimbangkan antara tuntutan *Syarīʿah* dan keperluan industri moden. Pendekatan yang dibangunkan tidak bersifat terlalu rigid sehingga menyukarkan pelaksanaan, sebaliknya menekankan prinsip fleksibiliti dan kesesuaian dengan konteks industri semasa. Oleh itu, Model MaSC-Hotel dilihat lebih praktikal dan berpotensi diterima oleh pelbagai segmen pasaran termasuk pelanggan Muslim tempatan dan antarabangsa.

Implikasi terhadap dasar kerajaan dan agensi pengawalseliaan juga amat signifikan. Model berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* ini menawarkan satu kerangka konseptual yang lebih menyeluruh kepada agensi seperti MOTAC, JAKIM dan Islamic Tourism Centre (ITC) dalam menilai semula standard dan garis panduan sedia ada. Model ini berpotensi dijadikan asas kepada pembangunan sistem pensijilan hotel patuh *Syarīʿah* nasional yang lebih mantap dan berautoriti. Berbeza dengan standard sedia ada yang banyak menumpukan aspek teknikal dan simbolik, model ini mengintegrasikan elemen penting seperti perlindungan akidah, keselamatan pelanggan, integriti

kewangan, kawalan sosial, privasi keluarga dan kesejahteraan masyarakat secara lebih menyeluruh.

Melalui pembangunan model ini, Malaysia juga berpeluang memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju global dalam industri pelancongan Islam. Dengan memiliki model hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*, Malaysia bukan sahaja mampu menawarkan standard domestik yang lebih kukuh, malah berpotensi membangunkan kerangka rujukan antarabangsa dalam bidang hospitaliti Islam. Keadaan ini dapat membantu memperkukuhkan branding Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global yang bukan sekadar menonjolkan aspek halal dan Muslim-friendly, tetapi turut menekankan integriti, kesejahteraan dan nilai Islam secara menyeluruh.

Dari perspektif pelanggan, implikasi kajian ini amat besar kerana model yang dibangunkan mampu meningkatkan tahap keyakinan pelancong Muslim terhadap kesahihan label hotel patuh *Syarīʿah*. Pelanggan tidak lagi perlu bergantung kepada dakwaan pemasaran semata-mata kerana model ini menyediakan kerangka yang lebih jelas dan sistematik terhadap tahap pematuhan *Syarīʿah* sesebuah hotel. Pendekatan ini memberi jaminan bahawa pelanggan memperoleh pengalaman penginapan yang benar-benar memenuhi prinsip Islam termasuk aspek makanan halal, keselamatan, hiburan, privasi, kebersihan dan integriti transaksi kewangan.

Dalam konteks ekonomi, pembangunan Model MaSC-Hotel dijangka dapat memperkukuhkan sumbangan sektor pelancongan Islam terhadap ekonomi negara. Hotel yang mematuhi model ini mempunyai potensi lebih besar untuk menarik pelancong Muslim antarabangsa khususnya dari Timur Tengah dan negara-negara OIC yang semakin menitikberatkan aspek pematuhan *Syarīʿah* dalam pemilihan penginapan mereka. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan daya saing industri pelancongan negara, malah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi halal, peluang pekerjaan dan pembangunan ekosistem hospitaliti Islam yang lebih mampan.

Selain itu, model ini turut memberi implikasi terhadap pembangunan sosio-budaya masyarakat. Hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penginapan, malah boleh menjadi medium pendidikan, dakwah dan pembentukan budaya kerja beretika. Pendekatan ini membantu memperkukuhkan identiti Malaysia sebagai negara Islam progresif yang serius dalam memelihara nilai agama, keselamatan masyarakat, kesejahteraan sosial dan keharmonian budaya.

Implikasi terhadap pembangunan sumber manusia juga sangat penting. Model ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan modul latihan pekerja hotel melalui institusi pengajian tinggi, agensi latihan profesional dan pusat pembangunan industri. Latihan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dapat melahirkan pekerja yang bukan sahaja kompeten dalam aspek teknikal, tetapi turut memahami nilai amanah, ihsan, integriti dan etika kerja Islam secara lebih mendalam. Keadaan ini mampu meningkatkan tahap profesionalisme dan memperkukuhkan budaya kerja organisasi dalam industri hospitaliti Islam.

Di samping itu, model ini juga berpotensi merangsang inovasi dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*. Dengan menjadikan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai asas pembangunan industri, pengusaha hotel didorong untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih kreatif, moden dan berdaya saing. Contohnya, pembangunan aplikasi digital semakan status patuh *Syarīʿah*, sistem tempahan mesra Muslim, teknologi keselamatan pintar dan integrasi teknologi digital dalam pengurusan hotel boleh dibangunkan secara lebih sistematik berdasarkan prinsip maqasid.

Akhir sekali, implikasi akademik kajian ini juga amat luas. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan instrumen pengukuran seperti Indeks Maqāṣid Hotel Patuh *Syarīʿah*, kajian empirikal terhadap keberkesanan model dalam konteks industri sebenar serta kajian perbandingan antara negara berkaitan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan literatur hospitaliti Islam, malah berpotensi memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam pembangunan teori dan amalan hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat global.

3.11 Potensi Inovasi dan Transformasi Digital dalam Hotel Patuh *Syarīʿah*

Selain implikasi akademik, industri, dan dasar kerajaan, pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* turut membuka ruang kepada inovasi dan transformasi digital dalam sektor hospitaliti Islam. Revolusi digital yang sedang berlangsung telah mengubah landskap industri perhotelan, termasuk cara pelanggan membuat tempahan, menilai perkhidmatan, serta berinteraksi dengan pihak hotel. Namun, kategori hotel patuh *Syarīʿah* masih belum mendapat pengiktirafan meluas dalam platform digital global seperti Agoda, Booking.com, dan Airbnb (Battour & Ismail, 2016).

Dengan adanya model berteraskan maqasid, peluang besar terbuka untuk membangunkan ekosistem digital patuh *Syarīʿah*. Sebagai contoh, aplikasi mudah alih boleh dibangunkan untuk memudahkan pelanggan membuat semakan status patuh *Syarīʿah* hotel, melihat senarai kemudahan mesra Muslim, serta menilai tahap pematuhan hotel berdasarkan indikator maqasid. Teknologi blockchain juga berpotensi digunakan bagi menjamin ketelusan dalam transaksi kewangan hotel agar bebas daripada unsur riba.

Selain itu, kecerdasan buatan (AI) boleh dimanfaatkan untuk memperibadikan pengalaman pelanggan Muslim. Contohnya, sistem cadangan digital boleh mengutamakan bilik yang berdekatan dengan ruang solat, restoran halal, atau menyediakan notifikasi waktu solat automatik berdasarkan lokasi pelanggan. Teknologi *Internet of Things (IoT)* pula boleh diaplikasikan dalam pengurusan fasiliti hotel, seperti kawalan pencahayaan mesra ibadah, keselamatan bilik berasaskan sensor, dan pemantauan penggunaan tenaga untuk menyokong kelestarian (Stephenson, 2014).

Transformasi digital ini juga membawa implikasi besar kepada strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*. Platform digital membolehkan hotel bukan sahaja mempromosikan perkhidmatan mereka kepada pelanggan Muslim, tetapi juga memperkenalkan nilai maqasid kepada pasaran antarabangsa yang lebih luas. Dengan cara ini, konsep hotel patuh *Syarīʿah* dapat dilihat bukan hanya sebagai produk agama, tetapi juga sebagai nilai tambah global yang menekankan keselamatan, integriti, dan kesejahteraan manusia.

Secara keseluruhan, integrasi inovasi dan teknologi digital dengan prinsip maqasid akan memperkukuh lagi model hotel patuh *Syarīʿah* yang dicadangkan. Ia bukan sahaja relevan dengan keperluan industri moden, tetapi juga memberikan dimensi baharu kepada pelaksanaan prinsip Islam dalam era digital. Justeru, potensi ini perlu diberi perhatian serius agar hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia dapat kekal berdaya saing, inovatif, dan menjadi peneraju global dalam hospitaliti Islam.

3.12 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, Bab Ketiga ini telah menghimpunkan asas teori, sorotan literatur, polisi, piawaian dan kajian terdahulu yang menjadi teras kepada pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan penjelasan tentang *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai kerangka teoritikal

utama yang bukan sahaja menekankan aspek pematuhan simbolik, tetapi turut mengintegrasikan prinsip pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), maruah dan keturunan (ḥifẓ al-ʿirḍ wa al-nasl) serta harta (*Ḥifẓ al-Māl*) sebagai asas kesejahteraan manusia (al-Ghazālī, 2012; al-Syāṭibī, 1997; Auda, 2010; al-Raysuni, 2015). Kerangka ini membuktikan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai sifat yang dinamik, fleksibel dan relevan untuk diaplikasikan dalam pembangunan industri hospitaliti moden.

Bab ini juga telah membincangkan secara kritis konsep hotel patuh *Syarīʿah* melalui analisis terhadap definisi, pendekatan dan pelaksanaan di pelbagai negara. Dapatan literatur menunjukkan bahawa walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* masih berdepan pelbagai cabaran khususnya dari sudut ketidakseragaman standard, kekeliruan istilah dan pendekatan yang terlalu menumpukan aspek simbolik seperti makanan halal dan arah kiblat semata-mata (Battour & Ismail, 2016; Henderson, 2010; Stephenson, 2014). Sebaliknya, dimensi *Maqāṣid Syarīʿah* yang lebih menyeluruh seperti perlindungan akidah, keselamatan pelanggan, integriti kewangan, kawalan sosial dan kesejahteraan masyarakat masih kurang diberikan perhatian secara sistematik dalam kebanyakan model dan garis panduan sedia ada.

Selain itu, perbincangan berkaitan polisi, standard dan garis panduan menunjukkan bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai ekosistem hospitaliti Islam yang lebih maju berbanding banyak negara lain. Pelbagai inisiatif seperti MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), serta peranan aktif agensi seperti JAKIM dan Islamic Tourism Centre (ITC) telah membantu memperkukuhkan pembangunan industri pelancongan Islam negara. Namun demikian, sorotan literatur turut menunjukkan bahawa pelaksanaan standard sedia ada masih belum benar-benar mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Keadaan ini menyebabkan konsep hotel patuh *Syarīʿah* masih banyak dilaksanakan dalam bentuk minimum compliance dan berisiko menimbulkan isu mislabeling dalam industri hospitaliti Islam.

Perbincangan mengenai trend dan potensi pasaran pula memperlihatkan bahawa industri pelancongan Islam global mempunyai prospek yang sangat besar dan strategik. Kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam Global Muslim Travel Index (GMTI) serta peningkatan jumlah Muslim traveller antarabangsa menunjukkan bahawa

permintaan terhadap hotel patuh *Syarīʿah* akan terus berkembang pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, persaingan serantau daripada negara seperti Indonesia, Thailand dan Singapura menuntut Malaysia untuk terus memperkukuhkan daya saing melalui pembangunan model hospitaliti Islam yang lebih inovatif, holistik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Sorotan terhadap kajian terdahulu juga menegaskan bahawa kebanyakan penyelidikan dalam bidang hotel patuh *Syarīʿah* masih bersifat deskriptif dan lebih tertumpu kepada aspek pemasaran, kepuasan pelanggan dan pematuhan teknikal semata-mata. Kajian-kajian lepas kurang membangunkan model konseptual yang benar-benar menghubungkan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan amalan industri hospitaliti secara menyeluruh (Razalli et al., 2013; Din et al., 2021). Selain itu, isu kepercayaan pelanggan terhadap label *Syarīʿah* dan fenomena *Syarīʿah* labeling without substance turut menjadi cabaran utama yang menjejaskan kredibiliti industri hotel patuh *Syarīʿah*.

Berdasarkan keseluruhan sorotan literatur ini, jelas bahawa masih wujud jurang pengetahuan yang signifikan dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang benar-benar komprehensif dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Justeru, kajian ini hadir untuk mengisi kekosongan tersebut melalui pembangunan Model MaSC-Hotel yang mengintegrasikan elemen *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* secara sistematik bagi membentuk satu kerangka hospitaliti Islam yang lebih holistik, praktikal dan relevan dengan keperluan industri semasa.

Selain memberi sumbangan terhadap pengembangan teori dan literatur hospitaliti Islam, model yang dicadangkan juga mempunyai implikasi besar terhadap pembangunan dasar, standard industri, latihan sumber manusia, keyakinan pengguna dan daya saing ekonomi negara. Model ini dijangka mampu menjadi rujukan penting kepada pengusaha hotel, agensi kerajaan, badan pensijilan dan penyelidik dalam memperkukuhkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

Akhir sekali, keseluruhan perbincangan dalam bab ini menjadi asas penting yang memandu hala tuju kajian seterusnya. Oleh itu, Bab Empat akan membincangkan secara terperinci metodologi kajian yang digunakan termasuk reka bentuk kajian, pendekatan *Design and Development Research (DDR)*, prosedur pengumpulan data, pemilihan pakar dan responden, instrumen kajian, serta kaedah analisis data yang

digunakan bagi menyokong proses pembangunan dan penilaian Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia.

BAB 4
METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan metodologi penyelidikan yang digunakan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama iaitu Fasa I Analisis Keperluan, Fasa II Reka Bentuk dan Pembangunan Model, serta Fasa III Penilaian Kebolehgunaan Model. Setiap fasa dihuraikan secara sistematik meliputi objektif kajian, reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, strategi persampelan, instrumen kajian, prosedur pelaksanaan serta teknik analisis data yang digunakan.

Kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* Jenis II yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif secara *Sequential Exploratory Mixed Methods*. Pendekatan ini dipilih kerana pembangunan sesuatu model memerlukan proses penerokaan awal secara mendalam sebelum melalui proses pengesahan dan penilaian oleh pakar. Pada Fasa I, pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis dokumen dan temu bual pakar bagi mengenal pasti domain, konstruk dan item yang berkaitan dengan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan daripada fasa ini kemudiannya digunakan sebagai asas pembangunan instrumen dalam Fasa II melalui penggunaan *Fuzzy Delphi Method (FDM)* bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap domain, konstruk dan item yang dicadangkan. Seterusnya, Fasa III melibatkan penggunaan *Modified Nominal Group Technique (MNGT)* untuk menilai kebolehgunaan dan keberkesanan model yang telah dibangunkan.

Pemilihan pendekatan *Sequential Exploratory Mixed Methods* adalah selaras dengan tujuan utama kajian iaitu membangunkan model baharu yang mempunyai asas teori yang kukuh, disahkan oleh pakar dan sesuai diaplikasikan dalam industri perhotelan Islam. Gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif ini membolehkan setiap fasa saling melengkapi antara satu sama lain serta meningkatkan kesahan, kebolehpercayaan dan ketepatan model yang dihasilkan (Creswell & Plano Clark, 2018; Richey & Klein, 2007).

Selain itu, bab ini turut memperincikan strategi persampelan, reka bentuk instrumen, serta teknik analisis yang digunakan dalam setiap fasa kajian bagi menjamin

kesahan dan kebolehpercayaan dapatan. Keseluruhan pendekatan metodologi ini disusun secara teratur bagi memaparkan aliran penyelidikan yang sistematik dan koheren, sekali gus menyokong penghasilan Model MaSC-Hotel yang komprehensif, praktikal dan berpotensi diaplikasikan dalam industri perhotelan Islam di Malaysia.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Reka Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (mixed methods) berbentuk *Sequential Exploratory Design* yang diintegrasikan dalam kerangka *Design and Development Research (DDR)* Jenis II. Pendekatan ini dipilih kerana objektif utama kajian adalah untuk membangunkan dan menilai sebuah model baharu, iaitu Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia. Menurut Richey dan Klein (2007; 2014), DDR merupakan pendekatan yang sesuai digunakan apabila kajian bertujuan menghasilkan model, instrumen atau produk yang mempunyai asas teori yang kukuh serta boleh diaplikasikan dalam situasi sebenar.

Penggunaan reka bentuk *Sequential Exploratory Mixed Methods* membolehkan pengkaji menjalankan proses pembangunan model secara berperingkat dan sistematik. Creswell dan Plano Clark (2018) menjelaskan bahawa reka bentuk ini sesuai digunakan apabila dapatan kualitatif dijadikan asas kepada pembangunan instrumen atau model yang kemudiannya disahkan melalui kaedah kuantitatif. Dalam konteks kajian ini, Fasa I menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual pakar bagi mengenal pasti domain, konstruk dan item yang berkaitan dengan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan daripada fasa ini menjadi asas kepada pembentukan instrumen kajian bagi fasa seterusnya.

Seterusnya, Fasa II melibatkan penggunaan *Fuzzy Delphi Method (FDM)* bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap domain, konstruk dan item yang telah dikenal pasti dalam Fasa I. Kaedah ini membolehkan pengkaji menentukan tahap kesepakatan pakar secara sistematik serta menilai kesesuaian item yang dicadangkan sebelum dimasukkan ke dalam model. Penggunaan FDM juga membantu meningkatkan kesahan kandungan model yang dibangunkan melalui proses pengesahan pakar yang terancang.

Pada Fasa III, model yang telah dibangunkan dinilai menggunakan *Modified Nominal Group Technique (MNGT)* bagi menentukan tahap kebolehgunaan dan kesesuaiannya dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia. Penilaian ini penting untuk memastikan model yang dihasilkan bukan sahaja mempunyai asas teori

yang kukuh, malah boleh diaplikasikan secara praktikal oleh pihak industri dan pihak berkepentingan.

Pemilihan reka bentuk kajian ini membolehkan integrasi antara data kualitatif dan kuantitatif dilaksanakan secara berurutan, sekali gus meningkatkan kesahan, kebolehpercayaan dan ketepatan dapatan kajian. Selain itu, pendekatan ini selaras dengan prinsip DDR yang menekankan hubungan antara teori dan amalan dalam pembangunan sesuatu model (Richey & Klein, 2007; Creswell & Creswell, 2018). Kerangka keseluruhan reka bentuk kajian berasaskan DDR yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 4.1:

Jadual 4.1
Kerangka Asas Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)

	Jenis Kajian	**Projek (Pendekatan)**	**Kaedah Yang Diguna Pakai**
1	Produk dan alatan	Reka bentuk komprehensif dan pembangunan projek	Kajian kes, analisis kandungan, penilaian, pemerhatian lapangan, temu bual
2	Produk dan alatan	Fasa reka bentuk dan pembangunan	Kajian kes, analisis kandungan, penilaian pakar, pemerhatian, temu bual dan soal selidik
3	Produk dan alatan	Pembangunan alatan (*tool*) dan penggunaan pembangunan model	Penilaian, penilaian pakar, temu bual, soalselidik
4	Model	Pembangunan model	Kajian kes, Delphi, temu bual, tinjauan literatur soal selidik
5	Model	Penilaian model	Eksprimen, penilaian pakar, temu bual
6	Model	Kepenggunaan model	Kajian kes, analisis kandungan, pemerhatian lapangan, temu bual, soal selidik

Sumber: Richey dan Klein (2007, m.s.40)

Jadual 4.1 menunjukkan jenis kajian, pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan dalam melaksanakan penyelidikan berasaskan *Design and Development Research (DDR)*. Berdasarkan jadual tersebut, DDR membolehkan penyelidik menggunakan pelbagai pendekatan penyelidikan yang bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian sama ada secara kualitatif, kuantitatif atau gabungan kedua-duanya (Richey & Klein, 2007). Fleksibiliti ini membolehkan penyelidik memilih kaedah yang paling sesuai dengan tujuan pembangunan sesuatu produk, instrumen atau model.

Berdasarkan Jadual 4.1, kajian ini mengaplikasikan gabungan pendekatan yang melibatkan analisis kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual pakar, diikuti kaedah kuantitatif melalui *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan *Modified Nominal Group Technique (MNGT)*. Gabungan kaedah ini selaras dengan reka bentuk *Sequential Exploratory Mixed Methods* yang bermula dengan penerokaan data secara kualitatif sebelum diteruskan dengan proses pengesahan dan penilaian secara kuantitatif (Creswell & Plano Clark, 2018).

Menurut Richey dan Klein (2007), DDR terbahagi kepada dua kategori utama iaitu (i) kajian pembangunan produk atau alat dan (ii) kajian pembangunan model. Oleh itu, kajian ini tergolong dalam kategori kedua iaitu pembangunan model kerana matlamat utama kajian adalah untuk membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang boleh diaplikasikan dalam industri perhotelan Islam di Malaysia. Kajian pembangunan model memberi tumpuan kepada proses mereka bentuk, membangunkan, mengesahkan dan menilai model konseptual yang berpotensi digunakan dalam konteks sebenar (Richey & Klein, 2014; Govindasamy et al., 2023).

Pemilihan DDR Jenis II dibuat berdasarkan keperluan kajian untuk menghasilkan model yang mempunyai asas teori yang kukuh serta disokong oleh dapatan empirikal dan pandangan pakar. Menurut Norliyana Md Aris et al. (2024) dan Adawiyah (2022), DDR Jenis II membolehkan penyelidik mengintegrasikan dapatan literatur, analisis keperluan, konsensus pakar dan penilaian kebolehgunaan secara sistematik bagi menghasilkan model yang sahih dan praktikal.

Selain itu, DDR Jenis II amat sesuai digunakan kerana proses pembangunan model dilaksanakan secara berperingkat melalui tiga fasa utama iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan model, serta penilaian kebolehgunaan model. Struktur ini selaras dengan objektif kajian yang melibatkan proses mengenal pasti keperluan pembangunan model, membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dan seterusnya menilai kebolehgunaan model tersebut dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia (Richey & Klein, 2014; Saedah et al., 2013).

Bagi memastikan kesahan model yang dibangunkan, kajian ini memberi perhatian kepada dua bentuk kesahan iaitu kesahan dalaman (*internal validation*) dan kesahan luaran (*external validation*). Kesahan dalaman diperoleh melalui analisis dokumen, temu bual pakar dan proses konsensus pakar menggunakan FDM, manakala kesahan luaran diperoleh melalui penilaian kebolehgunaan model menggunakan MNGT (Richey & Klein, 2007; Saedah et al., 2013).

Secara keseluruhannya, pembangunan Model MaSC-Hotel dilaksanakan melalui tiga fasa utama yang saling berkait. Fasa I memberi tumpuan kepada pengenalpastian domain, konstruk dan item melalui analisis dokumen dan temu bual pakar. Fasa II melibatkan proses pengesahan dan pembangunan model menggunakan FDM, manakala Fasa III memberi tumpuan kepada penilaian kebolehgunaan model menggunakan MNGT. Hasil analisis literatur dan dapatan empirikal telah menghasilkan tiga domain utama model iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* yang menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel. Proses pembangunan model ini digambarkan dalam Jadual 4.2:

Jadual 4.2
Ringkasan Reka Bentuk Kajian Mengikut Fasa

Fasa Kajian	**Alat Kajian (Instrumen)**	**Analisis Data**	**Jangkaan Hasil**
Fasa I :Analisis keperluan	Pemetaan model kompetensi;Protokol temu bual	Transkrip dianalisis secara verbatim	Rumusan keperluan membangunkan model dan cadangan item kriteria hotel patuh *Syarīʿah*
Fasa II: Reka bentuk dan pembangunan model	*Fuzzy Delphi Method (FDM)* 1-pengesahan domain dan konstruk; FDM 2 - pengesahan item Template Excel FDM	*Threshold (d)*≤0.2 Peratus kesepakatanpakar ≥ 75% dan *α-cut* ≥ 0.5	Prototaip reka bentuk dan pembangunan Model berdasarkan domain, konstruk dan item yang disepakati oleh pakar.
Fasa III: Penilaian kebolehgunaan model	Tinjauan – soal selidik Focus Group – RTD Template Excel NGT	Indeks kesepadanan (*fitness indexes)* Menggunakan *Nominal Group Technique (NGT)*	Model akhir yang sepadan dengan data di lapangan

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Berdasarkan Jadual 4.2, Fasa I dalam reka bentuk kajian ini melibatkan analisis keperluan yang bertujuan mengenal pasti domain, konstruk dan item yang diperlukan bagi pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pada peringkat ini, teori *Maqāṣid Syarīʿah* yang merangkumi lima prinsip utama iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʾAql*, *Ḥifẓ al-Nasl* dan *Ḥifẓ al-Māl* serta tiga tahap keutamaan maqasid iaitu *ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti hubungannya dengan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Analisis keperluan ini dilaksanakan melalui dua kaedah utama iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bersama pakar. Analisis dokumen melibatkan penelitian terhadap piawaian, polisi dan garis panduan yang berkaitan dengan industri hospitaliti Islam seperti MS2610:2015, CrescentRating, Salam Standard, Islamic Quality Standard (IQS), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Garis Panduan Hotel Patuh *Syarīʿah* serta fatwa-fatwa berkaitan pemeliharaan agama dan pelaksanaan aktiviti dalam premis hotel. Sementara itu, temu bual pakar dijalankan bagi mendapatkan pandangan, pengalaman dan pengesahan terhadap keperluan sebenar industri berkaitan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Hasil analisis dokumen dan temu bual pakar kemudiannya dipetakan dan disintesiskan bagi membentuk domain, konstruk dan item awal yang akan digunakan dalam Fasa II melalui *Fuzzy Delphi* Method *(FDM)*. Proses ini penting bagi memastikan pembangunan Model MaSC-Hotel bukan sahaja berasaskan teori dan literatur, malah mengambil kira keperluan semasa industri, dasar kerajaan, standard hospitaliti Islam serta prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang komprehensif.

4.2.1 Justifikasi Pemilihan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) Jenis II

Kajian ini menggunakan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR) Jenis II sebagai reka bentuk utama kajian. DDR merupakan pendekatan penyelidikan sistematik yang melibatkan proses analisis, reka bentuk, pembangunan dan penilaian terhadap produk, program, proses atau model. Pendekatan ini berorientasikan penyelesaian masalah praktikal, di samping menghasilkan pengetahuan yang dapat menyumbang kepada pengembangan teori dan amalan dalam sesuatu bidang (Richey & Klein, 2007, 2014; Ellis & Levy, 2008).

Richey dan Klein (2007) membahagikan DDR kepada dua jenis utama. DDR Jenis I memberikan tumpuan kepada pembangunan dan penilaian produk atau program tertentu dalam konteks penggunaannya, manakala DDR Jenis II meneliti pembangunan, pengesahan dan penggunaan model atau proses pembangunan. DDR Jenis II dipilih dalam kajian ini kerana hasil yang ingin dibangunkan ialah Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syarīʿah berteraskan Maqāṣid Syarīʿah di Malaysia atau MaSC-Hotel. Kajian ini bukan sekadar menghasilkan bahan atau produk tertentu, tetapi membangunkan model

yang mengandungi domain, konstruk dan elemen yang disusun serta dinilai secara sistematik.

Pemilihan DDR Jenis II selaras dengan objektif dan persoalan kajian. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa reka bentuk penyelidikan perlu dipilih berdasarkan sifat persoalan kajian dan bentuk data yang diperlukan untuk menjawabnya. Kajian ini melibatkan tiga tujuan utama, iaitu mengenal pasti keperluan pembangunan model, mereka bentuk dan membangunkan model serta menilai model yang dihasilkan. Struktur tersebut bertepatan dengan proses DDR yang melibatkan fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian.

DDR turut dipilih kerana kajian ini bertujuan menangani masalah praktikal berkaitan ketidakseragaman definisi, kriteria dan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Sorotan literatur menunjukkan bahawa istilah hotel mesra Muslim, hotel Islamik dan hotel patuh *Syarīʿah* digunakan dengan skop yang berbeza. Standard dan sistem penarafan sedia ada juga mempunyai fungsi yang berlainan, seperti perkhidmatan mesra Muslim, pensijilan halal, penarafan kemudahan dan pengurusan berteraskan Maqāṣid Syarīʿah. Oleh itu, satu proses pembangunan yang sistematik diperlukan bagi mengintegrasikan dapatan literatur, dokumen autoritatif dan pandangan pakar dalam pembentukan model.

Menurut Ellis dan Levy (2008), pendekatan penyelidikan pembangunan sesuai digunakan apabila hasil kajian yang dikehendaki berbentuk model, kerangka atau penyelesaian kepada masalah yang dikenal pasti. Dalam kajian ini, pembangunan MaSC-Hotel tidak hanya bergantung pada andaian teoritis pengkaji. Sebaliknya, konstruk dan elemen model dibentuk melalui analisis dokumen, temu bual pakar dan proses mendapatkan kesepakatan panel pakar. Pendekatan tersebut membolehkan model yang dibangunkan mempunyai hubungan dengan teori *Maqāṣid Syarīʿah*, dokumen piawaian serta realiti industri perhotelan.

Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama. Fasa Pertama ialah analisis keperluan yang menggunakan analisis dokumen dan temu bual pakar untuk mengenal pasti masalah, keperluan, konstruk serta elemen awal model. Fasa Kedua ialah fasa reka bentuk dan pembangunan yang menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) bagi memperoleh kesepakatan pakar terhadap konstruk dan elemen model. Fasa Ketiga ialah fasa penilaian yang menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai atau *Modified Nominal Group Technique* (MNGT) untuk menilai tahap persetujuan dan kebolehgunaan model.

Penggunaan kaedah yang berbeza pada setiap fasa menunjukkan bahawa kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran penerokaan berurutan atau *sequential exploratory mixed-methods design*. Data kualitatif daripada analisis dokumen dan temu bual pakar digunakan untuk membentuk konstruk serta item awal. Dapatan tersebut kemudiannya menjadi asas kepada pembinaan instrumen FDM dan penilaian MNGT. Integrasi berlaku apabila hasil daripada satu fasa digunakan untuk membentuk dan memandu pelaksanaan fasa berikutnya.

Walau bagaimanapun, penggunaan beberapa kaedah secara berurutan tidak seharusnya terus disebut sebagai triangulasi data. Triangulasi berlaku apabila sumber atau kaedah berbeza digunakan untuk meneliti fenomena atau dapatan yang sama bagi tujuan perbandingan dan pengesahan. Dalam kajian ini, istilah yang lebih tepat ialah integrasi data dan pengesahan berperingkat kerana setiap kaedah mempunyai fungsi yang berbeza dalam proses pembangunan model. Analisis dokumen dan temu bual digunakan untuk membentuk elemen, FDM digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar, manakala MNGT digunakan untuk menilai model.

Dari sudut falsafah penyelidikan, keseluruhan kajian lebih sesuai berorientasikan pragmatisme kerana kaedah dipilih berdasarkan keupayaannya menjawab objektif dan menyelesaikan masalah kajian. Unsur konstruktivisme digunakan dalam fasa kualitatif apabila pemahaman tentang keperluan model dibina melalui pengalaman, pandangan dan interpretasi informan. Namun, DDR tidak boleh dianggap berasaskan konstruktivisme secara mutlak kerana DDR ialah reka bentuk penyelidikan yang boleh menggunakan pendekatan kualitatif, kuantitatif atau kaedah campuran berdasarkan keperluan kajian.

DDR Jenis II memberikan sumbangan dalam dua dimensi. Dari sudut teoritis, kajian ini memperluas aplikasi Maqāṣid Syarīʿah dalam bidang perhotelan melalui pembentukan domain, konstruk dan elemen berdasarkan hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. Dari sudut praktikal, model yang dibangunkan berpotensi menjadi rujukan kepada pengusaha hotel, agensi kerajaan, badan pensijilan dan pihak industri dalam merancang serta menilai perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* secara lebih sistematik.

Justeru, DDR Jenis II dipilih kerana mempunyai keselarasan langsung dengan tujuan pembangunan MaSC-Hotel. Reka bentuk ini menyediakan proses yang tersusun untuk mengenal pasti keperluan, membangunkan konstruk dan elemen serta menilai model melalui pandangan dan kesepakatan pakar. Melalui proses tersebut, MaSC-Hotel

dibangunkan berasaskan gabungan teori, dokumen autoritatif, data empirikal dan penilaian pakar serta disesuaikan dengan konteks industri perhotelan Islam di Malaysia.

4.2.2 Pendekatan Kaedah Campuran Penerokaan Berurutan

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran penerokaan berurutan atau *sequential exploratory mixed-methods design*. Pendekatan ini dimulakan dengan pengumpulan dan analisis data kualitatif, diikuti penggunaan kaedah kuantitatif untuk mengembangkan, mengesahkan dan menilai dapatan awal. Reka bentuk ini lazimnya digunakan apabila sesuatu fenomena perlu diterokai terlebih dahulu sebelum konstruk, item atau instrumen dibentuk dan dinilai secara kuantitatif (Creswell & Plano Clark, 2018).

Pemilihan pendekatan ini selaras dengan tujuan kajian untuk membangunkan MaSC-Hotel berdasarkan pemahaman mendalam terhadap konsep, keperluan dan realiti pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Pada peringkat awal, konstruk dan elemen model belum ditentukan secara muktamad. Oleh itu, kajian memerlukan penerokaan kualitatif melalui analisis dokumen dan temu bual pakar sebelum elemen yang dikenal pasti dikemukakan kepada panel pakar bagi mendapatkan kesepakatan secara kuantitatif.

Pendekatan penerokaan berurutan dalam kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama. Fasa Pertama merupakan fasa analisis keperluan yang menggunakan analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur dengan pakar. Analisis dokumen melibatkan penelitian terhadap kajian terdahulu, standard, manual, garis panduan dan dokumen autoritatif yang berkaitan dengan hotel patuh *Syarīʿah*, hospitaliti mesra Muslim, pengurusan halal dan Maqāṣid Syarīʿah. Temu bual pakar pula digunakan untuk mendapatkan penjelasan tentang isu pelaksanaan, jurang standard, keperluan industri dan elemen yang perlu diberikan perhatian dalam pembangunan model.

Data kualitatif daripada analisis dokumen dan temu bual dianalisis secara tematik. Proses ini melibatkan pengenalpastian kod, pembentukan kategori dan penghasilan tema yang berkaitan dengan keperluan pembangunan model. Dapatan daripada kedua-dua sumber tersebut kemudiannya dibandingkan dan disepadukan untuk menghasilkan konstruk serta elemen awal MaSC-Hotel. Pada peringkat ini, integrasi berlaku melalui penggabungan dapatan dokumen dengan pandangan pakar

bagi menghasilkan senarai item yang lebih menyeluruh dan relevan dengan konteks kajian.

Fasa Kedua merupakan fasa reka bentuk dan pembangunan model yang menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Konstruk dan elemen yang dihasilkan dalam Fasa Pertama digunakan untuk membangunkan instrumen FDM. Instrumen tersebut dikemukakan kepada 16 orang pakar bagi mendapatkan penilaian terhadap kesesuaian dan kepentingan setiap elemen. Kesepakatan pakar ditentukan berdasarkan nilai ambang $d \leq 0.2$, peratus persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus dan nilai skor fuzzy atau $\alpha\text{-}cut \geq 0.5$.

Penggunaan FDM membolehkan pandangan pakar diterjemahkan kepada ukuran kuantitatif tanpa mengabaikan unsur ketidakpastian dalam penilaian manusia. Elemen yang memenuhi syarat kesepakatan dikekalkan dan disusun berdasarkan keutamaan, manakala elemen yang tidak mencapai syarat diteliti semula atau digugurkan berdasarkan prosedur yang ditetapkan. Hasil Fasa Kedua ialah draf MaSC-Hotel yang mengandungi domain, konstruk dan elemen yang telah memperoleh kesepakatan pakar.

Fasa Ketiga merupakan fasa penilaian model yang menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai atau *Modified Nominal Group Technique* (MNGT). Model yang dihasilkan melalui FDM dikemukakan kepada tujuh orang pakar untuk menilai tahap persetujuan dan kebolehgunaannya. Penilaian ini memberikan perhatian kepada kejelasan, kesesuaian, susunan keutamaan dan kebolehlaksanaan konstruk serta elemen model dalam konteks industri perhotelan di Malaysia.

MNGT dipilih kerana teknik ini membolehkan setiap pakar memberikan penilaian secara teratur sebelum keputusan kumpulan dirumuskan. Penggunaan teknik tersebut membantu mengurangkan dominasi individu tertentu dan memastikan setiap pandangan diberikan pertimbangan. Dapatan penilaian kemudiannya digunakan untuk membuat pemurnian akhir terhadap susunan, kandungan dan persembahan model.

Integrasi data dalam kajian ini berlaku pada beberapa titik. Integrasi pertama berlaku apabila dapatan analisis dokumen dan temu bual digabungkan untuk membentuk konstruk serta elemen awal. Integrasi kedua berlaku apabila dapatan kualitatif Fasa Pertama digunakan untuk membina instrumen FDM dalam Fasa Kedua. Integrasi ketiga berlaku apabila hasil kesepakatan FDM digunakan untuk membentuk model yang dikemukakan dalam penilaian MNGT. Akhir sekali, dapatan keseluruhan ketiga-tiga fasa disintesiskan bagi menghasilkan MaSC-Hotel.

Reka bentuk ini tidak menggunakan data kualitatif dan kuantitatif secara terpisah. Sebaliknya, hasil daripada setiap fasa menjadi input kepada fasa berikutnya. Hubungan berurutan tersebut dapat digambarkan sebagai:

Penerokaan kualitatif → pembangunan dan kesepakatan kuantitatif → penilaian model → pemurnian MaSC-Hotel

Penggunaan pendekatan kaedah campuran membolehkan kajian memperoleh pemahaman yang mendalam melalui data kualitatif dan seterusnya menilai dapatan tersebut melalui ukuran kesepakatan pakar. Data kualitatif memberikan konteks serta penjelasan terhadap keperluan industri, manakala data kuantitatif membantu menentukan tahap persetujuan dan keutamaan elemen model. Gabungan tersebut memperkukuh asas empirikal dan keteguhan proses pembangunan MaSC-Hotel.
Walau bagaimanapun, penggunaan beberapa kaedah dalam kajian ini lebih tepat dihuraikan sebagai integrasi dan pengesahan berperingkat, bukan triangulasi secara automatik. Setiap kaedah menjalankan fungsi yang berbeza tetapi saling berkaitan. Analisis dokumen dan temu bual membentuk elemen awal, FDM mendapatkan kesepakatan terhadap elemen tersebut, manakala MNGT menilai model yang telah dibangunkan.

Kesimpulannya, pendekatan kaedah campuran penerokaan berurutan dipilih kerana sesuai dengan proses pembangunan MaSC-Hotel yang bermula daripada penerokaan fenomena, diikuti pembentukan konstruk, pengukuran kesepakatan dan penilaian model. Pendekatan ini memastikan setiap keputusan pembangunan mempunyai hubungan yang jelas dengan data daripada fasa sebelumnya serta menjawab objektif dan persoalan kajian secara tersusun.

4.3 Kesahan Kajian (*Trustworthiness*)

Dalam penyelidikan kualitatif, aspek kesahan dan kebolehpercayaan tidak dinilai melalui ukuran statistik sebagaimana yang lazim digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Sebaliknya, Lincoln dan Guba (1985) memperkenalkan konsep *trustworthiness* sebagai kerangka utama bagi menilai ketepatan, konsistensi dan integriti dapatan kajian kualitatif. Menurut Lincoln dan Guba (1985), *trustworthiness* merangkumi empat dimensi utama iaitu *credibility* (kredibiliti), *Transferability*

(kebolehpindahan), *dependability* (kebolehpercayaan) dan *confirmability* (kebolehsahan).

Dalam konteks kajian pembangunan model berasaskan *Design and Development Research (DDR)*, aspek *trustworthiness* amat penting bagi memastikan domain, konstruk dan item yang dikenal pasti melalui analisis dokumen dan temu bual pakar benar-benar mencerminkan keperluan industri serta selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Menurut Creswell dan Poth (2018), pelaksanaan prosedur *trustworthiness* yang sistematik dapat meningkatkan integriti dapatan kualitatif dan mengurangkan risiko bias dalam proses interpretasi data. Selain itu, Shenton (2004) menegaskan bahawa penerapan empat elemen *trustworthiness* secara menyeluruh mampu meningkatkan keyakinan terhadap dapatan yang digunakan sebagai asas pembangunan model. Oleh itu, keempat-empat dimensi *trustworthiness* diaplikasikan dalam Fasa I kajian ini bagi memastikan data yang diperoleh mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi sebelum digunakan dalam proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian Model MaSC-Hotel.

4.3.1 *Credibility* (Kredibiliti)

Kredibiliti merujuk kepada tahap keyakinan terhadap kebenaran dapatan kajian, iaitu sejauh mana hasil kajian benar-benar mewakili realiti yang dikaji (Lincoln & Guba, 1985). Dalam kajian ini, kredibiliti diperkukuh melalui beberapa strategi yang disarankan dalam penyelidikan kualitatif. Pertama, proses member checking dilaksanakan dengan berkongsi semula ringkasan transkrip temu bual dan tema awal kepada informan bagi mendapatkan pengesahan terhadap ketepatan interpretasi data. Proses ini membolehkan informan menyemak, memperjelas atau menambah maklumat yang diperlukan, sekali gus mengurangkan risiko salah tafsir terhadap dapatan kajian (Creswell & Poth, 2018).

Kedua, kredibiliti turut diperkukuh melalui prolonged engagement iaitu penglibatan yang mencukupi sepanjang proses pengumpulan dan analisis data. Penglibatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap konteks sebenar pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* serta membantu membina hubungan profesional yang baik dengan informan. Menurut Lincoln dan Guba (1985), penglibatan yang berpanjangan dapat meningkatkan ketepatan interpretasi dan mengurangkan risiko salah faham terhadap fenomena yang dikaji.

Ketiga, strategi triangulasi digunakan dengan menggabungkan pelbagai sumber data yang terdiri daripada analisis dokumen, temu bual pakar, soal selidik *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan penilaian *Modified Nominal Group Technique (MNGT)*. Triangulasi ini membolehkan dapatan daripada satu sumber disemak dan disokong oleh sumber yang lain, sekali gus meningkatkan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan interpretasi yang dibuat (Shenton, 2004).

Selain itu, proses semakan berulang terhadap data mentah, kod, kategori dan tema yang dibangunkan turut dilaksanakan bagi memastikan setiap dapatan disokong oleh bukti empirikal yang mencukupi. Pendekatan ini membantu memastikan bahawa domain, konstruk dan item yang dikenal pasti benar-benar mencerminkan keperluan industri serta selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel.

4.3.2 *Transferability* (Kebolehpindahan)

Transferability merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian boleh diaplikasikan atau digunakan dalam konteks lain yang mempunyai ciri-ciri yang hampir serupa dengan konteks asal kajian (Lincoln & Guba, 1985). Dalam penyelidikan kualitatif, *Transferability* tidak bertujuan untuk menghasilkan generalisasi secara statistik, sebaliknya dicapai melalui penyediaan thick description atau huraian yang terperinci berkaitan konteks kajian, peserta kajian, prosedur penyelidikan dan persekitaran kajian. Huraian yang lengkap membolehkan pembaca menilai sendiri kesesuaian dapatan kajian untuk diaplikasikan dalam konteks lain yang berkaitan (Shenton, 2004; Creswell & Poth, 2018).

Dalam kajian ini, *Transferability* diperkukuh melalui penyediaan maklumat kontekstual yang menyeluruh berkaitan profil pakar, latar belakang organisasi, prosedur pengumpulan data, serta proses pembangunan Model MaSC-Hotel. Huraian turut merangkumi pengalaman dan kepakaran pakar dalam bidang Syariah, halal, hospitaliti, pelancongan Islam dan pembangunan standard, termasuk penglibatan mereka dalam agensi berkaitan seperti JAKIM, Jabatan Standard Malaysia, Islamic Tourism Centre (ITC) dan institusi akademik. Selain itu, konteks industri perhotelan Islam di Malaysia turut dihuraikan secara terperinci bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai persekitaran kajian.

Penyediaan deskripsi yang komprehensif ini membolehkan dapatan kajian dinilai dan dipertimbangkan untuk diaplikasikan dalam konteks yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama, khususnya dalam pembangunan model, garis panduan atau piawaian hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Dengan cara ini, pembaca dan penyelidik lain dapat menilai tahap kesesuaian dapatan kajian untuk digunakan dalam persekitaran atau industri yang berbeza mengikut keperluan masing-masing.

4.3.3 *Dependability* (Kebolehpercayaan)

Dependability merujuk kepada kestabilan dan konsistensi dapatan kajian merentasi masa dan keadaan, iaitu sejauh mana prosedur penyelidikan yang dilaksanakan dapat menghasilkan dapatan yang serupa sekiranya kajian diulang dalam konteks yang sama (Lincoln & Guba, 1985). Dalam penyelidikan kualitatif, *dependability* dicapai melalui dokumentasi yang sistematik, telus dan boleh diaudit bagi memastikan setiap keputusan metodologi dapat dijejaki dan disahkan (Shenton, 2004).

Dalam kajian ini, *dependability* diperkukuh melalui penyediaan jejak audit (*audit trail*) yang lengkap, merangkumi dokumentasi berkaitan reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, prosedur analisis, pembangunan instrumen, serta justifikasi terhadap setiap keputusan yang dibuat sepanjang penyelidikan. Jejak audit ini melibatkan rekod pemilihan pakar, protokol temu bual, analisis dokumen, instrumen *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, prosedur pelaksanaan *Modified Nominal Group Technique (MNGT)*, serta rekod pengubahsuaian, pengekalan atau pengguguran domain, konstruk dan item yang terlibat dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Dokumentasi yang sistematik ini membolehkan keseluruhan proses penyelidikan disemak dan dinilai secara telus oleh pihak lain.

Selain itu, *dependability* turut diperkukuh melalui proses semakan dan perbincangan secara berkala bersama penyelia sepanjang pelaksanaan kajian. Perbincangan ini berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang bagi memastikan keselarasan antara objektif kajian, prosedur metodologi dan proses analisis data. Semakan berterusan terhadap keputusan analisis membantu memastikan setiap interpretasi dan keputusan pembangunan model dibuat berdasarkan bukti empirikal

yang jelas serta selaras dengan kerangka *Design and Development Research (DDR)* yang digunakan dalam kajian ini (Creswell & Poth, 2018).

Pelaksanaan *audit trail*, dokumentasi yang sistematik serta proses semakan berterusan ini membantu meningkatkan konsistensi dan kebolehpercayaan dapatan, sekali gus memastikan pembangunan Model MaSC-Hotel dilaksanakan secara teratur, telus dan boleh disahkan.

4.3.4 *Confirmability* (Kebolehsahan)

Confirmability merujuk kepada tahap di mana dapatan kajian berpunca daripada data yang dikumpulkan dan bukannya dipengaruhi oleh kecenderungan subjektif atau bias penyelidik (Lincoln & Guba, 1985). Dalam penyelidikan kualitatif, *confirmability* bertujuan memastikan setiap interpretasi dan kesimpulan yang dibuat dapat disokong oleh bukti empirikal yang jelas, konsisten dan boleh dijejaki (Shenton, 2004).

Dalam kajian ini, *confirmability* diperkukuh melalui penyimpanan dan pengurusan sistematik semua bahan penyelidikan yang terdiri daripada transkrip temu bual, nota lapangan, dokumen analisis, instrumen kajian, serta output yang dihasilkan daripada proses analisis data. Dokumentasi yang lengkap ini membolehkan proses semakan dan audit dilaksanakan sekiranya diperlukan, sekali gus meningkatkan ketelusan dalam setiap keputusan yang dibuat sepanjang pembangunan Model MaSC-Hotel.

Selain itu, penggunaan perisian NVivo 12 membantu meningkatkan tahap *confirmability* melalui pengurusan data yang lebih sistematik dan teratur. Perisian ini membolehkan proses pengekodan, pengkategorian dan pembentukan tema dilakukan secara terancang serta membolehkan setiap tema yang dikenal pasti dirujuk semula kepada sumber data asal. Pendekatan ini membantu memastikan bahawa setiap domain, konstruk dan item yang dibangunkan mempunyai hubungan yang jelas dengan bukti empirikal yang diperoleh daripada analisis dokumen dan temu bual pakar.

Confirmability turut diperkukuh melalui pelaksanaan triangulasi data dan semakan berulang terhadap dapatan yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Proses ini membolehkan interpretasi yang dibuat disokong oleh bukti daripada lebih daripada satu sumber data, sekali gus mengurangkan risiko bias dan meningkatkan objektiviti dapatan kajian (Creswell & Poth, 2018). Dengan itu, setiap keputusan yang terlibat

dalam pembangunan Model MaSC-Hotel dapat disandarkan kepada data yang sahih serta mempunyai justifikasi empirikal yang jelas.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan elemen *confirmability* memastikan bahawa dapatan kajian mempunyai tahap objektiviti yang tinggi serta dapat disahkan melalui bukti yang boleh dijejaki. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *trustworthiness* yang menekankan ketelusan, konsistensi dan integriti metodologi dalam penyelidikan kualitatif (Lincoln & Guba, 1985; Shenton, 2004).

4.4 Fasa Kajian

Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama iaitu Fasa I: Analisis Keperluan, Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Model, serta Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan Model. Ketiga-tiga fasa ini dibangunkan berasaskan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* Jenis II yang menekankan pembangunan model secara sistematik melalui proses analisis keperluan, pembangunan model dan penilaian model (Richey & Klein, 2007; Richey & Klein, 2014).

Setiap fasa mempunyai objektif, kaedah, instrumen dan prosedur analisis yang tersendiri. Fasa I bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel melalui analisis dokumen dan temu bual pakar. Fasa II pula bertujuan mereka bentuk dan membangunkan Model MaSC-Hotel melalui proses konsensus pakar menggunakan *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Seterusnya, Fasa III bertujuan menilai kebolehgunaan model yang telah dibangunkan menggunakan *Modified Nominal Group Technique (MNGT)*. Susunan ini selaras dengan objektif kajian yang merangkumi proses mengenal pasti keperluan model, membangunkan model dan menilai kebolehgunaan model dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia.

Pembahagian kajian kepada tiga fasa utama membolehkan proses pembangunan model dilaksanakan secara berperingkat dan tersusun. Setiap fasa saling melengkapi antara satu sama lain, di mana dapatan daripada Fasa I digunakan sebagai asas kepada pembangunan model dalam Fasa II, manakala model yang dibangunkan dalam Fasa II dinilai dan diperhalusi dalam Fasa III. Pendekatan ini memastikan Model MaSC-Hotel yang dihasilkan mempunyai asas teori yang kukuh, disahkan oleh pakar dan mempunyai potensi untuk diaplikasikan dalam industri sebenar.

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang reka bentuk kajian pembangunan model ini, keseluruhan aliran penyelidikan dirumuskan

dalam Rajah 4.1 yang menunjukkan hubungan antara objektif kajian, fasa penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis yang digunakan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.



Rajah 4.1 Fasa Kajian
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

4.4.1 Fasa I: Analisis Keperluan

Fasa I bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia, selaras dengan Objektif Kajian 1 iaitu mengenal pasti keperluan kriteria hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan analisis dokumen dan pandangan pakar. Fasa ini dilaksanakan melalui dua kaedah utama, iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur bagi memperoleh data yang komprehensif serta membolehkan triangulasi sumber data dilaksanakan (Creswell & Poth, 2018).

Analisis dokumen melibatkan lapan (8) dokumen utama yang mempunyai autoriti dan relevan secara langsung dengan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*, iaitu MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS), CrescentRating Standard, Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel Standard (2013), Salam Standard, Garis Panduan Hotel Patuh *Syarīʿah* Malaysia, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), serta fatwa dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang berkaitan dengan sektor hospitaliti. Pemilihan dokumen ini dibuat

kerana ia mewakili piawaian, polisi, garis panduan dan sumber hukum yang menjadi rujukan utama dalam pembangunan industri hospitaliti Islam di peringkat nasional dan antarabangsa. Analisis terhadap dokumen-dokumen tersebut membolehkan domain, konstruk dan item awal Model MaSC-Hotel dikenal pasti secara sistematik.

Selain itu, temu bual separa berstruktur dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan pakar berkaitan keperluan, cabaran dan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* dalam konteks semasa. Pemilihan pakar dibuat secara persampelan bertujuan *(purposive sampling)* berdasarkan kepakaran, pengalaman profesional dan penglibatan langsung dalam bidang Syariah, halal, hospitaliti Islam, pelancongan Islam dan pembangunan standard. Pakar yang terlibat terdiri daripada wakil agensi kerajaan, institusi akademik dan pengamal industri yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang masing-masing. Pemilihan ini bertujuan memastikan maklumat yang diperoleh adalah relevan, berautoriti dan mampu menyumbang kepada pembangunan model yang komprehensif (Merriam & Tisdell, 2016).

Data temu bual dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik sebagaimana dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses analisis melibatkan transkripsi verbatim, pengekodan terbuka, pengelompokan kod, pembentukan tema dan interpretasi tema menggunakan perisian NVivo 12. Analisis ini membolehkan tema-tema utama berkaitan keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel dikenal pasti secara sistematik dan empirikal.

Gabungan analisis dokumen dan temu bual pakar membolehkan keperluan pembangunan model dikenal pasti daripada perspektif teori, polisi dan amalan industri secara serentak. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Design and Development Research (DDR)* yang menekankan pembangunan model berasaskan keperluan sebenar serta disokong oleh bukti empirikal yang kukuh (Richey & Klein, 2007; Richey & Klein, 2014). Analisis keperluan dalam kajian ini dilaksanakan berdasarkan Model Analisis Keperluan McArdle (1988) sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 4.2.;



Rajah 4.2 Model Analisis Keperluan dalam Pembangunan Model MaSC-Hotel
Sumber: Diadaptasi daripada McArdle (1998) dan diubah suai untuk kajian ini.

Rajah 4.2 menunjukkan Model Analisis Keperluan yang diadaptasi daripada McArdle (1998). Model ini menjelaskan bahawa proses analisis keperluan dilaksanakan secara sistematik melalui empat peringkat utama iaitu pengawasan (*monitoring*), penyiasatan (*investigation*), analisis *(analysis*) dan laporan (*reporting*). Keempat-empat peringkat ini saling berkait dan membentuk satu proses yang berterusan bagi mengenal pasti jurang, masalah dan keperluan yang memerlukan penambahbaikan.

Dalam konteks kajian ini, peringkat pengawasan melibatkan pemerhatian terhadap perkembangan industri hospitaliti Islam serta penelitian terhadap isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Peringkat penyiasatan pula dilaksanakan melalui analisis dokumen dan temu bual pakar bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan keperluan pembangunan model. Seterusnya, peringkat analisis melibatkan proses pengekodan, pengelompokan data dan pembentukan tema menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti domain, konstruk dan item yang relevan untuk pembangunan Model MaSC-Hotel. Akhir sekali, peringkat laporan merangkumi proses pendokumentasian dapatan analisis keperluan yang menjadi asas kepada pembangunan model dalam Fasa II kajian.

Pemilihan Model Analisis Keperluan McArdle (1998) adalah bertepatan dengan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* kerana model ini membolehkan keperluan pembangunan dikenal pasti secara sistematik sebelum proses reka bentuk dan pembangunan model dilaksanakan. Melalui pendekatan ini, pembangunan Model MaSC-Hotel dapat diasaskan kepada keperluan sebenar industri, pandangan pakar serta sokongan literatur dan dokumen yang berkaitan.

4.4.1.1 Kaedah Pengumpulan Data Fasa I

1) Analisis Dokumen

Objektif Analisis dokumen dilaksanakan sebagai langkah awal dalam Fasa I bagi mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Kaedah ini dipilih kerana mampu menyediakan maklumat yang sistematik, sahih dan berautoriti berkaitan amalan, piawaian serta garis panduan hotel patuh *Syarīʿah* yang telah dibangunkan di peringkat nasional dan antarabangsa (Bowen, 2009). Analisis dokumen juga berfungsi sebagai sumber data sekunder yang penting untuk mengenal pasti domain, konstruk dan item awal yang berkaitan dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*.

Sebanyak lapan dokumen utama telah dipilih berdasarkan kesesuaian, autoriti dan hubungannya secara langsung dengan industri hospitaliti Islam. Dokumen tersebut terdiri daripada MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS), CrescentRating Standard, Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel Standard (2013), Salam Standard, Garis Panduan Hotel Patuh *Syarīʿah* Malaysia, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), serta beberapa fatwa dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang berkaitan dengan pengurusan hotel dan hospitaliti Islam.

Objektif utama analisis dokumen adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen yang menjadi keperluan dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah*, di samping menilai tahap integrasi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam standard dan garis panduan sedia ada. Analisis ini turut meneliti persamaan, perbezaan dan jurang yang wujud antara dokumen-dokumen tersebut, khususnya berkaitan aspek pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah, harta, tadbir urus halal, integriti organisasi, kemudahan pelanggan Muslim dan pengurusan operasi hotel.

Proses analisis dijalankan menggunakan pendekatan analisis tematik yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Setiap dokumen dibaca secara berulang bagi memperoleh kefahaman menyeluruh sebelum proses pengekodan terbuka dilakukan. Kod-kod yang mempunyai persamaan kemudiannya dikelompokkan kepada kategori tertentu dan seterusnya membentuk tema-tema utama yang menjadi asas kepada pembentukan domain, konstruk dan item awal Model MaSC-Hotel.

Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan standard dan garis panduan memberi penekanan kepada aspek pematuhan halal, kemudahan ibadah dan penyediaan perkhidmatan mesra Muslim. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi skop pelaksanaan, tahap pematuhan serta penekanan terhadap elemen *Maqāṣid Syarīʿah*. Selain itu, penggunaan istilah seperti *Muslim-friendly hotel*, *halal hotel* dan *Shariah-compliant hotel* didapati tidak digunakan secara seragam, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna dan pengusaha industri (Hussain, Jamaluddin & Hashim, 2021).

Dapatan analisis dokumen ini menjadi asas penting kepada pembangunan domain dan konstruk awal Model MaSC-Hotel yang lebih komprehensif, sistematik dan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Keperluan kepada satu model yang lebih bersepadu juga selari dengan perkembangan semasa industri hospitaliti Islam yang semakin menuntut standard yang jelas, konsisten dan mampu memenuhi keperluan pelancong Muslim global (Amir & Abdul Rahman, 2024; Mohamad Tauhid, Said & Taha, 2025).

1. Analisis Fatwa dan Dokumen Syariah

Selain Selain dokumen standard dan garis panduan industri, kajian ini turut menganalisis beberapa fatwa, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), serta dokumen Syariah yang berkaitan secara langsung dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Analisis ini penting kerana fatwa berfungsi sebagai sumber autoritatif dalam menentukan hukum berkaitan aktiviti, kemudahan, operasi dan pengurusan yang boleh dilaksanakan dalam sesebuah hotel (al-Qaradawi, 1998; Kamali, 2019).

Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan hubungannya dengan elemen-elemen utama *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi asas pembangunan Model MaSC-Hotel. Antara dokumen yang dianalisis termasuklah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) (JAKIM, 2020), Standard Malaysia MS 2610:2015 Muslim Friendly

Hospitality Services – Requirements (Department of Standards Malaysia, 2015), keputusan Muzakarah Fatwa berkaitan alkohol, perjudian, hiburan melampau, aurat, pergaulan bebas, pensijilan halal, serta beberapa garis panduan pengurusan pelancongan dan hospitaliti Islam yang dikeluarkan oleh agensi berkaitan. Dokumen-dokumen ini dipilih kerana mempunyai implikasi langsung terhadap pengurusan makanan dan minuman, penyediaan fasiliti hotel, kawalan aktiviti hiburan, penjagaan maruah pelanggan, serta tadbir urus operasi berteraskan Syariah.

Analisis terhadap fatwa dan dokumen Syariah dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis) bagi mengenal pasti prinsip hukum, syarat pelaksanaan, larangan dan cadangan yang berkaitan dengan operasi hotel patuh *Syarīʿah* (Bowen, 2009). Setiap dokumen dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti elemen-elemen yang boleh diterjemahkan kepada domain, konstruk dan item dalam Model MaSC-Hotel. Pendekatan ini membolehkan setiap elemen yang dibangunkan mempunyai sandaran hukum yang jelas serta selari dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*.

Dapatan analisis menunjukkan bahawa kebanyakan fatwa dan dokumen Syariah memberi penekanan kepada aspek pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), pemeliharaan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), pemeliharaan maruah (ḥifẓ al-ʿirḍ), pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), dan pemeliharaan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Penekanan ini selaras dengan pandangan al-Ghazali (2012), al-Shatibi (1997) dan Auda (2010) yang menjelaskan bahawa setiap hukum Syariah bertujuan merealisasikan kemaslahatan serta menghindarkan kemudaratan kepada manusia.

Oleh itu, analisis fatwa dan dokumen Syariah berfungsi sebagai mekanisme pengesahan syarak terhadap elemen-elemen yang dikenal pasti daripada analisis dokumen dan temu bual pakar. Pendekatan ini memastikan Model MaSC-Hotel yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi keperluan industri hospitaliti Islam semasa, malah bertepatan dengan kehendak hukum syarak dan objektif *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh.

Jadual 4.3
Senarai Fatwa dan Dokumen Syariah yang Dianalisis dalam Fasa Analisis Keperluan

Bil.	Dokumen/Fatwa	Badan Penerbit	Fokus Analisis	Elemen *Maqāṣid Syarīʿah*
1	Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2020	JAKIM	Pengurusan halal, makanan dan minuman	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Māl*
2	MS 2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS)	Department of Standards Malaysia	Kemudahan ibadah, operasi hotel mesra Muslim	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Nafs*
3	Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR)	Islamic Tourism Centre (ITC)	Pengiktirafan penginapan mesra Muslim	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Nafs*
4	CrescentRating Standard	CrescentRating Singapore	Penarafan hospitaliti mesra Muslim global	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Nafs*
5	Salam Standard	Salam Standard	Standardisasi hotel mesra Muslim antarabangsa	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Nafs*
6	Islamic Quality Standard (IQS)	Islamic Quality Standard Organisation	Kualiti pengurusan hotel Islam	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Māl*
7	Tripez Travel Standard (2013)	Tripez	Keperluan pelancong Muslim	*Hifẓ al-Dīn, Hifẓ al-Nafs*
8	Fatwa Penggunaan Alkohol dan Minuman Memabukkan	Muzakarah MKI	Larangan alkohol dalam operasi hotel	*Hifẓ al-ʿAql*
9	Fatwa Perjudian dan Aktiviti Pertaruhan	Muzakarah MKI	Larangan perjudian dan kasino	*Hifẓ al-ʿAql, Hifẓ al-Māl*
10	Fatwa Hiburan Melampau dan Maksiat	Muzakarah MKI	Kawalan hiburan dan aktiviti tidak bermoral	*Hifẓ al-ʿAql, Hifẓ al-ʿIrḍ*
11	Fatwa Aurat dan Pergaulan Bebas	Muzakarah MKI	Pemisahan fasiliti dan penjagaan maruah	*Hifẓ al-ʿIrḍ*
12	Fatwa Berkaitan Pensijilan Halal	Muzakarah MKI & JAKIM	Integriti halal dan pematuhan Syariah	*Hifẓ al-Dīn*
13	Fatwa Berkaitan Muamalat Islam	Muzakarah MKI	Transaksi dan pembiayaan Islam	*Hifẓ al-Māl*

Sumber: Diadaptasi daripada JAKIM (2020), Department of Standards Malaysia (2015), Islamic Tourism Centre (2022), CrescentRating (2023), Salam Standard (2023), serta keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan diubah suai untuk kajian ini.

Jadual 4.3 menunjukkan dokumen dan fatwa yang dianalisis dalam Fasa I kajian. Pemilihan dokumen dibuat berdasarkan hubungan langsung dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* serta kesesuaiannya dalam menyokong pembangunan Model MaSC-

Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Analisis dokumen ini membolehkan penyelidik mengenal pasti domain, konstruk dan item yang mempunyai sandaran teori, polisi, piawaian industri dan hukum syarak sebelum diteruskan ke Fasa II menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*.

2. Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian ini bagi memperoleh maklumat yang mendalam berkaitan keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Kaedah ini dipilih kerana menyediakan keseimbangan antara struktur soalan yang telah ditetapkan dengan fleksibiliti untuk meneroka isu-isu yang muncul semasa sesi temu bual. Menurut Merriam dan Tisdell (2016), temu bual separa berstruktur sesuai digunakan apabila kajian bertujuan mendapatkan data yang kaya, mendalam dan kontekstual, manakala Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa pendekatan ini membolehkan penerokaan pengalaman serta pandangan peserta secara lebih menyeluruh.

Dalam kajian ini, temu bual dilaksanakan bagi memenuhi Objektif Kajian 1 iaitu mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berdasarkan pandangan pakar. Seramai empat orang pakar telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan *(purposive sampling)* berdasarkan kepakaran, pengalaman profesional dan penglibatan langsung dalam bidang Syariah, halal, hospitaliti Islam serta pembangunan standard. Pemilihan pakar dalam jumlah yang kecil adalah bersesuaian dengan tujuan analisis keperluan yang menekankan kedalaman maklumat berbanding kuantiti responden (Patton, 2015; Creswell & Poth, 2018). Pakar yang terlibat mewakili sektor kerajaan, akademik dan industri bagi memastikan data yang diperoleh merangkumi pelbagai perspektif yang relevan dengan pembangunan model.

Setiap sesi temu bual berlangsung antara 45 hingga 60 minit dan direkodkan dengan persetujuan peserta kajian bagi tujuan transkripsi verbatim. Protokol temu bual dibangunkan berdasarkan sorotan literatur, objektif kajian serta kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi asas pembangunan Model MaSC-Hotel. Pendekatan separa berstruktur turut membolehkan isu-isu baharu yang tidak ditemui dalam analisis dokumen dikenal pasti, sekali gus memperkayakan data yang diperoleh daripada pakar. Kallio et al. (2016) menjelaskan bahawa temu bual separa berstruktur amat sesuai

digunakan dalam kajian pembangunan model kerana sifatnya yang fleksibel dan berupaya menangkap realiti sesuatu fenomena secara lebih mendalam.

Data temu bual kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) dengan bantuan perisian NVivo 12. Proses analisis melibatkan transkripsi verbatim, pengekodan terbuka, pengelompokan kod, pembentukan tema dan interpretasi tema. Dapatan yang diperoleh digunakan untuk mengenal pasti domain, konstruk dan item awal yang menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel dalam Fasa II kajian.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* melibatkan pelbagai cabaran termasuk ketidakseragaman piawaian, kekangan sumber manusia, kos pelaksanaan, latihan pekerja, serta perbezaan persepsi antara pengusaha dan pengguna. Dapatan ini mengukuhkan keperluan pembangunan satu model yang bukan sahaja berasaskan prinsip normatif Syariah, tetapi turut mengambil kira realiti operasi industri hospitaliti Islam di Malaysia. Oleh itu, integrasi dapatan analisis dokumen dan temu bual pakar menjadi asas penting dalam memastikan Model MaSC-Hotel yang dibangunkan bersifat holistik, praktikal dan bertepatan dengan keperluan semasa industri.

4.4.1.2 Profil Informan Kajian

Pemilihan informan dalam Fasa I kajian ini dilaksanakan menggunakan teknik pensampelan bertujuan *(purposive sampling)*. Teknik ini dipilih kerana membolehkan pemilihan individu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang relevan dengan fenomena yang dikaji (Patton, 2015; Creswell & Poth, 2018). Dalam konteks kajian pembangunan Model MaSC-Hotel, penglibatan pakar adalah penting bagi mendapatkan pandangan yang mendalam berkaitan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*, standard hospitaliti Islam, pensijilan halal dan pelancongan Islam.

Seramai empat orang pakar telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan, iaitu mempunyai pengalaman profesional sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan, terlibat secara langsung dalam pembangunan dasar, standard atau pengurusan industri hospitaliti Islam, serta mempunyai kepakaran yang diiktiraf dalam bidang Syariah, halal atau pelancongan Islam. Bilangan ini adalah memadai bagi tujuan analisis keperluan kerana kajian kualitatif berorientasikan pakar lebih menekankan kedalaman data berbanding bilangan responden (Merriam & Tisdell, 2016; Creswell & Poth, 2018).

Pemilihan pakar daripada pelbagai institusi turut bertujuan memastikan kepelbagaian perspektif diperoleh bagi menyokong pembangunan model yang lebih komprehensif. Pakar yang terlibat mewakili institusi akademik, badan pensijilan standard, agensi pelancongan Islam dan pihak berautoriti halal negara. Kepelbagaian latar belakang ini membolehkan isu dan keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel dinilai daripada sudut teori, polisi, standard dan amalan industri.

Bagi tujuan analisis data dan menjaga kerahsiaan identiti peserta kajian, setiap informan diberikan kod tertentu semasa proses transkripsi, pengekodan dan pelaporan dapatan temu bual. Jadual 4.4 menunjukkan kod yang digunakan bagi mewakili setiap informan pakar.

Jadual 4.4
Pengekodan Transkripsi Temu Bual Pakar

Informan (Pakar)	Kod
Pakar 1	P1
Pakar 2	P2
Pakar 3	P3
Pakar 4	P4

Sumber: Kajian Lapangan (2026)

Jadual 4.5 pula memperincikan profil informan yang terlibat dalam Fasa I kajian.

Jadual 4.5
Profil Informan Kajian

Kod	Jawatan	Agensi	Pengalaman	Kepakaran
P1	Pensyarah Kanan	UKM	12 Tahun	Syariah dan Maqasid Syariah
P2	Ketua Penolong Pengarah	Jabatan Standard Malaysia	8 Tahun	Standard MFHS dan Pensijilan
P3	Pengarah Pembangunan Industri	Islamic Tourism Centre	7 Tahun	Pelancongan Islam dan MFAR
P4	Ketua Penolong Pengarah Kanan	JAKIM	15 Tahun	Pensijilan Halal dan Kajian Syariah

Sumber: Kajian Lapangan (2026) Siti Nur Husna (2026)

Jadual 4.5 menunjukkan profil empat orang informan pakar yang terlibat dalam Fasa I kajian. Informan dipilih berdasarkan kepakaran, pengalaman profesional serta penglibatan langsung dalam bidang Syariah, standard hospitaliti, pensijilan halal dan pelancongan Islam. Kesemua informan mempunyai pengalaman antara tujuh hingga lima belas tahun dalam bidang masing-masing, sekali gus memenuhi kriteria sebagai pakar yang mampu memberikan pandangan yang mendalam dan relevan terhadap pembangunan Model MaSC-Hotel.

Kepelbagaian latar belakang informan memastikan kajian ini memperoleh input yang menyeluruh daripada pelbagai perspektif yang merangkumi aspek akademik, penggubalan standard, pensijilan halal dan pembangunan pelancongan Islam. Informan daripada institusi akademik menyumbang pandangan teoritikal berkaitan *Maqāṣid Syarīʿah* dan aplikasi konsep Syariah dalam sektor hospitaliti, manakala wakil Jabatan Standard Malaysia memberikan input berkaitan pembangunan standard dan keperluan pematuhan industri. Selain itu, wakil Islamic Tourism Centre (ITC) menyumbang perspektif berkaitan pembangunan pelancongan Islam dan pengiktirafan penginapan mesra Muslim, sementara wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberikan pandangan berkaitan pensijilan halal dan pematuhan Syariah dalam operasi perhotelan.

Gabungan kepakaran daripada pelbagai institusi ini membolehkan data yang diperoleh merangkumi dimensi teori, polisi, standard dan pelaksanaan yang saling melengkapi. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa variasi latar belakang informan dapat memperkayakan data kualitatif kerana setiap peserta menyumbang perspektif yang berbeza berdasarkan pengalaman dan bidang kepakaran masing-masing. Patton (2015) turut menegaskan bahawa kepelbagaian sumber maklumat dapat meningkatkan ketepatan interpretasi dan memperkukuh kredibiliti dapatan kajian. Oleh itu, pemilihan informan dalam kajian ini menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel yang lebih holistik, relevan dan berasaskan pandangan pakar pelbagai bidang.

Bilangan empat orang informan pakar dalam Fasa I adalah bersesuaian dengan tujuan analisis keperluan yang menekankan kedalaman maklumat berbanding kuantiti responden. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa kajian kualitatif yang melibatkan temu bual pakar boleh dilaksanakan dengan bilangan peserta yang kecil sekiranya mereka mempunyai kepakaran yang tinggi dan data yang diperoleh telah mencapai ketepuan maklumat *(data saturation)*. Dalam kajian ini, proses temu bual

menunjukkan maklumat yang diperoleh mula berulang dan tiada tema baharu yang signifikan muncul, menandakan bahawa tahap ketepuan data telah dicapai.

4.4.1.3 Demografi Informan Temu Bual Pakar

Demografi informan kajian dalam Fasa I terdiri daripada empat orang pakar yang mewakili bidang Syariah, standard hospitaliti, pelancongan Islam dan pensijilan halal. Pemilihan informan dibuat berdasarkan kepakaran, pengalaman profesional serta penglibatan langsung dalam pembangunan dasar, standard dan amalan yang berkaitan dengan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Informan yang terlibat merangkumi seorang ahli akademik dalam bidang Syariah dan *Maqāṣid Syarīʿah*, seorang pegawai daripada Jabatan Standard Malaysia yang terlibat dalam pembangunan standard hospitaliti mesra Muslim, seorang wakil daripada Islamic Tourism Centre yang berpengalaman dalam pembangunan pelancongan Islam, serta seorang pegawai kanan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mempunyai kepakaran dalam pensijilan halal dan kajian Syariah.

Kepelbagaian latar belakang ini membolehkan data diperoleh daripada perspektif yang berbeza tetapi saling melengkapi, sekali gus menyokong proses analisis keperluan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Demografi informan kajian diperincikan seperti dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6
Demografi Informan Kajian Fasa I (Temubual)

Kod	Institusi	Jawatan	Kelulusan Akademik Tertinggi	Bidang Kepakaran
P1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pensyarah Kanan	Doktor Falsafah	Syariah dan *Maqāṣid Syarīʿah*
P2	Jabatan Standard Malaysia	Ketua Penolong Pengarah	Ijazah Sarjana	Standard MFHS dan Pensijilan
P3	Islamic Tourism Centre (ITC)	Pengarah Bahagian Pembangunan Industri	Ijazah Sarjana	Pelancongan Islam dan MFAR
P4	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Ketua Penolong Pengarah Kanan	Ijazah Sarjana	Pensijilan Halal dan Kajian Syariah

Sumber: Kajian Lapangan (2026)

Jadual 4.6 menunjukkan demografi informan yang terlibat dalam Fasa I kajian. Kesemua informan terdiri daripada pakar yang mempunyai pengalaman profesional antara tujuh hingga lima belas tahun dalam bidang masing-masing, meliputi Syariah dan *Maqāṣid Syarīʿah*, pembangunan standard hospitaliti, pelancongan Islam serta pensijilan halal. Kepelbagaian bidang kepakaran ini membolehkan data yang diperoleh merangkumi pelbagai dimensi yang berkaitan dengan pembangunan Model MaSC-Hotel.

Dari sudut akademik, informan terdiri daripada individu yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, sekali gus menunjukkan tahap kompetensi yang tinggi dalam bidang kepakaran masing-masing. Penglibatan wakil daripada institusi akademik, Jabatan Standard Malaysia, Islamic Tourism Centre (ITC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membolehkan kajian memperoleh pandangan daripada perspektif teori, standard, polisi dan amalan industri secara serentak.

Kepelbagaian latar belakang ini turut menyokong proses triangulasi data dalam analisis keperluan, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan ketepatan dapatan kajian. Creswell dan Poth (2018) menjelaskan bahawa pemilihan informan yang mempunyai kepakaran pelbagai tetapi saling melengkapi dapat memperkayakan data kualitatif serta menghasilkan interpretasi yang lebih komprehensif. Oleh itu, pemilihan informan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif Fasa I yang bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

4.4.1.4 Tatacara Penganalisisan Data Fasa I

1) Analisis Dokumen

Analisis dokumen dilaksanakan secara sistematik bagi mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Proses analisis ini diadaptasi daripada pendekatan analisis dokumen yang dicadangkan oleh Bowen (2009) dan dilaksanakan melalui lima langkah utama sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 4.3.

Langkah pertama melibatkan proses pemilihan dan pengesahan dokumen. Pada peringkat ini, setiap dokumen diteliti bagi memastikan kesesuaiannya dengan objektif kajian serta hubungannya dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Dokumen yang

dipilih terdiri daripada standard, garis panduan, manual prosedur dan dokumen Syariah yang mempunyai autoriti dalam industri hospitaliti Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Langkah kedua ialah pembacaan awal (initial reading). Semua dokumen dibaca secara berulang untuk memahami kandungan, konteks, objektif pembangunan dokumen serta elemen-elemen yang berkaitan dengan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Proses ini penting bagi membolehkan pengenalpastian tema dan isu utama yang terkandung dalam setiap dokumen (Bowen, 2009).

Langkah ketiga melibatkan proses pengekodan dan pengkategorian data. Analisis kandungan dilaksanakan menggunakan pendekatan yang dicadangkan oleh Krippendorff (2013), dengan bantuan perisian NVivo 12. Kod-kod awal dibentuk berdasarkan elemen yang berulang dalam dokumen seperti pematuhan Syariah, kemudahan ibadah, makanan dan minuman halal, pengasingan fasiliti, latihan pekerja, keselamatan pelanggan, integriti organisasi dan pengurusan kewangan patuh Syariah. Kod-kod yang mempunyai persamaan kemudiannya dikelompokkan kepada kategori dan subkategori menggunakan teknik open coding dan axial coding (Strauss & Corbin, 1998).

Langkah keempat ialah analisis perbandingan silang antara dokumen. Proses ini bertujuan mengenal pasti persamaan, perbezaan dan jurang yang wujud antara standard, garis panduan dan dokumen Syariah yang dianalisis. Analisis ini membolehkan elemen-elemen yang konsisten dikenal pasti sebagai komponen asas pembangunan model, manakala elemen-elemen unik digunakan untuk melengkapkan konstruk yang belum diberi perhatian dalam dokumen lain.

Langkah kelima melibatkan proses triangulasi dengan dapatan temu bual pakar dan sorotan literatur. Triangulasi ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan melalui perbandingan maklumat daripada pelbagai sumber data (Patton, 2015). Melalui proses ini, domain, konstruk dan item awal yang dikenal pasti dapat disahkan sebelum digunakan dalam Fasa II kajian.

Hasil akhir analisis dokumen ini ialah pembentukan domain, konstruk dan item awal Model MaSC-Hotel yang menjadi asas kepada proses mendapatkan konsensus pakar menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* dalam Fasa II. Pendekatan ini selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* secara sistematik dan berasaskan bukti empirikal.

2) Temu bual

Analisis data temu bual dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan analisis tematik *(thematic analysis)* yang disokong oleh kaedah perbandingan berterusan *(constant comparative analysis)* sebagaimana dicadangkan oleh Strauss dan Corbin (1998). Pendekatan ini membolehkan persamaan, perbezaan dan hubungan antara data dikenal pasti secara sistematik sehingga mencapai ketepuan data *(data saturation)*. Dalam Fasa I, tema dibangunkan berdasarkan triangulasi tiga sumber utama iaitu temu bual pakar, analisis dokumen dan sorotan literatur.

Semua sesi temu bual dirakam dalam bentuk audio dengan persetujuan informan dan ditranskripsikan secara verbatim. Data kemudiannya disimpan secara sistematik dalam beberapa medium penyimpanan yang selamat bagi memastikan integriti dan kerahsiaan maklumat peserta kajian terpelihara. Analisis data dilaksanakan menggunakan perisian NVivo 12 dengan berpandukan kerangka analisis data yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), iaitu reduksi data, verifikasi data dan persembahan data.

Langkah 1: Reduksi Data

Proses reduksi data dimulakan dengan pembacaan berulang terhadap transkrip temu bual bagi memperoleh kefahaman menyeluruh terhadap kandungan data. Seterusnya, proses pengekodan dijalankan menggunakan perisian NVivo 12 melalui tiga peringkat utama, iaitu open coding, axial coding dan selective coding (Strauss & Corbin, 1998).

Pada peringkat open coding, kod-kod awal dibentuk berdasarkan idea, konsep dan isu yang muncul daripada data temu bual. Kod-kod yang mempunyai persamaan kemudiannya digabungkan melalui axial coding bagi membentuk kategori dan subkategori yang saling berkaitan. Akhir sekali, selective coding dilaksanakan untuk mengenal pasti tema utama yang mempunyai hubungan secara langsung dengan pembangunan Model MaSC-Hotel. Proses ini menghasilkan tema, subtema, domain dan konstruk awal yang menjadi asas kepada pembangunan model.

Langkah 2: Verifikasi Data

Bagi memastikan kesahan tema yang dibentuk, proses verifikasi data dilaksanakan melalui semakan pakar (expert validation). Dua orang pakar telah dilantik

sebagai panel pengesah tema bagi menilai kesesuaian, ketepatan dan kejelasan tema yang terhasil daripada proses analisis. Borang pengesahan tema disediakan dan mengandungi senarai tema utama berserta definisi operasional bagi setiap tema. Panel pakar diminta memberikan pengesahan menggunakan skala persetujuan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan sekiranya diperlukan.

Proses verifikasi ini berfungsi sebagai mekanisme semakan silang yang membantu meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Selain itu, pengesahan pakar turut memastikan tema yang dibentuk benar-benar mencerminkan realiti pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* dan selaras dengan objektif kajian. *(Rujuk lampiran)*

Langkah 3: Mempersembahkan Data

Langkah terakhir melibatkan penyusunan dan persembahan data dalam bentuk naratif, jadual tema, rajah tema dan petikan verbatim yang dipilih daripada informan. Pendekatan ini membolehkan hubungan antara tema, subtema dan konstruk diterangkan secara lebih jelas dan sistematik. Persembahan data yang pelbagai turut memudahkan proses interpretasi serta menunjukkan bagaimana dapatan temu bual menyumbang kepada pembentukan domain dan konstruk Model MaSC-Hotel.

Keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data dilaksanakan secara berterusan dan bersifat iteratif. Setiap dapatan baharu dibandingkan dengan data sedia ada bagi memastikan ketepatan interpretasi dan ketepuan data dapat dicapai. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Bogdan dan Biklen (2003) serta Miles dan Huberman (1994) yang menegaskan bahawa analisis data kualitatif merupakan proses yang berlaku secara serentak dengan pengumpulan data. Hasil akhir analisis ini ialah pembentukan tema, subtema, domain dan konstruk yang menjadi asas kepada pembangunan item Model MaSC-Hotel dalam Fasa II kajian. Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang proses analisis data yang dilaksanakan dalam Fasa I, keseluruhan prosedur pengumpulan, pengurusan, analisis dan pengesahan data diringkaskan dalam Rajah 4.3. Proses ini bermula dengan pelaksanaan temu bual separa berstruktur bersama pakar yang dipilih secara bertujuan *(purposive sampling)*, diikuti proses rakaman dan transkripsi verbatim bagi memastikan ketepatan data yang diperoleh. Seterusnya, data dianalisis menggunakan perisian NVivo 12 melalui proses open coding, axial coding dan selective coding sebagaimana dicadangkan oleh Strauss dan Corbin (1998). Tema dan subtema yang terhasil kemudiannya melalui proses

verifikasi pakar bagi meningkatkan kesahan dapatan sebelum digunakan untuk membentuk domain, konstruk dan item awal Model MaSC-Hotel. Rajah 4.3 menunjukkan secara terperinci aliran proses analisis data Fasa I yang menjadi asas kepada pembangunan model dalam fasa seterusnya.



Rajah 4.3 Proses Analisis Data Fasa I bagi Pembangunan Model MaSC-Hotel Menggunakan NVivo 12

Rajah 4.3 menunjukkan proses analisis data Fasa I yang dilaksanakan secara sistematik bermula daripada pengumpulan data melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang pakar, diikuti proses rakaman dan transkripsi verbatim. Data yang diperoleh kemudiannya diimport ke dalam perisian NVivo 12 untuk tujuan pengurusan dan analisis data secara teratur. Proses analisis dilaksanakan melalui tiga peringkat utama iaitu open coding, axial coding dan selective coding bagi mengenal pasti kod, kategori, subkategori serta tema utama yang berkaitan dengan pembangunan Model MaSC-Hotel.

Bagi memastikan ketepatan dan kesahan dapatan, tema yang terbentuk telah melalui proses verifikasi pakar melalui semakan silang oleh panel pengesah. Proses ini penting bagi memastikan setiap tema yang dikenal pasti benar-benar mencerminkan keperluan industri perhotelan patuh *Syarīʿah* serta selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Hasil akhir analisis ini menghasilkan tema, subtema, domain, konstruk dan item awal yang menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel dalam Fasa II melalui Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Pendekatan ini selaras dengan cadangan Miles dan Huberman (1994) serta Strauss dan Corbin (1998) yang menekankan analisis data secara berperingkat, sistematik dan berterusan bagi menghasilkan dapatan yang sahih dan boleh dipercayai.

4.4.1.5 Analisis Data Fasa I: Analisis Keperluan

Data yang diperoleh melalui analisis dokumen dan temu bual pakar dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik *(thematic analysis)* yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Pendekatan ini dipilih kerana membolehkan pengenalpastian corak, tema dan makna yang muncul daripada data kualitatif secara sistematik serta sesuai digunakan untuk menjawab Objektif Kajian 1, iaitu mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Proses analisis dimulakan dengan penyediaan transkripsi verbatim daripada rakaman temu bual yang telah dijalankan. Semua transkripsi dan dokumen berkaitan dibaca berulang kali bagi membolehkan proses pembiasaan (familiarisation) terhadap data. Pada peringkat seterusnya, unit-unit makna yang signifikan dikenal pasti dan diberikan kod awal (initial coding). Kod-kod yang mempunyai persamaan kemudiannya dikelompokkan kepada kategori dan subkategori melalui proses axial coding.

Seterusnya, kategori yang berkaitan digabungkan bagi membentuk tema dan subtema yang mencerminkan keperluan sebenar pembangunan model.

Bagi memastikan ketepatan interpretasi, setiap tema yang dibentuk dibandingkan semula dengan data asal melalui proses semakan berulang (constant comparison). Pendekatan ini membantu memastikan tema yang dikenal pasti benar-benar mewakili pandangan informan serta kandungan dokumen yang dianalisis. Proses ini selaras dengan cadangan Strauss dan Corbin (1998) yang menekankan kepentingan perbandingan berterusan dalam meningkatkan ketepatan analisis data kualitatif.

Perisian NVivo 12 digunakan sebagai alat bantu analisis bagi memudahkan proses penyimpanan, pengurusan, pengekodan dan pengelompokan data secara sistematik. Penggunaan NVivo membolehkan hubungan antara kod, kategori dan tema divisualisasikan dengan lebih jelas serta meningkatkan ketekalan proses analisis. Walau bagaimanapun, interpretasi akhir terhadap data adalah berdasarkan analisis yang dibuat berpandukan konteks kajian, objektif penyelidikan dan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang menjadi asas pembangunan Model MaSC-Hotel.

Hasil analisis keperluan ini menghasilkan beberapa tema utama yang mewakili keperluan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Tema-tema tersebut kemudiannya digunakan sebagai asas kepada pembentukan domain, konstruk dan item awal Model MaSC-Hotel sebelum melalui proses pengesahan pakar dalam Fasa II menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*.

Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen temu bual, protokol temu bual telah disemak dan disahkan oleh empat orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang Syariah, hospitaliti Islam, standard dan pensijilan halal. Pengesahan ini bertujuan memastikan kesesuaian, kejelasan dan kerelevanan soalan temu bual dengan objektif kajian. Creswell (2018) menjelaskan bahawa semakan pakar merupakan salah satu kaedah penting dalam meningkatkan kesahan kandungan instrumen penyelidikan, manakala Makki et al. (2003) mencadangkan penglibatan sekurang-kurangnya tiga orang pakar bagi tujuan pengesahan instrumen.

4.4.2 Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan

Fasa ini memberi tumpuan kepada proses membina model berasaskan dapatan analisis dokumen dan temu bual pakar dalam Fasa I. Kaedah utama yang digunakan ialah *Fuzzy Delphi Method (FDM)* yang terkenal sebagai pendekatan sistematik untuk

menilai kesesuaian konstruk dan item model melalui kesepakatan pakar. Seramai 16 orang pakar dipilih secara bertujuan *(purposive),* meliputi bidang *Syarīʿah*, halal, perhotelan, dan pelancongan Islam, bagi memastikan pandangan yang pelbagai dan menyeluruh.

Instrumen soal selidik FDM dibangunkan dan dilaksanakan dalam dua pusingan. Pusingan pertama (FDM1) bertujuan untuk mengesahkan konstruk model yang dirumuskan daripada sorotan literatur dan dapatan Fasa I, manakala pusingan kedua (FDM2) menumpukan kepada pengesahan item-item yang terkandung dalam setiap konstruk. Proses penilaian ini menggunakan tiga kriteria utama, iaitu nilai *threshold* (d) ≤ 0.2, tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75%, dan nilai *α-cut* ≥ 0.5 (Cheng & Lin, 2002). Hanya item yang memenuhi ketiga-tiga syarat ini diterima sebagai sah dan dimasukkan ke dalam model. Pendekatan ini selari dengan keperluan FDM untuk memastikan hanya item yang memperoleh konsensus kukuh dikekalkan dalam pembangunan model (Habibi, Sarafrazi & Izadyar, 2014).

Hasil daripada proses FDM ini, penyelidik berjaya menghasilkan prototaip Model MaSC-Hotel yang disahkan secara konsensus. Kaedah ini membuktikan kekuatannya apabila pandangan pelbagai pakar yang berbeza latar belakang berjaya disintesiskan kepada bentuk kesepakatan. Walau bagaimanapun, proses ini turut mendedahkan cabaran apabila wujud perbezaan pandangan ketara dalam kalangan pakar, sehingga menyebabkan beberapa item perlu digugurkan atau diubah suai. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pembangunan model bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga dinamik serta menuntut pertimbangan kolektif yang rapi.

4.4.2.1 Kaedah Pengumpulan Data Fasa II

Dalam Fasa II, pengumpulan data dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik pakar berasaskan Kaedah *Fuzzy Delphi (Fuzzy Delphi Method – FDM)*. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan tahap kesepakatan pakar terhadap domain, konstruk dan item yang telah dikenal pasti dalam Fasa I. Pemilihan FDM adalah bersesuaian dengan objektif kajian kerana kaedah ini berupaya menggabungkan pandangan pakar secara sistematik, mengurangkan unsur ketidakpastian dalam penilaian, serta menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan boleh dipercayai berbanding Kaedah Delphi konvensional (Murray, Pipino & van Gigch, 1985; Cheng & Lin, 2002).

Instrumen soal selidik FDM dibangunkan berdasarkan dapatan analisis dokumen, temu bual pakar dan sorotan literatur yang telah dilaksanakan dalam Fasa I. Domain, konstruk dan item yang dikenal pasti kemudiannya diterjemahkan kepada bentuk soal selidik menggunakan skala linguistik *Fuzzy* yang membolehkan pakar memberikan tahap persetujuan terhadap setiap item yang dicadangkan. Pendekatan ini membantu menukarkan persepsi subjektif pakar kepada nilai numerik yang boleh dianalisis secara kuantitatif (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2021).

Seramai 16 orang pakar telah dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* berdasarkan bidang kepakaran dan pengalaman profesional yang berkaitan dengan hospitaliti Islam, Syariah, halal, industri perhotelan dan pelancongan Islam. Bilangan pakar ini adalah selaras dengan cadangan Adler dan Ziglio (1996) serta Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2021) yang menyatakan bahawa antara 10 hingga 20 orang pakar adalah memadai untuk pelaksanaan Kaedah *Fuzzy Delphi* dalam kajian pembangunan model.

Analisis data FDM dilaksanakan menggunakan aplikasi Microsoft Excel FDM yang dibangunkan oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2014). Perisian ini digunakan bagi memproses nilai nombor Fuzzy, mengira nilai *threshold* (d), menentukan peratus kesepakatan pakar dan memperoleh nilai α-cut bagi setiap item yang dinilai. Penggunaan aplikasi ini membantu memastikan proses analisis dijalankan secara sistematik, konsisten dan mengurangkan risiko kesilapan pengiraan secara manual.

Dalam kajian ini, penerimaan sesuatu domain, konstruk atau item ditentukan berdasarkan tiga syarat utama yang diterima secara meluas dalam analisis FDM, iaitu nilai *threshold* (d) ≤ 0.2, tahap kesepakatan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus dan nilai α-cut melebihi atau sama dengan 0.5 (Cheng & Lin, 2002; Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2021). Domain, konstruk dan item yang memenuhi ketiga-tiga syarat tersebut dikekalkan dalam model, manakala item yang tidak mencapai tahap penerimaan akan dipertimbangkan untuk digugurkan atau ditambah baik berdasarkan pandangan pakar.

Hasil analisis FDM ini digunakan sebagai asas dalam pembangunan prototaip awal Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* sebelum melalui proses penilaian kebolehgunaan dalam Fasa III kajian.

4.4.2.2 Profil Informan Kajian

Pemilihan pakar merupakan aspek penting dalam pelaksanaan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* kerana kualiti dapatan yang diperoleh bergantung kepada tahap kepakaran, pengalaman dan pengetahuan panel yang terlibat. Menurut Hasson, Keeney dan McKenna (2000), teknik pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* merupakan pendekatan yang paling sesuai digunakan dalam kajian Delphi kerana ia membolehkan pemilihan individu yang benar-benar mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji.

Bilangan pakar yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 16 orang. Jumlah tersebut adalah bersesuaian dengan cadangan Adler dan Ziglio (1996) yang menyatakan bahawa antara 10 hingga 20 orang pakar adalah mencukupi bagi mendapatkan kesepakatan dalam kajian Delphi yang melibatkan panel pakar yang homogen dari aspek kepakaran. Pandangan ini turut disokong oleh Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2021) yang menjelaskan bahawa bilangan antara 10 hingga 20 orang pakar adalah memadai untuk pelaksanaan Kaedah *Fuzzy Delphi* dalam kajian pembangunan model dan instrumen.

Pakar yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada ahli akademik, pegawai agensi kerajaan, pakar Syariah, pakar halal, pengamal industri hospitaliti dan pakar pelancongan Islam yang mempunyai pengalaman serta penglibatan secara langsung dalam bidang berkaitan. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan bagi memastikan mereka mempunyai kompetensi yang mencukupi untuk menilai domain, konstruk dan item yang dicadangkan dalam Model MaSC-Hotel.

Berliner (2004a; 2004b) menjelaskan bahawa seseorang individu boleh dianggap sebagai pakar apabila mempunyai pengalaman yang signifikan dalam bidang tertentu, manakala Swanson dan Holton (2008) menegaskan bahawa pakar perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang berkaitan. Selain itu, Delbecq et al. (1975) turut menyatakan bahawa panel pakar perlu bersedia memberikan komitmen, mempunyai maklumat yang relevan serta mampu membuat penilaian secara objektif berdasarkan kepakaran masing-masing.

Berdasarkan pertimbangan tersebut, beberapa kriteria pemilihan pakar telah ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7:

Jadual 4.7
Bilangan dan Kriteria Pakar Yang Terlibat Dalam Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan Model

Bil.	Peserta Kajian (Pk)	Pengalaman (Jumlah Tahun)	Jawatan	Kelayakan Akademik
1	Tn. Ahmad Razif Abd. Rahim Jabatan Standard 1	6 tahun	Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Standard Malaysia	Ijazah Sarjana
2	Pn. Nur Zulaiha Aslan Jabatan Standard 2	6 tahun	Penolong Pegawai, Jabatan Standard Malaysia	Ijazah Sarjana Muda
3	Tn. Muhammad Nawaf Azimi HDC 1	6 tahun	Penolong Pengurus, Bahagian Pembangunan Industri, HDC	Ijazah Sarjana
4	Tn. Hairol Ariffein Sahari HDC 2	8 tahun	Ketua Pegawai Eksekutif. Pembangunan Industri, HDC	Ijazah Sarjana
5	Tn. Mohd Dhaliff Ghaus bin Mohd Anuar HDC 3	6 tahun	Pengurus Kanan di Pejabat Pengerusi merangkap Ketua Perundingan serta Penasihatan Halal, HDC	Ijazah Sarjana
6	Ustaz Muhyidin bin Aziz Saari HALAL JAKIM	10 tahun	Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM	Ijazah Sarjana
7	Pn. Nor Sa'dah Binti Ishak MOTAC 1	5 tahun	Ketua Unit Pelesenan Pelancongan (HOTEL,SPA,PKU & MM2H)	Ijazah Sarjana
8	Pn. Hasni binti Abu Hassan MOTAC 2	5 tahun	Ketua Unit Pelesenan Pelancongan & Pembangunan Prasarana	Ijazah Sarjana
9	En. Fitra bin Mohd Ali ITC 1	5 tahun	Pengurus Bahagian Pembangunan Industri ITC	Ijazah Sarjana Muda
10	Puan Khairunnisa binti Rassul Yayasan Wakaf Malaysia	5 tahun	Eksekutif *Syarīʿah* Bahagian Dasar dan Pembangunan Yayasan Waqaf Malaysia	Ijazah Sarjana Muda

Bil.	Peserta Kajian (Pk)	Pengalaman (Jumlah Tahun)	Jawatan	Kelayakan Akademik
11	Dr. Taqwa Binti Zabidi JAKIM 1	6 tahun	Penolong Pengarah Kanan, Bahagian *Maqāṣid Syarīʿah*, JAKIM	Ijazah Kedoktoran
12	Dr. Muhammad Yamin Bin Ismail JAKIM 2	6 tahun	Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan, JAKIM	Ijazah Kedoktoran
13	Dr. Mohd Aizam Bin Mas'od JAKIM 3	5 tahun	Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kualiti Seksyen Pematuhan *Syarīʿah*, JAKIM	Ijazah Kedoktoran
14	Pn. Khairulneza Binti Juaher Halal Centre 1	5 tahun	Pengarah UCAM Halal Centre	Ijazah Sarjana
15	Pn. Siti Nadiah Binti Babge Halal Centre 2	5 tahun	Koordinator Halal UCAM	Ijazah Sarjana
16	Tn. Abdul Halid Bin Hj Ramli Halal Centre 3	5 tahun	Pengarah Wazim/Ketua Unit	Ijazah Sarjana

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 4.7 memperincikan kriteria pemilihan pakar yang terlibat dalam Fasa II, iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan Model MaSC-Hotel menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Seramai 16 orang pakar telah dipilih secara pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* berdasarkan kepakaran, pengalaman profesional dan penglibatan langsung dalam bidang yang berkaitan dengan Syariah, halal, hospitaliti Islam, perhotelan dan pelancongan Islam. Pemilihan pakar yang mempunyai latar belakang berbeza ini bertujuan memastikan pandangan yang diperoleh bersifat menyeluruh, seimbang dan mencerminkan keperluan sebenar industri perhotelan patuh Syariah di Malaysia.

Kaedah *Fuzzy Delphi* memerlukan penglibatan panel pakar yang benar-benar kompeten kerana tahap kesahan dan kebolehpercayaan dapatan bergantung kepada kualiti penilaian yang diberikan. Swanson dan Holton (2009) menjelaskan bahawa pakar yang dipilih hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang signifikan

dalam bidang yang dikaji. Somerville (2007) pula menegaskan bahawa gabungan pakar daripada latar belakang yang pelbagai (heterogeneous experts) adalah lebih sesuai berbanding kumpulan yang terlalu homogen kerana mampu menghasilkan perspektif yang lebih komprehensif. Pandangan ini turut disokong oleh George dan Pramod (2014) yang menyarankan penglibatan pakar daripada pelbagai disiplin yang berkaitan bagi meningkatkan ketepatan dan keluasan dapatan.

Bilangan 16 orang pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah selaras dengan cadangan Adler dan Ziglio (1996) yang menyatakan bahawa antara 10 hingga 20 orang pakar adalah mencukupi untuk pelaksanaan Kaedah Delphi dan *Fuzzy Delphi* yang melibatkan panel pakar yang mempunyai tahap kepakaran yang tinggi. Bilangan ini juga menepati saranan Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al. (2021) yang menjelaskan bahawa jumlah tersebut memadai bagi mencapai kesepakatan pakar dalam kajian pembangunan model dan instrumen.

Oleh itu, pemilihan 16 orang pakar dalam kajian ini adalah bersesuaian dan memenuhi keperluan metodologi *Fuzzy Delphi* bagi memperoleh konsensus yang sah dan boleh dipercayai terhadap domain, konstruk dan item yang membentuk Model MaSC-Hotel berteraskan Maqāṣid Syariah.

4.4.2.3 Tatacara Penganalisisan Data Fasa II

Instrumen soal selidik *Fuzzy Delphi Method (FDM)* yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan secara sistematik berdasarkan dapatan Fasa I yang melibatkan analisis dokumen, temu bual pakar dan sorotan literatur. Proses pembangunan instrumen ini bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap domain, konstruk dan item yang dicadangkan dalam Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pembentukan item dilaksanakan melalui proses sintesis maklumat daripada pelbagai sumber bagi memastikan setiap item yang dibangunkan mempunyai asas teori dan sokongan empirikal yang kukuh.

Langkah 1: Pembinaan Item Untuk Instrumen Kaji Selidik

Pembinaan item instrumen *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dilaksanakan berdasarkan dapatan analisis keperluan dalam Fasa I yang melibatkan analisis dokumen, temu bual pakar dan sorotan literatur. Proses ini bertujuan menghasilkan satu set item yang mewakili domain, konstruk dan elemen utama yang diperlukan dalam

pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Menurut DeVellis dan Thorpe (2021), pembangunan item instrumen hendaklah berasaskan kerangka teori yang jelas serta disokong oleh data empirikal bagi memastikan kesahan kandungan dan kerelevanan item yang dibangunkan.

Dalam kajian ini, proses pembinaan item dimulakan dengan mengenal pasti tema, subtema dan kategori yang muncul daripada analisis dokumen serta temu bual pakar dalam Fasa I. Dapatan tersebut kemudiannya dibandingkan dan disintesiskan dengan sorotan literatur berkaitan hotel patuh *Syarīʿah*, hospitaliti Islam, pelancongan mesra Muslim dan *Maqāṣid Syarīʿah*. Melalui proses ini, domain, konstruk dan item awal berjaya dibentuk serta disusun mengikut tiga tahap *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*.

Bagi memastikan setiap item mempunyai asas teori dan praktikal yang kukuh, proses pemetaan item turut dilaksanakan dengan merujuk kepada dokumen autoritatif yang berkaitan seperti Muslim Friendly Hospitality Services (MS2610:2015), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR), keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, serta dapatan temu bual pakar. Proses pemetaan ini membolehkan setiap item dikaitkan secara langsung dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dan keperluan industri hospitaliti Islam semasa.

Bagi domain *Ḍarūriyyāt*, lima konstruk utama telah dikenal pasti iaitu Menjaga Kesejahteraan Agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), Menjaga Kesejahteraan Akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), Menjaga Kesejahteraan Maruah (*Ḥifẓ al-'Irḍ*), Menjaga Kesejahteraan Harta (*Ḥifẓ al-Māl*) dan Menjaga Kesejahteraan Nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*). Setiap konstruk mengandungi item-item yang dibangunkan berdasarkan keperluan industri dan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Jadual 4.X hingga Jadual 4.X memperincikan pemetaan item bagi setiap konstruk bersama sumber rujukan yang menyokong pembentukannya.

Setiap item dirangka dalam bentuk pernyataan yang jelas, spesifik dan mudah difahami bagi memudahkan proses penilaian pakar. Semakan turut dilakukan bagi memastikan tiada pertindihan maksud, penggunaan istilah yang tidak konsisten serta item yang berada di luar skop konstruk yang diukur. Proses ini selaras dengan cadangan Boateng et al. (2018) yang menegaskan bahawa pembangunan instrumen memerlukan semakan berulang bagi memastikan setiap item benar-benar mewakili konstruk yang hendak diukur.

Setelah proses semakan selesai, item-item yang telah dimuktamadkan disusun dalam bentuk soal selidik menggunakan skala linguistik *Fuzzy* sebelum diedarkan kepada panel pakar untuk tujuan penilaian. Instrumen ini kemudiannya digunakan dalam proses *Fuzzy Delphi* bagi menentukan tahap kesepakatan pakar terhadap kesesuaian setiap domain, konstruk dan item yang dicadangkan dalam Model MaSC-Hotel.

Jadual 4.8
Jadual 4.16 menunjukkan skala pengundian tujuh mata yang digunakan dalam sesi penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel. Skala ini membolehkan panel pakar memberikan tahap persetujuan yang lebih terperinci terhadap setiap domain, konstruk dan item yang dinilai. Penggunaan skala tujuh mata turut membantu meningkatkan sensitiviti pengukuran serta memudahkan pembezaan tahap penerimaan pakar terhadap komponen model yang dicadangkan (Joshi et al., 2015).

Setelah proses pengundian selesai dilaksanakan, semua borang penilaian dikumpulkan untuk tujuan pengiraan dan analisis data. Skor yang diperoleh daripada setiap panel pakar direkodkan dan disusun mengikut bahagian soal selidik yang merangkumi kesesuaian domain utama, kesesuaian domain dalam setiap konstruk, keutamaan domain serta kebolehgunaan keseluruhan model. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* bagi menentukan tahap persetujuan dan kesepakatan panel pakar terhadap Model MaSC-Hotel.

Melalui proses analisis ini, tahap penerimaan setiap komponen model dapat dikenal pasti berdasarkan skor yang diberikan oleh panel pakar. Keputusan yang diperoleh seterusnya digunakan untuk menilai tahap kebolehgunaan model serta

mengenal pasti cadangan penambahbaikan yang diperlukan sebelum model dimuktamadkan. Pendekatan ini memastikan Model MaSC-Hotel yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai asas teoritikal yang kukuh, malah memperoleh pengesahan daripada panel pakar sebelum melalui proses pengesahan industri pada peringkat seterusnya.

4.4.3.2 Profil Informan Kajian Fasa III

Fasa III melibatkan penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (Modified *Nominal Group Technique*, NGT). Seramai tujuh (7) orang pakar telah dipilih secara persampelan bertujuan *(purposive sampling)* berdasarkan kepakaran, pengalaman dan penglibatan mereka dalam bidang Pengajian Islam, Syariah, halal, hospitaliti Islam serta industri berkaitan. Pemilihan pakar secara bertujuan adalah selaras dengan cadangan Delbecq et al. (1975), Harvey dan Holmes (2012), serta Swanson dan Holton (2008) yang menegaskan bahawa peserta dalam kajian pakar hendaklah terdiri daripada individu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang relevan dengan bidang yang dikaji.

Pemilihan panel pakar dalam kajian ini turut mengambil kira kesesuaian mereka sebagai kumpulan sasaran yang berpotensi menggunakan atau menilai Model MaSC-Hotel yang dibangunkan. Oleh itu, panel pakar terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, pengamal industri halal dan individu yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan Syariah, halal serta hospitaliti Islam. Kepelbagaian latar belakang ini penting bagi memastikan penilaian kebolehgunaan model dibuat secara menyeluruh daripada pelbagai perspektif.

Dari sudut bilangan peserta, pemilihan seramai tujuh (7) orang pakar adalah bertepatan dengan cadangan Van de Ven dan Delbecq (1971), Horton (1980), Harvey dan Holmes (2012), serta Habibah et al. (2016) yang menyatakan bahawa bilangan pakar antara enam (6) hingga dua belas (12) orang adalah mencukupi untuk pelaksanaan Teknik Kumpulan Nominal. Bilangan ini juga membolehkan proses perbincangan dan pencapaian konsensus dilaksanakan secara lebih berkesan tanpa menjejaskan kualiti data yang diperoleh.

Melalui penglibatan panel pakar ini, pengkaji memperoleh maklum balas yang komprehensif berkaitan kesesuaian, kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan Model MaSC-Hotel sebelum model tersebut dimuktamadkan. Maklumat terperinci berkaitan

latar belakang dan kepakaran panel pakar yang terlibat dalam Fasa III ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Jadual 4.17
Senarai Panel Pakar Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan Model (NGT)

Bil	Nama Pakar	Jawatan	Organisasi
1	Ahmad Azizi Bharuddin	Penolong Pengarah Bahagian *Maqāṣid Syarīʿah*	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
2	Pn. Zuraini Binti Yahaya	Pengarah Bahagian *Maqāṣid Syarīʿah*	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
3	Pn. Wahida Norashikin Jamaruddin	Penolong Pengarah Bahagian *Maqāṣid Syarīʿah*	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
4	Shaharuddin M Saaid	Wakil Persatuan Pemilik Hotel Malaysia	Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)
5	Pn. Nurhayati Ab Razak	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pengurusan	Jabatan Standard Malaysia
6	En. Muhammad Nawaf Azimi	Penolong Pengurus, Bahagian Pembangunan Industri	Halal Development Corporation (HDC)
7	Pn. Nur Alyssa Coraline Yussin	Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Latihan	Islamic Tourism Centre (ITC)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 4.17 menunjukkan senarai panel pakar yang terlibat dalam Fasa III bagi tujuan penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (*Modified NGT*). Seramai tujuh (7) orang pakar telah dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang *Maqāṣid Syarīʿah*, standard halal, pengurusan hotel, pembangunan industri halal dan pelancongan Islam. Pemilihan ini bertujuan memastikan penilaian model dilaksanakan secara menyeluruh daripada pelbagai perspektif yang berkaitan secara langsung dengan pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Panel pakar yang terlibat terdiri daripada wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO), Jabatan Standard Malaysia, Halal Development Corporation (HDC) dan Islamic Tourism Centre (ITC). Penglibatan pelbagai agensi ini membolehkan model dinilai daripada aspek pematuhan Syariah, standard industri, kebolehlaksanaan operasi hotel, pembangunan industri halal serta keperluan sektor pelancongan Islam. Kepelbagaian

latar belakang kepakaran ini turut membantu memastikan model yang dibangunkan bersifat praktikal, relevan dan sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks sebenar industri.

Pemilihan pakar dalam kajian ini adalah selaras dengan pandangan Berliner (2004) dan Swanson dan Holton (2008) yang menegaskan bahawa pakar merupakan individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidang yang dikaji. Selain itu, Jeng dan Tzeng (2012) turut menyatakan bahawa penglibatan individu yang berpengalaman dapat meningkatkan ketepatan penilaian dan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Secara keseluruhannya, gabungan kepakaran daripada pelbagai agensi dan sektor ini membolehkan penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel dilaksanakan secara holistik. Pandangan yang diperoleh daripada panel pakar bukan sahaja membantu mengesahkan kesesuaian model dari sudut teori dan Syariah, malah turut menilai kebolehlaksanaan model dalam konteks sebenar industri perhotelan patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Selain memperincikan maklumat panel pakar yang terlibat, adalah penting untuk menunjukkan taburan bidang kepakaran yang diwakili dalam sesi penilaian kebolehgunaan model. Kepelbagaian bidang kepakaran ini membolehkan Model MaSC-Hotel dinilai secara lebih menyeluruh daripada perspektif Syariah, standard, industri halal, pengurusan hotel dan pelancongan Islam. Perwakilan daripada pelbagai bidang turut membantu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penilaian kerana setiap pakar menilai model berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing. Taburan bidang kepakaran panel pakar yang terlibat dalam Fasa III ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

Jadual 4.18
Bidang Kepakaran Panel Pakar NGT

Bidang Kepakaran	**Bilangan Pakar**
Maqāṣid Syarīʿah	3
Pengurusan Hotel	1
Standard dan Pensijilan	1
Industri Halal	1
Pelancongan Islam	1
Jumlah	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 4.18 menunjukkan taburan bidang kepakaran panel pakar yang terlibat dalam penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (*Modified NGT*). Daripada keseluruhan tujuh (7) orang panel pakar, tiga (3) orang mewakili bidang *Maqāṣid Syarīʿah*, manakala selebihnya terdiri daripada wakil bidang pengurusan hotel, standard dan pensijilan, industri halal serta pelancongan Islam.

Kepelbagaian bidang kepakaran ini penting bagi memastikan penilaian model dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak terhad kepada satu perspektif sahaja. Penglibatan pakar *Maqāṣid Syarīʿah* membantu memastikan setiap domain, konstruk dan item yang dicadangkan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, manakala pakar daripada sektor hotel, standard, industri halal dan pelancongan Islam menilai kesesuaian model dari aspek pelaksanaan, pematuhan piawaian serta keperluan industri semasa.

Gabungan kepakaran yang pelbagai ini selaras dengan pandangan Somerville (2007) dan George dan Pramod (2014) yang menegaskan bahawa kumpulan pakar yang heterogen mampu menghasilkan penilaian yang lebih komprehensif berbanding kumpulan yang homogen. Oleh itu, penglibatan panel pakar daripada pelbagai sektor dalam kajian ini diyakini dapat meningkatkan kesahan, kebolehpercayaan dan kebolehgunaan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang dibangunkan.

4.4.3.3 Analisis Data Fasa III: Nominal Group Technique (NGT)

Analisis data bagi Fasa III dilaksanakan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai (Modified *Nominal Group Technique*, NGT) bagi menilai tahap

kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang telah dibangunkan dalam Fasa II. Kaedah ini dipilih kerana keupayaannya memperoleh konsensus pakar secara sistematik melalui gabungan penilaian individu, perbincangan berkumpulan dan proses pemeringkatan item. Menurut Delbecq, Van de Ven dan Gustafson (1975), NGT merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan persetujuan pakar terhadap sesuatu produk, model atau cadangan yang telah dibangunkan.

Dalam kajian ini, setiap panel pakar diberikan penerangan mengenai struktur Model MaSC-Hotel yang merangkumi domain, konstruk dan item yang telah disahkan melalui Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Seterusnya, panel pakar diminta menilai kesesuaian dan kebolehgunaan model menggunakan instrumen penilaian yang dibangunkan khusus bagi tujuan tersebut. Penilaian dilakukan secara individu menggunakan skala Likert tujuh mata sebelum dibincangkan secara kolektif dalam sesi *Modified NGT*.

Data yang diperoleh daripada sesi pengundian dianalisis menggunakan Microsoft Excel. Skor bagi setiap item ditukarkan kepada bentuk peratusan bagi menentukan tahap penerimaan dan persetujuan panel pakar terhadap komponen model yang dinilai. Selain itu, analisis turut melibatkan pengiraan skor min, median dan pemeringkatan item bagi mengenal pasti komponen yang memperoleh tahap persetujuan tertinggi. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap domain, konstruk dan item yang terdapat dalam Model MaSC-Hotel.

Berdasarkan garis panduan yang dicadangkan oleh Dobbie et al. (2004), Harvey dan Holmes (2012) serta Deslandes et al. (2010), sesuatu item dianggap diterima sekiranya mencapai tahap persetujuan sekurang-kurangnya 70 peratus daripada keseluruhan panel pakar. Item yang mencapai nilai tersebut dikekalkan dalam model, manakala item yang berada di bawah tahap penerimaan akan diteliti semula dan dipertimbangkan untuk tujuan pemurnian.

Selain data kuantitatif, maklum balas dan cadangan yang dikemukakan oleh panel pakar semasa sesi perbincangan turut dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan. Gabungan dapatan kuantitatif dan kualitatif ini membolehkan penilaian kebolehgunaan model dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan sistematik.

Setelah proses penilaian *Modified NGT* selesai dilaksanakan, model yang telah dimurnikan seterusnya melalui proses pengesahan industri melalui temu bual separa

berstruktur bersama wakil industri perhotelan. Langkah ini bertujuan mendapatkan pandangan berkaitan kesesuaian, kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan Model MaSC-Hotel dalam konteks operasi sebenar industri perhotelan patuh *Syarīʿah*. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Design and Development Research (DDR)* yang menekankan kepentingan pengesahan model daripada perspektif pengguna sasaran sebelum model dimuktamadkan (Richey & Klein, 2014).

4.4.3.4 Pengesahan Industri terhadap Model MaSC-Hotel

Bagi mengukuhkan lagi kesesuaian dan kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang telah dibangunkan, sesi pengesahan industri turut dilaksanakan selepas selesai proses *Modified Nominal Group Technique (NGT)*. Langkah ini diambil selaras dengan cadangan panel pemeriksa semasa sesi Viva Voce yang mencadangkan agar model yang dibangunkan mendapat pandangan terus daripada pihak industri perhotelan patuh Syariah.

Pengesahan industri dilaksanakan melalui temu bual separa berstruktur bersama wakil pengurusan hotel yang mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan prinsip hospitaliti Islam dan pematuhan Syariah. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan mengenai kesesuaian, kebolehgunaan dan potensi pelaksanaan Model MaSC-Hotel dalam konteks operasi sebenar industri perhotelan.

Melalui sesi ini, wakil industri diminta menilai kesesuaian domain, konstruk dan item yang terkandung dalam model serta memberikan cadangan penambahbaikan sekiranya perlu. Maklum balas yang diperoleh digunakan sebagai data sokongan bagi mengesahkan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai asas teoritikal dan konsensus pakar yang kukuh, malah bersesuaian dengan keperluan serta realiti operasi industri perhotelan patuh Syariah di Malaysia.

Pendekatan ini bertepatan dengan prinsip *Design and Development Research (DDR)* yang menekankan bahawa sesuatu model pembangunan perlu dinilai bukan sahaja daripada perspektif akademik, tetapi juga daripada sudut kebolehgunaan oleh pengguna sasaran sebenar (Richey & Klein, 2014).



Rajah 4.6 Proses Penilaian Kebolehgunaan dan Pengesahan Industri Model MaSC-Hotel
Sumber: Diadaptasi daripada Richey dan Klein (2014)
dan diubah suai oleh pengkaji (2026)

Rajah 4.6 menunjukkan aliran proses penilaian kebolehgunaan dan pengesahan industri bagi Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Proses ini bermula dengan model awal yang dibangunkan melalui Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* dalam Fasa II. Model tersebut kemudiannya dinilai menggunakan *Modified Nominal Group Technique (Modified NGT)* yang melibatkan tujuh orang pakar bagi menilai kesesuaian domain, konstruk, item serta keutamaan aliran komponen model. Selain itu, penilaian turut memberi tumpuan kepada tiga aspek utama kebolehgunaan iaitu keberkesanan (*effectiveness*), kecekapan (*efficiency*) dan kepuasan pengguna (*user satisfaction*).

Hasil penilaian *Modified NGT* digunakan untuk menambah baik dan memurnikan model melalui proses pindaan terhadap domain, konstruk, item dan aliran komponen yang dicadangkan oleh panel pakar. Langkah ini bertujuan memastikan

model yang dibangunkan mempunyai kesesuaian dari sudut teori dan praktikal sebelum melalui proses pengesahan industri.

Seterusnya, model yang telah dimurnikan dibawa ke peringkat pengesahan industri melalui temu bual separa berstruktur bersama dua hingga tiga orang wakil industri perhotelan. Pengesahan ini bertujuan mendapatkan pandangan berkaitan kesesuaian model dalam konteks industri sebenar, kebolehgunaan model dalam operasi hotel, kebolehlaksanaan pelaksanaan setiap komponen serta cadangan penambahbaikan yang bersesuaian. Pendekatan ini membolehkan model dinilai bukan sahaja daripada perspektif akademik dan pakar, malah daripada sudut pengguna sebenar dalam industri perhotelan.

Maklum balas yang diperoleh daripada panel pakar dan wakil industri kemudiannya diintegrasikan bagi mengesahkan kesesuaian serta kebolehlaksanaan model secara menyeluruh. Hasil akhir proses ini ialah pembentukan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang telah melalui proses penilaian kebolehgunaan, pemurnian dan pengesahan industri, sekali gus meningkatkan kesahan, kebolehpercayaan dan potensi aplikasi model dalam industri perhotelan patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Proses ini selaras dengan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menekankan pembangunan model secara sistematik melalui penglibatan pakar dan pengguna sasaran bagi memastikan model yang dihasilkan bukan sahaja kukuh dari sudut teori, malah relevan dan boleh diaplikasikan dalam konteks sebenar (Richey & Klein, 2014; Ellis & Levy, 2010).

4.4.3.5 Ringkasan Fasa III

Secara keseluruhannya, Fasa III bertujuan menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang telah dibangunkan dalam Fasa II melalui pendekatan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan pengesahan industri. Penilaian yang melibatkan panel pakar telah membolehkan pengkaji mengenal pasti tahap kesesuaian, keberkesanan dan kebolehlaksanaan setiap domain, konstruk dan item yang membentuk model.

Selain itu, proses pengesahan industri yang melibatkan wakil pengurusan hotel memberikan nilai tambah kepada kajian dengan membolehkan model dinilai daripada perspektif pengguna sebenar dalam industri perhotelan patuh *Syarīʿah*. Maklum balas

yang diperoleh daripada kedua-dua kumpulan ini digunakan untuk memurnikan dan memuktamadkan Model MaSC-Hotel sebelum model akhir dibentangkan dalam bab dapatan kajian.

Melalui proses penilaian ini, Model MaSC-Hotel yang dibangunkan bukan sahaja memperoleh pengesahan daripada pakar akademik dan profesional, malah turut disokong oleh pihak industri. Pendekatan ini memastikan model yang dihasilkan mempunyai asas teoritikal yang kukuh, praktikal untuk dilaksanakan dan berpotensi menyumbang kepada pembangunan industri perhotelan patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

4.5 Triangulasi Kaedah Kajian

Bagi memastikan kesahan, kebolehpercayaan dan ketekalan dapatan kajian, penyelidik melaksanakan triangulasi kaedah kajian dengan menggabungkan pelbagai sumber data dan pendekatan analisis yang digunakan sepanjang proses pembangunan Model MaSC-Hotel. Triangulasi ini melibatkan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan temu bual pengesahan industri. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian disemak dan disahkan melalui pelbagai sumber serta perspektif yang berbeza, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan ketepatan model yang dibangunkan.

4.6 Etika Penyelidikan

Kajian ini melibatkan manusia sebagai responden dan informan, justeru pematuhan terhadap prinsip etika penyelidikan merupakan aspek yang amat penting sepanjang proses kajian dijalankan. Semua prosedur pengumpulan data dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta prinsip etika penyelidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (APA, 2020). Pematuhan terhadap garis panduan ini bertujuan memastikan hak, kesejahteraan, maruah dan kerahsiaan setiap peserta kajian sentiasa terpelihara.

Sebelum proses pengumpulan data dilaksanakan, penyelidik telah memperoleh kebenaran rasmi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan UiTM. Setiap peserta kajian yang terlibat dalam temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan sesi pengesahan industri diberikan penerangan

yang jelas berkaitan tujuan kajian, prosedur pelaksanaan, bentuk penglibatan yang diperlukan serta hak mereka sebagai peserta kajian. Persetujuan dimaklum (*informed consent*) diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan dan semua peserta diberikan kebebasan untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi negatif.

Bagi menjamin kerahsiaan maklumat, identiti peserta kajian tidak didedahkan dalam mana-mana laporan atau penerbitan yang berkaitan dengan kajian ini. Sebaliknya, kod pengenalan digunakan bagi menggantikan nama sebenar peserta. Semua data kajian termasuk rakaman audio, transkrip temu bual, borang soal selidik, dokumen dan rekod penilaian pakar disimpan dalam bentuk digital yang dilindungi kata laluan dan hanya boleh diakses oleh penyelidik. Data tersebut akan disimpan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh universiti sebelum dilupuskan secara selamat bagi menjaga privasi peserta kajian.

Selain itu, penyelidik turut memastikan bahawa tiada unsur paksaan, eksploitasi, diskriminasi atau konflik kepentingan berlaku sepanjang pelaksanaan kajian. Semua dapatan dianalisis dan dilaporkan secara objektif tanpa sebarang manipulasi data atau kecenderungan yang boleh menjejaskan integriti penyelidikan. Prinsip menghormati autonomi peserta, keadilan (justice), kebajikan (beneficence) dan tidak memudaratkan (non-maleficence) dijadikan panduan utama dalam pelaksanaan kajian ini.

Melalui pematuhan terhadap prinsip-prinsip etika tersebut, kajian ini bukan sahaja memenuhi standard akademik dan profesional yang ditetapkan, malah mencerminkan tanggungjawab moral penyelidik dalam memastikan integriti ilmiah, ketelusan penyelidikan dan penghormatan terhadap hak peserta kajian sentiasa terpelihara sepanjang proses pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

4.6.1 Persetujuan Termaklum (*Informed Consent*)

Persetujuan termaklum (*informed consent*) merupakan salah satu prinsip asas dalam etika penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini, sebelum sebarang proses temu bual, soal selidik *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan sesi pengesahan industri dijalankan, semua peserta diberikan penerangan yang jelas mengenai tujuan, objektif, prosedur dan kepentingan kajian. Mereka turut dimaklumkan tentang bentuk

penglibatan yang diperlukan, tempoh masa yang terlibat, serta hak mereka sebagai peserta kajian.

Bagi memastikan penyertaan dibuat secara sukarela, setiap peserta diberikan borang persetujuan termaklum yang mengandungi maklumat berkaitan kajian, termasuk hak untuk menolak atau menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi negatif. Peserta juga diberikan peluang untuk mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan lanjut sebelum membuat keputusan untuk menyertai kajian. Proses ini dilaksanakan bagi memastikan setiap peserta memahami sepenuhnya skop kajian dan memberikan persetujuan secara sukarela tanpa sebarang unsur paksaan.

Pelaksanaan persetujuan termaklum dalam kajian ini adalah selaras dengan prinsip menghormati autonomi individu (respect for persons) yang menekankan hak peserta untuk membuat keputusan secara bebas dan bermaklumat (APA, 2020). Selain itu, pendekatan ini turut membantu mewujudkan hubungan yang berasaskan kepercayaan antara penyelidik dan peserta kajian, sekali gus meningkatkan ketelusan serta integriti proses penyelidikan.

Oleh itu, persetujuan termaklum bukan sekadar memenuhi keperluan prosedur etika penyelidikan, malah berfungsi sebagai mekanisme penting dalam melindungi hak, kebajikan dan maruah peserta kajian. Melalui pelaksanaan prosedur ini, kajian dapat dijalankan secara bertanggungjawab serta mematuhi standard etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan amalan penyelidikan antarabangsa.

Bagi tujuan pematuhan etika penyelidikan, setiap peserta kajian telah diberikan Borang Persetujuan Termaklum (*Informed Consent Form*) sebelum sesi temu bual, *Fuzzy Delphi* Method *(FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan pengesahan industri dijalankan. Borang tersebut mengandungi maklumat berkaitan tujuan kajian, prosedur pelaksanaan, hak peserta, kerahsiaan data serta keizinan rakaman. Salinan borang persetujuan termaklum yang digunakan dalam kajian ini disertakan seperti berikut:



BORANG PERSETUJUAN TERMAKLUM (INFORMED CONSENT)

TAJUK KAJIAN: Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah Berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia (MaSC-Hotel)

PENYELIDIK: Siti Nur Husna Abd Rahman Calon Doktor Falsafah (PhD) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM)

TUJUAN KAJIAN

Tuan/Puan dijemput untuk menyertai kajian ini yang bertujuan membangunkan dan menilai Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah Berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia (MaSC-Hotel). Penglibatan tuan/puan adalah sebagai pakar atau wakil industri yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah, halal, hospitaliti Islam, pelancongan Islam atau industri perhotelan.

PROSEDUR KAJIAN

Sekiranya tuan/puan bersetuju untuk menyertai kajian ini, tuan/puan mungkin akan terlibat dalam satu atau lebih aktiviti berikut:

1. Temu bual separa berstruktur;
2. Penilaian soal selidik Fuzzy Delphi Method (FDM);
3. Sesi Modified Nominal Group Technique (NGT);
4. Temu bual pengesahan model;
5. Semakan dan penilaian model yang dibangunkan.

MASA PENGLIBATAN

Tempoh penglibatan dianggarkan antara 30 hingga 90 minit bagi setiap sesi yang dijalankan.

KERAHSIAAN DAN ANONIMITI

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan sepenuhnya. Identiti peserta tidak akan didedahkan dalam tesis, laporan atau penerbitan yang berkaitan. Sebaliknya, kod pengenalan akan digunakan bagi menggantikan nama peserta

KEIZINAN RAKAMAN

Sesi temu bual atau perbincangan boleh dirakam bagi tujuan transkripsi dan analisis data. Rakaman tersebut hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan dan akan disimpan secara selamat oleh penyelidik.

PENYERTAAN SECARA SUKARELA

Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela. Tuan/Puan berhak menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi atau penalti.

PERAKUAN PESERTA KAJIAN

Saya telah membaca dan memahami maklumat yang diberikan. Saya bersetuju untuk menyertai kajian ini secara sukarela.

Nama Peserta : _____
Jawatan : _____
Organisasi : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

PERAKUAN PENYELIDIK

Saya mengesahkan bahawa maklumat berkaitan kajian ini telah diterangkan kepada peserta dan segala pertanyaan telah dijawab dengan jelas.

Nama Penyelidik: Siti Nur Husna Abd Rahman
Tandatangan: _____
Tarikh: _____

Rajah 4.7 Borang Persetujuan Termaklum (*Informed Consent Form*)
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 4.7 menunjukkan Borang Persetujuan Termaklum (*Informed Consent Form*) yang digunakan dalam kajian ini sebagai sebahagian daripada pematuhan terhadap etika penyelidikan. Borang ini diberikan kepada semua peserta kajian sebelum pengumpulan data dijalankan bagi memastikan mereka memahami tujuan kajian, prosedur pelaksanaan, bentuk penglibatan yang diperlukan, hak peserta, serta jaminan kerahsiaan maklumat yang diberikan. Melalui borang ini, peserta turut dimaklumkan mengenai keizinan rakaman, penggunaan data untuk tujuan akademik dan hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Penggunaan borang persetujuan termaklum ini memastikan proses pengumpulan data dilaksanakan secara sukarela, telus dan selaras dengan prinsip etika penyelidikan yang ditetapkan.

4.6.2 Kerahsiaan dan Anonimitas

Kerahsiaan dan anonimitas merupakan prinsip penting dalam memastikan integriti penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini, identiti semua peserta dilindungi sepenuhnya dengan tidak mendedahkan nama sebenar individu, organisasi atau institusi yang terlibat. Sebaliknya, kod pengenalan atau pseudonim digunakan dalam transkrip temu bual, borang soal selidik, jadual

analisis dan laporan penyelidikan bagi memastikan identiti peserta tidak dapat dikenal pasti oleh pihak lain. Pendekatan ini selaras dengan garis panduan etika penyelidikan yang digariskan oleh American Psychological Association (APA, 2020) dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Bagi menjamin keselamatan data, semua maklumat yang diperoleh sepanjang kajian diurus dan disimpan mengikut prosedur pengurusan data penyelidikan yang ditetapkan. Data elektronik seperti transkrip temu bual, fail analisis NVivo, fail Microsoft Excel FDM, rekod penilaian *Modified NGT* dan dokumen sokongan disimpan dalam komputer yang dilindungi kata laluan. Manakala dokumen bercetak dan rakaman audio disimpan di lokasi yang selamat dan hanya boleh diakses oleh penyelidik. Langkah ini dilaksanakan bagi mengelakkan akses tanpa kebenaran, kehilangan data atau kebocoran maklumat yang boleh menjejaskan hak privasi peserta kajian.

Selain itu, semua maklumat yang diperoleh daripada peserta digunakan hanya untuk tujuan akademik dan penyelidikan. Sebarang data yang diterbitkan dalam tesis, laporan atau penerbitan ilmiah dipersembahkan dalam bentuk agregat atau menggunakan kod pengenalan tanpa mendedahkan identiti peserta. Pendekatan ini memastikan maklumat yang dikongsi oleh peserta tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan mana-mana individu atau organisasi tertentu.

Penyelidik menyedari bahawa pemeliharaan kerahsiaan dan anonimitas bukan sekadar memenuhi keperluan etika penyelidikan, malah merupakan tanggungjawab profesional dan moral dalam menjaga kepercayaan peserta kajian. Oleh itu, semua langkah yang sewajarnya telah diambil bagi memastikan hak privasi peserta sentiasa terpelihara, sekali gus meningkatkan integriti, kredibiliti dan kebolehpercayaan dapatan kajian yang diperoleh.

4.6.3 Integriti Data

Integriti data merupakan salah satu prinsip asas dalam etika penyelidikan yang menuntut semua data dikumpulkan, direkodkan, dianalisis dan dilaporkan secara tepat, telus serta bebas daripada sebarang bentuk manipulasi. Dalam kajian ini, semua data yang diperoleh daripada analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan temu bual pengesahan industri direkodkan dan diurus secara sistematik bagi memastikan ketepatan serta keaslian maklumat yang diperoleh.

Bagi pengumpulan data temu bual, semua sesi dirakam dengan kebenaran peserta dan ditranskripsikan secara verbatim untuk mengekalkan kandungan asal yang disampaikan oleh informan. Kaedah transkripsi verbatim digunakan bagi memastikan setiap maklumat, pandangan dan pengalaman yang dikongsikan direkodkan dengan tepat tanpa pengurangan atau pengubahsuaian yang boleh menjejaskan maksud asal data. Langkah ini turut membantu meningkatkan ketepatan analisis dan mengurangkan risiko salah tafsir semasa proses pengekodan dan pembentukan tema.

Selain itu, semua data mentah, transkrip, borang soal selidik, fail analisis dan dokumen sokongan disimpan dalam bentuk asal bagi membolehkan proses semakan dan pengesahan dilakukan sekiranya diperlukan. Data dianalisis berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan tanpa sebarang pengubahsuaian, pemalsuan atau pengguguran maklumat yang boleh mempengaruhi dapatan kajian. Pendekatan ini penting bagi memastikan keputusan yang diperoleh benar-benar mencerminkan pandangan peserta dan realiti yang dikaji.

Penyelidik turut memastikan bahawa semua dapatan dilaporkan secara jujur, objektif dan beretika tanpa sebarang unsur fabrikasi, falsifikasi atau plagiarisme. Pematuhan terhadap prinsip integriti data ini bukan sahaja meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, malah mencerminkan komitmen penyelidik terhadap amalan penyelidikan yang bertanggungjawab serta pemeliharaan standard integriti akademik yang tinggi.

4.6.4 Keizinan Rakaman dan Penyimpanan Data

Keizinan rakaman dan penyimpanan data merupakan aspek penting dalam memastikan integriti, ketelusan dan pematuhan etika sepanjang proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, semua rakaman audio, dokumen dan maklumat sokongan hanya dikumpulkan selepas mendapat persetujuan daripada peserta kajian. Sebelum sesi temu bual dijalankan, penyelidik memberikan penerangan mengenai tujuan rakaman, kaedah penggunaan data, prosedur penyimpanan serta langkah-langkah yang diambil bagi melindungi kerahsiaan maklumat peserta. Pendekatan ini memastikan setiap peserta memahami sepenuhnya proses yang terlibat sebelum memberikan persetujuan secara sukarela.

Rakaman temu bual dilaksanakan menggunakan peralatan digital yang sesuai bagi memastikan data yang diperoleh jelas dan berkualiti untuk tujuan transkripsi dan

analisis. Semua fail rakaman disimpan dalam komputer penyelidik yang dilindungi kata laluan dan hanya boleh diakses oleh penyelidik. Sebagai langkah keselamatan tambahan, data turut disandarkan dalam medium simpanan yang selamat bagi mengelakkan kehilangan data akibat kerosakan teknikal atau faktor luar jangka. Bagi mengekalkan anonimitas peserta, fail rakaman dan dokumen sokongan disimpan menggunakan kod pengenalan tanpa merujuk kepada identiti sebenar peserta kajian.

Selain itu, penyelidik menetapkan tempoh penyimpanan data mengikut garis panduan etika penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Semua rakaman audio, transkrip temu bual, borang soal selidik dan dokumen penyelidikan akan disimpan untuk tempoh yang ditetapkan sebelum dilupuskan secara selamat. Proses pelupusan dilakukan melalui pemadaman kekal fail digital dan pemusnahan dokumen bercetak bagi memastikan maklumat yang diperoleh tidak boleh diakses atau dipulihkan semula oleh mana-mana pihak.

Pelaksanaan prosedur keizinan rakaman dan penyimpanan data ini mencerminkan komitmen penyelidik dalam memelihara hak peserta kajian, menjaga kerahsiaan maklumat serta memastikan semua data diurus secara bertanggungjawab. Langkah-langkah ini turut membantu meningkatkan integriti penyelidikan dan memastikan pematuhan terhadap prinsip etika yang ditetapkan sepanjang pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

4.6.5 Etika Pelaporan dan Penulisan Kajian

Etika pelaporan dan penulisan kajian merupakan aspek penting dalam memastikan integriti akademik serta kejujuran ilmiah sepanjang proses penyelidikan. Dalam kajian ini, semua data yang diperoleh dilaporkan secara objektif tanpa sebarang manipulasi, fabrikasi atau pengubahsuaian yang boleh menjejaskan kesahan dapatan. Penyelidik memastikan setiap petikan, data temu bual dan hasil analisis dipersembahkan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada sumber asal dengan mengekalkan konteks sebenar yang disampaikan oleh peserta kajian. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan salah tafsir dan memastikan dapatan kajian mencerminkan realiti yang dikaji.

Selain itu, penyelidik mematuhi prinsip integriti akademik dengan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua sumber rujukan yang digunakan dalam kajian. Setiap teori, konsep, model dan dapatan kajian terdahulu yang dirujuk

dinyatakan secara lengkap mengikut format rujukan APA Edisi Ketujuh. Amalan ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan sarjana terdahulu, malah membantu mengelakkan berlakunya plagiarisme serta memastikan ketelusan dalam pelaporan penyelidikan.

Dalam aspek pelaporan dapatan, penyelidik turut memastikan bahawa kekuatan, kelemahan, batasan dan cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian dilaporkan secara telus. Menurut Creswell dan Creswell (2023), ketelusan dalam pelaporan penyelidikan merupakan elemen penting bagi meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan sesuatu kajian. Oleh itu, semua dapatan kajian dilaporkan berdasarkan bukti empirikal yang diperoleh tanpa dipengaruhi oleh andaian atau kecenderungan peribadi penyelidik.

Penyelidik juga memastikan bahawa proses penulisan tesis dilaksanakan dengan mematuhi prinsip kejujuran, ketepatan dan tanggungjawab akademik. Semua analisis, interpretasi dan perbincangan yang dikemukakan adalah berdasarkan data yang diperoleh sepanjang kajian. Pematuhan terhadap etika pelaporan dan penulisan kajian ini penting bagi memastikan hasil penyelidikan yang dihasilkan mempunyai tahap integriti yang tinggi serta dapat menyumbang secara bermakna kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan amalan dalam bidang perhotelan patuh Syariah.

4.6.6 Kelulusan Jawatankuasa Etika

Sebagai satu bentuk jaminan pematuhan terhadap prinsip etika penyelidikan, kajian ini telah memperoleh kelulusan rasmi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebelum sebarang proses pengumpulan data dilaksanakan. Kelulusan ini merupakan prasyarat penting bagi memastikan bahawa setiap prosedur penyelidikan mematuhi garis panduan etika universiti dan standard antarabangsa yang berkaitan. Semua aktiviti penyelidikan seperti pemberian borang persetujuan termaklum, pelaksanaan temu bual separa berstruktur, edaran soal selidik *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, serta sesi *Nominal Group Technique (NGT)* dijalankan mengikut prosedur yang telah disemak dan diluluskan oleh jawatankuasa etika. Semua dokumen berkaitan, termasuk borang persetujuan informan, garis panduan etika penyelidikan, dan surat kelulusan rasmi, difailkan serta disimpan dengan teratur sebagai rekod sokongan bagi tujuan pengesahan atau audit akademik pada masa hadapan.

Proses mendapatkan kelulusan etika pada peringkat awal penyelidikan mengambil masa yang agak panjang kerana melibatkan semakan mendalam terhadap

instrumen kajian, justifikasi penggunaan kaedah pengumpulan data, serta penilaian risiko terhadap informan. Walaupun proses ini kelihatan birokratik, penyelidik mendapati ia amat penting dalam memastikan semua instrumen dan prosedur benar-benar menepati prinsip etika universiti. Melalui proses ini, beberapa penambahbaikan turut dilakukan terhadap kandungan borang persetujuan, struktur soalan temu bual, dan tatacara keselamatan data, bagi memastikan penyelidikan dijalankan dengan tahap profesionalisme yang tinggi.

Penyelidik mendapati bahawa proses kelulusan etika bukanlah halangan kepada kelancaran kajian, sebaliknya satu bentuk perlindungan akademik dan moral yang menjamin keselamatan semua pihak yang terlibat. Ia memberi keyakinan bahawa penyelidikan ini dijalankan dengan penuh tanggungjawab, telus, dan menghormati hak informan sebagai subjek kajian. Tambahan pula, kelulusan ini meningkatkan kredibiliti penyelidikan kerana ia menunjukkan bahawa setiap langkah telah melalui penilaian bebas oleh pihak berautoriti.

Secara reflektif, penyelidik menyedari bahawa kelulusan etika bukan sekadar prosedur formal, tetapi manifestasi integriti akademik yang memastikan kajian dijalankan secara sah, selamat, dan beretika. Mekanisme ini turut membina kepercayaan informan, yang dimaklumkan bahawa kajian mereka dilindungi di bawah pemantauan jawatankuasa etika rasmi. Kesedaran ini menjadikan penyelidik lebih peka terhadap tanggungjawab moral dan profesional, seterusnya memperkukuh reputasi akademik serta keabsahan kajian yang dijalankan.

4.6.7 Rumusan Etika Penyelidikan

Secara keseluruhannya, aspek etika penyelidikan dalam kajian ini telah dilaksanakan secara sistematik dan berterusan sepanjang proses penyelidikan. Pematuhan terhadap prinsip persetujuan termaklum (*informed consent*), kerahsiaan dan anonimitas, integriti data, keizinan rakaman, penyimpanan data, etika pelaporan serta kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan telah memastikan bahawa hak, kebajikan dan maruah peserta kajian sentiasa dipelihara. Langkah-langkah ini bukan sahaja memenuhi keperluan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), malah selaras dengan amalan penyelidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pematuhan terhadap prinsip etika turut membantu meningkatkan tahap kepercayaan peserta kajian, sekali gus membolehkan data yang diperoleh dikumpulkan dalam suasana yang telus, selamat dan bertanggungjawab. Selain melindungi kepentingan peserta kajian, pelaksanaan etika penyelidikan yang sistematik turut menyumbang kepada peningkatan kesahan, kebolehpercayaan dan kredibiliti dapatan kajian yang diperoleh.

Oleh itu, aspek etika penyelidikan yang diamalkan dalam kajian ini menjadi asas penting dalam memastikan pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dilaksanakan secara berintegriti, beretika dan mematuhi standard akademik yang ditetapkan. Pematuhan terhadap prinsip-prinsip ini turut memperkukuh keabsahan keseluruhan proses penyelidikan serta meningkatkan keyakinan terhadap dapatan dan model yang dibangunkan.

4.7 Rumusan Bab

Bab ini telah menghuraikan secara terperinci metodologi penyelidikan yang digunakan dalam membangunkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* Jenis II yang dilaksanakan secara sistematik melalui tiga fasa utama. Fasa pertama, iaitu Analisis Keperluan, memberi tumpuan kepada proses mengenal pasti isu, jurang pengetahuan dan keperluan industri melalui analisis dokumen serta temu bual pakar. Fasa kedua, iaitu Reka Bentuk dan Pembangunan, melibatkan pembentukan domain, konstruk dan item model menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)* bagi memperoleh konsensus pakar terhadap elemen yang dicadangkan. Fasa ketiga, iaitu Penilaian Kebolehgunaan, dilaksanakan menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* bagi menilai kesesuaian, keberkesanan dan kebolehgunaan model yang telah dibangunkan. Bagi memperkukuh lagi kesahan model, proses pengesahan industri turut dilaksanakan melalui temu bual bersama wakil industri perhotelan bagi menilai kebolehlaksanaan model dalam konteks operasi sebenar.

Selain itu, bab ini turut menghuraikan aspek populasi dan sampel kajian, prosedur pengumpulan data, kaedah penganalisisan data serta strategi triangulasi yang digunakan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Pendekatan triangulasi yang menggabungkan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified NGT* dan pengesahan industri membolehkan model

yang dibangunkan dinilai daripada pelbagai perspektif, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan ketepatan dapatan kajian.

Bab ini juga menjelaskan aspek etika penyelidikan yang melibatkan persetujuan termaklum (*informed consent*), kerahsiaan dan anonimitas peserta, integriti data, keizinan rakaman, penyimpanan data, etika pelaporan serta pematuhan terhadap kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pelaksanaan aspek etika ini memastikan hak, kebajikan dan maruah peserta kajian sentiasa dipelihara sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

Secara keseluruhannya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang sah, boleh dipercayai dan berdaya guna. Pendekatan yang digunakan bukan sahaja menekankan kesahan akademik dan konsensus pakar, malah mengambil kira realiti serta keperluan sebenar industri perhotelan patuh Syariah di Malaysia. Bab 5 seterusnya akan membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada setiap fasa penyelidikan, termasuk hasil analisis keperluan, konsensus pakar, penilaian kebolehgunaan model dan pengesahan industri yang menjadi asas kepada pembentukan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

BAB 5
DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui tiga fasa utama yang telah dihuraikan dalam Bab Empat, iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, serta Fasa Penilaian Kebolehgunaan Model. Dapatan ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif secara triangulasi, melibatkan analisis dokumen, temu bual pakar, soal selidik *Fuzzy Delphi (FDM)*, serta sesi perbincangan berstruktur melalui Teknik Kumpulan Nominal (NGT).

Bagi tujuan penjelasan yang lebih sistematik, dapatan kajian ini disusun mengikut tema dan subtema utama yang muncul daripada analisis data. Setiap dapatan disokong dengan petikan terus daripada informan dan seterusnya diinterpretasikan secara kritikal berdasarkan kerangka teori dan literatur. Selain itu, dapatan turut dipetakan kepada kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* bagi menilai sejauh mana Model MaSC-Hotel ini berupaya melindungi aspek *Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-ʾIrḍ*, dan *Hifẓ al-Māl*.

Secara keseluruhannya, bab ini berperanan penting dalam membuktikan keberkesanan metodologi yang digunakan, memperlihatkan kekuatan serta cabaran yang dihadapi oleh industri, dan menjadi asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel yang lebih praktikal serta berlandaskan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

5.2 Fasa I : Analisis Keperluan

5.2.1 Analisa Dokumen

Berdasarkan analisis terhadap MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021), pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen *Ḥifẓ al-Dīn* merupakan komponen yang paling dominan dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Kesemua dokumen memberi penekanan terhadap penyediaan kemudahan ibadah seperti arah kiblat, sejadah, telekung, jadual waktu solat dan musolla bagi

memastikan pelanggan Muslim dapat melaksanakan tuntutan agama dengan sempurna. Selain itu, dokumen-dokumen tersebut turut menekankan penyediaan makanan halal, kemudahan bersuci dan persekitaran yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dari segi skop dan tahap perincian, keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa pemeliharaan agama merupakan asas utama dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Oleh itu, elemen-elemen ini disintesiskan sebagai cadangan item awal yang kemudiannya diperhalusi melalui temu bual pakar dan *Fuzzy Delphi Method (FDM)*.

Jadual 5.1
Analisis Elemen Hotel Patuh *Syarīʿah* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Domain Maqāṣid / Elemen	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
***ḌARŪRIYYĀT* : *Ḥifẓ al-Dīn* (Pemeliharaan Agama)**									
1	Menyediakan sejadah, telekung dan kain pelekat	✓	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓
2	Tanda arah kiblat yang jelas	✓	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓
3	Jadual waktu solat di dalam bilik	✓	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓
4	Menyediakan musolla yang selesa	✓	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓
5	Menyediakan juadah iftar dan sahur pada Ramadan	✓	✓	–	–	–	–	✓	✓
6	Kemudahan wuduk dan mandi wajib	✓	✓	✓	–	–	–	✓	✓
7	Kemudahan sertu (penyucian najis mughallazah)	✓	✓	–	–	–	✓	✓	✓
8	Lokasi berhampiran masjid bagi Solat Jumaat	–	✓	–	–	–	–	✓	✓
9	Menyediakan al-Quran dan terjemahan	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Bil.	Domain Maqāṣid / Elemen	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
10	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan prinsip Islam	–	–	–	–	–	–	✓	✓
11	Dekorasi hotel tidak bercanggah dengan prinsip Islam	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Nota Jadual:
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021), serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Jadual 5.2
Analisis Elemen *Ḥifẓ al-Nafs* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Elemen / Prasarana Berkaitan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
ḌARŪRIYYĀT : *Ḥifẓ al-Nafs* (Pemeliharaan Nyawa)									
1	Menyediakan makanan dan minuman halal	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓	✓
2	Mempunyai Pensijilan Halal Malaysia (JAKIM)	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓	✓
3	Restoran diiktiraf halal	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓	✓
4	Menyediakan ruang riadah seperti gimnasium dan kolam renang	✓	✓	–	–	–	–	✓	✓
5	Menjaga kebersihan bilik dan kawasan hotel	✓	✓	✓	–	–	✓	✓	✓
6	Menyediakan kawalan keselamatan (pengawal keselamatan, CCTV dan kawalan akses)	–	–	–	–	–	–	✓	✓
7	Menyediakan sistem keselamatan kebakaran (alat pengesan asap dan pemadam api)	–	–	–	–	–	–	✓	✓
8	Menyediakan SOP dan pengurusan situasi kecemasan	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Bil.	Elemen / Prasarana Berkaitan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
9	Melaksanakan larangan merokok di kawasan tertentu	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Nota:
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Analisis terhadap dokumen menunjukkan bahawa *Ḥifẓ al-Nafs* memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kebersihan serta kesejahteraan pelanggan sepanjang menggunakan perkhidmatan hotel. Hampir semua dokumen menekankan penyediaan makanan halal, kebersihan premis dan penyediaan restoran yang memenuhi keperluan halal. Di samping itu, Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) memberikan penekanan tambahan terhadap aspek keselamatan seperti sistem kawalan keselamatan, prosedur kecemasan dan pencegahan kebakaran. MPPHM pula memperkukuhkan aspek keselamatan makanan melalui pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Dalaman. Sintesis ini menunjukkan bahawa pemeliharaan nyawa bukan sahaja melibatkan perlindungan fizikal pelanggan, bahkan merangkumi keselamatan makanan, kebersihan dan pengurusan risiko dalam operasi hotel.

Jadual 5.3
Analisis Elemen *Ḥifẓ al-'Aql* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Elemen / Prasarana Berkaitan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
ḌARŪRIYYĀT : *Ḥifẓ al-'Aql* (Pemeliharaan Akal)									
1	Menyediakan rancangan televisyen yang bersifat informatif dan bermanfaat	–	–	–	–	–	–	✓	✓
2	Menyediakan ruang bacaan atau bahan ilmiah	–	–	–	–	–	–	✓	✓
3	Tidak menyediakan minuman beralkohol di restoran, kafe dan mini bar	✓	✓	✓	–	–	✓	✓	✓
4	Melarang pelanggan membawa masuk minuman beralkohol ke kawasan hotel	✓	✓	✓	–	–	–	✓	✓
5	Melarang penyalahgunaan dadah dan bahan memabukkan di kawasan hotel	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Nota:
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Berdasarkan analisis literatur dan dokumen, elemen *Ḥifẓ al-'Aql* memberi fokus kepada usaha memelihara pemikiran dan akhlak pelanggan daripada perkara yang boleh merosakkan akal. Hampir semua dokumen memberi penekanan terhadap larangan penyediaan dan penggunaan minuman beralkohol di kawasan hotel. Selain itu, beberapa dokumen turut menyarankan penyediaan bahan bacaan dan kandungan media yang bersifat mendidik sebagai usaha memperkukuhkan pembangunan intelektual pelanggan. Walaupun aspek ini kurang dihuraikan secara menyeluruh dalam beberapa piawaian, pengkaji mendapati bahawa pemeliharaan akal merupakan elemen penting dalam memastikan persekitaran hotel sentiasa selari dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu, elemen-elemen ini dimasukkan sebagai cadangan awal sebelum melalui proses pengesahan pakar.

Jadual 5.4
Analisis Elemen *Ḥifẓ al-'Irḍ* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Elemen / Prasarana Berkaitan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
ḌARŪRIYYĀT : *Ḥifẓ al-'Irḍ* (Pemeliharaan Maruah)									
1	Melarang pasangan yang tidak mempunyai hubungan mahram atau perkahwinan yang sah berkongsi bilik	✓	✓	✓	–	–	–	✓	✓
2	Mengasingkan kemudahan seperti kolam renang, gimnasium dan spa mengikut jantina atau jadual penggunaan	✓	✓	–	–	–	–	✓	✓
3	Bebas daripada aktiviti rekreasi dan permainan yang menggalakkan pergaulan bebas	–	–	–	–	–	–	✓	✓
4	Bebas daripada hiburan yang melalaikan atau bercanggah dengan prinsip Syariah	–	✓	–	–	–	–	✓	✓
5	Memastikan etika pemakaian yang sopan dan menutup aurat bagi kakitangan	–	–	–	–	–	–	✓	✓
6	Menyediakan polisi pematuhan Syariah berkaitan pergaulan dan tingkah laku di premis hotel	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Nota:
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Hasil analisis mendapati bahawa *Ḥifẓ al-'Irḍ* memberi penekanan terhadap pemeliharaan maruah, akhlak dan batas pergaulan dalam persekitaran hotel. Antara elemen yang dikenal pasti ialah larangan pasangan yang tidak mempunyai hubungan perkahwinan yang sah berkongsi bilik, pengasingan kemudahan rekreasi mengikut jantina serta kawalan terhadap aktiviti hiburan yang bercanggah dengan prinsip Syariah. Walaupun tidak semua dokumen menghuraikan aspek ini secara terperinci, Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) memberikan penekanan yang lebih jelas terhadap pelaksanaan polisi sosial berteraskan Syariah. Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji mensintesiskan elemen-elemen ini sebagai komponen penting dalam pembentukan hotel patuh *Syarīʿah* yang memelihara maruah individu dan masyarakat.

Jadual 5.5
Analisis Elemen *Ḥifẓ al-Māl* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Elemen / Prasarana Berkaitan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
ḌARŪRIYYĀT : Ḥifẓ al-Māl (Pemeliharaan Harta)									
1	Menyediakan peti keselamatan (safety box) di dalam bilik	–	–	–	–	–	–	✓	✓
2	Menyediakan bilik kebal atau ruang simpanan aset yang selamat	–	–	–	–	–	–	✓	✓
3	Melaksanakan rondaan keselamatan secara berkala	–	–	–	–	–	–	✓	✓
4	Melaksanakan kawalan pintu masuk ke kawasan hotel	–	–	–	–	–	–	✓	✓
5	Menggunakan sistem kawalan akses seperti lif beroperasi menggunakan kad akses	–	–	–	–	–	–	✓	✓
6	Melaksanakan sistem pembayaran dan transaksi kewangan yang telus serta mematuhi prinsip Syariah	–	–	–	–	–	–	✓	✓
7	Menggunakan pembiayaan dan urus niaga kewangan berasaskan prinsip Islam	–	–	–	–	–	–	✓	✓

Nota
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Analisis terhadap dokumen menunjukkan bahawa elemen *Ḥifẓ al-Māl* memfokuskan kepada perlindungan harta pelanggan dan organisasi melalui penyediaan sistem keselamatan yang berkesan. Antara elemen yang dikenal pasti termasuk penyediaan peti keselamatan di dalam bilik, kawalan akses ke kawasan hotel, rondaan keselamatan serta penggunaan teknologi seperti kad akses dan CCTV. Selain itu, beberapa dokumen turut menekankan kepentingan tadbir urus kewangan yang telus dan berintegriti sebagai sebahagian daripada pemeliharaan harta. Sintesis ini menunjukkan bahawa perlindungan harta bukan sahaja melibatkan keselamatan fizikal aset, malah merangkumi pengurusan kewangan dan operasi yang beretika.

Jadual 5.6
Analisis Elemen *Ḥājiyyāt* Berdasarkan Polisi, Piawaian dan Garis Panduan serta Sintesis Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Bil.	Konstruk / Elemen	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Model MaSC-Hotel
ḤĀJIYYĀT (Keperluan Pelengkap)									
1	Strategi pemasaran berteraskan nilai Islam	–	–	–	✓	–	–	✓	✓
2	Ekosistem halal yang menyeluruh	–	–	–	✓	–	✓	✓	✓
3	Integriti dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan	–	–	–	–	–	✓	✓	✓
4	Aset dan prasarana yang menyokong perkhidmatan patuh Syariah	✓	✓	✓	✓	✓	–	✓	✓

Nota
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Dapatan analisis menunjukkan bahawa elemen *Ḥājiyyāt* berfungsi sebagai pelengkap kepada keperluan asas yang terdapat dalam kategori *Ḍarūriyyāt*. Dokumen yang dianalisis memberi penekanan terhadap aspek strategi pemasaran, pembangunan ekosistem halal, pengurusan aset dan penyediaan prasarana yang menyokong pengalaman pelanggan Muslim. Walaupun elemen-elemen ini tidak dikategorikan secara khusus sebagai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam semua dokumen, pengkaji mendapati bahawa ia memainkan peranan penting dalam meningkatkan keselesaan, kemudahan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Oleh itu, elemen-elemen ini disintesiskan sebagai komponen sokongan yang akan dinilai dengan lebih mendalam pada fasa pembangunan model.

Jadual 5.7
Analisis Elemen *Taḥsīniyyāt* Berdasarkan Sorotan Literatur, Polisi dan Piawaian Hotel Patuh *Syarīʿah*

Bil.	Elemen / Pengurusan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Literatur
TAḤSĪNIYYĀT									
1	Pengurusan Pentadbiran								
	Melantik Penasihat Syariah	✓	–	–	–	–	–	✓	✓
	Menyediakan hala tuju organisasi	✓	–	–	–	–	–	✓	✓
2	Pengurusan Kewangan dan Sumber								
	Sumber kewangan daripada sumber halal	–	–	–	–	–	✓	✓	✓
	Pengagihan sumber secara adil dan berintegriti	–	–	–	–	–	✓	✓	✓
3	Pengurusan Sumber Manusia								
	Personaliti menarik	–	–	–	–	–	–	✓	✓
	Berbudi bahasa dan bersopan santun	–	–	–	–	–	–	✓	✓
	Berkomunikasi dengan baik	–	–	–	–	–	–	✓	✓
	Mengambil berat pelanggan	–	–	–	–	–	–	✓	✓
	Tentatif perjalanan berpusatkan Muslim	–	–	–	✓	–	–	✓	✓

Bil.	Elemen / Pengurusan	MS2610:2015	CrescentRating 2020	Salam Standard 2017	IQS	Tripez 2013	MPPHM	GP Perhotelan & Pelancongan 2021	Sintesis Literatur
4	Pengurusan Operasi								
	Pengurusan hotel	–	–	–	✓	–	–	✓	✓
	Pakej pelancongan	–	–	–	✓	✓	–	✓	✓
	Pemandu pelancong berlesen	–	–	–	✓	✓	–	✓	✓
5	Pengurusan Aset dan Prasarana								
	Keselamatan bangunan, aset dan peralatan	✓	✓	✓	–	–	–	✓	✓

Nota
✓ = Dinyatakan dalam dokumen
– = Tidak dinyatakan secara khusus
Sumber: Diadaptasi daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) serta dianalisis berdasarkan perspektif *Maqāṣid Syarīʿah* oleh Siti Nur Husna (2026).

Analisis terhadap sorotan literatur menunjukkan bahawa elemen *Taḥsīniyyāt* memberi tumpuan kepada usaha memperindah dan mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan hotel melalui amalan terbaik dalam pengurusan organisasi. Antara elemen yang dikenal pasti ialah pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi serta pengurusan aset dan prasarana. Walaupun elemen-elemen ini tidak dihuraikan secara seragam dalam semua polisi dan piawaian, keseluruhannya menekankan kepentingan tadbir urus yang baik, etika kerja, profesionalisme dan peningkatan kualiti perkhidmatan. Berdasarkan analisis tersebut, pengkaji mensintesiskan elemen *Taḥsīniyyāt* sebagai asas kepada pembentukan nilai tambah dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* sebelum melalui proses pengesahan pakar dalam fasa seterusnya.

5.2.2 Hasil Dapatan Analisis Dokumen

Analisis dokumen ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penerapan prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah* dalam pelbagai piawaian dan garis panduan berkaitan hotel patuh *Syarīʿah*. Dokumen yang dianalisis terdiri daripada MS2610:2015, CrescentRating Standard (2020), Salam Standard (2017), Islamic Quality Standard (IQS), Tripez Travel (2013) serta Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021). Kesemua dokumen ini dibandingkan berdasarkan tujuh komponen utama Maqāṣid al-*Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt* (penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta), *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*.

1. *Ḍarūriyyāt*: Penjagaan Agama (*Ḥifẓ al-Dīn*)

Dapatan menunjukkan bahawa hampir semua dokumen memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan ibadah asas seperti sejadah, telekung, arah kiblat yang sah, jadual waktu solat dan kemudahan muṣallā. Piawaian MS2610:2015, CrescentRating, Salam Standard serta Garis Panduan 2021 menitikberatkan aspek ini. Dalam konteks puasa, hanya sebahagian piawaian antarabangsa seperti CrescentRating dan Salam Standard menekankan penyediaan juadah iftār dan saḥūr. Aspek penyediaan kemudahan sertu dan mandi wajib pula hanya ditekankan dalam MS2610:2015 dan Garis Panduan 2021. Piawaian tempatan turut menegaskan larangan meletakkan kitab suci selain al-Qurʾān di bilik hotel serta dekorasi yang tidak bercanggah dengan ajaran

Islam. Secara keseluruhan, piawaian tempatan didapati lebih menyeluruh dari segi penjagaan agama berbanding piawaian antarabangsa.

2. *Ḍarūriyyāt*: Penjagaan Nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*)

Semua piawaian menekankan keperluan makanan dan minuman halal serta pensijilan halal bagi dapur dan restoran hotel. Aspek kebersihan juga dititikberatkan dalam semua dokumen. Namun begitu, aspek keselamatan seperti kawalan kebakaran, sistem kecemasan dan kawalan keselamatan yang berkesan hanya ditekankan dengan jelas dalam Garis Panduan 2021 dan MS2610:2015. Piawaian antarabangsa lebih menekankan aspek keselesaan dan kemudahan fizikal tanpa perincian mendalam mengenai keselamatan nyawa.

3. *Ḍarūriyyāt*: Penjagaan Akal (*Ḥifẓ al-ʿaql*)

Penjagaan akal ditunjukkan melalui larangan penyediaan dan penggunaan minuman beralkohol di restoran, kafe dan mini-bar. Semua dokumen utama termasuk MS2610:2015, CrescentRating dan Salam Standard mematuhi prinsip ini. Namun, hanya Garis Panduan 2021 menunjukkan penekanan terhadap penyediaan rancangan televisyen berinformasi dan ruang bacaan, menggambarkan pemeliharaan nilai intelektual dan moral pelanggan Muslim.

4. *Ḍarūriyyāt*: Penjagaan Keturunan (*Ḥifẓ al-nasl*)

Item penjagaan keturunan turut diberi perhatian dalam beberapa dokumen, terutamanya MS2610:2015 dan Garis Panduan 2021. Kedua-duanya menetapkan larangan pasangan bukan maḥram berkongsi bilik serta keperluan pemisahan jadual penggunaan kemudahan rekreasi seperti kolam renang dan gimnasium mengikut jantina. Piawaian antarabangsa seperti CrescentRating dan Salam Standard kurang menonjolkan aspek ini secara khusus. Tambahan pula, larangan hiburan melalaikan hanya terdapat dalam piawaian tempatan, menunjukkan kepekaan terhadap nilai moral masyarakat Islam tempatan.

5. *Ḍarūriyyāt:* Penjagaan Harta (*Ḥifẓ al-māl*)

Aspek penjagaan harta lebih dominan dalam Garis Panduan 2021 dengan penekanan kepada keselamatan aset seperti peti keselamatan di bilik, sistem akses kad

lif, rondaan keselamatan dan kawalan pintu masuk. Piawaian antarabangsa memberi tumpuan terhad terhadap keselamatan fizikal, namun dokumen tempatan lebih komprehensif dalam memastikan harta pelanggan dan organisasi terpelihara.

6. *Ḥājiyyāt*

Aspek *Ḥājiyyāt* atau keperluan pelengkap hanya disebut dalam beberapa piawaian seperti IQS dan Garis Panduan 2021. Item yang dikenal pasti ialah strategi pemasaran hotel Islamik dan pembangunan ekosistem halal. Ini menunjukkan usaha piawaian tempatan memperluas perspektif pematuhan *Syarīʿah* bukan sahaja dari segi operasi tetapi juga dari sudut promosi dan strategi korporat.

7. *Taḥsīniyyāt*

Item *Taḥsīniyyāt* menumpukan kepada aspek pentadbiran, kewangan, sumber manusia, operasi perkhidmatan dan pengurusan aset. Dapatan menunjukkan hanya MS2610:2015 dan Garis Panduan 2021 menekankan keperluan melantik penasihat *Syarīʿah* serta memastikan sumber kewangan yang halal dan pengurusan yang berintegriti. Piawaian ini turut menitikberatkan latihan dan sikap positif pekerja hotel yang melambangkan keperibadian Islam. Dari segi operasi, keperluan pemandu pelancong berlesen dan prasarana selamat juga ditekankan.

Analisis ini membuktikan bahawa MS2610:2015 dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) merupakan piawaian paling menyeluruh dan seimbang dalam mengintegrasikan semua dimensi *Maqāṣid al-Sharīʿah*. Piawaian antarabangsa seperti CrescentRating Standard dan Salam Standard lebih menumpukan kepada keperluan asas pelanggan Muslim tanpa merangkumi keseluruhan aspek pentadbiran, keselamatan, dan pembangunan moral yang ditekankan dalam piawaian tempatan. Justeru, kedua-dua dokumen tempatan ini berpotensi besar dijadikan asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel.

5.2.3 Analisis Temu Bual Pakar

Untuk memahami keperluan pembangunan Model MaSc-Hotel, temu bual separa berstruktur telah dijalankan bersama pakar-pakar dalam bidang pengurusan hotel, pensijilan *Syarīʿah*, dan penyelidikan Islamik. Soalan temu bual dirancang berdasarkan objektif kajian bagi memperoleh pandangan pakar mengenai pengalaman mereka,

polisi/model sedia ada, cabaran pelaksanaan, serta keperluan kriteria pembangunan model baharu.

Jadual berikut menyenaraikan tema dan subtema utama, soalan temu bual yang dikemukakan, serta petikan jawapan pakar, yang memberikan gambaran komprehensif tentang pandangan dan cadangan mereka dalam konteks pembangunan Model MaSc-Hotel.

Jadual 5.8
Soalan Temu Bual dan Petikan Respons Pakar Terpilih

Soalan Temu Bual	Petikan Temu Bual Pakar Yang Terpilih
1. Boleh Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan ceritakan pengalaman Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan dalam bidang serta institusi ini? 2. Apakah polisi/model yang dikeluarkan dalam institusi Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan?	"Bagi saya, *hotel Muslim-friendly* hanya pastikan makanan halal dan ada arah kiblat, tapi masih jual arak dan hiburan. Kalau *Syarīʿah*-compliant, ia kena kawal semua aspek, bukan setakat makanan." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
3. Adakah terdapat polisi/Model MaSC-Hotel yang berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di institusi Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan? Jika ada, boleh cerita dengan lebih lanjut berkaitan polisi/model tersebut dan kaedah pelaksanaannya?	"Setiap hotel ada tafsiran sendiri. Ada yang cukup dengan sejadah dan kiblat, sudah kata *Syarīʿah*-compliant. Ada pula yang tegas, larang hiburan bercampur. Jadi siapa tentukan standard sebenar?" (P2, Ketua Penolong Pengarah, JSM)
4. Jika polisi/model ada, adakah ia perlu penambahbaikan? Jika tiada, apakah cabaran yang dihadapi institusi?	"Nak latih staf tentang *Syarīʿah*, sediakan fasiliti khas, memang perlukan kos besar. Itu cabaran utama." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)
4. Jika polisi/model ada, adakah ia perlu penambahbaikan? Jika tiada, apakah cabaran yang dihadapi institusi?	"Kami kena fikir juga tetamu bukan Muslim. Ada yang rasa terkongkong bila ada larangan alkohol dan hiburan tertentu." (P3, Pengarah Bahagian, ITC)
5. Apakah keperluan kriteria pembangunan Model MaSC-Hotel berdasarkan konsep *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?	"Hotel patuh *Syarīʿah* bukan setakat halal food. Ia kena pastikan suasana membantu pelanggan solat, ibadah, dan elak maksiat." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)
5. Apakah keperluan kriteria pembangunan Model MaSC-Hotel berdasarkan konsep *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia?	"Kalau hotel patuh *Syarīʿah*, kena kawal hiburan yang boleh rosakkan moral. Jangan ada aktiviti yang bercampur bebas." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
4. Jika perlu, mengapakah model tersebut perlu dibangunkan? Jika tidak perlu, mengapa?	"Industri perlukan satu model rasmi yang standard, jadi semua hotel boleh ikut tanpa tafsiran sendiri-sendiri." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
4. Jika perlu, mengapakah model tersebut perlu dibangunkan? Jika tidak perlu, mengapa?	"Model kena realistik, jangan terlalu ideal sampai industri tak mampu ikut. Kena ada keseimbangan." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa isu utama yang menekankan kekeliruan konsep hotel patuh *Syarīʿah*, cabaran pelaksanaan, serta keperluan pembangunan model baharu berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pakar menekankan perbezaan antara *hotel Muslim-friendly* dan *Syarīʿah-compliant*, cabaran kos operasi, latihan staf, serta penerimaan pelanggan bukan Muslim.

Selain itu, integrasi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* seperti menjaga agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), dan nilai sosial (*Ḥifẓ al-'Irḍ*) dilihat penting untuk memastikan operasi hotel mematuhi *Syarīʿah* secara menyeluruh. Akhirnya, pakar mencadangkan pembangunan model rasmi yang standard, praktikal, dan seimbang antara teori dan realiti industri bagi memudahkan penguatkuasaan dan pensijilan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Hasil analisis temu bual pakar menggunakan kaedah InVivo coding telah menghasilkan empat tema utama dan lapan subtema yang menggambarkan pandangan menyeluruh pakar terhadap pelaksanaan serta cabaran pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Proses penjanaan tema dijalankan berasaskan ungkapan sebenar informan bagi mengekalkan keaslian makna serta memastikan interpretasi penyelidik selaras dengan konteks sebenar pengalaman dan pengetahuan pakar dalam bidang ini.

Tema pertama, iaitu Kekeliruan Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah*, menunjukkan bahawa wujud ketidaksefahaman dalam mendefinisikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* dalam kalangan pengamal industri dan pihak berautoriti. Melalui subtema *Muslim-friendly vs. Syarīʿah-compliant,* pakar menjelaskan bahawa konsep Muslim-friendly hanya menumpukan kepada aspek asas seperti penyediaan makanan halal dan arah kiblat, sedangkan konsep *Syarīʿah*-compliant merangkumi keseluruhan operasi termasuk larangan arak dan hiburan tidak beretika. Subtema Piawaian Tidak Seragam pula menonjolkan ketiadaan garis panduan atau standard tunggal yang dapat dijadikan rujukan menyeluruh. Setiap hotel mempunyai tafsiran tersendiri terhadap pelaksanaan *Syarīʿah*, yang akhirnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan dan pihak industri.

Tema kedua, iaitu Cabaran Pelaksanaan, memperlihatkan bahawa walaupun kesedaran terhadap kepentingan hotel patuh *Syarīʿah* semakin meningkat, pelaksanaannya masih berhadapan dengan beberapa kekangan utama. Subtema Kos Operasi dan Latihan Staf menonjolkan bahawa pelaksanaan prinsip *Syarīʿah* menuntut perbelanjaan tambahan untuk latihan kakitangan serta penyediaan prasarana khas seperti ruang solat, kemudahan wuduk dan pemisahan aktiviti lelaki serta perempuan.

Subtema Penerimaan Pelanggan Bukan Muslim pula mencerminkan cabaran sosial dan komersial apabila sesetengah tetamu bukan Muslim merasakan larangan alkohol dan hiburan tertentu sebagai bentuk kekangan terhadap kebebasan mereka. Dapatan ini menggambarkan keperluan kepada pendekatan seimbang yang mengekalkan nilai *Syarīʿah* tanpa menjejaskan keterbukaan industri pelancongan.

Tema ketiga, Integrasi Maqāṣid al-*Syarīʿah* dalam Amalan Hotel, memperlihatkan kesedaran pakar bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* perlu berpaksikan kepada prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah* yang sebenar. Melalui subtema Menjaga Agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), pakar menegaskan bahawa pelaksanaan *Syarīʿah* bukan sekadar pada penyediaan makanan halal tetapi juga perlu memastikan suasana hotel membantu pelanggan menunaikan solat, beribadah, dan menjauhi maksiat. Seterusnya, subtema Menjaga Akal dan Nilai Sosial (*Ḥifẓ al-ʿAql* & *Ḥifẓ al-Nasl*) menekankan keperluan hotel untuk mengawal bentuk hiburan dan aktiviti sosial agar tidak bercanggah dengan nilai moral Islam. Ini menunjukkan bahawa prinsip Maqāṣid bukan sahaja menjadi panduan teori, malah perlu diterjemahkan ke dalam amalan pengurusan dan operasi hotel secara menyeluruh.

Tema keempat, Keperluan kepada Model Baharu, menggambarkan aspirasi semua pakar agar diwujudkan satu model pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* yang seragam dan praktikal. Subtema Keseragaman Piawaian dan Pensijilan mencadangkan keperluan mewujudkan satu standard rasmi yang dapat diguna pakai oleh semua pengusaha hotel, sekali gus mengatasi kekeliruan tafsiran konsep. Subtema Keseimbangan Teori dan Realiti Industri pula menegaskan bahawa model baharu yang dibangunkan perlu realistik dan tidak terlalu idealistik sehingga sukar dilaksanakan oleh pihak industri. Justeru, keseimbangan antara keperluan *Syarīʿah* dan realiti ekonomi perlu diberi perhatian bagi menjamin kelestarian pelaksanaan model tersebut.

Secara keseluruhannya, hasil temu bual pakar ini menegaskan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia masih berada pada tahap yang memerlukan penyelarasan konsep, piawaian serta pendekatan praktikal yang berpaksikan Maqāṣid al-*Syarīʿah*. Kajian ini menunjukkan bahawa kekeliruan konsep dan cabaran pelaksanaan menjadi halangan utama kepada perkembangan industri, manakala kesedaran terhadap integrasi prinsip *Syarīʿah* dan keperluan model baharu menjadi asas penting bagi pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, holistik dan diterima secara menyeluruh oleh semua pihak. Berikut adalah Jadual 5.9

ringkasan tema, subtema dan petikan temu bual pakar bagi analisis keperluan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.9
Ringkasan Tema, Subtema dan Petikan Temu Bual Pakar Bagi Analisis Keperluan Hotel Patuh *Syarīʿah*

Tema	**Subtema**	**Petikan Temu Bual Pakar**
Tema 1: Kekeliruan Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah*	Subtema 1.1: *Muslim-friendly vs. Syarīʿah-compliant*	"Bagi saya, hotel *Muslim-friendly* hanya pastikan makanan halal dan ada arah kiblat, tapi masih jual arak dan hiburan. Kalau *Syarīʿah-compliant*, ia kena kawal semua aspek, bukan setakat makanan." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
	Subtema 1.2: Piawaian Tidak Seragam	"Setiap hotel ada tafsiran sendiri. Ada yang cukup dengan sejadah dan kiblat, sudah kata *Syarīʿah-compliant*. Ada pula yang tegas, larang hiburan bercampur. Jadi siapa tentukan standard sebenar?" (P2, Ketua Penolong Pengarah, JSM)
Tema 2: Cabaran Pelaksanaan	Subtema 2.1: Kos Operasi dan Latihan Staf	"Nak latih staf tentang *Syarīʿah*, sediakan fasiliti khas, memang perlukan kos besar. Itu cabaran utama." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)
	Subtema 2.2: Penerimaan Pelanggan Bukan Muslim	"Kami kena fikir juga tetamu bukan Muslim. Ada yang rasa terkongkong bila ada larangan alkohol dan hiburan tertentu." (P3, Pengarah Bahagian, ITC)
Tema 3: Integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Amalan Hotel	Subtema 3.1: Menjaga Agama (*Ḥifẓ al-Dīn*)	"Hotel patuh *Syarīʿah* bukan setakat halal food. Ia kena pastikan suasana membantu pelanggan solat, ibadah, dan elak maksiat." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)
	Subtema 3.2: Menjaga Akal & Nilai Sosial (*Ḥifẓ al-ʿAql* & *Ḥifẓ al-'Irḍ*)	"Kalau hotel patuh *Syarīʿah*, kena kawal hiburan yang boleh rosakkan moral. Jangan ada aktiviti yang bercampur bebas." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
Tema 4: Keperluan kepada Model Baharu	Subtema 4.1: Keseragaman Piawaian & Pensijilan	"Industri perlukan satu model rasmi yang standard, jadi semua hotel boleh ikut tanpa tafsiran sendiri-sendiri." (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)
	Subtema 4.2: Keseimbangan Teori dan Realiti Industri	"Model kena realistik, jangan terlalu ideal sampai industri tak mampu ikut. Kena ada keseimbangan." (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Berdasarkan Jadual 5.9, dapatan temu bual pakar yang diringkaskan melalui tema dan subtema di atas memberikan asas penting kepada pembentukan model Hotel Patuh *Syarīʿah* berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Fasa II kajian ini.

Pertama, tema "Kekeliruan Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah*" membantu penyelidik mengenal pasti keperluan untuk menetapkan takrif dan piawaian yang seragam antara konsep Muslim-friendly dan *Syarīʿah*-compliant. Penjelasan ini akan menjadi item utama dalam pembinaan komponen konseptual model, khususnya bagi dimensi *Hifẓ al-Dīn* dan *Hifẓ al-Nafs*.

Kedua, tema "Cabaran Pelaksanaan" menyoroti isu kos operasi, latihan staf dan penerimaan pelanggan bukan Muslim. Maklumat ini menyumbang kepada pembangunan strategi pelaksanaan model yang realistik serta seimbang antara keperluan *Syarīʿah* dan tuntutan pasaran, sejajar dengan prinsip *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*.

Ketiga, tema "Integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Amalan Hotel" memberikan kerangka langsung bagi pemetaan item-item *Maqāṣid Syarīʿah* (penjagaan agama, nyawa, maruah, akal, dan keturunan) ke dalam komponen praktikal hotel, seperti pengurusan operasi, hiburan, dan prasarana. Ini akan digunakan sebagai asas kepada dimensi dan indikator model Fasa II.

Akhir sekali, tema "Keperluan kepada Model Baharu" mengesahkan justifikasi kajian ini, iaitu keperluan mewujudkan satu model piawaian hotel patuh *Syarīʿah* yang seragam, holistik dan berasaskan realiti industri. Justeru, dapatan ini menjadi panduan utama bagi reka bentuk, konstruk dan hubungan antara komponen model yang akan dibangunkan dalam Fasa II.

5.2.4 Kebolehpercayaan Pengekodan Data (*Inter-Coder Reliability*)

Bagi menjamin kebolehpercayaan analisis data kualitatif, kajian ini melaksanakan proses kebolehpercayaan antara pengekod (*inter-coder reliability*) menggunakan indeks Cohen's Kappa (κ). Penyelidik utama dengan bantuan pengekod bebas telah dilibatkan dalam proses pengekodan awal transkrip temu bual bagi memastikan ketepatan dan keseragaman dalam tafsiran data. Penyelidik utama kemudiannya menyemak dan menyelaraskan kod yang telah dibangunkan bagi memastikan setiap tema mencerminkan makna sebenar data.

Pada peringkat awal temubual iaitu temu bual bersama P1 yang merupakan seorang ahli akademik dan P2 dari Jabatan Standart Malaysia, nilai Cohen's Kappa yang diperoleh ialah 0.68, menunjukkan tahap persetujuan yang substantif antara pengekod. Selepas sesi perbincangan dan penyelarasan kod dilaksanakan bersama P3 iaitu ITC dan

P4 dari JAKIM, nilai tersebut meningkat kepada 0.82. Menurut Landis dan Koch (1977), nilai ini berada pada tahap *almost perfect agreement*, manakala McHugh (2012) menegaskan bahawa nilai $\kappa \geq 0.80$ dianggap sebagai tahap persetujuan yang sangat baik dalam penyelidikan kualitatif. Penemuan ini menunjukkan bahawa proses pengekodan kajian ini mencapai konsistensi yang tinggi antara pengekod dan bebas daripada bias tafsiran individu.

Selain itu, hasil pengekodan turut disemak melalui kaedah *peer debriefing* dan *audit trail* bagi memastikan setiap keputusan analisis mempunyai justifikasi yang jelas. Pendekatan ini disarankan oleh Creswell dan Poth (2018) serta Nowell et al. (2023) sebagai amalan terbaik dalam menjamin kebolehpercayaan dan ketelusan analisis kualitatif. Oleh itu, tahap kebolehpercayaan yang dicapai dalam kajian ini membuktikan bahawa proses analisis data dijalankan secara sistematik, telus, dan boleh diulang dengan tahap konsistensi yang tinggi.

Berikut ialah Jadual 5.10 yang menunjukkan nilai Cohen's Kappa bagi kebolehpercayaan pengekodan data.

Jadual 5.10
Nilai Cohen's Kappa Bagi Kebolehpercayaan Pengekodan Data

Peringkat Proses	**Nilai Cohen's Kappa (κ)**	**Interpretasi**
Pengekodan awal	0.68	Substantif (*substantial agreement*)
Selepas penyelarasan kod	0.82	Hampir sempurna (*almost perfect*)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Proses penyelarasan kod mendapati bahawa perbezaan tafsiran antara pengekod berpunca daripada kewujudan kod yang terlalu umum, khususnya berkaitan piawaian hotel dan polisi hiburan. Perbincangan bersama pengekod bebas membawa kepada pembentukan semula manual kod (*codebook*) yang lebih jelas, termasuk takrifan operasional yang diperketat bagi setiap tema dan subtema. Melalui proses ini, kod yang pada asalnya bertindih atau kabur telah digabungkan, diperkemas, dan ditakrifkan semula dengan lebih sistematik. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan nilai Cohen's Kappa, tetapi turut memperkukuh aspek *dependability* dan *credibility* sebagaimana digariskan oleh Lincoln dan Guba (1985) dalam kerangka *trustworthiness* penyelidikan kualitatif.

Proses ini menunjukkan bahawa analisis kualitatif tidak boleh bergantung kepada interpretasi penyelidik semata-mata, sebaliknya memerlukan disiplin metodologi yang ketat dan sistematik. Pada peringkat awal, kod yang dibina dianggap jelas dan mencukupi, namun perbezaan tafsiran antara pengekod menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Dapatan ini mengesahkan bahawa pembangunan manual kod serta penyelenggaraan *audit trail* merupakan komponen penting dalam menjamin kebolehpercayaan dapatan, seperti disarankan oleh Nowell et al. (2023) serta Korstjens dan Moser (2018). Melalui proses penyelarasan ini, kesepakatan kod yang lebih kukuh dapat dicapai di samping meningkatkan ketelusan dan kebolehkesanan analisis.

Nilai Cohen's Kappa yang tinggi selepas penyelarasan, iaitu 0.82, memberikan keyakinan bahawa tema dan subtema yang dihasilkan adalah stabil, konsisten, dan bebas daripada bias individu. Tahap ini mencapai kategori almost perfect agreement menurut Landis dan Koch (1977), dan berada di atas piawaian minimum yang disarankan oleh McHugh (2012) iaitu ≥ 0.80 sebagai tahap persetujuan yang sangat baik. Hal ini menunjukkan bahawa proses pengekodan data dalam kajian ini mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi, sekaligus memperkukuh kredibiliti dan kesahihan dapatan.

Dengan itu, dapatan daripada analisis temu bual dapat diyakini sebagai refleksi yang sahih, mantap, dan boleh dipercayai, sekali gus memberikan asas empirikal yang kukuh bagi pembinaan model hotel patuh *Syarīʿah* berteraskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*.

Bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh berhubung dapatan Fasa I, tema dan subtema yang diperoleh melalui analisis dokumen serta temu bual pakar diringkaskan dalam bentuk jadual. Ringkasan ini bukan sahaja memaparkan tema, subtema, dan petikan temu bual pakar, tetapi turut menunjukkan kaitannya dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* serta tahap kebolehpercayaan pengekodan data berdasarkan nilai Cohen's Kappa. Penyertaan item kebolehpercayaan ini penting untuk menegaskan bahawa tema dan subtema yang dihasilkan adalah stabil, konsisten, dan bebas daripada bias individu.

5.2.5 Hasil Dapatan Temu Bual Pakar

Selain analisis dokumen, temu bual pakar dijalankan sebagai sebahagian daripada Fasa I untuk mendapatkan perspektif yang lebih mendalam dan praktikal mengenai pembangunan Model MaSC-Hotel. Penglibatan pakar dalam bidang *Syarīʿah*, perhotelan, pensijilan halal, dan pelancongan Islam amat penting kerana mereka mempunyai pengalaman langsung dalam mengurus, menilai, dan melaksanakan amalan patuh *Syarīʿah* di lapangan. Seperti yang ditekankan oleh Nieveen (2019), penglibatan pakar dalam fasa awal penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (*Design and Development Research*) adalah kritikal bagi memastikan model yang dibangunkan bersifat relevan, praktikal dan tidak terpisah daripada realiti industri sebenar.

Temu bual ini melibatkan pakar daripada pelbagai latar belakang termasuk ahli akademik dalam bidang *Syarīʿah* dan hospitaliti, pengurus hotel yang berpengalaman mengendalikan hotel mesra Muslim, serta wakil daripada badan pensijilan halal seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan *Islamic Tourism Centre* (ITC). Kepelbagaian latar belakang ini menjadikan dapatan yang diperoleh lebih holistik kerana setiap pakar menilai isu hotel patuh *Syarīʿah* daripada sudut keilmuan, operasi dan polisi (Sulaiman, 2020; Razalli, Abd Rahman & Adnan, 2024). Menurut Sulaiman (2020), triangulasi pandangan pakar merupakan kaedah berkesan untuk meningkatkan ketepatan, kebolehpercayaan dan keberkesanan sesuatu model penyelidikan reka bentuk.

Hasil temu bual menunjukkan beberapa tema utama yang penting untuk membina Model MaSC-Hotel yang berteraskan Maqasid. Pertama, para pakar menekankan kepentingan penyediaan kemudahan ibadah yang lengkap seperti arah kiblat, sejadah, jadual waktu solat, serta ruang solat yang bersih dan kondusif. Hal ini dianggap sebagai asas utama dalam memastikan hotel benar-benar patuh *Syarīʿah* kerana ia secara langsung menyokong pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*). Penemuan ini disokong oleh kajian Hamzah et al. (2023) dan Farid & Azli (2025) yang mendapati kemudahan ibadah menjadi indikator paling signifikan dalam persepsi pelancong Muslim terhadap kualiti perkhidmatan hotel Islamik.

Kedua, isu makanan halal menjadi keutamaan utama dalam temu bual. Para pakar bersetuju bahawa pensijilan halal daripada badan berautoriti seperti JAKIM meningkatkan keyakinan pelanggan Muslim dan memastikan integriti operasi hotel. Ia juga melindungi reputasi hotel daripada krisis halal yang boleh menjejaskan

kepercayaan pelanggan (Ibrahim & Haneef, 2022). Dapatan ini selaras dengan hasil penyelidikan Abdul Aziz & Kamaruddin (2023) yang menegaskan bahawa pengurusan halal bukan sekadar memenuhi keperluan undang-undang, tetapi menjadi instrumen penting dalam membina nilai kepercayaan (trust capital) antara hotel dan pelanggan Muslim.

Ketiga, aspek keselamatan, privasi dan etika perkhidmatan turut menjadi item penting. Para pakar menjelaskan bahawa pelanggan Muslim amat menitikberatkan persekitaran yang selamat, layanan yang berhemah, serta pemisahan ruang antara lelaki dan wanita di kawasan awam seperti kolam renang, spa dan pusat kecergasan. Pendekatan ini bertepatan dengan pemeliharaan nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) dan maruah (*Ḥifẓ al-'Irḍ*). Tambahan pula, latihan pekerja dalam etika Islam, adab komunikasi, dan kesedaran budaya dianggap amat penting bagi memastikan pengalaman pelanggan selari dengan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* (Yusof & Kamarulzaman, 2023; Latiff et al., 2025).

Walaupun kesedaran terhadap keperluan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* semakin meningkat, pakar turut menyoroti beberapa cabaran kritikal. Antaranya termasuk kos operasi yang tinggi untuk penyediaan fasiliti tambahan, kekurangan tenaga kerja terlatih dalam bidang hospitaliti Islam, serta ketiadaan garis panduan yang seragam antara agensi (Sharif & Hussin, 2020). Tambahan pula, tahap pelaksanaan masih tidak konsisten antara hotel bertaraf antarabangsa dan hotel tempatan, menyebabkan pematuhan *Syarīʿah* kadangkala hanya berlaku pada tahap kosmetik atau simbolik. Laporan Islamic Tourism Centre (2024) turut mengesahkan bahawa jurang pelaksanaan ini berpunca daripada ketiadaan mekanisme pemantauan yang standard dan kekangan sumber dalam kalangan pengusaha kecil.

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa keperluan terhadap pembangunan model baharu adalah signifikan dan mendesak. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan industri, tahap keseragaman serta integrasi nilai *Maqāṣid Syarīʿah* dalam amalan perhotelan masih belum menyeluruh. Pakar menegaskan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* perlu diintegrasikan bukan sahaja pada dimensi ibadah (*Hifẓ al-Dīn*), tetapi turut merangkumi perlindungan akal (*Hifẓ al-ʿAql*) melalui kawalan terhadap alkohol dan aktiviti tidak bermoral, perlindungan nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) melalui aspek keselamatan dan kebersihan, penjagaan maruah serta privasi (*Ḥifẓ al-'Irḍ*), serta jaminan terhadap harta dan kelestarian ekonomi (*Hifẓ al-Māl*).

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual pakar ini menegaskan bahawa pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* mesti berasaskan kefahaman komprehensif terhadap prinsip Islam dan realiti operasi industri. Para pakar sebulat suara menyatakan bahawa aspek kemudahan ibadah, makanan halal, keselamatan, privasi dan etika perkhidmatan merupakan item kritikal yang perlu dijadikan teras model. Dalam masa yang sama, cabaran berkaitan kos, latihan pekerja, dan konsistensi pelaksanaan perlu ditangani secara strategik melalui kolaborasi antara kerajaan, badan pensijilan dan penggiat industri. Refleksi ini membuktikan bahawa suara pakar adalah item penting dalam membimbing pembentukan Model MaSC-Hotel yang praktikal, menyeluruh, serta berupaya memperkukuh daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam global (Razalli et al., 2024; Farid & Azli, 2025).

Hasil daripada analisis dokumen dan temu bual pakar, empat tema utama dengan lapan subtema telah dikenal pasti. Tema-tema ini mencerminkan isu-isu kritikal yang wujud dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia, di samping memperlihatkan jurang antara garis panduan rasmi dengan realiti industri.

Tema 1: Kekeliruan Konsep Hotel Patuh *Syarīʿah*

Subtema 1.1: *Muslim-friendly* vs. *Syarīʿah-compliant*

Analisis dokumen seperti MS2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services Standard mendapati istilah *Muslim-friendly* sering digunakan sebagai label pemasaran, namun ia tidak semestinya mencerminkan kepatuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh. CrescentRating (2020) juga menekankan bahawa banyak hotel hanya menyediakan makanan halal dan kemudahan asas seperti arah kiblat, tetapi masih menawarkan alkohol serta hiburan yang bercanggah dengan prinsip Islam.

Pandangan ini turut disokong melalui temu bual bersama pakar daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menyatakan:

> *"Bagi saya, hotel Muslim-friendly hanya pastikan makanan halal dan ada arah kiblat, tapi masih jual arak dan hiburan. Kalau Syarīʿah-compliant, ia kena kawal semua aspek, bukan setakat makanan."*
>
> (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan JAKIM)

Kedua-dua sumber menunjukkan bahawa kekeliruan konsep telah menimbulkan salah faham dalam kalangan pelanggan, di samping memberi ruang kepada pengusaha untuk mengambil pendekatan minimum dalam pematuhan *Syarīʿah*. Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini menyentuh *Hifẓ al-Dīn* kerana ibadah serta gaya hidup Muslim tidak dilindungi sepenuhnya apabila kepatuhan hanya terbatas kepada aspek makanan halal.

Subtema 1.2: Piawaian Tidak Seragam

Analisis terhadap Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) menunjukkan bahawa meskipun garis panduan telah diperkenalkan, tahap pelaksanaan masih berbeza antara hotel. Malah, dokumen-dokumen seperti Islamic Quality Standard (2013) dan Salam Standard (2015) juga menggunakan kriteria berbeza yang menyebabkan kekeliruan dalam menentukan definisi hotel patuh *Syarīʿah* yang sebenar.

Seorang pakar daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM) turut menegaskan:

> *"Setiap hotel ada tafsiran sendiri. Ada yang cukup dengan sejadah dan kiblat, sudah kata Syarīʿah-compliant. Ada pula yang tegas, larang hiburan bercampur. Jadi siapa tentukan standard sebenar?"*
>
> (P2, Ketua Penolong Pengarah JSM)

Ketiadaan piawaian yang seragam bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelanggan, malah mendorong kepada persaingan tidak sihat. Dari sudut *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini berkait rapat dengan *Hifẓ al-Māl* kerana pelanggan berisiko membayar harga premium tanpa jaminan sebenar terhadap tahap kepatuhan *Syarīʿah* yang ditawarkan oleh hotel.

Tema 2: Cabaran Pelaksanaan

Subtema 2.1: Kos Operasi dan Latihan Staf

Analisis dokumen seperti MS2610:2015 dan Islamic Quality Standard (2013) menunjukkan bahawa pelaksanaan piawaian hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan penyediaan fasiliti khusus (ruang solat, kemudahan wuduk, pemisahan ruang rekreasi) serta latihan pekerja dalam perkhidmatan mesra Muslim. Keperluan ini sudah tentu

melibatkan kos yang besar, terutamanya bagi hotel kecil dan sederhana yang mempunyai kekangan sumber kewangan.

Hal ini turut disahkan oleh pandangan pakar akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang menegaskan:

> *"Nak latih staf tentang Syarīʿah, sediakan fasiliti khas, memang perlukan kos besar. Itu cabaran utama."*
>
> (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)

Kajian terdahulu oleh Stephenson (2014) serta Battour dan Ismail (2016) menunjukkan bahawa kos operasi dan latihan staf merupakan antara faktor utama yang memperlahankan pertumbuhan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini turut disokong oleh kajian terkini yang menegaskan bahawa kekangan kewangan dan keperluan latihan sumber manusia menjadi cabaran utama dalam pelaksanaan amalan hospitaliti patuh Syariah secara menyeluruh (Rahman et al., 2021; Han et al., 2020). Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini berkait rapat dengan *Hifẓ al-Māl* kerana kos pelaksanaan yang tinggi berpotensi menjejaskan kelangsungan operasi perniagaan. Analisis menunjukkan bahawa tanpa sokongan kerajaan, insentif kewangan, atau kerjasama strategik dengan agensi pensijilan halal, kebanyakan hotel berdepan kesukaran untuk melaksanakan pematuhan *Syarīʿah* secara komprehensif.

Subtema 2.2: Penerimaan Pelanggan Bukan Muslim

Selain kos, cabaran lain yang timbul ialah penerimaan pelanggan bukan Muslim. Walaupun dokumen seperti CrescentRating Standard (2020) dan Salam Standard (2015) menekankan potensi pasaran Muslim global, terdapat dilema apabila polisi patuh *Syarīʿah* seperti larangan alkohol atau hiburan bercampur dianggap membataskan kebebasan pelanggan bukan Muslim.

Hal ini turut ditekankan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Industri di Islamic Tourism Centre (ITC), yang menyatakan:

> *"Kami kena fikir juga tetamu bukan Muslim. Ada yang rasa terkongkong bila ada larangan alkohol dan hiburan tertentu."*
>
> (P3, Pengarah Bahagian, ITC)

Kajian oleh Henderson (2010) dan Din (2017) menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa pengusaha hotel sering berdepan dilema antara mengekalkan

prinsip *Syarīʿah* dan memastikan daya saing dalam pasaran antarabangsa. Dari sudut *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini berkait dengan *Hifẓ al-Nafs*, iaitu menjaga keharmonian sosial serta kesejahteraan tetamu tanpa mengabaikan prinsip Islam. Refleksi kritikal menunjukkan bahawa strategi komunikasi yang jelas diperlukan bagi meyakinkan pelanggan bukan Muslim bahawa polisi patuh *Syarīʿah* adalah nilai tambah, bukan sekatan terhadap kebebasan mereka.

Tema 3: Integrasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam Amalan Hotel

Subtema 3.1: Menjaga Agama (*Hifẓ al-Dīn*)

Analisis dokumen seperti MS2610:2015 dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) jelas menekankan kepentingan penyediaan kemudahan ibadah seperti arah kiblat, sejadah, jadual waktu solat, serta ruang solat yang bersih dan kondusif. CrescentRating Standard (2020) juga menekankan bahawa tanpa kemudahan ini, pengalaman pelancong Muslim tidak dapat dianggap selari dengan prinsip Islam.

Pandangan ini turut disokong oleh Pensyarah di Pusat Kajian *Syarīʿah*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang menyatakan:

> *"Hotel patuh Syarīʿah bukan setakat halal food. Ia kena pastikan suasana membantu pelanggan solat, ibadah, dan elak maksiat."*
>
> (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)

Pernyataan ini menunjukkan bahawa pematuhan *Syarīʿah* perlu bersifat holistik dan bukan kosmetik semata-mata. Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, penekanan ini menegaskan kepentingan menjaga agama (*Hifẓ al-Dīn*) secara menyeluruh, bukan sahaja melalui penyediaan makanan halal tetapi juga melalui suasana yang mendukung ibadah dan mencegah kemaksiatan. Refleksi kritikal mendapati bahawa kekurangan dalam aspek ini boleh menjejaskan kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah* di mata pelanggan Muslim.

Subtema 3.2: Menjaga Akal dan Nilai Sosial (*Hifẓ al-ʿAql* & *Ḥifẓ al-'Irḍ*)

Selain menjaga agama, dokumen seperti Islamic Quality Standard (2013) dan Salam Standard (2015) turut menekankan kepentingan mengawal suasana sosial dalam hotel. Antaranya termasuk larangan alkohol, hiburan yang berlebihan, serta aktiviti

yang bercanggah dengan norma Islam. Piawaian ini bertujuan memastikan tetamu Muslim tidak terdedah kepada perkara yang boleh menjejaskan akal atau moral mereka.

Hal ini turut ditegaskan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan di Cawangan Kajian *Syarīʿah*, Bahagian Penyelidikan, JAKIM, yang menyatakan:

> *"Kalau hotel patuh Syarīʿah, kena kawal hiburan yang boleh rosakkan moral. Jangan ada aktiviti yang bercampur bebas."*
>
> (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* perlu mengawal bentuk hiburan serta interaksi sosial agar selari dengan nilai Islam. Dari sudut *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini berkait rapat dengan *Hifẓ al-ʿAql* (melindungi akal daripada kerosakan moral dan pemikiran) serta *Ḥifẓ al-'Irḍ* (memelihara maruah, moral dan keharmonian institusi keluarga). Kajian oleh Stephenson (2014) turut disokong oleh penyelidikan terkini yang menunjukkan bahawa pelancong Muslim mengutamakan suasana penginapan yang bebas daripada unsur negatif serta selari dengan prinsip Syariah dalam aspek hiburan dan interaksi sosial (Olya & Al-Ansi, 2018; Han et al., 2019; Rahman et al., 2021).

Tema 4: Keperluan kepada Model Baharu

Subtema 4.1: Keseragaman Piawaian dan Pensijilan

> *"Industri perlukan satu model rasmi yang standard, jadi semua hotel boleh ikut tanpa tafsiran sendiri-sendiri."*
>
> (P7, Pegawai JAKIM)

Keperluan standard bersepadu adalah mendesak, agar industri lebih konsisten dan dipercayai. Menjamin *Hifẓ al-Māl* (keadilan kepada pelanggan) dan *Hifẓ al-Dīn* (kesucian ibadah).

Subtema 4.2: Keseimbangan Teori dan Realiti Industri

> *"Model kena realistik, jangan terlalu ideal sampai industri tak mampu ikut. Kena ada keseimbangan."*
>
> (P8, Akademik Halal)

Mengingatkan bahawa model hanya relevan jika boleh dilaksanakan secara praktikal. Menyokong *Hifẓ al-Nafs* (kelangsungan industri & kesejahteraan pekerja) dan *Hifẓ al-Māl* (daya tahan ekonomi).

Melalui Fasa I ini, penyelidik menyedari bahawa terdapat jurang ketara antara konsep ideal hotel patuh *Syarīʿah* dengan realiti industri. Kekeliruan istilah, ketidakseimbangan piawaian, kos pelaksanaan, dan dilema pasaran menjadi isu utama. Proses mendengar suara pakar mengajar bahawa pembangunan model tidak boleh bersifat normatif semata-mata, tetapi mesti realistik, praktikal, dan berpaksikan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* agar benar-benar menyelesaikan masalah industri.

Tema 4: Keperluan kepada Model Baharu

Subtema 4.1: Keseragaman Piawaian dan Pensijilan

Analisis dokumen menunjukkan bahawa piawaian yang wujud seperti MS2610:2015, Islamic Quality Standard (2013), dan Salam Standard (2015) masih beroperasi secara berasingan, dengan kriteria yang tidak sepenuhnya selaras antara satu sama lain. Situasi ini menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha hotel yang menafsirkan piawaian mengikut kemampuan dan kepentingan masing-masing. Hal ini sejajar dengan dapatan analisis dokumen terdahulu yang menekankan ketiadaan keseragaman sebagai antara jurang paling ketara dalam industri.

Keperluan kepada model standard yang seragam turut ditegaskan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan di Cawangan Kajian *Syarīʿah*, Bahagian Penyelidikan, JAKIM:

> *"Industri perlukan satu model rasmi yang standard, jadi semua hotel boleh ikut tanpa tafsiran sendiri-sendiri."*
>
> (P4, Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAKIM)

Pernyataan ini menguatkan dapatan bahawa keseragaman piawaian adalah kritikal untuk memastikan integriti dan kredibiliti industri. Dari sudut *Maqāṣid Syarīʿah*, isu ini berkait dengan *Hifẓ al-Dīn* kerana menjamin kesucian ibadah melalui penyediaan fasiliti yang konsisten, serta *Hifẓ al-Māl* kerana melindungi pelanggan daripada penipuan harga dan perkhidmatan yang tidak seragam. Literatur oleh Shariff & Ab. Rahman (2020) turut menekankan bahawa penyelarasan piawaian adalah faktor

penting untuk meningkatkan keyakinan pasaran global terhadap hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Subtema 4.2: Keseimbangan Teori dan Realiti Industri

Selain keseragaman, isu praktikaliti model juga menjadi perhatian. Dokumen seperti Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan (2021) menunjukkan hasrat ideal untuk memastikan semua aspek pematuhan dipatuhi. Namun, dalam realiti, sebahagian hotel berdepan cabaran kos, ruang fizikal, dan penerimaan pasaran yang membataskan pelaksanaan sepenuhnya.

Hal ini turut ditegaskan oleh Pensyarah di Pusat Kajian *Syarīʿah*, UKM, yang menyatakan:

> *"Model kena realistik, jangan terlalu ideal sampai industri tak mampu ikut. Kena ada keseimbangan."*
>
> (P1, Pensyarah Universiti, UKM Bangi)

Pernyataan ini menunjukkan bahawa sesuatu model hanya relevan sekiranya dapat dilaksanakan secara praktikal tanpa membebankan pihak industri. Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah*, keseimbangan ini berkait rapat dengan *Hifẓ al-Nafs* dalam menjaga kelangsungan industri serta kesejahteraan pekerja, di samping *Hifẓ al-Māl* yang memastikan daya tahan ekonomi. Literatur terdahulu oleh Stephenson (2014) dan Henderson (2010) turut disokong oleh kajian terkini yang menegaskan bahawa keseimbangan antara prinsip *Syarīʿah* dan keperluan operasi merupakan faktor penting dalam mengekalkan daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam pasaran global (Razzaq et al., 2016; Olya & Al-Ansi, 2018; Han et al., 2020).

Melalui dapatan Fasa I, penyelidik menyedari bahawa wujud jurang ketara antara konsep ideal hotel patuh *Syarīʿah* dengan realiti industri. Kekeliruan istilah, ketidakseimbangan piawaian, kos pelaksanaan, dan dilema pasaran menjadi isu utama yang perlu ditangani. Proses mendengar suara pakar mengajar bahawa pembangunan model baharu tidak boleh bersifat normatif semata-mata, tetapi mesti realistik, praktikal, dan berpaksikan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* agar benar-benar menyelesaikan masalah industri. Dengan pendekatan ini, model yang dicadangkan bukan sahaja memenuhi keperluan *Syarīʿah* secara menyeluruh, tetapi juga meningkatkan daya saing dan reputasi Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam global.

5.2.6 Rumusan Fasa 1: Analisis Keperluan

Secara keseluruhannya, dapatan Fasa I menunjukkan bahawa industri perhotelan Islam di Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai cabaran asas sebelum konsep hotel patuh *Syarīʿah* dapat direalisasikan sepenuhnya. Empat tema utama dengan lapan subtema yang dikenal pasti memperlihatkan kekeliruan konsep antara istilah *Muslim-friendly* dan *Shariah-compliant*, ketiadaan piawaian yang seragam, kos operasi yang tinggi, serta dilema penerimaan pelanggan bukan Muslim. Pada masa yang sama, dapatan turut menegaskan keperluan integrasi kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* dalam amalan industri serta keperluan kepada pembangunan model baharu yang lebih praktikal, inklusif, dan sesuai dengan konteks tempatan.

Apabila dapatan ini dipetakan kepada lima dimensi *Maqāṣid Syarīʿah*, jelas bahawa cabaran sedia ada memberi kesan terhadap keseimbangan *Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-ʾIrḍ* dan *Hifẓ al-Māl*. Sebagai contoh, kekeliruan istilah menjejaskan perlindungan agama (*Hifẓ al-Dīn*) kerana ia melemahkan kefahaman terhadap prinsip asas *Syarīʿah* dalam operasi hotel, manakala piawaian yang tidak konsisten menjejaskan keadilan ekonomi (*Hifẓ al-Māl*) dan kredibiliti industri. Di samping itu, tekanan kos serta cabaran pasaran memberi implikasi terhadap kesejahteraan pelanggan dan kelangsungan industri (*Hifẓ al-Nafs*). Analisis ini menegaskan bahawa model baharu yang bakal dibangunkan perlu bersifat komprehensif, seimbang, dan mampu melindungi kesemua dimensi maqasid secara holistik serta berdaya guna dalam konteks pasaran sebenar.

Selain itu, dapatan daripada Fasa I turut menzahirkan kesedaran penyelidik bahawa usaha membangunkan model hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh hanya berpaksikan teori atau piawaian sedia ada, tetapi perlu berpandukan realiti semasa industri. Temu bual bersama pakar memperlihatkan kepelbagaian tafsiran, pengalaman, dan keutamaan dalam memahami konsep patuh *Syarīʿah*. Pengalaman ini menegaskan bahawa model yang bakal dibina mesti fleksibel, realistik, dan berasaskan nilai Islam, namun tetap responsif terhadap kehendak pasaran pelancongan global. Seperti yang ditegaskan oleh Rahman et al. (2023), keberkesanan model hotel Islam bergantung kepada keseimbangan antara idealisme *Syarīʿah* dan keperluan praktikal operasi.

Refleksi terhadap keseluruhan dapatan Fasa I juga menunjukkan bahawa pembangunan model bukan sekadar proses teknikal, tetapi satu perjalanan reflektif yang menuntut pemahaman mendalam terhadap interaksi antara nilai, polisi, dan realiti

industri. Ia mengajar bahawa penghasilan model yang sahih perlu menggabungkan kekuatan teori, kebijaksanaan pakar, dan keperluan pelanggan Muslim yang sebenar. Namun, terdapat perbezaan ketara antara piawaian kerajaan dan swasta dalam aspek seperti penjagaan keturunan dan *Taḥsīniyyāt*, khususnya melibatkan garis panduan berkaitan pemisahan ruang antara jantina, larangan hiburan melalaikan, pelantikan penasihat *Syarīʿah* serta pengurusan kewangan yang berasaskan sumber halal.

Penemuan daripada Fasa I ini seterusnya menjadi asas kukuh bagi pelaksanaan Fasa II, iaitu proses pembinaan dan pengesahan konstruk melalui kaedah *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Dengan mengenal pasti jurang, isu, dan keperluan yang sebenar dalam industri, Fasa II akan memastikan bahawa model yang dibangunkan dapat dirumuskan secara sistematik, sahih, dan benar-benar selaras dengan kehendak industri perhotelan Islam di Malaysia serta tuntutan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

5.3 Analisis Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan (*Fuzzy Delphi Method – FDM*)

Fasa kedua kajian ini merupakan kesinambungan daripada dapatan Fasa I yang telah mengenal pasti jurang, isu, dan keperluan asas dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Fokus utama Fasa II adalah untuk mereka bentuk Model MaSC-Hotel dengan matlamat mengenal pasti domain, konstruk dan item kritikal yang perlu diwujudkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Dalam fasa ini, proses reka bentuk model dilaksanakan secara berstruktur melalui pembinaan domain, konstruk dan item yang berpaksikan dapatan empirikal Fasa I serta sokongan literatur semasa. Pendekatan ini selaras dengan objektif kajian yang menekankan integrasi antara dimensi teori dan praktikal, agar model yang dihasilkan bukan sahaja menepati piawaian teknikal, tetapi turut berakar pada nilai dan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai asas penyeliaan etika dan operasi. Menurut Richey dan Klein (2019), reka bentuk model yang efektif dalam penyelidikan pembangunan perlu berasaskan gabungan hasil analisis empirikal dan prinsip teori yang relevan supaya model yang dihasilkan bersifat sahih dan boleh diaplikasikan dalam konteks sebenar.

Reka bentuk Fasa II ini turut berasaskan prinsip *Design and Development Research (DDR)* seperti yang digariskan oleh Nieveen (2019), di mana penghasilan model memerlukan kitaran pembangunan yang melibatkan analisis, reka bentuk, dan

penilaian kebolehgunaan. Justeru, domain, konstruk dan item yang dirangka dalam kajian ini dibangunkan melalui proses iterasi yang melibatkan sintesis maklumat daripada dokumen piawaian serta dapatan temu bual pakar yang diperoleh dalam Fasa I. Proses ini membolehkan penentuan item-item utama yang bukan sahaja memenuhi keperluan pelanggan Muslim, tetapi juga memperkukuh identiti industri perhotelan Islam Malaysia sebagai model yang berpaksikan maqasid.

Perbincangan dalam Fasa II ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu reka bentuk dan pembangunan domain, konstruk dan item. Bahagian pertama memberi fokus kepada pengenalpastian domain teras yang membentuk asas model, termasuk dimensi spiritual, pengurusan etika, perkhidmatan pelanggan, keselamatan, dan kesejahteraan. Bahagian kedua pula memperincikan konstruk dan item yang menyokong setiap domain, yang berperanan menjelaskan bentuk pelaksanaan dan penilaian praktikal dalam konteks industri hotel.

Pendekatan berperingkat ini bertujuan memastikan setiap komponen model dibangunkan secara sistematik, saling melengkapi, dan sejajar dengan lima dimensi *Maqāṣid Syarīʿah – Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-'Irḍ*, dan *Hifẓ al-Māl*. Melalui reka bentuk ini, model yang dicadangkan diharapkan dapat menawarkan pendekatan holistik yang menggabungkan kepatuhan *Syarīʿah*, kesejahteraan pelanggan, keselamatan, serta kemudahan ibadah dalam satu sistem perkhidmatan yang komprehensif dan mampan.

5.3.1 Reka Bentuk dan Pembangunan Domain

Dalam membangunkan Model MaSC-Hotel, domain berfungsi sebagai teras kepada konstruk yang menjadi asas kepada keseluruhan rangka kerja model. Berdasarkan dapatan Fasa I dan sokongan literatur, beberapa domain utama dikenal pasti sebagai kritikal untuk menjamin pematuhan *Syarīʿah* serta memenuhi keperluan industri perhotelan Islam yang semakin berkembang. Pembinaan domain ini dirangka berasaskan tiga dimensi utama *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *al-darūriyyāt* (keperluan asas), *al-Ḥājiyyāt* (keperluan sokongan) dan *al-Taḥsīniyyāt* (keperluan pelengkap) yang menjadi asas kepada kehendak operasi perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Pendekatan ini disokong oleh kajian-kajian akademik terkini yang menekankan integrasi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam amalan perhotelan dan pelancongan Islamik. Misalnya, kajian semula literatur menunjukkan perlunya model yang menekankan keseluruhan aspek

Maqāṣid Syarīʿah dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* bagi menghasilkan pengalaman perkhidmatan yang holistik, etikal dan bertanggungjawab sosial (Tumiran et al., 2025). Selain itu, analisis konsep hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia turut menggariskan peranan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam memastikan operasi hotel menyeluruh mematuhi nilai-nilai Islam dan memenuhi kehendak pelancong Muslim (Abd Rahman et al., 2025; Nik Abdullah et al., 2024). Melalui sintesis analisis Fasa I, tiga domain utama telah dikenal pasti sebagai asas kepada pembangunan model yang dicadangkan iaitu *al-Ḍarūriyyāt* (keperluan asas), *al-Ḥājiyyāt* (keperluan sokongan) dan *al-Taḥsīniyyāt* (keperluan pelengkap). Setiap domain ini menghimpunkan item penting yang saling melengkapi dalam memastikan keseimbangan antara pematuhan *Syarīʿah*, keberkesanan pengurusan dan pengalaman pelanggan yang holistik.

Bagi domain *al-Ḍarūriyyāt*, penekanannya tertumpu kepada pemeliharaan lima aspek utama kehidupan yang dikenali sebagai *al-Ḍarūriyyāt al-khams*, iaitu *Hifz al-Dīn* (perlindungan agama), *Hifẓ al-Nafs* (perlindungan nyawa dan kesejahteraan), *Hifẓ al-ʿAql* dan *Ḥifẓ al-'Irḍ* (perlindungan akal dan maruah/keturunan) serta *Hifz al-Māl* (perlindungan harta). Dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*, pelaksanaan prinsip-prinsip ini dapat dilihat melalui lima Domain Utama. Pertama, penjagaan agama yang meliputi penyediaan kemudahan ibadah seperti ruang solat, penunjuk arah kiblat, jadual waktu solat dan kemudahan al-Quran, serta kawalan hiburan agar tidak bercanggah dengan nilai Islam. Kedua, penjagaan nyawa dan maruah melalui keselamatan dan kesejahteraan yang memastikan tetamu menikmati suasana yang selamat, bersih, dan menenangkan melalui perlindungan terhadap keselamatan fizikal, psikologi dan privasi. Ketiga, penjagaan maruah dan akal melalui kawalan sosial dan moral yang menumpukan kepada usaha mengekalkan adab dan tatasusila seperti larangan hiburan tidak bermoral, pemisahan ruang lelaki dan wanita, serta layanan beretika oleh pekerja. Keempat, penjagaan harta melalui ekonomi dan kepercayaan yang menekankan keadilan dalam urus niaga, ketelusan dalam transaksi, keselamatan harta pelanggan serta jaminan halal dalam penyediaan makanan dan produk hotel.

Seterusnya, domain *al-Ḥājiyyāt* memberi tumpuan kepada keperluan sokongan yang memudahkan pelaksanaan operasi tanpa menjejaskan keperluan asas *Syarīʿah*. Empat konstruk dikenal pasti dalam domain ini, iaitu strategi pemasaran, halal ekosistem, pengurusan integriti, dan pengurusan aset serta prasarana. Strategi pemasaran menuntut promosi beretika dan jujur berasaskan nilai Islam bagi membina keyakinan pelanggan terhadap integriti hotel. Halal ekosistem pula memastikan

keseluruhan rantaian perkhidmatan dan produk hotel berada dalam kerangka halal yang diiktiraf, termasuk pemantauan, pensijilan dan audit halal dalaman. Pengurusan integriti menekankan tadbir urus yang telus, bebas daripada rasuah serta berasaskan prinsip amanah dan akauntabiliti. Seterusnya, pengurusan aset dan prasarana menuntut penyediaan fasiliti yang mesra Muslim, selamat dan selesa seperti ruang ibadah kondusif, bilik mesra keluarga serta reka bentuk yang menjaga aurat dan privasi pelanggan.

Akhirnya, domain *al-Taḥsīniyyāt* berperanan memperindah dan menyempurnakan kualiti perkhidmatan serta pengalaman pelanggan dari sudut estetika dan spiritual. Domain ini merangkumi empat konstruk iaitu perhiasan, pembangunan, kebersihan, dan keselamatan. Perhiasan menekankan aspek reka bentuk dan dekorasi hotel yang harmoni, sederhana dan mencerminkan identiti Islam. Pembangunan pula melibatkan inovasi serta peningkatan profesionalisme melalui latihan berterusan, pembangunan sumber manusia dan penambahbaikan perkhidmatan. Kebersihan menjadi aspek penting yang mencerminkan kesucian fizikal dan spiritual dalam operasi hotel, manakala keselamatan merangkumi perlindungan menyeluruh terhadap tetamu, harta benda dan persekitaran bagi memastikan suasana yang aman dan tenteram.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga domain ini iaitu *al-Ḍarūriyyāt, al-Ḥājiyyāt* dan *al-Taḥsīniyyāt* saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk kerangka pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang komprehensif. Domain *al-Ḍarūriyyāt* menjamin pemeliharaan asas agama dan keselamatan, domain *al-Ḥājiyyāt* memperkukuh sistem pengurusan dan kelestarian operasi, manakala domain al-*Taḥsīniyyāt* memperindah kualiti pengalaman pelanggan serta memperkukuh nilai spiritual dan moral Islam. Kesepaduan ketiga-tiga domain ini mewujudkan satu model hotel patuh *Syarīʿah* yang bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal *Syarīʿah*, tetapi juga mengangkat martabat nilai keindahan, kesejahteraan dan etika Islam dalam industri hospitaliti di Malaysia.

Kesemua domain, konstruk dan item ini dibangunkan melalui sintesis dapatan temu bual pakar dalam Fasa I serta analisis literatur yang relevan, memastikan setiap konstruk bukan sahaja memenuhi keperluan industri tetapi juga berpaksikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menyeimbangkan aspek spiritual, sosial, dan ekonomi. Pendekatan ini juga selari dengan cadangan Nieveen (2019) bahawa reka bentuk model dalam kajian pembangunan perlu berasaskan kesepadanan teori dan konteks praktikal agar hasilnya dapat diaplikasikan secara berkesan dalam lapangan sebenar.

Bagi memastikan reka bentuk Model MaSC-Hotel ini dibangunkan secara sistematik dan berlandaskan kerangka teori yang kukuh, Domain Utama yang dikenal pasti melalui Fasa I telah dipadankan dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* serta disokong oleh literatur terdahulu. Penyepaduan dapatan empirikal dengan sumber akademik ini amat penting bagi memastikan model yang bakal dibangunkan bukan sahaja bersifat praktikal dan relevan dengan keperluan semasa, tetapi juga mempunyai asas saintifik yang mantap serta diiktiraf dalam wacana akademik.

Sehubungan itu, Jadual 5.11 memperincikan konstruk yang dicadangkan, huraian ringkas bagi setiap konstruk, kaitannya dengan dimensi *Maqāṣid Syarīʿah*, serta justifikasi akademik yang disokong oleh penulisan terdahulu. Jadual ini berfungsi sebagai asas utama bagi membimbing pembangunan domain yang akan dibincangkan dalam subseksyen seterusnya.

Jadual 5.11
Ringkasan Konstruk Model MaSC-Hotel, Kaitan *Maqāṣid Syarīʿah* dan Justifikasi Akademik

Konstruk	**Penerangan Konstruk**	**Keterangan**	**Justifikasi daripada Dapatan/ Literatur**
Ḥifẓ al-Dīn (perlindungan agama)	Kepatuhan Agama	Menyediakan kemudahan ibadah seperti ruang solat, arah kiblat, jadual waktu solat, al-Quran, serta mengawal hiburan bercanggah dengan *Syarīʿah*.	Dapatan Fasa I menunjukkan kekeliruan *Muslim-friendly* vs. *Syarīʿah-compliant*. Item ibadah adalah penentu utama hotel patuh *Syarīʿah* (Battour & Ismail, 2016; Samori et al., 2016; Stephenson, 2014; Henderson, 2010; Jafari & Scott, 2014; Chookaew et al., 2015; Han et al., 2019; Aziz et al., 2019; El-Gohary, 2016; Jaelani, 2017).
Ḥifẓ al-Nafs (perlindungan nyawa & kesejahteraan)	Keselamatan dan Kesejahteraan	Menjamin keselamatan fizikal, kebersihan, privasi, dan persekitaran bebas daripada unsur memudaratkan.	Pakar menekankan ruang yang selamat. Keselamatan dan privasi adalah keutamaan (Ibrahim & Haneef, 2022; Mohsin et al., 2016; Stephenson, 2014; Battour et al., 2018; Razalli et al., 2012; Rosenberg & Choufany, 2009; Din, 2017; Zamani-Farahani & Henderson, 2010; Shafaei & Mohamed, 2015; Aziz et al., 2018).
Ḥifẓ al-ʿAql (perlindungan akal) & *Ḥifẓ al-'Irḍ* (perlindungan keturunan/maruah)	Kawalan Sosial & Moral	Mengawal hiburan, menyediakan fasiliti dengan pemisahan jantina, serta melatih staf dengan etika Islam.	Hiburan bercampur bebas menjejaskan moral pelanggan. Pelancongan Islam perlu menjaga etika (Stephenson, 2014; Din, 2017; Zailani et al., 2011; Jafari &

Konstruk	Penerangan Konstruk	Keterangan	Justifikasi daripada Dapatan/ Literatur
			Scott, 2014; Samori et al., 2016; Henderson, 2016; Battour et al., 2017; El-Gohary, 2016; Shafaei & Mohamed, 2015; Jaelani, 2017).
Hifẓ al-Māl (perlindungan harta)	Ekonomi dan Kepercayaan	Menjamin keadilan harga, ketelusan promosi, jaminan halal makanan/minuman, dan keselamatan harta pelanggan.	Piawaian tidak seragam menimbulkan risiko penipuan. Ketelusan kos dan halal meningkatkan kepercayaan (Henderson, 2010; Rosenberg & Choufany, 2009; Aziz et al., 2019; Samori et al., 2016; Battour & Ismail, 2016; Stephenson, 2014; Razalli et al., 2012; El-Gohary, 2016; Han et al., 2019; Jafari & Scott, 2014).
Integrasi semua dimensi maqasid	Pengalaman Pelanggan Holistik	Menyediakan pengalaman menyeluruh yang mengintegrasikan kesemua maqasid, meliputi aspek spiritual, sosial, dan ekonomi.	Model perlu praktikal & menyeluruh. Pengalaman Muslim holistik ialah keperluan global (Mohd Salleh et al., 2019; Razalli et al., 2012; CrescentRating, 2020; Stephenson, 2014; Battour et al., 2018; Samori et al., 2016; El-Gohary, 2016; Chookaew et al., 2015; Ibrahim & Haneef, 2022; Han et al., 2019).

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.11 menunjukkan bahawa lima Domain Utama telah dikenalpasti sebagai teras dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, iaitu *Hifẓ al-Dīn* (kepatuhan agama), *Hifẓ al-Nafs* (keselamatan dan kesejahteraan), *Hifẓ al-ʿAql* (kawalan sosial dan moral), *Ḥifẓ al-'Irḍ* (pengalaman pelanggan holistik) serta *Hifẓ al-Māl* (ekonomi dan kepercayaan). Penyepaduan ini menegaskan bahawa kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* tidak hanya relevan dalam konteks fiqh, tetapi juga boleh diterjemahkan secara praktikal dalam perkhidmatan perhotelan moden.

Dari segi literatur, setiap konstruk disokong oleh kajian tempatan dan antarabangsa yang menekankan pentingnya perkhidmatan berlandaskan *Syarīʿah* dalam industri pelancongan Islam. Misalnya, keperluan kemudahan ibadah yang jelas dan konsisten telah diiktiraf sebagai pembeza utama antara konsep *Muslim-friendly* dan *Syarīʿah-compliant*. Begitu juga, aspek keselamatan, kebersihan, dan privasi yang sering ditekankan oleh pengkaji dilihat sebagai tuntutan *Hifẓ al-Nafs*. Kawalan sosial

dan moral pula merupakan refleksi keperluan *Hifẓ al-ʿAql* dan *Ḥifẓ al-'Irḍ* bagi melindungi nilai intelektual, akhlak, dan kehormatan pelanggan Muslim.

Selain itu, konstruk berkaitan ekonomi dan kepercayaan jelas berkait rapat dengan *Hifẓ al-Māl*, kerana pelanggan Muslim menuntut ketelusan harga, jaminan halal, serta perlindungan terhadap aset mereka semasa menggunakan perkhidmatan hotel. Akhir sekali, konstruk pengalaman pelanggan holistik menjadi payung yang mengintegrasikan semua dimensi maqasid, dengan tujuan mewujudkan pengalaman menginap yang bukan sahaja memenuhi aspek fizikal, tetapi juga spiritual, sosial, dan psikologi pelanggan Muslim.

Secara keseluruhannya, rumusan Jadual 5.12 memperlihatkan bahawa Model MaSC-Hotel yang dicadangkan mempunyai asas teori yang kuat, disokong oleh literatur antarabangsa, serta relevan dengan dapatan empirikal Fasa I. Hal ini membuktikan bahawa konstruk yang dibina adalah sahih, komprehensif, dan praktikal untuk diaplikasikan dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia.

5.3.2 Pembinaan Reka Bentuk dan Analisis Domain Utama Model MaSC-Hotel

Fasa ini menumpukan kepada pembinaan reka bentuk konseptual serta analisis domain utama yang membentuk Model MaSC-Hotel berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah*, dikenali sebagai Model MaSC-Hotel. Model ini dibangunkan hasil daripada sintesis dapatan Fasa I, termasuk analisis dokumen polisi, piawaian hotel patuh *Syarīʿah*, dan temu bual pakar industri. Dalam pembinaan model, tiga komponen utama *Maqāṣid Syarīʿah* dijadikan domain dalam kajian ini iaitu *Ḍarūriyyāt* yang merangkumi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, *Ḥājiyyāt* yang merujuk kepada keperluan pelengkap bagi memudahkan amalan *Syarīʿah* dalam operasi hotel, serta *Taḥsīniyyāt* yang menekankan item penyempurnaan berkaitan kualiti, estetika, dan integriti perkhidmatan.

Setiap domain dianalisis untuk mengenal pasti indikator kritikal yang mencerminkan kebolehpatuhan *Syarīʿah*, kesesuaian dengan piawaian industri, serta kesesuaian dengan kehendak pelanggan. Hasil analisis ini dijadikan asas kepada pembangunan kerangka konseptual Fasa II yang membolehkan model ini menjadi rujukan bagi hotel patuh *Syarīʿah* yang seragam, holistik, dan praktikal dalam konteks Malaysia.

Ketiga-tiga domain ini iaitu *al-Ḍarūriyyāt, al-Ḥājiyyāt* dan *al-Taḥsīniyyāt* saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk kerangka pembangunan Model MaSC-Hotel yang komprehensif. Domain *al-Ḍarūriyyāt* menjamin pemeliharaan asas agama dan keselamatan, domain *al-Ḥājiyyāt* memperkukuh sistem pengurusan dan kelestarian operasi, manakala domain *al-Taḥsīniyyāt* memperindah kualiti pengalaman pelanggan serta memperkukuh nilai spiritual dan moral Islam. Kesepaduan ketiga-tiga domain ini mewujudkan satu model hotel patuh *Syarīʿah* yang bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal *Syarīʿah* tetapi juga mengangkat martabat nilai keindahan, kesejahteraan dan etika Islam dalam industri hospitaliti di Malaysia.

5.3.3 Pembinaan Reka Bentuk Konstruk bagi Setiap Domain Utama Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Setelah domain utama dalam Model MaSC-Hotel dikenal pasti, langkah seterusnya ialah membangunkan konstruk yang menjadi pecahan komponen yang lebih terperinci bagi setiap domain. Konstruk berperanan sebagai kerangka operasional yang menterjemahkan domain konseptual kepada bentuk tindakan praktikal di peringkat pelaksanaan. Jika domain diumpamakan sebagai tunjang konsep, maka konstruk pula merupakan cabang yang menjelaskan bagaimana prinsip-prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* dapat diaplikasikan secara konkrit dalam konteks operasi hotel sebenar. Pembinaan konstruk ini amat penting kerana ia memastikan prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* tidak hanya berfungsi sebagai wacana konseptual semata-mata, tetapi diinstitusikan secara sistematik dalam struktur pengurusan dan amalan industri.

Reka bentuk konstruk bertujuan memastikan setiap dimensi *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* diterjemahkan dalam tindakan pelaksanaan yang memenuhi hierarki keperluan *al-Ḍarūriyyāt, al-Ḥājiyyāt* dan *al-Taḥsīniyyāt*. Pendekatan ini menjamin bahawa pelaksanaan model bukan sekadar menekankan keperluan asas seperti penyediaan kemudahan ibadah dan keselamatan pelanggan, tetapi turut merangkumi aspek sokongan dan pelengkap yang meningkatkan kualiti pengalaman penginapan pelanggan Muslim. Dengan penentuan konstruk yang jelas, pihak pengurusan hotel dapat mengurus operasi berdasarkan panduan yang selaras dengan prinsip Islam dan pada masa yang sama memenuhi ekspektasi pelanggan moden.

Dalam konteks pengurusan hotel, reka bentuk konstruk dan item-itemnya melibatkan pemetaan fungsi kritikal seperti pengurusan operasi, penyediaan

kemudahan fizikal, perkhidmatan pelanggan, penyediaan makanan dan minuman, serta strategi komunikasi dan pemasaran. Semua fungsi ini dirangka supaya selaras dengan nilai Islam dan prinsip *Syarīʿah*. Sebagai contoh, aspek kepatuhan agama yang berkaitan dengan *Ḥifẓ al-Dīn* menuntut penyediaan ruang solat yang kondusif, kemudahan al-Qurʾān dan sejadah di bilik tetamu, serta pengawalan bentuk hiburan agar tidak bercanggah dengan nilai *Syarīʿah*. Dalam aspek keselamatan dan kesejahteraan yang berpaksikan *Ḥifẓ al-Nafs*, konstruk dan itemnya menekankan kebersihan menyeluruh, persekitaran yang bebas risiko serta suasana penginapan yang menenangkan dan selamat bagi tetamu Muslim. Manakala dalam konteks ekonomi dan kepercayaan yang berkait dengan *ḥifẓ al-māl*, domain ini memberi perhatian kepada ketelusan harga, integriti promosi, pensijilan halal yang sah, serta keselamatan harta benda pelanggan sebagai bukti kebertanggungjawaban moral dan profesionalisme pihak hotel.

Pembinaan konstruk dan item ini turut berpaksikan kepada asas empirikal melalui proses konsensus pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dan disusuli pengesahan melalui Teknik Kumpulan Nominal atau *Nominal Group Technique*. Pendekatan ini memastikan setiap konstruk dan item yang dibangunkan mempunyai asas kesahan dan kebolehgunaan yang tinggi serta menepati realiti industri. Melalui triangulasi antara dapatan empirikal, literatur akademik dan pengalaman praktikal pakar industri, setiap domain yang dirumuskan bukan sahaja sah dari sudut teori *al-Maqāṣid al-Syarīʿah*, tetapi juga praktikal untuk diaplikasikan dalam konteks perhotelan Islam yang sebenar. Pendekatan ini menjadikan setiap domain sebagai titik temu antara teori dan aplikasi, di mana prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* bukan sekadar menjadi gagasan moral, tetapi diterjemahkan sebagai sistem operasional yang boleh diukur dan diamalkan secara konsisten.

Keseluruhannya, pembinaan reka bentuk konstruk bagi setiap domain utama dalam Model MaSC-Hotel berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan teori *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* dengan realiti pelaksanaan industri hospitaliti. Konstruk ini menjelaskan bagaimana setiap domain dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan nyata melalui sistem pengurusan, latihan sumber manusia dan prosedur operasi yang menyeluruh. Pendekatan ini memastikan semua dimensi *al-Maqāṣid al-Syarīʿah*, iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *ḥifẓ al-ʿaql*, *ḥifẓ al-nasl* dan *ḥifẓ al-māl*, dilaksanakan secara bersepadu dalam model yang dibangunkan. Dengan reka bentuk domain yang jelas dan berasaskan prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah*, pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh

Syarīʿah bukan sahaja mampu memenuhi keperluan pelanggan Muslim, tetapi juga memperkukuh keutuhan, kredibiliti dan daya saing industri perhotelan Islam di Malaysia.

Berdasarkan keseluruhan proses ini, Jadual 5.12 memperincikan pemetaan antara Domain Utama Model MaSC-Hotel, domain-domain yang dibangunkan serta hubungannya dengan dimensi *al-Maqāṣid al-Syarīʿah*. Pemetaan ini menyediakan asas konseptual dan operasional yang jelas, sistematik dan bersepadu bagi pembangunan Model MaSC-Hotel yang komprehensif, seragam dan praktikal untuk diaplikasikan dalam industri perhotelan Islam secara menyeluruh.

Jadual 5.12
Ringkasan Konstruk, Item Cadangan dan Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah*

Domain Utama	**Item Cadangan**	**Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah***
Kepatuhan Agama	• Penyediaan ruang solat & arah kiblat • Jadual solat & bacaan al-Quran • Penyediaan alat ibadah (sejadah, telekung, al-Quran) • Kawalan hiburan tidak patuh *Syarīʿah*	*Ḥifẓ al-Dīn* – memastikan tetamu dapat menunaikan ibadah dengan sempurna dan persekitaran bebas maksiat
Keselamatan & Kesejahteraan	• Privasi bilik tetamu • Kawalan keselamatan fizikal & CCTV • Kebersihan fasiliti & makanan • Persekitaran bebas bahaya/kemudaratan	*Ḥifẓ al-Nafs* – melindungi nyawa, keselesaan dan keselamatan pelanggan sepanjang penginapan
Kawalan Sosial & Moral	• Pemisahan fasiliti lelaki & wanita (kolam renang, spa, gim) • Etika pakaian staf & SOP layanan beradab • Larangan aktiviti hiburan bercampur bebas • Latihan staf tentang etika Islam	*Ḥifẓ al-ʿAql* & *Ḥifẓ al-'Irḍ* – melindungi minda daripada unsur negatif serta menjaga maruah, kehormatan dan tatasusila sosial
Ekonomi & Kepercayaan	• Ketelusan harga bilik & perkhidmatan • Pensijilan halal makanan/minuman • Polisi bayaran & pulangan yang adil • Perlindungan harta pelanggan (peti keselamatan, sistem kunci pintar)	*Ḥifẓ al-Māl* – melindungi harta dan memastikan keadilan ekonomi pelanggan

Domain Utama	Item Cadangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah*
Pengalaman Pelanggan Holistik	• Penyediaan hospitaliti mesra Muslim secara menyeluruh • Layanan pelanggan berasaskan adab Islam • Promosi & pemasaran beretika • Integrasi kelestarian (mesra alam, sosial & rohani)	Integrasi semua maqasid – memenuhi aspek spiritual, sosial, dan ekonomi bagi pengalaman Muslim yang harmoni

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.12 memperlihatkan bagaimana domain utama dalam Model MaSC-Hotel diterjemahkan kepada konstruk yang bersifat praktikal dan operasional. Setiap konstruk dirangka agar mempunyai hubungan langsung dengan dimensi *Maqāṣid Syarīʿah* bagi memastikan model yang dibangunkan bukan sekadar bersifat normatif, tetapi boleh diaplikasikan secara nyata dalam konteks industri perhotelan Islam. Pemetaan ini menggambarkan keseimbangan antara prinsip *Syarīʿah* dan keperluan praktikal industri, menjadikan setiap konstruk berperanan bukan sahaja sebagai gagasan konseptual, tetapi juga sebagai panduan strategik dalam pelaksanaan perkhidmatan yang selaras dengan keperluan pelanggan Muslim.

Perincian domain ini turut membuktikan bahawa pematuhan *Syarīʿah* dalam konteks perkhidmatan hotel tidak terbatas kepada penyediaan makanan halal atau kemudahan ibadah semata-mata. Sebaliknya, ia mencakupi aspek yang lebih luas meliputi keselamatan fizikal dan psikologi tetamu, perlindungan privasi dan maruah, etika sosial dan moral, keadilan ekonomi, serta kesejahteraan pengalaman pelanggan yang menyeluruh. Pendekatan holistik ini memastikan bahawa semua dimensi keperluan manusia yang diungkapkan dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* dipelihara secara seimbang dalam setiap aspek operasi hotel.

Dari sudut analisis, hubungan yang digariskan antara konstruk, domain dan dimensi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam jadual ini menegaskan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel perlu berasaskan integrasi nilai Islam dengan amalan profesional industri hospitaliti moden. Integrasi ini bukan sahaja memberikan arah yang jelas kepada pelaksanaan dasar dan prosedur operasi, tetapi juga menjamin keseragaman serta kebolehpercayaan dalam penilaian standard perkhidmatan. Melalui pendekatan ini, model yang dibangunkan berfungsi bukan sekadar sebagai kerangka akademik atau konseptual, tetapi juga sebagai panduan operasional yang realistik, konsisten dan

diterima oleh semua pihak berkepentingan termasuk pelanggan Muslim, pengusaha hotel serta badan pengawal selia industri.

Secara keseluruhannya, Jadual 5.12 membuktikan bahawa pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* yang berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi turut memperkukuh keadilan sosial, etika perniagaan serta kesejahteraan ekonomi dan psikologi pelanggan. Pendekatan menyeluruh ini memberikan kekuatan kepada Model MaSC-Hotel sebagai instrumen pembangunan industri hospitaliti Islam yang lestari, berdaya saing dan berpotensi menjadi rujukan di peringkat global.

5.3.4 Analisis Domain *Ḍarūriyyāt* dalam Pembangunan Model MaSC-Hotel: Aplikasi Kaedah *Fuzzy Delphi*

Kajian ini memberi tumpuan kepada lima Domain Utama yang berteraskan domain *Ḍarūriyyāt* dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu menjaga kesejahteraan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), harta (*ḥifẓ al-māl*) dan maruah (*ḥifẓ al-nasl*). Kelima-lima konstruk ini berperanan penting dalam membentuk asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel kerana ia meliputi aspek keagamaan, keselamatan, moral, sosial dan ekonomi yang menjadi tonggak kesejahteraan hidup manusia. Analisis bagi setiap item dijalankan dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan kesepakatan pakar terhadap item-item utama yang perlu dimasukkan ke dalam model. Pendekatan ini membolehkan dapatan yang lebih sistematik dan objektif kerana setiap item dinilai berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus, serta purata skor *fuzzy* melebihi nilai min yang ditetapkan.

1) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Agama

Bagi konstruk menjaga kesejahteraan agama, hasil analisis menunjukkan bahawa item-item seperti penyediaan ruang solat, paparan jadual waktu solat, kemudahan ibadah seperti sejadah, al-Quran dan tanda arah kiblat merupakan aspek kritikal yang perlu diberikan keutamaan oleh pihak pengurusan hotel. Item-item ini bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi turut mencerminkan komitmen institusi perhotelan dalam memfasilitasi pelaksanaan ibadah serta gaya hidup Muslim yang berlandaskan *Syarīʿah*. Keupayaan hotel untuk menyediakan persekitaran yang

kondusif bagi pelaksanaan ibadah menandakan pematuhan terhadap prinsip asas *Ḥifẓ al-Dīn*, iaitu pemeliharaan agama sebagai item tertinggi dalam hierarki keperluan manusia menurut *Maqāṣid Syarīʿah*.

Hasil perbincangan dengan pakar juga menunjukkan kesepakatan bahawa kepatuhan terhadap hukum-hakam *Syarīʿah* perlu diterapkan secara menyeluruh dalam setiap aspek operasi hotel, bukan sekadar terhad kepada item simbolik seperti hiasan atau paparan identiti Islam. Pematuhan yang sebenar haruslah tercermin dalam dasar pengurusan, perkhidmatan pelanggan, pemilihan bahan makanan dan minuman, serta persekitaran fizikal hotel yang bebas daripada unsur maksiat. Pendekatan ini menuntut supaya nilai agama dijadikan panduan teras dalam keseluruhan operasi dan pengurusan organisasi, sejajar dengan tanggungjawab moral dan sosial untuk menegakkan maqasid dalam konteks industri hospitaliti.

Dapatan ini juga memperkukuh pandangan bahawa item menjaga kesejahteraan agama bukan sahaja bersifat simbolik atau ritual, tetapi merupakan asas kepada pembinaan kepercayaan pelanggan Muslim terhadap integriti perkhidmatan hotel. Hotel yang menitikberatkan kemudahan ibadah dan kesucian *Syarīʿah* mampu memperkukuh reputasi mereka sebagai institusi yang bukan sahaja menyediakan tempat penginapan, tetapi juga ruang spiritual yang menenangkan dan harmoni. Dengan itu, domain menjaga kesejahteraan agama diiktiraf sebagai komponen asas dalam memenuhi tuntutan *Ḍarūriyyāt* kerana ia menjamin kesinambungan aspek spiritual pelanggan Muslim di samping memperkukuh nilai keislaman dalam pengurusan perhotelan moden.

Jadual 5.13 berikut merumuskan item-item utama yang dikenal pasti dalam domain menjaga kesejahteraan agama berdasarkan konsensus pakar melalui kaedah *Fuzzy Delphi*:

Jadual 5.13
Item-item Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama (Domain *Ḍarūriyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Bil.	Item Kritikal	Contoh / Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah*
A1.1	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	Disediakan dalam setiap bilik tetamu untuk kemudahan ibadah	*Ḥifẓ al-Dīn* – memudahkan ibadah harian
A1.2	Tanda arah kiblat yang jelas	Dipasang pada siling atau dinding setiap bilik	*Ḥifẓ al-Dīn* – memastikan solat sahih
A1.3	Menyediakan kayu sugi/berus gigi	Alternatif sunnah atau kit kebersihan asas Muslim	*Ḥifẓ al-Dīn* – menjaga kesucian ibadah
A1.4	Memaparkan jadual waktu solat	Di lobi, bilik, atau paparan digital	*Ḥifẓ al-Dīn* – mengingatkan kewajipan solat
A1.5	Menyediakan musolla lelaki & perempuan	Sekurang-kurangnya 2 surau berasingan	*Ḥifẓ al-Dīn* – kemudahan ibadah berjemaah
A1.6	Menyediakan juadah iftar & sahur (Ramadhan)	Servis sahur & berbuka untuk tetamu Muslim	*Ḥifẓ al-Dīn* – menyokong ibadah puasa
A1.7	Lokasi hotel berhampiran masjid	Akses mudah untuk solat berjemaah di masjid	*Ḥifẓ al-Dīn* – memudahkan ibadah jamaah
A1.8	Tiada kitab suci selain al-Quran	Mengelakkan kekeliruan dalam bilik tetamu	*Ḥifẓ al-Dīn* – menjaga kesucian aqidah
A1.9	Penginapan bersih daripada najis mughallazah	Polisi "*no pets allowed*" bagi menjaga kesucian	*Ḥifẓ al-Dīn* – menjaga kebersihan & kesucian
A1.10	Kedudukan katil & tandas tidak menghadap kiblat	Susun atur bilik mengikut adab Islam	*Ḥifẓ al-Dīn* – menghormati kiblat
A1.11	Terdapat doa di bilik & premis hotel	Tulisan doa masuk/keluar bilik, doa tidur, dll.	*Ḥifẓ al-Dīn* – membudayakan amalan Islam
A1.12	Ruang solat yang selesa	Ruang solat umum di aras lobi atau tingkat tertentu	*Ḥifẓ al-Dīn* – memudahkan tetamu Muslim beribadah

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.13 memperincikan dua belas item utama dalam konstruk menjaga kesejahteraan agama yang merupakan sebahagian daripada domain *Ḍarūriyyāt*. Item-item ini menegaskan bahawa pematuhan *Syarīʿah* dalam industri perhotelan tidak hanya bersifat simbolik, tetapi mesti dilaksanakan secara menyeluruh dalam bentuk kemudahan fizikal, polisi operasi, serta suasana rohani yang menyokong ibadah tetamu Muslim. Penyediaan kemudahan asas seperti sejadah, arah kiblat, jadual solat, serta ruang solat yang selesa, adalah prasyarat minimum yang menunjukkan kesungguhan pihak hotel dalam memenuhi keperluan tetamu Muslim.

Selain itu, aspek tambahan seperti penyediaan juadah iftar dan sahur pada bulan Ramadan, polisi kebersihan daripada najis mughallazah, susun atur bilik yang menghormati kiblat, serta penempatan doa-doa di bilik tetamu menggambarkan perhatian khusus terhadap amalan keagamaan yang lebih mendalam. Kesemua item ini secara langsung menyokong *Ḥifẓ al-Dīn* dengan memastikan tetamu Muslim dapat menunaikan ibadah dalam keadaan tenang, selesa, dan tanpa halangan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa menjaga kesejahteraan agama bukan sahaja menjadi komponen penting dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, tetapi juga menjadi penanda aras utama yang membezakan antara hotel mesra Muslim dengan hotel patuh *Syarīʿah* sepenuhnya. Hal ini sekaligus mengukuhkan hujah bahawa Model MaSC-Hotel perlu dibina di atas asas *Ḍarūriyyāt*, dengan *Ḥifẓ al-Dīn* sebagai tunjang utama dalam penyediaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

5.3.4.1 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḍarūriyyāt

1) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Agama

Tujuan utama penggunaan kaedah ini adalah untuk memformulasi item-item yang paling signifikan dalam membantu pelaksanaan *Syarīʿah* dalam industri perhotelan. Dalam hal ini, aspek menjaga kesejahteraan agama diletakkan sebagai domain *Ḍarūriyyāt* yang utama dalam rangka *Maqāṣid Syarīʿah*. Melalui proses ini, pengkaji dapat menilai item-item berdasarkan kepentingannya dari sudut pandang syarak dan keperluan pelanggan Muslim, dengan menyaring mana-mana item yang kurang praktikal atau tidak mendapat konsensus pakar. Panel pakar yang dilantik terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang *Syarīʿah*, hospitaliti, dan pembangunan polisi halal. Mereka menilai setiap item yang dicadangkan menggunakan skala *fuzzy* dan memberikan respons berdasarkan kepakaran serta pengalaman industri. Daripada hasil yang diperoleh, setiap item dianalisis untuk menentukan sama ada ia memenuhi nilai ambang yang telah ditetapkan dalam model *Fuzzy Delphi*, bagi menentukan kesahihannya sebagai item kritikal.

Daripada senarai item yang dianalisis, beberapa item mendapat konsensus tinggi dan diterima sebagai item penting. Antara item tersebut termasuklah penyediaan

sejadah, telekung, dan kain pelekat di setiap bilik; penyediaan dua buah musolla bagi jantina berasingan; tanda arah kiblat yang jelas; dan jadual waktu solat yang dipaparkan. Ini menunjukkan keperluan asas ibadah seperti solat adalah perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh pihak hotel dalam menyediakan persekitaran patuh *Syarīʿah*. Selain keperluan asas harian, item seperti penyediaan juadah berbuka puasa dan sahur semasa bulan Ramadan juga dikategorikan sebagai penting. Hal ini menunjukkan kepekaan pengurusan hotel terhadap keperluan pelanggan Muslim dalam menjalani ibadah puasa dengan sempurna. Ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada perkhidmatan hotel, malah mencerminkan sokongan moral dan spiritual kepada pengunjung Muslim. Namun begitu, tidak semua cadangan diterima pakar. Beberapa item telah ditolak kerana dianggap kurang praktikal, tidak sesuai dalam konteks operasi hotel, atau kurang relevan dengan pengalaman pengunjung. Antaranya termasuk tulisan doa dalam bilik, kedudukan katil dan tandas tidak menghadap kiblat, dan penyediaan ruang solat peribadi dalam setiap bilik. Ini menandakan keperluan untuk menilai semula cadangan agar tidak terlalu membebankan pengurusan hotel tanpa mengurangkan nilai *Syarīʿah*.

Analisis *Fuzzy Delphi* ini turut memberikan implikasi langsung kepada pengurusan hotel dalam membuat keputusan pelaburan serta penyesuaian infrastruktur. Item yang disahkan boleh digunakan sebagai garis panduan dalam merancang pengubahsuaian bilik, pembinaan ruang solat, dan penyusunan semula perkhidmatan berasaskan *Syarīʿah*. Ini membolehkan pihak hotel berfungsi secara lebih cekap dan selari dengan piawaian patuh *Syarīʿah* tanpa menjejaskan pengalaman pelanggan. Dapatan ini amat signifikan dalam menyokong pembangunan model ini yang berasaskan kepada *Maqāṣid Syarīʿah*. Hasil *Fuzzy Delphi* ini berperanan sebagai asas empirikal kepada komponen 'Agama' dalam model tersebut, dan secara tidak langsung membantu membina dimensi yang praktikal dan boleh diukur dalam pelaksanaan sebenar hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Sebagai langkah susulan, adalah dicadangkan agar item-item yang telah mendapat konsensus tinggi digunakan dalam pembentukan polisi dalaman hotel, modul latihan staf, serta dokumen piawaian yang boleh dirujuk oleh pihak berkuasa agama dan badan pensijilan halal. Ini juga boleh dijadikan bahan rujukan untuk pembangunan garis panduan rasmi bagi hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat nasional. Secara keseluruhan, *Fuzzy Delphi* telah membuktikan keberkesanannya dalam mendapatkan konsensus pakar terhadap item penting dalam menjaga kesejahteraan agama di hotel patuh *Syarīʿah*. Kajian ini mencadangkan supaya item yang telah disahkan digunakan sebagai komponen teras dalam model pembangunan hotel Islamik.

Untuk masa hadapan, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan menumpukan kepada dimensi lain seperti nyawa (nafs), akal, harta, dan keturunan.

Kaedah *Fuzzy Delphi* merupakan pendekatan penyelidikan yang menggabungkan pendapat pakar dengan item kebarangkalian dan ketepatan melalui logik *fuzzy*. Dalam kajian ini, kaedah ini telah diaplikasikan untuk mengenal pasti tahap kesepakatan dalam kalangan pakar berkaitan item-item penting bagi membentuk konstruk "Menjaga Kesejahteraan Agama" dalam konteks Model MaSC-Hotel. *Fuzzy Delphi* digunakan untuk mendapatkan keputusan yang lebih objektif dan dapat menyaring item-item yang benar-benar relevan, sekali gus memperkukuh justifikasi akademik serta praktikal terhadap kriteria yang dikemukakan.

Jadual 5.14
Pemadanan Skala *Likert* Kepada Skala *Fuzzy* Dalam Penilaian 7 Aras Persetujuan

		Skala *Fuzzy* - 7 Skala		
Aras Persetujuan	**Skala *Likert***	**Skala *Fuzzy***		
Teramat Setuju	7	0.9	1	1
Sangat Setuju	6	0.7	0.9	1
Setuju	5	0.5	0.7	0.9
Sederhana Setuju	4	0.3	0.5	0.7
Tidak Setuju	3	0.1	0.3	0.5
Sangat Tidak Setuju	2	0	0.1	0.3
Teramat Tidak Setuju	1	0	0	0.1

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.14 menunjukkan pemadanan antara skala Likert dan skala *Fuzzy* dalam penilaian 7 aras persetujuan. Pemadanan ini digunakan bagi menukar skor subjektif daripada responden kepada nilai *Fuzzy* yang lebih berstruktur untuk analisis matematik, terutamanya dalam pendekatan *Fuzzy* Logic. Dalam jadual ini, setiap aras persetujuan diberikan nilai pada skala Likert dari 1 hingga 7, di mana nilai 7 merujuk kepada "Teramat Setuju" dan nilai 1 merujuk kepada "Teramat Tidak Setuju". Nilai-nilai ini kemudian dipadankan kepada skala *Fuzzy* yang merangkumi tiga titik bagi setiap aras, contohnya, "Teramat Setuju" dipadankan dengan *Fuzzy* 0.9, 1, 1, manakala "Setuju" dipadankan dengan *Fuzzy* 0.5, 0.7, 0.9. Pemadanan ini membolehkan interpretasi tahap

persetujuan responden secara lebih fleksibel, mengambil kira ketidakpastian dan variasi subjektif dalam jawapan, sekaligus memperkukuh ketepatan analisis data kuantitatif yang melibatkan **pendekatan *Fuzzy* dalam pengukuran 7 aras persetujuan**.

Jadual 5.15
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḍarūriyyāt* Konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama

Pakar	**Item**											
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**
Jabatan Standarts 1	7	7	7	7	7	6	7	7	7	7	6	6
Jabatan Standarts 2	7	7	1	4	7	4	4	4	7	7	4	7
HDC 1	7	7	7	7	7	7	5	5	7	5	5	7
HDC 2	7	7	6	5	7	6	5	7	7	6	5	7
HDC 3	7	7	7	6	7	7	6	7	7	6	7	7
Halal JAKIM	7	7	6	6	6	6	6	4	7	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6	3	3	6	6	3	6
MOTAC 2	5	7	4	4	7	5	3	7	7	7	3	7
ITC 1	7	7	5	5	7	7	4	4	7	4	4	7
Yayasan Wakaf	5	7	5	7	7	6	4	7	7	5	4	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	1	7	7	7	7
JAKIM 2	5	7	4	7	7	5	4	3	6	4	5	6
JAKIM 3	5	7	5	7	6	5	4	4	7	6	4	7
Halal Centre 1	7	7	5	7	7	7	6	3	7	7	6	7
Halal Centre 2	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	4
Halal Centre 3	7	7	3	7	7	5	4	7	7	5	4	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.15 memaparkan skor penilaian pakar terhadap 12 item dalam domain *Ḍarūriyyāt* bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama yang melibatkan pelbagai agensi berkepentingan seperti Jabatan Standard, HDC, Halal JAKIM, MOTAC, ITC, Yayasan Wakaf, JAKIM dan Halal Centre. Penilaian dibuat berdasarkan tahap kepentingan dan kesesuaian item dalam membentuk ciri-ciri hotel patuh *Syarīʿah*

menggunakan skala Likert tujuh mata, di mana skor 7 menunjukkan tahap persetujuan tertinggi. Secara keseluruhan, item dalam konstruk ini menerima skor yang tinggi khususnya daripada Jabatan Standard, HDC dan JAKIM, menunjukkan kesepakatan bahawa item yang dinilai adalah kritikal dalam memastikan kesejahteraan agama dalam perkhidmatan hotel. Walau bagaimanapun, variasi skor daripada pakar seperti MOTAC dan sebahagian responden Halal Centre mencerminkan perbezaan penekanan terhadap kepentingan item tertentu. Dapatan ini seterusnya menyediakan asas bagi pemadanan skor kepada skala *Fuzzy* untuk membolehkan pengiraan indeks kebolehpercayaan dan kepentingan item secara lebih teliti dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.16
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Agama Dalam Domain *Ḍarūriyyāt*

Pakar	**Item**											
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**
Jabatan Standarts 1	0.131	0.034	0.378	0.184	0.052	0.077	0.473	0.488	0.043	0.226	0.326	0.081
Jabatan Standarts 2	0.131	0.034	1.083	0.498	0.052	0.477	0.206	0.193	0.043	0.226	0.225	0.078
HDC 1	0.131	0.034	0.378	0.184	0.052	0.209	0.108	0.149	0.043	0.166	0.091	0.078
HDC 2	0.131	0.034	0.253	0.208	0.052	0.077	0.108	0.488	0.043	0.095	0.091	0.078
HDC 3	0.131	0.034	0.378	0.068	0.052	0.209	0.345	0.488	0.043	0.095	0.455	0.078
Halal JAKIM	0.131	0.034	0.253	0.068	0.101	0.077	0.345	0.193	0.043	0.095	0.326	0.081
MOTAC 1	0.048	0.120	0.253	0.068	0.101	0.077	0.510	0.489	0.111	0.095	0.529	0.081
MOTAC 2	0.260	0.034	0.301	0.498	0.052	0.183	0.510	0.488	0.043	0.226	0.529	0.078
ITC 1	0.131	0.034	0.068	0.208	0.052	0.209	0.206	0.193	0.043	0.458	0.225	0.078
Yayasan Wakaf	0.260	0.034	0.068	0.184	0.052	0.077	0.206	0.488	0.043	0.166	0.225	0.078
JAKIM 1	0.131	0.034	0.378	0.184	0.052	0.209	0.473	0.967	0.043	0.226	0.455	0.078
JAKIM 2	0.260	0.034	0.301	0.184	0.052	0.183	0.206	0.489	0.111	0.458	0.091	0.081
JAKIM 3	0.260	0.034	0.068	0.184	0.101	0.183	0.206	0.193	0.043	0.095	0.225	0.078
Halal Centre 1	0.131	0.034	0.068	0.184	0.052	0.209	0.345	0.489	0.043	0.226	0.326	0.078

Pakar	Item											
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**
Halal Centre 2	0.260	0.358	0.068	0.208	0.340	0.183	0.108	0.149	0.349	0.166	0.091	0.603
Halal Centre 3	0.131	0.034	0.602	0.184	0.052	0.183	0.206	0.488	0.043	0.166	0.225	0.078
Nilai d setiap item	**0.166**	**0.059**	**0.306**	**0.206**	**0.080**	**0.176**	**0.285**	**0.402**	**0.071**	**0.199**	**0.277**	**0.111**

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.16 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama di bawah domain *Ḍarūriyyāt*, yang menggambarkan tahap perbezaan purata serta variasi pandangan pakar terhadap kepentingan setiap item dalam pembentukan model hotel patuh *Syarīʿah*. Penilaian yang diberikan oleh pakar telah ditukarkan kepada nilai *threshold* bagi mengenal pasti item yang mencapai tahap kesepakatan tinggi serta item yang menunjukkan variasi pandangan yang lebih besar. Analisis menunjukkan bahawa item 3 (0.306), item 7 (0.285), item 8 (0.402), dan item 11 (0.277) merekodkan nilai *threshold* yang lebih tinggi, mencerminkan perbezaan pandangan yang ketara dalam kalangan pakar terhadap kepentingannya, manakala item 1 (0.166), item 2 (0.059), item 4 (0.206), item 5 (0.080), item 6 (0.176), item 9 (0.071), item 10 (0.199), dan item 12 (0.111) mencatatkan nilai yang lebih rendah, menandakan kesepakatan yang tinggi terhadap kepentingan item tersebut dalam memastikan kesejahteraan agama dalam perkhidmatan hotel. Dapatan ini seterusnya menjadi asas dalam proses pemadanan dan penapisan item bagi pembangunan Model MaSC-Hotel, di mana hanya item yang mencapai tahap kesepakatan tinggi atau dinilai relevan oleh majoriti pakar akan dipertimbangkan bagi membentuk model yang lebih kukuh, seimbang dan berasaskan konsensus pakar selaras dengan prinsip pelaksanaan *Syarīʿah* dalam perkhidmatan hotel.

Jadual 5.16 menunjukkan hasil analisis nilai *threshold* ($d \leq 0.2$) bagi item dalam domain Menjaga Kesejahteraan Agama yang digunakan untuk menilai tahap kesepakatan pakar terhadap kepentingan setiap item dalam pembentukan model hotel patuh *Syarīʿah*. Hasil analisis mendapati bahawa sebahagian besar item mencapai nilai $d \leq 0.2$, iaitu item 1 (16 pakar; 100%), item 2 (15 pakar; 93.8%), item 4 (14 pakar; 87.5%), item 5 (15 pakar; 93.8%), item 6 (15 pakar; 93.8%), item 9 (15 pakar; 93.8%), item 10 (14 pakar; 87.5%) dan item 12 (15 pakar; 93.8%), menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap kepentingannya. Sebaliknya, item 3 (8 pakar; 50.0%), item 7 (9 pakar; 56.3%), item 8 (6 pakar; 37.5%) dan item 11 (9 pakar; 56.3%) merekodkan tahap persetujuan yang lebih rendah, mencerminkan kewujudan variasi pandangan terhadap kepentingan item tersebut. Peratusan ini menggambarkan tahap konsensus pakar bagi setiap item, di mana nilai yang tinggi menandakan kesepakatan yang kukuh terhadap kepentingannya dalam memastikan kesejahteraan agama, manakala nilai yang lebih rendah menunjukkan keperluan kepada pertimbangan lanjut sebelum item berkenaan dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.17
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Domain Menjaga Kesejahteraan Agama

	ITEM											
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**
Bilangan Item d ≤ 0.2	16	15	8	14	15	15	9	6	15	14	9	15
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	100.0%	93.8%	50.0%	87.5%	93.8%	93.8%	56.3%	37.5%	93.8%	87.5%	56.3%	93.8%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.18
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Agama
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**1**			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**			**11**			**12**		
Jabatan Standarts 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0	0	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1

Pakar	**1**			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**			**11**			**12**		
MOTAC 2	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.1	0.3	0.5	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.1	0.3	0.5	0.9	1	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0	0	0.1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.1	0.3	0.5	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																																				
Purata Setiap Unsur	0.763	0.900	0.969	0.863	0.975	0.994	0.556	0.719	0.844	0.713	0.863	0.944	0.838	0.963	0.994	0.675	0.844	0.950	0.463	0.650	0.806	0.494	0.644	0.763	0.850	0.969	0.994	0.663	0.831	0.938	0.475	0.663	0.819	0.813	0.944	0.981
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.877			0.944			0.706			0.840			0.931			0.823			0.640			0.633			0.938			0.810			0.652			0.913		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.17 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama di bawah domain *Ḍarūriyyāt*. Setiap pakar memberikan penilaian menggunakan skala *Fuzzy* tiga titik bagi setiap item yang kemudiannya digunakan untuk mengira purata *Fuzzy* (*Average of Fuzzy Number*) berdasarkan rumus. Hasil pengiraan menunjukkan tahap kepentingan serta kesepakatan pakar terhadap setiap item, di mana item 5, 6 dan 12 merekodkan purata *Fuzzy* yang tinggi, menandakan kesepakatan yang kukuh terhadap kepentingannya dalam memastikan kesejahteraan agama, manakala item 7 menunjukkan purata yang lebih rendah dan mencerminkan variasi dalam penilaian pakar. Pendekatan *Fuzzy* ini membolehkan ketidakpastian serta unsur subjektiviti dalam penilaian pakar diambil kira secara sistematik, sekali gus meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan skor dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* serta menyokong proses pemilihan item kritikal secara lebih berstruktur..

Jadual 5.19
Analisis Ketidakpatuhan Item Menjaga Kesejahteraan Agama Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy* (A)			
1	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	0.166	100.0%	0.763	0.900	0.969	0.877	TERIMA	0.877	5
2	Tanda arah kiblat yang jelas	0.059	93.8%	0.863	0.975	0.994	0.944	TERIMA	0.944	1
3	Menyediakan kayu sugi/berus gigi	0.306	50.0%	0.556	0.719	0.844	0.706	TOLAK	0.706	9
4	Memaparkan Jadual waktu solat	0.206	87.50%	0.713	0.863	0.944	0.840	TERIMA	0.840	6
5	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)	0.080	93.75%	0.838	0.963	0.994	0.931	TERIMA	0.931	3
6	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan	0.176	93.75%	0.675	0.844	0.950	0.823	TERIMA	0.823	7
7	Lokasi hotel berhampiran masjid	0.285	56.25%	0.463	0.650	0.806	0.640	TOLAK	0.640	11

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy* (A)			
8	Tiada kitab suci selain al-Quran di dalam bilik	0.402	37.50%	0.494	0.644	0.763	0.633	TOLAK	0.633	12
9	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari najis mughallazah (Contoh: no pet allowed)	0.071	93.75%	0.850	0.969	0.994	0.938	TERIMA	0.938	2
10	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat	0.199	87.50%	0.663	0.831	0.938	0.810	TERIMA	0.810	8
11	Terdapat tulisan doa di dalam bilik di seluruh premis hotel	0.277	56.25%	0.475	0.663	0.819	0.652	TOLAK	0.652	10
12	Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.	0.111	93.75%	0.813	0.944	0.981	0.913	TERIMA	0.913	4

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.19 memaparkan analisis ketidakpatuhan item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Agama menggunakan Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*. Penilaian ini menggabungkan tiga komponen nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) bagi setiap item yang dikira sebagai skor *Fuzzy* purata (A) sebelum dibandingkan dengan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$) serta peratus kesepakatan pakar. Hasil analisis menunjukkan bahawa lapan daripada dua belas item diterima kerana mencapai nilai *threshold* yang rendah dan tahap kesepakatan yang tinggi, seperti item "Tanda arah kiblat yang jelas" (d = 0.059; 93.8%) dengan skor *Fuzzy* 0.944, serta item "Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci daripada najis mughallazah" (d = 0.071; 93.75%) dengan skor *Fuzzy* 0.938. Sebaliknya, empat item ditolak berikutan nilai *threshold* yang lebih tinggi dan kesepakatan pakar yang rendah, antaranya item "Tiada kitab suci selain al-Quran di dalam bilik" (d = 0.402; 37.5%) dengan skor *Fuzzy* 0.633. Analisis ini membolehkan pembezaan antara item yang kritikal dan kurang kritikal, sekali gus menyaring item yang paling sesuai untuk dimasukkan dalam pembinaan Model MaSC-Hotel, di samping memastikan setiap keputusan dibuat berasaskan tahap kesepakatan pakar dan kepentingan relatif item bagi memperkukuh ketepatan serta kebolehpercayaan model yang dibangunkan.

Jadual 5.20
Dapatan Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Agama dalam Domain *Ḍarūriyyāt* Melalui *Fuzzy Delphi*

	Domain: *Darurriyat* (Keutamaan) **Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Agama**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
A1.1	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	A1.1	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)
A1.2	Tanda arah kiblat yang jelas	A1.2	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat
A1.3	Menyediakan kayu sugi/berus gigi	A1.3	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari *najis mughallazah* (Contoh: *no pet allowed*)
A1.4	Memaparkan Jadual waktu solat	A1.4	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan

	Domain: *Darurriyat* (Keutamaan) **Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Agama**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
A1.5	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)	A1.5	Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.
A1.6	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan	A1.6	Tanda arah kiblat yang jelas
A1.7	Lokasi hotel berhampiran masjid	A1.7	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat
A1.8	Tiada kitab suci selain al- Quran di dalam bilik	A1.8	Memaparkan Jadual waktu solat
A1.9	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari *najis mughallazah* (Contoh: *no pet allowed*)		
A1.10	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat		
A1.11	Terdapat tulisan doa di dalam bilik di seluruh premis hotel		
A1.12	Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.21
Jadual Item Bagi Konstruk Menjaga Agama Di Bawah Domain Darruriyyat

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
A1.1	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)
A1.2	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat
A1.3	Penginapan yang ditawarkan adalah bersih dan suci dari *najis mughallazah* (Contoh: *no pet allowed*)
A1.4	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan
A1.5	Ruang yang selesa untuk pelanggan Muslim mengerjakan solat hendaklah disediakan.
A1.6	Tanda arah kiblat yang jelas
A1.7	Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadap kiblat
A1.8	Memaparkan Jadual waktu solat

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Analisis jadual bagi konstruk "Menjaga Agama" di bawah domain *Ḍarūriyyāt* menunjukkan bahawa hotel perlu menitikberatkan pelbagai aspek bagi memastikan keperluan agama pelanggan Muslim dipenuhi. Item A1.1 dan A1.2 menekankan penyediaan fasiliti asas ibadah seperti musolla, sejadah, telekung dan kain pelekat bagi membolehkan pelanggan menunaikan solat dengan sempurna, manakala item A1.3 memberi penekanan terhadap aspek kebersihan penginapan termasuk memastikan persekitaran bebas daripada najis mughallazah bagi menjaga kesucian tempat penginapan. Seterusnya, item A1.4 hingga A1.6 menumpukan kepada penyediaan perkhidmatan sokongan ibadah seperti juadah iftar dan sahur pada bulan Ramadan, ruang solat yang selesa serta tanda arah kiblat yang jelas, di samping item A1.7 yang memberi perhatian kepada susunan fizikal bilik seperti kedudukan katil dan tandas agar tidak menghadap kiblat, dan item A1.8 yang memastikan pelanggan dapat merujuk jadual waktu solat dengan mudah. Secara keseluruhan, konstruk Menjaga Agama merangkumi dua item utama iaitu fasiliti fizikal yang bersih dan selesa serta kemudahan sokongan ibadah, di mana pemenuhan kedua-dua aspek ini adalah kritikal dalam memastikan pematuhan terhadap prinsip *Syarīʿah* serta meningkatkan pengalaman penginapan pelanggan Muslim.

2) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Nyawa

Dalam konteks Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*, domain menjaga kesejahteraan nyawa menekankan kepentingan terhadap aspek keselamatan fizikal, kesihatan pengunjung, serta persekitaran penginapan yang bebas daripada risiko. Prinsip ini sejajar dengan objektif *Ḥifẓ al-Nafs* yang menuntut agar nyawa manusia dipelihara daripada sebarang bentuk ancaman atau kemudaratan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan terhadap sistem keselamatan yang menyeluruh merupakan item penting yang harus diintegrasikan dalam operasi hotel, termasuk kawalan kebakaran, penyediaan makanan yang halal dan bersih, serta pelaksanaan prosedur keselamatan yang komprehensif. Para pakar yang ditemu bual turut menegaskan bahawa kepatuhan terhadap piawaian keselamatan bukan sekadar memenuhi tuntutan undang-undang atau keperluan industri, tetapi merupakan satu kewajipan *Syarīʿah* dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan tetamu Muslim terjamin sepenuhnya.

Dari sudut pelaksanaan, aspek keselamatan fizikal hotel merangkumi penyediaan alat pemadam api yang mencukupi, pemasangan sistem pengesan asap di kawasan strategik, serta pelaksanaan latihan kecemasan secara berkala kepada semua pekerja. Langkah ini penting untuk memastikan setiap individu yang terlibat dalam pengurusan hotel memahami tanggungjawab mereka dalam menghadapi sebarang insiden yang tidak dijangka. Prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dalam menangani kecemasan seperti kebakaran, kecederaan, atau bencana alam turut dianggap sebagai penanda aras penting dalam pelaksanaan prinsip *Ḥifẓ al-Nafs* kerana ia menggambarkan tahap kecekapan dan kesiapsiagaan pihak hotel terhadap risiko.

Selain aspek keselamatan fizikal, kebersihan dan keselamatan makanan turut menjadi fokus utama dalam domain ini. Kawalan terhadap sumber bahan mentah, proses penyediaan makanan, dan pematuhan terhadap pensijilan halal JAKIM merupakan faktor kritikal yang menentukan tahap kepercayaan pelanggan Muslim terhadap hotel. Para pakar berpendapat bahawa pelaksanaan sistem audit halal secara berkala dapat meningkatkan integriti operasi dapur hotel, di samping menjamin kesucian dan kualiti makanan yang disediakan. Aspek ini bukan sahaja menepati tuntutan *Ḥifẓ al-Nafs* dari sudut fizikal, tetapi juga menyokong *Ḥifẓ al-Dīn* melalui pematuhan terhadap prinsip halal yang menyeluruh dalam kehidupan seharian.

Larangan terhadap amalan merokok dan penggunaan vape di kawasan hotel pula dilihat sebagai langkah proaktif yang memperkukuh komitmen terhadap kesihatan awam. Pendekatan ini mencerminkan keprihatinan pengurusan hotel terhadap kesejahteraan tetamu serta menggambarkan nilai Islam yang menolak sebarang bentuk kemudaratan, sejajar dengan kaedah fiqh *"lā ḍarar wa lā ḍirār"* (tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan). Dengan melaksanakan polisi bebas rokok dan memastikan udara serta ruang penginapan kekal bersih, hotel bukan sahaja meningkatkan kualiti persekitaran, tetapi juga memperkukuh imejnya sebagai institusi yang prihatin terhadap tanggungjawab sosial dan kesihatan pelanggan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan nilai *Ḥifẓ al-Nafs* dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh dilihat secara terpisah daripada sistem pengurusan yang lebih luas. Ia merangkumi pemantauan berterusan terhadap risiko, penyelenggaraan fasiliti yang konsisten, serta peningkatan kemahiran dan kesedaran sumber manusia melalui latihan keselamatan dan etika kerja. Integrasi item-item keselamatan, kesihatan, dan kebersihan ini membentuk satu ekosistem pengurusan hotel yang bukan sahaja mematuhi piawaian industri, tetapi juga selaras dengan tuntutan

Syarīʿah. Pendekatan menyeluruh ini diyakini mampu memperkukuh pelaksanaan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara holistik dalam sektor perhotelan Islam di Malaysia. Oleh itu, item-item utama yang dikenal pasti dalam domain menjaga kesejahteraan nyawa berperanan penting sebagai asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel yang berteraskan nilai kesejahteraan dan keselamatan manusia. Oleh itu, Jadual 5.22 berikut merumuskan item-item utama yang dikenal pasti dalam domain menjaga kesejahteraan nyawa.

Jadual 5.22
Item-item dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa (Domain *Ḍarūriyyāt*)

Kod	**Item Utama**	**Penerangan**	**Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥifẓ al-Nafs*)**
A5.1	Kawalan kebakaran	Penyediaan alat pengesan asap, pemadam api dan latihan kebakaran secara berkala bagi menjamin keselamatan tetamu dan staf.	Melindungi nyawa daripada ancaman kebakaran dan kemalangan, selari dengan prinsip pencegahan mudarat.
A5.2	Menyediakan makanan dan minuman halal	Semua makanan dan minuman yang disediakan adalah bersih, selamat dan mematuhi syariat Islam.	Menjamin kesejahteraan kesihatan dan mengelakkan kemudaratan melalui pemakanan haram atau meragukan.
A5.3	Pensijilan Halal Makanan	Semua bahan mentah dan produk makanan mempunyai sijil halal yang sah daripada pihak berautoriti.	Mengukuhkan keyakinan pengguna Muslim terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.
A5.4	Restoran diiktiraf halal JAKIM	Restoran di hotel mendapat pengiktirafan rasmi halal daripada JAKIM.	Memberi jaminan standard tertinggi halal, menepati tuntutan syarak dalam penjagaan nyawa dan kesihatan.
A5.5	Sistem kawalan situasi kecemasan	Kewujudan SOP, staf terlatih dan sistem tindak balas pantas bagi menangani kecemasan (contoh: kebakaran, banjir, bencana).	Mengurangkan risiko kehilangan nyawa melalui kesiapsiagaan dan pengurusan risiko berkesan.
A5.6	Larangan merokok	Melarang aktiviti merokok di dalam premis hotel untuk menjaga kesihatan tetamu dan persekitaran.	Melindungi tetamu daripada bahaya asap rokok pasif yang memberi kesan kepada kesihatan.
A5.7	Larangan penggunaan vape	Mengharamkan penggunaan vape bagi mengelakkan risiko kesihatan dan imej negatif kepada tetamu.	Menolak unsur mudarat dan menjaga kesihatan serta nyawa daripada ancaman baharu.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Secara keseluruhannya, Jadual 5.22 menunjukkan bahawa konstruk menjaga kesejahteraan nyawa dalam domain *Ḍarūriyyāt* memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kesihatan serta jaminan halal dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Item yang digariskan merangkumi langkah pencegahan kemalangan seperti kawalan kebakaran (A5.1) dan penyediaan sistem pengurusan situasi kecemasan (A5.5) yang berperanan penting dalam melindungi nyawa tetamu dan kakitangan hotel. Selain itu, penyediaan makanan dan minuman halal (A5.2), pensijilan halal yang sah (A5.3) serta pengiktirafan restoran oleh JAKIM (A5.4) menunjukkan bahawa penjagaan kesihatan tetamu bukan sahaja menitikberatkan kebersihan dan keselamatan fizikal, malah memenuhi tuntutan syarak dalam aspek pemakanan. Larangan terhadap amalan merokok (A5.6) dan penggunaan vape (A5.7) turut mencerminkan keperluan mewujudkan persekitaran penginapan yang sihat dan bebas daripada unsur yang boleh memudaratkan kesihatan. Kesemua item ini menzahirkan penerapan prinsip *Hifẓ al-Nafs* secara menyeluruh yang merangkumi perlindungan daripada bahaya fizikal, pencegahan risiko kesihatan serta pengukuhan sistem halal dalam perkhidmatan hotel, seterusnya menyokong keupayaan Model MaSC-Hotel dalam menjamin kesejahteraan nyawa tetamu selaras dengan objektif utama *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks hospitaliti Islam di Malaysia.

5.3.4.2 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḍarūriyyāt

2) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Nyawa

Hasil analisis menunjukkan bahawa beberapa item mencapai tahap konsensus tertinggi dalam kalangan pakar, antaranya kawalan kebakaran (alat pengesan dan pemadam api), penyediaan makanan dan minuman halal serta pensijilan halal makanan, yang mencerminkan keprihatinan terhadap aspek keselamatan nyawa dan kepentingan menjaga kesihatan melalui pemakanan yang diyakini halal. Item seperti kewujudan sistem kawalan situasi kecemasan melalui prosedur operasi standard (SOP) serta staf terlatih turut dikenal pasti sebagai komponen penting bagi memastikan tindakan pantas dan tepat dapat diambil semasa insiden kecemasan. Pengiktirafan restoran hotel oleh JAKIM juga disahkan sebagai item kritikal dalam menjamin keselamatan serta kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan makanan yang disediakan, manakala larangan merokok dan penggunaan vape di kawasan hotel menunjukkan kesedaran terhadap risiko kesihatan yang boleh menjejaskan pelanggan melalui pendedahan asap rokok pasif. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang tidak dimasukkan

dalam ranking akhir berikutan kegagalan mencapai tahap persetujuan majoriti pakar, berkemungkinan disebabkan cabaran pelaksanaan atau kesesuaian dalam konteks operasi semasa hotel, sekali gus menekankan keperluan kepada pendekatan yang praktikal dalam penentuan item model. Dapatan ini memberikan implikasi penting kepada pihak pengurusan hotel dalam menambah baik sistem keselamatan dan kebersihan serta menyokong pembangunan polisi industri, pensijilan halal dan latihan pekerja berteraskan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Secara keseluruhan, penjagaan nyawa dalam konteks perhotelan merangkumi bukan sahaja aspek keselamatan fizikal, malah melibatkan pemakanan, kesihatan dan langkah pencegahan risiko, selaras dengan prinsip *Hifẓ al-Nafs*. Kajian ini menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi* bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap item penting dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa melalui penilaian berdasarkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), peratusan persetujuan pakar ($\geq 75\%$) serta skor *Fuzzy* melebihi nilai min, di mana hanya item yang memenuhi kesemua kriteria tersebut dikekalkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.23
Pemadanan Skala *Likert* Kepada Skala *Fuzzy* Dalam Penilaian 7 Aras Persetujuan

	Skala *Fuzzy* - 7 Skala			
Aras Persetujuan	**Skala *Likert***		**Skala *Fuzzy***	
Teramat Setuju	7	0.9	1	1
Sangat Setuju	6	0.7	0.9	1
Setuju	5	0.5	0.7	0.9
Sederhana Setuju	4	0.3	0.5	0.7
Tidak Setuju	3	0.1	0.3	0.5
Sangat Tidak Setuju	2	0	0.1	0.3
Teramat Tidak Setuju	1	0	0	0.1

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.23 menunjukkan pemadanan antara skala Likert tujuh aras dengan skala *Fuzzy* yang digunakan dalam proses penilaian pakar bagi menentukan tahap persetujuan terhadap setiap item dalam domain *Ḍarūriyyāt*. Pemadanan ini membolehkan data kualitatif dalam bentuk skor Likert ditukarkan kepada data kuantitatif yang sesuai untuk dianalisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Skala tersebut merangkumi tujuh tahap persetujuan bermula daripada "Teramat Tidak Setuju" (1) hingga "Teramat Setuju" (7), di mana setiap aras dipadankan dengan tiga nilai *Fuzzy*

(m_1, m_2, m_3) yang mewakili julat keanggotaan dalam set kabur; sebagai contoh, skor Likert 7 diwakili oleh nilai *Fuzzy* (0.9, 1.0, 1.0), manakala skor 1 diwakili oleh nilai (0, 0, 0.1). Pemadanan ini membolehkan tahap persetujuan pakar dinilai secara lebih fleksibel dengan mengambil kira ketidakpastian serta tahap keyakinan yang berbeza dalam penilaian, sekali gus menyediakan asas bagi proses penukaran data linguistik kepada data numerik *Fuzzy* dan membolehkan pengiraan nilai purata, *threshold* serta kesepakatan pakar dijalankan secara lebih objektif dan sistematik dalam analisis pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.24
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḍarūriyyāt* dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	7	7	7	7	7	7	7
Jabatan Standarts 2	7	7	7	7	7	7	7
HDC 1	7	7	7	7	7	6	6
HDC 2	7	7	7	7	7	7	7
HDC 3	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	7	7	7	7	6	6	6
ITC 1	7	7	7	7	7	6	6
Yayasan Wakaf	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	7	7	7	6	7	7	6
JAKIM 3	7	7	7	7	6	7	6
Halal Centre 1	7	7	7	7	6	7	6
Halal Centre 2	7	7	7	6	7	7	6
Halal Centre 3	7	7	7	7	7	7	6

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.24 memaparkan skor penilaian pakar terhadap item dalam domain *Ḍarūriyyāt* bagi menjaga kesejahteraan nyawa di hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan skala Likert tujuh aras untuk menentukan tahap persetujuan terhadap kepentingan setiap item. Dapatan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pakar memberikan skor tinggi antara 6 hingga 7 bagi semua item, mencerminkan tahap kesepakatan yang tinggi bahawa item yang dinilai adalah penting dalam menjamin keselamatan serta kesejahteraan nyawa pelanggan. Item yang berkaitan dengan keselamatan fizikal dan kemudahan asas seperti penyediaan kemudahan kecemasan, sistem keselamatan yang efisien serta pengurusan risiko secara konsisten menerima skor maksimum daripada majoriti pakar, manakala sebahagian kecil pakar daripada agensi seperti Halal JAKIM, MOTAC dan ITC memberikan skor sedikit lebih rendah pada beberapa item tertentu yang menunjukkan perbezaan pandangan yang minimum terhadap tahap keutamaannya. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan konsensus kukuh dalam kalangan pakar bahawa aspek keselamatan nyawa merupakan keutamaan utama dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah* dan seterusnya menyediakan asas penting kepada analisis *Fuzzy Delphi* bagi menilai tahap kesepakatan secara lebih kuantitatif dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.25
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Nyawa dalam domain *Ḍarūriyyāt*

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
Jabatan Standarts 2	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
HDC 1	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.105	0.057
HDC 2	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
HDC 3	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
Halal JAKIM	0.134	0.134	0.134	0.115	0.105	0.105	0.057
MOTAC 1	0.134	0.134	0.134	0.115	0.105	0.105	0.057
MOTAC 2	0.019	0.019	0.019	0.038	0.105	0.105	0.057
ITC 1	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.105	0.057

Pakar	Item						
	1	2	3	4	5	6	7
Yayasan Wakaf	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
JAKIM 1	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.095
JAKIM 2	0.019	0.019	0.019	0.115	0.048	0.048	0.057
JAKIM 3	0.019	0.019	0.019	0.038	0.105	0.048	0.057
Halal Centre 1	0.019	0.019	0.019	0.038	0.105	0.048	0.057
Halal Centre 2	0.019	0.019	0.019	0.115	0.048	0.048	0.057
Halal Centre 3	0.019	0.019	0.019	0.038	0.048	0.048	0.057
Nilai d setiap item	0.033	0.033	0.033	0.057	0.066	0.066	0.072

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.25 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa di bawah domain *Ḍarūriyyāt* bagi mengukur tahap perbezaan purata pandangan pakar terhadap setiap item yang dinilai. Dalam konteks *Fuzzy Delphi Method* , nilai d yang rendah menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi, manakala nilai yang lebih tinggi mencerminkan variasi pandangan terhadap kepentingan item tertentu. Analisis mendapati bahawa kesemua item dalam konstruk ini mencatatkan nilai *threshold* yang rendah dan berada jauh di bawah nilai ambang 0.2, sekali gus menunjukkan tahap kesepakatan yang sangat tinggi dalam kalangan pakar terhadap kepentingannya sebagai item daruri dalam pembentukan Model Hotel Patuh *Syarīʿah*. Item 1, item 2 dan item 3 masing-masing merekodkan nilai *threshold* purata 0.033 yang mencerminkan keseragaman pandangan hampir sempurna, diikuti oleh item 4 (0.057), item 5 dan item 6 (0.066), serta item 7 (0.072) yang menunjukkan variasi pandangan yang minimum namun masih berada dalam julat penerimaan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa telah memenuhi syarat penerimaan *Fuzzy Delphi Method* dan wajar dikekalkan sebagai komponen teras dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan perlindungan nyawa, keselamatan dan kesejahteraan insan dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.26
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Menjaga Kesejahteraan Nyawa

	Item						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Bilangan Item d ≤ 0.2	16	16	16	16	16	16	16
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.26 memaparkan analisis penerimaan item berdasarkan nilai *threshold* (d ≤ 0.2) bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa dalam domain *Ḍarūriyyāt* bagi mengesahkan tahap kesepakatan pakar terhadap setiap item selaras dengan kriteria penerimaan dalam *Fuzzy Delphi Method* . Dapatan menunjukkan bahawa kesemua item daripada item 1 hingga item 7 telah mencapai nilai *threshold* d ≤ 0.2 bagi semua 16 orang pakar yang terlibat, dengan setiap item mencatatkan kadar penerimaan penuh sebanyak 100 peratus, sekali gus menandakan tiada item yang gagal memenuhi kriteria kesepakatan pakar. Tahap penerimaan yang seragam ini menunjukkan bahawa semua pakar, tanpa mengira latar belakang institusi dan kepakaran, sepakat dalam mengiktiraf kepentingan setiap item sebagai item daruriyyat yang perlu dipenuhi dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*, khususnya dalam memastikan perlindungan nyawa, keselamatan dan kesejahteraan tetamu. Dapatan ini turut mengesahkan kestabilan serta kebolehpercayaan item yang dicadangkan kerana setiap item bukan sahaja mencapai nilai *threshold* purata yang rendah, malah memenuhi kriteria penerimaan individu pakar secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, analisis ini mengukuhkan justifikasi untuk mengekalkan kesemua tujuh item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa sebagai komponen teras dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt* yang menekankan perlindungan nyawa dan keselamatan insan dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.27
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa
Rumus : i.Amax = 1/3 * (m1 + m2 + m3)

	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1

	1			2			3			4			5			6			7		
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Fuzzy Evaluation Process																					
Purata Setiap Unsur	0.875	0.988	1.000	0.875	0.988	1.000	0.875	0.988	1.000	0.850	0.975	1.000	0.838	0.969	1.000	0.838	0.969	1.000	0.775	0.938	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)		0.954			0.954			0.954			0.942			0.935			0.935			0.904	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.27 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi domain *Ḍarūriyyāt* dalam aspek Menjaga Kesejahteraan Nyawa melalui pengiraan skor *Fuzzy* menggunakan rumus A_{max}, iaitu satu per tiga daripada jumlah nilai m_1, m_2 dan m_3 bagi menentukan purata *Fuzzy* setiap item sebagai asas kepada penentuan tahap kepentingan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Penilaian ini melibatkan pakar daripada pelbagai agensi berkaitan standard, halal, pelancongan dan pembangunan industri hospitaliti yang memberikan penilaian dalam bentuk nombor Fuzzy *Triangular* mewakili tahap kepentingan minimum, sederhana dan maksimum bagi setiap item sebelum digabungkan melalui proses *Fuzzy* evaluation. Dapatan menunjukkan bahawa item 1 hingga item 3 mencatatkan nilai purata $m_1 = 0.875$, $m_2 = 0.988$ dan $m_3 = 1.000$ yang mencerminkan tahap kesepakatan pakar yang sangat tinggi terhadap keperluannya sebagai item daruri dalam menjaga kesejahteraan nyawa, diikuti oleh item 4 ($m_1 = 0.850$; $m_2 = 0.975$; $m_3 = 1.000$), item 5 dan item 6 ($m_1 = 0.838$; $m_2 = 0.969$; $m_3 = 1.000$), serta item 7 yang merekodkan nilai $m_1 = 0.775$; $m_2 = 0.938$; $m_3 = 1.000$, menunjukkan variasi pandangan yang minimum namun masih mengekalkan tahap kepentingan maksimum yang tinggi. Berdasarkan pengiraan skor *Fuzzy*, item 1 hingga item 3 memperoleh nilai *Average of Fuzzy Number* sebanyak 0.954, diikuti oleh item 4 (0.942), item 5 dan item 6 (0.935) serta item 7 (0.904), yang kesemuanya melepasi kriteria penerimaan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa mencapai skor *Fuzzy* yang tinggi dan wajar dikekalkan sebagai item teras dalam domain *Ḍarūriyyāt* bagi pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan perlindungan nyawa dan kesejahteraan insan dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.28
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Nyawa

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Purata	0.875	0.988	1.000	0.875	0.988	1.000	0.875	0.988	1.000	0.850	0.975	1.000	0.838	0.969	1.000	0.838	0.969	1.000	0.775	0.938	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.28 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa bagi hotel patuh *Syarīʿah* yang melibatkan pakar daripada pelbagai institusi berkaitan standard, halal, pelancongan dan pembangunan industri hospitaliti seperti Jabatan Standard, Halal Development Corporation, JAKIM, MOTAC, Halal Centre dan Yayasan Wakaf. Penilaian diberikan dalam bentuk nombor Fuzzy yang diseragamkan kepada nilai triangular bagi mencerminkan tahap kepentingan minimum, sederhana dan maksimum setiap item. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti pakar memberikan penilaian yang tinggi terhadap hampir semua item dengan nilai *Fuzzy* dominan dalam julat 0.9 hingga 1.0, manakala nilai m_3 secara konsisten mencapai 1.000 bagi semua item yang mencerminkan kesepakatan maksimum terhadap tahap kepentingannya. Analisis purata menunjukkan bahawa item 1 hingga item 3 merekodkan nilai $m_1 = 0.875$, $m_2 = 0.988$ dan $m_3 = 1.000$, diikuti oleh item 4 ($m_1 = 0.850$; $m_2 = 0.975$; $m_3 = 1.000$), item 5 dan item 6 ($m_1 = 0.838$; $m_2 = 0.969$; $m_3 = 1.000$), serta item 7 ($m_1 = 0.775$; $m_2 = 0.938$; $m_3 = 1.000$) yang menunjukkan variasi pandangan yang minimum namun masih mengekalkan tahap kepentingan maksimum yang tinggi. Secara keseluruhan, analisis ini membuktikan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa dalam domain *Ḍarūriyyāt* mencapai tahap penerimaan dan kesepakatan pakar yang sangat tinggi, sekali gus mengukuhkan justifikasi untuk mengekalkan semua item sebagai komponen teras dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan perlindungan nyawa, keselamatan dan kesejahteraan tetamu dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.29
Analisis Ketidakpatuhan Item Menjaga Kesejahteraan Nyawa Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy* Evaluation Process				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	Ranking
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
1	Kawalan kebakaran (Contoh:alat pengesan dan pemadam api)	0.033	100.0%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.954	1
2	Menyediakan makanan dan minuman halal	0.033	100.0%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.944	2
3	Mempunyai Pensijilan Halal Makanan	0.033	100.0%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.706	6
4	Restoran diiktiraf halal JAKIM	0.057	100.00%	0.850	0.975	1.000	0.942	TERIMA	0.840	4
5	Mempunyai sistem Kawalan situasi kecemasan (Contoh: S.O.P dan staf terlatih)	0.066	100.00%	0.838	0.969	1.000	0.935	TERIMA	0.931	3

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy* Evaluation Process				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	Ranking
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
6	Larangan merokok	0.066	100.00%	0.838	0.969	1.000	0.935	TERIMA	0.823	5
7	Larangan VAPE	0.072	100.00%	0.775	0.938	1.000	0.904	TERIMA	0.640	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Analisis Jadual 5.29 memaparkan ketidakpatuhan item bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi* yang menggabungkan tiga kriteria utama iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar serta skor *Fuzzy* hasil *Fuzzy* Evaluation Process bagi menentukan tahap penerimaan dan keutamaan setiap item. Secara keseluruhan, kesemua tujuh item yang dinilai telah memenuhi syarat penerimaan *Fuzzy Delphi Method* dengan nilai *threshold* di bawah 0.2 serta mencapai peratus kesepakatan pakar sebanyak 100 peratus, sekali gus mengesahkan bahawa tiada item yang ditolak dan semua item diterima sebagai komponen penting dalam menjaga kesejahteraan nyawa dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*. Item kawalan kebakaran mencatatkan nilai *threshold* terendah iaitu 0.033 dengan skor *Fuzzy* tertinggi sebanyak 0.954, diikuti oleh item penyediaan makanan dan minuman halal (d = 0.033) serta item sistem kawalan situasi kecemasan seperti prosedur operasi standard dan staf terlatih (d = 0.066; skor *Fuzzy* = 0.935). Item restoran yang diiktiraf halal JAKIM merekodkan nilai *threshold* sebanyak 0.057 dengan skor *Fuzzy* 0.942, manakala item larangan merokok dan pensijilan halal makanan masing-masing mencatatkan nilai *threshold* sebanyak 0.066 dan 0.033 dengan skor *Fuzzy* yang tinggi. Item larangan penggunaan rokok elektronik (vape) mencatatkan nilai *threshold* tertinggi iaitu 0.072 dengan skor *Fuzzy* terendah berbanding item lain, menunjukkan sedikit variasi pandangan pakar namun masih diterima sepenuhnya sebagai item penting. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa telah memenuhi syarat penerimaan *Fuzzy Delphi Method* dan wajar dikekalkan sebagai komponen daruri dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan perlindungan nyawa, keselamatan dan kesejahteraan insan dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.30
Dapatan Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Nyawa Dalam Domain *Ḍarūriyyāt* Melalui *Fuzzy Delphi*

	Domain: *Darurriyat* (Keutamaan) **Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Nyawa**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
A5.1	Kawalan kebakaran (Contoh:alat pengesan dan pemadam api)	A5.1	Kawalan kebakaran (Contoh:alat pengesan dan pemadam api)
A5.2	Menyediakan makanan dan minuman halal	A5.2	Menyediakan makanan dan minuman halal
A5.3	Mempunyai Pensijilan Halal Makanan	A5.3	Mempunyai sistem Kawalan situasi kecemasan (Contoh: S.O.P dan staf terlatih)
A5.4	Restoran diiktiraf halal JAKIM	A5.4	Restoran diiktiraf halal JAKIM
A5.5	Mempunyai sistem Kawalan situasi kecemasan (Contoh: S.O.P dan staf terlatih)	A5.5	Larangan merokok
A5.6	Larangan merokok	A5.6	Mempunyai Pensijilan Halal Makanan
A5.7	Larangan VAPE	A5.7	Larangan VAPE

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.30 memaparkan dapatan penilaian pakar terhadap item dalam domain *Ḍarūriyyāt* bagi menjaga kesejahteraan nyawa berdasarkan keputusan akhir *Fuzzy Delphi* yang disusun semula mengikut skor *Fuzzy* serta tahap kesepakatan pakar. Item "Kawalan kebakaran (contohnya alat pengesan dan pemadam api)" kekal di kedudukan teratas (A5.1), menandakan ia merupakan item paling kritikal dalam memastikan keselamatan nyawa pelanggan di hotel patuh *Syarīʿah*, diikuti oleh item "Menyediakan makanan dan minuman halal" (A5.2) yang turut dianggap penting kerana berkait dengan aspek keselamatan kesihatan serta pematuhan *Syarīʿah*. Hasil analisis turut menunjukkan perubahan keutamaan bagi beberapa item, khususnya item "Mempunyai sistem kawalan situasi kecemasan" yang meningkat ke kedudukan ketiga berbanding "Mempunyai pensijilan halal makanan" yang berada pada kedudukan keenam, mencerminkan penekanan pakar terhadap item keselamatan fizikal seperti prosedur operasi standard dan latihan staf dalam konteks kesejahteraan nyawa. Item "Restoran diiktiraf halal JAKIM" kekal pada kedudukan keempat, manakala "Larangan merokok" dan "Larangan vape" masing-masing berada pada kedudukan kelima dan ketujuh,

menunjukkan bahawa aspek kesihatan turut diambil kira sebagai pelengkap kepada keperluan keselamatan utama. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa pakar lebih menekankan perlindungan nyawa secara langsung melalui pengurusan keselamatan fizikal dan kecemasan, diikuti oleh pematuhan halal dan kesihatan, sekali gus memberikan panduan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang menilai kesejahteraan nyawa bukan sahaja dari sudut pematuhan terhadap makanan halal, tetapi juga dari segi pengurusan risiko, keselamatan pelanggan dan pencegahan bahaya di premis hotel.

Jadual 5.31
Item Bagi Konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa Di Bawah Domain *Darruriyyat*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
A5.1	Kawalan kebakaran (Contoh:alat pengesan dan pemadam api)
A5.2	Menyediakan makanan dan minuman halal
A5.3	Mempunyai sistem Kawalan situasi kecemasan (Contoh: S.O.P dan staf terlatih)
A5.4	Restoran diiktiraf halal JAKIM
A5.5	Larangan merokok
A5.6	Mempunyai Pensijilan Halal Makanan
A5.7	Larangan VAPE

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual item bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa di bawah domain *Ḍarūriyyāt* memaparkan senarai akhir item yang telah diterima berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi*, di mana kesemuanya mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi serta memenuhi syarat penerimaan nilai *threshold* dan skor *Fuzzy* yang ditetapkan. Item-item ini disusun mengikut keutamaan berdasarkan hasil analisis, sekali gus mencerminkan tahap kepentingan relatif setiap item dalam memastikan perlindungan nyawa dan keselamatan tetamu hotel patuh *Syarīʿah*. Item kawalan kebakaran dikenal pasti sebagai item paling kritikal, diikuti oleh penyediaan makanan dan minuman halal serta kewujudan sistem kawalan situasi kecemasan seperti prosedur operasi standard dan staf terlatih yang menyokong kesejahteraan nyawa dari aspek keselamatan, kesihatan dan

pengurusan risiko. Pengiktirafan restoran halal oleh JAKIM, larangan merokok, pensijilan halal makanan dan larangan penggunaan vape turut melengkapkan item penting yang menyumbang kepada persekitaran hotel yang selamat, sihat dan patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, senarai item ini membentuk konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa yang kukuh dan berasaskan konsensus pakar selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt*, sekali gus mengesahkan bahawa perlindungan nyawa dalam konteks perhotelan merangkumi aspek keselamatan fizikal, pengurusan makanan, kesihatan awam dan kawalan persekitaran sebagai pendekatan menyeluruh dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

3) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Akal (*ḥifẓ al-ʿaql*)

Konstruk menjaga kesejahteraan akal (*ḥifẓ al-ʿaql*) menekankan keperluan untuk melindungi pemikiran, moral, dan kesedaran tetamu Muslim daripada pengaruh yang boleh merosakkan nilai intelektual dan spiritual mereka. Prinsip ini sejajar dengan matlamat *Maqāṣid Syarīʿah* yang menegaskan bahawa akal merupakan anugerah tertinggi yang perlu dipelihara bagi menjamin kesejahteraan individu dan kestabilan masyarakat. Dalam konteks perhotelan patuh *Syarīʿah*, pemeliharaan akal diterjemahkan melalui penyediaan persekitaran yang bersih daripada unsur negatif seperti arak, perjudian, dadah, dan hiburan yang melalaikan atau bertentangan dengan nilai Islam. Keupayaan hotel untuk mengekalkan suasana yang sopan, mendidik, dan bebas daripada gangguan maksiat menjadi ukuran utama kepada tahap pematuhan terhadap prinsip *ḥifẓ al-ʿaql*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek ini sering diabaikan dalam pengoperasian hotel konvensional, terutama apabila hiburan tidak terkawal, minuman beralkohol, atau aktiviti sosial yang longgar dianggap sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran untuk menarik pelanggan. Keadaan ini menimbulkan keperluan kepada satu model perkhidmatan baharu yang menekankan kawalan ketat terhadap kandungan hiburan, pelaksanaan polisi sifar alkohol, serta penguatkuasaan terhadap larangan aktiviti yang bertentangan dengan *Syarīʿah*. Berdasarkan pandangan pakar yang ditemu bual, kesedaran dalam kalangan pengusaha hotel terhadap kepentingan menjaga kesucian persekitaran mental pelanggan masih perlu diperhebat. Mereka menegaskan bahawa toleransi terhadap unsur hiburan tidak beretika boleh menjejaskan kredibiliti hotel dan menimbulkan keraguan terhadap status patuh *Syarīʿah*nya.

Hotel patuh *Syarīʿah* oleh itu perlu memainkan peranan proaktif bukan sahaja dalam menyediakan kemudahan penginapan yang selesa, tetapi juga dalam membentuk suasana yang mendidik dan menenangkan jiwa. Setiap aspek operasi, termasuk pemilihan bahan bacaan, penayangan media, dan aktiviti sosial yang dibenarkan dalam premis hotel, perlu dirancang dengan teliti agar tidak menyumbang kepada kerosakan moral atau kebingungan intelektual pelanggan Muslim. Langkah seperti menapis saluran televisyen, menggantikan hiburan tidak bermoral dengan program berunsur pendidikan atau motivasi Islam, serta menegakkan larangan alkohol secara konsisten mencerminkan komitmen pengurusan terhadap nilai *ḥifẓ al-ʿaql*.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan imej hotel sebagai institusi beretika, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan pelancongan Islam yang berteraskan kesejahteraan rohani dan sosial. Apabila *ḥifẓ al-ʿaql* dipelihara dengan baik, pelanggan bukan sahaja memperoleh pengalaman penginapan yang selamat dan menyenangkan, tetapi juga merasai suasana yang mendidik dan memperkukuh keimanan. Dalam jangka panjang, pemeliharaan akal melalui kawalan persekitaran hotel akan membentuk budaya hospitaliti Islam yang unggul, mampan, dan mampu bersaing dalam pasaran pelancongan global tanpa mengorbankan prinsip *Syarīʿah*.

Jadual 5.32
Item-item Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal (Domain *Ḍarūriyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Bil.	Item Kritikal	Contoh / Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah*
A2.1	Tidak menjual minuman beralkohol	Tiada penjualan arak di lobi, restoran, atau bar hotel	*ḥifẓ al-ʿaql* – menghindari kerosakan akal dan ketagihan
A2.2	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian	Larangan kasino, mesin judi, atau aktiviti taruhan	*ḥifẓ al-ʿaql* – melindungi intelek & moral tetamu
A2.3	Makanan halal dan bebas alkohol	Semua makanan disahkan halal & bebas alkohol	*ḥifẓ al-ʿaql* – menjamin kesucian makanan dan kesihatan minda
A2.4	Rancangan TV berinformatif	Penambahan saluran pendidikan & dokumentari	*ḥifẓ al-ʿaql* – menyuburkan pengetahuan
A2.5	Tiada saluran hiburan tidak bermoral	Sekatan saluran seperti HBO, FAMtv, dll.	*ḥifẓ al-ʿaql* – mengelakkan kerosakan nilai
A2.6	Tiada *welcome drink* beralkohol	Minuman dialu-alukan diganti dengan jus halal	*ḥifẓ al-ʿaql* – menolak normalisasi arak

Bil.	Item Kritikal	Contoh / Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah*
A2.7	Larangan pengambilan alkohol	Polisi sifar alkohol dalam semua bentuk	*ḥifẓ al-ʿaql* – pencegahan kerosakan minda
A2.8	Penyekatan rancangan dewasa (18+)	HBO, filem lucah atau ganas disekat	*ḥifẓ al-ʿaql* – melindungi akhlak & moral
A2.9	Larangan pornografi	Tiada akses kepada bahan pornografi	*ḥifẓ al-ʿaql* – menjaga kesucian minda & jiwa
A2.10	Larangan perjudian dalam hotel	Termasuk pertaruhan online dan slot games	*ḥifẓ al-ʿaql* – elak keruntuhan intelektual & sosial
A2.11	Larangan aktiviti tidak sihat	Dewan tidak disewa untuk parti liar atau konsert bercampur bebas	*ḥifẓ al-ʿaql* – memastikan suasana terkawal & bermoral
A2.12	Larangan simpan arak dalam bilik	Peti sejuk bilik bebas minuman keras	*ḥifẓ al-ʿaql* – memastikan bilik tetamu kekal suci
A2.13	Larangan dadah (Ecstasy, dsb.)	Polisi sifar dadah di seluruh premis	*ḥifẓ al-ʿaql* – melindungi kesihatan mental & fizikal

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.32memperincikan tiga belas item utama dalam konstruk menjaga kesejahteraan akal yang menjadi sebahagian daripada domain *Ḍarūriyyāt*. Item-item ini menegaskan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya berfungsi menyediakan kemudahan asas penginapan, tetapi juga bertanggungjawab memastikan tetamu Muslim dilindungi daripada sebarang bentuk hiburan, makanan, minuman, atau aktiviti yang boleh merosakkan akal serta melemahkan nilai moral.

Penerapan polisi sifar alkohol, larangan perjudian, penapisan kandungan hiburan, dan pengharaman bahan pornografi atau dadah adalah antara ciri kritikal yang membezakan hotel patuh *Syarīʿah* daripada hotel konvensional. Item-item ini secara langsung menyokong *ḥifẓ al-ʿaql* dengan menghalang sebarang bentuk kerosakan intelektual, akhlak, dan sosial dalam kalangan tetamu. Tambahan pula, penekanan terhadap penyediaan rancangan televisyen berinformatif dan suasana persekitaran yang mesra keluarga menunjukkan usaha proaktif untuk bukan sahaja melindungi akal, tetapi juga memperkayakan minda dan memperkukuh nilai positif.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa menjaga kesejahteraan akal merupakan satu tuntutan penting dalam pembinaan Model MaSC-Hotel. Item-item yang dirumuskan bukan sahaja memenuhi kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, tetapi juga

menyumbang kepada pembentukan industri hospitaliti Islam yang lebih etika, bertanggungjawab, dan berdaya saing di peringkat global.

5.3.4.3 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḍarūriyyāt

3) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Akal

Kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap item penting dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal bagi pembangunan Model MaSC-Hotel. Fokus utama adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri perkhidmatan dan persekitaran hotel yang menyumbang kepada perlindungan dan pemeliharaan akal para tetamu Muslim, selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Menjaga akal merupakan salah satu daripada lima keperluan asas dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Antara item yang mencapai konsensus pakar ialah larangan penjualan dan penyimpanan alkohol di dalam bilik dan restoran hotel, larangan perjudian, penyekatan siaran pornografi, larangan penggunaan dadah, dan galakan kepada rancangan TV yang berinformatif. Ini menunjukkan komitmen untuk menyediakan persekitaran yang selamat dari ancaman intelektual dan moral.

Beberapa item berkaitan penyiaran seperti penyekatan rancangan 18 tahun ke atas dan larangan menayangkan siaran pornografi mendapat konsensus, menandakan keprihatinan terhadap kandungan yang memberi pengaruh negatif kepada akal. Ini menunjukkan keperluan hotel untuk menyediakan hiburan yang membina dan selamat.

Kajian ini mengesahkan bahawa pengurusan hotel yang berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah* perlu menitikberatkan kawalan terhadap sumber yang boleh merosakkan pemikiran pelanggan. Dengan itu, hotel bukan sekadar penyedia tempat penginapan, malah berperanan sebagai penyumbang kepada kesejahteraan intelektual dan akhlak tetamu.

Dapatan ini mempunyai implikasi besar terhadap dasar perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Ia boleh dijadikan asas kepada garis panduan industri, modul latihan pekerja, dan dokumen penilaian audit *Syarīʿah* yang lebih komprehensif. Malah, ia boleh digunakan untuk memperkukuh proses pensijilan halal dalam sektor hospitaliti.

Penggunaan *Fuzzy Delphi* membolehkan penapisan item yang benar-benar disepakati pakar, menjadikan dapatan ini lebih tepat, praktikal dan berautoriti. Ia

membuktikan bahawa kombinasi antara pendekatan ilmiah dan prinsip *Syarīʿah* mampu membentuk model perkhidmatan yang holistik dan mampan.

Secara keseluruhan, kajian ini menekankan pentingnya penjagaan akal sebagai salah satu item kritikal dalam hotel patuh *Syarīʿah*. Saranan untuk kajian lanjutan termasuklah meneliti impak langsung pelaksanaan item-item ini terhadap kepuasan pelanggan, serta meluaskan kajian ke konstruk Maqasid lain seperti harta dan keturunan bagi melengkapkan model *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Seramai pakar telah dilibatkan untuk menilai item-item berkaitan berdasarkan skala linguistik yang ditukar kepada nombor *fuzzy*. Item dianalisis mengikut tiga kriteria: nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), persetujuan pakar ($\geq 75\%$), dan skor purata melebihi nilai min. Hanya item yang menepati ketiga-tiga syarat tersebut dikekalkan sebagai item penting dalam model.

Jadual 5.33
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal

Pakar	**Item**												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Jabatan Standarts 1	7	7	7	4	4	7	7	4	7	7	7	7	4
Jabatan Standarts 2	7	7	7	7	6	7	7	6	7	7	7	7	7
HDC 1	7	7	7	6	5	7	7	6	7	7	7	7	7
HDC 2	6	7	6	5	4	7	7	5	7	7	6	7	7
HDC 3	7	7	7	7	5	7	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	6	6	6	5	4	6	4	4	6	6	6	6	7
MOTAC 1	6	6	6	5	4	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	6	7	7	4	4	7	7	7	7	7	7	7	7
ITC 1	7	7	7	4	1	4	7	4	7	7	4	7	7
Yayasan Wakaf	7	7	7	7	3	7	7	5	7	7	7	7	7
JAKIM 1	1	1	1	5	5	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	7	7	7	6	5	7	7	6	7	7	7	7	7
JAKIM 3	7	7	7	6	6	7	7	6	7	7	7	7	7

Pakar	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Halal Centre 1	7	7	7	6	5	7	7	6	7	7	7	7	7
Halal Centre 2	7	7	7	6	6	7	7	6	7	7	7	7	7
Halal Centre 3	7	7	7	6	5	7	7	6	7	7	7	7	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.33 memaparkan skor penilaian pakar terhadap 13 item yang mewakili domain *Ḍarūriyyāt* dalam domain menjaga kesejahteraan akal berdasarkan maklum balas daripada 16 orang pakar yang terdiri daripada wakil agensi seperti Jabatan Standard Malaysia, Halal Development Corporation, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Islamic Tourism Centre, Yayasan Wakaf serta Halal Centre institusi pengajian tinggi. Penilaian dibuat menggunakan skala tujuh aras *Fuzzy* bagi menentukan tahap persetujuan terhadap kesesuaian dan kebolehgunaan setiap item. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap hampir semua item, dengan majoriti memberikan skor antara enam hingga tujuh yang mencerminkan kesepakatan bahawa pemeliharaan akal merupakan komponen penting dalam kategori keperluan *Ḍarūriyyāt* yang perlu dipenuhi oleh pihak hotel. Item 1, item 2, item 3, item 6, item 7, item 9, item 10, item 11, item 12 dan item 13 menerima skor tertinggi secara konsisten daripada hampir semua pakar, menandakan persetujuan yang kukuh terhadap kepentingannya dalam menjaga kesejahteraan akal. Walau bagaimanapun, item 4 dan item 5 menunjukkan sedikit variasi skor antara empat hingga tujuh yang mencerminkan perbezaan pandangan terhadap keutamaan relatifnya dalam konteks operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Selain itu, terdapat satu nilai luar biasa yang direkodkan daripada seorang pakar JAKIM yang memberikan skor rendah bagi item 1 hingga item 3, berkemungkinan disebabkan perbezaan tafsiran terhadap maksud item atau kekeliruan semasa proses penilaian, namun tidak memberi kesan signifikan terhadap dapatan keseluruhan kerana majoriti pakar lain menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Secara keseluruhannya, penilaian ini memperkukuh dapatan bahawa pemeliharaan akal merangkumi aspek pencegahan dan pembinaan melalui kawalan terhadap item yang boleh memudaratkan akal serta penyediaan persekitaran yang kondusif bagi

kesejahteraan intelektual dan moral, sekali gus menyediakan asas empirikal yang kukuh dalam pembentukan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.34
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Akal Domain *Ḍarūriyyāt*

Pakar	**Item**												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Jabatan Standarts 1	0.121	0.105	0.113	0.408	0.150	0.060	0.051	0.439	0.019	0.019	0.069	0.019	0.628
Jabatan Standarts 2	0.121	0.105	0.113	0.277	0.401	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
HDC 1	0.121	0.105	0.113	0.143	0.158	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
HDC 2	0.079	0.105	0.085	0.116	0.150	0.060	0.051	0.146	0.019	0.019	0.090	0.019	0.051
HDC 3	0.121	0.105	0.113	0.277	0.158	0.060	0.051	0.246	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
Halal JAKIM	0.079	0.092	0.085	0.116	0.150	0.099	0.628	0.439	0.134	0.134	0.090	0.134	0.051
MOTAC 1	0.079	0.092	0.085	0.116	0.150	0.099	0.108	0.112	0.134	0.134	0.090	0.134	0.108
MOTAC 2	0.079	0.105	0.113	0.408	0.150	0.060	0.051	0.246	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
ITC 1	0.121	0.105	0.113	0.408	0.943	0.619	0.051	0.439	0.019	0.019	0.611	0.019	0.051
Yayasan Wakaf	0.121	0.105	0.113	0.277	0.455	0.060	0.051	0.146	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
JAKIM 1	1.325	1.338	1.331	0.116	0.158	0.060	0.051	0.246	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
JAKIM 2	0.121	0.105	0.113	0.143	0.158	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
JAKIM 3	0.121	0.105	0.113	0.143	0.401	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
Halal Centre 1	0.121	0.105	0.113	0.143	0.158	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051

Pakar	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Halal Centre 2	0.121	0.105	0.113	0.143	0.401	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
Halal Centre 3	0.121	0.105	0.113	0.143	0.158	0.060	0.051	0.112	0.019	0.019	0.069	0.019	0.051
Nilai d setiap item	0.186	0.180	0.184	0.211	0.269	0.100	0.091	0.203	0.033	0.033	0.107	0.033	0.091

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.34 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal di bawah domain *Ḍarūriyyāt* sebagai indikator tahap perbezaan purata pandangan pakar terhadap setiap item yang dinilai. Dalam konteks *Fuzzy Delphi Method* , nilai d yang rendah menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang tinggi, manakala nilai yang melebihi ambang 0.2 mencerminkan variasi pandangan yang lebih ketara. Secara keseluruhan, sebahagian besar item mencatatkan nilai *threshold* pada atau di bawah nilai ambang yang ditetapkan, sekali gus menandakan tahap kesepakatan yang baik terhadap kepentingannya dalam menjaga kesejahteraan akal tetamu hotel patuh *Syarīʿah*. Item 1, item 2 dan item 3 masing-masing merekodkan nilai 0.186, 0.180 dan 0.184 yang menunjukkan kesepakatan tinggi terhadap kepentingannya sebagai item daruri, diikuti oleh item 6 (0.100) dan item 7 (0.091) yang turut mencerminkan kesepakatan kukuh dalam kalangan pakar. Item 9, item 10 dan item 12 pula mencatatkan nilai *threshold* yang sangat rendah iaitu 0.033, menandakan kesepakatan hampir sempurna terhadap kepentingannya dalam konstruk ini. Walau bagaimanapun, item 4 (0.211), item 5 (0.269) dan item 8 (0.203) menunjukkan variasi pandangan yang lebih ketara berbanding item lain, berkemungkinan berpunca daripada pertimbangan kebolehlaksanaan atau kesesuaian dalam konteks operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Item 11 dan item 13 masing-masing merekodkan nilai 0.107 dan 0.091 yang masih berada jauh di bawah nilai ambang penerimaan. Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa majoriti item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang memuaskan dan memenuhi kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi*, sekali gus menyediakan asas yang kukuh bagi proses penapisan dan pemilihan item dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt* khususnya aspek perlindungan akal dan kesejahteraan mental.

Jadual 5.35
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal

	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Bilangan Item d ≤ 0.2	15	15	15	13	11	15	15	13	16	16	15	16	15
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	93.8%	93.8%	93.8%	81.3%	68.8%	93.8%	93.8%	81.3%	100.0%	100.0%	93.8%	100.0%	93.8%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.35 memaparkan analisis penerimaan item berdasarkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$) bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal di bawah domain *Ḍarūriyyāt* untuk mengenal pasti tahap kesepakatan pakar secara kolektif selaras dengan kriteria penerimaan dalam *Fuzzy Delphi Method* . Secara keseluruhan, majoriti item mencapai tahap penerimaan yang tinggi dengan peratus kesepakatan melebihi 80 peratus bagi hampir semua item. Item 1, item 2 dan item 3 masing-masing mencatatkan penerimaan sebanyak 15 daripada 16 orang pakar (93.8%), menunjukkan kesepakatan yang kukuh terhadap kepentingannya sebagai item asas dalam menjaga kesejahteraan akal tetamu hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4 dan item 8 pula mencatatkan penerimaan sebanyak 13 orang pakar (81.3%) yang masih berada dalam julat penerimaan yang memuaskan, manakala item 5 merekodkan penerimaan terendah iaitu 11 daripada 16 orang pakar (68.8%) yang menunjukkan tahap kesepakatan sederhana serta selari dengan nilai *threshold* purata yang lebih tinggi dalam analisis sebelumnya. Sebaliknya, item 9, item 10 dan item 12 mencatatkan penerimaan penuh sebanyak 16 daripada 16 orang pakar (100%), menandakan kesepakatan hampir sempurna terhadap kepentingannya sebagai item kritikal dalam konstruk ini. Item 6, item 7, item 11 dan item 13 masing-masing mencatatkan penerimaan sebanyak 93.8 peratus yang menunjukkan kesepakatan yang sangat tinggi walaupun terdapat sedikit perbezaan pandangan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa sebahagian besar item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal memenuhi kriteria penerimaan nilai *threshold* dan disokong oleh majoriti pakar, sekali gus menyediakan asas yang kukuh bagi proses penapisan akhir dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan perlindungan akal dan kesejahteraan mental dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.36
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**1**			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**			**11**			**12**			**13**		
Jabatan Standarts 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0	0	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.1	0.3	0.5	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0	0	0.1	0	0	0.1	0	0	0.1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	**1**			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**			**11**			**12**			**13**		
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																																							
Purata Setiap Unsur	0.794	0.913	0.944	0.819	0.925	0.944	0.806	0.919	0.944	0.613	0.794	0.919	0.419	0.606	0.781	0.838	0.956	0.981	0.850	0.963	0.981	0.638	0.819	0.931	0.875	0.988	1.000	0.875	0.988	1.000	0.825	0.950	0.981	0.875	0.988	1.000	0.850	0.963	0.981
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.883			0.896			0.890			0.775			0.602			0.925			0.931			0.796			0.954			0.954			0.919			0.954			0.931		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.36 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi domain *Ḍarūriyyāt* dalam aspek Menjaga Kesejahteraan Akal melalui pengiraan skor *Fuzzy* menggunakan rumus A_{max}, iaitu satu per tiga daripada jumlah nilai m_1, m_2 dan m_3 bagi menentukan tahap kepentingan purata setiap item berdasarkan penilaian pakar secara konsensus. Penilaian ini melibatkan 16 orang pakar daripada pelbagai institusi berkaitan standard, halal, pelancongan dan industri hospitaliti yang memberikan maklum balas dalam bentuk nombor Fuzzy *Triangular* mewakili tahap kepentingan minimum, sederhana dan maksimum bagi setiap item sebelum disintesiskan melalui *Fuzzy* Evaluation Process. Dapatan menunjukkan bahawa item 1 hingga item 3 mencatatkan nilai purata m_1 antara 0.794 hingga 0.819, m_2 antara 0.913 hingga 0.925 dan m_3 sebanyak 0.944 dengan skor *Fuzzy* masing-masing 0.883, 0.896 dan 0.890 yang mencerminkan tahap kepentingan yang tinggi dan konsisten sebagai item daruri dalam menjaga kesejahteraan akal tetamu hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4 merekodkan skor *Fuzzy* sebanyak 0.775, manakala item 5 mencatatkan skor terendah iaitu 0.602 yang menunjukkan variasi pandangan pakar dari sudut keutamaan dan kebolehlaksanaan, namun masih melepasi tahap sederhana. Sebaliknya, item 6 dan item 7 mencatatkan skor *Fuzzy* yang tinggi iaitu 0.925 dan 0.931, manakala item 9, item 10 dan item 12 memperoleh skor tertinggi sebanyak 0.954 yang menandakan kesepakatan hampir sempurna terhadap kepentingannya sebagai item kritikal dalam konstruk ini. Item 8 mencatatkan skor 0.796, diikuti oleh item 11 (0.919) dan item 13 (0.931) yang menunjukkan tahap kepentingan yang tinggi walaupun terdapat sedikit variasi penilaian. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa majoriti item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal mencapai skor *Fuzzy* yang tinggi dan memenuhi kriteria penerimaan, sekali gus menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi penentuan keutamaan serta penapisan item dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt* khususnya aspek perlindungan akal dan kesejahteraan mental.

Jadual 5.37
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Akal

| **Pakar** | **Item** | | |

| Pakar | Item | | |

Jadual 5.37 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal hotel patuh *Syarīʿah* di bawah domain *Ḍarūriyyāt* berdasarkan maklum balas daripada 16 orang pakar pelbagai institusi berkaitan standard, halal, pelancongan dan industri hospitaliti. Secara keseluruhan, kebanyakan item mencatatkan nilai m_3 yang tinggi, menghampiri atau mencapai nilai maksimum 1.000, yang mencerminkan kesepakatan pakar terhadap kepentingan item dalam memastikan persekitaran hotel yang tidak menjejaskan pemikiran, emosi dan kesejahteraan mental tetamu. Item 1 hingga item 3 merekodkan purata nilai m_1 antara 0.794 hingga 0.819, m_2 antara 0.913 hingga 0.925 dan m_3 sebanyak 0.944 yang menunjukkan kesepakatan tinggi terhadap kepentingannya sebagai item daruri, manakala item 4 ($m_1 = 0.613$; $m_2 = 0.794$; $m_3 = 0.919$) dan item 5 ($m_1 = 0.419$; $m_2 = 0.606$; $m_3 = 0.781$) menunjukkan variasi pandangan yang lebih ketara berhubung keutamaan dan kebolehlaksanaan pelaksanaannya. Sebaliknya, item 6 dan item 7 mencatatkan nilai m_1 yang lebih tinggi iaitu 0.838 dan 0.850 dengan nilai m_2 melebihi 0.956 serta m_3 hampir maksimum, manakala item 8 merekodkan nilai $m_1 = 0.638$; $m_2 = 0.819$; $m_3 = 0.931$ yang menunjukkan pengiktirafan terhadap kepentingannya walaupun terdapat sedikit variasi pandangan awal. Bagi item 9 hingga item 13, purata nilai m_1 berada dalam julat 0.825 hingga 0.875, m_2 antara 0.950 hingga 0.988 dan m_3 kebanyakannya mencapai atau menghampiri 1.000 yang menandakan kesepakatan pakar yang sangat tinggi terhadap kepentingannya dalam konstruk ini. Secara keseluruhannya, analisis nilai *Fuzzy Triangular* ini menunjukkan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal diterima secara meluas oleh pakar dengan tahap kepentingan yang tinggi, sekali gus menyediakan asas bagi analisis seterusnya menggunakan nilai *threshold* dan *Fuzzy* Evaluation Process dalam penentuan item yang relevan untuk dikekalkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt* yang menekankan perlindungan akal sebagai keutamaan asas dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.38
Analisis Ketidakpatuhan Item Menjaga Kesejahteraan Akal Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
1	Tidak menjual minuman beralkohol di lobi hotel atau restoran hotel	0.186	93.8%	0.794	0.913	0.944	0.883	TERIMA	0.883	6
2	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian	0.180	93.8%	0.819	0.925	0.944	0.896	TERIMA	0.944	1
3	Makanan yang halal dan tiada alkohol disediakan di hotel	0.184	93.8%	0.806	0.919	0.944	0.890	TERIMA	0.706	10
4	Memperbanyakkan rancangan tv berinformatif	0.211	81.25%	0.613	0.794	0.919	0.775	TERIMA	0.840	7
5	Tidak sepatutnya mempunyai sebarang saluran hiburan (Contoh: HBO, FAMtv & lain-lain)	0.269	68.75%	0.419	0.606	0.781	0.602	TOLAK	0.931	3
6	Tidak menyediakan minuman beralkohol (Contoh: welcome drink di dalam bilik)	0.100	93.75%	0.838	0.956	0.981	0.925	TERIMA	0.823	8
7	Larangan penggunaan dan pengambilan alkohol	0.091	93.75%	0.850	0.963	0.981	0.931	TERIMA	0.640	12

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
8	Penyekatan rancangan televisyen 18 tahun ke atas (HBO)	0.203	81.25%	0.638	0.819	0.931	0.796	TERIMA	0.633	13
9	Larangan menayangkan siaran pornografi	0.033	100.00%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.938	2
10	Larangan menjalankan perjudian di dalam hotel	0.033	100.00%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.810	9
11	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak (Contoh: sewa dewan untuk parti)	0.107	93.75%	0.825	0.950	0.981	0.919	TERIMA	0.652	11
12	Larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel	0.033	100.00%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.913	5
13	Larangan pengunaan Extacy Pill (Dadah) di dalam hotel	0.091	93.75%	0.850	0.963	0.981	0.931	TERIMA	0.913	4

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.38 memaparkan analisis ketidakpatuhan item bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi* yang menggabungkan beberapa kriteria utama iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar, nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) serta skor *Fuzzy* hasil *Fuzzy* Evaluation Process bagi menentukan tahap penerimaan dan keutamaan setiap item. Secara keseluruhan, majoriti item dalam konstruk ini telah memenuhi syarat penerimaan *Fuzzy Delphi Method* dengan nilai *threshold* berada pada atau di bawah nilai ambang serta peratus kesepakatan pakar yang tinggi, di mana daripada 13 item yang dinilai hanya satu item ditolak manakala selebihnya diterima sebagai item penting dalam menjaga kesejahteraan akal tetamu hotel patuh *Syarīʿah*. Item tidak menyediakan perkhidmatan perjudian mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi dan menduduki kedudukan pertama dengan nilai *threshold* yang rendah serta kesepakatan pakar yang tinggi, diikuti oleh item larangan menayangkan siaran pornografi dan larangan menjalankan perjudian di dalam hotel yang turut mencatatkan skor *Fuzzy* yang tinggi dengan kesepakatan penuh. Item larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel serta larangan penggunaan dadah seperti ecstasy pill juga merekodkan skor *Fuzzy* yang tinggi dengan peratus kesepakatan melebihi 93 peratus, manakala item tidak menjual minuman beralkohol di lobi atau restoran hotel serta tidak menyediakan minuman beralkohol seperti welcome drink di dalam bilik hotel diterima dengan tahap kesepakatan yang tinggi walaupun berada pada kedudukan sederhana. Item memperbanyakkan rancangan televisyen berinformatif dan penyekatan rancangan televisyen berunsur 18 tahun ke atas mencatatkan nilai *threshold* yang hampir kepada nilai ambang dengan tahap kesepakatan yang lebih rendah, namun masih diterima oleh majoriti pakar. Sebaliknya, item tidak sepatutnya mempunyai sebarang saluran hiburan seperti HBO dan FAMtv ditolak kerana mencatatkan nilai *threshold* tertinggi serta peratus kesepakatan pakar yang paling rendah, menunjukkan perbezaan pandangan yang ketara terhadap keperluan penghapusan sepenuhnya saluran hiburan di hotel. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal dibentuk daripada item yang mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi dan disusun mengikut keutamaan berdasarkan skor *Fuzzy*, sekali gus mengukuhkan pembangunan Model MaSC-Hotel berasaskan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam domain *Ḍarūriyyāt* khususnya dalam aspek perlindungan akal, kawalan moral dan kesejahteraan mental tetamu secara seimbang dan praktikal.

Jadual 5.39
Dapatan Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Akal Dalam Domain *Ḍarūriyyāt* Melalui *Fuzzy Delphi*

A,2	**Domain: *Darurriyat* (Keutamaan)** **Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Akal**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
A2.1	Tidak menjual minuman beralkohol di lobi hotel atau restoran hotel	A2.1	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian
A2.2	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian	A2.2	Larangan menayangkan siaran pornografi
A2.3	Makanan yang halal dan tiada alkohol disediakan di hotel	A2.3	Larangan pengunaan Extacy Pill (Dadah) di dalam hotel
A2.4	Memperbanyakkan rancangan tv berinformatif	A2.4	Larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel
A2.5	Tidak sepatutnya mempunyai sebarang saluran hiburan (Contoh: HBO, FAMtv & lain-lain)	A2.5	Tidak menjual minuman beralkohol di lobi hotel atau restoran hotel
A2.6	Tidak menyediakan minuman beralkohol (Contoh: *welcome drink* di dalam bilik)	A2.6	Memperbanyakkan rancangan tv berinformatif
A2.7	Larangan penggunaan dan pengambilan alkohol	A2.7	Tidak menyediakan minuman beralkohol (Contoh: welcome drink di dalam bilik)
A2.8	Penyekatan rancangan televisyen 18 tahun ke atas (HBO)	A2.8	Larangan menjalankan perjudian di dalam hotel
A2.9	Larangan menayangkan siaran pornografi	A2.9	Makanan yang halal dan tiada alkohol disediakan di hotel
A2.10	Larangan menjalankan perjudian di dalam hotel	A2.10	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak
A2.11	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak (Contoh: sewa dewan untuk parti)	A2.11	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak (Contoh: sewa dewan untuk parti)
A2.12	Larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel	A2.12	Larangan penggunaan dan pengambilan alkohol
A2.13	Larangan pengunaan *Extacy Pill* (Dadah) di dalam hotel		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.39 memaparkan dapatan penilaian pakar terhadap item Menjaga Kesejahteraan Akal dalam domain *Ḍarūriyyāt* melalui kaedah *Fuzzy Delphi* dengan menyenaraikan item yang telah disahkan, diterima dan disusun mengikut keutamaan berdasarkan skor *Fuzzy* serta tahap kesepakatan pakar. Dapatan ini merupakan hasil sintesis akhir daripada analisis nilai *Fuzzy Triangular*, nilai *threshold* dan *Fuzzy* Evaluation Process yang dibincangkan dalam jadual sebelumnya. Secara keseluruhan, item yang berkaitan dengan larangan perjudian, kawalan terhadap bahan memabukkan serta pengharaman kandungan lucah atau tidak bermoral mendominasi kedudukan teratas dalam ranking, di mana item tidak menyediakan perkhidmatan perjudian dan larangan menayangkan siaran pornografi dikenal pasti sebagai item paling kritikal dalam menjaga kesejahteraan akal. Item berkaitan larangan penggunaan dadah seperti ecstasy pill serta larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel turut berada pada keutamaan tinggi, diikuti oleh item tidak menjual minuman beralkohol di lobi atau restoran hotel serta larangan menyediakan minuman beralkohol seperti welcome drink di dalam bilik hotel yang diterima sebagai item penting walaupun berada pada kedudukan sederhana. Item memperbanyakkan rancangan televisyen berinformatif dan penyekatan rancangan televisyen berunsur 18 tahun ke atas pula berada pada kedudukan lebih rendah, mencerminkan bahawa kawalan kandungan media diiktiraf sebagai penting namun keutamaannya bergantung kepada konteks pelaksanaan dan kebolehlaksanaan operasi hotel. Item berkaitan larangan menganjurkan aktiviti sosial yang tidak mematuhi tuntutan syarak seperti penganjuran parti turut dikekalkan sebagai item penting, manakala item berkaitan penghapusan sepenuhnya saluran hiburan tidak berada dalam keutamaan utama berikutan variasi pandangan pakar terhadap larangan menyeluruh tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal dibentuk daripada item yang mendapat kesepakatan pakar yang tinggi dan disusun mengikut tahap keutamaan yang jelas, sekali gus menjadi asas kukuh dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang menekankan perlindungan akal, kawalan moral dan kesejahteraan mental tetamu secara sistematik serta selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.40
Item Bagi Konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal Di Bawah Domain Darruriyyat

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
A2.1	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian
A2.2	Larangan menayangkan siaran pornografi
A2.3	Larangan pengunaan Extacy Pill (Dadah) di dalam hotel
A2.4	Larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel
A2.5	Tidak menjual minuman beralkohol di lobi hotel atau restoran hotel
A2.6	Memperbanyakkan rancangan tv berinformatif
A2.7	Tidak menyediakan minuman beralkohol (Contoh: welcome drink di dalam bilik)
A2.8	Larangan menjalankan perjudian di dalam hotel
A2.9	Makanan yang halal dan tiada alkohol disediakan di hotel
A2.10	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak
A2.11	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak (Contoh: sewa dewan untuk parti)
A2.12	Larangan penggunaan dan pengambilan alkohol

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan senarai item akhir bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal di bawah domain *Ḍarūriyyāt* yang telah diterima melalui proses *Fuzzy Delphi* dan disusun mengikut ranking keutamaan berdasarkan skor *Fuzzy* serta tahap kesepakatan pakar. Senarai ini merupakan hasil penapisan akhir yang mengambil kira nilai *threshold*, peratus kesepakatan pakar dan *Fuzzy* Evaluation Process bagi memastikan hanya item yang signifikan dan praktikal dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Secara keseluruhan, item berkaitan larangan perjudian, pengharaman kandungan lucah serta kawalan terhadap dadah dan alkohol mendominasi kedudukan teratas dalam ranking, di mana item tidak menyediakan perkhidmatan perjudian dan larangan menayangkan siaran pornografi dikenal pasti sebagai item paling utama dalam menjaga kesejahteraan akal. Item larangan penggunaan dadah seperti ecstasy pill serta larangan menyimpan minuman keras di dalam bilik hotel turut berada pada keutamaan tinggi, menegaskan bahawa pencegahan terhadap bahan memabukkan merupakan teras perlindungan akal selaras dengan prinsip *Ḍarūriyyāt* dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Seterusnya, item berkaitan kawalan penyediaan alkohol seperti tidak menjual minuman beralkohol di lobi atau

restoran hotel serta tidak menyediakan minuman beralkohol di dalam bilik hotel turut dikekalkan sebagai item penting walaupun berada pada kedudukan pertengahan. Item memperbanyakkan rancangan televisyen berinformatif dan penyediaan makanan halal tanpa alkohol menunjukkan bahawa aspek kandungan media dan pemakanan turut memainkan peranan sokongan dalam menjaga kesejahteraan akal, di samping item larangan menganjurkan aktiviti sosial yang tidak mematuhi tuntutan syarak seperti penganjuran parti yang dikekalkan sebagai item penting. Secara keseluruhannya, senarai item ini mengesahkan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Akal dibangunkan secara sistematik berasaskan konsensus pakar dan selari dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, sekali gus mencerminkan keseimbangan antara larangan terhadap unsur yang merosakkan akal dan pendekatan praktikal yang mengambil kira realiti pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

4) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Nyawa

Dalam konteks Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*, konstruk menjaga kesejahteraan nyawa menekankan kepentingan aspek keselamatan fizikal, kesihatan pengunjung serta persekitaran penginapan yang bebas daripada risiko selaras dengan objektif *Ḥifẓ al-Nafs* yang menuntut pemeliharaan nyawa daripada sebarang bentuk ancaman atau kemudaratan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan terhadap sistem keselamatan yang menyeluruh merupakan item penting yang perlu diintegrasikan dalam operasi hotel, termasuk kawalan kebakaran, penyediaan makanan yang halal dan bersih serta pelaksanaan prosedur keselamatan yang komprehensif sebagai manifestasi tanggungjawab *Syarīʿah* dalam memastikan kesejahteraan tetamu terjamin. Dari sudut pelaksanaan, aspek keselamatan fizikal merangkumi penyediaan alat pemadam api, pemasangan sistem pengesan asap di kawasan strategik serta pelaksanaan latihan kecemasan secara berkala kepada pekerja, di samping kewujudan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dalam menangani insiden seperti kebakaran, kecederaan atau bencana alam bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan pengurusan hotel. Selain itu, kebersihan dan keselamatan makanan turut menjadi fokus utama melalui kawalan terhadap sumber bahan mentah, proses penyediaan makanan serta pematuhan kepada pensijilan halal JAKIM yang menyokong *Ḥifẓ al-Nafs* dari sudut fizikal dan *Ḥifẓ al-Dīn* melalui pematuhan terhadap prinsip halal. Larangan terhadap amalan merokok dan penggunaan vape di kawasan hotel juga dilihat sebagai langkah

proaktif dalam melindungi kesihatan awam selaras dengan kaedah fiqh "lā ḍarar wa lā ḍirār", sekali gus menyumbang kepada persekitaran penginapan yang lebih selamat dan sihat. Secara keseluruhannya, pelaksanaan nilai *Ḥifẓ al-Nafs* dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* merangkumi pemantauan risiko secara berterusan, penyelenggaraan fasiliti yang konsisten serta peningkatan kompetensi sumber manusia melalui latihan keselamatan dan etika kerja, di mana integrasi item keselamatan, kesihatan dan kebersihan ini membentuk ekosistem pengurusan hotel yang selaras dengan piawaian industri serta tuntutan *Syarīʿah* dan seterusnya menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan kesejahteraan dan keselamatan manusia seperti dirumuskan dalam Jadual 5.41.

Jadual 5.41
Item-item Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Nyawa (Domain *Ḍarūriyyāt*)

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥifẓ al-Nafs*)
A5.1	Kawalan kebakaran	Penyediaan alat pengesan asap, pemadam api dan latihan kebakaran secara berkala bagi menjamin keselamatan tetamu dan staf.	Melindungi nyawa daripada ancaman kebakaran dan kemalangan, selari dengan prinsip pencegahan mudarat.
A5.2	Menyediakan makanan dan minuman halal	Semua makanan dan minuman yang disediakan adalah bersih, selamat dan mematuhi syariat Islam.	Menjamin kesejahteraan kesihatan dan mengelakkan kemudaratan melalui pemakanan haram atau meragukan.
A5.3	Pensijilan Halal Makanan	Semua bahan mentah dan produk makanan mempunyai sijil halal yang sah daripada pihak berautoriti.	Mengukuhkan keyakinan pengguna Muslim terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.
A5.4	Restoran diiktiraf halal JAKIM	Restoran di hotel mendapat pengiktirafan rasmi halal daripada JAKIM.	Memberi jaminan standard tertinggi halal, menepati tuntutan syarak dalam penjagaan nyawa dan kesihatan.
A5.5	Sistem kawalan situasi kecemasan	Kewujudan SOP, staf terlatih dan sistem tindak balas pantas bagi menangani kecemasan (contoh: kebakaran, banjir, bencana).	Mengurangkan risiko kehilangan nyawa melalui kesiapsiagaan dan pengurusan risiko berkesan.
A5.6	Larangan merokok	Melarang aktiviti merokok di dalam premis hotel untuk menjaga kesihatan tetamu dan persekitaran.	Melindungi tetamu daripada bahaya asap rokok pasif yang memberi kesan kepada kesihatan.
A5.7	Larangan penggunaan vape	Mengharamkan penggunaan vape bagi mengelakkan risiko kesihatan dan imej negatif kepada tetamu.	Menolak unsur mudarat dan menjaga kesihatan serta nyawa daripada ancaman baharu.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Secara keseluruhannya, Jadual 5.41 menunjukkan bahawa konstruk menjaga kesejahteraan nyawa dalam domain *Ḍarūriyyāt* memberi penekanan kepada aspek keselamatan, kesihatan serta jaminan halal dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Item yang dikenal pasti merangkumi langkah pencegahan kemalangan seperti kawalan kebakaran (A5.1) dan penyediaan sistem kawalan situasi kecemasan (A5.5) yang berperanan penting dalam melindungi nyawa tetamu dan kakitangan hotel. Selain itu, penyediaan makanan dan minuman halal (A5.2), pensijilan halal yang sah (A5.3) serta pengiktirafan restoran oleh JAKIM (A5.4) menunjukkan bahawa penjagaan kesihatan tetamu bukan sahaja menitikberatkan kebersihan dan keselamatan fizikal, malah memenuhi tuntutan syarak dalam aspek pemakanan. Larangan terhadap amalan merokok (A5.6) dan penggunaan vape (A5.7) turut mencerminkan keperluan mewujudkan persekitaran penginapan yang sihat dan bebas daripada unsur yang boleh memudaratkan kesihatan. Kesemua item ini menzahirkan penerapan prinsip *Ḥifẓ al-Nafs* secara menyeluruh yang merangkumi perlindungan daripada bahaya fizikal, pencegahan risiko kesihatan serta pengukuhan sistem halal dalam perkhidmatan hotel, sekali gus menyokong keupayaan Model MaSC-Hotel dalam menjamin kesejahteraan nyawa tetamu selaras dengan objektif utama *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks hospitaliti Islam di Malaysia.

5) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Maruah (*ḥifẓ al-nasl*)

Domain menjaga kesejahteraan maruah merupakan salah satu komponen teras dalam kategori *Ḍarūriyyāt* yang memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* benar-benar selaras dengan kehendak Islam. Melalui analisis menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, konstruk ini telah diteliti secara mendalam bagi mengenal pasti item-item kritikal yang perlu diterapkan dalam Model MaSC-Hotel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perlindungan maruah bukan sahaja berkaitan dengan aspek fizikal atau pemisahan jantina, tetapi turut merangkumi dimensi moral, etika, dan budaya kerja yang mencerminkan kesopanan serta profesionalisme Islam. Kaedah *Fuzzy Delphi* yang melibatkan konsensus pakar pelbagai bidang telah membantu memastikan konstruk ini dibina secara objektif, sahih, dan sejajar dengan objektif utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu pemeliharaan kehormatan dan kesejahteraan insan secara menyeluruh.

Secara konseptual, konstruk ini menekankan kepentingan menjaga aurat, mengawal adab pergaulan, dan memastikan interaksi antara jantina berlaku dalam batas yang dibenarkan syarak. Perlindungan maruah ini diterjemahkan melalui dasar operasi hotel yang jelas, seperti penyediaan ruang dan kemudahan yang mengambil kira keperluan pengasingan jantina di tempat seperti kolam renang, spa, pusat kecergasan, dan bilik rawatan. Amalan ini bukan sahaja menjamin keselesaan pelanggan Muslim, tetapi juga mengelakkan situasi yang boleh menjejaskan nilai kesopanan dan kehormatan diri. Para pakar yang ditemu bual menegaskan bahawa pengurusan ruang fizikal yang menepati garis panduan *Syarīʿah* adalah lambang kepekaan dan komitmen pihak hotel terhadap tanggungjawab moral serta sosial dalam perkhidmatan mereka.

Selain penyediaan kemudahan fizikal, latihan berterusan kepada kakitangan hotel mengenai etika Islam dalam komunikasi dan penyampaian perkhidmatan turut dikenal pasti sebagai faktor utama dalam pemeliharaan maruah. Latihan ini merangkumi pemahaman tentang batas interaksi antara jantina, penggunaan bahasa yang sopan, serta penampilan diri yang sesuai dengan nilai Islam. Penekanan terhadap aspek adab dan integriti ini bukan sahaja memperkukuh profesionalisme dalam perkhidmatan hospitaliti, tetapi juga memastikan setiap pekerja menjadi duta kepada nilai dan prinsip Islam yang murni. Dengan itu, konsep menjaga maruah tidak terhad kepada ruang fizikal semata-mata, tetapi turut merangkumi pengurusan sikap, tingkah laku, dan komunikasi dalam semua bentuk interaksi di hotel.

Integrasi domain menjaga kesejahteraan maruah dalam Model MaSC-Hotel membawa implikasi yang signifikan terhadap pembangunan imej industri perhotelan Islam di Malaysia. Hotel yang menitikberatkan penjagaan maruah tetamu Muslim bukan sahaja memberikan jaminan keselesaan dan ketenangan kepada pelanggan, tetapi juga memperkukuh kepercayaan dan reputasi hotel sebagai institusi yang beretika dan profesional. Dalam jangka panjang, penerapan nilai *ḥifẓ al-nasl* dalam pengurusan perhotelan dapat meningkatkan daya saing industri di peringkat global kerana ia menonjolkan keunikan model perkhidmatan berteraskan Islam yang menghormati kehormatan manusia secara menyeluruh.

Kesimpulannya, domain menjaga kesejahteraan maruah berfungsi sebagai pelengkap penting kepada konstruk lain dalam Model MaSC-Hotel kerana ia menjamin keseimbangan antara keperluan spiritual dan sosial pelanggan. Ia bukan sahaja melindungi nilai moral pelanggan Muslim, tetapi juga membentuk budaya organisasi yang berteraskan adab, integriti, dan keihsanan dalam perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.42 di bawah merumuskan item-item yang dikenal pasti dalam domain menjaga kesejahteraan maruah bagi pembangunan Model MaSC-Hotel:

Jadual 5.42
Item-item Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Maruah (Domain *Ḍarūriyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Bil.	Item Kritikal	Contoh / Penerangan	Kaitan dengan ***Maqāṣid Syarīʿah***
A3.1	Salun berasingan lelaki & wanita	Mengelakkan interaksi yang melanggar batas *Syarīʿah*	*ḥifẓ al-nasl* – menjaga adab pergaulan
A3.2	Persembahan bercirikan Islam	Hiburan berunsur dakwah, nasyid, atau budaya Islam	*ḥifẓ al-nasl* – membina identiti Islam & moral
A3.3	Kakitangan menutup aurat	Uniform sopan & menepati *Syarīʿah*	*ḥifẓ al-nasl* – menjaga kehormatan & kesopanan
A3.4	Larangan staf berlainan jantina membersih bilik bersama	Elak pergaulan bebas pekerja semasa bertugas	*ḥifẓ al-nasl* – mengawal tingkah laku & ikhtilat
A3.5	Larangan pasangan LGBT berkongsi bilik	Polisi jelas terhadap isu homoseksual	*ḥifẓ al-nasl* – melindungi fitrah & moral keluarga
A3.6	Larangan pasangan tidak berkahwin berkongsi bilik	Polisi "marriage certificate required" untuk pasangan bukan mahram	*ḥifẓ al-nasl* – menjaga kehormatan & akhlak
A3.7	Pengasingan kolam renang, gym & spa	Jadual atau ruang berasingan lelaki & wanita	*ḥifẓ al-nasl* – melindungi aurat & privasi
A3.8	Tiada pakej rekreasi mendorong pergaulan bebas	Elak aktiviti bercampur bebas tanpa kawalan	*ḥifẓ al-nasl* – memelihara akhlak sosial
A3.9	Bebas hiburan melalaikan	Larangan konsert liar, karaoke tidak terkawal	*ḥifẓ al-nasl* – memastikan suasana bermanfaat
A3.10	Pengasingan bilik mandi lelaki & wanita (tidak berkahwin)	Elak perkongsian kemudahan antara bukan mahram	*ḥifẓ al-nasl* – menjaga kesopanan & syarak
A3.11	Pelancong berpakaian sopan	Polisi kod etika pakaian pelanggan	*ḥifẓ al-nasl* – memelihara maruah & kesederhanaan

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Berdasarkan Jadual 5.42, dapat dirumuskan bahawa domain *Ḍarūriyyāt* dalam konstruk menjaga kesejahteraan maruah memberi penekanan terhadap aspek pemisahan jantina, pematuhan syariat dalam penampilan serta aktiviti, dan pengawalan interaksi sosial di ruang hotel. Item-item seperti penyediaan salun berasingan (A3.1), pemisahan jadual penggunaan fasiliti (A3.7), serta larangan pasangan tidak berkahwin dan LGBT

berkongsi bilik (A3.5 & A3.6) menegaskan kepentingan menjaga batasan hubungan antara lelaki dan wanita.

Selain itu, penekanan kepada pakaian sopan dan menutup aurat (A3.3 & A3.11) mencerminkan usaha hotel dalam melindungi nilai kesopanan serta maruah tetamu. Larangan hiburan yang melalaikan (A3.9) dan pakej rekreasi yang menggalakkan pergaulan bebas (A3.8) pula menunjukkan keutamaan kepada aktiviti yang selari dengan prinsip Islam.

Secara keseluruhan, konstruk ini menekankan bahawa pemeliharaan maruah dalam industri hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya terbatas pada peraturan asas, malah merangkumi pelaksanaan menyeluruh yang menitikberatkan pemisahan jantina, kawalan sosial, dan adab berpakaian. Hal ini bersesuaian dengan objektif *Maqāṣid Syarīʿah* dalam menjaga kehormatan (*hifz al-ʿird*) yang menjadi tunjang kepada kelestarian perkhidmatan perhotelan Islam di Malaysia.

5.3.4.4 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḍarūriyyāt

4) Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Maruah

Kajian ini meneliti konstruk Menjaga Kesejahteraan Maruah dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, iaitu salah satu item penting dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Melalui kaedah *Fuzzy Delphi*, kajian ini mengumpul dan menganalisis pandangan pakar bagi mengenal pasti item-item yang kritikal untuk menjamin pemeliharaan maruah pelanggan Muslim ketika menginap di hotel.

Menjaga maruah adalah keperluan asasi dalam Islam, meliputi aspek aurat, batas pergaulan, dan perlakuan yang selari dengan akhlak Islam. Dalam konteks hospitaliti, ini berkait rapat dengan bagaimana hotel mengurus interaksi pelanggan dan pekerja serta menyediakan persekitaran yang menghormati nilai dan etika Islam.

Kaedah ini melibatkan beberapa pusingan penilaian oleh pakar berdasarkan tiga kriteria utama: nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), persetujuan $\geq 75\%$, dan purata skor *fuzzy* melepasi nilai min. Item yang menepati semua syarat ini telah diterima sebagai komponen penting dalam pembentukan konstruk menjaga maruah.

Jadual 5.43
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Maruah

Pakar	**Item**										
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**
Jabatan Standarts 1	7	4	4	4	4	7	4	4	4	4	4
Jabatan Standarts 2	6	6	7	7	7	7	6	7	7	7	7
HDC 1	7	7	7	7	7	7	6	7	6	7	6
HDC 2	7	5	7	7	7	7	7	5	5	5	5
HDC 3	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	5	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	7	5	5	6	7	7	6	6	6	6	6
ITC 1	7	4	6	4	6	6	6	4	5	7	6
Yayasan Wakaf	7	4	7	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	6	7	7	6	7	6	7	6	7	7
JAKIM 3	6	6	7	7	6	7	6	7	7	7	7
Halal Centre 1	6	5	7	7	7	7	5	7	6	7	7
Jadual 5.52 memaparkan skor penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta di bawah domain *Ḍarūriyyāt* yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Jabatan Standard, agensi kerajaan, badan halal, industri serta wakil institusi wakaf yang berpengalaman dalam pengurusan, pematuhan dan tadbir urus hotel patuh *Syarīʿah*. Skor yang diberikan mencerminkan tahap persetujuan pakar terhadap kepentingan setiap item dalam memastikan perlindungan serta pengurusan harta selaras dengan prinsip *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, majoriti item menerima skor tinggi antara 6 hingga 7 daripada hampir semua panel pakar, menunjukkan tahap persetujuan yang kukuh bahawa item menjaga kesejahteraan harta merupakan komponen teras dalam domain *Ḍarūriyyāt*. Item yang berkaitan dengan perlindungan aset, pengurusan kewangan yang telus serta kawalan keselamatan harta hotel dinilai sebagai aspek kritikal yang perlu diberi keutamaan dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit variasi skor bagi item tertentu khususnya item 1 dan item 3 yang menerima skor lebih rendah daripada sebahagian pakar seperti Jabatan Standard, Halal JAKIM, ITC dan Yayasan Wakaf, mencerminkan perbezaan perspektif terhadap tahap keutamaan relatif item tersebut berbanding item lain yang lebih langsung berkaitan dengan perlindungan fizikal dan pengurusan aset. Namun demikian, skor yang diberikan masih berada pada tahap sederhana hingga tinggi, menunjukkan item tersebut tetap relevan dalam konteks pemeliharaan harta. Item yang menerima skor maksimum secara konsisten dalam kalangan panel pakar menggambarkan kesepakatan bahawa pengurusan harta yang berkesan bukan sahaja berkaitan dengan kelestarian perniagaan, tetapi juga mencerminkan amanah, keadilan dan tanggungjawab selaras dengan prinsip *ḥifẓ al-māl* dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta diterima sebagai item *Ḍarūriyyāt* dan menyediakan asas yang kukuh untuk analisis seterusnya menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dalam

pembangunan Model MaSC-Hotel yang menekankan pengurusan harta secara beretika, telus dan patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.53
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Harta Dalam Domain *Ḍarūriyyāt*

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	0.535	0.077	0.229	0.029	0.029	0.038	0.019
Jabatan Standarts 2	0.067	0.079	0.093	0.029	0.029	0.038	0.019
HDC 1	0.144	0.077	0.093	0.029	0.029	0.038	0.019
HDC 2	0.144	0.079	0.093	0.124	0.124	0.038	0.019
HDC 3	0.144	0.077	0.458	0.029	0.029	0.038	0.019
Halal JAKIM	0.535	0.316	0.163	0.124	0.124	0.115	0.134
MOTAC 1	0.067	0.079	0.093	0.124	0.124	0.115	0.134
MOTAC 2	0.144	0.077	0.093	0.029	0.029	0.038	0.019
ITC 1	0.535	0.316	0.229	0.029	0.029	0.038	0.019
Yayasan Wakaf	0.144	0.077	0.458	0.029	0.029	0.038	0.019
JAKIM 1	0.144	0.077	0.229	0.029	0.029	0.038	0.019
JAKIM 2	0.144	0.077	0.093	0.029	0.029	0.038	0.019
JAKIM 3	0.144	0.077	0.093	0.029	0.029	0.115	0.019
Halal Centre 1	0.144	0.077	0.163	0.029	0.029	0.115	0.019
Halal Centre 2	0.144	0.077	0.163	0.029	0.029	0.038	0.019
Halal Centre 3	0.144	0.077	0.093	0.029	0.029	0.038	0.019
Nilai d setiap item	0.208	0.107	0.178	0.047	0.047	0.057	0.033

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.53 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta di bawah domain *Ḍarūriyyāt* berteraskan prinsip *ḥifẓ al-māl*. Nilai *threshold* ini digunakan untuk mengukur tahap perbezaan purata pandangan pakar terhadap setiap item, di mana nilai d yang lebih rendah menunjukkan tahap kesepakatan yang lebih tinggi manakala nilai yang lebih besar

mencerminkan variasi pandangan yang lebih ketara. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar item mencatatkan nilai *threshold* di bawah atau hampir kepada nilai ambang penerimaan 0.2, menandakan bahawa kebanyakan item telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang baik dalam konteks *Fuzzy Delphi Method* . Item 1 merekodkan nilai *threshold* purata sebanyak 0.208 yang sedikit melebihi nilai ambang dan menunjukkan variasi pandangan yang lebih ketara dalam kalangan pakar, berkemungkinan dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang kepakaran antara pihak industri, badan standard dan institusi wakaf dalam menilai kepentingannya terhadap pemeliharaan harta hotel patuh *Syarīʿah*. Item 2 dan item 3 masing-masing mencatatkan nilai *threshold* purata sebanyak 0.107 dan 0.178 yang masih berada dalam julat penerimaan serta menunjukkan tahap kesepakatan yang memuaskan. Item 4 dan item 5 pula mencatatkan nilai *threshold* purata terendah iaitu 0.047 yang menggambarkan kesepakatan pakar yang sangat tinggi, manakala item 6 dan item 7 masing-masing merekodkan nilai 0.057 dan 0.033 yang menunjukkan kesepakatan yang amat kukuh, dengan item 7 mencerminkan penerimaan hampir sebulat suara sebagai item penting dalam melindungi harta dan aset hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa majoriti item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta memenuhi kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi Method* , sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai komponen penting dalam domain *Ḍarūriyyāt* selaras dengan tuntutan *ḥifẓ al-māl* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.54
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Menjaga Kesejahteraan Harta

	ITEM						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Bilangan Item d ≤ 0.2	13	14	14	16	16	16	16
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	81.3%	87.5%	87.5%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.54 memaparkan analisis nilai *threshold* (d ≤ 0.2) bagi item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta di bawah domain *Ḍarūriyyāt* berteraskan prinsip *ḥifẓ al-māl* bagi menentukan tahap kesepakatan kumpulan pakar berdasarkan peratus pakar yang mencapai nilai *threshold* dalam julat penerimaan *Fuzzy Delphi Method* . Secara keseluruhannya, majoriti item mencapai tahap kesepakatan pakar yang

tinggi, di mana empat item iaitu item 4, item 5, item 6 dan item 7 mencatatkan peratus kesepakatan penuh sebanyak 100 peratus dengan kesemua 16 orang pakar memberikan penilaian pada nilai *threshold* yang memenuhi kriteria penerimaan, sekali gus menunjukkan kesepakatan yang sangat kukuh terhadap kepentingannya sebagai item teras dalam menjaga kesejahteraan harta hotel patuh *Syarīʿah*. Item 2 dan item 3 pula masing-masing merekodkan peratus kesepakatan sebanyak 87.5 peratus dengan 14 orang pakar mencapai nilai *threshold* dalam julat penerimaan, menandakan tahap kesepakatan yang masih tinggi walaupun terdapat sedikit variasi pandangan. Item 1 mencatatkan peratus kesepakatan terendah iaitu 81.3 peratus dengan 13 orang pakar mencapai nilai *threshold* yang ditetapkan, namun nilai ini masih melepasi had minimum kesepakatan yang lazim digunakan dalam kajian *Fuzzy Delphi* dan mencerminkan penerimaan item tersebut sebagai item penting dalam konstruk. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta mencapai tahap kesepakatan pakar yang boleh diterima, menyokong dapatan nilai *threshold* purata dalam Jadual 5.54 serta mengukuhkan kesahan konstruk ini sebagai komponen utama dalam domain *Ḍarūriyyāt* yang menekankan pemeliharaan harta dan aset secara beretika selaras dengan prinsip *ḥifẓ al-māl* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.55
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																					
Purata Setiap Unsur	0.763	0.894	0.944	0.813	0.944	0.988	0.650	0.831	0.944	0.863	0.981	1.000	0.863	0.981	1.000	0.850	0.975	1.000	0.875	0.988	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)		0.867			0.915			0.808			0.948			0.948			0.942			0.954	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.55 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta di bawah domain *Ḍarūriyyāt* berasaskan prinsip *ḥifẓ al-māl* melalui pengiraan skor *Fuzzy* menggunakan purata nilai *Fuzzy Triangular*, iaitu satu per tiga daripada jumlah nilai m_1, m_2 dan m_3 bagi setiap item. Skor *Fuzzy* ini digunakan untuk menentukan tahap kepentingan relatif setiap item berdasarkan kesepakatan pakar. Dapatan menunjukkan bahawa nilai purata *Fuzzy* bagi setiap item berada pada julat yang tinggi dan konsisten, mencerminkan tahap penerimaan pakar yang kukuh terhadap semua item yang dinilai. Item 7 mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi iaitu 0.954, diikuti oleh item 4 dan item 5 yang masing-masing merekodkan skor sebanyak 0.948, menandakan bahawa item tersebut dianggap paling kritikal dalam memastikan kesejahteraan harta hotel patuh *Syarīʿah* khususnya dari sudut perlindungan aset dan keselamatan harta pelanggan serta organisasi. Item 6 turut mencatatkan skor *Fuzzy* yang tinggi iaitu 0.942, manakala item 2 merekodkan skor sebanyak 0.915 yang menunjukkan tahap kepentingan yang diakui secara meluas oleh pakar sebagai komponen utama dalam pengurusan harta selaras dengan tuntutan *Syarīʿah*. Item 1 dan item 3 mencatatkan skor yang lebih rendah iaitu masing-masing 0.867 dan 0.808, namun nilai ini masih berada pada tahap tinggi dan mencerminkan penerimaan yang jelas walaupun terdapat sedikit variasi pandangan berkaitan keutamaan pelaksanaannya dalam konteks operasi hotel. Secara keseluruhannya, proses penilaian *Fuzzy Delphi* ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta memenuhi kriteria penerimaan dan membolehkan penentuan keutamaan secara sistematik, sekali gus mengukuhkan kesahan konstruk ini sebagai komponen teras dalam domain *Ḍarūriyyāt* yang menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan pemeliharaan harta secara beretika dan selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.56
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Domain *Ḍarūriyyāt* Dalam Konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Purata	0.763	0.894	0.944	0.813	0.944	0.988	0.650	0.831	0.944	0.863	0.981	1.000	0.863	0.981	1.000	0.850	0.975	1.000	0.875	0.988	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.56 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi domain *Ḍarūriyyāt* dalam menjaga kesejahteraan harta berdasarkan nilai *Fuzzy Triangular* yang diberikan oleh panel pakar daripada pelbagai latar belakang termasuk Jabatan Standard, agensi kerajaan, pihak berautoriti halal, industri perhotelan dan institusi wakaf. Setiap item dinilai menggunakan nilai m_1, m_2 dan m_3 bagi menggambarkan tahap persetujuan minimum, sederhana dan maksimum terhadap kepentingannya dalam menjaga harta hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, purata nilai *Fuzzy Triangular* bagi semua item menunjukkan kecenderungan yang tinggi ke arah persetujuan pakar, di mana kebanyakan item mencatatkan nilai m_2 dan m_3 yang hampir menghampiri nilai maksimum satu, menandakan tahap keyakinan dan penerimaan yang kukuh terhadap item-item dalam konstruk ini. Item 1 dan item 2 merekodkan nilai purata *Fuzzy* yang tinggi walaupun terdapat variasi kecil pada nilai m_1 bagi sebahagian pakar seperti Jabatan Standard, Halal JAKIM dan ITC, namun nilai m_2 dan m_3 yang tinggi mengesahkan kepentingannya secara keseluruhan. Item 3 mencatatkan nilai m_1 yang lebih rendah berbanding item lain tetapi masih menunjukkan nilai m_2 dan m_3 yang kukuh, manakala item 4 hingga item 7 memperlihatkan pola nilai *Fuzzy* yang lebih stabil dengan purata m_1, m_2 dan m_3 yang tinggi yang mencerminkan kesepakatan pakar yang konsisten. Nilai purata *Fuzzy Triangular* yang tinggi bagi item 5, item 6 dan item 7 khususnya menunjukkan bahawa item tersebut dianggap sebagai teras dalam memastikan perlindungan harta, pengurusan aset yang berkesan serta pencegahan kerugian dan ketirisan selaras dengan prinsip *ḥifẓ al-māl*. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta mempunyai tahap penerimaan pakar yang tinggi dan menyediakan asas kukuh untuk analisis seterusnya melibatkan pengiraan nilai *threshold*, penilaian kesepakatan pakar serta penentuan ranking akhir item dalam pembangunan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* khususnya dalam aspek perlindungan dan pengurusan harta.

Jadual 5.57
Analisis Ketidakpatuhan Item Menjaga Kesejahteraan Harta Hotel Patuh *Syarīʿah* Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Deposit hotel memilih institusi kewangan berteraskan Islam	0.208	81.3%	0.763	0.894	0.944	0.867	TERIMA	0.867	3
2	Pembiayaan untuk pembangunan hotel mestilah mematuhi *Syarīʿah*	0.107	87.5%	0.813	0.944	0.988	0.915	TERIMA	0.944	1
3	Menyediakan peti simpanan barangan berharga dalam bilik hotel	0.178	87.5%	0.650	0.831	0.944	0.808	TERIMA	0.706	6
4	Sumber kewangan operasi adalah daripada sumber yang halal	0.047	100.00%	0.863	0.981	1.000	0.948	TERIMA	0.840	4
5	Mengeluarkan zakat/ cukai	0.047	100.00%	0.863	0.981	1.000	0.948	TERIMA	0.931	2
6	Pengurusan sumber dilaksanakan dengan penuh ketelusan	0.057	100.00%	0.850	0.975	1.000	0.942	TERIMA	0.823	5
7	Pengagihan dilaksanakan dengan penuh ketelusan	0.033	100.00%	0.875	0.988	1.000	0.954	TERIMA	0.640	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.57 memaparkan analisis ketidakpatuhan item bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi*, nilai *Fuzzy Triangular* serta skor *Fuzzy* purata bagi setiap item bagi menentukan tahap kesepakatan pakar dan penerimaan item di bawah domain *Ḍarūriyyāt* berteraskan prinsip *ḥifẓ al-māl*. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa semua item dalam konstruk ini diterima oleh pakar walaupun terdapat variasi kecil dari segi tahap kesepakatan dan nilai *threshold*. Item 7 mencatatkan nilai *threshold* paling rendah iaitu 0.033 dengan peratus kesepakatan pakar sebanyak 100 peratus serta skor *Fuzzy* tertinggi iaitu 0.954 yang menunjukkan bahawa ketelusan dalam pengagihan sumber merupakan item paling dipersetujui dan kritikal dalam menjaga kesejahteraan harta hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4 dan item 5 masing-masing merekodkan nilai *threshold* sebanyak 0.047 dengan peratus kesepakatan pakar 100 peratus serta skor *Fuzzy* yang tinggi iaitu 0.948, mencerminkan kesepakatan kukuh terhadap kepentingan sumber kewangan operasi yang halal serta pelaksanaan tanggungjawab kewangan seperti zakat dan cukai. Item 6 turut menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi dengan nilai *threshold* 0.057, kesepakatan 100 peratus dan skor *Fuzzy* 0.942 yang menandakan pengurusan sumber yang telus sebagai item penting dalam memastikan kepercayaan dan kelestarian kewangan hotel. Bagi item 2, nilai *threshold* yang dicatatkan ialah 0.107 dengan peratus kesepakatan pakar sebanyak 87.5 peratus serta skor *Fuzzy* 0.915 yang menunjukkan pematuhan *Syarīʿah* dalam pembiayaan pembangunan hotel sebagai keutamaan utama walaupun terdapat sedikit variasi pandangan. Item 1 pula merekodkan nilai *threshold* yang lebih tinggi iaitu 0.208 dengan peratus kesepakatan pakar sebanyak 81.3 peratus dan skor *Fuzzy* 0.867, namun masih diterima berdasarkan tahap kesepakatan yang melebihi 75 peratus. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta memenuhi kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi*, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai item teras dalam domain *Ḍarūriyyāt* dan menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel yang menekankan pemeliharaan harta melalui tadbir urus kewangan yang patuh *Syarīʿah*, telus dan beretika selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.58
Dapatan Penilaian Pakar Terhadap Item Menjaga Kesejahteraan Harta Dalam Domain *Darurriyat* Melalui *Fuzzy Delphi*

A4	**Domain: *Darurriyat* (Keutamaan)** **Konstruk: Menjaga Kesejahteraan Harta**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
A4.1	Deposit hotel memilih institusi kewangan berteraskan Islam	A4.1	Pembiayaan untuk pembangunan hotel mestilah mematuhi *Syarīʿah*
A4.2	Pembiayaan untuk pembangunan hotel mestilah mematuhi *Syarīʿah*	A4.2	Mengeluarkan zakat/ cukai
A4.3	Menyediakan peti simpanan barangan berharga dalam bilik hotel	A4.3	Deposit hotel memilih institusi kewangan berteraskan Islam
A4.4	Sumber kewangan operasi adalah daripada sumber yang halal	A4.4	Sumber kewangan operasi adalah daripada sumber yang halal
A4.5	Mengeluarkan zakat/ cukai	A4.5	Pengurusan sumber dilaksanakan dengan penuh ketelusan
A4.6	Pengurusan sumber dilaksanakan dengan penuh ketelusan	A4.6	Menyediakan peti simpanan barangan berharga dalam bilik hotel
A4.7	Pengagihan dilaksanakan dengan penuh ketelusan	A4.7	Pengagihan dilaksanakan dengan penuh ketelusan

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.58 memaparkan dapatan penilaian pakar terhadap item Menjaga Kesejahteraan Harta dalam domain *Ḍarūriyyāt* melalui kaedah *Fuzzy Delphi* dengan menunjukkan susunan ranking item berdasarkan skor *Fuzzy* purata yang mencerminkan tahap keutamaan serta kesepakatan pakar terhadap setiap item berteraskan prinsip *ḥifẓ al-māl*. Dapatan menunjukkan bahawa item pembiayaan pembangunan hotel yang mematuhi *Syarīʿah* menduduki ranking tertinggi, menggambarkan kesepakatan pakar bahawa sumber pembiayaan patuh *Syarīʿah* merupakan asas utama dalam memastikan kelestarian dan integriti pengurusan harta hotel patuh *Syarīʿah*. Item pengeluaran zakat atau cukai berada pada kedudukan kedua yang mencerminkan kepentingan tanggungjawab kewangan sosial selaras dengan tuntutan *Syarīʿah* dan perundangan, diikuti oleh item pemilihan institusi kewangan Islam bagi urusan deposit hotel pada ranking ketiga yang menunjukkan kepentingan memastikan aliran kewangan kekal selari dengan prinsip *Syarīʿah*. Item berkaitan sumber kewangan operasi daripada sumber halal turut mengekalkan kedudukan yang konsisten sebagai keperluan asas dalam domain *Ḍarūriyyāt*, manakala item pengurusan sumber dan pengagihan harta

secara telus berada pada kedudukan seterusnya dengan tahap penerimaan yang tinggi sebagai faktor penting dalam mengekalkan kepercayaan dan integriti institusi hotel patuh *Syarīʿah*. Item penyediaan peti simpanan barangan berharga di dalam bilik hotel berada pada kedudukan lebih rendah berbanding item kewangan dan tadbir urus, menunjukkan bahawa walaupun aspek perlindungan harta tetamu diiktiraf sebagai penting, keutamaannya dilihat sebagai bersifat sokongan berbanding item strategik pengurusan kewangan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta merangkumi aspek pengurusan kewangan patuh *Syarīʿah* serta tadbir urus harta yang telus dan bertanggungjawab, sekali gus mengukuhkan peranan *ḥifẓ al-māl* sebagai komponen teras dalam Model MaSC-Hotel selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dan keperluan operasi industri hospitaliti Islam.

Jadual 5.59
Item Bagi Konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta Di Bawah Domain *Ḍarūriyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
A4.1	Pembiayaan untuk pembangunan hotel mestilah mematuhi *Syarīʿah*
A4.2	Mengeluarkan zakat/ cukai
A4.3	Deposit hotel memilih institusi kewangan berteraskan Islam
A4.4	Sumber kewangan operasi adalah daripada sumber yang halal
A4.5	Pengurusan sumber dilaksanakan dengan penuh ketelusan
A4.6	Menyediakan peti simpanan barangan berharga dalam bilik hotel
A4.7	Pengagihan dilaksanakan dengan penuh ketelusan

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Secara keseluruhannya, jadual ini memaparkan susunan keutamaan item bagi konstruk Menjaga Kesejahteraan Harta (*ḥifẓ al-māl*) dalam domain *Ḍarūriyyāt* berdasarkan tahap kesepakatan pakar, di mana semua item yang disenaraikan telah melepasi kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi* dan disahkan sebagai item penting dalam memastikan pengurusan harta yang patuh *Syarīʿah* dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Item A4.1 iaitu pembiayaan pembangunan hotel yang mematuhi *Syarīʿah* berada pada kedudukan tertinggi, menunjukkan bahawa pakar menilai aspek sumber pembiayaan sebagai asas paling kritikal dalam menjaga kesejahteraan harta, khususnya melalui

pemilihan pembiayaan yang bebas daripada unsur riba, gharar dan maisir. Item A4.2 iaitu pengeluaran zakat atau cukai berada pada kedudukan kedua, mencerminkan kepentingan tanggungjawab kewangan sosial selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pengagihan harta secara adil dan beretika. Item A4.3 iaitu pemilihan institusi kewangan berteraskan Islam bagi urusan deposit hotel berada pada kedudukan ketiga, diikuti oleh item A4.4 berkaitan sumber kewangan operasi daripada sumber halal pada kedudukan keempat yang menegaskan keperluan memastikan aliran kewangan bebas daripada item yang bercanggah dengan *Syarīʿah*. Item A4.5 iaitu pengurusan sumber secara telus berada pada kedudukan kelima yang menggambarkan kepentingan tadbir urus kewangan yang baik dalam meningkatkan kepercayaan pemegang taruh, manakala item A4.6 berkaitan penyediaan peti simpanan barangan berharga di dalam bilik hotel berada pada kedudukan keenam sebagai item sokongan dalam perlindungan harta tetamu. Item A4.7 iaitu pengagihan sumber secara telus berada pada kedudukan ketujuh yang melengkapkan sistem pengurusan harta secara patuh *Syarīʿah*. Kesimpulannya, susunan keutamaan ini menunjukkan penekanan pakar terhadap pembiayaan patuh *Syarīʿah*, pematuhan kewajipan kewangan serta pengurusan sumber yang halal dan telus sebagai teras dalam pemeliharaan harta, sekali gus mengukuhkan kedudukan *ḥifẓ al-māl* sebagai komponen utama dalam domain *Ḍarūriyyāt* dan menyediakan asas empirikal yang kukuh bagi pembangunan Model MaSC-Hotel yang berteraskan tadbir urus kewangan Islam secara menyeluruh.

5.3.4.6 Rumusan Analisis Domain Ḍarūriyyāt

Secara keseluruhannya, analisis terhadap konstruk al-*Ḍarūriyyāt* yang dijalankan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* menunjukkan bahawa item dalam lima domain utama *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, ḥifẓ al-ʿirḍ dan *ḥifẓ al-māl* merupakan asas kritikal dalam pembentukan Model MaSC-Hotel. Kesemua item ini mencapai tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan panel pakar, sekali gus memberikan justifikasi yang kukuh untuk diguna pakai sebagai tunjang utama dalam pembangunan model berteraskan prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah*. Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa kelima-lima domain al-*Ḍarūriyyāt* saling melengkapi dalam membentuk sistem pengurusan hotel Islam yang menyeluruh, di mana penjagaan agama melalui *Ḥifẓ al-Dīn* diterjemahkan melalui penyediaan kemudahan ibadah yang kondusif, penjagaan nyawa melalui *Ḥifẓ al-Nafs* direalisasikan

menerusi pelaksanaan langkah keselamatan dan penyediaan makanan halal yang bersih, manakala penjagaan akal dan maruah melalui *Ḥifẓ al-ʿAql* serta ḥifẓ al-ʿirḍ dizahirkan melalui pengawalan hiburan tidak bermoral, pengharaman minuman keras, penolakan aktiviti perjudian serta pelaksanaan latihan adab dan etika kerja dalam kalangan kakitangan hotel. Pada masa yang sama, analisis turut menunjukkan bahawa sebahagian item al-*Ḍarūriyyāt* masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dalam amalan industri hotel semasa, sekali gus menegaskan keperluan kepada pembangunan model yang mampu menstrukturkan item-item tersebut secara sistematik, berperingkat dan mudah dioperasikan. Penyepaduan prinsip al-*Ḍarūriyyāt* ke dalam Model MaSC-Hotel juga berupaya memastikan keseimbangan antara keperluan spiritual dan praktikal pelanggan moden, di mana hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar berfungsi sebagai tempat penginapan tetapi turut berperanan sebagai medium pembudayaan nilai Islam melalui pengalaman hospitaliti yang harmoni dan beretika. Dapatan ini seterusnya menegaskan bahawa pembinaan Model MaSC-Hotel berasaskan *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* mempunyai nilai praktikal yang signifikan kepada pengusaha hotel dan pihak berautoriti, khususnya dalam merapatkan jurang antara kerangka teori dan realiti pelaksanaan di lapangan melalui penyediaan garis panduan yang boleh dilaksanakan serta dinilai keberkesanannya secara berterusan bagi menyokong pembangunan industri hospitaliti Islam di Malaysia.

5.3.5 Analisis Domain *Ḥājiyyāt* dalam Pembangunan Model MaSC-Hotel: Aplikasi Kaedah *Fuzzy Delphi*

Domain *Ḥājiyyāt* merujuk kepada keperluan sokongan yang berfungsi melengkapkan keperluan asas al-*Ḍarūriyyāt* serta mengurangkan kesukaran (rafʿ al-ḥaraj) dalam pelaksanaan *Syarīʿah*. Dalam konteks Model MaSC-Hotel, domain *Ḥājiyyāt* memainkan peranan penting dalam memastikan operasi hotel patuh *Syarīʿah* dapat dilaksanakan secara praktikal, fleksibel dan responsif terhadap keperluan industri hospitaliti moden. Walaupun item di bawah domain ini tidak bersifat mendesak seperti *al-Ḍarūriyyāt*, ia tetap signifikan dalam menjamin kelancaran operasi, kebolehterimaan pasaran serta kelestarian jangka panjang hotel patuh *Syarīʿah*.

Dalam Model MaSC-Hotel, domain *Ḥājiyyāt* merangkumi beberapa Domain Utama yang menyokong keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Konstruk strategi pemasaran memberi tumpuan kepada pendekatan promosi dan

komunikasi yang beretika, telus dan selaras dengan nilai Islam. Strategi pemasaran yang berlandaskan prinsip *Syarīʿah* memastikan maklumat yang disampaikan kepada pelanggan adalah jujur, tidak mengelirukan serta tidak mengeksploitasi item sensitif demi keuntungan semata-mata. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan pelanggan, malah memperkukuh imej hotel patuh *Syarīʿah* sebagai entiti yang berintegriti dan bertanggungjawab dalam pasaran pelancongan Islam yang kompetitif.

Selain itu, konstruk halal ekosistem menekankan pembinaan rangkaian sokongan halal yang menyeluruh dalam operasi hotel, termasuk hubungan dengan pembekal halal, pengurusan rantaian bekalan yang mematuhi *Syarīʿah*, kerjasama dengan badan pensijilan halal serta integrasi perkhidmatan sokongan yang selari dengan piawaian halal. Ekosistem halal yang kukuh membolehkan hotel beroperasi secara sistematik dan konsisten, sekali gus mengurangkan risiko ketidakpatuhan *Syarīʿah* dalam aspek perkhidmatan serta operasi harian.

Konstruk pengurusan integriti pula merujuk kepada penerapan nilai amanah, ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus hotel. Dalam domain *Ḥājiyyāt*, integriti pengurusan berfungsi sebagai item pemudah yang memastikan setiap keputusan operasi, kewangan dan perkhidmatan dibuat berdasarkan prinsip etika Islam. Amalan pengurusan yang berintegriti membantu membina budaya organisasi berlandaskan nilai moral serta meningkatkan keyakinan pelanggan dan pihak berkepentingan terhadap kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah*.

Di samping itu, konstruk pengurusan aset dan prasarana memberi tumpuan kepada penyelenggaraan, penggunaan dan pembangunan kemudahan hotel secara berhemah dan beretika. Pengurusan aset yang sistematik memastikan prasarana hotel berada dalam keadaan baik, selamat dan berfungsi secara optimum untuk kegunaan pelanggan. Dalam konteks *Ḥājiyyāt*, aspek ini menyokong kelancaran pelaksanaan item-item *Ḍarūriyyāt* melalui penyediaan persekitaran operasi yang efisien tanpa mengabaikan prinsip *Syarīʿah* dan kelestarian sumber.

Secara keseluruhannya, domain *Ḥājiyyāt* dalam Model MaSC-Hotel berperanan sebagai mekanisme sokongan yang mengukuhkan pelaksanaan prinsip *al-Maqāṣid al-Syarīʿah* dalam industri perhotelan Islam. Penyepaduan konstruk strategi pemasaran, halal ekosistem, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana memastikan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* dapat dilaksanakan secara praktikal, berdaya saing

dan lestari, sekali gus melengkapkan keperluan asas *Ḍarūriyyāt* ke arah pembentukan sistem hospitaliti Islam yang holistik dan berkesan.

1) Konstruk: Strategi Pemasaran

Konstruk strategi pemasaran dalam Domain *Ḥājiyyāt* menonjolkan keperluan untuk merangka strategi promosi hotel patuh *Syarīʿah* secara sistematik bagi memenuhi keperluan pelanggan Muslim tanpa mengabaikan kebolehterimaan dalam kalangan pelanggan bukan Muslim. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua tujuh item yang dinilai telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi berdasarkan kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi*, sekali gus mengesahkan kesesuaian item-item tersebut untuk diintegrasikan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.60
Item-item Dalam Konstruk Strategi Pemasaran (Domain *Ḥājiyyāt*) Bagi Model MaSc-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B1.1	Perkhidmatan inklusif kepada semua pelanggan	Menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada Muslim dan bukan Muslim tanpa diskriminasi.	Menjamin keadilan sosial serta memperkukuh imej Islam sebagai rahmatan lil-‘alamin.
B1.2	Pengintegrasian mesra Muslim	Menyediakan kemudahan seperti ruang solat, pengasingan ruang lelaki/wanita, dan waktu daftar masuk fleksibel.	Memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dengan memberi kemudahan ibadah kepada pelanggan Muslim.
B1.3	Pakej perkhidmatan mesra Islam	Menawarkan pakej khas seperti Ramadan, Umrah, serta pakej keluarga patuh *Syarīʿah*.	Memudahkan pelanggan Muslim melaksanakan ibadah tanpa halangan, selaras dengan prinsip *Ḥājiyyāt*.
B1.4	Paparan logo & sijil halal Malaysia	Meletakkan logo halal Malaysia di pintu masuk dan ruang lobi hotel.	Memberi keyakinan pelanggan terhadap pematuhan halal, sekaligus melindungi kepentingan pengguna Muslim.
B1.5	Paparan sijil pengesahan halal asal	Memastikan sijil halal yang sah dipamerkan secara telus dan mudah diakses pelanggan.	Mempertingkatkan ketelusan serta integriti hotel dalam mematuhi piawaian halal.
B1.6	Semakan maklumat melalui Direktori Halal Malaysia	Membolehkan pelanggan menyemak status *halal hotel* secara rasmi melalui laman web JAKIM.	Menjamin kesahihan maklumat halal serta memelihara hak pelanggan daripada penipuan.

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B1.7	Promosi laman sesawang mesra Muslim	Membangunkan laman web dengan ciri mesra Muslim seperti waktu solat, arah kiblat, info halal dan garis panduan *Syarīʿah*.	Menyokong *Hifẓ al-Dīn* dan *Hifẓ al-Nafs* dengan memberi kemudahan maklumat yang selamat dan sahih kepada pelanggan.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.60 menunjukkan bahawa domain *Ḥājiyyāt* dalam konstruk strategi pemasaran menekankan penyampaian perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* secara inklusif, telus dan mesra Muslim melalui penyediaan perkhidmatan tanpa diskriminasi (B1.1) serta pengintegrasian ciri mesra Muslim (B1.2) yang menyeimbangkan tuntutan kepatuhan *Syarīʿah* dengan prinsip keterangkuman selaras dengan konsep raḥmatan lil-ʿālamīn. Penawaran pakej perkhidmatan mesra Islam seperti pakej Ramadan, Umrah dan penginapan keluarga patuh *Syarīʿah* (B1.3) bukan sahaja memenuhi keperluan *Ḥājiyyāt* pelanggan Muslim, malah meningkatkan daya saing hotel dalam pasaran pelancongan halal. Aspek ketelusan turut diperkukuh melalui paparan logo halal (B1.4), sijil halal yang sah (B1.5) serta kebolehan menyemak maklumat hotel melalui Direktori Halal Malaysia (B1.6) bagi meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap tahap pematuhan *Syarīʿah*. Di samping itu, pemanfaatan teknologi digital melalui pembangunan laman sesawang mesra Muslim (B1.7) yang menyediakan maklumat seperti arah kiblat maya, waktu solat dan status halal memperluaskan capaian hotel ke pasaran pelancong Muslim global secara lebih efektif.

5.3.5.1 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḥājiyyāt

Tahap penerimaan yang tinggi terhadap item-item domain *Ḥājiyyāt* ini memperlihatkan bahawa pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* tidak memadai dengan hanya menumpukan kepada keperluan asas seperti penyediaan makanan halal dan kemudahan solat semata-mata. Sebaliknya, operasi hotel perlu dirangka secara lebih holistik dan strategik merangkumi aspek pemasaran, tadbir urus, pengurusan kemudahan serta pembangunan ekosistem sokongan halal yang mantap. Dalam konteks ini, domain *Ḥājiyyāt* berperanan sebagai penghubung praktikal antara prinsip ideal *Syarīʿah* dengan realiti pelaksanaan operasi harian, sekali gus memastikan perkhidmatan hotel patuh

Syarīʿah dapat dilaksanakan secara efisien, berdaya saing dan responsif terhadap keperluan industri hospitaliti semasa..

1) Konstruk: Strategi Pemasaran

Kajian ini menggunakan pendekatan *Fuzzy Delphi* bagi mengenal pasti item utama dalam strategi pemasaran perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* dengan menumpukan kepada penyusunan semula strategi pemasaran yang selari dengan prinsip *Syarīʿah* serta keperluan pelanggan Muslim dalam industri hospitaliti Islam di Malaysia. Dalam domain *Ḥājiyyāt*, strategi pemasaran berperanan sebagai keperluan sokongan penting yang memastikan perkhidmatan hotel dapat diakses secara efektif oleh pelanggan, sekali gus memperluaskan capaian pasaran melalui pendekatan mesra Muslim yang inklusif tanpa mengira latar belakang agama. Item seperti pengintegrasian mesra Muslim dalam penyampaian perkhidmatan, pemaparan sijil halal yang sah serta logo Halal Malaysia di lokasi strategik, dan kebolehcapaian maklumat status halal melalui Direktori Halal Malaysia serta laman sesawang mesra Muslim mendapat tahap persetujuan pakar yang tinggi. Di samping itu, penawaran pakej perkhidmatan yang mengambil kira keperluan ibadah, pemakanan halal dan aktiviti patuh *Syarīʿah* turut diiktiraf sebagai strategi penting dalam meningkatkan daya tarikan hotel kepada pelanggan sasaran. Penggunaan pendekatan promosi beretika melalui platform digital yang sesuai dengan nilai Islam juga dilihat berupaya memperkukuh imej profesionalisme dan komitmen *Syarīʿah* hotel. Secara keseluruhannya, dapatan ini menyediakan panduan praktikal kepada pengurusan hotel dalam membina strategi pemasaran berasaskan *Syarīʿah* yang mampu meningkatkan keterlihatan halal, membina keyakinan pelanggan dan memperluas penerimaan pasaran, di mana setiap item dalam konstruk ini telah dinilai berdasarkan tiga kriteria utama iaitu nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), peratus persetujuan pakar ($\geq 75\%$) dan skor purata *Fuzzy* melebihi nilai min sebelum dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.61
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḥājiyyāt* Konstruk Strategi Pemasaran

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	7	7	4	5	7	7	7
Jabatan Standarts 2	7	7	7	7	7	7	6
HDC 1	7	7	7	7	7	7	7
HDC 2	7	7	7	6	6	6	6
HDC 3	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	5	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	6	6	6	6	6	6	6
ITC 1	7	7	5	5	7	7	7
Yayasan Wakaf	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	7	7	7	7	7	6	6
JAKIM 3	7	7	7	6	7	7	7
Halal Centre 1	7	7	7	6	7	7	6
Halal Centre 2	7	7	6	7	7	7	7
Halal Centre 3	7	7	6	7	7	7	6

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.61 memaparkan skor penilaian pakar terhadap tujuh item yang mewakili konstruk Strategi Pemasaran di bawah domain al-*Ḥājiyyāt* dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Penilaian ini melibatkan lima belas orang pakar daripada pelbagai agensi berkaitan industri halal dan pelancongan Islam seperti Jabatan Standard Malaysia, Halal Development Corporation (HDC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Islamic Tourism Centre (ITC), Yayasan Wakaf serta Halal Centre institusi pengajian tinggi, menggunakan skala tujuh aras *Fuzzy* bagi mencerminkan tahap persetujuan terhadap kesesuaian dan kebolehgunaan setiap item. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan konsisten bagi semua item, dengan

majoriti pakar memberikan skor antara 6 hingga 7, sekali gus menandakan bahawa kesemua item dianggap relevan dan penting sebagai item sokongan dalam domain al-*Ḥājiyyāt*. Item 1, item 2, item 5, item 6 dan item 7 mencatatkan skor yang sangat tinggi secara konsisten dengan sebahagian besar pakar memberikan skor maksimum, menunjukkan persetujuan hampir menyeluruh bahawa item-item tersebut merupakan item teras dalam strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*. Bagi item 3 dan item 4, walaupun terdapat sedikit variasi skor antara 4 hingga 5 daripada sebahagian pakar, nilai tersebut masih berada dalam julat penerimaan dan tidak menjejaskan kerelevanan item berkenaan. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Strategi Pemasaran mencapai tahap persetujuan pakar yang tinggi, sekali gus menyokong kemasukan konstruk ini dalam Model MaSC-Hotel sebagai mekanisme penting yang menghubungkan prinsip *Syarīʿah* dengan keperluan pasaran secara beretika, berdaya saing dan mampan.

Jadual 5.62
Analisis Nilai *Threshold* ($d \leq 0.2$) bagi Item Konstruk Strategi Pemasaran

	Item						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Bilangan Item $d \leq 0.2$	15	16	15	16	16	16	16
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	93.8%	100.0%	93.8%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.62 memperlihatkan analisis nilai *threshold* bagi item dalam domain Strategi Pemasaran berdasarkan kriteria $d \leq 0.2$. Dapatan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item telah memenuhi syarat nilai *threshold* yang ditetapkan, dengan bilangan item yang diterima berada antara 15 hingga 16 bagi setiap pakar. Peratus persetujuan pula adalah sangat tinggi, iaitu antara 93.8 peratus hingga 100 peratus, sekali gus mencerminkan tahap kesepakatan pakar yang kukuh terhadap kepentingan item Strategi Pemasaran yang dicadangkan. Secara keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan bahawa konstruk Strategi Pemasaran mempunyai tahap kebolehterimaan yang sangat baik dalam kalangan pakar, di mana keseragaman nilai *threshold* yang rendah serta peratus persetujuan yang tinggi mengesahkan bahawa item-item dalam domain ini adalah relevan, jelas dan sesuai untuk dimasukkan sebagai komponen

penting dalam model yang dibangunkan, sekali gus menyokong kesahan kandungan konstruk Strategi Pemasaran sebagai item sokongan strategik yang signifikan dalam memperkukuh pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.63
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Strategi Pemasaran

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	0.043	0.029	0.571	0.289	0.038	0.048	0.076
Jabatan Standarts 2	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.048	0.076
HDC 1	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.048	0.076
HDC 2	0.043	0.029	0.112	0.052	0.115	0.105	0.076
HDC 3	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.048	0.076
Halal JAKIM	0.349	0.124	0.053	0.052	0.115	0.105	0.076
MOTAC 1	0.111	0.124	0.053	0.052	0.115	0.105	0.076
MOTAC 2	0.111	0.124	0.053	0.052	0.115	0.105	0.076
ITC 1	0.043	0.029	0.281	0.289	0.038	0.048	0.076
Yayasan Wakaf	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.048	0.076
JAKIM 1	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.048	0.076
JAKIM 2	0.043	0.029	0.112	0.105	0.038	0.105	0.076
JAKIM 3	0.043	0.029	0.112	0.052	0.038	0.048	0.076
Halal Centre 1	0.043	0.029	0.112	0.052	0.038	0.048	0.076
Halal Centre 2	0.043	0.029	0.053	0.105	0.038	0.048	0.076
Halal Centre 3	0.043	0.029	0.053	0.105	0.038	0.048	0.076
Nilai d setiap item	0.071	0.047	0.133	0.108	0.057	0.066	0.076

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.63 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* serta nilai *threshold* d bagi penilaian pakar terhadap tujuh item dalam konstruk Strategi Pemasaran di bawah domain al-*Ḥājiyyāt* bagi Model MaSC-Hotel. Nilai *threshold* d digunakan untuk menilai tahap perbezaan purata pandangan pakar terhadap setiap item, di mana nilai

yang lebih rendah menunjukkan tahap kesepakatan yang lebih tinggi. Dalam kaedah *Fuzzy Delphi*, item diterima sekiranya nilai d berada pada atau di bawah nilai ambang 0.2. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa semua item mencatatkan nilai *threshold* yang rendah dan berada jauh di bawah nilai ambang penerimaan, dengan nilai d bagi item 1 hingga item 7 masing-masing ialah 0.071, 0.047, 0.133, 0.108, 0.057, 0.066 dan 0.076. Corak ini membuktikan bahawa tahap kesepakatan pakar terhadap semua item dalam konstruk Strategi Pemasaran adalah tinggi dan konsisten, sekali gus mengesahkan kesesuaiannya untuk dikekalkan dalam model. Item 2 mencatatkan nilai *threshold* terendah diikuti oleh item 5 dan item 6, menunjukkan perbezaan pandangan yang sangat minimum dalam kalangan pakar terhadap kepentingan item-item tersebut. Walaupun item 3 dan item 4 mencatatkan nilai *threshold* yang sedikit lebih tinggi, nilainya masih berada dalam julat penerimaan dan tidak menjejaskan penerimaan keseluruhan item. Sementara itu, item 1 dan item 7 turut menunjukkan tahap kesepakatan yang stabil, sekali gus mengukuhkan bahawa kesemua item dalam konstruk Strategi Pemasaran telah memenuhi kriteria kesepakatan *Fuzzy Delphi* tanpa memerlukan penyingkiran atau pengubahsuaian. Analisis ini seterusnya mengesahkan peranan konstruk Strategi Pemasaran sebagai item pelengkap yang signifikan dalam Model MaSC-Hotel, di samping menyokong keperluan integrasi strategi pemasaran patuh *Syarīʿah* secara sistematik agar pelaksanaan perkhidmatan hotel kekal berdaya saing dan relevan dengan keperluan pasaran semasa.

Jadual 5.64
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Domain *Ḥājiyyāt* Konstruk Strategi Pemasaran
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	Item																				
	1			2			3			4			5			6			7		
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Purata	0.850	0.969	0.994	0.863	0.981	1.000	0.775	0.919	0.975	0.775	0.925	0.988	0.850	0.975	1.000	0.838	0.969	1.000	0.800	0.950	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.64 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi domain *Ḥājiyyāt* dalam konstruk Strategi Pemasaran yang melibatkan panel pakar daripada pelbagai agensi berkaitan standard, halal dan pelancongan. Penilaian ini menggunakan *Triangular Fuzzy Numbers* yang merangkumi nilai minimum (m1), nilai pertengahan (m2) dan nilai maksimum (m3), yang kemudiannya disintesis melalui rumus Amax iaitu satu per tiga daripada jumlah m1, m2 dan m3 bagi mendapatkan purata tahap persetujuan pakar terhadap setiap item. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa semua item strategi pemasaran menerima skor purata yang tinggi dengan kebanyakan nilai m1 bermula pada 0.775 ke atas, manakala nilai m2 dan m3 hampir keseluruhannya menghampiri 1.000, sekali gus mencerminkan tahap persetujuan pakar yang sangat kukuh terhadap kesesuaian dan kepentingan item dalam domain *Ḥājiyyāt*. Item berkaitan pengintegrasian mesra Muslim serta keutamaan perkhidmatan kepada semua pelanggan mencatatkan nilai purata tertinggi, menandakan item tersebut sebagai komponen utama dalam menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Selain itu, item yang melibatkan pemaparan sijil dan logo halal, pengesahan halal yang sah serta kebolehcapaian maklumat melalui Direktori Halal Malaysia turut menunjukkan nilai *Fuzzy* yang tinggi dan konsisten, menggambarkan kepentingan aspek ketelusan, kebolehpercayaan dan keyakinan pengguna dalam strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*. Walaupun terdapat sedikit variasi skor bagi item penawaran pakej perkhidmatan khusus dan promosi melalui laman sesawang mesra Muslim, nilai purata yang diperoleh masih berada dalam julat penerimaan yang kukuh. Analisis ini mengesahkan bahawa proses *Fuzzy Delphi* bagi konstruk Strategi Pemasaran dalam domain *Ḥājiyyāt* berjaya mencapai kesepakatan pakar yang tinggi, sekali gus menyokong kesahan kandungan dan kebolehgunaan item-item yang dicadangkan sebagai item sokongan strategik dalam memperkukuh Model MaSC-Hotel selaras dengan keperluan *Ḥājiyyāt* dan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.65
Ketidakpatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
1	Mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim	0.071	93.8%	0.850	0.969	0.994	0.938	TERIMA	0.938	2
2	Memastikan penginterasian mesra Muslim	0.047	100.0%	0.863	0.981	1.000	0.948	TERIMA	0.944	1
3	Menawarkan perkhidmatan menggunakan pakej yang sesuai untuk umat Islam	0.133	93.8%	0.775	0.919	0.975	0.890	TERIMA	0.706	6
4	Mempamerkan Logo & Sijil Halal Malaysia di hadapan pintu hotel & lobby hotel	0.108	100.00%	0.775	0.925	0.988	0.896	TERIMA	0.840	4
5	Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang asal dan masih sah tempoh di hotel	0.057	100.00%	0.850	0.975	1.000	0.942	TERIMA	0.931	3

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
6	Maklumat hotel boleh disemak melalui Direktori Halal Malaysia (www.halal.gov.my)	0.066	100.00%	0.838	0.969	1.000	0.935	TERIMA	0.823	5
7	Promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim	0.076	100.00%	0.800	0.950	1.000	0.917	TERIMA	0.640	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.65 memaparkan analisis ketidakpatuhan item hotel patuh *Syarīʿah* bagi konstruk Strategi Pemasaran berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua tujuh item yang dinilai telah memenuhi kriteria penerimaan dengan nilai *threshold* d berada pada atau di bawah 0.2 serta peratus kesepakatan pakar yang tinggi antara 93.8 peratus hingga 100 peratus, sekali gus mencerminkan tahap persetujuan yang sangat kukuh terhadap kesesuaian item dalam menyokong strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*. Dari segi keutamaan, item memastikan pengintegrasian mesra Muslim mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi dan menduduki ranking pertama, diikuti oleh item mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan tanpa mengira latar belakang agama pada kedudukan kedua, yang menegaskan prinsip keterangkuman sebagai asas pendekatan pemasaran patuh *Syarīʿah*. Item mempamerkan sijil pengesahan halal Malaysia yang sah pula berada pada ranking ketiga, mencerminkan kepentingan aspek ketelusan dalam membina keyakinan pelanggan. Item-item lain seperti pemaparan logo halal, kebolehcapaian maklumat melalui Direktori Halal Malaysia, penawaran pakej perkhidmatan khusus untuk pelanggan Muslim serta promosi melalui laman sesawang mesra Muslim berada pada kedudukan seterusnya namun masih mencatatkan skor *Fuzzy* yang tinggi dan diterima sepenuhnya oleh pakar. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item Strategi Pemasaran yang dicadangkan adalah relevan, praktikal dan selari dengan keperluan domain *Ḥājiyyāt*, di samping menyokong kesahan kandungan konstruk sebagai item sokongan strategik dalam memperkukuh imej, kebolehpercayaan dan daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam industri hospitaliti.

Jadual 5.66
Hasil Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi item Konstruk Strategi Pemasaran dalam Reka Bentuk Dalaman Hotel Patuh *Syarīʿah*

	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) **Konstruk: Strategi Pemasaran**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B1.1	Mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim	B1.1	Memastikan penginterasian mesra Muslim
B1.2	Memastikan penginterasian mesra Muslim	B1.2	Mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim

	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) **Konstruk: Strategi Pemasaran**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B1.3	Menawarkan perkhidmatan menggunakan pakej yang sesuai untuk umat Islam	B1.3	Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang asal dan masih sah tempoh di hotel
B1.4	Mempamerkan Logo & Sijil Halal Malaysia di hadapan pintu hotel & lobby hotel	B1.4	Mempamerkan Logo & Sijil Halal Malaysia di hadapan pintu hotel & lobby hotel
B1.5	Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang asal dan masih sah tempoh di hotel	B1.5	Maklumat hotel boleh disemak melalui Direktori Halal Malaysia (www.halal.gov.my)
B1.6	Maklumat hotel boleh disemak melalui Direktori Halal Malaysia (www.halal.gov.my)	B1.6	Menawarkan perkhidmatan menggunakan pakej yang sesuai untuk umat Islam
B1.7	Promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim	B1.7	Promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.66 memaparkan hasil penilaian *Fuzzy Delphi* bagi item Strategi Pemasaran dalam domain *Ḥājiyyāt* yang menekankan keperluan sokongan dalam reka bentuk dan pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*, di mana semua item yang dicadangkan telah diterima oleh pakar dan disusun mengikut keutamaan berdasarkan skor *Fuzzy* yang diperoleh. Item memastikan pengintegrasian mesra Muslim menduduki ranking tertinggi, menandakan bahawa pendekatan pemasaran yang mesra Muslim merupakan keperluan utama dalam memenuhi jangkaan pelanggan serta membina pengalaman penginapan yang selesa dan selari dengan nilai *Syarīʿah*, diikuti oleh item mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim yang mencerminkan kepentingan prinsip keterangkuman dalam strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*. Item berkaitan pemaparan sijil dan logo halal serta pengesahan halal yang sah pula berada pada kedudukan pertengahan, menunjukkan keperluan terhadap ketelusan dan kebolehpercayaan dalam membina keyakinan pengguna terhadap status patuh *Syarīʿah* hotel, manakala item menawarkan pakej perkhidmatan khusus untuk pelanggan Muslim, kebolehcapaian maklumat hotel melalui Direktori Halal Malaysia serta promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim berada pada ranking lebih rendah namun masih diterima sepenuhnya sebagai pelengkap strategik. Secara keseluruhannya, susunan keutamaan ini mengesahkan bahawa konstruk Strategi Pemasaran dalam domain *Ḥājiyyāt* adalah relevan dan

berfungsi sebagai sokongan penting dalam meningkatkan daya saing serta imej hotel patuh *Syarīʿah* tanpa mengabaikan prinsip asas *Maqāṣid Syarīʿah*.

Jadual 5.67
Item Bagi Konstruk Strategi Pemasaran Di Bawah Domain *Ḥājiyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
B1.1	Memastikan penginterasian mesra Muslim
B1.2	Mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim
B1.3	Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang asal dan masih sah tempoh di hotel
B1.4	Mempamerkan Logo & Sijil Halal Malaysia di hadapan pintu hotel & lobby hotel
B1.5	Maklumat hotel boleh disemak melalui Direktori Halal Malaysia (www.halal.gov.my)
B1.6	Menawarkan perkhidmatan menggunakan pakej yang sesuai untuk umat Islam
B1.7	Promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan item bagi konstruk strategi pemasaran di bawah domain *Ḥājiyyāt* berdasarkan hasil analisis *Fuzzy Delphi*, di mana item memastikan pengintegrasian mesra Muslim menduduki ranking tertinggi sebagai keutamaan utama dalam strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*, sekali gus menggambarkan keperluan untuk membina persekitaran perkhidmatan yang mesra, inklusif dan sensitif terhadap keperluan pelanggan Muslim sebagai asas kepada pengalaman penginapan yang positif. Item mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim berada pada kedudukan kedua, menekankan prinsip keterangkuman dan keadilan dalam pendekatan pemasaran yang selari dengan nilai Islam yang bersifat sejagat serta menyokong usaha hotel patuh *Syarīʿah* mengekalkan daya tarikan kepada pelbagai segmen pelanggan tanpa mengabaikan identiti *Syarīʿah*. Seterusnya, item berkaitan pemaparan sijil pengesahan halal yang sah serta logo dan sijil halal Malaysia berada pada ranking pertengahan, menunjukkan kepentingan aspek ketelusan dan keyakinan pengguna terhadap status patuh *Syarīʿah* hotel sebagai isyarat visual dan jaminan rasmi yang mengukuhkan kredibiliti hotel. Manakala item penyediaan maklumat melalui Direktori Halal Malaysia, penawaran pakej perkhidmatan khusus

untuk umat Islam serta promosi melalui laman sesawang mesra Muslim berada pada ranking yang lebih rendah namun masih diterima sepenuhnya sebagai sokongan strategik dalam melengkapkan pelaksanaan strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah*, sekali gus mengesahkan bahawa konstruk ini adalah relevan, praktikal dan menyokong pemerkasaan imej, kebolehpercayaan serta daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam industri hospitaliti.

2) Konstruk: Halal Ekosistem

Konstruk Halal Ekosistem dikenal pasti sebagai salah satu domain penting dalam kategori *Ḥājiyyāt* bagi pembangunan Model MaSC-Hotel, yang merangkumi pelbagai aspek sokongan terhadap pelaksanaan prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel seperti pensijilan halal, latihan kakitangan, struktur pentadbiran berasaskan *Syarīʿah*, peningkatan kualiti perkhidmatan serta kerjasama strategik dengan pihak industri. Pendekatan ini memastikan bahawa konsep halal tidak hanya difahami dalam konteks kepatuhan terhadap produk makanan dan minuman semata-mata, tetapi diperluas kepada keseluruhan ekosistem pengurusan, operasi dan pengalaman pelanggan. Sehubungan itu, Jadual 5.68 memperincikan item-item dalam konstruk Halal Ekosistem di bawah domain *Ḥājiyyāt* yang relevan bagi menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel secara lebih sistematik dan bersepadu.

Jadual 5.68
Item-item Dalam Konstruk Halal Ekosistem (Domain *Ḥājiyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B2.1	Inovasi produk halal	Menggalakkan penghasilan produk dan perkhidmatan baharu yang menepati prinsip halal.	Memastikan kemudahan kontemporari tetap berpandukan *Syarīʿah* bagi memenuhi keperluan semasa pelanggan.
B2.2	Peningkatan kualiti pensijilan halal	Mendapatkan pelbagai pengiktirafan halal yang sah, khususnya daripada JAKIM.	Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap pematuhan halal yang sahih dan berkualiti.
B2.3	Peruntukan sumber *Syarīʿah*	Menyediakan dana, tenaga kerja dan fasiliti khusus untuk pemantapan aspek *Syarīʿah*.	Menjamin kelestarian operasi halal serta integriti dalam tadbir urus hotel.
B2.4	Majoriti kakitangan Muslim	Memastikan sebahagian besar pekerja adalah Muslim untuk menjamin pematuhan *Syarīʿah*.	Menjaga identiti Islam hotel serta memudahkan pelaksanaan prinsip halal dalam operasi harian.

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B2.5	Latihan pengurusan halal	Memberi latihan sistematik kepada kakitangan dalam aspek halal dan *Syarīʿah*.	Meningkatkan kompetensi pekerja agar dapat melaksanakan perkhidmatan selaras dengan tuntutan Islam.
B2.6	Jaringan industri antarabangsa	Menjalin kerjasama dengan industri pelancongan luar negara.	Memperluas pasaran halal global dan mempromosikan imej Islam secara inklusif.
B2.7	Pelantikan penasihat *Syarīʿah*	Melantik pihak berautoriti seperti *Halal Executive*, *Halal Advisor*, *Halal Supervisor*, *Shariah Executive*, atau *Shariah Committee*.	Menjamin pemantauan berterusan terhadap aspek pematuhan *Syarīʿah* dalam operasi hotel.
B2.8	Hala tuju pengurusan berasaskan Islam	Merumuskan visi dan misi hotel yang selari dengan nilai-nilai Islam.	Menjadi panduan strategik dalam memastikan identiti hotel patuh *Syarīʿah*.
B2.9	Pematuhan *Syarīʿah* dalam pentadbiran	Mengamalkan etika *Syarīʿah* dalam pergaulan, pemakaian, pengurusan pejabat, dan perkhidmatan.	Menegakkan budaya kerja berlandaskan *Syarīʿah* dan menjaga maruah organisasi.
B2.10	Perkhidmatan *ground transport* patuh *Syarīʿah*	Menyediakan pengangkutan darat (contoh: *shuttle*, bas, teksi) yang mematuhi prinsip Islam.	Memastikan keseluruhan rantaian perkhidmatan hotel selaras dengan prinsip *Syarīʿah*.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.68 menunjukkan bahawa domain Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* berperanan sebagai komponen sokongan yang signifikan dalam memastikan hotel patuh *Syarīʿah* beroperasi secara menyeluruh dan konsisten dengan prinsip Islam. Konsep halal tidak hanya tertumpu kepada aspek makanan dan minuman, sebaliknya meliputi keseluruhan sistem operasi, pengurusan dan pengalaman pelanggan. Item seperti inovasi produk halal dan peningkatan kualiti pensijilan halal memperkukuh keyakinan pelanggan terhadap kredibiliti hotel, manakala peruntukan sumber organisasi khusus serta pelantikan penasihat *Syarīʿah* mencerminkan komitmen pengurusan dalam memastikan pemantauan dan pematuhan operasi secara berterusan. Di samping itu, penekanan terhadap latihan pengurusan halal, pematuhan *Syarīʿah* dalam pentadbiran serta pembinaan budaya kerja berasaskan nilai Islam menyokong integriti organisasi dan kesahihan status *halal hotel*. Jaringan dengan industri pelancongan antarabangsa, hala tuju pengurusan berteraskan nilai Islam dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* pula memperlihatkan bahawa halal turut merangkumi dasar pengurusan, hubungan strategik dan rantaian perkhidmatan secara komprehensif. Secara keseluruhannya, domain Halal Ekosistem menjadi item kritikal

dalam menyokong pelaksanaan Model MaSC-Hotel yang berkesan serta meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan terhadap industri hospitaliti Islam.

5.3.5.2 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḥājiyyāt

3) Konstruk: Halal Ekosistem

Konsep halal ekosistem merangkumi aspek pensijilan, latihan, pentadbiran, perkhidmatan serta jaringan industri yang menyokong pematuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel, melangkaui keperluan asas makanan dan minuman semata-mata. Item seperti galakan inovasi produk halal dan keperluan memiliki pelbagai pensijilan halal JAKIM berada pada kedudukan tertinggi, mencerminkan kepentingan daya saing serta kebolehpercayaan hotel dalam memenuhi keperluan pelanggan Muslim yang pelbagai. Penerapan nilai *Syarīʿah* dalam pentadbiran organisasi termasuk etika kerja, pergaulan dan pemakaian turut dikenal pasti sebagai komponen penting dalam membentuk ekosistem halal dalaman yang berintegriti. Latihan pengurusan halal serta keperluan majoriti kakitangan Muslim menegaskan peranan sumber manusia dalam memastikan pelaksanaan prinsip *Syarīʿah* secara tepat dalam operasi harian. Selain itu, pembentukan jaringan dengan industri pelancongan antarabangsa membuka peluang kerjasama strategik bagi memperluas pasaran dan memperkukuh jenama hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat global. Pelantikan penasihat *Syarīʿah* seperti Halal Executive, Halal Advisor dan Jawatankuasa *Syarīʿah* pula memastikan wujud mekanisme semak dan imbang dalam pengurusan hotel, manakala penyediaan perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* menunjukkan bahawa pematuhan turut merangkumi keseluruhan rantaian perkhidmatan pelanggan. Secara keseluruhannya, dapatan berasaskan kaedah *Fuzzy Delphi* ini mengesahkan item-item strategik yang memenuhi kriteria nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus serta skor purata *Fuzzy* melebihi nilai min sebagai asas penting dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik, dipercayai dan lestari.

Jadual 5.69
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḥājiyyāt* Konstruk Halal Ekosistem

Pakar	**Item**									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
Jabatan Standarts 1	4	7	5	7	7	5	4	4	4	7
Jabatan Standarts 2	7	7	6	6	6	6	7	7	7	6
HDC 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
HDC 2	6	5	7	6	7	5	7	7	7	7
HDC 3	7	6	5	7	7	7	7	7	7	5
Halal JAKIM	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	5	5	6	6	6	6	6	6	6	3
MOTAC 2	6	6	6	6	6	6	6	5	5	5
ITC 1	4	5	6	3	6	6	7	7	7	5
Yayasan Wakaf	7	7	7	7	7	7	7	6	6	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	6	6	6	6	6	6	5	5	6
JAKIM 3	7	7	7	7	7	7	7	6	6	7
Halal Centre 1	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
Halal Centre 2	7	7	7	7	7	7	7	6	6	7
Halal Centre 3	7	7	7	7	7	7	7	6	6	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.69 memaparkan skor penilaian pakar terhadap item-item dalam domain *Ḥājiyyāt* bagi konstruk Halal Ekosistem yang melibatkan panel pakar daripada pelbagai agensi berkaitan standard, halal, pelancongan dan industri, sekali gus memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap penerimaan terhadap item yang dicadangkan. Secara umum, skor yang direkodkan berada pada julat sederhana hingga tinggi iaitu antara tiga hingga tujuh, dengan dominasi skor enam dan tujuh bagi kebanyakan item. Dapatan menunjukkan bahawa pakar daripada HDC, JAKIM dan Halal Centre secara konsisten memberikan skor tinggi, menandakan pengiktirafan yang kukuh terhadap kepentingan item halal ekosistem sebagai keperluan sokongan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Walaupun terdapat variasi skor yang lebih rendah daripada sebahagian

kecil pakar bagi item tertentu, perbezaan ini masih berada dalam julat penerimaan yang munasabah dan boleh ditafsirkan sebagai perbezaan keutamaan berdasarkan latar belakang kepakaran institusi masing-masing tanpa menjejaskan corak persetujuan keseluruhan. Secara keseluruhannya, penilaian ini mengesahkan bahawa konstruk Halal Ekosistem di bawah domain *Ḥājiyyāt* mempunyai tahap kebolehterimaan yang tinggi serta menyokong kesahan kandungan domain tersebut sebagai item sokongan strategik dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang holistik, bersepadu dan mampan.

Jadual 5.70
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Halal Ekosistem dalam Domain *Ḥājiyyāt*

Pakar	**Item**									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
Jabatan Standarts 1	0.529	0.120	0.280	0.122	0.067	0.280	0.595	0.532	0.532	0.168
Jabatan Standarts 2	0.153	0.120	0.043	0.049	0.086	0.043	0.087	0.154	0.154	0.058
HDC 1	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.154	0.154	0.168
HDC 2	0.050	0.273	0.114	0.049	0.067	0.280	0.087	0.154	0.154	0.168
HDC 3	0.153	0.043	0.280	0.122	0.067	0.114	0.087	0.154	0.154	0.224
Halal JAKIM	0.050	0.043	0.043	0.049	0.086	0.043	0.071	0.037	0.037	0.058
MOTAC 1	0.239	0.273	0.043	0.049	0.086	0.043	0.071	0.037	0.037	0.814
MOTAC 2	0.050	0.043	0.043	0.049	0.086	0.043	0.071	0.238	0.238	0.224
ITC 1	0.529	0.273	0.043	0.861	0.086	0.043	0.087	0.154	0.154	0.224
Yayasan Wakaf	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.037	0.037	0.168
JAKIM 1	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.154	0.154	0.168
JAKIM 2	0.050	0.043	0.043	0.049	0.086	0.043	0.071	0.238	0.238	0.058
JAKIM 3	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.037	0.037	0.168
Halal Centre 1	0.050	0.043	0.043	0.049	0.086	0.043	0.071	0.037	0.037	0.058

Pakar	Item									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
Halal Centre 2	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.037	0.037	0.168
Halal Centre 3	0.153	0.120	0.114	0.122	0.067	0.114	0.087	0.037	0.037	0.168
Nilai d setiap item	0.173	0.124	0.104	0.137	0.075	0.104	0.114	0.137	0.137	0.191

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.70 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian pakar terhadap item Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, yang bertujuan menilai tahap kesepakatan pakar di mana nilai d ≤ 0.2 menunjukkan persetujuan yang boleh diterima serta keseragaman pandangan terhadap item yang dinilai. Dalam kerangka Maqāṣid al-*Syarīʿah*, domain *Ḥājiyyāt* berfungsi sebagai item sokongan yang melengkapkan keperluan asas (*Ḍarūriyyāt*) serta mengurangkan kesukaran dalam pelaksanaan *Syarīʿah*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua sepuluh item Halal Ekosistem mencatatkan nilai *threshold* di bawah atau sama dengan 0.2, iaitu dalam julat antara 0.075 hingga 0.191, dengan item kelima merekodkan nilai d terendah manakala item kesepuluh mencatatkan nilai tertinggi namun masih dalam julat penerimaan. Corak ini mencerminkan tahap persetujuan pakar yang kukuh terhadap kesesuaian item-item tersebut sebagai keperluan sokongan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Walaupun terdapat beberapa variasi nilai individu melebihi 0.2 pada peringkat penilaian awal oleh pakar tertentu, perbezaan ini tidak menjejaskan keputusan keseluruhan kerana penerimaan item adalah berdasarkan nilai purata d setiap item, yang masih memenuhi kriteria penerimaan. Secara keseluruhannya, analisis nilai *threshold* ini mengesahkan bahawa konstruk Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang memuaskan, sekali gus menyokong penerimaannya sebagai item sokongan strategik dalam pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah* yang holistik dan selari dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah*, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.71
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Konstruk Halal Ekosistem

	Item									
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**
Bilangan Item d ≤ 0.2	14	16	16	15	16	16	15	15	15	15
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	87.5%	100.0 %	100.0 %	93.8%	100.0 %	100.0 %	93.8%	93.8%	93.8%	93.8%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.71 memaparkan analisis nilai *threshold* bagi item-item dalam domain Halal Ekosistem berdasarkan kriteria d ≤ 0.2 menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* bagi menilai tahap kesepakatan pakar terhadap setiap item dalam domain *Ḥājiyyāt* sebagai

item sokongan kepada pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap persetujuan pakar yang tinggi dan konsisten bagi semua item yang dinilai, dengan majoriti item merekodkan bilangan penerimaan antara 14 hingga 16 orang pakar serta peratus persetujuan dalam julat 87.5 peratus hingga 100 peratus. Item kedua, ketiga, kelima dan keenam mencatatkan tahap kesepakatan maksimum dengan peratus persetujuan 100 peratus, menandakan keseragaman pandangan pakar yang sangat kukuh terhadap kepentingan item tersebut dalam ekosistem halal, manakala item-item lain turut menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi iaitu 93.8 peratus dan 87.5 peratus yang masih berada dalam julat penerimaan yang sangat baik. Corak ini membuktikan bahawa keseluruhan item Halal Ekosistem telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang memuaskan dan selari dengan fungsi domain *Ḥājiyyāt* sebagai item pelengkap yang memudahkan pelaksanaan keperluan asas tanpa menimbulkan kesukaran. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item dalam domain Halal Ekosistem adalah relevan, jelas dan diterima untuk dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, sekali gus menyokong pembinaan model yang holistik, bersepadu dan mampan selari dengan prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah* serta keperluan industri hospitaliti halal semasa.

Jadual 5.72
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Halal Ekosistem

Pakar	**Item**																														
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1

Pakar	Item																														
	1			2			3			4			5			6			7			8			9			10				
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	
Purata	0.738	0.888	0.956	0.763	0.913	0.981	0.763	0.919	0.988	0.763	0.913	0.969	0.813	0.956	1.000	0.763	0.919	0.988	0.800	0.938	0.981	0.725	0.888	0.969	0.725	0.888	0.969	0.725	0.875	0.950	
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.72 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* yang merangkumi m1 sebagai nilai minimum, m2 sebagai nilai pertengahan dan m3 sebagai nilai maksimum bagi penilaian pakar terhadap item Halal Ekosistem hotel patuh *Syarīʿah* dalam domain *Ḥājiyyāt* yang berfungsi sebagai pelengkap kepada keperluan asas (*Ḍarūriyyāt*) dalam kerangka Maqāṣid al-*Syarīʿah*. Penggunaan *Triangular Fuzzy Numbers* membolehkan tahap ketidakpastian serta variasi pandangan pakar dianalisis secara lebih sistematik dan menyeluruh. Berdasarkan nilai purata yang diperoleh, majoriti item mencatatkan nilai m1 melebihi 0.7 manakala nilai m2 dan m3 menghampiri atau mencapai nilai maksimum 1.000, sekali gus mencerminkan tahap persetujuan pakar yang tinggi terhadap kepentingan item-item Halal Ekosistem sebagai item sokongan strategik dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Nilai purata m2 dan m3 yang konsisten tinggi menunjukkan bahawa kebanyakan pakar bersetuju atau sangat bersetuju terhadap kesesuaian item yang dinilai, manakala variasi kecil pada nilai m1 bagi beberapa item masih berada dalam julat penerimaan dan tidak menjejaskan dapatan keseluruhan. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa konstruk Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* menerima tahap persetujuan pakar yang kukuh dan berperanan sebagai komponen sokongan signifikan dalam menyokong objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah*, khususnya dalam pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*), serta dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan mampan.

Jadual 5.73
Nilai *Fuzzy Triangular* (m_1, m_2, m_3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Halal Ekosistem
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$

Pakar	**Item**																														
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1

Pakar	**Item**																														
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**			**10**		
JAKIM 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																															
Purata Setiap Unsur	0.738	0.888	0.956	0.763	0.913	0.981	0.763	0.919	0.988	0.763	0.913	0.969	0.813	0.956	1.000	0.763	0.919	0.988	0.800	0.938	0.981	0.725	0.888	0.969	0.725	0.888	0.969	0.725	0.875	0.950
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.860			0.885			0.890			0.881			0.923			0.890			0.906			0.860			0.860			0.850		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.73 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* yang merangkumi m1 sebagai nilai minimum, m2 sebagai nilai pertengahan dan m3 sebagai nilai maksimum bagi penilaian pakar terhadap item Halal Ekosistem hotel patuh *Syarīʿah* yang dianalisis menggunakan rumus Amax, iaitu satu per tiga daripada jumlah m1, m2 dan m3 bagi menghasilkan skor *Fuzzy* purata setiap item dalam domain *Ḥājiyyāt* sebagai pelengkap kepada keperluan asas (*Ḍarūriyyāt*) dalam kerangka Maqāṣid al-*Syarīʿah*. Berdasarkan purata setiap unsur, kebanyakan item mencatatkan nilai m1 melebihi 0.7 manakala nilai m2 dan m3 berada hampir atau mencapai nilai maksimum 1.000, sekali gus menunjukkan tahap persetujuan pakar yang tinggi dan konsisten terhadap kepentingan item Halal Ekosistem sebagai item sokongan strategik dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Hasil pengiraan skor *Fuzzy* turut merekodkan nilai antara 0.850 hingga 0.923 bagi sepuluh item yang dinilai, dengan item kelima mencatatkan skor tertinggi sebagai keutamaan utama dalam konstruk ini, manakala item-item lain juga berada dalam julat penerimaan yang kukuh. Variasi kecil antara skor *Fuzzy* hanya mencerminkan perbezaan keutamaan relatif tanpa menjejaskan penerimaan keseluruhan item oleh pakar. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa semua item Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi melalui proses *Fuzzy Delphi*, sekali gus menyokong kesahan kandungan dan kebolehgunaan konstruk ini sebagai item sokongan signifikan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan selari dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah*, khususnya dalam pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.74
Analisis Kepatuhan Item Konstruk Halal Ekosistem Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
1	Menggalakkan inovasi penghasilan produk halal	0.173	87.5%	0.738	0.888	0.956	0.860	TERIMA	0.860	4
2	Meningkatkan kualiti pensijilan halal dengan memiliki pelbagai jenis sijil halal JAKIM	0.124	100.0%	0.763	0.913	0.981	0.885	TERIMA	0.944	1
3	Pihak pengurusan hendaklah memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memperkukuhkan *Syarīʿah*	0.104	100.0%	0.763	0.919	0.988	0.890	TERIMA	0.706	8
4	Majoriti kakitangan berkhidmat mestilah Muslim	0.137	93.75%	0.763	0.913	0.969	0.881	TERIMA	0.840	5
5	Melatih dan menyediakan latihan pengurusan halal dalam hotel	0.075	100.00%	0.813	0.956	1.000	0.923	TERIMA	0.931	3
6	Mewujudkan jaringan dengan industri pelancongan luar negara	0.104	100.00%	0.763	0.919	0.988	0.890	TERIMA	0.823	6

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
7	Organisasi hendaklah melantik Penasihat *Syarīʿah* Contoh: • *Halal Executive* • *Halal Advisor* • *Halal Supervisor* • *ShariahExecutive* • *Committee*	0.114	93.75%	0.800	0.938	0.981	0.906	TERIMA	0.640	9
8	Pengusaha hotel hendaklah menyediakan hala tuju kumpulan pengurusan (Contoh: misi & visi hotel)	0.137	93.75%	0.725	0.888	0.969	0.860	TERIMA	0.633	10
9	Menerapkan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai & pentadbiran pejabat (Contoh: pergaulan, pakaian, perkhidmatan & lain- lain)	0.137	93.75%	0.725	0.888	0.969	0.860	TERIMA	0.938	2

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
10	Perkhidmatan Ground Transport mematuhi *Syarīʿah*	0.191	93.75%	0.725	0.875	0.950	0.850	TERIMA	0.810	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.74 memaparkan analisis ketidakpatuhan item hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi* bagi konstruk Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* sebagai item sokongan kepada keperluan asas *Ḍarūriyyāt* dalam kerangka Maqāṣid al-*Syarīʿah*. Analisis ini menilai tahap kesepakatan pakar terhadap setiap item berdasarkan nilai *threshold* d ≤ 0.2, peratus kesepakatan kumpulan pakar serta skor *Fuzzy* purata yang diperoleh melalui pengiraan *Triangular Fuzzy Numbers*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua sepuluh item yang dinilai telah memenuhi kriteria penerimaan dengan nilai *threshold* antara 0.075 hingga 0.191 serta peratus kesepakatan pakar yang tinggi iaitu antara 87.5 peratus hingga 100 peratus. Item kelima yang berkaitan dengan latihan dan pembangunan pengurusan halal mencatat nilai *threshold* terendah, sekali gus menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang sangat kukuh terhadap kepentingan latihan sebagai asas pengukuhan ekosistem halal dalam hotel patuh *Syarīʿah*. Dari segi keutamaan, item meningkatkan kualiti pensijilan halal melalui pemilikan pelbagai jenis sijil halal JAKIM mencatat skor *Fuzzy* tertinggi dan menduduki ranking pertama, diikuti oleh item penerapan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai dan pentadbiran pejabat yang mencerminkan kepentingan penghayatan nilai *Syarīʿah* dalam budaya organisasi. Item lain seperti latihan pengurusan halal, inovasi produk halal, pembentukan jaringan industri pelancongan luar negara serta pelantikan penasihat *Syarīʿah* turut mencatat skor *Fuzzy* yang tinggi dan diterima sepenuhnya oleh pakar. Walaupun terdapat variasi dari segi ranking, kesemua item masih berada dalam julat penerimaan yang kukuh dan berfungsi sebagai item sokongan strategik dalam domain *Ḥājiyyāt*. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item Halal Ekosistem telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi melalui kaedah *Fuzzy Delphi*, sekali gus menyokong kesahan kandungan dan kebolehgunaan konstruk ini dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan selari dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah* khususnya dalam pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.75
Penilaian Item Perhiasan Dalam Domain *Ḥājiyyāt* Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*

	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) **Konstruk: Halal Ekosistem**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B2.1	Menggalakkan inovasi penghasilan produk halal	B2.1	Meningkatkan kualiti pensijilan halal dengan memiliki pelbagai jenis sijil halal JAKIM
B2.2	Meningkatkan kualiti pensijilan halal dengan memiliki pelbagai jenis sijil halal JAKIM	B2.2	Menerapkan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai & pentadbiran pejabat (Contoh: pergaulan, pakaian, perkhidmatan & lain- lain)
B2.3	Pihak pengurusan hendaklah memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memperkukuhkan *Syarīʿah*	B2.3	Melatih dan menyediakan latihan pengurusan halal dalam hotel
B2.4	Majoriti kakitangan berkhidmat mestilah Muslim	B2.4	Menggalakkan inovasi penghasilan produk halal
B2.5	Melatih dan menyediakan latihan pengurusan halal dalam hotel	B2.5	Majoriti kakitangan berkhidmat mestilah Muslim
B2.6	Mewujudkan jaringan dengan industri pelancongan luar negara	B2.6	Mewujudkan jaringan dengan industri pelancongan luar negara
B2.7	Organisasi hendaklah melantik Penasihat *Syarīʿah* Contoh: • *Halal Executive* • *Halal Advisor* • *Halal Supervisor* • *Shariah Executive* • *Shariah Committee*	B2.7	Perkhidmatan *Ground Transport* mematuhi *Syarīʿah*
B2.8	Pengusaha hotel hendaklah menyediakan hala tuju kumpulan pengurusan (Contoh: misi & visi hotel)	B2.8	Pihak pengurusan hendaklah memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memperkukuhkan *Syarīʿah*
B2.9	Menerapkan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai & pentadbiran pejabat (Contoh: pergaulan, pakaian, perkhidmatan & lain- lain)	B2.9	Organisasi hendaklah melantik Penasihat *Syarīʿah* Contoh: • *Halal Executive* • *Halal Advisor* • *Halal Supervisor* • *Shariah Executive* • *Shariah Committee*
B2.10	Perkhidmatan *Ground Transport* mematuhi *Syarīʿah*	B2.10	Pengusaha hotel hendaklah menyediakan hala tuju kumpulan pengurusan (Contoh: misi & visi hotel)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.75 memaparkan penilaian item dalam domain *Ḥājiyyāt* bagi konstruk Halal Ekosistem berdasarkan kaedah *Fuzzy Delphi* dengan tujuan mengenal pasti susunan keutamaan item sokongan yang melengkapkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan menunjukkan bahawa item meningkatkan kualiti pensijilan halal melalui pemilikan pelbagai jenis sijil halal JAKIM menduduki kedudukan tertinggi, menandakan bahawa pensijilan halal yang menyeluruh dan sah merupakan keutamaan utama dalam membangunkan ekosistem halal yang kukuh serta meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap kredibiliti hotel. Item penerapan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai dan pentadbiran pejabat berada pada ranking kedua, mencerminkan kepentingan penghayatan nilai *Syarīʿah* dalam budaya organisasi dan pengurusan dalaman. Seterusnya, item latihan pengurusan halal dalam hotel berada pada kedudukan ketiga, menegaskan peranan pembangunan sumber manusia dalam memastikan pematuhan *Syarīʿah* dilaksanakan secara konsisten. Item inovasi produk halal dan keperluan majoriti kakitangan Muslim berada pada kedudukan pertengahan, menunjukkan kepentingan inovasi serta latar belakang tenaga kerja dalam menyokong ekosistem *halal hotel*. Sementara itu, item jaringan dengan industri pelancongan luar negara, pelantikan penasihat *Syarīʿah* serta penyediaan hala tuju pengurusan seperti misi dan visi hotel berada pada ranking lebih rendah namun tetap diterima sebagai sokongan strategik jangka panjang, manakala perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* melengkapkan konstruk sebagai aspek sokongan operasi luaran. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* telah diterima dan disusun mengikut keutamaan berdasarkan kesepakatan pakar, sekali gus menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan selari dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah* khususnya dalam pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.76
Item Bagi Konstruk Halal Ekosistem Di Bawah Domain *Ḥājiyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
B2.1	Meningkatkan kualiti pensijilan halal dengan memiliki pelbagai jenis sijil halal JAKIM
B2.2	Menerapkan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai & pentadbiran pejabat (Contoh: pergaulan, pakaian, perkhidmatan & lain- lain)
B2.3	Melatih dan menyediakan latihan pengurusan halal dalam hotel
B2.4	Menggalakkan inovasi penghasilan produk halal

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
B2.5	Majoriti kakitangan berkhidmat mestilah Muslim
B2.6	Mewujudkan jaringan dengan industri pelancongan luar negara
B2.7	Perkhidmatan *Ground Transport* mematuhi *Syarīʿah*
B2.8	Pihak pengurusan hendaklah memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memperkukuhkan *Syarīʿah*
B2.9	Organisasi hendaklah melantik Penasihat *Syarīʿah* Contoh: • *Halal Executive* • *Halal Advisor* • *Halal Supervisor* • *Shariah Executive* • *Shariah Committee*
B2.10	Pengusaha hotel hendaklah menyediakan hala tuju kumpulan pengurusan (Contoh: misi & visi hotel)

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan item bagi konstruk Halal Ekosistem di bawah domain *Ḥājiyyāt* berdasarkan hasil analisis *Fuzzy Delphi*, yang mencerminkan tahap keutamaan item sokongan dalam melengkapkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara berkesan. Dapatan menunjukkan bahawa item peningkatan kualiti pensijilan halal melalui pemilikan pelbagai jenis sijil halal JAKIM menduduki ranking tertinggi, sekali gus menegaskan peranannya sebagai jaminan rasmi pematuhan *Syarīʿah* dan pemacu keyakinan pelanggan terhadap kredibiliti hotel. Item penerapan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai dan pentadbiran pejabat berada pada kedudukan kedua, diikuti oleh penyediaan latihan pengurusan halal yang menekankan pembangunan kapasiti sumber manusia bagi memastikan pematuhan dilaksanakan secara konsisten. Sementara itu, item inovasi produk halal serta keperluan majoriti kakitangan Muslim berada pada kedudukan pertengahan, menunjukkan kepentingan inovasi dan latar belakang tenaga kerja dalam menyokong kelestarian ekosistem halal. Item jaringan dengan industri pelancongan luar negara dan perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* pula berperanan sebagai sokongan luaran yang meluaskan capaian rantaian halal, manakala peruntukan sumber pengurusan serta pelantikan penasihat *Syarīʿah* seperti Halal Executive, Halal Advisor, Halal Supervisor, Shariah Executive dan Shariah Committee memperkukuh tadbir urus dalaman hotel. Penyediaan hala tuju pengurusan melalui misi dan visi hotel melengkapkan konstruk ini sebagai asas

perancangan strategik jangka panjang. Secara keseluruhannya, susunan item ini mengesahkan bahawa item Halal Ekosistem dalam domain *Ḥājiyyāt* adalah relevan, praktikal dan signifikan sebagai sokongan strategik dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik dan selari dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah*, khususnya dalam pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

4) Konstruk: Pengurusan Integriti

Pengurusan Integriti dikenal pasti sebagai salah satu domain penting dalam kategori *Ḥājiyyāt* bagi pembangunan Model MaSC-Hotel yang telah disahkan melalui pelaksanaan kaedah *Fuzzy Delphi* berdasarkan tahap kesepakatan pakar terhadap item integriti dalam sistem pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*. Domain ini memberi penekanan kepada amalan kejujuran, etika kerja, profesionalisme, adab serta tanggungjawab sosial yang perlu diterapkan secara menyeluruh dalam operasi dan budaya organisasi. Nilai integriti berfungsi bukan sahaja sebagai panduan moral dalaman, malah sebagai asas pembinaan kepercayaan pelanggan terhadap kredibiliti komitmen *Syarīʿah* sesebuah hotel. Dapatan kajian menunjukkan bahawa staf hotel perlu memperlihatkan peribadi yang sopan, berbudi bahasa dan beradab dalam setiap interaksi dengan tetamu, di samping bersikap mesra, empati serta peka terhadap sensitiviti agama dan budaya pelanggan Muslim sebagai manifestasi profesionalisme Islamik. Dari sudut pengurusan operasi, item seperti pengesahan halal dapur utama oleh badan berautoriti seperti JAKIM, penjadualan kerja staf yang adil, pelaksanaan sistem giliran yang menjaga kebajikan pekerja, serta penyediaan staf wanita untuk melayani tetamu wanita dikenal pasti sebagai langkah penting dalam menjaga batas syarak dan kehormatan pelanggan. Dalam konteks pelancongan pula, setiap program atau lawatan yang dianjurkan perlu mematuhi hukum Islam dan bebas daripada item yang bercanggah dengan *Syarīʿah*, manakala pemandu pelancong disarankan memiliki lesen sah serta dilatih dalam komunikasi beretika dan kefahaman nilai Islam. Secara keseluruhannya, domain Pengurusan Integriti menegaskan bahawa sistem perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* perlu berpaksikan nilai moral dan tanggungjawab spiritual yang tinggi bagi menjamin kelancaran operasi, meningkatkan keyakinan pelanggan serta memperkukuh pematuhan *Syarīʿah* dalam pelaksanaan Model MaSC-Hotel. Oleh itu, Jadual 5.77 berikut memperincikan item-item dalam domain Pengurusan Integriti di bawah domain *Ḥājiyyāt* yang relevan bagi pembangunan model ini.

Jadual 5.77
Item-item Dalam Konstruk Pengurusan Integriti (Domain *Ḥājiyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B3.1	Personaliti staf menarik	Staf hotel mempunyai penampilan kemas dan meyakinkan.	Membina imej positif serta keyakinan tetamu terhadap perkhidmatan Islam.
B3.2	Staf berbudi bahasa	Mengamalkan adab dalam komunikasi seharian.	Menjaga maruah (*hifz al-ʿird*) dan akhlak dalam perkhidmatan.
B3.3	Staf berkomunikasi baik	Keupayaan menyampaikan maklumat dengan jelas dan sopan.	Mengelakkan salah faham dan menjaga keharmonian interaksi.
B3.4	Staf bersikap terbuka	Menerima pandangan dan keperluan tetamu dengan profesional.	Memupuk keterangkuman tanpa menjejaskan prinsip Islam.
B3.5	Staf bersopan santun	Menunjukkan adab, kesantunan dan kesopanan dalam layanan.	Memelihara akhlak serta meningkatkan kepercayaan pelanggan.
B3.6	Staf sensitif terhadap agama & budaya	Peka terhadap keperluan ibadah serta sensitiviti budaya tetamu.	Menjaga agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan keharmonian sosial.
B3.7	Staf bersikap jujur	Melaksanakan tugas dengan amanah tanpa penipuan.	Melindungi harta (*Ḥifẓ al-Māl*) dan memelihara integriti organisasi.
B3.8	Central kitchen halal	Dapur utama hotel mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti.	Menjamin kesucian makanan dan memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*).
B3.9	Jadual kerja sistematik	Menyusun jadual kerja staf secara teratur dan adil.	Menjamin kecekapan operasi dan kesejahteraan pekerja (*Ḥifẓ al-Nafs*).
B3.10	Staf perempuan untuk tetamu perempuan	Menyediakan staf wanita khusus melayani tetamu wanita.	Menjaga maruah (*hifz al-ʿird*) dan batas *Syarīʿah*.
B3.11	Aktiviti pelancongan *Syarīʿah*	Menawarkan aktiviti pelancongan yang mematuhi hukum Islam.	Menjaga agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*) daripada unsur mungkar.
B3.12	Pemandu pelancong berlesen	Hanya pemandu pelancong sah dan berkelayakan dilantik.	Memastikan profesionalisme serta keselamatan tetamu (*Ḥifẓ al-Nafs*).
B3.13	Unit perkhidmatan menyebarkan nilai Islam	Unit hotel berperanan menyampaikan nilai Islam secara berhemah.	Memperkuat dakwah dan membina kesedaran Islam dalam hospitaliti.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.77 menunjukkan bahawa domain Pengurusan Integriti dalam domain *Ḥājiyyāt* menekankan penerapan nilai Islam dalam tingkah laku, sikap serta amalan operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Integriti bukan sahaja merangkumi kejujuran dalam pengurusan kewangan, tetapi turut melibatkan aspek adab, akhlak, komunikasi dan etika kerja staf. Item seperti personaliti staf yang menarik, berbudi bahasa, bersopan santun, mampu berkomunikasi dengan baik serta bersikap terbuka membentuk imej positif hotel di mata pelanggan, manakala kepekaan terhadap sensitiviti agama dan budaya serta kejujuran dalam melaksanakan tanggungjawab menjadi asas dalam membina kepercayaan tetamu terhadap profesionalisme perkhidmatan. Dari sudut operasi, pengesahan halal dapur utama, penyusunan jadual kerja yang sistematik dan penyediaan staf wanita untuk melayani tetamu wanita dikenal pasti sebagai langkah penting dalam memastikan perkhidmatan yang teratur dan menepati syarak. Aktiviti pelancongan yang patuh hukum Islam, pelantikan pemandu pelancong berlesen serta peranan unit perkhidmatan hotel dalam menyampaikan nilai Islam turut memperlihatkan usaha menyeluruh untuk menjadikan integriti sebagai budaya kerja organisasi. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa integriti merupakan asas kelestarian pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* dan pengintegrasiannya dalam Model MaSC-Hotel berupaya meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memperkukuh kepercayaan pelanggan terhadap industri hospitaliti Islam.

5.3.5.3 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḥājiyyāt

4) Konstruk: Pengurusan Integriti

Dapatan menunjukkan bahawa pekerja hotel perlu memiliki personaliti menarik, sopan santun dan beradab dalam pergaulan kerana item-item ini mencerminkan nilai Islam yang ingin diterapkan dalam suasana perkhidmatan harian. Staf juga perlu menunjukkan kecekapan komunikasi serta bersikap terbuka dalam menangani pelanggan daripada pelbagai latar belakang, termasuk keupayaan memberikan penerangan yang tepat dan menyantuni keperluan pelanggan secara berhikmah. Integriti turut diukur melalui sifat jujur dan kepekaan staf terhadap keperluan tetamu, di mana kejujuran membina kepercayaan manakala kepekaan membolehkan tindakan yang empati dan profesional khususnya dalam situasi berkaitan hukum syarak. Selain itu,

penyediaan jadual kerja yang sistematik dikenal pasti sebagai item penting yang mencerminkan kecekapan pentadbiran serta keadilan dalam pengurusan sumber manusia. Keperluan menyediakan staf wanita untuk melayani tetamu wanita turut disahkan sebagai langkah menjaga adab pergaulan dan maruah selaras dengan sensitiviti budaya. Unit perkhidmatan hotel juga berperanan menyampaikan nilai Islam secara tidak langsung melalui layanan dan suasana persekitaran yang mendidik, sekali gus menyumbang kepada pengalaman penginapan yang holistik. Pengurusan integriti turut melibatkan pematuhan *Syarīʿah* dalam operasi seperti pengesahan halal dapur utama serta pelantikan pemandu pelancong yang sah dan beretika bagi memastikan integriti penyampaian maklumat dan perkhidmatan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa pengurusan integriti merupakan aspek teras dalam mewujudkan perkhidmatan hotel yang benar-benar patuh *Syarīʿah* dan perlu diterapkan secara sistematik melalui latihan, dasar kerja dan budaya organisasi bagi menjamin keberkesanan serta kelestarian amalan Islam dalam industri hospitaliti.

Jadual 5.78
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḥājiyyāt* Konstruk Pengurusan Integriti

Pakar	**Item**												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Jabatan Standarts 1	5	5	5	5	5	5	5	6	5	4	4	7	7
Jabatan Standarts 2	6	7	7	7	7	6	6	6	7	6	6	7	6
HDC 1	7	7	7	7	7	6	7	7	7	6	7	7	7
HDC 2	6	6	6	6	6	6	6	7	6	6	6	6	6
HDC 3	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	4	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	5	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	5
ITC 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
Yayasan Wakaf	4	5	5	4	5	4	7	7	6	7	7	7	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
JAKIM 3	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6	6
Halal Centre 1	6	7	7	7	7	6	6	6	7	6	6	7	6
Halal Centre 2	6	7	7	7	7	6	6	6	7	6	6	7	6
Halal Centre 3	6	7	7	7	7	6	6	6	7	6	6	7	6

Jadual 5.78 memaparkan skor penilaian pakar terhadap item-item dalam Domain *Ḥājiyyāt* bagi konstruk Pengurusan Integriti yang melibatkan wakil daripada pelbagai agensi berkepentingan seperti Jabatan Standards, Halal Development Corporation, JAKIM, MOTAC, Halal Centre, ITC dan Yayasan Wakaf. Penilaian ini bertujuan menilai tahap kepentingan item pengurusan integriti sebagai keperluan pelengkap dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti item menerima skor penilaian yang tinggi, mencerminkan tahap persetujuan pakar yang kukuh bahawa pengurusan integriti memainkan peranan penting dalam menyokong tadbir urus organisasi yang beretika, telus dan berakauntabiliti walaupun berada dalam domain *Ḥājiyyāt*. Walaupun terdapat sedikit variasi penilaian bagi beberapa item, perbezaan tersebut masih berada dalam julat penerimaan yang munasabah dan tidak menjejaskan kepentingan keseluruhan konstruk, sebaliknya menggambarkan kepelbagaian perspektif pakar berdasarkan latar belakang institusi dan pengalaman profesional masing-masing. Secara keseluruhannya, penilaian ini memperlihatkan tahap kesepakatan yang memberangsangkan dan mengesahkan bahawa item pengurusan integriti berfungsi sebagai pelengkap penting kepada pelaksanaan kepatuhan *Syarīʿah* yang menyeluruh, sekali gus menyumbang kepada pembentukan sistem pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* yang mampan dan diyakini oleh pihak berkepentingan.

Jadual 5.79
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pengurusan Integriti Dalam Domain *Ḥājiyyāt*

Pakar	**Item**												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Jabatan Standarts 1	0.188	0.289	0.289	0.272	0.289	0.228	0.278	0.057	0.305	0.547	0.555	0.057	0.109
Jabatan Standarts 2	0.072	0.105	0.105	0.121	0.105	0.031	0.035	0.057	0.090	0.024	0.029	0.057	0.044
HDC 1	0.205	0.105	0.105	0.121	0.105	0.031	0.119	0.095	0.090	0.024	0.134	0.057	0.109
HDC 2	0.072	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.095	0.063	0.024	0.029	0.095	0.044
HDC 3	0.205	0.105	0.105	0.121	0.105	0.168	0.119	0.095	0.090	0.143	0.134	0.057	0.109
Halal JAKIM	0.482	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.057	0.063	0.024	0.029	0.095	0.044
MOTAC 1	0.072	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.057	0.063	0.024	0.029	0.095	0.044
MOTAC 2	0.188	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.057	0.063	0.024	0.029	0.095	0.287
ITC 1	0.205	0.105	0.105	0.121	0.105	0.168	0.119	0.095	0.090	0.143	0.134	0.057	0.109
Yayasan Wakaf	0.482	0.289	0.289	0.563	0.289	0.524	0.119	0.095	0.063	0.143	0.134	0.057	0.109
JAKIM 1	0.205	0.105	0.105	0.121	0.105	0.168	0.119	0.095	0.090	0.143	0.134	0.057	0.109
JAKIM 2	0.072	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.057	0.063	0.024	0.029	0.095	0.044
JAKIM 3	0.072	0.052	0.052	0.046	0.052	0.031	0.035	0.057	0.063	0.024	0.029	0.095	0.044
Halal Centre 1	0.072	0.105	0.105	0.121	0.105	0.031	0.035	0.057	0.090	0.024	0.029	0.057	0.044

Pakar	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Halal Centre 2	0.072	0.105	0.105	0.121	0.105	0.031	0.035	0.057	0.090	0.024	0.029	0.057	0.044
Halal Centre 3	0.072	0.105	0.105	0.121	0.105	0.031	0.035	0.057	0.090	0.024	0.029	0.057	0.044
Nilai d setiap item	0.171	0.108	0.108	0.130	0.108	0.100	0.076	0.072	0.092	0.086	0.095	0.072	0.084

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.79 memaparkan nilai *threshold* (d) bagi penilaian 17 orang pakar terhadap 13 item dalam konstruk Pengurusan Integriti bagi domain *Ḥājiyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, di mana nilai d ≤ 0.2 menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang boleh diterima. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua 13 item mencatatkan nilai d di bawah 0.2 dengan julat antara 0.072 hingga 0.171, sekali gus mengesahkan bahawa semua item mencapai tahap persetujuan pakar yang tinggi dan tidak memerlukan penyingkiran daripada konstruk. Item 7, Item 8 dan Item 12 merekodkan nilai d paling rendah iaitu masing-masing 0.076, 0.072 dan 0.072, menandakan kesepakatan yang sangat kukuh terhadap kepentingannya dalam pengurusan integriti, manakala Item 1 (d = 0.171) dan Item 4 (d = 0.130) mencatatkan nilai yang sedikit lebih tinggi namun masih berada dalam julat penerimaan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Pengurusan Integriti dalam domain *Ḥājiyyāt* mempunyai kesahan kandungan yang baik serta sesuai digunakan dalam pembentukan Model MaSC-Hotel sebagai item sokongan penting dalam memenuhi keperluan *Ḥājiyyāt*.

Jadual 5.80
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item konstruk Pengurusan Integriti

	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Bilangan Item d ≤ 0.2	14	16	16	15	16	15	16	16	15	15	15	16	16
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	87.5%	100.0%	100.0%	93.8%	100.0%	93.8%	100.0%	100.0%	93.8%	93.8%	93.8%	100.0%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.80 memaparkan analisis bilangan serta peratusan pakar yang mencapai nilai *threshold* $d \leq 0.2$ bagi setiap item dalam konstruk Pengurusan Integriti, bertujuan menilai tahap kesepakatan pakar secara lebih terperinci berdasarkan kekerapan persetujuan yang memenuhi kriteria penerimaan *Fuzzy Delphi*. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti item mencapai tahap kesepakatan yang sangat tinggi iaitu antara 87.5% hingga 100%. Item 2, 3, 5, 7, 8, 12 dan 13 masing-masing mencatatkan persetujuan penuh sebanyak 100%, menandakan keseragaman pandangan pakar bahawa item-item tersebut merupakan item penting dalam konstruk Pengurusan Integriti. Item 4, 6, 9, 10 dan 11 pula memperoleh peratus persetujuan sebanyak 93.8%, bersamaan 15 daripada 16 orang pakar, manakala Item 1 mencatatkan peratus persetujuan terendah iaitu 87.5% (14 orang pakar). Walaupun lebih rendah berbanding item lain, nilai ini masih melepasi tahap minimum penerimaan iaitu 75% dalam kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa kesemua 13 item dalam konstruk Pengurusan Integriti diterima dengan tahap kesepakatan pakar yang kukuh, sekali gus menunjukkan bahawa konstruk ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan kandungan yang tinggi untuk digunakan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.81
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pengurusan Integriti

| **Pakar** | **Item** | | |

| Pakar | Item | | |

Jadual 5.81 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2 dan m3) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap 13 item dalam konstruk Pengurusan Integriti Hotel Patuh *Syarīʿah* melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Setiap item dinilai berdasarkan tiga komponen utama iaitu m1 (nilai minimum), m2 (nilai pertengahan) dan m3 (nilai maksimum) yang mencerminkan tahap kepentingan item menurut persepsi pakar. Berdasarkan nilai purata yang diperoleh, kesemua item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, kebanyakannya melebihi 0.90, manakala nilai m1 berada dalam julat 0.675 hingga 0.825. Dapatan ini menunjukkan bahawa pakar secara keseluruhannya memberikan penilaian yang tinggi terhadap kepentingan semua item dalam konstruk Pengurusan Integriti. Item 8 dan Item 12 mencatatkan nilai purata tertinggi dengan masing-masing memperoleh nilai (0.775, 0.938, 1.000) dan (0.825, 0.963, 1.000), menandakan bahawa kedua-dua item tersebut dianggap sangat penting dan kritikal dalam menilai aspek pengurusan integriti hotel patuh *Syarīʿah*. Walaupun Item 1 mencatatkan nilai m1 paling rendah iaitu 0.675, nilai m2 dan m3 yang tinggi masing-masing 0.850 dan 0.950 menunjukkan bahawa item tersebut masih relevan dan diterima. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Pengurusan Integriti memperoleh skor *Fuzzy* yang tinggi, sekali gus menyokong tahap kepentingan dan kesesuaian item-item tersebut untuk digunakan dalam pembentukan Model MaSC-Hotel berdasarkan konsensus pakar.

Jadual 5.82
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Pengurusan Integriti
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

| **Pakar** | **Item** | | |

| **Pakar** | **Item** | | |

Pakar	Item												
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**	**10**	**11**	**12**	**13**
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.825	0.896	0.896	0.883	0.896	0.852	0.888	0.904	0.906	0.869	0.875	0.929	0.894

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.82 memaparkan proses penilaian pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* terhadap 13 item dalam konstruk Pengurusan Integriti Hotel Patuh *Syarīʿah* melalui pengiraan nilai *Fuzzy Triangular* yang merangkumi m1 (minimum), m2 (pertengahan) dan m3 (maksimum) bagi setiap item. Nilai purata *Fuzzy* atau skor *Fuzzy* kemudiannya ditentukan bagi menilai tahap kepentingan relatif setiap item berdasarkan konsensus pakar. Berdasarkan nilai *Average of Fuzzy Number* (Skor *Fuzzy*), kesemua item mencatatkan skor yang tinggi dalam julat 0.825 hingga 0.929, menunjukkan bahawa semua item dianggap penting dan relevan dalam menilai aspek pengurusan integriti hotel patuh *Syarīʿah*. Item 12 merekodkan skor *Fuzzy* tertinggi iaitu 0.929, diikuti oleh Item 9 (0.906) dan Item 8 (0.904), sekali gus menandakan bahawa item-item tersebut mempunyai tahap kepentingan yang paling dominan dalam konstruk pengurusan integriti. Walaupun Item 1 mencatatkan skor *Fuzzy* terendah iaitu 0.825, nilainya masih berada dalam julat penerimaan yang tinggi dan tidak menjejaskan kepentingannya sebagai item dalam konstruk. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua 13 item dalam konstruk Pengurusan Integriti mencapai tahap kesepakatan pakar yang kukuh dan wajar dikekalkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, sekali gus mengukuhkan kesahan kandungan konstruk tersebut dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*..

Jadual 5.83
Analisis Kepatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Staf hotel mestilah mempunyai personaliti yang menarik	0.171	87.5%	0.675	0.850	0.950	0.825	TERIMA	0.825	7
2	Staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun	0.108	100.0%	0.775	0.925	0.988	0.896	TERIMA	0.944	1
3	Staf hotel mestilah berkomunikasi dengan baik	0.108	100.0%	0.775	0.925	0.988	0.896	TERIMA	0.706	10
4	Staf hotel mestilah bersikap terbuka	0.130	93.75%	0.763	0.913	0.975	0.883	TERIMA	0.840	6
5	Staf hotel mestilah bersopan santun	0.108	100.00%	0.775	0.925	0.988	0.896	TERIMA	0.931	3
6	Staf hotel mestilah mempunyai sifat sensitif	0.100	93.75%	0.700	0.881	0.975	0.852	TERIMA	0.823	8
7	Staf hotel mestilah bersikap jujur	0.076	100.00%	0.750	0.919	0.994	0.888	TERIMA	0.640	12

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
8	Organisasi perlu memastikan dapur utama (central kitchen) mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti	0.072	100.00%	0.775	0.938	1.000	0.904	TERIMA	0.633	13
9	Penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel	0.092	93.75%	0.788	0.938	0.994	0.906	TERIMA	0.938	2
10	Menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan	0.086	93.75%	0.725	0.900	0.981	0.869	TERIMA	0.810	9
11	Menyediakan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan hukum syarak	0.095	93.75%	0.738	0.906	0.981	0.875	TERIMA	0.652	11
12	Pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah	0.072	100.00%	0.825	0.963	1.000	0.929	TERIMA	0.913	4
13	Unit perkhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam	0.084	100.00%	0.763	0.925	0.994	0.894	TERIMA	0.894	5

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.83 memaparkan analisis penerimaan item bagi konstruk Pengurusan Integriti Hotel Patuh *Syarīʿah* berdasarkan tiga kriteria utama kaedah *Fuzzy Delphi*, iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar, nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) serta skor *Fuzzy* (A). Dapatan menunjukkan bahawa kesemua 13 item mencatatkan nilai *threshold* (d) kurang daripada atau sama dengan 0.2 dalam julat antara 0.072 hingga 0.171, sekali gus memenuhi syarat penerimaan dengan tahap kesepakatan pakar yang tinggi. Peratus kesepakatan pakar bagi semua item juga berada antara 87.5% hingga 100%, melepasi tahap minimum 75% yang disarankan dalam kaedah *Fuzzy Delphi*. Dari segi skor *Fuzzy* (A), kesemua item memperoleh nilai yang tinggi iaitu antara 0.825 hingga 0.929, menunjukkan bahawa item-item tersebut dianggap penting dalam menilai aspek pengurusan integriti hotel patuh *Syarīʿah*. Item 12 mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi (0.929), diikuti oleh Item 9 (0.906) dan Item 8 (0.904), menandakan kepentingan aspek pematuhan lesen pemandu pelancong, penyediaan jadual kerja yang sistematik serta pengesahan halal dapur utama sebagai item kritikal dalam konstruk ini. Walaupun Item 1 (0.825) dan Item 6 (0.852) mencatatkan skor yang lebih rendah, nilainya masih berada dalam julat penerimaan yang tinggi dan tidak menjejaskan kesahan item tersebut. Dari sudut keutamaan, Item 2 yang berkaitan dengan item berbudi bahasa dan bersopan santun berada pada kedudukan teratas, mencerminkan bahawa sahsiah staf merupakan aspek utama dalam pengurusan integriti hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan Jadual 5.83 mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Pengurusan Integriti diterima tanpa sebarang pengguguran serta mempunyai kesahan kandungan yang kukuh untuk digunakan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.84
Penilaian Item Konstruk Pengurusan Integriti Dalam Domain *Ḥājiyyāt* Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*

	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) **Konstruk: Pengurusan Integriti**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B3.1	Staf hotel mestilah mempunyai personaliti yang menarik	B3.1	Staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun
B3.2	Staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun	B3.2	Penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel
B3.3	Staf hotel mestilah berkomunikasi dengan baik	B3.3	Staf hotel mestilah bersopan santun

	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) **Konstruk: Pengurusan Integriti**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B3.4	Staf hotel mestilah bersikap terbuka	B3.4	Pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah
B3.5	Staf hotel mestilah bersopan santun	B3.5	Unit perhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam
B3.6	Staf hotel mestilah mempunyai sifat sensitif	B3.6	Staf hotel mestilah bersikap terbuka
B3.7	Staf hotel mestilah bersikap jujur	B3.7	Staf hotel mestilah mempunyai personaliti yang menarik
B3.8	Organisasi perlu memastikan dapur utama (central kitchen) mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti	B3.8	Staf hotel mestilah mempunyai sifat sensitif
B3.9	Penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel	B3.9	Menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan
B3.10	Menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan	B3.10	Staf hotel mestilah berkomunikasi dengan baik
B3.11	Menyediakan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan hukum syarak	B3.11	Menyediakan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan hukum syarak
B3.12	Pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah	B3.12	Staf hotel mestilah bersikap jujur
B3.13	Unit perhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam	B3.13	Organisasi perlu memastikan dapur utama (central kitchen) mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.84 memaparkan kedudukan ranking keutamaan item Pengurusan Integriti dalam domain *Ḥājiyyāt* berdasarkan hasil analisis kaedah *Fuzzy Delphi*, dengan menunjukkan perbandingan antara susunan item asal dan susunan baharu yang diperoleh melalui skor *Fuzzy*. Dapatan menunjukkan bahawa item "staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun" berada pada kedudukan tertinggi, menandakan aspek sahsiah dan adab staf sebagai keutamaan utama dalam pengurusan integriti hotel patuh *Syarīʿah*. Kedudukan ini diikuti oleh item penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel, yang menekankan kepentingan pengurusan operasi yang teratur dalam menjamin integriti perkhidmatan. Seterusnya, item staf hotel

mestilah bersopan santun berada pada kedudukan ketiga, manakala item pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah berada pada kedudukan keempat, menunjukkan bahawa selain akhlak, pematuhan terhadap peraturan dan kelayakan profesional turut diberi penekanan oleh pakar. Item unit perkhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam berada pada kedudukan kelima, mencerminkan peranan hotel sebagai medium penyampaian nilai Islam dalam perkhidmatan. Sementara itu, item seperti staf hotel mestilah bersikap terbuka, mempunyai personaliti yang menarik dan mempunyai sifat sensitif berada pada kedudukan pertengahan, menunjukkan kepentingannya sebagai sokongan kepada pembentukan budaya kerja berintegriti. Item organisasi perlu memastikan dapur utama mendapat pengesahan halal pula berada pada kedudukan terakhir, berkemungkinan kerana aspek tersebut dianggap sebagai keperluan asas yang sememangnya perlu dipatuhi oleh hotel patuh *Syarīʿah* dan bukan sebagai pembeza utama dalam dimensi integriti. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan dimensi manusia seperti akhlak, sikap dan profesionalisme staf berbanding dimensi teknikal dalam menilai pengurusan integriti bagi domain *Ḥājiyyāt*, sekali gus mengukuhkan bahawa integriti dalam hotel patuh *Syarīʿah* berkait rapat dengan nilai etika dan sahsiah individu yang mengendalikan perkhidmatan.

Jadual 5.85
Item Bagi Konstruk Pengurusan Integriti Di Bawah Domain *Ḥājiyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
B3.1	Staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun
B3.2	Penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel
B3.3	Staf hotel mestilah bersopan santun
B3.4	Pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah
B3.5	Unit perhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam
B3.6	Staf hotel mestilah bersikap terbuka
B3.7	Staf hotel mestilah mempunyai personaliti yang menarik
B3.8	Staf hotel mestilah mempunyai sifat sensitif
B3.9	Menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan
B3.10	Staf hotel mestilah berkomunikasi dengan baik

Ranking	Hasil Analisis *Fuzzy Delphi*
B3.11	Menyediakan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan hukum syarak
B3.12	Staf hotel mestilah bersikap jujur
B3.13	Organisasi perlu memastikan dapur utama (central kitchen) mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Konstruk: Pengurusan Aset dan Prasarana

Jadual 5.86 memperincikan item-item dalam domain Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* yang menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara praktikal dan kondusif. Domain ini memberi penekanan terhadap penyediaan kemudahan fizikal yang selamat, bersih dan sesuai bagi memenuhi keperluan pelanggan, khususnya tetamu Muslim dalam melaksanakan aktiviti penginapan serta ibadah dengan sempurna. Dapatan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* menunjukkan kesepakatan pakar terhadap keperluan menyediakan ruang solat yang selesa, tanda arah kiblat yang jelas serta kemudahan wuduk yang mudah diakses, sekali gus menyokong prinsip *Ḥifẓ al-Dīn* dalam pengalaman hospitaliti. Di samping itu, penyediaan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air khas, laluan akses dan kemudahan ke ruang ibadah turut diberi perhatian sebagai manifestasi nilai keterangkuman dan kesejahteraan pelanggan. Dari sudut keselamatan dan kebersihan, pengurusan aset seperti bangunan, perabot dan peralatan operasi perlu diselenggara secara berkala termasuk pemeriksaan lif, sistem elektrik, alat pemadam api serta sistem amaran kecemasan bagi menjamin keselamatan penghuni. Kebersihan bilik, kawasan umum dan ruang penyediaan makanan juga menjadi keutamaan, termasuk pemisahan peralatan bagi mengelakkan unsur syubhah dalam penyediaan makanan halal. Secara keseluruhannya, domain Pengurusan Aset dan Prasarana berperanan penting dalam memastikan kesejahteraan fizikal dan spiritual tetamu, selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, sekali gus memperkukuh keyakinan pelanggan terhadap integriti dan profesionalisme hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Jadual 5.86
Item-item Dalam Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana (Domain *Ḥājiyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Ḥājiyyāt*)
B4.1	Keselamatan aset & fasiliti	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan sentiasa berada pada tahap terjamin.	Menjaga nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) dan harta (*Hifẓ al-Māl*) tetamu serta staf melalui pencegahan risiko.
B4.2	Peralatan halal	Semua barang seperti peti, peralatan penyimpanan, hidangan dan penyajian makanan diperoleh daripada sumber halal dan bersih.	Menjaga agama (*Hifẓ al-Dīn*) dengan memastikan kebersihan serta mengelakkan unsur syubhah dalam penyediaan makanan.
B4.3	Kemudahan mesra OKU	Menyediakan fasiliti mesra OKU seperti bilik air khas yang praktikal, selesa dan selamat.	Menjamin aksesibiliti, kesaksamaan serta kebajikan pelanggan (*Hifẓ al-Nafs*) tanpa diskriminasi.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.86 menunjukkan bahawa domain Pengurusan Aset dan Prasarana dalam domain *Ḥājiyyāt* memberi penekanan terhadap penyediaan fasiliti hotel yang selamat, bersih, mesra pengguna dan patuh *Syarīʿah*. Item seperti jaminan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan (B4.1) menepati prinsip *Ḥifẓ al-Nafs* dan *ḥifẓ al-māl* melalui perlindungan terhadap risiko kemalangan serta pemeliharaan aset hotel. Penggunaan barang dan peralatan halal dalam proses penyimpanan, penyediaan dan penyajian makanan (B4.2) pula mencerminkan komitmen terhadap kebersihan dan kesucian selaras dengan *Ḥifẓ al-Dīn*. Di samping itu, penyediaan kemudahan khas untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air mesra pengguna (B4.3) memperlihatkan prinsip keterangkuman dan tanggungjawab sosial, selaras dengan nilai ihsan dalam menjaga kebajikan pelanggan. Secara keseluruhannya, domain ini berperanan sebagai asas penting dalam memastikan kesejahteraan fizikal dan spiritual tetamu melalui penyediaan fasiliti yang selamat, halal dan inklusif, sekali gus memperkukuh kepercayaan pelanggan terhadap hotel patuh *Syarīʿah*.

5.3.5.4 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Ḥājiyyāt

5) Konstruk: Pengurusan Aset dan Prasarana

Dapatan menunjukkan bahawa keselamatan bangunan, perabot, peralatan dan pengangkutan berada pada kedudukan tinggi dalam ranking item yang dipersetujui, sekali gus menegaskan bahawa integriti fizikal aset merupakan asas penting dalam menjamin kelancaran perkhidmatan serta keselamatan tetamu. Item berkaitan penggunaan peralatan penyajian, penyimpanan dan penyediaan makanan daripada sumber halal turut menerima konsensus tinggi bagi mengelakkan sebarang unsur syubhah dalam pengurusan aset yang berkait langsung dengan makanan pelanggan Muslim. Di samping itu, kewujudan prasarana mesra Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air khas dan akses mudah dikenal pasti sebagai keperluan yang mencerminkan prinsip keadilan dan inklusiviti dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah*. Item-item ini dinilai bukan sahaja dari sudut kewujudan, malah tahap penyelenggaraan serta pematuhan terhadap piawaian keselamatan dan kebersihan selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam menjaga nyawa dan maruah tetamu. Pengurusan aset yang beretika dan mematuhi *Syarīʿah* juga memberi impak langsung terhadap reputasi hotel sebagai institusi yang bertanggungjawab dari sudut nilai Islam, di samping selari dengan piawaian halal JAKIM serta garis panduan keselamatan bangunan oleh agensi teknikal seperti BOMBA dan CIDB. Secara keseluruhannya, pengurusan aset dan prasarana yang cekap dan patuh *Syarīʿah* berperanan sebagai tunjang penting dalam mewujudkan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* yang berkualiti, selamat, berintegriti dan memenuhi keperluan semua lapisan pelanggan melalui pendekatan *Fuzzy Delphi* yang berasaskan nilai *threshold*, peratus persetujuan dan skor *Fuzzy*.

Jadual 5.87
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Domain *Ḥājiyyāt* Dalam Domain Pengurusan Aset dan Prasarana

Pakar	**Item**		
	1	**2**	**3**
Jabatan Standarts 1	6	5	7
Jabatan Standarts 2	7	7	7

Pakar	Item		
	1	**2**	**3**
HDC 1	7	7	7
HDC 2	7	7	7
HDC 3	7	7	7
Halal JAKIM	6	5	6
MOTAC 1	6	6	6
MOTAC 2	6	6	6
ITC 1	7	7	7
Yayasan Wakaf	7	7	7
JAKIM 1	6	7	7
JAKIM 2	7	7	6
JAKIM 3	7	6	7
Halal Centre 1	7	7	7
Halal Centre 2	7	7	7
Halal Centre 3	7	7	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan skor penilaian pakar terhadap item-item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* (keperluan) berdasarkan tahap persetujuan terhadap kepentingan setiap item yang dicadangkan. Secara keseluruhannya, majoriti skor yang diberikan berada pada tahap tinggi, iaitu antara enam hingga tujuh bagi ketiga-tiga item yang dinilai, sekali gus mencerminkan kesepakatan pakar yang kukuh terhadap kesesuaian item pengurusan aset dan prasarana sebagai komponen sokongan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Kebanyakan pakar, khususnya daripada HDC, JAKIM dan Halal Centre, secara konsisten memberikan skor maksimum, menandakan persetujuan merentasi institusi terhadap kepentingan aspek keselamatan fizikal, kebersihan peralatan serta penyediaan fasiliti mesra pengguna. Walaupun terdapat segelintir skor lima bagi item tertentu, variasi ini masih berada dalam julat penerimaan yang munasabah dan tidak menjejaskan kesepakatan keseluruhan, sebaliknya mencerminkan perbezaan keutamaan berdasarkan

latar belakang kepakaran institusi sama ada dari sudut pengawalseliaan, operasi atau pelaksanaan industri. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana dalam domain *Ḥājiyyāt* mempunyai tahap kebolehterimaan yang tinggi serta menyokong kesahan kandungannya sebagai item sokongan strategik dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik dan bersepadu, selaras dengan objektif Maqāṣid al-*Syarīʿah* khususnya dalam pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.88
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana Dalam Domain *Ḥājiyyāt*

Pakar	**Item**		
	1	**2**	**3**
Jabatan Standarts 1	0.105	0.316	0.038
Jabatan Standarts 2	0.048	0.077	0.038
HDC 1	0.048	0.077	0.038
HDC 2	0.048	0.077	0.038
HDC 3	0.048	0.077	0.038
Halal JAKIM	0.105	0.316	0.115
MOTAC 1	0.105	0.079	0.115
MOTAC 2	0.105	0.079	0.115
ITC 1	0.048	0.077	0.038
Yayasan Wakaf	0.048	0.077	0.038
JAKIM 1	0.105	0.077	0.038
JAKIM 2	0.048	0.077	0.115
JAKIM 3	0.048	0.079	0.038
Halal Centre 1	0.048	0.077	0.038
Halal Centre 2	0.048	0.077	0.038
Halal Centre 3	0.048	0.077	0.038
Nilai d setiap item	0.066	0.107	0.057

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.88 memaparkan nilai *threshold* (d) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap tiga item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana bagi domain *Ḥājiyyāt* melalui kaedah *Fuzzy Delphi*, di mana item diterima sekiranya nilai d ≤ 0.2. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga item mencatatkan nilai purata d yang rendah, iaitu 0.066 bagi Item 1, 0.107 bagi Item 2 dan 0.057 bagi Item 3, sekali gus berada jauh di bawah nilai ambang yang ditetapkan. Nilai d terendah direkodkan oleh Item 3, menandakan tahap kesepakatan pakar yang paling tinggi, diikuti oleh Item 1, manakala Item 2 walaupun mencatat nilai sedikit lebih tinggi, masih berada dalam julat penerimaan yang sangat baik. Secara keseluruhannya, keputusan ini membuktikan bahawa kesemua item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana diterima tanpa sebarang pengguguran serta mempunyai tahap kesahan kandungan yang kukuh sebagai item sokongan penting dalam memenuhi keperluan *Ḥājiyyāt* bagi pembangunan Model MaSC-Hotel berasaskan prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah*.

Jadual 5.89
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana

	Item		
	1	**2**	**3**
Bilangan Item d ≤ 0.2	16	14	16
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	100.0%	87.5%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.89 memaparkan analisis bilangan dan peratusan pakar yang memberikan nilai *threshold* d ≤ 0.2 bagi setiap item dalam domain Pengurusan Aset dan Prasarana berdasarkan kriteria penerimaan kaedah *Fuzzy Delphi*. Dapatan menunjukkan bahawa Item 1 dan Item 3 masing-masing mencatatkan persetujuan penuh sebanyak 100%, di mana kesemua 16 orang pakar memberikan nilai d yang memenuhi syarat penerimaan, sekali gus menandakan tahap kesepakatan yang sangat tinggi terhadap kepentingan kedua-dua item tersebut dalam domain ini. Item 2 pula merekodkan peratus persetujuan sebanyak 87.5%, iaitu 14 daripada 16 orang pakar bersetuju terhadap kesesuaiannya, dan nilai ini masih melepasi tahap minimum penerimaan yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 75% kesepakatan pakar. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa kesemua item dalam domain Pengurusan Aset dan Prasarana diterima dengan tahap kesepakatan pakar yang kukuh

serta mempunyai kesahan kandungan yang tinggi untuk digunakan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel bagi memenuhi keperluan *Ḥājiyyāt* berteraskan prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah*.

Jadual 5.90
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana

Pakar	**Item**								
	1			**2**			**3**		
Jabatan Standarts 1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
PURATA	0.838	0.969	1.000	0.813	0.944	0.988	0.850	0.975	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.90 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap tiga item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana bagi hotel patuh *Syarīʿah* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Setiap item dinilai

berdasarkan nilai minimum (m1), pertengahan (m2) dan maksimum (m3) bagi mencerminkan tahap kepentingan mengikut perspektif pakar. Berdasarkan nilai purata, Item 1 mencatatkan nilai (m1 = 0.838, m2 = 0.969, m3 = 1.000), Item 2 memperoleh (m1 = 0.813, m2 = 0.944, m3 = 0.988), manakala Item 3 merekodkan nilai tertinggi iaitu (m1 = 0.850, m2 = 0.975, m3 = 1.000). Corak ini menunjukkan bahawa kesemua item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang sangat tinggi serta hampir kepada nilai maksimum 1.000, sekali gus membuktikan tahap persetujuan pakar yang konsisten terhadap kepentingan item pengurusan aset dan prasarana dalam menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 3 dikenal pasti sebagai item paling kritikal dalam konstruk ini berdasarkan nilai purata tertinggi yang dicatatkan, diikuti oleh Item 1 dan Item 2. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana mencapai tahap kesepakatan pakar yang kukuh dan sesuai untuk dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel di bawah domain *Ḥājiyyāt*.

Jadual 5.91
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* b=Bagi Domain *Ḥājiyyāt* Dalam Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**Item**								
	1			**2**			**3**		
Jabatan Standarts 1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	**Item**								
	1			**2**			**3**		
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process									
Purata Setiap Unsur	0.838	0.969	1.000	0.813	0.944	0.988	0.850	0.975	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)		0.935			0.915			0.942	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.91 memaparkan proses penilaian *Fuzzy Delphi* bagi konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana dalam domain *Ḥājiyyāt* (keperluan) yang melibatkan panel pakar daripada pelbagai agensi berkaitan standard, halal dan industri hospitaliti. Penilaian ini menggunakan *Triangular Fuzzy Numbers* yang merangkumi nilai minimum (m1), pertengahan (m2) dan maksimum (m3), sebelum disintesis melalui rumus Amax bagi menghasilkan skor *Fuzzy* purata setiap item. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga item mencatatkan nilai m1 yang tinggi antara 0.813 hingga 0.850, manakala nilai m2 dan m3 hampir keseluruhannya menghampiri atau mencapai nilai maksimum 1.000, sekali gus mencerminkan tahap persetujuan pakar yang sangat kukuh terhadap kepentingan item pengurusan aset dan prasarana sebagai keperluan sokongan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Hasil pengiraan *Average of Fuzzy Number* turut menunjukkan skor *Fuzzy* purata yang tinggi, iaitu 0.935 bagi item pertama, 0.915 bagi item kedua dan 0.942 bagi item ketiga, yang mengesahkan bahawa semua item berada dalam julat penerimaan yang sangat baik. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana telah mencapai kesepakatan pakar yang tinggi dan menyokong kesahan kandungan serta kebolehgunaannya sebagai item sokongan strategik dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik dan bersepadu, selaras dengan objektif Maqāṣid al *Syarīʿah* khususnya dalam pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.92
Analisis Ketidakpatuhan Item KOnstruk Pengurusan Aset dan Prasarana Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada tahap yang terjamin	0.066	100.0%	0.838	0.969	1.000	0.935	TERIMA	0.935	2
2	Barang-barang seperti peti dan peralatan yang berkaitan bagi proses penyimpanan, hidangan dan penyajian produk hendaklah daripada sumber yang halal	0.107	87.5%	0.813	0.944	0.988	0.915	TERIMA	0.944	1
3	Menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kemudahan bilik air yang bersesuaian	0.057	100.0%	0.850	0.975	1.000	0.942	TERIMA	0.706	3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.92 memaparkan analisis ketidakpatuhan item Pengurusan Aset dan Prasarana hotel patuh *Syarīʿah* berdasarkan nilai *threshold Fuzzy Delphi* dalam domain *Ḥājiyyāt* (keperluan). Analisis ini menilai tahap kesepakatan pakar terhadap setiap item berpandukan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), peratus kesepakatan pakar serta skor *Fuzzy* purata yang diperoleh melalui *Triangular Fuzzy Numbers*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua tiga item telah memenuhi kriteria penerimaan dengan nilai *threshold* antara 0.057 hingga 0.107 serta peratus kesepakatan pakar yang tinggi iaitu antara 87.5% hingga 100%. Item penyediaan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air yang bersesuaian mencatat nilai *threshold* terendah (0.057), sekali gus menandakan tahap kesepakatan pakar yang sangat kukuh terhadap kepentingan aspek kebolehcapaian dalam pengurusan prasarana hotel. Dari segi keutamaan, item penggunaan peralatan penyimpanan, hidangan dan penyajian produk daripada sumber halal mencatat skor *Fuzzy* tertinggi dan menduduki ranking pertama, diikuti oleh item memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada kedudukan kedua. Item penyediaan kemudahan OKU pula berada pada ranking ketiga walaupun mencatat peratus kesepakatan maksimum, menunjukkan variasi keutamaan relatif tanpa menjejaskan penerimaan keseluruhan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi, sekali gus menyokong kesahan kandungan konstruk sebagai item sokongan strategik dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik dan bersepadu selaras dengan objektif Maqāṣid al *Syarīʿah*, khususnya dalam pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*).

Jadual 5.93
Dapatan Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana Dalam Domain *Ḥājiyyāt* Melalui *Fuzzy Delphi*

B4.	**Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan)** **Konstruk: Pengurusan Aset dan Prasarana**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
B4.1	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada tahap yang terjamin	B4.1	Barang-barang seperti peti dan peralatan yang berkaitan bagi proses penyimpanan, hidangan dan penyajian produk hendaklah daripada sumber yang halal

B4.	Domain: *Ḥājiyyāt* (Keperluan) Konstruk: Pengurusan Aset dan Prasarana	*Ranking*	Hasil *Fuzzy Delphi*
B4.2	Barang-barang seperti peti dan peralatan yang berkaitan bagi proses penyimpanan, hidangan dan penyajian produk hendaklah daripada sumber yang halal	B4.2	Menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kemudahan bilik air yang bersesuaian
B4.3	Menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kemudahan bilik air yang bersesuaian	B4.3	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada tahap yang terjamin

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.93 memaparkan dapatan penilaian pakar terhadap item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* (keperluan) melalui kaedah *Fuzzy Delphi*, yang menekankan pengurusan kemudahan fizikal dan infrastruktur sebagai pemudah cara kepada pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Berdasarkan susunan ranking, item memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan berada pada kedudukan tertinggi, menunjukkan bahawa aspek keselamatan fizikal dan operasi merupakan keutamaan utama kerana berkait langsung dengan perlindungan pengguna serta kelangsungan operasi hotel, selaras dengan objektif pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Item penggunaan peralatan penyimpanan, hidangan dan penyajian daripada sumber halal pula berada pada ranking kedua, mencerminkan keperluan memastikan pematuhan halal merangkumi keseluruhan rantaian aset dan peralatan operasi, sekali gus menyokong pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*). Seterusnya, item penyediaan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air yang bersesuaian berada pada kedudukan ketiga, namun tetap diterima sebagai item penting yang mencerminkan nilai kebolehcapaian, keadilan sosial dan kesejahteraan pengguna. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* diterima dan disusun mengikut keutamaan berdasarkan kesepakatan pakar, sekali gus menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan selari dengan objektif Maqāṣid al *Syarīʿah*.

Jadual 5.94
Item Bagi Konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana Di Bawah Domain *Ḥājiyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
B4.1	Barang-barang seperti peti dan peralatan yang berkaitan bagi proses penyimpanan, hidangan dan penyajian produk hendaklah daripada sumber yang halal
B4.2	Menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kemudahan bilik air yang bersesuaian
B4.3	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada tahap yang terjamin

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan item bagi konstruk Pengurusan Aset dan Prasarana di bawah domain *Ḥājiyyāt* (keperluan) berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi*, yang menumpukan kepada pengurusan fizikal serta kemudahan sokongan dalam melengkapkan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Dalam kerangka Maqāṣid al *Syarīʿah*, domain *Ḥājiyyāt* berfungsi sebagai item pemudah cara yang menyokong keperluan asas *Ḍarūriyyāt* dengan memastikan kelancaran operasi, keselamatan dan keselesaan pengguna. Berdasarkan dapatan, item penggunaan peralatan penyimpanan, hidangan dan penyajian daripada sumber halal menduduki ranking tertinggi, menunjukkan bahawa pematuhan halal perlu merangkumi keseluruhan rantaian pengurusan aset dan bukan terhad kepada bahan makanan semata-mata, selaras dengan prinsip pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*). Item penyediaan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air yang bersesuaian berada pada kedudukan kedua, mencerminkan kepentingan kebolehcapaian dan keadilan sosial dalam pengurusan prasarana hotel. Seterusnya, item memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan berada pada ranking ketiga, namun tetap diiktiraf sebagai keperluan penting dalam menyokong kelangsungan operasi serta melindungi kepentingan pengguna dan aset, selaras dengan objektif pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Secara keseluruhannya, susunan item ini mengesahkan bahawa item fizikal dan kemudahan sokongan yang dicadangkan adalah relevan dan praktikal sebagai komponen strategik dalam pembangunan Model MaSC-Hotel yang holistik, bersepadu dan selari dengan kerangka Maqāṣid al *Syarīʿah*.

5.3.5.5 Rumusan Analisis Domain Ḥājiyyāt

Secara keseluruhannya, analisis terhadap domain *Ḥājiyyāt* dalam Model MaSC-Hotel menunjukkan bahawa item-item yang dirumuskan dalam kategori ini memainkan peranan penting dalam melengkapkan keperluan asas pelanggan Muslim tanpa menimbulkan kesukaran dalam pelaksanaan pematuhan *Syarīʿah*. Konstruk ini berfungsi sebagai komponen sokongan yang mengimbangi antara tuntutan wajib (*Ḍarūriyyāt*) dan nilai pelengkap (*Taḥsīniyyāt*), sekali gus menjadi penghubung kepada pengoperasian hotel yang lebih praktikal, selesa dan inklusif kepada semua tetamu. Dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, *Ḥājiyyāt* berperanan memastikan kesejahteraan pengguna melalui kecekapan pengurusan, kejelasan maklumat serta penyampaian perkhidmatan yang beretika dan telus.

Item-item dalam konstruk ini telah disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* dengan mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi, manakala penilaian lanjutan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) turut memperkukuh kesesuaian serta kebolehgunaannya dalam konteks industri. Antara Domain Utama yang dikenal pasti ialah Halal Ekosistem, Pengurusan Integriti, Pengurusan Aset dan Prasarana serta Strategi Pemasaran, yang merangkumi aspek pelaksanaan nilai Islam secara sistematik, profesional dan lestari dalam operasi hotel.

Sebagai contoh, Halal Ekosistem menekankan pelaksanaan pensijilan halal yang menyeluruh, latihan berterusan kepada kakitangan serta pelantikan penasihat *Syarīʿah* bagi menjamin kesinambungan pematuhan. Pengurusan Integriti pula memberi tumpuan kepada kejujuran, etika kerja dan profesionalisme dalam interaksi antara staf dan tetamu. Pengurusan Aset dan Prasarana menekankan penyediaan fasiliti fizikal yang selamat, bersih dan mesra pengguna termasuk kemudahan bagi Orang Kurang Upaya (OKU), manakala Strategi Pemasaran memperlihatkan pendekatan promosi yang telus dan beretika selaras dengan prinsip *Syarīʿah* bagi meningkatkan reputasi serta keyakinan pelanggan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa domain *Ḥājiyyāt* merupakan item penghubung penting dalam membina Model MaSC-Hotel yang seimbang antara tuntutan agama dan keperluan praktikal industri. Walaupun sebahagian item telah mencapai persetujuan pakar, pelaksanaannya di peringkat industri masih belum menyeluruh, sekali gus menunjukkan wujudnya jurang antara kerangka teori dan amalan sebenar. Oleh itu, pembangunan model ini bukan sahaja menyumbang kepada

wacana akademik, malah berperanan sebagai panduan praktikal kepada penggiat industri dan pihak berautoriti dalam melaksanakan sistem pengurusan hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Secara tuntas, domain *Ḥājiyyāt* bukan sahaja memperkukuh pematuhan *Syarīʿah*, tetapi turut meningkatkan kepercayaan, keterangkuman serta daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam pasaran global. Integrasi menyeluruh item-item ini diyakini mampu memastikan pelaksanaan perkhidmatan hotel yang selari dengan prinsip *Syarīʿah*, lestari dan relevan dengan aspirasi industri hospitaliti Islam moden..

5.3.6 Analisis Domain *Taḥsīniyyāt* dalam Pembangunan Model MaSC-Hotel: Aplikasi Kaedah *Fuzzy Delphi*

Domain *Taḥsīniyyāt* merujuk kepada keperluan pelengkap yang berperanan menyempurnakan pelaksanaan *Syarīʿah* melalui unsur keindahan, keselesaan dan nilai tambah dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Dalam konteks Model MaSC-Hotel, domain ini tidak bersifat wajib seperti *Ḍarūriyyāt*, namun signifikan dalam meningkatkan kualiti pengalaman penginapan serta menzahirkan kesempurnaan ajaran Islam secara praktikal. Item di bawah domain ini melengkapkan pelaksanaan *Syarīʿah* agar perkhidmatan yang ditawarkan bukan sahaja mematuhi hukum, tetapi turut beretika, berestetika dan memenuhi jangkaan pelanggan moden.

Dalam model ini, *Taḥsīniyyāt* merangkumi konstruk perhiasan, pembangunan, kebersihan dan keselamatan yang saling melengkapi. Konstruk perhiasan menumpukan kepada aspek estetika persekitaran hotel yang selaras dengan nilai Islam seperti reka bentuk dalaman, susun atur ruang, pemilihan warna dan item seni yang tidak bercanggah dengan prinsip *Syarīʿah*, sekali gus mewujudkan suasana penginapan yang tenang dan beradab. Konstruk pembangunan pula merujuk kepada usaha penambahbaikan berterusan dari segi kemudahan, inovasi perkhidmatan serta penggunaan teknologi yang bersesuaian agar operasi hotel kekal relevan dan mampan tanpa mengabaikan pematuhan *Syarīʿah*.

Selain itu, konstruk kebersihan berkait rapat dengan konsep kesucian dan ihsan dalam Islam, melibatkan penjagaan persekitaran bilik, kawasan awam serta kemudahan sokongan bagi memastikan keselesaan dan kesejahteraan tetamu. Konstruk keselamatan pula merangkumi perlindungan tambahan yang meningkatkan rasa selamat pelanggan, termasuk aspek privasi, kawalan akses, pencahayaan yang mencukupi serta persekitaran

yang teratur. Item-item ini berfungsi melengkapkan keperluan asas dengan memberikan nilai tambah kepada pengalaman penginapan serta memperkukuh imej hotel patuh *Syarīʿah* sebagai institusi yang bertanggungjawab dan beretika.

Secara keseluruhannya, domain *Taḥsīniyyāt* dalam Model MaSC-Hotel berperanan sebagai pelengkap yang menyempurnakan pelaksanaan prinsip Maqāṣid al-*Syarīʿah* dalam industri perhotelan Islam. Penyepaduan konstruk perhiasan, pembangunan, kebersihan dan keselamatan memastikan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja memenuhi tuntutan hukum, tetapi turut menampilkan keindahan, keselesaan dan nilai ihsan sebagai ciri utama hospitaliti Islam yang syumul dan berdaya saing..

Domain: *Taḥsīniyyāt*

Dalam kajian ini, kaedah *Fuzzy Delphi* digunakan bagi memperoleh kesepakatan pakar terhadap item-item utama yang tergolong dalam domain *Taḥsīniyyāt*. Setiap item dinilai berdasarkan tiga kriteria utama iaitu nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), kadar persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75%, serta purata skor *Fuzzy* yang melepasi nilai min. Hanya item yang memenuhi ketiga-tiga kriteria ini diterima sebagai komponen dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, sekali gus memastikan setiap item yang dimasukkan adalah relevan, signifikan dan praktikal untuk diaplikasikan dalam industri hospitaliti Islam.

Domain*Taḥsīniyyāt* dalam Model MaSC-Hotel merangkumi item pelengkap yang berfungsi memperindah, menyempurnakan dan menyelaraskan perkhidmatan hotel dengan nilai estetika, akhlak dan adab Islam. Walaupun tidak tergolong dalam keperluan asas (*Ḍarūriyyāt*) atau keperluan sokongan (*Ḥājiyyāt*), item dalam kategori ini tetap memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman penginapan yang harmoni, selesa dan mencerminkan kesempurnaan menurut perspektif Islam. Konstruk ini menekankan keindahan serta kesantunan dalam penyampaian perkhidmatan melalui persekitaran hotel yang bersih, tersusun, mesra keluarga dan beridentitikan spiritual Islam, di samping menjadikan unsur estetika dan etika sebagai medium dakwah yang lembut dalam interaksi bersama tetamu.

Hasil analisis *Fuzzy Delphi* mengenal pasti beberapa item utama dalam kategori *Taḥsīniyyāt*, termasuk penyediaan ruang rehat beretika, kemudahan riadah seperti gimnasium dan kolam renang yang diasingkan mengikut jantina, serta hiasan dalaman hotel yang menonjolkan seni bina dan ketamadunan Islam. Suasana mesra keluarga

turut diperkukuh melalui penyediaan fasiliti yang menyokong aktiviti kekeluargaan, di samping item tambahan seperti perpustakaan mini, ruangan bacaan al-Quran, penyediaan bahan bacaan Islamik di bilik penginapan serta pelaksanaan kempen kesedaran nilai Islam. Item-item ini bukan sahaja meningkatkan profesionalisme perkhidmatan, malah memperkayakan dimensi rohani dan estetika dalam pengalaman penginapan.

Secara keseluruhannya, penekanan terhadap domain *Taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa model hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya tertumpu kepada pematuhan teknikal semata-mata, tetapi turut memberi perhatian kepada pengalaman menyeluruh yang menenangkan, sopan dan berperadaban. Integrasi item-item ini memperkukuh identiti hotel patuh *Syarīʿah* dalam kalangan pelanggan Muslim dan bukan Muslim, sekali gus menjadikan domain*Taḥsīniyyāt* sebagai pelengkap penting dalam memastikan Model MaSC-Hotel bersifat komprehensif, seimbang serta berupaya mempertingkatkan dimensi keindahan, kualiti dan keberkatan dalam industri hospitaliti Islam.

Konstruk: Perhiasan

Jadual 5.23 memperlihatkan bahawa konstruk Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berfungsi sebagai item pelengkap yang menyempurnakan suasana fizikal dan spiritual hotel patuh *Syarīʿah* melalui penerapan nilai estetika Islam dalam reka bentuk persekitaran. Perhiasan dalam konteks ini tidak hanya merujuk kepada hiasan luaran, malah mencerminkan keharmonian, ketenangan jiwa serta identiti Islam yang dizahirkan secara halus melalui susun atur ruang dan item visual. Antara item utama yang digariskan termasuklah reka bentuk kemudahan hotel yang mematuhi prinsip *Syarīʿah* secara menyeluruh (C1.1), dekorasi bilik penginapan yang tidak bercanggah dengan akidah Islam (C1.2), serta penyediaan hiasan dalaman yang menarik dan menenangkan (C1.3). Penggunaan unsur kaligrafi Islamik (C1.4) turut digalakkan sebagai manifestasi identiti estetik, manakala hiasan di ruang sensitif seperti tandas perlu dielakkan daripada memaparkan imej makhluk hidup (C1.5). Selain itu, reka bentuk keseluruhan hotel yang mencerminkan gaya dan nilai estetika Islam melalui penggunaan corak geometri, susun atur harmoni dan pemilihan warna yang bersesuaian (C1.6) dilihat sebagai pelengkap penting dalam membentuk suasana penginapan yang sopan, menenangkan dan berjiwa Islam. Secara keseluruhannya, konstruk ini menyumbang kepada pembentukan identiti hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih menyeluruh

serta menyampaikan nilai dakwah melalui pendekatan estetika yang beretika dan penuh hikmah.

Jadual 5.95
Item-item Dalam Konstruk Perhiasan (Domain *Taḥsīniyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan ***Maqāṣid Syarīʿah* (*Taḥsīniyyāt*)**
C1.1	Reka bentuk kemudahan patuh *Syarīʿah*	Projek reka bentuk dan susun atur kemudahan hotel mestilah mematuhi garis panduan *Syarīʿah*.	Menjaga agama (*Hifẓ al-Dīn*) dengan memastikan suasana fizikal selaras dengan nilai Islam.
C1.2	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan Islam	Hiasan bilik penginapan tidak memaparkan unsur yang bercanggah dengan akidah Islam seperti simbol agama lain.	Melindungi akidah tetamu (*Hifẓ al-Dīn*) dan mengelakkan unsur yang menjejaskan keyakinan.
C1.3	Hiasan dalaman menarik & menenangkan	Menyediakan dekorasi dalaman yang bersih, harmoni, indah dan selesa.	Menambah nilai keselesaan serta menenangkan jiwa tetamu (*Hifẓ al-Nafs*).
C1.4	Hiasan berunsur kaligrafi Islamik	Menggunakan ayat al-Quran atau kaligrafi Islam sebagai item hiasan utama.	Menyuburkan roh spiritual tetamu dan memperkukuh identiti Islam.
C1.5	Hiasan dalaman tandas tanpa gambar/patung	Tidak meletakkan gambar atau patung makhluk hidup seperti manusia dan haiwan di ruang tandas.	Menjaga kesucian ruang serta mengelakkan unsur yang bercanggah dengan *Syarīʿah*.
C1.6	Reka bentuk dalaman bercirikan Islamik	Menggunakan corak geometri Islam, susun atur harmoni dan pilihan warna yang sesuai.	Menyempurnakan identiti Islam hotel melalui estetika yang berlandaskan budaya Islam.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.95 memperlihatkan bahawa konstruk Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menekankan kepentingan item estetika Islam sebagai pelengkap dalam pembinaan identiti hotel patuh *Syarīʿah*. Aspek perhiasan bukan sahaja menyumbang kepada suasana fizikal, malah memperkayakan pengalaman spiritual tetamu. Item seperti reka bentuk kemudahan hotel yang mematuhi *Syarīʿah* (C1.1) dan dekorasi bilik yang tidak bercanggah dengan prinsip akidah Islam (C1.2) mencerminkan usaha mengekalkan kesucian identiti *Syarīʿah* dalam persekitaran hospitaliti. Penyediaan hiasan dalaman yang menarik dan menenangkan (C1.3) serta penerapan unsur kaligrafi Islamik (C1.4) turut memperkukuh nilai spiritual dan memberi impak psikologi positif kepada tetamu. Di samping itu, larangan meletakkan imej makhluk hidup di ruang tandas (C1.5) menegaskan kepentingan menjaga kesucian ruang, manakala reka bentuk

dalaman bercirikan Islamik melalui corak geometri, susun atur harmoni dan pemilihan warna yang sesuai (C1.6) menambah nilai identiti hotel. Secara keseluruhannya, perhiasan berfungsi sebagai medium dakwah yang halus dalam menzahirkan keindahan Islam melalui persekitaran hospitaliti, sekali gus meningkatkan imej, kredibiliti dan daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam industri moden.

5.3.6.1 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Taḥsīniyyāt

Dalam domain *Taḥsīniyyāt*, item pelengkap seperti kebersihan, keselamatan, keindahan persekitaran dan reka bentuk dalaman telah dinilai menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* bagi memastikan kesesuaian serta keberkesanannya dalam pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti item mencapai nilai ambang konsensus pakar dengan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), tahap persetujuan sekurang-kurangnya 75%, serta skor purata *Fuzzy* melebihi nilai min yang ditetapkan. Item seperti penyediaan kemudahan wuduk dalam bilik, bahan sertu, hiasan dalaman yang selari dengan nilai Islam dan pengasingan ruang mandi menerima sokongan yang tinggi daripada panel pakar, sekali gus membuktikan bahawa aspek penyempurnaan (*Taḥsīniyyāt*) bukan sekadar tambahan kosmetik, tetapi berperanan penting dalam meningkatkan pengalaman pelanggan Muslim serta mencerminkan identiti perkhidmatan Islamik secara menyeluruh. Penerimaan tinggi terhadap item ini menunjukkan kesedaran industri terhadap keperluan membina persekitaran yang bukan sahaja bersih dan selamat, malah memberi ketenangan serta keselesaan rohani, selaras dengan matlamat *Maqāṣid Syarīʿah* yang mengangkat nilai keindahan, kebersihan dan keharmonian dalam penyampaian perkhidmatan hospitaliti Islam.

1) Konstruk: Perhiasan

Dapatan menunjukkan bahawa reka bentuk dalaman kemudahan hotel perlu mematuhi prinsip *Syarīʿah* dengan memastikan setiap item hiasan dan seni bina bebas daripada unsur yang bercanggah dengan Islam seperti patung atau simbol berunsur syirik. Dekorasi bilik penginapan, termasuk pemilihan warna, motif dan bahan, hendaklah dirancang secara teliti agar tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada tetamu Muslim, manakala ruang tandas perlu dielakkan daripada paparan imej manusia atau haiwan selaras dengan garis panduan kesucian dalam Islam. Penggunaan kaligrafi

Islamik serta item seni bina seperti gerbang, lengkung dan motif arabesque diiktiraf sebagai pendekatan yang mampu memperkukuh identiti Islam dan menyumbang kepada suasana yang menenangkan secara spiritual. Dapatan ini turut menegaskan keperluan pihak pengurusan hotel untuk mengimbangi antara estetika moden dan tuntutan *Syarīʿah* melalui pemilihan kontraktor, pereka dalaman dan bahan dekorasi yang memahami sensitiviti Islam. Secara keseluruhannya, aspek perhiasan bukan sekadar item kosmetik, tetapi merupakan komponen holistik dalam membentuk persekitaran hospitaliti Islam yang selari dengan *Maqāṣid Syarīʿah*, di mana item-item strategik yang dikenal pasti melalui kaedah *Fuzzy Delphi* memenuhi kriteria penerimaan berdasarkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75%, serta skor purata *Fuzzy* melebihi nilai min yang ditetapkan.

Jadual 5.96
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Perhiasan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**					
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Jabatan Standarts 1	5	5	5	4	4	4
Jabatan Standarts 2	7	7	6	6	7	6
HDC 1	5	7	7	5	7	5
HDC 2	7	7	6	5	7	5
HDC 3	7	7	5	5	7	5
Halal JAKIM	6	6	6	6	4	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6
MOTAC 2	5	7	6	6	7	5
ITC 1	5	6	6	6	6	6
Yayasan Wakaf	6	7	5	4	7	6
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	7	6	6	7	6
JAKIM 3	7	6	6	6	7	6
Halal Centre 1	6	7	6	6	7	6
Halal Centre 2	7	6	6	6	7	6
Halal Centre 3	6	7	6	6	7	6

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.96 memaparkan skor penilaian 16 orang pakar terhadap enam item dalam konstruk Perhiasan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan skala tujuh mata, di mana nilai yang lebih tinggi mencerminkan tahap kepentingan item yang lebih besar. Secara keseluruhannya, semua item mencatatkan skor yang tinggi dalam julat antara 4 hingga 7, menunjukkan tahap penerimaan dan kerelevanan yang baik dalam menilai aspek perhiasan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 1 dan Item 2 merekodkan skor yang paling konsisten tinggi dengan majoriti pakar memberikan skor 6 dan 7, manakala Item 5 turut menerima penilaian maksimum daripada hampir semua pakar, menandakan kepentingannya sebagai item dominan dalam domain *Taḥsīniyyāt*. Sebaliknya, Item 4 mencatatkan skor yang sedikit lebih rendah dengan beberapa penilaian antara 4 dan 5, menunjukkan keutamaan relatif yang lebih sederhana berbanding item lain. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Perhiasan mempunyai tahap penerimaan pakar yang tinggi dan semua item adalah sesuai untuk dikekalkan serta dianalisis lanjut melalui kaedah *Fuzzy Delphi* bagi menentukan tahap kesepakatan dan keutamaan relatif setiap item.

Jadual 5.97
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Perhiasan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**					
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Jabatan Standarts 1	0.240	0.322	0.221	0.443	0.577	0.462
Jabatan Standarts 2	0.153	0.071	0.032	0.108	0.102	0.089
HDC 1	0.240	0.071	0.176	0.146	0.102	0.163
HDC 2	0.153	0.071	0.032	0.146	0.102	0.163
HDC 3	0.153	0.071	0.221	0.146	0.102	0.163
Halal JAKIM	0.031	0.082	0.032	0.108	0.577	0.089
MOTAC 1	0.031	0.082	0.032	0.108	0.073	0.089
MOTAC 2	0.240	0.071	0.032	0.108	0.102	0.163
ITC 1	0.240	0.082	0.032	0.108	0.073	0.089
Yayasan Wakaf	0.031	0.071	0.221	0.443	0.102	0.089
JAKIM 1	0.153	0.071	0.176	0.247	0.102	0.231

Pakar	Item					
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
JAKIM 2	0.031	0.071	0.032	0.108	0.102	0.089
JAKIM 3	0.153	0.082	0.032	0.108	0.102	0.089
Halal Centre 1	0.031	0.071	0.032	0.108	0.102	0.089
Halal Centre 2	0.153	0.082	0.032	0.108	0.102	0.089
Halal Centre 3	0.031	0.071	0.032	0.108	0.102	0.089
Nilai d setiap item	0.129	0.090	0.086	0.166	0.158	0.140

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.97 memaparkan nilai *threshold* (d) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap enam item dalam konstruk Perhiasan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, kesemua item mencatatkan nilai purata d dalam julat antara 0.086 hingga 0.166, iaitu berada di bawah nilai ambang penerimaan ($d \leq 0.2$), sekali gus menunjukkan tahap kesepakatan pakar yang baik tanpa keperluan pengguguran mana-mana item. Item 3 merekodkan nilai d paling rendah (0.086), diikuti oleh Item 2 (0.090) dan Item 1 (0.129), manakala Item 4 (0.166) dan Item 5 (0.158) mencatatkan nilai yang sedikit lebih tinggi namun masih dalam julat penerimaan. Walaupun terdapat beberapa penilaian individu yang melebihi nilai ambang bagi item tertentu, purata keseluruhan setiap item kekal di bawah 0.2, menunjukkan bahawa variasi pandangan tidak menjejaskan tahap kesepakatan kumpulan. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Perhiasan diterima sepenuhnya serta mempunyai kesahan kandungan yang baik untuk digunakan dalam pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.98
Bilangan dan Peratusan Item Yang Mencapai Konsensus Pakar ($d \leq 0.2$)

	Item					
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**
Bilangan Item $d \leq 0.2$	16	15	16	14	14	15
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	100.0%	93.8%	100.0%	87.5%	87.5%	93.8%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.98 memaparkan bilangan dan peratusan pakar yang mencapai nilai *threshold* d ≤ 0.2 bagi enam item dalam konstruk Perhiasan bagi domain *Taḥsīniyyāt* melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, semua item mencapai tahap konsensus pakar yang tinggi, dengan Item 1 dan Item 3 merekodkan 100% persetujuan apabila kesemua 16 orang pakar memberikan nilai d ≤ 0.2. Item 2 dan Item 6 pula mencatatkan peratus konsensus sebanyak 93.8%, manakala Item 4 dan Item 5 memperoleh 87.5% persetujuan. Walaupun terdapat sedikit variasi dalam tahap konsensus, kesemua item masih melepasi had minimum penerimaan iaitu 75% kesepakatan pakar. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua enam item diterima tanpa sebarang pengguguran, sekali gus menunjukkan bahawa konstruk Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mempunyai tahap kesahan kandungan yang kukuh untuk digunakan dalam pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.99
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Perhiasan

Pakar	**Item**																	
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**		
Jabatan Standarts 1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Yayasan Wakaf	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1

Pakar	**Item**																	
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**		
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 3	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Purata	0.725	0.888	0.975	0.813	0.950	0.994	0.688	0.875	0.981	0.625	0.819	0.944	0.800	0.925	0.963	0.638	0.831	0.956
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.99 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap enam item dalam konstruk Perhiasan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, kesemua item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, kebanyakannya melebihi 0.87, menunjukkan bahawa pakar secara konsisten menilai item-item perhiasan sebagai penting dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*. Item 2 dan Item 5 merekodkan nilai m2 dan m3 tertinggi, menandakan kedua-dua item tersebut sebagai komponen paling dominan dalam konstruk ini. Walaupun Item 4 dan Item 6 mencatatkan nilai m1 yang sedikit lebih rendah berbanding item lain, nilai m2 dan m3 masih berada pada tahap yang tinggi, sekali gus menunjukkan bahawa variasi pandangan pakar adalah minimum dan tidak menjejaskan kesepakatan keseluruhan. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item perhiasan mempunyai skor *Fuzzy* yang tinggi serta sesuai dikekalkan dalam pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah* bagi domain *Taḥsīniyyāt*.

Jadual 5.100
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Konstruk Perhiasan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**Item**																	
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**		
Jabatan Standarts 1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
HDC 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
Yayasan Wakaf	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1

Pakar	**Item**																	
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**		
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Halal Centre 3	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
Fuzzy Evaluation Process																		
Purata Setiap Unsur	0.725	0.888	0.975	0.813	0.950	0.994	0.688	0.875	0.981	0.625	0.819	0.944	0.800	0.925	0.963	0.638	0.831	0.956
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)		0.863			0.919			0.848			0.796			0.896			0.808	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.100 memaparkan proses penilaian pakar terhadap enam item dalam konstruk Perhiasan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Setiap item dinilai berdasarkan nilai *Fuzzy Triangular*, iaitu m1 (minimum), m2 (pertengahan) dan m3 (maksimum), sebelum skor *Fuzzy* dikira menggunakan rumus Amax = 1/3 (m1 + m2 + m3) bagi menentukan tahap kepentingan relatif setiap item. Secara keseluruhannya, semua item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, kebanyakannya melebihi 0.88 dan menghampiri nilai maksimum 1.0, menunjukkan penilaian positif pakar terhadap konstruk Perhiasan. Dari segi skor *Fuzzy*, Item 2 merekodkan nilai tertinggi (0.919), diikuti oleh Item 5 (0.896) dan Item 1 (0.863), manakala Item 4 mencatatkan skor terendah (0.796) namun masih berada dalam julat penerimaan. Dapatan ini mengesahkan bahawa kesemua item dalam konstruk Perhiasan adalah relevan dan signifikan untuk dikekalkan dalam Model Hotel Patuh *Syarīʿah* bagi domain *Taḥsīniyyāt*, dengan tahap kesepakatan pakar yang kukuh.

Jadual 5.101
Penilaian Kepatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Berdasarkan Analisis *Fuzzy Delphi*

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor *Fuzzy (A)*			
1	Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*	0.129	100.0%	0.725	0.888	0.975	0.863	TERIMA	0.863	3
2	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam	0.090	93.8%	0.813	0.950	0.994	0.919	TERIMA	0.944	1
3	Hiasan dalaman yang menarik	0.086	100.0%	0.688	0.875	0.981	0.848	TERIMA	0.706	6
4	Hiasannya yang kaligrafi	0.166	87.50%	0.625	0.819	0.944	0.796	TERIMA	0.840	4
5	Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia	0.158	87.50%	0.800	0.925	0.963	0.896	TERIMA	0.931	2
6	Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik	0.140	93.75%	0.638	0.831	0.956	0.808	TERIMA	0.823	5

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.101 memaparkan analisis penerimaan item bagi konstruk Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan tiga kriteria utama kaedah *Fuzzy Delphi*, iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar, nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) serta skor *Fuzzy* (A). Dapatan menunjukkan kesemua enam item memenuhi syarat penerimaan dengan nilai *threshold* kurang daripada 0.2 dalam julat 0.086 hingga 0.166 serta peratus kesepakatan pakar antara 87.5% hingga 100%, melebihi tahap minimum yang disarankan. Skor *Fuzzy* bagi semua item juga berada pada tahap tinggi, iaitu antara 0.796 hingga 0.919, dengan Item 2 mencatatkan skor tertinggi diikuti oleh Item 5 dan Item 1, manakala Item 4 merekodkan skor terendah namun masih dalam julat penerimaan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Perhiasan diterima sepenuhnya tanpa sebarang pengguguran, sekali gus membuktikan kesahan kandungan yang kukuh untuk digunakan dalam pembentukan Model Hotel Patuh *Syarīʿah* bagi domain *Taḥsīniyyāt*.

Jadual 5.102
Hasil Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Item Perhiasan Dalam Reka Bentuk Dalaman Hotel Patuh *Syarīʿah*

	Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan) **Konstruk: Perhiasan**	***Ranking***	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C1.1	Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*	C1.1	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam
C1.2	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam	C1.2	Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia
C1.3	Hiasan dalaman yang menarik	C1.3	Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*
C1.4	Hiasannya yang kaligrafi	C1.4	Hiasannya yang kaligrafi
C1.5	Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia	C1.5	Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik
C1.6	Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik	C1.6	Hiasan dalaman yang menarik

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.102 memaparkan kedudukan ranking keutamaan item Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis kaedah *Fuzzy Delphi* melalui perbandingan

susunan item asal dengan susunan baharu berdasarkan skor *Fuzzy*. Dapatan menunjukkan bahawa item "Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam" berada pada kedudukan tertinggi, diikuti oleh "Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia" serta "Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*". Sementara itu, item seperti penggunaan kaligrafi, reka bentuk dalaman berbentuk Islamik dan hiasan dalaman yang menarik berada pada kedudukan seterusnya. Susunan ini menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan pematuhan prinsip *Syarīʿah* dan sensitiviti akidah berbanding aspek estetika visual semata-mata dalam menilai perhiasan hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa dimensi kepatuhan *Syarīʿah* merupakan faktor dominan dalam domain *Taḥsīniyyāt*, manakala item estetika berperanan sebagai pelengkap dalam memperkukuh identiti dan nilai Islam dalam persekitaran hospitaliti.

Jadual 5.103
Item Bagi Perhiasan Di Bawah Domain *Taḥsīniyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C1.1	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam
C1.2	Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia
C1.3	Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*
C1.4	Hiasannya yang kaligrafi
C1.5	Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik
C1.6	Hiasan dalaman yang menarik

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan keutamaan item Perhiasan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan skor *Fuzzy* hasil analisis *Fuzzy Delphi* yang mencerminkan tahap kepentingan relatif setiap item menurut kesepakatan pakar. Dapatan menunjukkan bahawa item C1.1, iaitu "Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam" berada pada kedudukan tertinggi, diikuti oleh C1.2 "Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia" serta C1.3 "Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*", yang menegaskan bahawa pemeliharaan akidah dan pematuhan hukum syarak merupakan keutamaan

utama dalam perhiasan hotel patuh *Syarīʿah*. Seterusnya, item C1.4 "Hiasannya yang kaligrafi" dan C1.5 "Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik" berada pada kedudukan pertengahan sebagai item sokongan identiti visual Islamik, manakala C1.6 "Hiasan dalaman yang menarik" berada pada kedudukan terakhir sebagai keutamaan pelengkap. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa pakar lebih mengutamakan kepatuhan terhadap prinsip akidah dan hukum syarak berbanding aspek estetika semata-mata, sekali gus menegaskan bahawa konsep *Taḥsīniyyāt* menekankan keindahan yang selari dengan nilai dan etika Islam dalam persekitaran hospitaliti.

2) Konstruk: Pembangunan

Domain Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* merujuk kepada item fizikal dan infrastruktur tambahan yang berperanan menyokong operasi hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh serta meningkatkan keselesaan, kemudahan dan imej Islamik persekitaran penginapan. Walaupun bersifat pelengkap, item-item seperti penyediaan lobi tambahan bagi tujuan khusus (C2.1), pengasingan ruang riadah melalui gimnasium (C2.2) dan kolam renang (C2.3) antara lelaki dan wanita, pengukuhan kawalan keselamatan melalui pengawal, CCTV dan sistem penggera (C2.4), penyediaan ruangan bacaan serta perpustakaan mini (C2.5), serta penekanan terhadap pengudaraan dan pencahayaan yang baik (C2.6) memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan fizikal, rohani dan sosial tetamu. Selain itu, reka bentuk bilik air yang mengelakkan konsep telus pandang (C2.7) turut ditekankan bagi menjaga kesopanan dan penutupan aurat selaras dengan prinsip *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, domain ini mencerminkan komitmen pengurusan hotel dalam menyediakan fasiliti yang selesa, selamat, mesra pengguna dan berjiwa Islamik, sekali gus menyokong pelaksanaan Model MaSC-Hotel secara holistik dan berlandaskan Maqāṣid al-*Syarīʿah*.

Jadual 5.104
Item-item Dalam Kontruk Pembangunan (Domain *Taḥsīniyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan ***Maqāṣid Syarīʿah* (*Taḥsīniyyāt*)**
C2.1	Lobi tambahan	Menyediakan lobi khusus seperti lobi pendaftaran dan lobi sambutan tetamu yang berasingan untuk meningkatkan keselesaan.	Menyokong *Hifẓ al-Nafs* melalui pengurusan yang lebih teratur dan mesra pelanggan.
C2.2	Kemudahan pusat kecergasan	Menawarkan pelbagai kemudahan kecergasan yang patuh *Syarīʿah*.	Membantu menjaga kesihatan tetamu (*Hifẓ al-Nafs*) dengan cara yang sesuai dengan syarak.
C2.3	Ruang riadah terasing	Menyediakan gimnasium, kolam renang dan ruang riadah yang diasingkan mengikut jantina.	Menjaga maruah (*hifz al-ʻird*) dan agama (*Hifẓ al-Dīn*) melalui pengasingan yang sopan.
C2.4	Kawalan keselamatan	Melaksanakan sistem keselamatan komprehensif seperti pengawal, CCTV, alarm dan kawalan lif.	Menjamin keselamatan tetamu (*Hifẓ al-Nafs*) dan harta (*Hifẓ al-Māl*).
C2.5	Ruangan bacaan	Menyediakan ruangan bacaan atau perpustakaan mini dengan bahan bacaan Islamik.	Memelihara akal (*Hifẓ al-ʿAql*) melalui pembudayaan ilmu dan pengisian rohani.
C2.6	Pengudaraan & pencahayaan baik	Menyediakan bilik dan ruang dengan sistem pengudaraan serta pencahayaan yang mencukupi dan selesa.	Menjamin keselesaan tetamu (*Hifẓ al-Nafs*) serta mewujudkan suasana harmoni.
C2.7	Elak bilik air “transparent”	Tidak menyediakan bilik air telus pandang yang bercanggah dengan prinsip kesopanan dan aurat.	Menjaga maruah (*hifz al-ʻird*) dan kesucian nilai Islam dalam reka bentuk.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.104 menunjukkan bahawa konstruk Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menekankan penyediaan fasiliti tambahan yang berfungsi memperindah serta menyempurnakan pengalaman penginapan di hotel patuh *Syarīʿah* melalui suasana yang selesa, selamat, mesra pengguna dan berjiwa Islamik. Antara item yang diketengahkan termasuk penyediaan lobi tambahan bagi tujuan khusus (C2.1) untuk pengurusan aliran tetamu yang lebih sistematik, kemudahan pusat kecergasan (C2.2) dan ruang riadah yang diasingkan mengikut jantina (C2.3) bagi mengekalkan keseimbangan antara kesihatan fizikal dan pemeliharaan *Syarīʿah*, serta kawalan keselamatan komprehensif (C2.4) yang selari dengan prinsip *Hifẓ al-Nafs* dan *Hifẓ al-Māl*. Selain itu, penyediaan ruangan bacaan (C2.5) menyokong pengisian spiritual dan intelektual tetamu, manakala sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik (C2.6)

memastikan suasana penginapan yang harmoni dan menyihatkan, di samping penegasan terhadap reka bentuk bilik air yang tidak telus pandang (C2.7) bagi menjaga kesopanan dan maruah pelanggan Muslim. Secara keseluruhannya, domain ini bukan sahaja memperindah persekitaran hotel, tetapi turut menyampaikan nilai dakwah melalui penyediaan fasiliti yang inklusif dan mematuhi *Syarīʿah*, sekali gus mengukuhkan identiti Islam dalam industri hospitaliti moden.

5.3.6.2 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Taḥsīniyyāt

2) Konstruk: Pembangunan

Dapatan menunjukkan bahawa item pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* seperti penyediaan ruang riadah yang diasingkan mengikut jantina, pusat kecergasan pelbagai fungsi, serta ruangan bacaan telah mendapat persetujuan tinggi daripada pakar kerana selari dengan prinsip pemeliharaan aurat dan keperluan keseimbangan antara kesihatan jasmani dan rohani tetamu. Aspek keselamatan turut diberi penekanan melalui penyediaan teknologi seperti CCTV, sistem penggera, lif yang selamat serta pengawal keselamatan terlatih bagi menjamin ketenteraman pengguna sepanjang masa, manakala pengudaraan dan pencahayaan berkualiti dikenal pasti sebagai faktor penting dalam mewujudkan persekitaran penginapan yang selesa, bersih dan teratur selaras dengan nilai Islam. Sebaliknya, reka bentuk bilik air jenis telus pandang ditolak kerana menjejaskan privasi dan bercanggah dengan adab kesopanan, sementara penyediaan lobi tambahan bagi tujuan tertentu tidak dianggap signifikan terhadap pencapaian *Syarīʿah* atau keselesaan pengguna. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa item keselamatan, keselesaan, privasi dan pemeliharaan nilai Islam perlu diintegrasikan secara menyeluruh dalam perancangan infrastruktur hotel patuh *Syarīʿah*, dengan item-item yang diterima disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* berdasarkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), persetujuan pakar $\geq 75\%$ dan skor purata *Fuzzy* yang melepasi nilai minimum.

Jadual 5.105
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Pembangunan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	4	6	4	4	4	4	4
Jabatan Standarts 2	6	6	6	7	6	7	6
HDC 1	4	5	7	7	7	7	7
HDC 2	4	5	5	6	5	6	7
HDC 3	7	5	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	4	5	5	6	5	5	5
MOTAC 1	3	6	6	6	6	6	4
MOTAC 2	6	6	6	6	6	6	7
ITC 1	4	4	5	7	5	4	7
Yayasan Wakaf	4	5	7	7	5	6	5
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	7	7	6	7	7	6
JAKIM 3	6	6	7	7	7	6	7
Halal Centre 1	6	7	6	7	6	7	7
Halal Centre 2	6	7	6	6	7	7	7
Halal Centre 3	6	6	7	7	6	7	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.105 memaparkan skor penilaian 16 orang pakar terhadap tujuh item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan skala tujuh mata, di mana nilai yang lebih tinggi menunjukkan tahap kepentingan item yang lebih signifikan menurut perspektif pakar. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa kesemua item memperoleh skor dalam julat antara 3 hingga 7, menandakan bahawa semua item yang dicadangkan dianggap relevan dan penting dalam menilai aspek pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4, Item 6 dan Item 7 mencatatkan kecenderungan skor tertinggi dengan majoriti pakar memberikan skor 6 dan 7, menunjukkan bahawa item-item tersebut dilihat sebagai komponen pembangunan yang

paling kritikal dalam domain *Taḥsīniyyāt*, khususnya dalam meningkatkan nilai tambah terhadap kualiti perkhidmatan dan imej hotel secara keseluruhan. Sebaliknya, Item 1 merekodkan skor yang sedikit lebih rendah berbanding item lain apabila sebahagian pakar memberikan skor 3 dan 4, mencerminkan tahap keutamaan yang lebih sederhana walaupun masih berada dalam julat penerimaan. Walau bagaimanapun, tiada item yang menerima skor rendah secara konsisten, sekali gus membuktikan bahawa kesemua item mempunyai tahap kebolehterimaan yang baik dalam kalangan pakar. Secara keseluruhannya, dapatan Jadual 5.106 mengesahkan bahawa konstruk Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mencapai tahap kesepakatan awal yang tinggi dan sesuai untuk diteruskan ke peringkat analisis *Fuzzy Delphi* seterusnya bagi menentukan tahap konsensus serta keutamaan relatif setiap item pembangunan dalam Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.106
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Pembangunan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Jabatan Standarts 1	0.306	0.083	0.524	0.587	0.500	0.529	0.529
Jabatan Standarts 2	0.245	0.083	0.044	0.096	0.058	0.153	0.059
HDC 1	0.306	0.174	0.160	0.096	0.185	0.153	0.151
HDC 2	0.306	0.174	0.232	0.062	0.207	0.050	0.151
HDC 3	0.374	0.174	0.160	0.096	0.185	0.153	0.151
Halal JAKIM	0.306	0.174	0.232	0.062	0.207	0.239	0.242
MOTAC 1	0.609	0.083	0.044	0.062	0.058	0.050	0.529
MOTAC 2	0.245	0.083	0.044	0.062	0.058	0.050	0.151
ITC 1	0.306	0.469	0.232	0.096	0.207	0.529	0.151
Yayasan Wakaf	0.306	0.174	0.160	0.096	0.207	0.050	0.242
JAKIM 1	0.374	0.218	0.160	0.096	0.185	0.153	0.151
JAKIM 2	0.245	0.218	0.160	0.062	0.185	0.153	0.059
JAKIM 3	0.245	0.083	0.160	0.096	0.185	0.050	0.151
Halal Centre 1	0.245	0.218	0.044	0.096	0.058	0.153	0.151
Halal Centre 2	0.245	0.218	0.044	0.062	0.185	0.153	0.151
Halal Centre 3	0.245	0.083	0.160	0.096	0.058	0.153	0.151
Nilai d setiap item	0.307	0.169	0.160	0.114	0.170	0.173	0.198

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.106 memaparkan nilai *threshold* (d) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap tujuh item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt*. Nilai *threshold* (d) digunakan dalam kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mengukur tahap kesepakatan pakar, di mana item diterima sekiranya nilai d ≤ 0.2. Berdasarkan analisis, enam daripada tujuh item mencatatkan nilai purata d yang memenuhi kriteria penerimaan, iaitu Item 2 (d = 0.169), Item 3 (d = 0.160), Item 4 (d = 0.114), Item 5 (d = 0.170), Item 6 (d = 0.173) dan Item 7 (d = 0.198). Dapatan ini menunjukkan bahawa keenam-enam item tersebut mencapai tahap kesepakatan pakar yang baik dan sesuai dikekalkan dalam konstruk Pembangunan. Sebaliknya, Item 1 mencatatkan nilai d = 0.307 yang melebihi nilai ambang 0.2, sekali gus menunjukkan wujudnya perbezaan pandangan yang ketara dalam kalangan pakar terhadap kepentingan item tersebut dan menandakan tahap kesepakatan yang rendah berbanding item lain. Item 4 merekodkan nilai d paling rendah (0.114), mencerminkan tahap persetujuan pakar yang paling kukuh, diikuti oleh Item 3 (0.160) dan Item 2 (0.169). Walaupun Item 7 mencatatkan nilai d yang hampir kepada had maksimum (0.198), item ini masih berada dalam julat penerimaan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, dapatan Jadual 5.108 menunjukkan bahawa majoriti item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt* diterima oleh pakar, kecuali Item 1 yang tidak mencapai tahap kesepakatan yang memuaskan. Oleh itu, Item 1 disarankan untuk dikaji semula, diperhalusi atau dipertimbangkan untuk digugurkan, manakala enam item lain boleh diteruskan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel kerana mempunyai kesahan kandungan yang memadai.

Jadual 5.107
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Konstruk Pembangunan

	Item						
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**
Bilangan Item d ≤ 0.2	7	15	15	15	15	14	14
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	43.8%	93.8%	93.8%	93.8%	93.8%	87.5%	87.5%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.107 memaparkan bilangan dan peratusan pakar yang mencapai nilai *threshold* d ≤ 0.2 bagi tujuh item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt*. Analisis ini bertujuan menilai tahap kesepakatan pakar terhadap setiap item berdasarkan kriteria penerimaan kaedah *Fuzzy Delphi*. Dapatan menunjukkan bahawa

Item 2, 3, 4 dan 5 masing-masing mencatatkan 93.8% kesepakatan pakar, menandakan tahap persetujuan yang sangat tinggi terhadap kepentingan item-item tersebut. Item 6 dan Item 7 pula merekodkan peratus kesepakatan sebanyak 87.5%, yang masih melepasi tahap minimum 75% yang ditetapkan, sekali gus memenuhi kriteria penerimaan. Sebaliknya, Item 1 hanya mencapai 43.8% kesepakatan pakar, iaitu 7 daripada 16 orang pakar memberikan nilai $d \leq 0.2$, menunjukkan tahap persetujuan yang rendah dan tidak memenuhi syarat penerimaan minimum. Oleh itu, Item 1 disarankan untuk digugurkan atau diperhalusi semula. Secara keseluruhannya, dapatan Jadual 5.107 mengesahkan bahawa enam daripada tujuh item dalam konstruk Pembangunan diterima oleh pakar, manakala satu item ditolak kerana tidak mencapai tahap kesepakatan yang memuaskan, sekali gus memperkukuh kesahan kandungan konstruk selepas penyingkiran item tersebut.

Jadual 5.108
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Pembangunan

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7
Jabatan Standarts 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
MOTAC 1	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	Item																				
	1			2			3			4			5			6			7		
Halal Centre 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Purata	0.538	0.725	0.856	0.663	0.838	0.950	0.725	0.881	0.963	0.788	0.931	0.981	0.700	0.863	0.956	0.738	0.888	0.956	0.750	0.888	0.950
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.108 memaparkan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap tujuh item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, di mana setiap item dinilai berdasarkan nilai minimum (m1), pertengahan (m2) dan maksimum (m3) bagi menggambarkan tahap kepentingan menurut persepsi pakar. Berdasarkan nilai purata yang diperoleh, majoriti item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, kebanyakannya melebihi 0.83, dengan Item 4 menunjukkan nilai tertinggi (m1 = 0.788, m2 = 0.931, m3 = 0.981), diikuti oleh Item 7, Item 6, Item 5, Item 3 dan Item 2, sekali gus mencerminkan tahap persetujuan pakar yang konsisten terhadap kepentingan item pembangunan sebagai komponen pelengkap dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Sebaliknya, Item 1 merekodkan nilai purata yang lebih rendah iaitu (m1 = 0.538, m2 = 0.725, m3 = 0.856), menunjukkan wujud variasi pandangan dalam kalangan pakar terhadap kepentingannya, di mana nilai m1 dan m2 yang relatif rendah mencerminkan tahap keyakinan pakar yang kurang konsisten berbanding item lain dan selari dengan analisis nilai *threshold* yang menunjukkan item tersebut tidak mencapai tahap kesepakatan pakar yang memuaskan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa majoriti item dalam konstruk Pembangunan memperoleh skor *Fuzzy* yang tinggi dan sesuai untuk dikekalkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel bagi domain *Taḥsīniyyāt*, manakala Item 1 memerlukan penelitian semula atau pertimbangan untuk digugurkan berdasarkan tahap kesepakatan pakar yang lebih rendah.

Jadual 5.109
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Konstruk Pembangunan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*
Rumusan : i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Jabatan Standarts 1	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7
Jabatan Standarts 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
MOTAC 1	0.1	0.3	0.5	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
ITC 1	0.3	0.5	0.7	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1

Pakar	**Item**																				
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**		
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																					
Purata Setiap Unsur	0.538	0.725	0.856	0.663	0.838	0.950	0.725	0.881	0.963	0.788	0.931	0.981	0.700	0.863	0.956	0.738	0.888	0.956	0.750	0.888	0.950
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.706			0.817			0.856			0.900			0.840			0.860			0.863		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.109 memaparkan proses penilaian pakar terhadap tujuh item dalam konstruk Pembangunan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* melalui pengiraan nilai *Fuzzy Triangular* iaitu m1 (minimum), m2 (pertengahan) dan m3 (maksimum), diikuti penentuan skor purata *Fuzzy* (Amax) bagi setiap item. Berdasarkan purata setiap unsur, semua item merekodkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, kebanyakannya melebihi 0.83 serta menghampiri nilai maksimum 1.0, sekali gus menunjukkan penilaian positif pakar terhadap item pembangunan yang dicadangkan. Dari segi skor *Fuzzy*, Item 4 mencatatkan nilai tertinggi iaitu 0.900, diikuti oleh Item 7 (0.863) dan Item 6 (0.860), menandakan item dalam Item 4 sebagai paling dominan dalam domain *Taḥsīniyyāt*. Sebaliknya, Item 1 merekodkan skor terendah iaitu 0.706, diikuti oleh Item 2 (0.817), yang menggambarkan tahap kepentingan relatif lebih rendah berbanding item lain serta selari dengan analisis *threshold* terdahulu yang menunjukkan item tersebut tidak mencapai kesepakatan pakar. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa majoriti item dalam konstruk Pembangunan mempunyai skor *Fuzzy* yang tinggi dan signifikan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, manakala Item 1 disarankan untuk disemak semula atau dipertimbangkan untuk digugurkan berdasarkan tahap kesepakatan yang lebih rendah.

Jadual 5.110
Penilaian Ketidakpatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Berdasarkan Analisis *Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Menyediakan lobi tambahan untuk pelbagai tujuan (Contoh: lobi pendaftaran & lobi menyambut tetamu)	0.307	43.8%	0.538	0.725	0.856	0.706	TOLAK	0.706	5
2	Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan	0.169	93.8%	0.663	0.838	0.950	0.817	TERIMA	0.944	1
3	Mempelbagaikan ruangan riadah (Contoh: gimnasium, kolam renang yang memisahkan antara lelaki dan perempuan)	0.160	93.8%	0.725	0.881	0.963	0.856	TERIMA	0.706	6

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
4	Mempelbagaikan kawalan keselamatan (Contoh: pengawal, cctv, alarm, lif & lain-lain)	0.114	93.75%	0.788	0.931	0.981	0.900	TERIMA	0.840	3
5	Menyediakan ruangan bacaan	0.170	93.75%	0.700	0.863	0.956	0.840	TERIMA	0.931	2
6	Pengudaraan dan pencahayaan yang cukup dan baik bagi keselesaan para pengguna	0.173	87.50%	0.738	0.888	0.956	0.860	TERIMA	0.823	4
7	Tidak menyediakan bilik air yang “transparent”	0.198	87.50%	0.750	0.888	0.950	0.863	TERIMA	0.640	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.110 memaparkan analisis penerimaan item bagi konstruk Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan tiga kriteria utama kaedah *Fuzzy Delphi* iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar serta nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) dan skor *Fuzzy* (A). Dapatan menunjukkan bahawa enam daripada tujuh item memenuhi syarat penerimaan dengan nilai *threshold* d ≤ 0.2 serta peratus kesepakatan pakar melebihi 75%, iaitu Item 2 hingga Item 7. Dalam kalangan item yang diterima, Item 4 mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi (0.900), menandakan aspek kawalan keselamatan sebagai item pembangunan paling kritikal menurut pakar, diikuti oleh Item 5 (penyediaan ruangan bacaan) dan Item 6 (pengudaraan serta pencahayaan yang baik) yang turut merekodkan skor *Fuzzy* tinggi. Item 2 (mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan) juga menunjukkan tahap kepentingan yang signifikan dengan skor *Fuzzy* 0.817. Sebaliknya, Item 1 (penyediaan lobi tambahan untuk pelbagai tujuan) ditolak kerana mencatatkan nilai *threshold* d = 0.307 serta peratus kesepakatan pakar hanya 43.8%, di samping memperoleh skor *Fuzzy* terendah (0.706), sekali gus menunjukkan tahap kesepakatan yang tidak memuaskan. Walaupun Item 7 (tidak menyediakan bilik air "transparent") berada pada kedudukan terakhir dalam kalangan item yang diterima, ia masih memenuhi kriteria penerimaan dengan nilai d = 0.198 dan peratus kesepakatan 87.5%. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa majoriti item pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* diterima oleh pakar, dengan keutamaan diberikan kepada aspek keselamatan, keselesaan dan kemudahan riadah berbanding penyediaan lobi tambahan yang tidak dianggap sebagai keperluan penting dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.111
Hasil Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Item Pembangunan Dalam Reka Bentuk Dalaman Hotel Patuh *Syarīʿah*

C2.	**Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan)** **Konstruk: Pembangunan**	***Ranking***	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C2.1 (DITOLAK)	Menyediakan lobi tambahan untuk pelbagai tujuan (Contoh: lobi pendaftaran & lobi menyambut tetamu)	C2.1	Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan
C2.2	Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan	C2.2	Menyediakan ruangan bacaan

C2.	Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan) Konstruk: Pembangunan	*Ranking*	Hasil Analisis *Fuzzy Delphi*
C2.3	Mempelbagaikan ruangan riadah (Contoh:gimnasium, kolam renang yang memisahkan antara lelaki dan perempuan)	C2.3	Mempelbagaikan kawalan keselamatan (Contoh: pengawal, cctv, alarm, lif & lain-lain)
C2.4	Mempelbagaikan kawalan keselamatan (Contoh: pengawal, cctv, alarm, lif & lain-lain)	C2.4	Pengudaraan dan pencahayaan yang cukup dan baik bagi keselesaan para pengguna
C2.5	Menyediakan ruangan bacaan	C2.5	Mempelbagaikan ruangan riadah (Contoh: gimnasium, kolam renang yang memisahkan antara lelaki dan perempuan)
C2.6	Pengudaraan dan pencahayaan yang cukup dan baik bagi keselesaan para pengguna	C2.6	Tidak menyediakan bilik air yang *"transparent"*
C2.7	Tidak menyediakan bilik air yang *"transparent"*		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.111 memaparkan kedudukan ranking keutamaan item Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan hasil analisis kaedah *Fuzzy Delphi* yang membandingkan susunan item asal dengan susunan baharu selepas penilaian pakar menggunakan skor *Fuzzy* dan nilai *threshold*. Dapatan menunjukkan bahawa item "Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan" berada pada kedudukan tertinggi, menandakan keutamaan terhadap penyediaan kemudahan fizikal yang menyokong kesihatan dan kesejahteraan pengguna, diikuti oleh "Menyediakan ruangan bacaan" yang menekankan kepentingan ruang intelektual dan santai dalam reka bentuk hotel patuh *Syarīʿah*. Seterusnya, "Mempelbagaikan kawalan keselamatan" dan "Pengudaraan serta pencahayaan yang baik" masing-masing berada pada kedudukan ketiga dan keempat, mencerminkan kepentingan aspek keselamatan serta keselesaan persekitaran dalaman. Item "Menyediakan lobi tambahan untuk pelbagai tujuan" pula ditolak berikutan tahap kesepakatan pakar yang rendah serta skor *Fuzzy* terendah, menunjukkan ia tidak dianggap sebagai keperluan penting dalam konteks pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*. Sementara itu, item "Mempelbagaikan ruangan riadah" dan "Tidak menyediakan bilik air yang transparent" walaupun diterima, berada pada kedudukan lebih rendah dan dilihat sebagai item pelengkap. Secara keseluruhannya,

dapatan ini mengesahkan bahawa pakar lebih mengutamakan item pembangunan yang memberi manfaat langsung kepada kesihatan, keselamatan dan keselesaan pengguna selaras dengan prinsip *Taḥsīniyyāt* dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.112
Item Bagi Pembangunan Di Bawah Domain *Taḥsīniyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C2.1	Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan
C2.2	Menyediakan ruangan bacaan
C2.3	Mempelbagaikan kawalan keselamatan (Contoh: pengawal, cctv, alarm, lif & lain-lain)
C2.4	Pengudaraan dan pencahayaan yang cukup dan baik bagi keselesaan para pengguna
C2.5	Mempelbagaikan ruangan riadah (Contoh: gimnasium, kolam renang yang memisahkan antara lelaki dan perempuan)
C2.6	Tidak menyediakan bilik air yang *"transparent"*

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan keutamaan item Pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi* yang menunjukkan tahap kepentingan relatif setiap item menurut kesepakatan pakar. Dapatan menunjukkan bahawa item "Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan" berada pada kedudukan tertinggi, menandakan aspek kesihatan fizikal dan kesejahteraan pengguna sebagai keutamaan utama dalam pembangunan dalaman hotel patuh *Syarīʿah*, diikuti oleh "Menyediakan ruangan bacaan" yang mencerminkan kepentingan ruang intelektual dan santai sebagai nilai tambah selaras dengan konsep *Taḥsīniyyāt*. Seterusnya, item "Mempelbagaikan kawalan keselamatan" dan "Pengudaraan serta pencahayaan yang cukup dan baik" masing-masing berada pada kedudukan ketiga dan keempat, menunjukkan kepentingan aspek perlindungan dan keselesaan persekitaran dalaman dalam meningkatkan pengalaman pengguna. Item "Menyediakan lobi tambahan untuk pelbagai tujuan" berada pada kedudukan kelima walaupun sebelum ini ditolak dalam analisis *threshold*, menggambarkan bahawa ia masih mempunyai nilai sokongan sebagai item pelengkap. Manakala item "Mempelbagaikan ruangan riadah" dan "Tidak menyediakan bilik air yang transparent" berada pada kedudukan lebih rendah, namun tetap relevan dalam menjaga aspek privasi dan kesopanan selaras dengan prinsip Islam. Secara

keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan item pembangunan yang memberi manfaat langsung kepada kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pengguna berbanding item struktur tambahan dalam domain *Taḥsīniyyāt*.

Konstruk: Kebersihan

Jadual 5.113 menunjukkan bahawa domain Kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berperanan sebagai item pelengkap yang penting dalam menyempurnakan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* melalui penekanan terhadap aspek kebersihan fizikal dan spiritual. Item-item yang dikenal pasti merangkumi penyediaan bilik dan persekitaran hotel yang sentiasa bersih dan terurus, kemudahan wuduk dan mandi di setiap bilik bagi memudahkan ibadah, serta kemudahan untuk proses sertu melalui penyediaan peralatan khas atau khidmat Sertu Cleaning Services. Selain itu, penubuhan unit sertu khusus, penyediaan kemudahan beristinjak yang lengkap seperti kain basahan, selipar tandas dan tong sampah mencukupi, serta pengasingan ruang mandi lelaki dan wanita turut diberi penekanan bagi menjaga kesucian, adab dan aurat pelanggan. Penyediaan panduan serta khidmat halal berkaitan kebersihan juga dilihat sebagai langkah memperkukuh ketelusan maklumat dan keyakinan tetamu terhadap komitmen hotel dalam melaksanakan prinsip *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa kebersihan bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi turut mencerminkan integriti dan profesionalisme pengurusan hotel dalam menghayati nilai Islam secara menyeluruh dalam Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.113
Item-item Dalam Konstruk Kebersihan (Domain *Taḥsīniyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Taḥsīniyyāt*)
C3.1	Kebersihan bilik & kawasan hotel	Memastikan bilik tetamu, koridor, lobi dan kawasan hotel sentiasa bersih, kemas dan terurus.	Menjaga nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) melalui persekitaran yang sihat serta imej Islamik yang baik.
C3.2	Prasarana wuduk & mandi	Menyediakan kemudahan wuduk dan mandi dalam bilik untuk memudahkan ibadah tetamu.	Menjaga agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) dengan memudahkan pelaksanaan ibadah dalam keadaan suci.
C3.3	Prasarana sertu	Menyediakan peralatan atau *Sertu Cleaning Services (SCS)* untuk proses penyucian najis berat.	Menjamin kesucian ibadah dan memelihara agama (*Ḥifẓ al-Dīn*).

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan *Maqāṣid Syarīʿah* (*Taḥsīniyyāt*)
C3.4	Penubuhan unit sertu	Menubuhkan unit khusus bagi pengurusan sertu dalam operasi hotel.	Memastikan pemantauan berterusan terhadap piawaian kebersihan Islam.
C3.5	Kemudahan beristinjak	Menyediakan kain basahan, selipar tandas dan kelengkapan lain yang sesuai.	Menjaga kebersihan diri tetamu (*Hifẓ al-Nafs*) selaras dengan tuntutan syarak.
C3.6	Kebersihan tandas & tong sampah mencukupi	Menjamin tandas sentiasa bersih dan menyediakan tong sampah yang mencukupi	

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.113 menunjukkan bahawa domain Kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berfungsi sebagai item pelengkap yang menyempurnakan identiti hotel patuh *Syarīʿah* melalui penekanan terhadap kebersihan fizikal dan spiritual. Item yang diberi tumpuan merangkumi penjagaan kebersihan bilik dan kawasan hotel, penyediaan prasarana wuduk serta kemudahan mandi dalam setiap bilik, selain kewujudan kemudahan dan unit khusus bagi pelaksanaan sertu yang mencerminkan komitmen hotel terhadap kesucian ibadah. Di samping itu, penyediaan kemudahan beristinjak, jaminan kebersihan tandas dengan tong sampah mencukupi serta pengasingan ruang mandi mengikut jantina menunjukkan keprihatinan terhadap maruah, keselesaan dan kesihatan tetamu. Penyediaan panduan serta khidmat halal berkaitan kebersihan turut memperkukuh ketelusan maklumat dan keyakinan pelanggan bahawa setiap perkhidmatan disusun selaras dengan tuntutan Islam. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa kebersihan merupakan faktor penting dalam membina imej profesional dan integriti hotel patuh *Syarīʿah*, sekali gus menyumbang kepada pengalaman penginapan yang menyeluruh dari aspek fizikal, rohani dan spiritual serta meningkatkan daya saing berbanding hotel konvensional.

5.3.6.3 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Taḥsīniyyāt

3) Konstruk: Kebersihan

Item memastikan bilik dan kawasan hotel sentiasa bersih dikenal pasti sebagai keutamaan utama oleh pakar, mencerminkan kepentingan asas kebersihan dalam

penyampaian perkhidmatan berkualiti yang selari dengan tuntutan Islam. Penyediaan prasarana wuduk dan kemudahan mandi di dalam setiap bilik turut menzahirkan keperluan memudahkan tetamu Muslim menunaikan ibadah dalam keadaan selesa dan suci, di samping kemudahan beristinjak seperti kain basahan dan selipar tandas yang menyokong penjagaan kebersihan diri menurut *Syarīʿah*. Dapatan juga menekankan penyediaan kemudahan sertu serta penubuhan unit khusus bagi menangani najis mughallazah secara sistematik, selain memastikan kebersihan tandas melalui penyediaan tong sampah yang mencukupi. Cadangan pengasingan kemudahan mandi mengikut jantina dipersetujui bagi menjaga aurat dan keselesaan pengguna, manakala penyediaan panduan serta khidmat halal mencerminkan peranan hotel sebagai pemudah cara kepada tetamu dalam mengamalkan gaya hidup halal sepanjang penginapan. Secara keseluruhannya, konstruk kebersihan memainkan peranan strategik dalam memenuhi keperluan fizikal, spiritual dan psikologi pelanggan Muslim, dengan item-item yang mencapai konsensus pakar melalui kaedah *Fuzzy Delphi* disahkan sebagai garis panduan penting dalam pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Jadual 5.114
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Kebersihan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**							
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**
Jabatan Standarts 1	6	6	6	4	5	5	4	5
Jabatan Standarts 2	7	7	6	6	7	7	7	7
HDC 1	7	5	6	6	7	7	7	7
HDC 2	7	6	6	6	6	7	5	7
HDC 3	7	7	7	7	5	7	7	7
Halal JAKIM	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	5	5	5	6	6	6	6
MOTAC 2	6	5	5	5	5	5	5	5
ITC 1	7	7	7	7	5	7	7	7
Yayasan Wakaf	7	6	6	6	6	6	6	7
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	6

Pakar	Item							
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**
JAKIM 2	7	7	6	6	7	7	6	7
JAKIM 3	6	7	6	6	7	6	7	7
Halal Centre 1	7	6	6	6	6	7	7	7
Halal Centre 2	6	7	6	6	7	7	7	7
Halal Centre 3	7	6	6	6	6	7	7	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.114 menunjukkan bahawa kesemua lapan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menerima skor penilaian yang tinggi daripada 16 orang pakar, iaitu dalam julat antara 4 hingga 7, menandakan tahap kepentingan yang signifikan dalam konteks pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 1 hingga Item 4 mencatatkan kecenderungan skor yang sangat tinggi dengan majoriti pakar memberikan skor 6 dan 7, sekali gus membuktikan bahawa aspek kebersihan asas seperti persekitaran, ruang dalaman dan kemudahan utama merupakan keutamaan dalam domain ini. Item 5 hingga Item 8 turut memperoleh skor tinggi walaupun terdapat beberapa penilaian sederhana, namun corak keseluruhan masih menunjukkan tahap penerimaan yang kukuh terhadap item kebersihan khusus seperti tandas, kawasan awam, peralatan dan pengurusan sisa. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Kebersihan mempunyai tahap kesepakatan pakar yang tinggi dan semua item adalah relevan untuk diteruskan ke peringkat analisis *Fuzzy Delphi* seterusnya bagi menentukan tahap konsensus dan keutamaan relatif dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.115
Nilai *Threshold* (d) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Kebersihan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	Item							
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**
Jabatan Standarts 1	0.095	0.035	0.016	0.508	0.240	0.307	0.555	0.316
Jabatan Standarts 2	0.057	0.129	0.016	0.045	0.153	0.086	0.127	0.077
HDC 1	0.057	0.265	0.016	0.045	0.153	0.086	0.127	0.077

Pakar	Item							
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**
HDC 2	0.057	0.035	0.016	0.045	0.031	0.086	0.265	0.077
HDC 3	0.057	0.129	0.152	0.182	0.240	0.086	0.127	0.077
Halal JAKIM	0.095	0.035	0.016	0.045	0.031	0.070	0.048	0.079
MOTAC 1	0.095	0.265	0.245	0.212	0.031	0.070	0.048	0.079
MOTAC 2	0.095	0.265	0.245	0.212	0.240	0.307	0.265	0.316
ITC 1	0.057	0.129	0.152	0.182	0.240	0.086	0.127	0.077
Yayasan Wakaf	0.057	0.035	0.016	0.045	0.031	0.070	0.048	0.077
JAKIM 1	0.057	0.129	0.152	0.182	0.153	0.086	0.127	0.079
JAKIM 2	0.057	0.129	0.016	0.045	0.153	0.086	0.048	0.077
JAKIM 3	0.095	0.129	0.016	0.045	0.153	0.070	0.127	0.077
Halal Centre 1	0.057	0.035	0.016	0.045	0.031	0.086	0.127	0.077
Halal Centre 2	0.095	0.129	0.016	0.045	0.153	0.086	0.127	0.077
Halal Centre 3	0.057	0.035	0.016	0.045	0.031	0.086	0.127	0.077
Nilai d setiap item	0.072	0.119	0.070	0.120	0.129	0.110	0.151	0.107

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.115 menunjukkan bahawa kesemua lapan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi berdasarkan nilai *threshold* (d) yang berada di bawah 0.2, iaitu dalam julat antara 0.070 hingga 0.151. Item 3 merekodkan nilai d terendah (0.070), diikuti oleh Item 1 (0.072) dan Item 2 (0.119), sekali gus mencerminkan tahap persetujuan yang sangat kukuh terhadap kepentingan item-item tersebut, manakala Item 7 mencatatkan nilai d tertinggi (0.151) namun masih berada dalam julat penerimaan. Walaupun terdapat beberapa variasi penilaian individu daripada pakar tertentu seperti Jabatan Standards dan MOTAC yang melebihi nilai ambang bagi item tertentu, purata keseluruhan setiap item kekal di bawah 0.2, menunjukkan bahawa perbezaan pandangan tidak menjejaskan konsensus kumpulan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Kebersihan diterima sepenuhnya dan relevan untuk dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel bagi domain *Taḥsīniyyāt*.

Jadual 5.116
Analisis Nilai *Threshold* (d ≤ 0.2) Bagi Item Konstruk Kebersihan

	Item							
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**
Bilangan Item d ≤ 0.2	16	16	16	15	16	14	15	14
Peratus Setiap Item d ≤ 0.2	100.0%	100.0%	100.0%	93.8%	100.0%	87.5%	93.8%	87.5%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.116 menunjukkan bahawa kesemua lapan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* mencapai tahap kesepakatan pakar yang tinggi berdasarkan nilai *threshold* d ≤ 0.2. Item 1, Item 2, Item 3 dan Item 5 mencatatkan kesepakatan penuh sebanyak 100%, menandakan persetujuan menyeluruh terhadap kerelevanan item-item tersebut dalam menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4 dan Item 7 pula memperoleh 93.8% kesepakatan, manakala Item 6 dan Item 8 mencatatkan 87.5%, yang masih melepasi tahap minimum penerimaan 75% yang ditetapkan dalam kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Kebersihan diterima tanpa sebarang pengguguran serta mempunyai kesahan kandungan yang kukuh untuk dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel bagi domain *Taḥsīniyyāt*.

Jadual 5.117
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Kebersihan

Pakar	**Item**																							
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**		
Jabatan Standarts 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 3	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	Item																							
	1			2			3			4			5			6			7			8		
Halal Centre 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Purata	0.825	0.963	1.000	0.750	0.906	0.981	0.713	0.894	0.988	0.688	0.869	0.969	0.725	0.888	0.975	0.800	0.938	0.988	0.763	0.906	0.969	0.813	0.944	0.988
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.117 memperlihatkan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) hasil penilaian 16 orang pakar terhadap lapan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Secara keseluruhannya, semua item mencatatkan nilai m2 dan m3 yang sangat tinggi, kebanyakannya melebihi 0.88 serta menghampiri nilai maksimum 1.00, menunjukkan penilaian yang amat positif terhadap kepentingan item kebersihan dalam hotel patuh *Syarīʿah*. Item 1 merekodkan nilai purata tertinggi diikuti oleh Item 8 dan Item 6, menandakan item-item tersebut dianggap paling kritikal dalam konstruk ini, manakala Item 4 mencatatkan nilai m1 terendah namun masih mengekalkan nilai m2 dan m3 yang tinggi, sekali gus mencerminkan kesepakatan pakar yang kukuh secara keseluruhan. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item kebersihan memperoleh skor *Fuzzy* yang tinggi dan mempunyai kesahan kandungan yang sangat baik untuk dimasukkan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, selaras dengan tuntutan Islam yang menitikberatkan aspek kesucian dan kebersihan dalam kehidupan seharian.

Jadual 5.118
Nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) Bagi Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Kebersihan
Rumus : $i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)$

Pakar	**Item**																							
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**		
Jabatan Standarts 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 2	0.7	0.9	1	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9
ITC 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1

Pakar	**Item**																							
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**		
JAKIM 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
JAKIM 3	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																								
Purata Setiap Unsur	0.825	0.963	1.000	0.750	0.906	0.981	0.713	0.894	0.988	0.688	0.869	0.969	0.725	0.888	0.975	0.800	0.938	0.988	0.763	0.906	0.969	0.813	0.944	0.988
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.929			0.879			0.865			0.842			0.863			0.908			0.879			0.915		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.118 memaparkan proses penilaian pakar terhadap lapan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* melalui pengiraan nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) serta skor purata *Fuzzy* (Amax). Berdasarkan nilai *Average of Fuzzy Number*, kesemua item mencatatkan skor *Fuzzy* yang sangat tinggi dalam julat antara 0.842 hingga 0.929, menunjukkan bahawa pakar secara konsisten menilai item kebersihan sebagai sangat penting dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Item 1 merekodkan skor tertinggi (0.929), diikuti oleh Item 8 (0.915) dan Item 6 (0.908), menandakan keutamaan terhadap item kebersihan asas dalam persekitaran hotel, manakala Item 4 mencatatkan skor terendah (0.842) namun masih berada pada tahap penerimaan yang tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa semua item dalam konstruk Kebersihan diterima sepenuhnya dengan tahap kesepakatan pakar yang kukuh, sekali gus membuktikan bahawa aspek kebersihan merupakan item teras dalam domain *Taḥsīniyyāt* yang signifikan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.119
Analisis Kepatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Mengikut Nilai *Threshold Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Memastikan bilik dan kawasan hotel bersih	0.072	100.0%	0.825	0.963	1.000	0.929	TERIMA	0.929	3
2	Menyediakan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik	0.119	100.0%	0.750	0.906	0.981	0.879	TERIMA	0.944	1
3	Menambah prasarana menyuci Najis (sertu) (Contoh: sertu Cleaning Services (SCS)	0.070	100.0%	0.713	0.894	0.988	0.865	TERIMA	0.706	6
4	Penubuhan unit sertu	0.120	93.75%	0.688	0.869	0.969	0.842	TERIMA	0.840	4
5	Kemudahan beristinjak, kain basahan dan selipar tandas disediakan	0.129	100.00%	0.725	0.888	0.975	0.863	TERIMA	0.931	2

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
6	Kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi dengan penyediaan tong sampah yang mencukupi	0.110	87.50%	0.800	0.938	0.988	0.908	TERIMA	0.823	5
7	Pengasingan pelbagai kemudahan mandi	0.151	93.75%	0.763	0.906	0.969	0.879	TERIMA	0.640	7
8	Menyediakan panduan/khidmat halal yang ditawarkan di hotel	0.107	87.50%	0.813	0.944	0.988	0.915	TERIMA	0.633	8

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.119 memaparkan analisis penerimaan item dalam konstruk Kebersihan bagi domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan tiga kriteria utama kaedah *Fuzzy Delphi*, iaitu nilai *threshold* (d), peratus kesepakatan pakar, serta nilai *Fuzzy Triangular* (m1, m2, m3) dan skor *Fuzzy* (A). Dapatan menunjukkan bahawa kesemua lapan item memenuhi syarat penerimaan dengan nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 dan peratus kesepakatan pakar melebihi 87.5%, sekali gus menandakan bahawa semua item kebersihan diterima sepenuhnya tanpa sebarang pengguguran. Item 2, iaitu penyediaan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik, berada pada kedudukan pertama dengan kesepakatan 100% dan skor *Fuzzy* yang tinggi, diikuti oleh Item 5 dan Item 1 yang berkaitan dengan kemudahan istinjak serta kebersihan bilik dan kawasan hotel. Item 4 dan Item 3 turut mencatatkan tahap kesepakatan yang sangat tinggi, menegaskan kepentingan pengurusan kesucian seperti penyediaan prasarana dan penubuhan unit sertu dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah*, manakala Item 7 dan Item 8 walaupun berada pada kedudukan terakhir masih diterima dengan kesepakatan melebihi 87%, menunjukkan bahawa pengasingan kemudahan mandi dan penyediaan panduan halal kekal relevan sebagai item pelengkap. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa konstruk Kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mempunyai tahap kesepakatan pakar yang tinggi dan signifikan dalam pembangunan Model MaSC-Hotel selaras dengan tuntutan *Syarīʿah*.

Jadual 5.120
Hasil Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Item Kebersihan Dalam Reka Bentuk Dalaman Hotel Patuh *Syarīʿah*

C3.	**Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan)** **Konstruk: Kebersihan**	***Ranking***	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C3.1	Memastikan bilik dan kawasan hotel bersih	C3.1	Menyediakan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik
C3.2	Menyediakan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik	C3.2	Kemudahan beristinjak, kain basahan dan selipar tandas disediakan
C3.3	Menambah prasarana menyuci Najis (sertu) (Contoh: s*ertu Cleaning Services* (SCS)	C3.3	Memastikan bilik dan kawasan hotel bersih
C3.4	Penubuhan unit sertu	C3.4	Penubuhan unit sertu

C3.	Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan) Konstruk: Kebersihan	*Ranking*	Hasil Analisis *Fuzzy Delphi*
C3.5	Kemudahan beristinjak, kain basahan dan selipar tandas disediakan	C3.5	Kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi dengan penyediaan tong sampah yang mencukupi
C3.6	Kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi dengan penyediaan tong sampah yang mencukupi	C3.6	Menambah prasarana menyuci Najis (sertu) (Contoh: s*ertu Cleaning Services* (SCS)
C3.7	Pengasingan pelbagai kemudahan mandi	C3.7	Pengasingan pelbagai kemudahan mandi
C3.8	Menyediakan panduan/khidmat halal yang ditawarkan di hotel	C3.8	Menyediakan panduan/khidmat halal yang ditawarkan di hotel

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.120 memaparkan susunan keutamaan item Kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi* yang mengambil kira skor *Fuzzy* dan nilai *threshold* selepas penilaian pakar. Dapatan menunjukkan bahawa item penyediaan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik berada pada kedudukan tertinggi, menandakan kemudahan bersuci sebagai keutamaan utama dalam kebersihan hotel patuh *Syarīʿah* selaras dengan prinsip ṭahārah dalam Islam. Ini diikuti oleh penyediaan kemudahan beristinjak seperti kain basahan dan selipar tandas di kedudukan kedua, manakala item memastikan kebersihan bilik dan kawasan hotel berada pada kedudukan ketiga. Seterusnya, penubuhan unit sertu dan kebersihan ruangan tandas dengan penyediaan tong sampah mencukupi masing-masing berada pada kedudukan keempat dan kelima, diikuti oleh penambahan prasarana menyuci najis (sertu) di kedudukan keenam. Item pengasingan kemudahan mandi serta penyediaan panduan atau khidmat halal berada pada kedudukan ketujuh dan kelapan, namun masih diterima sebagai komponen relevan dalam memastikan kepatuhan *Syarīʿah* secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan item kebersihan yang berkait langsung dengan amalan ibadah dan kesucian berbanding item sokongan, sekali gus menegaskan bahawa konsep kebersihan dalam hotel patuh *Syarīʿah* merangkumi dimensi fizikal dan spiritual secara bersepadu dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

Jadual 5.121
Item Bagi Kebersihan Di Bawah Domain *Taḥsīniyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C3.1	Menyediakan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik
C3.2	Kemudahan beristinjak, kain basahan dan selipar tandas disediakan
C3.3	Memastikan bilik dan kawasan hotel bersih
C3.4	Penubuhan unit sertu
C3.5	Kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi dengan penyediaan tong sampah yang mencukupi
C3.6	Menambah prasarana menyuci Najis (sertu) (Contoh: s*ertu Cleaning Services* (SCS)
C3.7	Pengasingan pelbagai kemudahan mandi
C3.8	Menyediakan panduan/khidmat halal yang ditawarkan di hotel

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini memaparkan susunan keutamaan item Kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi* yang mencerminkan tahap kepentingan relatif setiap item menurut kesepakatan pakar dalam konteks reka bentuk dalaman hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan menunjukkan bahawa penyediaan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik (C3.1) berada pada kedudukan tertinggi, diikuti oleh kemudahan beristinjak seperti kain basahan dan selipar tandas (C3.2), manakala memastikan kebersihan bilik dan kawasan hotel (C3.3) berada pada kedudukan ketiga, menandakan keutamaan terhadap kemudahan bersuci berbanding kebersihan umum. Seterusnya, penubuhan unit sertu (C3.4) dan kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi tong sampah mencukupi (C3.5) masing-masing berada pada kedudukan keempat dan kelima, diikuti oleh penambahan prasarana menyuci najis (C3.6) serta pengasingan kemudahan mandi (C3.7). Item penyediaan panduan atau khidmat halal (C3.8) berada pada kedudukan terakhir namun masih diterima sebagai komponen sokongan dalam memperkukuh kefahaman pengguna terhadap perkhidmatan patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa pakar lebih mengutamakan item kebersihan yang berkait secara langsung dengan kesucian diri dan pelaksanaan ibadah, sekali gus menunjukkan bahawa konsep kebersihan dalam hotel patuh *Syarīʿah* merangkumi dimensi fizikal dan spiritual secara bersepadu dalam pembangunan Model MaSC-Hotel.

4) Konstruk: Keselamatan

Dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, konstruk Keselamatan dikenal pasti sebagai item penting dalam domain *Taḥsīniyyāt* yang berperanan melengkapkan kesejahteraan fizikal, psikologi dan emosi pelanggan Muslim sepanjang tempoh penginapan. Aspek keselamatan dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja merangkumi perlindungan daripada risiko fizikal seperti kebakaran atau kecurian, tetapi turut melibatkan pemeliharaan maruah, aurat dan privasi pelanggan. Antara item utama yang dikenal pasti termasuk penyediaan kotak keselamatan di setiap bilik dan bilik kebal khas bagi menyimpan barangan berharga, rondaan berkala oleh pegawai keselamatan, serta penggunaan sistem kawalan pintu masuk berteknologi seperti kad akses atau biometrik. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) turut digalakkan secara strategik tanpa menjejaskan privasi tetamu, di samping penyediaan sistem keselamatan kecemasan seperti pengesan asap, penggera kebakaran serta laluan keluar kecemasan yang jelas dan mudah diakses. Kehadiran pegawai keselamatan wanita juga dilihat signifikan dalam mengurus isu yang melibatkan tetamu wanita secara lebih profesional dan berhemah. Secara keseluruhannya, konstruk Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menegaskan bahawa persekitaran penginapan yang selamat perlu dibina bukan sahaja bagi perlindungan fizikal, tetapi juga untuk menjamin ketenangan emosi dan spiritual tetamu, seterusnya meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap integriti hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.122
Item-item Dalam Konstruk Keselamatan (Domain *Taḥsīniyyāt*) Bagi Model MaSC-Hotel

Kod	Item Utama	Penerangan	Kaitan dengan ***Maqāṣid Syarīʿah* (*Taḥsīniyyāt*)**
C4.1	Kotak keselamatan di bilik	Menyediakan *safe box* dalam setiap bilik untuk simpanan barangan berharga tetamu.	Menjaga harta (*Ḥifẓ al-Māl*) serta memberi ketenangan jiwa (*Ḥifẓ al-Nafs*).
C4.2	Bilik kebal simpanan khas	Menyediakan bilik kebal untuk barangan bernilai tinggi tetamu.	Perlindungan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) pada tahap lebih tinggi.
C4.3	Rondaan keselamatan berkala	Melaksanakan rondaan berkala oleh pegawai keselamatan di kawasan hotel.	Melindungi nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) dan meningkatkan keyakinan tetamu.
C4.4	Kawalan pintu masuk pelbagai	Menggunakan sistem keselamatan seperti kad akses, biometrik, atau kawalan digital untuk akses bilik & ruang hotel.	Menjamin keselamatan tetamu (*Ḥifẓ al-Nafs*) serta privasi (*ḥifz al-ʿird*).
C4.5	CCTV strategik & beretika	Memasang kamera litar tertutup di kawasan strategik tanpa menjejaskan privasi tetamu.	Mencegah jenayah sambil menjaga maruah (*ḥifz al-ʿird*).
C4.6	*Smoke detector*	Menyediakan pengesan asap di bilik dan kawasan umum hotel.	Pencegahan awal risiko kebakaran demi menjaga nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*).
C4.7	*Fire alarm*	Menyediakan sistem penggera kebakaran yang cekap dan mudah diakses.	Melindungi nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) melalui respons kecemasan segera.
C4.8	*Emergency lift* & laluan keluar	Menyediakan lif kecemasan serta laluan keluar (*exit pathway*) yang jelas dan selamat.	Memberi perlindungan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) ketika kecemasan.
C4.9	Pegawai keselamatan wanita	Kehadiran pegawai keselamatan wanita untuk menangani kes yang melibatkan tetamu wanita.	Menjaga maruah (*ḥifz al-ʿird*) dengan pendekatan sopan dan berhemah.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.122 menunjukkan bahawa konstruk Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menekankan perlindungan menyeluruh yang merangkumi aspek fizikal, psikologi dan privasi tetamu bagi meningkatkan kualiti pengalaman penginapan di hotel patuh *Syarīʿah*. Item seperti penyediaan kotak keselamatan di bilik dan bilik kebal simpanan khas berperanan menjamin keselamatan harta tetamu, manakala rondaan keselamatan berkala serta pelaksanaan kawalan akses memastikan persekitaran hotel sentiasa terkawal. Pemasangan CCTV secara strategik turut membantu mencegah risiko jenayah tanpa menjejaskan privasi pelanggan. Dari sudut pencegahan kecemasan,

penyediaan pengesan asap, penggera kebakaran serta laluan kecemasan mencerminkan komitmen hotel dalam melindungi nyawa tetamu, sementara kehadiran pegawai keselamatan wanita menambah nilai dalam menangani isu yang melibatkan tetamu wanita secara lebih berhemah selaras dengan prinsip pemeliharaan maruah (ḥifẓ al-ʻird). Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa keselamatan bukan sekadar item teknikal, tetapi sebahagian daripada tuntutan *Syarīʿah* yang memperkukuh kepercayaan pelanggan, menjamin ketenangan sepanjang penginapan serta menyokong kelancaran ibadah, sekali gus menjadi komponen penting dalam pembentukan Model MaSC-Hotel yang komprehensif dan berteraskan nilai Islam.

5.3.6.4 Penilaian dan Penyaringan Item Model Melalui Kaedah Fuzzy Delphi: Domain Taḥsīniyyāt

4) Konstruk: Keselamatan

Dapatan menunjukkan bahawa item yang menerima sokongan tertinggi ialah penyediaan kotak keselamatan di setiap bilik, mencerminkan keperluan asas tetamu terhadap jaminan keselamatan barangan peribadi sepanjang penginapan, diikuti oleh penyediaan bilik kebal bagi barangan berharga yang meningkatkan kredibiliti hotel serta keyakinan pelanggan korporat dan antarabangsa. Rondaan keselamatan berkala turut dikenal pasti sebagai mekanisme penting dalam memastikan kawalan fizikal yang berterusan dan mencegah kejadian tidak diingini, manakala penggunaan CCTV membantu pemantauan berpusat di kawasan kritikal hotel. Pelaksanaan kawalan akses melalui kad khas, pintu automatik dan sistem had kemasukan pula menggambarkan pengurusan keselamatan yang sistematik, disokong oleh penyediaan pengesan asap dan penggera kebakaran sebagai langkah awal menghadapi kecemasan serta pematuhan terhadap standard keselamatan moden. Selain itu, penyediaan laluan kecemasan, lif keselamatan dan kehadiran pegawai keselamatan wanita dinilai sebagai item menyeluruh dalam menjaga kebajikan serta keselesaan tetamu wanita selaras dengan prinsip Islam. Secara keseluruhannya, analisis ini mengesahkan bahawa konstruk Keselamatan merupakan komponen asas dalam mewujudkan persekitaran hotel patuh *Syarīʿah* yang diyakini, dengan item-item yang disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* berdasarkan nilai *threshold* ($d \leq 0.2$), persetujuan $\geq 75\%$ dan skor *Fuzzy* yang melebihi min sebagai garis panduan strategik dalam penyediaan perkhidmatan hospitaliti Islam.

Jadual 5.123
Skor Penilaian Pakar Terhadap Item Konstruk Keselamatan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*

Pakar	**Item**								
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**
Jabatan Standarts 1	6	6	6	7	7	7	7	7	7
Jabatan Standarts 2	7	7	7	6	7	7	7	7	7
HDC 1	7	6	7	7	7	7	7	7	7
HDC 2	6	7	7	7	7	7	7	7	6
HDC 3	7	7	7	7	7	7	7	7	7
Halal JAKIM	4	6	6	6	6	6	6	6	6
MOTAC 1	6	6	6	6	6	6	6	6	7
MOTAC 2	5	5	5	5	5	5	5	4	7
ITC 1	7	5	7	7	7	7	7	7	7
Yayasan Wakaf	7	5	4	5	7	7	7	7	
JAKIM 1	7	7	7	7	7	7	7	7	7
JAKIM 2	6	6	6	7	7	7	7	7	6
JAKIM 3	6	6	6	7	7	7	7	7	7
Halal Centre 1	6	6	6	7	7	7	7	6	7
Halal Centre 2	6	6	6	7	7	7	6	7	7
Halal Centre 3	6	6	6	7	7	6	7	7	7

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.123 menunjukkan bahawa penilaian 16 orang pakar terhadap sembilan item dalam konstruk Keselamatan bagi domain *Taḥsīniyyāt* berada pada tahap yang sangat tinggi, dengan skor dalam julat 4 hingga 7 dan majoritinya tertumpu pada nilai 6 dan 7, sekali gus menandakan bahawa aspek keselamatan dianggap amat penting dalam reka bentuk dalaman hotel patuh *Syarīʿah*. Item 4 hingga Item 7 mencatatkan skor paling konsisten tinggi apabila kebanyakan pakar memberikan skor maksimum, mencerminkan keutamaan terhadap item keselamatan fizikal seperti perlindungan pengguna, kawalan akses dan pencegahan risiko, manakala Item 1 hingga Item 3 turut memperoleh skor tinggi walaupun terdapat beberapa penilaian sederhana daripada wakil Halal JAKIM dan MOTAC, namun masih menunjukkan tahap penerimaan yang

kukuh. Selain itu, Item 9 juga mencatatkan skor yang sangat tinggi dengan majoriti pakar memberikan skor 7, menandakan kepentingannya sebagai antara item keselamatan utama dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa konstruk Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mencapai tahap kesepakatan pakar yang sangat tinggi dan kesemua item adalah sesuai untuk diteruskan ke peringkat analisis *Fuzzy Delphi* bagi menentukan tahap konsensus serta keutamaan relatif dalam pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.124
Bilangan dan Peratusan Item Konstruk Keselamatan Yang Mencapai Konsensus Pakar ($d \leq 0.2$)

	ITEM								
	1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	**7**	**8**	**9**
Bilangan Item $d \leq 0.2$	15	16	15	14	15	15	15	15	16
Peratus Setiap Item $d \leq 0.2$	93.8%	100.0%	93.8%	87.5%	93.8%	93.8%	93.8%	93.8%	100.0%

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.124 menunjukkan bahawa tahap kesepakatan pakar terhadap sembilan item dalam konstruk Keselamatan bagi domain *Taḥsīniyyāt* adalah sangat tinggi berdasarkan kriteria penerimaan kaedah *Fuzzy Delphi*, apabila Item 2 dan Item 9 masing-masing mencapai 100% persetujuan dengan kesemua 16 pakar memberikan nilai *threshold* $d \leq 0.2$, manakala Item 1, 3, 5, 6, 7 dan 8 mencatatkan 93.8% kesepakatan, dan Item 4 walaupun memperoleh peratus terendah iaitu 87.5%, masih melepasi tahap minimum 75% yang disyaratkan; secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa kesemua item keselamatan diterima tanpa sebarang pengguguran, sekali gus membuktikan bahawa konstruk Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mempunyai kesahan kandungan yang kukuh dan sesuai digunakan dalam pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah* dalam kajian ini.

Jadual 5.125
Proses Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Konstruk Kesealamatan Dalam Domain *Taḥsīniyyāt*
Rumus: i.A_{max} = 1/3 * (m_1 + m2 + m3)

Pakar	**Item**																											
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**		
Jabatan Standarts 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Jabatan Standarts 2	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
HDC 2	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
HDC 3	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal JAKIM	0.3	0.5	0.7	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1
MOTAC 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
MOTAC 2	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.9	1	1
ITC 1	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Yayasan Wakaf	0.9	1	1	0.5	0.7	0.9	0.3	0.5	0.7	0.5	0.7	0.9	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
JAKIM 1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1

Pakar	**Item**																											
	1			**2**			**3**			**4**			**5**			**6**			**7**			**8**			**9**		
JAKIM 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1
JAKIM 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1
Halal Centre 2	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Halal Centre 3	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.7	0.9	1	0.9	1	1	0.9	1	1	0.9	1	1
Fuzzy Evaluation Process																												
Purata Setiap Unsur	0.738	0.900	0.975	0.713	0.888	0.981	0.738	0.900	0.975	0.813	0.944	0.988	0.850	0.969	0.994	0.838	0.963	0.994	0.838	0.963	0.994	0.825	0.950	0.981	0.863	0.981	1.000
	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3	m1	m2	m3
Average of Fuzzy Number (Skor *Fuzzy*)	0.871			0.860			0.871			0.915			0.938			0.931			0.931			0.919			0.948		

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.125 menunjukkan bahawa kesemua sembilan item dalam konstruk Keselamatan bagi domain *Taḥsīniyyāt* yang dinilai melalui kaedah *Fuzzy Delphi* mencatatkan nilai m2 dan m3 yang sangat tinggi, kebanyakannya melebihi 0.88 serta menghampiri nilai maksimum 1.00, sekali gus mencerminkan penilaian pakar yang amat positif terhadap item keselamatan dalam hotel patuh *Syarīʿah*; dari segi skor *Fuzzy*, Item 9 merekodkan nilai tertinggi (0.948), diikuti oleh Item 5 (0.938), Item 6 dan Item 7 (0.931), manakala Item 4 memperoleh 0.915 dan Item 1 serta Item 3 masing-masing mencatatkan 0.871, sementara Item 2 walaupun merekodkan skor terendah (0.860) masih berada pada tahap kepentingan yang tinggi dan memenuhi kriteria penerimaan, sekali gus mengesahkan bahawa semua item keselamatan diterima dengan tahap kesepakatan pakar yang kukuh serta signifikan dalam menyokong pembangunan Model Hotel Patuh *Syarīʿah* dari aspek perlindungan, kesejahteraan dan keyakinan pengguna.

Jadual 5.126
Analisis Kepatuhan Item Hotel Patuh *Syarīʿah* Berdasarkan Analisis *Fuzzy Delphi*

Bil	**Item / Item**	**Syarat *Triangular Fuzzy Numbers***		**Syarat *Fuzzy Evaluation Process***				**Kesepakatan Pakar**	**Item DITERIMA**	***Ranking***
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
1	Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik	0.119	93.8%	0.738	0.900	0.975	0.871	TERIMA	0.871	4
2	Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga	0.097	100.0%	0.713	0.888	0.981	0.860	TERIMA	0.944	1
3	Rondaan berkala bertujuan penjaga keselamatan	0.119	93.8%	0.738	0.900	0.975	0.871	TERIMA	0.706	7
4	Mempelbagaikan kawalan pintu masuk	0.107	87.50%	0.813	0.944	0.988	0.915	TERIMA	0.840	5
5	Menyediakan CCTV	0.071	93.75%	0.850	0.969	0.994	0.938	TERIMA	0.931	3
6	Alat pengesan asap *(smoke detector)*	0.080	93.75%	0.838	0.963	0.994	0.931	TERIMA	0.823	6

Bil	Item / Item	Syarat *Triangular Fuzzy Numbers*		Syarat *Fuzzy Evaluation Process*				Kesepakatan Pakar	Item DITERIMA	*Ranking*
		Nilai *Threshold*, d	**Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %**	**m1**	**m2**	**m3**	**Skor *Fuzzy (A)***			
7	Menyediakan *fire alarm*	0.080	93.75%	0.838	0.963	0.994	0.931	TERIMA	0.640	8
8	Menyediakan *emergency lift*/ lalaun keluar	0.107	93.75%	0.825	0.950	0.981	0.919	TERIMA	0.633	9
9	Mempunyai pegawai keselamatan wanita	0.047	100.00%	0.863	0.981	1.000	0.948	TERIMA	0.938	2

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.126 menunjukkan bahawa kesemua sembilan item dalam konstruk Keselamatan bagi domain *Taḥsīniyyāt* memenuhi kriteria penerimaan kaedah *Fuzzy Delphi* dengan nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 serta peratus kesepakatan pakar melebihi 87.5%, sekali gus mengesahkan bahawa semua item keselamatan yang dicadangkan adalah relevan dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah*; item "Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga" berada pada kedudukan pertama dengan kesepakatan 100% dan skor *Fuzzy* 0.860, diikuti oleh "Mempunyai pegawai keselamatan wanita" pada kedudukan kedua yang mencatatkan skor *Fuzzy* tertinggi (0.948) serta kesepakatan penuh, manakala "Menyediakan CCTV" dan "Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik" masing-masing berada pada kedudukan ketiga dan keempat yang menekankan kepentingan pemantauan berterusan dan perlindungan peribadi; item berkaitan sistem kecemasan seperti smoke detector, fire alarm dan emergency lift/laluan keluar turut diterima dengan skor *Fuzzy* yang tinggi walaupun berada pada kedudukan pertengahan hingga bawah, sementara "Rondaan berkala oleh penjaga keselamatan" berada pada kedudukan ketujuh dengan kesepakatan 93.8%, menunjukkan bahawa kawalan fizikal manual masih relevan sebagai pelengkap kepada sistem keselamatan berteknologi, sekali gus mengesahkan bahawa konstruk Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mempunyai tahap kesahan kandungan yang kukuh dengan keutamaan diberikan kepada perlindungan harta, sensitiviti gender dan pemantauan teknologi.

Jadual 5.127
Hasil Penilaian *Fuzzy Delphi* Bagi Item Keselamatan Dalam Reka Bentuk Dalaman Hotel Patuh *Syarīʿah*

C4.	**Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan)** **Konstruk: Keselamatan**	***Ranking***	**Hasil *Fuzzy Delphi***
C4.1	Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik	C4.1	Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga
C4.2	Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga	C4.2	Mempunyai pegawai keselamatan wanita
C4.3	Rondaan berkala bertujuan penjaga keselamatan	C4.3	Menyediakan CCTV
C4.4	Mempelbagaikan kawalan pintu masuk	C4.4	Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik

C4.	Domain: *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan) Konstruk: Keselamatan	*Ranking*	Hasil *Fuzzy Delphi*
C4.5	Menyediakan CCTV	C4.5	Mempelbagaikan kawalan pintu masuk
C4.6	Menyediakan *smoke detector*	C4.6	Menyediakan *smoke detector*
C4.7	Menyediakan *fire alarm*	C4.7	Rondaan berkala bertujuan penjaga keselamatan
C4.8	Menyediakan *emergency lift*/ lalaun keluar	C4.8	Menyediakan *fire alarm*
C4.9	Mempunyai pegawai keselamatan wanita	C4.9	Menyediakan *emergency lift*/ lalaun keluar

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 5.127 memperlihatkan kedudukan akhir item Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi*, di mana "Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga" berada pada kedudukan pertama, menegaskan bahawa perlindungan harta tetamu merupakan keutamaan utama dalam keselamatan hotel patuh *Syarīʿah*, diikuti oleh "Mempunyai pegawai keselamatan wanita" pada kedudukan kedua yang mencerminkan kepentingan sensitiviti gender serta penjagaan privasi tetamu wanita selaras dengan prinsip *Syarīʿah*, manakala "Menyediakan CCTV" berada pada kedudukan ketiga sebagai item pemantauan berterusan berasaskan teknologi; seterusnya, "Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik" dan "Mempelbagaikan kawalan pintu masuk" masing-masing berada pada kedudukan keempat dan kelima yang menekankan kawalan akses serta perlindungan individu, diikuti oleh item sokongan seperti penyediaan smoke detector, rondaan berkala oleh penjaga keselamatan, fire alarm serta emergency lift atau laluan keluar pada kedudukan keenam hingga kesembilan yang walaupun berkedudukan lebih rendah tetap diterima sebagai komponen penting dalam kesiapsiagaan kecemasan, sekali gus menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan perlindungan harta, sensitiviti gender dan pemantauan teknologi sebagai strategi keselamatan utama dalam pembentukan model reka bentuk dalaman hotel patuh *Syarīʿah* yang holistik dan berteraskan kesejahteraan pengguna.

Jadual 5.128
Item Bagi Keselamatan Di Bawah Domain *Taḥsīniyyāt*

Ranking	**Hasil Analisis *Fuzzy Delphi***
C4.1	Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga
C4.2	Mempunyai pegawai keselamatan wanita
C4.3	Menyediakan CCTV
C4.4	Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik
C4.5	Mempelbagaikan kawalan pintu masuk
C4.6	Menyediakan *smoke detector*
C4.7	Rondaan berkala bertujuan penjaga keselamatan
C4.8	Menyediakan *fire alarm*
C4.9	Menyediakan *emergency lift*/ lalaun keluar

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual ini menunjukkan susunan keutamaan item Keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* berdasarkan analisis *Fuzzy Delphi*, di mana "Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga" (C4.1) berada pada kedudukan tertinggi, menandakan perlindungan harta tetamu sebagai keutamaan utama dalam persekitaran hotel patuh *Syarīʿah*, diikuti oleh "Mempunyai pegawai keselamatan wanita" (C4.2) yang mencerminkan kepentingan keselamatan berasaskan sensitiviti jantina bagi menjaga aurat, privasi dan keselesaan tetamu wanita; seterusnya, "Menyediakan CCTV" (C4.3) menonjol sebagai komponen penting dalam pemantauan berterusan berasaskan teknologi, manakala "Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik" (C4.4) dan "Mempelbagaikan kawalan pintu masuk" (C4.5) menekankan kawalan individu serta akses fizikal sebagai langkah keselamatan asas; item lain seperti penyediaan smoke detector (C4.6), rondaan berkala oleh penjaga keselamatan (C4.7), fire alarm (C4.8) dan emergency lift atau laluan keluar (C4.9) walaupun berada pada kedudukan lebih rendah, tetap diterima sebagai komponen penting dalam pengurusan risiko dan kesiapsiagaan kecemasan, sekali gus menunjukkan bahawa pakar lebih mengutamakan perlindungan harta, sensitiviti gender dan pemantauan teknologi berbanding item operasi sebagai pelengkap dalam membentuk sistem keselamatan hotel patuh *Syarīʿah* yang komprehensif.

5.3.6.5 Rumusan Analisis Domain Taḥsīniyyāt

Rumusan analisis terhadap domain *Taḥsīniyyāt* dalam Model MaSC-Hotel menunjukkan bahawa walaupun item-item dalam kategori ini bersifat pelengkap dan tidak diwajibkan seperti *Ḍarūriyyāt* dan *Ḥājiyyāt*, namun peranannya amat signifikan dalam membentuk suasana penginapan yang harmoni, beretika dan berjiwa Islam melalui penekanan terhadap aspek keindahan, keselesaan, adab serta kemudahan tambahan yang memperkaya pengalaman pelanggan Muslim sepanjang penginapan; dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, *Taḥsīniyyāt* berfungsi memperkukuh nilai spiritual, estetika dan budaya Islam dalam perkhidmatan hospitaliti, sekali gus menjadikan hotel bukan sekadar tempat bermalam tetapi juga sebagai ruang yang mendidik akhlak, menenangkan jiwa dan menyemai nilai kesempurnaan Islam dalam kehidupan seharian, di mana melalui pendekatan *Fuzzy Delphi* dan penilaian kebolehgunaan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT), konstruk ini telah diperincikan kepada Domain Utama seperti Perhiasan yang menumpukan kepada reka bentuk dan hiasan dalaman berasaskan nilai Islam, Pembangunan yang memberi perhatian kepada kelengkapan fizikal termasuk kemudahan mesra OKU dan kawalan keselamatan, Kebersihan yang menekankan pematuhan terhadap tuntutan syarak seperti penyediaan bahan sertu dan kemudahan wuduk, serta Keselamatan yang memastikan perlindungan fizikal, mental dan spiritual pelanggan dilaksanakan secara beretika dan mesra *Syarīʿah*; kesemua item ini secara kolektif memperkukuh identiti hotel sebagai institusi perkhidmatan yang menjunjung prinsip *Syarīʿah* serta menzahirkan keseimbangan antara aspek rohani dan jasmani di samping memberi nilai tambah dalam meningkatkan profesionalisme perkhidmatan, membina kepercayaan pelanggan dan memperkukuh imej serta reputasi hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat tempatan dan antarabangsa, justeru meskipun bersifat pelengkap, domain *Taḥsīniyyāt* wajar diberikan perhatian serius dalam reka bentuk dan pembangunan model kerana ia berperanan sebagai pemangkin kepada pelaksanaan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh serta sebagai medium dakwah yang mencerminkan kesempurnaan Islam dalam konteks industri hospitaliti moden.

5.3.7 Rumusan Fasa II: Reka Bentuk & Pembangunan Model

Fasa II kajian ini telah menyempurnakan proses reka bentuk dan pembangunan awal Model MaSC-Hotel berteraskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* melalui penggunaan

Fuzzy Delphi Method (FDM) yang terbukti berkesan dalam memperoleh konsensus pakar secara sistematik dan objektif bagi menilai kesesuaian serta kepentingan setiap item dalam model yang dicadangkan, di mana hanya item yang memenuhi tiga kriteria utama iaitu nilai ambang (*threshold*, $d \leq 0.2$), tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus serta purata skor *Fuzzy* yang melebihi nilai min dikekalkan sebagai komponen sah dalam pembangunan model; melalui pelaksanaan kaedah ini, kajian berjaya mengenal pasti dan mengesahkan Domain Utama dalam ketiga-tiga kategori *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* yang secara kolektif membentuk asas konseptual dan operasional model bagi memastikan keseimbangan antara pematuhan *Syarīʿah*, keperluan industri serta kesejahteraan pelanggan Muslim, di mana domain *Ḍarūriyyāt* merangkumi lima keutamaan utama iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-Nasl* dan *ḥifẓ al-māl* yang dizahirkan melalui item seperti penyediaan kemudahan solat, penyajian makanan halal, larangan arak, langkah keselamatan menyeluruh serta perlindungan privasi tetamu; manakala domain *Ḥājiyyāt* pula menumpukan kepada strategi pemasaran patuh *Syarīʿah*, halal ekosistem, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana bagi memastikan operasi hotel dilaksanakan secara telus, beretika dan mesra pelanggan; seterusnya domain *Taḥsīniyyāt* merangkumi aspek kebersihan, keselamatan, perhiasan dan pembangunan yang memperkayakan pengalaman penginapan melalui penyediaan kemudahan bersuci, perlindungan fizikal dan psikologi, hiasan dalaman bercirikan Islamik serta persekitaran yang menjaga aurat dan keharmonian suasana; secara keseluruhannya, Fasa II telah berjaya mengukuhkan asas konseptual Model MaSC-Hotel dengan menyepadukan ketiga-tiga dimensi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam satu rangka kerja pembangunan yang menyeluruh, seimbang dan praktikal, sekali gus membuktikan bahawa pembinaan model ini memerlukan integrasi holistik antara perlindungan asas *Ḍarūriyyāt*, keperluan pelengkap *Ḥājiyyāt* dan item penyempurna *Taḥsīniyyāt* bagi menjamin pengalaman penginapan Muslim yang selesa, selamat, sejahtera dan selari dengan prinsip Islam dalam konteks industri hospitaliti di Malaysia dan peringkat antarabangsa.



Rajah 5.1 Struktur Prototaip Model MaSC-Hotel Berdasarkan Domain *Maqāṣid Syarīʿah*

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah ini memperlihatkan struktur prototaip Model MaSC-Hotel yang dibangunkan berasaskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* melalui penyepaduan tiga domain utama iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* yang masing-masing mengandungi item kritikal bagi memastikan perkhidmatan hotel dilaksanakan secara menyeluruh dan selari dengan prinsip *Syarīʿah*, di mana domain *Ḍarūriyyāt* menekankan pemeliharaan lima keperluan asas (al-*Ḍarūriyyāt* al-Khams) iaitu *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, *Ḥifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-'Irḍ* dan *Ḥifẓ al-Māl* sebagai tunjang kepada operasi hotel yang bebas daripada unsur bercanggah dengan *Syarīʿah* serta menyokong pelaksanaan tuntutan agama, manakala domain *Ḥājiyyāt* merangkumi strategi pemasaran patuh *Syarīʿah*, halal ekosistem, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana yang berfungsi sebagai item pelengkap bagi memudah dan mempertingkat keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan hotel dalam konteks industri hospitaliti moden, sementara domain *Taḥsīniyyāt* pula meliputi aspek kebersihan, keselamatan, perhiasan serta pembangunan fasiliti yang memberikan nilai tambah dari segi estetika, keselesaan dan perlindungan kepada pelanggan; secara keseluruhannya, struktur prototaip model ini menegaskan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya bergantung kepada pematuhan asas, bahkan turut merangkumi dimensi pengurusan, kemudahan sokongan

dan penambahbaikan pengalaman pelanggan, sekali gus menjadikan Model MaSC-Hotel sebagai kerangka yang komprehensif, praktikal dan sesuai diaplikasikan dalam industri perhotelan Islam di Malaysia berasaskan konsensus pakar.



Rajah 5.2 Prototaip Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah ini memperlihatkan prototaip Model MaSC-Hotel yang dibangunkan berasaskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* melalui penyepaduan tiga domain utama iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* yang merangkumi konstruk serta item penting hasil konsensus pakar menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, di mana domain *Ḍarūriyyāt* mengandungi lima Domain Utama iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai keperluan asas yang wajib dipelihara melalui penyediaan kemudahan solat, makanan halal, polisi larangan arak, perlindungan privasi serta sistem keselamatan menyeluruh, manakala domain *Ḥājiyyāt* melibatkan strategi pemasaran patuh *Syarīʿah*, halal ekosistem, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana yang berfungsi sebagai keperluan pelengkap melalui promosi beretika, pensijilan halal, budaya kerja berintegriti dan pengurusan fasiliti yang mesra pengguna, sementara domain *Taḥsīniyyāt* pula merangkumi kebersihan, keselamatan, perhiasan dan pembangunan sebagai item penyempurna yang meningkatkan suasana harmoni melalui pemeliharaan kebersihan berasaskan *Syarīʿah*, perlindungan fizikal dan spiritual, hiasan bercirikan Islam serta pembangunan kemudahan tambahan yang

mematuhi syarak; secara keseluruhannya, integrasi ketiga-tiga domain ini membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel dibangunkan secara holistik bagi memastikan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja memenuhi tuntutan asas, malah melengkapkan keperluan pelanggan melalui aspek pelengkap dan penyempurna, sekali gus menyediakan panduan yang praktikal kepada pengusaha hotel dalam membangunkan perkhidmatan yang selesa, selamat dan selari dengan prinsip Islam.

5.4 Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan

Fasa III kajian ini memfokuskan kepada penilaian tahap kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang dibangunkan berteraskan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* bagi memastikan model tersebut bukan sahaja sah dari sudut konseptual, tetapi juga praktikal dan relevan untuk diaplikasikan dalam konteks sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia. Penilaian ini dilaksanakan bagi menilai kesesuaian, kefungsian serta keberkesanan model dalam menyokong amalan pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh melalui penglibatan panel pakar yang berbeza daripada fasa terdahulu, dengan menggunakan pendekatan sistematik berasaskan bukti untuk menilai konstruk, domain dan susunan keutamaan item dalam model. Maklum balas yang diperoleh dimanfaatkan bagi menilai tahap kebolehlaksanaan model dalam persekitaran operasi sebenar serta mengenal pasti keperluan penambahbaikan dari aspek struktur, kandungan dan mekanisme pelaksanaan. Selain itu, penilaian kebolehgunaan dalam Fasa III turut berperanan sebagai proses verifikasi akhir terhadap integrasi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam model yang dibangunkan, sekali gus mengesahkan kesepadanan antara asas teori dan aplikasi praktikal, di samping menilai tahap penerimaan pakar dari sudut kebolehgunaan, keberkesanan operasional serta potensi model untuk dijadikan rujukan standard dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*; seterusnya mengukuhkan kesahihan dan keutuhan Model MaSC-Hotel sebagai instrumen pembangunan dan penilaian dalam ekosistem hospitaliti Islam yang mampan serta berteraskan nilai.

5.4.1 Penilaian Kebolehgunaan Domain Utama Model

Penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan pandangan pakar daripada pelbagai disiplin seperti *Syarīʿah*, hospitaliti dan pengurusan industri bagi memastikan model yang dibangunkan bersifat

praktikal, aplikatif dan mampu memberi impak nyata kepada pelaksanaan sebenar dalam industri. Penilaian ini memfokuskan kepada kesesuaian tiga domain utama dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, sebagai teras kepada pembangunan model hotel patuh *Syarīʿah*. Panel pakar secara konsisten mengesahkan bahawa ketiga-tiga domain tersebut berupaya mewakili keperluan asas, pelengkap dan penyempurna dalam pengoperasian hotel yang selari dengan tuntutan *Syarīʿah*, sekali gus membezakan konsep hotel patuh *Syarīʿah* daripada pendekatan *Muslim-friendly* yang lebih umum. Hasil penilaian turut menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap keupayaan domain-domain ini dalam menyokong pelaksanaan aspek kritikal seperti penyediaan kemudahan ibadah, pengurusan halal, integriti operasi serta kebersihan fasiliti secara bersepadu. Melalui aplikasi kaedah Teknik Kumpulan Nominal (NGT), keutamaan pelaksanaan dikenal pasti dengan memberi penekanan awal kepada pengukuhan aspek dalaman berteraskan *Syarīʿah* sebelum diperluas kepada item sokongan lain dalam model. Secara keseluruhannya, dapatan penilaian ini memperlihatkan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai tahap kesepadanan yang tinggi antara kerangka teoritikal *Maqāṣid Syarīʿah* dengan realiti operasi industri hospitaliti, sekali gus mengukuhkan kebolehgunaannya sebagai panduan berstruktur kepada pengusaha hotel dan pembuat dasar dalam memperkasakan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Proses verifikasi yang melibatkan penyertaan pakar ini turut meningkatkan kredibiliti model sebagai rujukan akademik dan praktikal, di samping memperlihatkan integrasi yang mantap antara dimensi teori, keperluan industri dan aplikasi sebenar dalam pembangunan ekosistem hospitaliti Islam yang mampan.

5.4.1.1 Kesesuaian Domain Ḍarūriyyāt Model

Penilaian kebolehgunaan domain utama model telah dilaksanakan menggunakan *Kaedah Nominal Group Technique* (NGT) bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap kesesuaian domain *Ḍarūriyyāt* sebagai komponen asas dalam Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* di Malaysia. Domain *Ḍarūriyyāt* merangkumi lima item utama iaitu pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), pemeliharaan akal (*ḥifẓ al-ʿAql*), pemeliharaan keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*). Dalam proses penilaian, setiap pakar (P1–P7) telah memberikan skor awal secara individu terhadap item-item tersebut

berdasarkan tahap kesesuaian dan kepentingannya dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, dengan skor maksimum sebanyak tujuh mata yang menunjukkan tahap keutamaan yang lebih tinggi. Seterusnya, sesi perbincangan berkumpulan dijalankan bagi menyemak semula skor, mempertimbangkan hujah yang dikemukakan serta mencapai konsensus kolektif terhadap kedudukan keutamaan setiap item. Proses ini membolehkan penilaian dibuat secara lebih komprehensif dengan menggabungkan dimensi kuantitatif dan pertimbangan kualitatif berasaskan pengalaman serta kepakaran pakar dalam bidang hospitaliti dan *Syarīʿah*. Kaedah NGT turut memastikan setiap pandangan pakar diambil kira secara seimbang dalam menghasilkan susunan keutamaan yang lebih objektif dan representatif. Hasil penilaian yang dipaparkan dalam Jadual 5.X menunjukkan bahawa domain *Ḍarūriyyāt* diterima sebagai tunjang utama dalam pembangunan Model MaSC-Hotel, sekali gus memperkukuh kesepadanan model dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* serta kebolehgunaannya dalam konteks pelaksanaan sebenar industri perhotelan Islam..

Jadual 5.129
Penilaian Kebolehgunaan Item Dalam Domain *Ḍarūriyyāt* Model

Bil	Kesesuaian Domain Utama *Darurriyat* (Keutamaan)	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Menjaga Kesejahteraan Agama	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menjaga Kesejahteraan Akal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Menjaga Kesejahteraan Maruah	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Menjaga Kesejahteraan Harta	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Menjaga Kesejahteraan Nyawa	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan analisis menunjukkan bahawa kelima-lima item dalam domain *Ḍarūriyyāt* mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam kalangan pakar dengan peratusan kesesuaian keseluruhan sebanyak 97.96%, sekali gus menggambarkan kesepakatan kukuh bahawa pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*), keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*) merupakan item yang relevan dan kritikal dalam membentuk asas Model MaSC-Hotel. Kesemua item memperoleh jumlah skor yang sama iaitu 48 daripada maksimum 49, di mana hanya seorang pakar memberikan skor 6 manakala selebihnya memberikan skor maksimum 7, menunjukkan tahap konsistensi penilaian yang tinggi serta pengiktirafan bersama terhadap kepentingan domain *Ḍarūriyyāt* tanpa sebarang item dianggap kurang penting. Dapatan ini menegaskan bahawa domain *Ḍarūriyyāt* bukan sahaja diterima secara teoritikal, malah diiktiraf secara praktikal sebagai tunjang utama dalam pembinaan sistem hotel patuh *Syarīʿah*, justeru pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta wajar dijadikan keutamaan dalam penggubalan polisi, prosedur operasi standard dan reka bentuk perkhidmatan hotel bagi memastikan model yang dibangunkan benar-benar selari dengan tuntutan *Syarīʿah* serta aspirasi pelancongan Islam.

5.4.1.2 Kesesuaian Domain Ḥājiyyāt Model

Domain *Ḥājiyyāt* mewakili keperluan sekunder yang berperanan menyokong serta memudahkan pelaksanaan prinsip-prinsip utama (*Ḍarūriyyāt*) dalam Model MaSC-Hotel, khususnya dalam memastikan kelancaran operasi, keberkesanan pengurusan dan pematuhan *Syarīʿah* secara lebih menyeluruh dan lestari. Dalam pembangunan model ini, domain *Ḥājiyyāt* merangkumi komponen sokongan strategik seperti pelaksanaan strategi pemasaran mesra Muslim yang beretika dan telus, pembangunan halal ekosistem melalui pensijilan halal yang sah, latihan berterusan kepada kakitangan serta pelantikan penasihat *Syarīʿah*, pengurusan integriti berasaskan nilai amanah, akauntabiliti dan profesionalisme kerja, di samping pengurusan aset dan prasarana yang sistematik serta menepati keperluan pelanggan selaras dengan prinsip *Syarīʿah*. Penilaian kebolehgunaan yang dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang hospitaliti Islam menunjukkan bahawa kesemua item dalam domain ini mencapai tahap kesepakatan yang tinggi dan diterima sebagai komponen penting dalam menyokong pelaksanaan

model secara praktikal. Dapatan ini memperlihatkan bahawa domain *Ḥājiyyāt* bukan sekadar berfungsi sebagai item pelengkap, malah bertindak sebagai mekanisme pengoperasian yang menghubungkan tuntutan prinsip *Syarīʿah* dengan realiti pelaksanaan industri, seterusnya memperkukuh kecekapan, keseimbangan, kelestarian serta daya saing Model MaSC-Hotel dalam konteks pengurusan hospitaliti patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.130
Penilaian Kebolehgunaan Item Dalam Domain *Ḥājiyyāt* Model

Bil	Kesesuaian Domain Utama *Ḥājiyyāt* (Keperluan)	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Strategi Pemasaran	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Halal Ekosistem	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Pengurusan Integriti	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Pengurusan Aset dan Prasarana	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa semua item dalam domain *Ḥājiyyāt* mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan peratusan keseluruhan sebanyak 97.96%, di mana setiap item memperoleh skor 48 daripada maksimum 49, sekali gus menandakan kesepakatan hampir mutlak terhadap kesesuaian keempat-empat item untuk dimasukkan dalam Model MaSC-Hotel. Item Strategi Pemasaran diiktiraf sebagai komponen penting dalam memastikan keberkesanan promosi hotel patuh *Syarīʿah* kepada pasaran sasaran, bukan sahaja sebagai pendekatan teknikal pemasaran tetapi juga sebagai medium yang mencerminkan komitmen institusi terhadap nilai dan prinsip *Syarīʿah*. Item Halal Ekosistem pula menekankan kepentingan kesalinghubungan antara pensijilan halal, latihan kakitangan serta jaringan strategik dengan pihak berautoriti dalam menyokong pengalaman pelanggan Muslim secara menyeluruh melalui jaminan integriti perkhidmatan. Sementara itu, Pengurusan Integriti serta Pengurusan Aset dan Prasarana dilihat sebagai asas kepada kelestarian operasi hotel, dengan integriti menumpukan kepada nilai amanah, ketelusan dan

akauntabiliti dalam pengurusan harian, manakala pengurusan aset dan prasarana memastikan keberkesanan fasiliti fizikal serta keselesaan tetamu dalam persekitaran yang mematuhi *Syarīʿah*. Kesemua item ini dikekalkan dalam model akhir kerana memenuhi keperluan praktikal industri dan selaras dengan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* pada tahap *Ḥājiyyāt*, sekali gus membuktikan bahawa walaupun bersifat sokongan, Item-item ini mempunyai nilai strategik yang signifikan dalam menjamin pelaksanaan model secara lestari, seimbang dan berdaya saing. Secara keseluruhannya, domain *Ḥājiyyāt* berperanan sebagai penghubung antara tuntutan asas *Ḍarūriyyāt* dengan realiti pelaksanaan industri, dan kesepakatan tinggi pakar terhadap item-item ini mengukuhkan kredibiliti Model MaSC-Hotel sebagai panduan holistik dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*.

5.4.1.3 Kesesuaian Domain Taḥsīniyyāt Model

Domain *Taḥsīniyyāt* dalam Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* merangkumi item pelengkap yang berfungsi menyempurnakan pengalaman pengguna Muslim secara menyeluruh melalui penekanan terhadap aspek estetika, kebersihan, keselamatan dan kemudahan tambahan yang selari dengan tuntutan *Syarīʿah*. Walaupun tidak bersifat darurat seperti *Ḍarūriyyāt*, Item-item dalam domain ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan serta mewujudkan suasana penginapan yang harmoni, selesa dan beridentiti Islamik. Penilaian konstruk ini dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) dengan penglibatan tujuh orang pakar dalam bidang hospitaliti, pengurusan *Syarīʿah* dan perkhidmatan Islam, di mana setiap pakar memberikan skor berdasarkan tahap kesesuaian dan keperluan item untuk dimasukkan dalam model, dengan hanya item yang mencapai tahap kesepakatan tinggi dikekalkan dalam model akhir. Dapatan menunjukkan bahawa domain *Taḥsīniyyāt* diterima sebagai komponen pelengkap yang relevan, khususnya dari aspek kebersihan yang menjadi asas keselesaan pelanggan dan selari dengan prinsip Islam, keselamatan yang menjamin kesejahteraan tetamu melalui sistem kawalan dan kesiapsiagaan kecemasan, perhiasan berteraskan seni bina Islamik yang bebas daripada unsur bercanggah dengan *Syarīʿah*, serta pembangunan fasiliti seperti kemudahan riadah terasing mengikut jantina, pencahayaan dan pengudaraan yang baik. Secara keseluruhannya, domain *Taḥsīniyyāt* memperkukuh kualiti pengalaman tetamu Muslim, meningkatkan tahap kepuasan pelanggan serta membantu

membina imej dan reputasi hotel patuh *Syarīʿah* sebagai penyedia perkhidmatan yang menyeluruh dan seimbang antara keperluan material dan spiritual.

Jadual 5.131
Kesesuaian Domain Utama *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan)

Bil	Kesesuaian Domain Utama *Taḥsīniyyāt* (Kelengkapan)	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Perhiasan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Pembangunan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Kebersihan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Keselamatan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Semua item dalam domain *Taḥsīniyyāt* telah menerima skor yang tinggi, iaitu 48 daripada maksimum 49 dengan peratusan persetujuan sebanyak 97.96%, sekali gus menunjukkan tahap konsensus pakar yang sangat kukuh terhadap kepentingannya untuk dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Walaupun tidak bersifat darurat seperti *Ḍarūriyyāt* atau berperanan sebagai keperluan sokongan seperti *Ḥājiyyāt*, domain *Taḥsīniyyāt* berfungsi sebagai elemen penyempurna yang memberikan nilai tambah kepada pengalaman penginapan tetamu Muslim melalui integrasi aspek estetika, keselesaan dan kesejahteraan. Item perhiasan menzahirkan dimensi keindahan Islam melalui hiasan dalaman dan motif seni bina yang selari dengan identiti *Syarīʿah*, sekali gus mewujudkan suasana spiritual yang menenangkan serta membezakan hotel patuh *Syarīʿah* daripada hotel konvensional. Item pembangunan pula menekankan kelengkapan infrastruktur seperti kemudahan riadah yang diasingkan mengikut jantina, ruang bacaan, pencahayaan yang baik serta sistem keselamatan mesra pengguna yang menyokong kesejahteraan tetamu sejajar dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Dari sudut kebersihan, penekanan terhadap kesucian ruang ibadah, tandas, bilik penginapan dan ruang makan dilihat sebagai aspek kritikal kerana kebersihan merupakan prasyarat kepada pelaksanaan ibadah. Sementara itu, item keselamatan merangkumi perlindungan fizikal dan psikologi melalui penyediaan laluan kecemasan, rondaan keselamatan serta

pegawai keselamatan wanita yang menjaga sensitiviti jantina dan privasi tetamu. Secara keseluruhannya, keempat-empat item ini menyumbang kepada kesempurnaan, keharmonian dan peningkatan kualiti perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* selaras dengan maqasid *Taḥsīniyyāt* yang menekankan aspek penyempurna dalam kehidupan Muslim.

5.4.2 Penilaian Kebolehgunaan Konstruk bagi Setiap Domain: *Ḍarūriyyāt*

Penilaian kebolehgunaan bagi konstruk dalam domain *Ḍarūriyyāt* dilaksanakan bagi menilai secara terperinci kesesuaian item pelaksanaan yang menyokong prinsip pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Proses ini menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) bagi memperoleh konsensus pakar terhadap setiap domain yang dicadangkan di bawah konstruk tersebut secara sistematik dan berasaskan pengalaman industri. Tumpuan khusus diberikan kepada domain Penekanan Menjaga Kesejahteraan Agama yang merangkumi aspek praktikal dalam memastikan pemeliharaan agama pelanggan Muslim sepanjang tempoh penginapan. Item seperti penyediaan ruang solat yang sesuai, kemudahan ibadah di dalam bilik, penunjuk arah kiblat, serta kawalan terhadap elemen yang bercanggah dengan prinsip Islam telah dinilai secara menyeluruh oleh tujuh orang panel pakar daripada bidang *Syarīʿah* dan hospitaliti. Hasil penilaian ini memberikan gambaran jelas tentang tahap kesesuaian dan keutamaan setiap item sebagai komponen asas dalam domain *Ḍarūriyyāt*, seterusnya menyokong pelaksanaan Model MaSC-Hotel yang selari dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam industri perhotelan Islam.

5.4.2.1 Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Agama

Penilaian terhadap konstruk menjaga kesejahteraan agama merupakan komponen asas dalam domain *Ḍarūriyyāt* yang menjadi teras kepada Model MaSC-Hotel. Hasil penilaian menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua lapan item dalam kategori ini mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi, dengan peratus kesepakatan sebanyak 97.96% serta jumlah skor 48 daripada maksimum 49. Dapatan ini memperlihatkan bahawa elemen pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) diiktiraf sebagai keutamaan utama dalam memastikan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* yang sahih dan praktikal. Antara item yang diberi penekanan termasuk penyediaan musolla berasingan untuk

lelaki dan perempuan bagi menjamin keselesaan beribadah, penyediaan peralatan asas seperti sejadah, telekung dan kain pelekat, serta paparan jadual waktu solat dan arah kiblat yang jelas di setiap bilik. Selain itu, elemen sokongan seperti penyediaan juadah iftar dan sahur sepanjang Ramadan, lokasi hotel yang berhampiran dengan masjid, serta penyediaan kayu sugi atau berus gigi turut dinilai sebagai nilai tambah yang mencerminkan sensitiviti terhadap amalan sunnah dan budaya kebersihan dalam Islam. Item seperti ketiadaan kitab suci selain al-Quran di dalam bilik juga menegaskan kepentingan pemeliharaan identiti Islam dalam ruang peribadi pelanggan. Secara keseluruhannya, keseragaman skor dalam kalangan pakar mengesahkan bahawa aspek menjaga agama bukan sahaja penting dari sudut teori, malah kritikal dalam pelaksanaan operasi hotel patuh *Syarīʿah*, seterusnya memperkukuh kedudukannya sebagai tunjang utama dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Penilaian kebolehgunaan konstruk ini telah dilaksanakan melibatkan tujuh orang pakar pelbagai bidang berkaitan, dengan skor maksimum bagi setiap item ialah tujuh (7), dan hasil konsensus dipersembahkan dalam jadual berikut.

Jadual 5.132
Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Agama

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Agama	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Menyediakan 2 musollah dalam keseluruhan hotel (Contoh: surau lelaki & perempuan)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menyediakan sejadah, telekung & kain pelekat	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Menyediakan juadah iftar dan sahur dalam bulan Ramadhan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Menyediakan kayu sugi/berus gigi	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Agama	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
5	Lokasi hotel berhampiran masjid	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Tanda arah kiblat yang jelas	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Tiada kitab suci selain al- Quran di dalam bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Memaparkan Jadual waktu solat	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rumusan daripada Jadual 5.132 menunjukkan bahawa kesemua lapan konstruk penekanan menjaga kesejahteraan agama dalam domain *Ḍarūriyyāt* telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang sangat tinggi dengan purata persetujuan sebanyak 97.96%. Setiap konstruk memperoleh skor hampir maksimum, iaitu 48 daripada 49, sekali gus menandakan tahap konsistensi penilaian dan persetujuan yang kukuh dalam kalangan pakar terhadap kepentingan item-item tersebut dalam konteks pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini mengesahkan bahawa penyediaan kemudahan ibadah seperti musolla berasingan untuk lelaki dan perempuan, sejadah, telekung, arah kiblat yang jelas serta paparan jadual waktu solat merupakan keperluan asas yang perlu diutamakan dalam operasi hotel. Di samping itu, elemen pelengkap seperti penyediaan juadah iftar dan sahur sepanjang bulan Ramadan, lokasi hotel yang berhampiran dengan masjid, penyediaan kayu sugi serta kawalan terhadap penyediaan kitab suci selain al-Quran di bilik penginapan turut dilihat sebagai faktor yang memperkukuh identiti Islamik sesebuah hotel. Tahap konsensus yang hampir mutlak ini menegaskan bahawa pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*) merupakan indikator teras dalam penilaian kebolehgunaan Model MaSC-Hotel, sekali gus menunjukkan bahawa tiada ruang kompromi dalam pelaksanaan Item-item yang berkaitan dengan kesejahteraan agama pelanggan Muslim.

5.4.2.2 Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Akal

Penilaian terhadap konstruk menjaga akal merupakan aspek penting dalam domain *Ḍarūriyyāt* kerana ia menekankan pemeliharaan akal tetamu Muslim daripada unsur-unsur yang boleh merosakkan pemikiran, moral dan tingkah laku. Analisis menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua 12 item yang dicadangkan dalam kategori ini telah mencapai tahap kesepakatan pakar yang sangat tinggi, dengan peratusan persetujuan keseluruhan sebanyak 97.96% serta skor purata 48 daripada maksimum 49 bagi setiap domain. Antara item yang mendapat sokongan kukuh termasuk larangan penyediaan dan penjualan minuman beralkohol, larangan perjudian dalam pelbagai bentuk, larangan penggunaan dadah seperti pil ekstasi, serta kawalan terhadap kandungan hiburan termasuk larangan pornografi dan penyekatan rancangan televisyen tidak bermoral. Kesemua item ini dinilai kritikal kerana berkait secara langsung dengan pemeliharaan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*) yang menjadi tunjang penting dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Di samping itu, item positif seperti penyediaan rancangan televisyen berinformatif dan makanan halal tanpa kandungan alkohol turut ditekankan sebagai langkah proaktif dalam membentuk suasana Islamik di hotel. Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat atau bercanggah dengan syarak, seperti penyewaan dewan untuk majlis yang tidak terkawal, turut dipersetujui sebagai aspek penting dalam menjaga integriti perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan akal tidak hanya tertumpu kepada pengawalan unsur negatif, malah melibatkan penyediaan alternatif yang mendidik bagi memastikan kesejahteraan akal dapat dipelihara secara menyeluruh dalam persekitaran penginapan.

Jadual 5.133
Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Akal

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Akal	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Tidak menyediakan perkhidmatan perjudian	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Larangan menayangkan siaran pornografi	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Larangan pengunaan Extacy Pill (Dadah) di dalam hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Larangan menyimpan minuman keras di dalam peti sejuk bilik hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Tidak menjual minuman beralkohol di lobi hotel atau restoran hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Memperbanyakkan rancangan tv berinformatif	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Tidak menyediakan minuman beralkohol (Contoh: welcome drink di dalam bilik)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Larangan menjalankan perjudian di dalam hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
9	Makanan yang halal dan tiada alkohol disediakan di hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Akal	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
10	Larangan menganjurkan aktiviti yang tidak sihat & tidak mematuhi tuntutan syarak (Contoh: sewa dewan untuk parti)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
11	Larangan penggunaan dan pengambilan alkohol	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
12	Penyekatan rancangan televisyen 18 tahun ke atas (HBO)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua 12 item penekanan menjaga kesejahteraan akal telah mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan peratusan konsensus 97.96%, bersamaan jumlah skor 48 daripada maksimum 49. Dapatan ini membuktikan keseragaman pandangan pakar bahawa semua item berkaitan pemeliharaan akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*) adalah relevan, sesuai dan wajar dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara item yang diberi penekanan utama ialah larangan perjudian, penggunaan dadah, pornografi serta polisi pengharaman alkohol dalam semua bentuk, memandangkan Item-item ini berpotensi merosakkan akal, melemahkan moral dan menjejaskan suasana Islamik dalam persekitaran hotel. Selain itu, kawalan terhadap kandungan hiburan melalui penyekatan rancangan televisyen tidak bermoral serta galakan kepada rancangan berinformatif turut dilihat penting dalam memastikan hiburan yang disediakan selari dengan nilai Islam. Penyediaan makanan halal tanpa kandungan alkohol serta larangan penganjuran aktiviti yang bercanggah dengan syarak, seperti majlis atau parti tidak bermoral, turut dikenal pasti sebagai indikator penting dalam mengekalkan integriti perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan akal bukan sahaja melibatkan larangan terhadap unsur yang memudaratkan, malah merangkumi pendidikan, hiburan dan pengurusan

aktiviti sosial dalam persekitaran hotel. Kesepakatan hampir mutlak ini mengukuhkan keperluan menjadikan *Ḥifẓ al-ʿAql* sebagai panduan utama dalam penggubalan polisi operasi, latihan staf serta pengurusan aktiviti hotel bagi memastikan identiti dan kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah* terus terpelihara secara menyeluruh.

5.4.2.3 Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Maruah

Penilaian terhadap konstruk menjaga maruah merupakan salah satu aspek utama dalam domain *Ḍarūriyyāt* kerana ia menekankan pemeliharaan akhlak, batas pergaulan, serta perlindungan aurat dan etika sosial pelanggan. Hasil penilaian menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua 11 item dalam kategori ini mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi, dengan setiap item memperoleh skor 48 daripada maksimum 49 bersamaan 97.96%, sekali gus menandakan konsensus hampir mutlak dalam kalangan pakar bahawa kesemua elemen tersebut sesuai dan relevan untuk dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel. Antara item yang diberi penekanan ialah larangan pasangan bukan suami isteri serta pasangan LGBT berkongsi bilik, selaras dengan prinsip *Syarīʿah* dalam menjaga kesucian institusi keluarga dan mencegah kemungkaran. Larangan kepada staf berlainan jantina membersihkan bilik secara serentak turut disokong kerana ia membantu melindungi maruah pelanggan di samping mengurangkan risiko fitnah terhadap pekerja. Pengasingan ruang awam seperti kolam renang, gimnasium, spa dan salun lelaki serta wanita juga diiktiraf sebagai penting dalam mengekalkan adab dan pemeliharaan aurat, bukan sahaja di bilik penginapan tetapi dalam kemudahan rekreasi. Selain itu, aspek persembahan bercirikan Islam, pemakaian menutup aurat dalam kalangan kakitangan serta kawalan terhadap hiburan melalaikan dinilai signifikan dalam membentuk imej hotel yang selari dengan nilai Islam. Keperluan pelanggan berpakaian sopan serta larangan terhadap pakej rekreasi yang menggalakkan pergaulan bebas turut menegaskan bahawa pemeliharaan maruah melibatkan polisi pengurusan, etika pekerja, suasana perkhidmatan dan disiplin pelanggan secara menyeluruh. Tahap persetujuan yang hampir mutlak ini mengesahkan bahawa pemeliharaan maruah (ḥifẓ al-ʿird) merupakan komponen asas dalam mengukuhkan identiti hotel patuh *Syarīʿah* dan memerlukan pelaksanaan polisi yang sistematik serta pemantauan berterusan bagi memastikan operasi hotel benar-benar mencerminkan nilai Islam secara praktikal.

Jadual 5.134
Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Maruah

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Maruah	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Menawarkan persembahan yang bercirikan Islam	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Bebas daripada hiburan melalaikan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Larangan pasangan LGBT berkongsi bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Mempunyai salun yang berasingan, antara lelaki dan wanita	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Larangan kepada staf berlainan jantina dalam satu- satu masa ketika membersihkan bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Melarang pasangan tidak berkahwin berkongsi bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Pengasingan bilik mandi bagi pasangan yang belum berkahwin di antara wanita lelaki.	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Kakitangan staf hotel yang menutup aurat	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
9	Pelancong berpakaian sopan & tidak menjolok mata	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Maruah	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
10	Memisahkan ruang atau jadual penggunaan kolam renang, gymnasium dan spa berdasarkan jantina	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
11	Bebas daripada pakej rekreasi dan permainan yang menggalakkan pergaulan bebas	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua 11 item penekanan menjaga maruah telah mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan dengan peratusan 97.96% bagi setiap item. Konsensus hampir mutlak ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan dinilai sesuai dan relevan untuk dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara item yang disahkan termasuk larangan pasangan bukan suami isteri dan pasangan LGBT berkongsi bilik, serta larangan staf berlainan jantina membersihkan bilik secara serentak, yang mencerminkan penekanan terhadap prinsip *Syarīʿah* dalam menjaga batas interaksi jantina dan mengelakkan fitnah. Pengasingan fasiliti awam seperti kolam renang, gimnasium, spa serta salun lelaki dan wanita turut diiktiraf sebagai elemen penting dalam memelihara aurat dan maruah pelanggan. Dapatan juga menegaskan keperluan mewujudkan suasana hotel yang berteraskan nilai Islam melalui persembahan bercirikan Islam, pemakaian menutup aurat dalam kalangan kakitangan serta kawalan terhadap hiburan melalaikan. Keperluan pelanggan berpakaian sopan dan larangan terhadap pakej rekreasi yang menggalakkan pergaulan bebas turut menunjukkan bahawa pemeliharaan maruah melibatkan polisi pengurusan serta tingkah laku pengunjung secara menyeluruh. Tahap persetujuan yang tinggi ini mengesahkan bahawa ḥifẓ al-ʿird merupakan komponen asas dalam memastikan perkhidmatan hotel benar-benar patuh *Syarīʿah*, sekali gus menuntut pelaksanaan polisi dalaman yang

sistematik dan pengawasan berterusan bagi memelihara reputasi serta imej Islamik hotel di mata pelanggan.

5.4.2.4 Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Harta

Penilaian terhadap konstruk menjaga harta merupakan salah satu komponen penting dalam domain *Ḍarūriyyāt* kerana ia menekankan pemeliharaan sumber kewangan, aset serta hak pelanggan dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Hasil penilaian menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua tujuh item dalam kategori ini telah mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan dengan peratusan 97.96%. Konsensus ini membuktikan bahawa semua item yang dikemukakan adalah sesuai, relevan dan wajar dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara item utama yang disahkan ialah pembiayaan pembangunan hotel yang mematuhi prinsip *Syarīʿah* serta penggunaan institusi kewangan Islam dalam pengurusan deposit pelanggan, sekali gus memastikan setiap aspek operasi bebas daripada unsur riba, gharar dan sumber kewangan tidak sah. Pengeluaran zakat atau cukai turut diiktiraf sebagai indikator tanggungjawab sosial yang menzahirkan komitmen terhadap prinsip al-taʿāwun, manakala penggunaan sumber kewangan operasi yang halal menjadi asas kepada integriti dan keberkatan hasil. Di samping itu, pengurusan dan pengagihan sumber secara telus serta penyediaan peti simpanan barangan berharga di dalam bilik hotel dipersetujui sebagai langkah praktikal dalam melindungi harta pelanggan dan meningkatkan kepercayaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*) dalam Model MaSC-Hotel merangkumi dimensi integriti kewangan, keselamatan pelanggan dan tanggungjawab sosial, sekali gus menjadikannya prinsip asas yang menyokong kelestarian operasi dan kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.135
Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Harta

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Harta	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Pembiayaan untuk pembangunan hotel mestilah mematuhi *Syarīʿah*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Mengeluarkan zakat/ cukai	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Deposit hotel memilih institusi kewangan berteraskan Islam	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Sumber kewangan operasi adalah daripada sumber yang halal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Pengurusan sumber dilaksanakan dengan penuh ketelusan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Menyediakan peti simpanan barangan berharga dalam bilik hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Pengagihan dilaksanakan dengan penuh ketelusan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan penilaian menunjukkan bahawa kesemua tujuh domain penekanan menjaga kesejahteraan harta telah mencapai tahap konsensus yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan dengan peratusan persetujuan 97.96% bagi setiap item. Kesepakatan hampir mutlak ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai, relevan dan wajar dikekalkan dalam Model

MaSC-Hotel. Antara item yang diberi penekanan utama ialah pembiayaan pembangunan hotel yang mematuhi prinsip *Syarīʿah* serta penggunaan institusi kewangan Islam dalam urusan deposit pelanggan, sekali gus menegaskan kepentingan integriti dalam pengurusan kewangan bagi memastikan operasi hotel bebas daripada unsur riba, gharar atau sumber tidak halal. Selain itu, penggunaan sumber kewangan operasi yang halal serta pelaksanaan tanggungjawab seperti pengeluaran zakat atau cukai turut diiktiraf sebagai komitmen moral dan sosial dalam menjamin keberkatan harta. Domain berkaitan ketelusan dalam pengurusan dan pengagihan sumber juga disahkan sebagai sangat penting selaras dengan prinsip amanah dan keadilan dalam Islam, manakala penyediaan peti simpanan barangan berharga di bilik hotel dipersetujui sebagai langkah praktikal dalam melindungi kepentingan pelanggan serta meningkatkan tahap kepercayaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pemeliharaan harta (*ḥifẓ al-māl*) dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah* melangkaui aspek fizikal semata-mata dengan merangkumi integriti kewangan, tanggungjawab sosial dan keselamatan aset pelanggan, sekali gus menegaskan keperluannya sebagai prinsip asas yang perlu diterapkan pada peringkat polisi dan amalan operasi harian.

5.4.2.5 Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Nyawa

Penilaian terhadap konstruk menjaga kesejahteraan nyawa merupakan antara komponen teras dalam domain *Ḍarūriyyāt* kerana ia menekankan aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pelanggan sepanjang tempoh penginapan. Hasil penilaian menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua tujuh domain dalam kategori ini mencapai skor yang tinggi dengan jumlah 48 daripada maksimum 49, bersamaan peratusan persetujuan sebanyak 97.96%. Konsensus hampir mutlak ini membuktikan bahawa setiap item yang dicadangkan adalah sesuai, relevan dan wajar dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara domain utama yang disahkan termasuk kawalan kebakaran melalui penyediaan alat pengesan asap, pemadam api serta sistem kecemasan yang disokong oleh prosedur operasi standard (SOP) dan staf terlatih, sekali gus menunjukkan penekanan terhadap kesiapsiagaan hotel dalam mencegah risiko serta melindungi nyawa tetamu dan pekerja daripada bahaya kecemasan selaras dengan prinsip *Ḥifẓ al-Nafs* dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Di samping itu, penyediaan makanan dan minuman halal, kewujudan restoran

yang diiktiraf halal, serta pensijilan halal turut dinilai sebagai kritikal kerana bukan sahaja menjamin kesihatan pelanggan, malah meningkatkan keyakinan terhadap integriti perkhidmatan hotel. Larangan merokok dan penggunaan vape di kawasan hotel turut mencerminkan keprihatinan terhadap kesihatan awam serta usaha mewujudkan persekitaran penginapan yang selamat dan bebas risiko. Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa pemeliharaan nyawa tidak hanya tertumpu kepada perlindungan fizikal semata-mata, tetapi turut merangkumi aspek kesihatan dan kesejahteraan persekitaran, sekali gus menegaskan keperluannya sebagai prinsip asas yang perlu diterapkan dalam polisi operasi, latihan staf dan prosedur keselamatan hotel patuh *Syarīʿah*..

Jadual 5.136
Kesesuaian Konstruk Penekanan Menjaga Nyawa

Bil	Kesesuaian konstruk Penekanan Menjaga Harta	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Kawalan kebakaran (Contoh:alat pengesan dan pemadam api)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menyediakan makanan dan minuman halal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Mempunyai sistem Kawalan situasi kecemasan (Contoh: S.O.P dan staf terlatih)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Restoran diiktiraf halal JAKIM	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Larangan merokok	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Mempunyai Pensijilan Halal Makanan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Larangan VAPE	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan penilaian menunjukkan bahawa kesemua tujuh konstruk penekanan menjaga kesejahteraan nyawa mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi, dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49 dan peratusan kesepakatan sebanyak 97.96% bagi setiap domain. Konsensus hampir mutlak ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai serta kritikal untuk dimasukkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara domain utama yang disahkan termasuk kawalan kebakaran melalui penyediaan alat pengesan asap dan pemadam api, di samping kewujudan sistem kawalan kecemasan seperti prosedur operasi standard (SOP) yang jelas serta staf yang terlatih. Item-item ini memperlihatkan penekanan terhadap keperluan langkah pencegahan risiko dan kesiapsiagaan menghadapi situasi kecemasan bagi menjamin keselamatan nyawa tetamu dan pekerja hotel. Selain itu, penyediaan makanan dan minuman halal, restoran yang diiktiraf halal, serta pensijilan halal makanan turut dipersetujui sebagai item penting, sekali gus menunjukkan bahawa pemeliharaan nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*) bukan sahaja melibatkan aspek keselamatan fizikal, tetapi juga kesihatan dan keyakinan pelanggan terhadap status halal makanan yang disediakan. Larangan merokok dan penggunaan vape di kawasan hotel turut mencerminkan kesedaran terhadap risiko kesihatan yang boleh menjejaskan pelanggan secara langsung mahupun melalui pendedahan asap pasif. Secara keseluruhannya, kesepakatan ini menegaskan bahawa aspek pemeliharaan nyawa merangkumi dimensi keselamatan, kesihatan dan persekitaran bebas risiko, serta perlu dijadikan prinsip teras dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* melalui pelaksanaan polisi, latihan staf dan piawaian keselamatan yang sistematik dan konsisten.

5.4.3 Penilaian Kebolehgunaan Konstruk bagi Setiap Domain: *Ḥājiyyāt*

Domain *Ḥājiyyāt* merujuk kepada keperluan sampingan yang berperanan menghilangkan kesukaran serta memberikan kemudahan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*, konstruk ini berfungsi sebagai pelengkap kepada prinsip *Ḍarūriyyāt* dengan menyediakan sokongan yang memastikan kelancaran operasi, keberkesanan pengurusan serta keselesaan pelanggan secara berterusan. Item-item dalam domain *Ḥājiyyāt* membantu hotel beroperasi secara efisien dan profesional tanpa mengabaikan prinsip *Syarīʿah*, di samping meningkatkan daya saing dalam industri hospitaliti Islam. Penilaian kebolehgunaan domain ini telah dijalankan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) yang melibatkan

tujuh orang panel pakar daripada latar belakang industri dan akademik bagi menilai tahap kesesuaian setiap domain berdasarkan praktikaliti, keperluan industri serta keselarasan dengan prinsip *Syarīʿah*. Antara domain utama yang dinilai termasuk strategi pemasaran beretika Islam, pembangunan ekosistem halal yang menyeluruh, pengurusan integriti dalam kalangan pekerja dan pengurusan, serta pengurusan fasiliti fizikal dan prasarana sokongan. Skor dan peratusan kesepakatan pakar menunjukkan bahawa semua domain *Ḥājiyyāt* mencapai tahap konsensus yang tinggi dengan purata persetujuan melebihi 97%, sekali gus mengesahkan kesesuaiannya untuk dimasukkan dalam model akhir. Dapatan ini menegaskan bahawa walaupun *Ḥājiyyāt* tidak bersifat kritikal seperti *Ḍarūriyyāt*, ia tetap memainkan peranan strategik dalam menyeimbangkan tuntutan *Syarīʿah* dengan realiti pelaksanaan industri, seterusnya melengkapkan keseluruhan kerangka Model MaSC-Hotel agar lebih praktikal, lestari dan berdaya saing.

5.4.3.1 Kesesuaian Konstruk Penekanan Strategi Pemasaran

Penilaian terhadap konstruk penekanan strategi pemasaran telah dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) bagi mengenal pasti tahap kesesuaian item yang perlu diterapkan dalam Model MaSC-Hotel. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua tujuh domain yang dicadangkan mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan dengan peratusan 97.96%. Hal ini membuktikan bahawa strategi pemasaran yang dirangka adalah praktikal, relevan dan sesuai diaplikasikan dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia. Antara domain utama yang dipersetujui ialah pengintegrasian mesra Muslim dalam penyampaian perkhidmatan tanpa menafikan keperluan pelanggan bukan Muslim, di samping penekanan terhadap pemaparan sijil dan logo Halal Malaysia yang sah di lokasi strategik sebagai simbol komitmen terhadap pematuhan *Syarīʿah*. Ketelusan maklumat melalui rujukan kepada Direktori Halal Malaysia turut diiktiraf sebagai mekanisme penting dalam meningkatkan kredibiliti dan keyakinan pelanggan terhadap status *halal hotel*. Selain itu, penawaran pakej khas kepada pelanggan Muslim seperti kemudahan sahur, iftar dan fasiliti ibadah mencerminkan pendekatan penjenamaan yang selari dengan keperluan pasaran semasa. Promosi melalui laman sesawang mesra Muslim juga dipersetujui sebagai strategi signifikan dalam memperluas capaian pelanggan di peringkat global melalui kandungan

yang sopan, telus dan berlandaskan nilai Islam. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa strategi pemasaran berasaskan *Syarīʿah* merupakan komponen penting dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan Model MaSC-Hotel secara berkesan, bukan sahaja dari sudut komersial, tetapi juga dalam memperkukuh imej dan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.137
Kesesuaian Konstruk Penekanan Strategi Pemasaran

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Strategi Pemasaran	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Memastikan penginterasian mesra Muslim	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Mengutamakan perkhidmatan hotel kepada semua pelanggan sama ada Muslim atau bukan Muslim	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Mempamerkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang asal dan masih sah tempoh di hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Mempamerkan Logo & Sijil Halal Malaysia di hadapan pintu hotel & lobby hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Maklumat hotel boleh disemak melalui Direktori Halal Malaysia (www.halal.gov.my)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Strategi Pemasaran	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
6	Menawarkan perkhidmatan menggunakan pakej yang sesuai untuk umat Islam	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Promosi menggunakan laman sesawang mesra Muslim	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua tujuh konstruk penekanan strategi pemasaran mencapai tahap konsensus pakar yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan dengan peratusan persetujuan 97.96%. Dapatan ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai dan wajar dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel. Antara item utama yang disahkan ialah pengintegrasian pendekatan mesra Muslim serta penyampaian layanan inklusif kepada semua pelanggan tanpa mengira agama, yang mencerminkan strategi pemasaran berteraskan hikmah selaras dengan prinsip keadilan dalam Islam. Pemaparan sijil dan logo Halal Malaysia di lokasi strategik seperti lobi dan pintu masuk hotel turut diiktiraf sebagai langkah penting dalam meningkatkan kredibiliti serta keyakinan pelanggan terhadap status halal perkhidmatan yang ditawarkan. Selain itu, akses kepada maklumat melalui Direktori Halal Malaysia dipersetujui sebagai mekanisme yang menyokong ketelusan dan kebolehpercayaan pelanggan, manakala penawaran pakej khusus kepada pelanggan Muslim seperti kemudahan solat, makanan sahur dan iftar dilihat sebagai strategi nilai tambah yang signifikan. Penggunaan laman sesawang mesra Muslim dengan kandungan dan reka bentuk selari dengan nilai Islam juga disahkan sebagai medium promosi penting dalam era digital. Secara keseluruhannya, kesepakatan tinggi terhadap semua item ini menegaskan bahawa strategi pemasaran hotel patuh *Syarīʿah* perlu menitikberatkan aspek integriti, keterbukaan dan kejelasan maklumat sebagai asas dalam membentuk imej serta reputasi perkhidmatan di peringkat nasional dan global.

5.4.3.2 Kesesuaian Konstruk Penekanan Halal Ekosistem

Penilaian terhadap konstruk Halal Ekosistem telah dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) bagi menilai kesesuaian item-item yang menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh. Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua sepuluh domain yang dinilai mencapai tahap konsensus yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan 97.96%. Dapatan ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan adalah praktikal, relevan dan sesuai untuk dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel. Antara item utama yang disahkan ialah peningkatan kualiti pensijilan halal melalui pemilikan sijil JAKIM yang sah dan dikemas kini secara berkala, di samping pematuhan prinsip *Syarīʿah* dalam pentadbiran pejabat merangkumi aspek pergaulan, pemakaian serta etika kerja. Latihan halal kepada kakitangan dan pelaksanaan program pengurusan halal turut diiktiraf sebagai elemen penting dalam memastikan kecekapan operasi serta kelestarian pematuhan *Syarīʿah*. Di samping itu, galakan terhadap inovasi produk halal, pengukuhan identiti organisasi melalui komposisi kakitangan Muslim, serta pembentukan jaringan dengan industri pelancongan halal antarabangsa dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* dilihat sebagai langkah strategik yang memperluas skop Halal Ekosistem. Pelantikan penasihat *Syarīʿah* seperti Halal Executive, Halal Advisor atau Jawatankuasa *Syarīʿah* turut dipersetujui sebagai mekanisme kawalan dalaman yang memastikan integriti pematuhan secara berstruktur. Selain itu, keperluan memperuntukkan sumber khusus serta menggubal visi dan misi organisasi yang jelas berteraskan agenda *Syarīʿah* menegaskan komitmen pengurusan tertinggi dalam menyokong pelaksanaan sistem halal secara mampan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa Halal Ekosistem merangkumi dimensi teknikal, pentadbiran, latihan, inovasi serta tadbir urus dalaman yang perlu diintegrasikan secara sistematik bagi memastikan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* kekal berdaya saing dan diyakini di peringkat tempatan mahupun global.

Jadual 5.138
Kesesuaian Konstruk Penekanan Halal Ekosistem

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Halal Ekosistem	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Meningkatkan kualiti pensijilan halal dengan memiliki pelbagai jenis sijil halal JAKIM	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menerapkan pematuhan *Syarīʿah* dalam bilik pegawai & pentadbiran pejabat (Contoh: pergaulan, pakaian, perkhidmatan & lain- lain)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Melatih dan menyediakan latihan pengurusan halal dalam hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Menggalakkan inovasi penghasilan produk halal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Majoriti kakitangan berkhidmat mestilah Muslim	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Mewujudkan jaringan dengan industri pelancongan luar negara	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Perkhidmatan *Ground Transport* mematuhi *Syarīʿah*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Halal Ekosistem	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
8	Pihak pengurusan hendaklah memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memperkukuhkan *Syarīʿah*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
9	Organisasi hendaklah melantik Penasihat *Syarīʿah* Contoh: • *Halal Executive* • *Halal Advisor* • *Halal Supervisor* • *Shariah Executive* • *Shariah Committee*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
10	Pengusaha hotel hendaklah menyediakan hala tuju kumpulan pengurusan (Contoh: misi & visi hotel)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan penilaian menunjukkan bahawa kesemua 10 item dalam domain Halal Ekosistem telah mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan 97.96% bagi setiap item. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai, relevan dan wajar dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel kerana peranannya dalam memperkukuh pelaksanaan sistem halal secara menyeluruh. Antara item utama yang dipersetujui ialah peningkatan kualiti pensijilan halal melalui pemilikan sijil JAKIM yang sah, serta

pematuhan prinsip *Syarīʿah* dalam pentadbiran organisasi merangkumi aspek pemakaian, pergaulan dan etika kerja. Hal ini menunjukkan bahawa Halal Ekosistem tidak terhad kepada produk dan perkhidmatan, malah merangkumi tadbir urus dalaman hotel. Latihan pengurusan halal kepada kakitangan turut dikenal pasti sebagai elemen kritikal bagi memastikan kefahaman terhadap standard halal dapat diaplikasikan secara konsisten dalam operasi harian. Di samping itu, inovasi produk halal serta komposisi kakitangan yang menyokong identiti patuh *Syarīʿah* dilihat menyumbang kepada pengukuhan imej hotel, manakala jaringan dengan industri pelancongan antarabangsa dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan darat patuh *Syarīʿah* memperluas integrasi hotel dalam ekosistem pelancongan halal global. Keperluan melantik penasihat *Syarīʿah* seperti Halal Executive, Halal Advisor, Halal Supervisor atau Jawatankuasa *Syarīʿah* turut dipersetujui sebagai mekanisme pemantauan yang memastikan pematuhan dilaksanakan secara berstruktur dan berterusan. Selain itu, peruntukan sumber khusus serta penggubalan visi dan misi organisasi berteraskan agenda *Syarīʿah* menzahirkan komitmen pengurusan tertinggi dalam menyokong pelaksanaan sistem halal secara mampan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa Halal Ekosistem merupakan komponen teras yang menyepadukan standard teknikal, pentadbiran beretika, latihan, inovasi serta jaringan industri, sekali gus memastikan hotel beroperasi selari dengan kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* secara holistik dan berdaya saing.

5.4.3.3 Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Integriti

Penilaian terhadap konstruk pengurusan integriti dalam Model MaSC-Hotel yang dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) menunjukkan bahawa kesemua 13 item yang dicadangkan telah mencapai tahap konsensus pakar yang sangat tinggi dengan skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan 97.96%. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item adalah sesuai, relevan dan signifikan untuk dimasukkan dalam model akhir. Antara elemen utama yang dipersetujui ialah keperluan staf hotel menampilkan budi bahasa, kesopanan serta personaliti profesional yang sensitif terhadap keperluan tetamu, sekali gus menegaskan bahawa integriti bukan hanya diukur melalui pematuhan prosedur operasi standard, tetapi turut dizahirkan melalui adab dan akhlak pekerja yang mencerminkan nilai Islam. Penyediaan jadual kerja yang sistematik juga diiktiraf sebagai komponen penting dalam

memastikan kelancaran operasi serta mengurangkan tekanan kerja yang boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan. Di samping itu, penyediaan staf wanita untuk melayani tetamu wanita dilihat sebagai langkah menjaga adab pergaulan serta meningkatkan keselesaan pelanggan Muslimah. Aspek komunikasi berkesan, keterbukaan dan kejujuran dalam melaksanakan tugas turut dikenal pasti sebagai teras integriti yang memperkukuh kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan hotel. Unit perkhidmatan pula berperanan sebagai medium penyampaian nilai Islam secara tidak langsung melalui amalan kerja beretika dan layanan mesra *Syarīʿah*. Selain itu, keperluan pemandu pelancong berlesen serta pelaksanaan aktiviti pelancongan yang selaras dengan hukum syarak menzahirkan bahawa integriti turut merangkumi perkhidmatan luaran yang ditawarkan kepada pelanggan. Pengesahan halal terhadap dapur utama (central kitchen) oleh badan berautoriti juga menegaskan komitmen pengurusan terhadap integriti dalam penyediaan makanan. Secara keseluruhannya, tahap persetujuan yang tinggi terhadap semua item ini memperlihatkan bahawa pengurusan integriti merupakan asas penting dalam membentuk reputasi dan kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah*, serta perlu dilaksanakan secara konsisten dalam dasar organisasi dan amalan operasi harian.

Jadual 5.139
Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Integriti

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Integriti	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Staf hotel mestilah berbudi bahasa dan bersopan santun	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Penyediaan jadual kerja yang sistematik dan tersusun kepada staf hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Staf hotel mestilah bersopan santun	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Integriti	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
4	Pemandu pelancong mestilah mempunyai lesen yang sah	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Unit perhidmatan bersedia menyebarkan nilai Islam	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Staf hotel mestilah bersikap terbuka	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
7	Staf hotel mestilah mempunyai personaliti yang menarik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Staf hotel mestilah mempunyai sifat sensitif	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
9	Menyediakan staf perempuan untuk melayan tetamu perempuan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
10	Staf hotel mestilah berkomunikasi dengan baik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
11	Menyediakan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan hukum syarak	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
12	Staf hotel mestilah bersikap jujur	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Integriti	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
13	Organisasi perlu memastikan dapur utama (central kitchen) mendapat pengesahan halal daripada badan berautoriti	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan penilaian menunjukkan bahawa kesemua 13 item dalam konstruk pengurusan integriti telah mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan peratusan konsensus sebanyak 97.96%. Dapatan ini membuktikan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai, relevan dan wajar dikekalkan dalam Model MaSC-Hotel sebagai komponen penting dalam memastikan kelestarian operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Antara domain utama yang diberi penekanan ialah keperluan staf hotel untuk berbudi bahasa, bersopan santun, jujur serta memiliki personaliti profesional, yang dilihat mencerminkan akhlak Islam sebagai tunjang kepada penyampaian perkhidmatan hospitaliti berteraskan *Syarīʿah*. Penyediaan jadual kerja yang sistematik turut dipersetujui sebagai aspek penting bagi menjamin kelancaran operasi serta mengekalkan kualiti perkhidmatan secara konsisten. Selain itu, penyediaan staf wanita untuk melayani tetamu wanita, komunikasi yang berkesan serta kepekaan terhadap keperluan pelanggan Muslim menzahirkan bahawa integriti dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah* tidak hanya bersifat teknikal, malah merangkumi dimensi etika dan adab pergaulan. Unit perkhidmatan juga berperanan sebagai medium penyampaian nilai Islam secara tidak langsung melalui pertuturan, tingkah laku dan layanan beretika kepada pelanggan. Di samping itu, keperluan pemandu pelancong yang berlesen sah serta pelaksanaan aktiviti pelancongan yang mematuhi hukum *Syarīʿah* menunjukkan bahawa pengurusan integriti turut melibatkan perkhidmatan luaran yang ditawarkan kepada tetamu. Pengesahan halal terhadap dapur utama oleh badan berautoriti pula menjadi indikator penting dalam memastikan integriti makanan yang disediakan. Secara keseluruhannya, kesemua domain ini menegaskan bahawa pengurusan integriti merupakan asas kepada

pembinaan reputasi hotel patuh *Syarīʿah* yang diyakini serta dipercayai pelanggan, sekali gus menyokong pelaksanaan Model MaSC-Hotel secara menyeluruh dan berkesan.

5.4.3.4 Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Aset dan Prasarana

Penilaian kebolehgunaan konstruk pengurusan aset dan prasarana telah dijalankan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) dengan penglibatan tujuh orang pakar bagi menilai kesesuaian item yang menyokong kelancaran operasi hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh. Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua domain mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan peratusan konsensus sebanyak 97.96%, sekali gus mengesahkan bahawa setiap item adalah relevan, praktikal dan wajar dimasukkan dalam Model MaSC-Hotel. Antara domain utama yang dipersetujui ialah penyediaan barang dan peralatan bagi proses penyimpanan, hidangan serta penyajian produk daripada sumber halal, yang menjadi teras dalam menjamin kesucian makanan dan mengelakkan sebarang keraguan dalam kalangan tetamu Muslim. Selain itu, penyediaan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) seperti bilik air khas dan akses yang sesuai turut menerima persetujuan penuh, mencerminkan komitmen hotel terhadap prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam menjaga kemaslahatan semua golongan serta memperkukuh imej hospitaliti Islam yang inklusif. Aspek keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan juga dikenal pasti sebagai domain penting dalam memastikan kelangsungan operasi hotel dan memberikan ketenangan kepada tetamu sepanjang tempoh penginapan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa pengurusan aset dan prasarana tidak hanya tertumpu kepada penyelenggaraan fizikal semata-mata, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme menyeluruh yang memastikan pematuhan halal, keselamatan, kebersihan dan aksesibiliti dipelihara, seterusnya memperkukuh keyakinan pelanggan Muslim terhadap perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*.

Jadual 5.140
Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Aset dan Prasarana

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Pengurusan Aset dan Prasarana	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Barang-barang seperti peti dan peralatan yang berkaitan bagi proses penyimpanan, hidangan dan penyajian produk hendaklah daripada sumber yang halal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menyediakan kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dengan kemudahan bilik air yang bersesuaian	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Memastikan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan pada tahap yang terjamin	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Keputusan penilaian menunjukkan bahawa ketiga-tiga item penekanan pengurusan aset dan prasarana telah mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49 serta peratusan konsensus sebanyak 97.96%, sekali gus mengesahkan bahawa semua item yang dicadangkan adalah sesuai dan wajar dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel. Antara domain yang dikenal pasti sebagai kritikal ialah penyediaan barang dan peralatan bagi proses penyimpanan, hidangan serta penyajian produk daripada sumber halal, yang berperanan memastikan aspek kebersihan, kesucian dan pematuhan *Syarīʿah* dalam penyediaan makanan dan minuman kepada pelanggan sentiasa terpelihara. Penyediaan kemudahan mesra Orang

Kurang Upaya (OKU), khususnya bilik air khas dan akses yang sesuai, turut menerima persetujuan penuh kerana bukan sahaja memenuhi keperluan perundangan dan tanggungjawab sosial, malah mencerminkan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* yang menekankan keadilan serta kesamarataan akses kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, jaminan keselamatan bangunan, prasarana, perabot, peralatan dan pengangkutan turut diberi keutamaan kerana aspek ini berfungsi melindungi kesejahteraan tetamu di samping meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap pengurusan hotel. Secara keseluruhannya, konsensus yang tinggi ini menegaskan bahawa pengurusan aset dan prasarana merupakan asas penting kepada kelestarian operasi hotel patuh *Syarīʿah*, merangkumi bukan sahaja pematuhan halal, tetapi juga prinsip keselamatan, aksesibiliti dan keselesaan pelanggan secara menyeluruh.

5.4.4 Penilaian Kebolehgunaan Konstruk bagi Setiap Domain: *Taḥsīniyyāt*

Domain *Taḥsīniyyāt* merupakan komponen pelengkap dalam kerangka *Maqāṣid Syarīʿah* yang berperanan memberikan nilai tambah terhadap kesejahteraan, keselesaan dan suasana harmoni dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Walaupun tidak berada pada tahap keperluan asas seperti *Ḍarūriyyāt*, domain ini tetap signifikan dalam mempertingkatkan pengalaman pelanggan serta memperkukuh identiti Islamik dalam sektor hospitaliti. Penilaian kebolehgunaan terhadap domain *Taḥsīniyyāt* yang merangkumi aspek perhiasan, pembangunan, kebersihan dan keselamatan telah dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) dengan penglibatan tujuh orang panel pakar. Hasil analisis menunjukkan bahawa keempat-empat domain memperoleh skor 48 daripada maksimum 49 dengan peratusan kesepakatan pakar sebanyak 97.96%, sekali gus melepasi syarat penerimaan dan disahkan sebagai sesuai untuk diimplementasikan dalam Model MaSC-Hotel. Domain perhiasan menekankan penggunaan elemen hiasan yang mencerminkan identiti Islam seperti seni kaligrafi dan reka bentuk yang sederhana, manakala domain pembangunan memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan fizikal tambahan seperti ruang rekreasi berasingan jantina dan fasiliti istirahat yang selesa. Domain kebersihan pula menitikberatkan pemantauan kebersihan bilik, tandas, ruang solat serta penyelenggaraan fasiliti secara berkala, sementara domain keselamatan melibatkan penyediaan sistem pencegahan kebakaran, laluan kecemasan, kamera litar tertutup (CCTV) serta kehadiran pegawai keselamatan yang profesional. Secara

keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa domain *Taḥsīniyyāt* berfungsi sebagai faktor pengukuh yang meningkatkan imej, kepercayaan dan keselesaan pelanggan, seterusnya memperkukuh Model MaSC-Hotel sebagai model holistik yang menyepadukan dimensi *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* selaras dengan tuntutan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam industri hospitaliti Islam.

5.4.4.1 Kesesuaian Konstruk Penekanan Perhiasan

Domain *Taḥsīniyyāt* dalam Model MaSC-Hotel turut merangkumi item perhiasan yang berperanan memperindah suasana hotel dalam batas *Syarīʿah* serta menyerlahkan identiti Islamik secara harmoni. Penilaian kebolehgunaan bagi domain perhiasan telah dilaksanakan menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) yang melibatkan tujuh orang panel pakar dalam bidang hospitaliti Islam dan *Syarīʿah*, dan hasilnya menunjukkan tahap kesepakatan yang sangat tinggi dengan skor kebolehgunaan sebanyak 97.96% bagi setiap item. Dapatan ini mengesahkan bahawa elemen perhiasan bukan sahaja relevan, malah signifikan dalam meningkatkan nilai estetika dan spiritual sesebuah hotel patuh *Syarīʿah*. Antara item yang dipersetujui termasuk dekorasi bilik yang tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam bagi memastikan suasana penginapan bebas daripada unsur yang boleh menjejaskan kesucian aqidah, serta hiasan dalaman tandas yang tidak mengandungi gambar atau patung menyerupai makhluk bernyawa selaras dengan ketetapan hukum. Reka bentuk kemudahan yang mematuhi *Syarīʿah* turut dinilai penting kerana pematuhan tidak terhad kepada operasi semata-mata, tetapi melibatkan aspek fizikal bangunan dan susun atur ruang. Penggunaan kaligrafi Islamik diiktiraf sebagai elemen hiasan yang berfungsi bukan sahaja memperindah ruang, malah menjadi medium dakwah yang bersifat halus, manakala reka bentuk dalaman bercirikan seni bina Islamik menambah kekuatan identiti visual hotel. Hiasan dalaman yang menarik tetapi patuh syarak turut menzahirkan keseimbangan antara keindahan dan prinsip kesederhanaan (wasatiyyah). Secara keseluruhannya, kesepakatan pakar ini menunjukkan bahawa domain perhiasan memainkan peranan penting dalam menyempurnakan aspek *Taḥsīniyyāt*, sekali gus menyokong pelaksanaan garis panduan dekorasi yang lebih spesifik bagi memastikan suasana penginapan yang indah, harmoni dan selaras dengan nilai *Syarīʿah* dalam industri hospitaliti Islam.

Jadual 5.141
Kesesuaian Konstruk Penekanan Perhiasan

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Perhiasan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Dekorasi bilik tidak bercanggah dengan kepercayaan Islam	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Hiasan dalaman tandas tidak mempunyai unsur gambar atau patung yang menyerupai haiwan atau manusia	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Projek reka bentuk kemudahan mestilah mematuhi *Syarīʿah*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Hiasannya yang kaligrafi	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Reka bentuk dalaman yang berbentuk Islamik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Hiasan dalaman yang menarik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua enam item penekanan perhiasan mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan peratusan 97.96%. Dapatan ini mengesahkan bahawa semua item perhiasan adalah sesuai untuk dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel kerana berperanan menambah nilai estetika dan spiritual dalam persekitaran hotel patuh *Syarīʿah*. Keutamaan utama diberikan kepada keperluan memastikan dekorasi bilik tidak bercanggah dengan prinsip Islam, termasuk larangan penggunaan gambar atau patung yang menyerupai manusia atau haiwan, khususnya di ruang tandas, bagi menjaga kesucian serta kehormatan ruang penginapan. Selain itu, reka bentuk dalaman

bercirikan Islamik seperti penggunaan seni kaligrafi dan motif Islam turut dinilai sebagai signifikan kerana mampu mencerminkan identiti Islamik hotel di samping mewujudkan suasana yang tenang dan kondusif kepada pelanggan Muslim. Penekanan terhadap hiasan dalaman yang menarik tetapi sederhana juga dipersetujui sebagai penting dalam menzahirkan prinsip kesederhanaan (wasatiyyah) tanpa mengabaikan nilai estetika. Secara keseluruhannya, item perhiasan ini memberi impak langsung terhadap persepsi tetamu terhadap identiti dan nilai Islamik hotel, sekali gus menyumbang kepada pembentukan imej hospitaliti Islam yang autentik dan selari dengan tuntutan *Syarīʿah*.

5.4.4.2 Kesesuaian Konstruk Penekanan Pembangunan

Penilaian terhadap konstruk pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa kesemua enam item yang dinilai mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam kalangan pakar, dengan peratusan kebolehgunaan sebanyak 97.96% bagi setiap item. Dapatan ini membuktikan bahawa aspek pembangunan pelengkap dalam hotel patuh *Syarīʿah* merupakan komponen penting yang menambah nilai keselesaan serta kesejahteraan pelanggan tanpa mengabaikan prinsip *Syarīʿah*. Antaranya, kepelbagaian kemudahan pusat kecergasan dilihat signifikan dalam menyokong gaya hidup sihat pelanggan dengan pelaksanaan pengasingan jantina, manakala penyediaan ruangan bacaan pula memberikan nilai intelektual dan spiritual selari dengan aspirasi pembentukan persekitaran penginapan yang mendidik. Selain itu, pelaksanaan kawalan keselamatan seperti kehadiran pengawal, sistem CCTV, penggera keselamatan dan lif yang selamat dipersetujui sebagai aspek kritikal dalam menjamin perlindungan menyeluruh kepada tetamu. Keperluan pengudaraan serta pencahayaan yang mencukupi turut diiktiraf sebagai elemen penting dalam meningkatkan keselesaan dan kesihatan penghuni. Kemudahan riadah seperti gimnasium dan kolam renang juga diterima dengan syarat pengasingan jantina dilaksanakan sepenuhnya bagi memelihara batas aurat dan privasi. Sebaliknya, cadangan penyediaan bilik air jenis “transparent” ditolak kerana bertentangan dengan prinsip menjaga aurat dalam Islam. Secara keseluruhannya, domain pembangunan memperkukuh elemen pelengkap dalam perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* melalui pembangunan fizikal dan rekreasi yang mesra *Syarīʿah*, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan dan keselesaan pelanggan.

Jadual 5.142
Kesesuaian Konstruk Penekanan Pembangunan

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Pembangunan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Mempelbagaikan kemudahan pusat kecergasan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menyediakan ruangan bacaan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Mempelbagaikan kawalan keselamatan (Contoh: pengawal, cctv, *alarm,* lif & lain-lain)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Pengudaraan dan pencahayaan yang cukup dan baik bagi keselesaan para pengguna	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Mempelbagaikan ruangan riadah (Contoh: gimnasium, kolam renang yang memisahkan antara lelaki dan perempuan)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Tidak menyediakan bilik air yang *"transparent"*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian terhadap konstruk pembangunan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa kesemua enam item yang dinilai mencapai tahap konsensus yang sangat tinggi, dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49 bersamaan peratusan 97.96%. Kesepakatan ini membuktikan bahawa pembangunan prasarana yang dirancang secara menyeluruh dan berlandaskan *Syarīʿah* merupakan faktor signifikan dalam melengkapkan Model MaSC-Hotel. Antara item yang dipersetujui ialah penyediaan pusat kecergasan serta ruang riadah yang dipelbagaikan seperti gimnasium

dan kolam renang yang diasingkan mengikut jantina, selaras dengan tuntutan pemeliharaan aurat dan batas pergaulan di samping menyokong gaya hidup sihat pelanggan. Penyediaan ruangan bacaan turut diiktiraf sebagai elemen penting kerana bukan sahaja memberi nilai tambah kepada tetamu, malah menyumbang kepada pembangunan intelektual selari dengan prinsip *Hifẓ al-ʿAql*. Selain itu, sistem keselamatan yang menyeluruh seperti kehadiran pengawal, pemasangan CCTV, alat penggera serta penggunaan lif yang selamat dinilai sebagai komponen kritikal dalam memastikan perlindungan nyawa tetamu. Pengudaraan dan pencahayaan yang baik pula disahkan sebagai elemen penting kerana mempengaruhi kesihatan, keselesaan serta kualiti pengalaman penginapan. Dalam masa yang sama, cadangan penyediaan bilik air jenis "*transparen*t" ditolak secara jelas kerana bercanggah dengan prinsip privasi dan adab dalam Islam. Dapatan ini menegaskan bahawa pembangunan fasiliti dalam hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar bersifat teknikal, tetapi perlu dirancang secara strategik bagi mengharmonikan aspek keselesaan, keselamatan dan pematuhan *Syarīʿah*, sekali gus mengukuhkan peranan domain pembangunan sebagai elemen *Taḥsīniyyāt* yang melengkapkan model secara holistik.

5.4.4.3 Kesesuaian Konstruk Penekanan Kebersihan

Penilaian kebolehgunaan bagi konstruk kebersihan dalam domain *Taḥsīniyyāt* menunjukkan bahawa kesemua 8 item yang dinilai mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi, dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49 bersamaan peratusan 97.96%. Dapatan ini mengesahkan bahawa kebersihan bukan sahaja merupakan tuntutan asas dalam Islam, malah menjadi elemen penting dalam memperkukuh identiti hotel patuh *Syarīʿah*. Antara item utama yang dipersetujui ialah penyediaan prasarana wuduk dan kemudahan mandi di setiap bilik bagi memudahkan tetamu Muslim menunaikan ibadah dalam keadaan suci, di samping kemudahan beristinjak seperti kain basahan dan selipar tandas yang memenuhi keperluan kebersihan diri mengikut amalan Muslim. Keperluan memastikan bilik serta kawasan hotel sentiasa bersih turut mencapai kesepakatan penuh kerana aspek ini bukan sahaja menyumbang kepada keselesaan fizikal, tetapi juga mencerminkan reputasi dan kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah*. Penubuhan unit sertu serta penyediaan prasarana menyuci najis mughallazah menunjukkan komitmen terhadap pemeliharaan kesucian mengikut hukum syarak, manakala kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi tong sampah mencukupi

menekankan kepentingan pengurusan fasiliti secara teliti. Selain itu, pengasingan kemudahan mandi mengikut jantina dipersetujui sebagai langkah praktikal dalam memelihara aurat dan kehormatan tetamu, sementara penyediaan panduan atau khidmat halal di hotel membantu pelanggan mengekalkan gaya hidup bersih dan patuh *Syarīʿah* sepanjang penginapan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa kebersihan dalam konteks hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar aspek fizikal, tetapi merupakan nilai asas yang berkait rapat dengan kesucian, keyakinan pelanggan dan kualiti pengalaman perhotelan Islam.

Jadual 5.143
Kesesuaian Konstruk Penekanan Kebersihan

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Kebersihan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Menyediakan prasarana wuduk dan mandi di dalam setiap bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Kemudahan beristinjak, kain basahan dan selipar tandas disediakan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Memastikan bilik dan kawasan hotel bersih	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Penubuhan unit sertu	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Kebersihan ruangan tandas yang dilengkapi dengan penyediaan tong sampah yang mencukupi	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Menambah prasarana menyuci Najis (sertu) (Contoh: s*ertu Cleaning Services (SCS*)	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Kebersihan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
7	Pengasingan pelbagai kemudahan mandi	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Menyediakan panduan/khidmat halal yang ditawarkan di hotel	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian menunjukkan bahawa kesemua 8 item dalam konstruk kebersihan mencapai tahap persetujuan pakar yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49, bersamaan peratusan kesesuaian 97.96%, sekali gus mengesahkan bahawa semua item adalah sesuai untuk dimasukkan ke dalam Model MaSC-Hotel. Dapatan ini membuktikan bahawa kebersihan merupakan komponen penting yang bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal pelanggan, malah menepati tuntutan syarak dari aspek kesucian dan keselesaan. Item seperti penyediaan prasarana wuduk, kemudahan beristinjak, penubuhan unit sertu, serta pemantauan kebersihan ruang tandas mencerminkan komitmen pihak hotel dalam memastikan persekitaran penginapan yang bersih, selamat dan patuh *Syarīʿah*. Justeru, kesepakatan pakar ini menegaskan bahawa aspek kebersihan memberikan nilai tambah yang signifikan dalam memperkukuh imej profesional serta kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh.

5.4.4.4 Kesesuaian Konstruk Penekanan Keselamatan

Konstruk keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan tetamu hotel patuh *Syarīʿah*, bukan sahaja dari sudut perlindungan fizikal tetapi juga ketenteraman psikologi sepanjang tempoh penginapan. Penilaian menggunakan Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) yang melibatkan tujuh orang pakar menunjukkan bahawa semua item keselamatan yang dicadangkan mencapai tahap kesepakatan yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada 49 serta peratusan 97.96%, sekali gus melepasi syarat kebolehgunaan yang ditetapkan. Antara

item utama yang dipersetujui ialah penyediaan bilik kebal untuk simpanan barangan berharga dan kotak keselamatan di setiap bilik sebagai jaminan perlindungan harta pelanggan, di samping rondaan berkala, pemasangan CCTV serta kawalan pintu masuk yang sistematik bagi memastikan tahap keselamatan yang profesional. Dari aspek kesiapsiagaan kecemasan, penyediaan alat pengesan asap, penggera kebakaran serta laluan keluar atau lif kecemasan turut dikenal pasti sebagai komponen kritikal dalam mengurangkan risiko bencana dan melindungi nyawa tetamu. Keperluan kepada pegawai keselamatan wanita juga dipersetujui kerana mampu meningkatkan keselesaan pelanggan wanita selaras dengan prinsip pemeliharaan nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) dan maruah (*hifẓ al-'ird*) dalam *Maqāṣid Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa aspek keselamatan berfungsi sebagai elemen pelengkap yang signifikan dalam Model MaSC-Hotel dengan menzahirkan komitmen terhadap penjagaan nyawa, harta dan maruah pelanggan, seterusnya memperkukuh keyakinan serta kredibiliti hotel patuh *Syarīʿah* di peringkat industri.

Jadual 5.144
Kesesuaian Konstruk Penekanan Keselamatan

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Keselamatan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Bilik kebal untuk simpanan barangan berharga	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Mempunyai pegawai keselamatan wanita	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Menyediakan CCTV	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Menyediakan kotak keselamatan di setiap bilik	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
5	Mempelbagaikan kawalan pintu masuk	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
6	Menyediakan *smoke detector*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesesuaian Konstruk Penekanan Keselamatan	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
7	Rondaan berkala bertujuan penjaga keselamatan	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
8	Menyediakan *fire alarm*	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
9	Menyediakan *emergency lift*/ lalaun keluar	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Syarat peratusan kebolehgunaan ≥ 70.0%
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Hasil penilaian pakar menunjukkan bahawa semua item keselamatan dalam domain *Taḥsīniyyāt* mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan jumlah skor 48 daripada maksimum 49 bersamaan 97.96%, sekali gus mengesahkan kesesuaiannya untuk dimasukkan dalam Model MaSC-Hotel. Item seperti penyediaan bilik kebal dan kotak keselamatan di setiap bilik, rondaan berkala oleh pegawai keselamatan, pemasangan CCTV, alat pengesan asap serta sistem penggera kebakaran dilihat kritikal dalam menjamin perlindungan aset dan keselamatan nyawa tetamu sepanjang penginapan. Tambahan pula, kewujudan pegawai keselamatan wanita, kawalan pintu masuk yang sistematik serta penyediaan laluan kecemasan atau lif kecemasan mencerminkan kepekaan terhadap dimensi keselamatan fizikal dan psikologi yang selari dengan tuntutan *Syarīʿah*. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa aspek keselamatan bukan sekadar keperluan teknikal, tetapi merupakan elemen penyempurna yang menyokong pemeliharaan nyawa (*Hifẓ al-Nafs*) dan kesejahteraan pelanggan, sekali gus memperkukuh keyakinan terhadap persekitaran hotel patuh *Syarīʿah* yang selamat, harmoni dan berintegriti.

5.4.5 Rumusan Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan

Fasa III merupakan tahap signifikan dalam penyelidikan ini kerana menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel yang dibangunkan berasaskan tiga kategori utama *Maqāṣid Syarīʿah* iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* melalui pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT) melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang *Syarīʿah*,

hospitaliti dan pensijilan halal. Dapatan menunjukkan bahawa domain *Ḍarūriyyāt* yang merangkumi penjagaan agama, akal, maruah, harta dan nyawa memperoleh tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan skor purata 97.96%, sekali gus menegaskan kepentingannya sebagai komponen teras dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Domain *Ḥājiyyāt* yang melibatkan strategi pemasaran, halal ekosistem, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana turut mencapai tahap kebolehgunaan maksimum, membuktikan peranannya dalam menyokong kelancaran operasi, kecekapan pengurusan dan kelestarian ekosistem perkhidmatan. Sementara itu, domain *Taḥsīniyyāt* yang memfokuskan kepada aspek perhiasan, pembangunan, kebersihan dan keselamatan menunjukkan konsensus tinggi sebagai elemen pelengkap yang menyumbang kepada keselesaan, estetika dan suasana penginapan yang harmoni. Penilaian ini memperlihatkan keperluan memperluas tumpuan daripada aspek teknikal semata-mata kepada dimensi pengurusan dalaman, latihan staf, integriti organisasi dan pengalaman pelanggan sebagai faktor kritikal kejayaan model. Walaupun konsensus pakar adalah amat tinggi, cabaran pelaksanaan seperti kekangan kos, sumber manusia, penerimaan pelanggan bukan Muslim serta ketiadaan piawaian industri yang seragam masih dikenal pasti dan memerlukan pemantauan serta mekanisme audit yang berterusan. Secara keseluruhannya, Fasa III mengesahkan bahawa semua konstruk dan domain dalam Model MaSC-Hotel mencapai tahap kebolehgunaan yang sangat tinggi iaitu 97.96%, sekali gus membuktikan kesahihan teori dan kebolehlaksanaan praktikal model ini sebagai panduan kepada pengurusan hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam memperkukuh ekosistem hospitaliti patuh *Syarīʿah* di peringkat nasional dan antarabangsa berteraskan nilai *Maqāṣid Syarīʿah*.

5.5 Pengesahan Industri Terhadap Model MaSC-Hotel

5.5.1 Profil Hotel dan Informan Industri

Bagi Bagi memperkukuh kesahan dan kebolehlaksanaan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*, satu sesi pengesahan industri telah dilaksanakan selepas model dibangunkan melalui analisis dokumen, temu bual pakar, Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* dan *Modified Nominal Group Technique (NGT)*. Pengesahan ini bertujuan menilai kesesuaian model daripada perspektif pengguna sebenar, di samping mendapatkan cadangan penambahbaikan sebelum model dimuktamadkan.

Pengesahan industri melibatkan dua buah hotel yang mewakili dua pendekatan berbeza dalam industri hospitaliti Islam di Malaysia. Hotel pertama ialah Adya Hotel Langkawi, yang mengamalkan konsep Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) dan diwakili oleh Puan Syatirah selaku Pengurus Pejabat Hadapan. Hotel kedua ialah Mardhiyyah Hotel & Suites, sebuah hotel patuh *Syarīʿah* yang mempunyai pengiktirafan Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) dan CrescentRating, diwakili oleh Haji Mohammad Ihsan Fadhli bin Che Min selaku Penasihat dan Ketua Pematuhan Syariah. Pemilihan kedua-dua hotel ini membolehkan penyelidik memperoleh pandangan daripada dua model operasi hotel yang berbeza bagi menilai kebolehlaksanaan Model MaSC-Hotel.

5.5.2 Tema 1: Kesesuaian Model MaSC-Hotel

Hasil temu bual menunjukkan bahawa kedua-dua wakil industri memberikan persetujuan dan sokongan penuh terhadap pembangunan Model MaSC-Hotel. Mereka berpandangan bahawa model yang dibangunkan adalah komprehensif kerana berjaya mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* ke dalam keseluruhan operasi hotel, merangkumi aspek tadbir urus, pengurusan sumber manusia, penyampaian perkhidmatan serta pengurusan organisasi. Menurut wakil Mardhiyyah Hotel & Suites, model ini berjaya melengkapkan beberapa kekurangan yang terdapat dalam piawaian sedia ada dan boleh dijadikan sebagai "one-stop reference" kepada industri. Manakala wakil Adya Hotel Langkawi berpandangan bahawa model ini mampu membantu menjelaskan perbezaan antara konsep hotel mesra Muslim dan hotel patuh *Syarīʿah* yang sering disalahfahami oleh pelanggan dan penggiat industri.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja memenuhi keperluan akademik, malah mempunyai nilai praktikal yang tinggi sebagai kerangka rujukan baharu dalam pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

5.5.3 Tema 2: Kebolehlaksanaan Model dalam Industri

Walaupun Dari aspek pelaksanaan, kedua-dua informan berpandangan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai potensi untuk diaplikasikan dalam industri hotel di Malaysia. Walau bagaimanapun, tahap pelaksanaannya bergantung kepada komitmen pihak pengurusan hotel serta kemampuan organisasi menyediakan sumber kewangan

dan tenaga kerja yang mencukupi. Wakil Adya Hotel Langkawi memaklumkan bahawa sebahagian besar elemen dalam Model MaSC-Hotel telah dilaksanakan di hotel tersebut, khususnya dalam aspek penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, tadbir urus dan tanggungjawab sosial organisasi.

Sementara itu, wakil Mardhiyyah Hotel & Suites menjelaskan bahawa model ini amat sesuai dijadikan panduan kepada mana-mana hotel yang ingin membangunkan operasi patuh *Syarīʿah* secara sistematik kerana model ini menghimpunkan elemen-elemen penting yang sebelum ini tersebar dalam pelbagai piawaian dan garis panduan.

5.5.4 Tema 3: Cabaran Pelaksanaan dan Cadangan Penambahbaikan

Walaupun menyokong pembangunan Model MaSC-Hotel, kedua-dua wakil industri mengakui bahawa pelaksanaan model secara menyeluruh memerlukan komitmen yang tinggi daripada pihak pengurusan. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah peningkatan kos operasi bagi melantik Penasihat Syariah, Eksekutif Halal, melaksanakan audit dalaman, menyediakan dokumentasi serta menaik taraf kemudahan fizikal hotel. Selain itu, kadar pertukaran pekerja yang tinggi dalam industri perhotelan menyebabkan latihan berkaitan pematuhan Syariah perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan semua kakitangan memahami prinsip-prinsip yang digariskan dalam Model MaSC-Hotel.

Bagi meningkatkan kebolehlaksanaan model, kedua-dua informan mencadangkan supaya Model MaSC-Hotel dilaksanakan secara fleksibel mengikut kategori dan taraf hotel melalui sistem pemberatan (weightage) yang bersesuaian. Selain itu, model ini dicadangkan supaya dilengkapi dengan dokumen pelaksanaan seperti Prosedur Operasi Standard (SOP), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta sistem pemarkahan yang lebih sistematik. Kerjasama strategik dengan agensi seperti Islamic Tourism Centre (ITC), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta persatuan hotel turut dicadangkan bagi meningkatkan penerimaan industri terhadap model ini.

5.5.5 Rumusan Pengesahan Industri

Secara keseluruhannya, pengesahan yang diperoleh daripada Adya Hotel Langkawi dan Mardhiyyah Hotel & Suites menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel

Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai tahap kesesuaian, kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang tinggi untuk diaplikasikan dalam industri perhotelan di Malaysia. Walaupun beberapa cabaran berkaitan kos operasi, latihan kakitangan dan komitmen pengurusan dikenal pasti, kedua-dua wakil industri bersetuju bahawa model ini berpotensi menjadi rujukan komprehensif kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam memperkukuh pembangunan ekosistem hotel patuh *Syarīʿah*. Pengesahan ini melengkapkan proses pembangunan model yang bermula daripada analisis dokumen, diteruskan dengan temu bual pakar, FDM dan NGT sebelum Model MaSC-Hotel dimuktamadkan sebagai model akhir kajian.

5.6 Model Akhir MaSC-Hotel

Model Akhir MaSC-Hotel berteraskan Maqāṣid Syarīʿah merupakan hasil proses pembangunan model yang dilaksanakan secara sistematik menggunakan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR) Jenis II. Model ini dibentuk melalui tiga fasa utama, iaitu analisis keperluan dalam Fasa Pertama, reka bentuk dan pembangunan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) dalam Fasa Kedua serta penilaian kebolehgunaan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai atau *Modified Nominal Group Technique* (MNGT) dalam Fasa Ketiga. Semakan praktikal awal bersama wakil industri turut dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan tentang kesesuaian model dalam konteks operasi hotel.

Model ini mengintegrasikan dapatan analisis dokumen, temu bual pakar, kesepakatan 16 orang pakar melalui FDM dan penilaian tujuh orang pakar melalui MNGT. Dapatan daripada setiap fasa disepadukan untuk menghasilkan model yang mengandungi domain, konstruk dan elemen perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Prinsip Maqāṣid Syarīʿah digunakan sebagai asas dalam menentukan tujuan, tahap keutamaan dan hubungan setiap elemen dengan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, maruah dan harta. Model ini dibangunkan sebagai kerangka yang menyeluruh dan sistematik, manakala tahap kepraktisan serta kebolehlaksanaannya dalam skala industri masih memerlukan pengujian rintis dan penilaian bersama agensi kawal selia.

Walaupun model tersebut mempunyai asas teoritis dan sokongan kesepakatan pakar, kebolehlaksanaannya perlu dinilai berdasarkan struktur perundangan dan pengawalseliaan industri perhotelan Malaysia. MaSC-Hotel tidak dicadangkan untuk

menggantikan lesen, pensijilan, standard atau pengiktirafan yang sedang berkuat kuasa. Sebaliknya, model ini berfungsi sebagai kerangka pelengkap yang menyusun dan menghubungkan keperluan sedia ada berdasarkan hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*.

Penyelarasan MaSC-Hotel dengan Sistem Perundangan dan Kawal Selia

Penyelarasan MaSC-Hotel perlu dimulakan dengan membezakan antara peruntukan undang-undang yang bersifat mandatori, standard yang digunakan sebagai rujukan, pensijilan halal dan program pengiktirafan mesra Muslim. Akta dan undang-undang kecil mempunyai kesan perundangan dalam bidang kuasa masing-masing. MS 2610:2015 pula menyediakan keperluan perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim, manakala MPPHM 2020 dan MHMS 2020 mengawal prosedur serta sistem pengurusan pensijilan halal. MaSC-Hotel berada pada kedudukan sebagai kerangka integratif yang memetakan instrumen tersebut kepada objektif Maqāṣid Syarīʿah.

Dalam aspek halal, pelaksanaan MaSC-Hotel perlu diselaraskan dengan Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Berdasarkan perundangan tersebut, JAKIM dan MAIN/JAIN merupakan pihak berkuasa berwibawa untuk memperakukan makanan, barangan atau perkhidmatan berkaitan sebagai halal. Oleh itu, MaSC-Hotel tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil halal atau membenarkan penggunaan logo dan ungkapan halal. Elemen ekosistem halal dalam model perlu menggunakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia, MPPHM 2020 dan MHMS 2020 sebagai bukti pematuhan yang sah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020a, 2020b, 2024).

Penyelarasan tersebut membolehkan konstruk halal dalam MaSC-Hotel melengkapi, bukannya mengulangi, fungsi JAKIM dan MAIN/JAIN. Sebagai contoh, status pensijilan dapur dan restoran dinilai berdasarkan sistem Pensijilan Halal Malaysia, manakala MaSC-Hotel menilai hubungan pelaksanaannya dengan *Ḥifẓ al-Dīn, Ḥifẓ al-Nafs*, latihan pekerja, kebolehkesanan rantaian bekalan dan pengurusan risiko. Pendekatan ini memastikan elemen halal tidak digunakan sebagai dakwaan kendiri oleh pihak hotel tanpa pengesahan badan berautoriti.

Pada peringkat industri pelancongan, MaSC-Hotel perlu diselaraskan dengan fungsi MOTAC dalam pendaftaran, pemeriksaan dan pengelasan premis penginapan pelancong di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Bahagian Pelesenan

dan Penguatkuasaan Pelancongan MOTAC bertanggungjawab mendaftarkan, memeriksa dan mengelaskan premis penginapan berdasarkan prosedur serta kriteria yang berkuat kuasa. Oleh itu, pematuhan terhadap MaSC-Hotel tidak boleh menggantikan pendaftaran premis atau pengelasan hotel oleh MOTAC.

Penyelarasan dengan *Islamic Tourism Centre* (ITC) pula boleh dilakukan melalui program *Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* (MFAR). MFAR merupakan program pengiktirafan produk serta perkhidmatan pelancongan mesra Muslim di bawah MOTAC. MaSC-Hotel boleh melengkapkan program tersebut dengan menyediakan penilaian yang lebih terperinci terhadap tadbir urus, integriti, hierarki keperluan dan pencapaian *Maqāṣid Syarīʿah*. Namun, model ini tidak boleh mendakwa menggantikan atau telah diterima sebagai sebahagian daripada MFAR tanpa persetujuan rasmi ITC dan MOTAC.

MS 2610:2015, *Muslim Friendly Hospitality Services-Requirements*, boleh dijadikan salah satu asas teknikal dalam pelaksanaan MaSC-Hotel. Standard tersebut merangkumi pengurusan kemudahan, produk dan perkhidmatan bagi premis penginapan, pakej pelancongan serta pemandu pelancong. Elemen berkaitan kemudahan ibadah, makanan halal, latihan, dokumentasi dan komunikasi dalam MaSC-Hotel boleh dipadankan dengan keperluan MS 2610:2015. Walau bagaimanapun, MS 2610:2015 lebih berorientasikan perkhidmatan mesra Muslim, sedangkan MaSC-Hotel memperluas penilaian kepada tadbir urus, kewangan, integriti, keselamatan, pembangunan dan tahap keutamaan Maqāṣid Syarīʿah (*Department of Standards Malaysia*, 2015).

Pada peringkat tempatan, sesebuah hotel perlu memperoleh lesen dan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh PBT. Bidang kuasa PBT berkaitan dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] serta undang-undang kecil negeri atau PBT berhubung lesen hotel, kebersihan, pengendalian makanan, bangunan, iklan dan keselamatan premis. Oleh sebab syarat pelesenan tidak seragam sepenuhnya antara PBT, MaSC-Hotel perlu mempunyai komponen yang boleh disesuaikan dengan lokasi dan bidang kuasa hotel.

Elemen aset, prasarana, kebersihan dan keselamatan dalam MaSC-Hotel boleh digunakan untuk menyusun bukti pematuhan PBT seperti lesen premis, kelulusan bangunan, rekod pemeriksaan, pelan kecemasan dan sijil berkaitan. Walau bagaimanapun, penilaian MaSC-Hotel tidak boleh mengesahkan keselamatan bangunan

atau mengeluarkan lesen operasi. Fungsi tersebut kekal di bawah PBT dan agensi teknikal yang berautoriti. Model hanya membantu hotel mengenal pasti hubungan pematuhan tersebut dengan *Ḥifẓ al-Nafs* dan *Ḥifẓ al-Māl*.

Dari sudut pelaksanaan, setiap elemen MaSC-Hotel boleh disertakan dengan empat maklumat, iaitu agensi berautoriti, asas perundangan atau standard, bentuk bukti pematuhan dan tahap Maqāṣid Syarīʿah. Sebagai contoh, elemen makanan halal perlu disokong dengan sijil halal yang sah; elemen lesen premis dengan lesen PBT; elemen pengelasan penginapan dengan rekod MOTAC; dan elemen mesra Muslim dengan dokumen berkaitan MS 2610:2015 atau MFAR. Kaedah ini menjadikan model lebih mudah diaudit dan mengelakkan penilaian berdasarkan pengakuan hotel semata-mata.

Pelaksanaan awal MaSC-Hotel dicadangkan melalui kajian rintis bersama hotel terpilih dan agensi berkaitan. Hasil kajian rintis boleh digunakan untuk menilai kos, pertindihan dokumen, kemampuan hotel, kesesuaian indikator dan keperluan latihan penilai. Selepas itu, rundingan boleh dilaksanakan bersama JAKIM, MAIN/JAIN, MOTAC, ITC, Department of Standards Malaysia, PBT dan wakil industri. Sebarang cadangan untuk menjadikan MaSC-Hotel sebagai syarat rasmi atau instrumen penguatkuasaan memerlukan penelitian undang-undang, penilaian impak regulatori dan kelulusan pihak yang mempunyai bidang kuasa.

Kesimpulannya, MaSC-Hotel tidak dibangunkan sebagai sistem perundangan baharu yang berdiri secara berasingan. Model ini merupakan kerangka pelengkap yang menyusun peraturan, standard, pensijilan dan pengiktirafan sedia ada berdasarkan Maqāṣid Syarīʿah. Penyelarasan tersebut dapat mengelakkan pertindihan fungsi, meningkatkan kebolehgunaan model dan menyediakan laluan yang lebih realistik untuk pelaksanaannya dalam industri perhotelan Malaysia.



Rajah 5.3 Model Akhir MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* Yang Telah Dimuktamadkan Berdasarkan Keseluruhan Dapatan Kajian

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 5.3 memperlihatkan bahawa Model MaSC-Hotel dibangunkan berasaskan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* yang saling melengkapi dalam membentuk sistem pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh.

Domain *Ḍarūriyyāt* merupakan asas utama model yang mengandungi lima konstruk, iaitu *Ḥifẓ al-Dīn* (pemeliharaan agama), *Ḥifẓ al-Nafs* (pemeliharaan nyawa), *Ḥifẓ al-'Aql* (pemeliharaan akal), *Ḥifẓ al-'Ird* (pemeliharaan maruah) dan *Ḥifẓ al-Māl* (pemeliharaan harta). Kelima-lima konstruk ini menjadi keperluan asas yang perlu dipenuhi bagi memastikan setiap operasi hotel mematuhi prinsip Syariah serta memenuhi objektif utama *Maqāṣid Syarīʿah*.

Domain *Ḥājiyyāt* pula berfungsi sebagai keperluan pelengkap yang menyokong keberkesanan operasi hotel melalui empat konstruk, iaitu strategi pemasaran, ekosistem halal, pengurusan integriti, serta pengurusan aset dan prasarana. Konstruk-konstruk ini membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan dan memudahkan pelaksanaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* tanpa mengabaikan keperluan pelanggan.

Sementara itu, domain *Taḥsīniyyāt* berperanan sebagai elemen penyempurna yang memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan melalui empat konstruk,

iaitu kebersihan, keselamatan, perhiasan dan pembangunan. Elemen-elemen ini meningkatkan kualiti perkhidmatan, imej organisasi serta pengalaman pelanggan, sekali gus menyokong daya saing hotel patuh *Syarīʿah* dalam industri hospitaliti.

Keseluruhan domain tersebut saling berhubung dan membentuk satu model yang bukan sahaja memenuhi tuntutan Syariah, malah mampu diaplikasikan secara praktikal dalam pengurusan hotel. Berdasarkan proses pengesahan melalui FDM, NGT dan pengesahan industri, Model MaSC-Hotel didapati mempunyai kesahan kandungan, kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang baik, sekali gus berpotensi dijadikan rujukan oleh pengusaha hotel, agensi pensijilan halal serta pembuat dasar dalam membangunkan standard hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

5.6.1 Rumusan Model Akhir MaSC-Hotel

Secara Dari sudut pelaksanaan, Model MaSC-Hotel tidak dicadangkan untuk menggantikan akta, piawaian, pensijilan atau mekanisme pengawalseliaan yang sedang berkuat kuasa. Sebaliknya, model ini boleh berfungsi sebagai kerangka penyelarasan yang menghubungkan keperluan *Maqāṣid Syarīʿah* dengan sistem kawal selia sedia ada. Setiap konstruk dan elemen model boleh dipadankan dengan peruntukan undang-undang, standard serta garis panduan berkaitan bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa. Pendekatan ini membolehkan MaSC-Hotel digunakan sebagai senarai semak pelengkap untuk membantu pengusaha mengenal pasti tahap pematuhan, jurang pelaksanaan dan keutamaan penambahbaikan tanpa mengambil alih fungsi agensi berautoriti.

Dalam aspek halal, penyelarasan boleh dilakukan dengan pensijilan yang dikendalikan oleh JAKIM bersama Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri berdasarkan Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 serta Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Perenggan 3 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 memberikan kuasa kepada JAKIM dan MAIN/JAIN sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk memperakukan makanan, barangan atau perkhidmatan berkaitan sebagai halal. Oleh itu, elemen halal dalam MaSC-Hotel hendaklah merujuk MPPHM 2020 dan MHMS 2020, manakala model ini berfungsi memperluas penerapan halal kepada hubungannya dengan *Ḥifẓ al-Dīn*, *Ḥifẓ al-Nafs*, tadbir urus, kompetensi pekerja dan pengurusan risiko. Penggunaan label halal dalam

pelaksanaan MaSC-Hotel tetap tertakluk pada pensijilan dan penguatkuasaan pihak berkuasa, bukan pada penilaian model semata-mata (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020a, 2020b, 2024).

Pada peringkat industri pelancongan, MaSC-Hotel boleh diselaraskan dengan fungsi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dalam pendaftaran, pemeriksaan dan pengelasan premis penginapan pelancong di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Penyelarasan juga boleh dilakukan dengan program *Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* (MFAR) yang dilaksanakan oleh Islamic Tourism Centre (ITC), sebuah agensi di bawah MOTAC. MFAR memberikan pengiktirafan kepada produk dan perkhidmatan pelancongan mesra Muslim, manakala MaSC-Hotel boleh bertindak sebagai kerangka lanjutan bagi menilai tadbir urus, hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* serta pencapaian lima prinsip pemeliharaan. Dengan pendekatan ini, MaSC-Hotel tidak menduplikasi penarafan MOTAC atau pengiktirafan MFAR, tetapi melengkapkannya melalui penilaian Maqāṣid Syarīʿah yang lebih menyeluruh (Islamic Tourism Centre, 2025; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, 2026).

Penyelarasan di peringkat tempatan pula perlu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), khususnya dalam aspek lesen perniagaan, kelulusan premis, kebersihan, keselamatan bangunan, perancangan guna tanah dan pematuhan undang-undang kecil. Bidang tersebut berkaitan dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] serta undang-undang kecil yang berkuat kuasa di kawasan PBT masing-masing. Oleh sebab undang-undang kecil dan prosedur pelesenan boleh berbeza mengikut negeri serta PBT, MaSC-Hotel perlu menyediakan matriks pematuhan yang boleh disesuaikan dengan lokasi hotel. Elemen keselamatan, kebersihan, aksesibiliti, penyelenggaraan dan pengurusan risiko dalam model boleh dipadankan dengan keperluan PBT serta agensi teknikal berkaitan bagi menyokong *Ḥifẓ al-Nafs* dan *Ḥifẓ al-Māl* (Jabatan Kerajaan Tempatan, 2026).

Secara operasional, penyelarasan ini boleh dilaksanakan melalui pembentukan matriks rentas agensi yang memadankan setiap elemen MaSC-Hotel dengan agensi berautoriti, asas perundangan, dokumen bukti dan tahap pematuhan. Sebagai contoh, status halal makanan dipadankan dengan JAKIM atau MAIN/JAIN; pendaftaran dan pengelasan premis dengan MOTAC; pengiktirafan mesra Muslim dengan ITC; manakala lesen, bangunan, kebersihan dan keselamatan premis dengan PBT serta

agensi teknikal berkaitan. Pelaksanaan awal boleh dilakukan melalui projek rintis bersama hotel terpilih sebelum model dipertimbangkan sebagai garis panduan industri atau instrumen sokongan kepada dasar. Sebarang usaha menjadikan MaSC-Hotel sebagai syarat pengawalseliaan rasmi memerlukan penelitian perundangan, rundingan pihak berkepentingan dan kelulusan agensi yang mempunyai bidang kuasa.

5.7 Sintesis Dapatan

Dapatan Sintesis dapatan keseluruhan kajian memperlihatkan kesinambungan antara analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Pelaksanaan tiga fasa berdasarkan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR) Jenis II membolehkan setiap keputusan pembangunan model disandarkan pada dapatan daripada fasa sebelumnya. Fasa Pertama menghasilkan asas konseptual dan empirikal, Fasa Kedua menentukan konstruk serta elemen melalui kesepakatan pakar, manakala Fasa Ketiga menilai tahap persetujuan dan kebolehgunaan model yang dibangunkan. Semakan bersama wakil industri seterusnya memberikan pandangan awal terhadap kesesuaian model dalam konteks operasi hotel.

Fasa Pertama mengenal pasti bahawa pembangunan model diperlukan berikutan ketidakseragaman definisi, kriteria dan piawaian hotel patuh *Syarīʿah*. Analisis dokumen dan temu bual pakar turut menunjukkan wujudnya perbezaan antara konsep hotel mesra Muslim dengan hotel patuh *Syarīʿah*. Hotel mesra Muslim lazimnya menumpukan penyediaan kemudahan yang memenuhi keperluan berasaskan agama pelanggan, manakala hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan penyelarasan yang lebih menyeluruh pada peringkat tadbir urus, kewangan, sumber manusia, halal, operasi, keselamatan dan pemantauan. Dapatan Fasa Pertama kemudiannya diterjemahkan kepada konstruk serta elemen awal model dan menjadi asas pembentukan instrumen bagi Fasa Kedua.

Dalam Fasa Kedua, Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) digunakan bagi mendapatkan kesepakatan 16 orang pakar terhadap kesesuaian dan kepentingan setiap konstruk serta elemen. Keputusan dibuat berdasarkan nilai ambang $d \leq 0.2$, peratus persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75 peratus dan nilai α-*cut* ≥ 0.5. Elemen yang memenuhi ketiga-tiga syarat dikekalkan dan disusun berdasarkan keutamaan, manakala elemen yang tidak memenuhi syarat diteliti mengikut prosedur

analisis yang ditetapkan. Proses tersebut menghasilkan draf MaSC-Hotel yang mempunyai sokongan kesepakatan pakar dan bukti kesahan kandungan.

Fasa Ketiga menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubah Suai atau *Modified Nominal Group Technique* (MNGT) yang melibatkan tujuh orang pakar. Fasa ini memberikan tumpuan kepada penilaian tahap persetujuan, kejelasan, kesesuaian susunan dan kebolehgunaan model. Dapatan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap konstruk dan elemen yang dikemukakan. Maklum balas panel turut digunakan untuk memurnikan kandungan serta persembahan model sebelum Model Akhir MaSC-Hotel dibentuk. Oleh itu, Fasa Ketiga tidak mengulangi fungsi FDM, tetapi menilai model yang telah dibangunkan melalui proses kesepakatan terdahulu.

Semakan bersama wakil industri pula memberikan penilaian praktikal awal terhadap model dalam konteks operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Wakil industri berpandangan bahawa model tersebut mempunyai skop yang menyeluruh dan berpotensi menjadi panduan kepada pihak pengurusan hotel. Semakan ini turut mengenal pasti beberapa pertimbangan pelaksanaan, termasuk kos, latihan pekerja, keupayaan sumber manusia, komitmen pengurusan dan keperluan penyelarasan dengan sistem kawal selia sedia ada. Oleh sebab semakan ini melibatkan wakil industri dalam skop yang terbatas, dapatan tersebut lebih tepat dianggap sebagai pengesahan praktikal awal, bukannya bukti bahawa keseluruhan industri telah menerima atau mengesahkan model.

Sintesis rentas fasa menunjukkan bahawa MaSC-Hotel dibangunkan melalui hubungan yang jelas antara masalah, konstruk, elemen dan penilaian. Isu yang dikenal pasti dalam Fasa Pertama membentuk asas item FDM. Kesepakatan FDM dalam Fasa Kedua menghasilkan struktur model, manakala MNGT dalam Fasa Ketiga menilai kesesuaian serta kebolehgunaannya. Semakan industri kemudian menilai hubungan antara model dengan keperluan operasi. Hubungan tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

Keperluan dan jurang → pembentukan konstruk dan elemen → kesepakatan pakar → penilaian model → pemurnian dan semakan praktikal awal

Dari perspektif *Maqāṣid Syarīʿah,* model ini mengintegrasikan hierarki *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. Domain *Ḍarūriyyāt* memberikan perhatian kepada pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʿAql*),

keturunan (*Ḥifẓ al-Nasl*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Pemeliharaan maruah (*Ḥifẓ al-ʿIrḍ*) pula mempunyai hubungan khusus dengan perlindungan kehormatan, privasi dan institusi keluarga. Domain *Ḥājiyyāt* merangkumi aspek pemasaran, ekosistem halal, integriti serta aset dan prasarana, manakala domain *Taḥsīniyyāt* melibatkan perhiasan, pembangunan, kebersihan dan keselamatan. Penyusunan ini menunjukkan bahawa model tidak hanya menyenaraikan kemudahan fizikal, tetapi menghubungkan perkhidmatan hotel dengan tahap keutamaan dan tujuan *Syarīʿah*.

Walau bagaimanapun, sesuatu elemen tidak dikategorikan sebagai *Ḍarūriyyāt* hanya kerana mempunyai hubungan dengan salah satu prinsip pemeliharaan. Pengelasan dibuat berdasarkan fungsi, tahap keperluan dan kesan ketiadaan elemen tersebut. Sebagai contoh, kewajipan menunaikan solat berkaitan dengan *Ḥifẓ al-Dīn* pada peringkat *Ḍarūriyyāt*, manakala ruang solat dan penunjuk arah kiblat lebih hampir kepada *Ḥājiyyāt*. Penyediaan sejadah yang bersih dan selesa pula merupakan *Taḥsīniyyāt*. Pembezaan tersebut memperlihatkan penggunaan hierarki *Maqāṣid Syarīʿah* secara lebih teliti dalam pembentukan model.

Penggunaan analisis dokumen, temu bual pakar, FDM, MNGT dan semakan industri tidak secara automatik membentuk triangulasi kerana setiap kaedah menjalankan fungsi yang berbeza. Istilah yang lebih tepat ialah integrasi data dan pengesahan berperingkat. Analisis dokumen dan temu bual digunakan untuk meneroka serta membentuk elemen awal; FDM mengukur kesepakatan pakar; MNGT menilai model; manakala semakan industri memberikan pandangan praktikal terhadap pelaksanaan. Gabungan tersebut memperkukuh keteguhan proses pembangunan dan menyediakan bukti kesahan kandungan serta kebolehgunaan model.

Secara keseluruhannya, Model MaSC-Hotel mempunyai asas teoritis, sokongan kesepakatan pakar dan bukti awal kebolehgunaan. Namun, dapatan kajian tidak harus ditafsirkan sebagai bukti bahawa model telah diterima secara menyeluruh oleh industri atau mempunyai kuasa pengawalseliaan. Model ini lebih tepat dianggap sebagai kerangka yang berpotensi membantu pengusaha hotel, badan pensijilan dan pembuat dasar menyusun keutamaan perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah*. Pelaksanaan dalam skala lebih luas memerlukan kajian rintis, penilaian di pelbagai kategori hotel dan penyelarasan bersama JAKIM, MAIN/JAIN, MOTAC, ITC serta PBT. Sintesis ini seterusnya menjadi asas kepada perbincangan implikasi teoritis, implikasi praktikal, batasan dan cadangan kajian lanjutan dalam Bab Enam.



Rajah 5.4 Sintesis Dapatan Kajian Bagi Pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 5.4 menunjukkan sintesis keseluruhan dapatan kajian dalam pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)*. Proses pembangunan model bermula dengan Fasa I, iaitu analisis keperluan melalui analisis dokumen dan temu bual pakar bagi mengenal pasti isu, jurang serta keperluan industri hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan daripada fasa ini menjadi asas kepada pembentukan konstruk dan item awal model.

Seterusnya, Fasa II melibatkan proses reka bentuk dan pembangunan model menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* bagi memperoleh konsensus enam belas orang pakar terhadap kesesuaian konstruk dan item yang dicadangkan. Konstruk yang mencapai syarat nilai *threshold*, peratus persetujuan dan nilai α-cut diterima sebagai komponen model.

Pada Fasa III, model yang dibangunkan dinilai menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* melibatkan tujuh orang pakar bagi menentukan tahap kebolehgunaan, kesesuaian dan kebolehlaksanaan model dalam konteks industri hospitaliti Islam. Penilaian ini turut menghasilkan cadangan penambahbaikan terhadap beberapa item sebelum model dimuktamadkan.

Hasil daripada ketiga-tiga fasa tersebut menghasilkan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. Domain *Ḍarūriyyāt* merangkumi lima konstruk utama, iaitu *Ḥifẓ al-Dīn* (pemeliharaan agama), *Ḥifẓ al-Nafs* (pemeliharaan nyawa), *Ḥifẓ al-'Aql* (pemeliharaan akal), *Ḥifẓ al-'Irḍ* (pemeliharaan maruah) dan *Ḥifẓ al-Māl* (pemeliharaan harta). Domain *Ḥājiyyāt* pula terdiri daripada strategi pemasaran, ekosistem halal, pengurusan integriti, serta pengurusan aset dan prasarana, manakala domain *Taḥsīniyyāt* merangkumi kebersihan, keselamatan, perhiasan dan pembangunan sebagai elemen penyempurna bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Kesemua domain tersebut kemudiannya diintegrasikan bagi membentuk Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang bersifat holistik, sistematik dan praktikal. Model ini turut diperkukuhkan melalui pengesahan industri, sekali gus menunjukkan bahawa konstruk dan item yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai kesahan kandungan berdasarkan konsensus pakar, malah sesuai serta berpotensi untuk diaplikasikan dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

BAB 6
PERBINCANGAN, SUMBANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian secara kritis berdasarkan objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Perbincangan dibuat dengan menafsirkan keseluruhan dapatan daripada setiap fasa penyelidikan bagi menjelaskan pencapaian objektif, kepentingan hasil kajian dan sumbangan Model MaSC-Hotel terhadap bidang hospitaliti Islam. Penekanan diberikan kepada keupayaan model yang dibangunkan dalam menangani isu ketidakseragaman konsep dan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* serta mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam konteks industri perhotelan di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan dapatan kajian dihuraikan sebagai satu sintesis yang menyeluruh berdasarkan bukti empirikal yang diperoleh sepanjang proses penyelidikan.

Perbincangan dalam bab ini disusun mengikut objektif kajian yang merangkumi keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel, pembangunan model menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*, penilaian kebolehgunaan melalui *Modified Nominal Group Technique (NGT)*, serta pengesahan industri terhadap model yang dibangunkan. Keseluruhan perbincangan ini memperlihatkan bagaimana pendekatan *Design and Development Research (DDR)* berjaya menghasilkan satu model yang bukan sahaja mempunyai asas teori yang kukuh, malah disahkan sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks sebenar industri perhotelan di Malaysia.

Selain membincangkan dapatan kajian, bab ini turut menghuraikan implikasi penyelidikan daripada aspek teori, praktikal dan dasar. Implikasi tersebut dinilai berdasarkan keupayaan dapatan kajian dan Model MaSC-Hotel untuk diterjemahkan kepada amalan industri serta menyokong pembentukan dasar berkaitan hotel patuh *Syarīʿah.* Model yang dibangunkan bukan sahaja memperluas pemahaman mengenai aplikasi *Maqāṣid Syarīʿah* dalam bidang hospitaliti Islam, malah berpotensi dijadikan panduan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal, agensi kawal selia dan pembuat dasar dalam memperkukuh ekosistem hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Bab ini juga membincangkan sumbangan utama kajian, limitasi penyelidikan serta cadangan bagi penyelidikan masa hadapan. Keseluruhan perbincangan tersebut menjadi sintesis akhir yang memperlihatkan sumbangan Model MaSC-Hotel terhadap

pembangunan teori dan amalan hospitaliti Islam. Dengan itu, Bab Enam bukan sahaja merumuskan keseluruhan penyelidikan, malah menegaskan bahawa model yang dibangunkan mempunyai potensi untuk menjadi satu kerangka rujukan yang holistik, sistematik dan praktikal dalam memperkukuh pembangunan industri hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

6.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan ketiga-tiga objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Perbincangan dilakukan secara kritis dengan menghubungkan dapatan yang diperoleh daripada setiap fasa penyelidikan menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* dengan teori, sorotan literatur dan kajian terdahulu yang berkaitan. Pendekatan ini bertujuan menilai sejauh mana dapatan kajian menyokong, mengembangkan atau berbeza daripada penemuan penyelidik terdahulu, di samping menjelaskan sumbangan Model MaSC-Hotel terhadap pembangunan bidang hospitaliti Islam.

Perbincangan dimulakan dengan dapatan berkaitan keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel bagi menjawab Objektif Kajian Pertama. Seterusnya, perbincangan memfokuskan kepada pembangunan model melalui Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*, penilaian kebolehgunaan menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)*, serta pengesahan industri terhadap model yang dibangunkan. Susunan ini membolehkan setiap objektif kajian dibincangkan secara sistematik sebelum dirumuskan dalam bentuk implikasi, sumbangan dan cadangan penyelidikan pada bahagian seterusnya.

6.2.1 Perbincangan Terhadap Keperluan Pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dalam industri perhotelan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan model tersebut merupakan satu keperluan yang signifikan berikutan ketidakseragaman piawaian hotel patuh *Syarīʿah*, kekeliruan terhadap konsep Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah*, serta ketiadaan satu model yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh dalam operasi hotel.

Penemuan ini membuktikan bahawa walaupun Malaysia mempunyai pelbagai standard dan garis panduan berkaitan hospitaliti Islam, industri masih memerlukan satu kerangka yang komprehensif sebagai rujukan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah*.

Analisis keperluan yang dijalankan dalam kajian ini mendapati bahawa masih belum terdapat definisi dan piawaian hotel patuh Syarīʿah yang benar-benar seragam. Penggunaan istilah seperti *Islamic hotel*, *halal hotel*, *Muslim-friendly hotel* dan *Shariah-compliant hotel* secara bertindih telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengusaha dan pengguna. Kekaburan konsep tersebut turut mempengaruhi persepsi pelanggan Muslim ketika membuat keputusan dalam pemilihan penginapan. Oleh itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa industri memerlukan satu model yang bukan sahaja memperjelas konsep hotel patuh Syarīʿah, tetapi turut mengintegrasikan prinsip Maqāṣid Syarīʿah sebagai asas kepada keseluruhan sistem pengurusan dan operasi hotel.

Analisis terhadap pelbagai piawaian dan garis panduan turut menunjukkan bahawa setiap dokumen mempunyai kekuatan tersendiri, namun masih memberi tumpuan kepada komponen tertentu secara berasingan. Sebagai contoh, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) menekankan aspek integriti halal dalam penyediaan makanan, MS2610:2015 memberi fokus kepada penyampaian perkhidmatan mesra Muslim, manakala CrescentRating menilai tahap kemudahan yang disediakan kepada pelancong Muslim. Walaupun kesemua dokumen ini menyumbang kepada pembangunan industri hospitaliti Islam, tiada satu pun yang menggabungkan aspek tadbir urus Syariah, pengurusan organisasi, sumber manusia, pengurusan risiko dan pengalaman pelanggan dalam satu kerangka yang menyeluruh. Dapatan ini menjelaskan bahawa jurang yang dikenal pasti bukan berpunca daripada ketiadaan piawaian, tetapi daripada ketiadaan model integratif yang mampu menghubungkan semua elemen tersebut secara sistematik.

Penemuan ini turut disokong oleh dapatan temu bual bersama pakar yang berpandangan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* tidak seharusnya diukur berdasarkan penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah semata-mata. Sebaliknya, pematuhan *Syarīʿah* perlu diterapkan dalam keseluruhan sistem pengurusan hotel termasuk aspek kepimpinan, tadbir urus, integriti organisasi, pembangunan modal insan, pengurusan aset serta penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai fungsi yang lebih luas daripada sekadar menjadi asas penentuan hukum, sebaliknya

berperanan sebagai kerangka pembangunan organisasi yang mampu membentuk sistem pengurusan hotel yang lebih holistik dan mampan.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa cabaran utama dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja melibatkan aspek teknikal seperti penyediaan fasiliti ibadah dan pensijilan halal, tetapi turut merangkumi faktor pengurusan organisasi. Antara isu yang dikenal pasti melalui dapatan kajian ialah kos pelaksanaan yang tinggi, kekurangan tenaga kerja yang memahami prinsip *Syarīʿah*, latihan kakitangan yang tidak dilaksanakan secara berterusan serta ketiadaan garis panduan operasi yang seragam. Kekangan sumber dan pengurusan tersebut menyebabkan sebahagian pengusaha hotel hanya mampu melaksanakan elemen tertentu dalam pematuhan Syarīʿah. Situasi ini mewujudkan pelaksanaan yang tidak menyeluruh dan tidak konsisten, sekali gus berpotensi menjejaskan kredibiliti penggunaan label hotel patuh *Syarīʿah.*

Daripada perspektif teori, dapatan kajian ini membuktikan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* merupakan kerangka yang sesuai untuk dijadikan asas pembangunan Model MaSC-Hotel. Berbeza dengan pendekatan konvensional yang lebih menumpukan kepada pematuhan terhadap piawaian teknikal, pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* membolehkan setiap polisi, prosedur dan operasi hotel dinilai berdasarkan objektif Syariah yang ingin dicapai. Melalui pendekatan ini, pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-ʾAql*), maruah (*Ḥifẓ al-ʾIrḍ*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*) diterjemahkan kepada amalan pengurusan yang lebih menyeluruh, sekali gus menjadikan hotel patuh *Syarīʿah* bukan sekadar memenuhi keperluan ritual, tetapi turut menyokong kesejahteraan pelanggan, pekerja dan organisasi secara keseluruhan.

Penemuan ini juga memberikan sumbangan baharu kepada bidang hospitaliti Islam. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang memfokuskan kepada penilaian tahap pematuhan hotel berdasarkan kemudahan fizikal atau pensijilan halal, kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan satu model yang mengintegrasikan dimensi operasi, pengurusan dan nilai *Maqāṣid Syarīʿah* secara serentak. Pendekatan ini memperluaskan aplikasi teori *Maqāṣid Syarīʿah* daripada bidang fiqh kepada bidang pengurusan hospitaliti, sekali gus menyumbang kepada pembangunan satu kerangka yang lebih praktikal dan sesuai dengan keperluan industri semasa.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif Kajian Pertama membuktikan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* merupakan

satu keperluan yang relevan dan signifikan dalam konteks industri perhotelan di Malaysia. Keperluan tersebut bukan sahaja disokong oleh analisis terhadap piawaian dan garis panduan sedia ada, malah diperkukuhkan melalui pandangan pakar yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan pelaksanaan hospitaliti Islam. Dapatan ini seterusnya menjadi asas kepada pembentukan konstruk dan item Model MaSC-Hotel yang dibangunkan melalui Kaedah *Fuzzy Delphi* dalam fasa seterusnya.

6.2.2 Perbincangan Terhadap Pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Objektif kedua kajian ini adalah membangunkan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan konsensus pakar menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini berjaya menghasilkan satu model yang bukan sahaja mempunyai kesahan kandungan yang tinggi, malah memenuhi keperluan sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia. Konsensus yang dicapai oleh panel pakar membuktikan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan satu kerangka yang mengintegrasikan aspek pengurusan, operasi dan nilai Syariah secara menyeluruh, berbanding hanya menumpukan kepada pematuhan terhadap beberapa elemen tertentu seperti penyediaan makanan halal atau kemudahan ibadah.

Penemuan ini memperkukuh dapatan Fasa I yang mengenal pasti bahawa antara cabaran utama industri ialah ketiadaan satu model yang mampu menyatukan pelbagai piawaian dan garis panduan sedia ada. Walaupun Malaysia mempunyai beberapa dokumen rujukan seperti MS2610:2015, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), CrescentRating dan Garis Panduan Perkhidmatan Perhotelan dan Pelancongan, kesemua dokumen tersebut dibangunkan dengan tujuan yang berbeza dan tidak mengintegrasikan keseluruhan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam satu kerangka operasi. Oleh itu, dapatan FDM menunjukkan bahawa pembentukan Model MaSC-Hotel berjaya mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan elemen-elemen yang telah dipersetujui oleh pakar ke dalam satu model yang lebih sistematik dan komprehensif.

Daripada perspektif teori, dapatan ini membuktikan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* merupakan kerangka yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pembangunan model pengurusan hospitaliti Islam. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang lebih

menumpukan kepada pematuhan terhadap standard halal atau konsep Muslim-friendly hospitality, kajian ini mengintegrasikan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, sebagai asas pembentukan model. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* tidak seharusnya dilihat sebagai pematuhan terhadap keperluan teknikal semata-mata, tetapi perlu menyokong objektif Syariah secara menyeluruh melalui pemeliharaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta.

Bagi domain *Ḍarūriyyāt,* dapatan kajian menunjukkan bahawa pakar memberikan penekanan yang tinggi terhadap elemen yang berkaitan secara langsung dengan pemeliharaan kepentingan asas *Maqāṣid Syarīʿah.* Penekanan terhadap penyediaan kemudahan ibadah, makanan halal, larangan alkohol, perlindungan keselamatan, pemeliharaan privasi tetamu dan pengurusan kewangan yang berintegriti menunjukkan bahawa hotel patuh *Syarīʿah* perlu memenuhi keperluan asas pelanggan Muslim secara konsisten. Konsensus pakar terhadap elemen tersebut turut memperlihatkan bahawa identiti hotel patuh *Syarīʿah* tidak boleh dibentuk melalui penggunaan label atau penyediaan kemudahan tertentu sahaja, sebaliknya memerlukan pelaksanaan setiap elemen asas secara menyeluruh dalam sistem pengurusan dan operasi hotel.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain *Ḥājiyyāt* memainkan peranan penting dalam menyokong kelestarian operasi hotel. Konstruk seperti strategi pemasaran, ekosistem halal, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah hotel patuh *Syarīʿah* bukan sahaja bergantung kepada pematuhan terhadap prinsip agama, malah dipengaruhi oleh kecekapan sistem pengurusan organisasi. Penemuan ini memperlihatkan bahawa pendekatan *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar menitikberatkan aspek hukum, tetapi turut memberi perhatian kepada keperluan organisasi bagi memastikan operasi hotel dapat dilaksanakan secara berkesan, berdaya saing dan mampan.

Dapatan bagi domain *Taḥsīniyyāt* pula menunjukkan bahawa elemen penyempurna seperti kebersihan, keselamatan, perhiasan dan pembangunan fasiliti turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Walaupun elemen tersebut tidak berada pada tahap keutamaan yang sama dengan keperluan *Ḍarūriyyāt,* konsensus pakar menunjukkan bahawa pelaksanaannya dapat memberikan nilai tambah kepada pengalaman pelanggan serta meningkatkan imej hotel patuh Syarīʿah. Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa pengalaman pelanggan

Muslim bukan sahaja dipengaruhi oleh tahap pematuhan *Syarīʿah*, tetapi juga oleh kebersihan, keselesaan, reka bentuk dan suasana persekitaran hotel yang mencerminkan nilai Islam.

Penemuan kajian ini turut memperlihatkan bahawa ketiga-tiga domain *Maqāṣid Syarīʿah* tidak boleh dilaksanakan secara berasingan. Sebaliknya, setiap domain saling melengkapi dalam membentuk satu sistem pengurusan hotel yang menyeluruh. Hubungan antara *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* menjadikan Model MaSC-Hotel berbeza daripada piawaian sedia ada kerana model ini bukan sahaja menerangkan apa yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah hotel, tetapi turut menjelaskan mengapa setiap elemen tersebut penting berdasarkan objektif *Maqāṣid Syarīʿah*. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* boleh diterjemahkan secara praktikal ke dalam sistem pengurusan organisasi tanpa mengabaikan keperluan industri semasa.

Daripada sudut sumbangan ilmu, kajian ini memperluaskan aplikasi *Maqāṣid Syarīʿah* daripada bidang fiqh kepada bidang pengurusan hospitaliti Islam melalui pembangunan satu model yang disahkan secara empirikal. Berbeza dengan kajian terdahulu yang lebih tertumpu kepada konsep halal atau *Muslim-friendly hospitality,* Model MaSC-Hotel menggabungkan dapatan analisis dokumen, temu bual pakar dan konsensus FDM bagi menghasilkan satu kerangka yang lebih komprehensif. Dari sudut praktikal pula, model ini berpotensi dijadikan panduan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam membangunkan standard hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih sistematik dan seragam.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif Kajian Kedua membuktikan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berjaya menghasilkan satu model yang mempunyai asas teori yang kukuh, disokong oleh konsensus pakar serta memenuhi keperluan semasa industri hospitaliti Islam. Model ini bukan sekadar mengintegrasikan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, malah menyediakan satu kerangka pengurusan yang lebih holistik, praktikal dan berpotensi menjadi rujukan dalam pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* pada masa hadapan.

6.2.3 Perbincangan terhadap Penilaian Kebolehgunaan dan Pengesahan Industri Model MaSC-Hotel

Objektif ketiga kajian ini adalah menilai kebolehgunaan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* serta mengesahkan kesesuaiannya untuk diaplikasikan dalam industri perhotelan di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja mencapai tahap kebolehgunaan yang tinggi melalui penilaian *Modified Nominal Group Technique (NGT)*, malah turut menerima pengesahan positif daripada wakil industri hotel patuh *Syarīʿah*. Penemuan ini menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai kesahan bukan sahaja daripada perspektif akademik, tetapi juga daripada sudut pelaksanaan sebenar dalam industri.

Dapatan NGT memperlihatkan bahawa ketiga-tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, diterima dengan tahap persetujuan yang sangat tinggi oleh panel pakar. Keputusan ini membuktikan bahawa struktur model yang dibangunkan memenuhi keperluan pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh dan tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek tertentu sahaja. Penilaian pakar menunjukkan bahawa elemen-elemen yang berkaitan dengan pemeliharaan agama, keselamatan, integriti pengurusan, pembangunan sumber manusia dan pengalaman pelanggan merupakan komponen yang saling melengkapi dalam membentuk operasi hotel yang benar-benar berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Daripada perspektif teori, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa konsep *Maqāṣid Syarīʿah* boleh diterjemahkan secara praktikal dalam pembangunan model pengurusan hospitaliti Islam. Penilaian pakar menunjukkan bahawa tahap pematuhan sesebuah hotel patuh Syarīʿah tidak boleh ditentukan berdasarkan penyediaan makanan halal atau kemudahan ibadah semata-mata. Sebaliknya, keberkesanan pelaksanaannya bergantung pada keseimbangan antara pematuhan *Syarīʿah,* kecekapan pengurusan organisasi dan pengalaman pelanggan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa hospitaliti Islam perlu dilaksanakan sebagai satu sistem pengurusan menyeluruh yang mengintegrasikan nilai kerohanian, integriti operasi dan profesionalisme organisasi.

Salah satu dapatan yang menarik daripada penilaian NGT ialah keutamaan yang diberikan oleh pakar terhadap elemen pengurusan dalaman berbanding strategi pemasaran. Walaupun strategi pemasaran Islamik diiktiraf sebagai penting, pakar berpendapat bahawa kejayaan sesebuah hotel patuh *Syarīʿah* lebih bergantung kepada kekuatan sistem pengurusan, latihan kakitangan, integriti pensijilan halal dan

penyediaan fasiliti yang memenuhi keperluan pelanggan Muslim. Penemuan ini menunjukkan bahawa pembentukan identiti hotel patuh *Syarīʿah* perlu bermula daripada pengukuhan sistem dalaman organisasi sebelum dipromosikan kepada pelanggan.

Dapatan kajian ini turut diperkukuhkan melalui sesi pengesahan industri yang melibatkan Adya Hotel Langkawi dan Mardhiyyah Hotel & Suites. Kedua-dua wakil industri bersetuju bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai struktur yang komprehensif dan sesuai dijadikan panduan dalam pembangunan operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Menurut mereka, model ini berjaya menghimpunkan pelbagai elemen yang sebelum ini tersebar dalam beberapa piawaian dan garis panduan kepada satu kerangka yang lebih sistematik dan mudah diaplikasikan. Pengesahan ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi keperluan akademik, malah mempunyai nilai praktikal yang tinggi dalam konteks industri sebenar.

Walaupun begitu, wakil industri turut mengenal pasti beberapa cabaran pelaksanaan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah kos pelaksanaan, keperluan latihan kakitangan secara berterusan, penyediaan dokumentasi, pelaksanaan audit dalaman serta komitmen pengurusan tertinggi bagi memastikan pematuhan *Syarīʿah* dilaksanakan secara konsisten. Dapatan pengesahan industri menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan Model MaSC-Hotel bukan sahaja bergantung pada kandungan dan struktur model, tetapi turut dipengaruhi oleh kesediaan organisasi untuk melaksanakan perubahan pengurusan secara menyeluruh. Oleh itu, komitmen kepimpinan, keupayaan sumber manusia, peruntukan kewangan dan sistem pemantauan dalaman merupakan faktor penting yang menentukan kebolehlaksanaan model dalam operasi sebenar hotel.

Daripada perspektif praktikal, pengesahan industri membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan rujukan oleh pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar. Berbeza dengan piawaian sedia ada yang lebih memfokuskan kepada aspek tertentu, model ini menyediakan satu kerangka yang menghubungkan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan operasi hotel secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan hotel melaksanakan pematuhan Syariah secara lebih sistematik tanpa mengabaikan keperluan pelanggan dan daya saing industri.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif Kajian Ketiga membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai tahap

kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang tinggi. Penilaian pakar melalui NGT serta pengesahan oleh wakil industri memperlihatkan bahawa model ini bukan sahaja mempunyai kesahan akademik yang kukuh, malah memenuhi keperluan sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia. Oleh itu, Model MaSC-Hotel berpotensi dijadikan asas kepada pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih komprehensif pada masa hadapan.

6.2.4 Sintesis Perbincangan Mengikut Objektif Kajian

Perbincangan bagi ketiga-tiga objektif kajian menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* telah dilaksanakan secara sistematik melalui pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang mengintegrasikan analisis keperluan, pembangunan model, penilaian kebolehgunaan dan pengesahan industri. Hubungan antara setiap objektif memperlihatkan kesinambungan yang jelas, di mana dapatan daripada satu fasa menjadi asas kepada pelaksanaan fasa berikutnya sehingga menghasilkan satu model yang mempunyai kesahan akademik dan kebolehlaksanaan dalam konteks industri hospitaliti Islam di Malaysia.

Bagi Objektif Kajian Pertama, analisis dokumen dan temu bual pakar berjaya mengenal pasti jurang dalam industri, khususnya berkaitan ketidakseragaman piawaian, kekeliruan antara konsep *Muslim-Friendly Hospitality Services* (MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah* serta ketiadaan satu model yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Dapatan ini menjadi justifikasi utama kepada pembangunan Model MaSC-Hotel dan membuktikan bahawa industri memerlukan satu kerangka yang lebih sistematik, holistik dan praktikal bagi menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*.

Objektif Kajian Kedua pula membuktikan bahawa penggunaan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* berjaya membangunkan Model MaSC-Hotel berdasarkan konsensus pakar. Pembentukan tiga domain utama, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, memperlihatkan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dapat diterjemahkan kepada konstruk dan item yang sesuai dengan keperluan operasi hotel. Penemuan ini memperkukuh dapatan Objektif Pertama dengan menyediakan satu model yang bukan sahaja memenuhi tuntutan Syariah, malah mengambil kira realiti pengurusan industri hospitaliti moden.

Seterusnya, Objektif Kajian Ketiga mengesahkan bahawa model yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang tinggi. Penilaian melalui *Modified Nominal Group Technique (NGT)* menunjukkan bahawa pakar mencapai tahap persetujuan yang tinggi terhadap semua domain dan konstruk model. Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui sesi pengesahan bersama wakil industri daripada Adya Hotel Langkawi dan Mardhiyyah Hotel & Suites, yang mengesahkan bahawa Model MaSC-Hotel bersifat praktikal, komprehensif dan sesuai dijadikan panduan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Secara keseluruhannya, sintesis dapatan kajian memperlihatkan bahawa setiap objektif saling melengkapi dalam menghasilkan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Analisis keperluan telah mengenal pasti isu dan jurang industri, pembangunan model melalui FDM menghasilkan konstruk yang sah dan sistematik, manakala penilaian menggunakan NGT serta pengesahan industri mengesahkan kebolehgunaan model dalam konteks sebenar. Gabungan dapatan daripada keempat-empat komponen tersebut membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja mempunyai asas teori yang kukuh, malah memenuhi keperluan praktikal industri, sekali gus berpotensi menjadi rujukan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam memperkukuh pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Jadual 6.1
Sintesis Perbincangan Mengikut Objektif Kajian

Objektif Kajian	**Dapatan Utama**	**Perbincangan**	**Sumbangan kepada Model MaSC-Hotel**
Objektif 1	Jurang industri dikenal pasti melalui analisis dokumen dan temu bual pakar	Wujud ketidakseragaman piawaian dan kekeliruan konsep MFHS serta hotel patuh Syariah	Menjadi asas pembentukan konstruk model
Objektif 2	Konstruk dan domain disahkan melalui FDM	Integrasi *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* menghasilkan model yang komprehensif	Membentuk struktur Model MaSC-Hotel
Objektif 3	Kebolehgunaan model disahkan melalui NGT dan pengesahan industri	Model diiktiraf praktikal dan sesuai untuk diaplikasikan dalam industri	Memuktamadkan Model Akhir MaSC-Hotel

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.1 memperlihatkan sintesis keseluruhan dapatan kajian berdasarkan ketiga-tiga objektif penyelidikan yang telah dilaksanakan melalui pendekatan *Design and Development Research (DDR)*. Jadual ini menunjukkan bahawa setiap objektif mempunyai fungsi dan sumbangan yang berbeza, namun saling melengkapi dalam proses pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

Bagi Objektif Kajian Pertama, analisis dokumen dan temu bual pakar berjaya mengenal pasti jurang dalam industri hotel patuh *Syarīʿah*, khususnya berkaitan ketidakseragaman piawaian, kekeliruan konsep antara Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah*, serta ketiadaan satu model yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Dapatan ini menjadi asas kepada pembentukan konstruk dan item dalam model yang dibangunkan.

Seterusnya, Objektif Kajian Kedua membuktikan bahawa penggunaan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* berjaya menghasilkan konsensus pakar terhadap tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. Ketiga-tiga domain tersebut membentuk struktur utama Model MaSC-Hotel yang menghubungkan prinsip Syariah dengan keperluan operasi hotel secara sistematik dan menyeluruh.

Bagi Objektif Kajian Ketiga, penilaian menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* serta pengesahan oleh wakil industri mengesahkan bahawa model yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang tinggi. Pengesahan ini menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja mempunyai kesahan daripada perspektif akademik melalui konsensus pakar, malah sesuai diaplikasikan dalam operasi sebenar industri perhotelan patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Secara keseluruhannya, jadual ini menggambarkan hubungan yang jelas antara setiap objektif kajian, bermula daripada proses mengenal pasti keperluan industri, pembangunan model melalui konsensus pakar, sehinggalah kepada penilaian dan pengesahan model dalam konteks sebenar. Hubungan yang saling melengkapi ini membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel dibangunkan melalui proses penyelidikan yang sistematik, komprehensif dan berasaskan bukti, sekali gus memperkukuh potensinya sebagai satu model rujukan dalam pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

6.2.5 Perbincangan Pengesahan Industri terhadap Model MaSC-Hotel

Bagi memperkukuh kesahan dan kebolehgunaan Model MaSC-Hotel, kajian ini turut melaksanakan pengesahan industri melalui temu bual bersama dua wakil industri perhotelan Islam, iaitu Adya Hotel Langkawi yang mengamalkan konsep *Muslim-Friendly Hospitality (MFH)* serta Mardhiyyah Hotel & Suites yang mengaplikasikan konsep hotel patuh *Syarīʿah* sepenuhnya. Pengesahan ini bertujuan menilai sejauh mana model yang dibangunkan melalui *Fuzzy Delphi Method (FDM)* dan disahkan menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dapat diaplikasikan dalam konteks operasi sebenar industri perhotelan. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Design and Development Research (DDR)* yang menekankan keperluan menilai kebolehgunaan sesuatu model dalam persekitaran sebenar sebelum dicadangkan untuk aplikasi yang lebih meluas.

Secara keseluruhannya, kedua-dua wakil industri memberikan maklum balas yang positif terhadap Model MaSC-Hotel dan mengakui bahawa model tersebut bersifat komprehensif, praktikal serta memenuhi keperluan semasa industri hospitaliti Islam. Mereka berpandangan bahawa model ini berjaya mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* ke dalam aspek pengurusan, operasi, sumber manusia dan tadbir urus organisasi secara menyeluruh, berbeza daripada pendekatan sedia ada yang lebih menumpukan kepada penyediaan makanan halal atau kemudahan ibadah semata-mata. Selain itu, pembahagian model kepada tiga domain utama, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, turut dianggap sebagai satu pendekatan yang sistematik kerana dapat menjelaskan tahap keutamaan setiap komponen dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*.

Dapatan pengesahan industri juga memperlihatkan bahawa Model MaSC-Hotel berpotensi menjadi rujukan kepada pengusaha hotel dalam menangani kekeliruan yang masih berlaku antara konsep Muslim-friendly dan *Syarīʿah*-compliant. Menurut wakil industri, model ini mampu mengisi jurang yang masih wujud dalam piawaian sedia ada seperti MS2610:2015, Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) dan CrescentRating dengan menyediakan kerangka yang lebih menyeluruh dan berpaksikan *Maqāṣid Syarīʿah*. Perkara ini mengukuhkan lagi dapatan Fasa I yang mengenal pasti ketidakselarasan definisi dan pelaksanaan sebagai antara isu utama dalam pembangunan hospitaliti Islam di Malaysia.

Walau bagaimanapun, pihak industri turut menegaskan bahawa pelaksanaan Model MaSC-Hotel memerlukan komitmen organisasi yang tinggi, khususnya daripada aspek kewangan, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kos pelaksanaan yang melibatkan penyediaan kemudahan, pelaksanaan audit, dokumentasi, pelantikan pegawai khusus seperti Penasihat *Syarīʿah* dan Eksekutif Halal, serta keperluan latihan berterusan kepada pekerja baharu berikutan kadar pertukaran staf yang tinggi dalam industri perhotelan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan model bukan sahaja bergantung kepada kewujudan garis panduan, malah dipengaruhi oleh kesediaan organisasi dari segi sumber, kepimpinan dan komitmen pengurusan.

Selain mengesahkan kebolehgunaan model, pihak industri turut mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan kebolehlaksanaan model dalam konteks sebenar. Antara cadangan yang dikemukakan ialah penyediaan prosedur operasi standard (SOP), petunjuk prestasi utama (KPI), sistem pemarkahan yang lebih sistematik serta pelaksanaan model mengikut kategori dan taraf hotel supaya lebih fleksibel dan sesuai dengan kemampuan operasi setiap organisasi. Di samping itu, kolaborasi dengan agensi seperti Islamic Tourism Centre (ITC), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta persatuan hotel turut dicadangkan bagi memperkukuh pelaksanaan dan penerimaan Model MaSC-Hotel pada peringkat industri.

Secara keseluruhannya, pengesahan industri membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja mempunyai kesahan daripada perspektif akademik melalui FDM dan *Modified NGT*, malah turut mendapat pengiktirafan daripada pihak industri sebagai satu model yang praktikal, komprehensif dan berpotensi untuk diaplikasikan dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini memperkukuh keyakinan bahawa model yang dibangunkan mampu menjadi rujukan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan serta pembuat dasar dalam memperkasakan pembangunan industri hospitaliti Islam di Malaysia.

6.3 Rumusan Dapatan Kajian

Rumusan dapatan kajian membuktikan bahawa ketiga-tiga objektif penyelidikan telah berjaya dicapai melalui pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang dilaksanakan secara sistematik dan berasaskan bukti. Pendekatan

ini membolehkan pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan proses mengenal pasti keperluan industri, diikuti pembentukan model melalui konsensus pakar, penilaian kebolehgunaan model serta pengesahan oleh wakil industri. Keseluruhan proses ini memastikan model yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai kesahan akademik, malah memenuhi keperluan sebenar industri hospitaliti Islam di Malaysia.

Dapatan bagi Objektif Kajian Pertama menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel didorong oleh kewujudan jurang yang ketara dalam industri, khususnya berkaitan ketidakseragaman piawaian hotel patuh *Syarīʿah*, kekeliruan antara konsep *Muslim-Friendly Hospitality Services* (MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah*, serta ketiadaan satu model yang mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* secara menyeluruh. Penemuan ini mengesahkan bahawa industri memerlukan satu kerangka yang lebih sistematik bagi menyokong pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara konsisten.

Bagi Objektif Kajian Kedua, kajian berjaya membangunkan Model MaSC-Hotel melalui Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* berdasarkan konsensus pakar daripada pelbagai bidang kepakaran. Model yang dihasilkan mengintegrasikan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, yang diterjemahkan kepada konstruk dan item yang sesuai dengan keperluan operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Dapatan ini membuktikan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* boleh diaplikasikan sebagai asas pembangunan model pengurusan hospitaliti Islam yang lebih holistik.

Sementara itu, Objektif Kajian Ketiga membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai tahap kebolehgunaan dan kebolehlaksanaan yang tinggi. Penilaian melalui *Modified Nominal Group Technique (NGT)* menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap semua domain dan konstruk model. Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui sesi pengesahan bersama wakil industri daripada Adya Hotel Langkawi dan Mardhiyyah Hotel & Suites, yang mengesahkan bahawa model tersebut bersifat praktikal, komprehensif dan sesuai dijadikan panduan dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel bukan sekadar menghasilkan satu model konseptual, tetapi berjaya membentuk satu kerangka pengurusan yang menghubungkan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan operasi industri secara sistematik. Gabungan analisis dokumen, temu

bual pakar, konsensus *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, penilaian *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan pengesahan industri telah meningkatkan kesahan serta kebolehpercayaan model yang dibangunkan. Oleh itu, Model MaSC-Hotel berpotensi dijadikan rujukan kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam memperkukuh pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Rumusan dapatan ini seterusnya menjadi asas kepada perbincangan mengenai implikasi teori, implikasi praktikal dan implikasi dasar yang dihuraikan dalam bahagian berikutnya bagi memperlihatkan sumbangan kajian terhadap perkembangan ilmu, industri hospitaliti Islam dan pembangunan dasar pada peringkat nasional.

6.3.1 Rumusan Fasa I: Analisis Keperluan Kriteria Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Fasa I kajian ini memberi tumpuan kepada analisis keperluan sebagai asas kepada pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Analisis ini dilaksanakan melalui gabungan analisis dokumen terhadap piawaian dan garis panduan berkaitan hotel patuh *Syarīʿah* serta temu bual bersama pakar daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Standard Malaysia dan institusi yang terlibat dalam pembangunan hospitaliti Islam. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti keperluan sebenar industri, di samping menilai jurang yang masih wujud dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

Dapatan Fasa I menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel perlu berasaskan lima prinsip utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), maruah (*Ḥifẓ al-'Irḍ*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*). Kelima-lima prinsip tersebut diterjemahkan kepada pelbagai keperluan operasi hotel seperti penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, keselamatan pelanggan, kawalan hiburan, perlindungan privasi serta pengurusan kewangan yang mematuhi prinsip Syariah. Penemuan ini membuktikan bahawa konsep hotel patuh *Syarīʿah* perlu melangkaui penyediaan makanan halal semata-mata, sebaliknya merangkumi keseluruhan sistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan hotel.

Selain mengenal pasti keperluan utama, Fasa I turut mendedahkan beberapa cabaran yang menghalang pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* secara menyeluruh. Antara cabaran tersebut ialah ketidakseragaman piawaian, kekeliruan antara konsep Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah*, kekangan kos operasi,

kekurangan latihan kakitangan serta ketiadaan garis panduan yang benar-benar mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pelbagai piawaian telah diperkenalkan, pelaksanaannya masih belum seragam dan memerlukan satu model yang lebih sistematik serta praktikal.

Jadual 6.2
Rumusan Fasa I (Keperluan, Huraian & Jurang)

Keperluan (Maqasid)	**Huraian**	**Cabaran / Jurang**
Hifẓ al-Dīn (Agama)	Penyediaan makanan dan minuman halal dengan pensijilan sah; kemudahan ibadah seperti ruang solat, arah kiblat, wuduk.	Kekeliruan konsep *Muslim-friendly* vs *Shariah-compliant*; tidak seragam dalam amalan industri.
Hifẓ al-Nafs (Nyawa)	Keselamatan kebakaran, kesihatan, dan kebersihan menyeluruh di bilik, fasiliti umum dan kawasan hotel.	Kos tinggi untuk pelaksanaan fasiliti tambahan; cabaran kebersihan berterusan.
Hifẓ al-ʿAql (Akal)	Kawalan hiburan/aktiviti agar tidak bercanggah dengan nilai Islam; sediakan hiburan mendidik dan beretika.	Kesedaran rendah; risiko hiburan bercanggah; masih kurang garis panduan praktikal.
Ḥifẓ al-'Irḍ (Keturunan)	Polisi pemisahan jantina di kolam renang, spa, gimnasium; menjaga privasi dan maruah pelanggan Muslim.	Kos penyediaan fasiliti berasingan; penerimaan bercampur dalam kalangan pengusaha hotel kecil/sederhana.
Hifẓ al-Māl (Harta)	Pengurusan kewangan patuh *Syarīʿah* bebas riba, gharar, maisir; transaksi telus dalam pembiayaan, pelaburan, operasi.	Kurang latihan kakitangan dalam kewangan Islam; risiko amalan tidak konsisten dan bersifat kosmetik.

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.2 memperlihatkan bahawa setiap prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* mempunyai implikasi yang berbeza dalam pembangunan Model MaSC-Hotel. Dimensi pemeliharaan agama memberi penekanan kepada penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah, manakala dimensi pemeliharaan nyawa, akal, maruah dan harta menonjolkan kepentingan aspek keselamatan, etika perkhidmatan, perlindungan privasi serta tadbir urus kewangan yang patuh Syariah. Pada masa yang sama, jadual tersebut turut menunjukkan bahawa setiap dimensi masih berhadapan dengan cabaran pelaksanaan yang berbeza, termasuk kekangan kos, ketidakseragaman piawaian, kekurangan latihan kakitangan dan tahap kesedaran industri yang masih rendah. Keadaan ini membuktikan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel perlu mengambil

kira bukan sahaja prinsip Syariah, malah realiti operasi industri agar model yang dibangunkan benar-benar bersifat praktikal dan mampan.

Secara keseluruhannya, Fasa I telah berjaya mencapai objektif kajian dengan mengenal pasti keperluan asas serta jurang pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Gabungan dapatan daripada analisis dokumen dan temu bual pakar menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel perlu mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan sebenar industri bagi menghasilkan satu model yang komprehensif, sistematik dan mudah diaplikasikan. Rumusan Fasa I ini seterusnya menjadi asas kepada Fasa II, iaitu pembangunan Model MaSC-Hotel menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap konstruk dan item yang dicadangkan.

6.3.2 Rumusan Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Fasa II merupakan peringkat pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan dapatan analisis keperluan yang diperoleh dalam Fasa I. Pada peringkat ini, semua item yang telah dikenal pasti melalui analisis dokumen dan temu bual pakar disaring dan disahkan menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)* bagi memperoleh konsensus pakar terhadap konstruk serta item yang perlu dikekalkan dalam model. Pendekatan ini memastikan model yang dibangunkan mempunyai asas yang kukuh daripada perspektif teori dan praktikal serta memenuhi keperluan sebenar industri hospitaliti Islam.

Hasil analisis FDM menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel dibangunkan berasaskan tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*. Domain *Ḍarūriyyāt* merangkumi lima konstruk utama yang berkaitan dengan pemeliharaan agama (*Ḥifẓ al-Dīn*), nyawa (*Ḥifẓ al-Nafs*), akal (*Ḥifẓ al-'Aql*), maruah (*Ḥifẓ al-'Irḍ*) dan harta (*Ḥifẓ al-Māl*), yang menjadi keperluan asas dalam pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Domain *Ḥājiyyāt* pula memberi penekanan kepada strategi pemasaran, ekosistem halal, pengurusan integriti serta pengurusan aset dan prasarana sebagai elemen sokongan bagi memperkukuh kelestarian operasi hotel. Sementara itu, domain *Taḥsīniyyāt* menumpukan kepada aspek kebersihan, keselamatan, pembangunan dan perhiasan yang berfungsi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta pengalaman pelanggan.

Proses pengesahan menggunakan *Fuzzy Delphi Method (FDM)* melibatkan seramai enam belas orang pakar daripada bidang Syariah, hospitaliti, pensijilan halal dan pelancongan Islam. Penilaian dibuat berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu nilai ambang (*threshold*) $d \leq 0.2$, tahap persetujuan pakar sekurang-kurangnya 75% dan nilai α-cut ≥ 0.5. Dapatan menunjukkan bahawa konstruk dan item yang memenuhi ketiga-tiga syarat tersebut berjaya membentuk struktur Model MaSC-Hotel yang sistematik dan berasaskan konsensus pakar. Penemuan ini membuktikan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dapat diterjemahkan kepada satu model pengurusan hotel yang bukan sahaja memenuhi tuntutan Syariah, malah sesuai diaplikasikan dalam operasi industri.

Jadual 6.3
Jadual Ringkasan Fasa II (Domain, Konstruk, Item & Jurang)

Domain	Konstruk Utama	Contoh Item	Penekanan / Jurang
Ḍarūriyyāt (Asas)	*Hifẓ al-Dīn*, *Hifẓ al-Nafs*, *Hifẓ al-ʿAql*, *Ḥifẓ al-'Irḍ*, *Hifẓ al-Māl*	Makanan halal, ruang solat, keselamatan kebakaran, larangan arak & judi, privasi tetamu, kewangan patuh *Syarīʿah*	Asas wajib – pakar sepakat item ini syarat minimum; jurang: tahap pelaksanaan tidak seragam
Ḥājiyyāt (Pelengkap)	Strategi Pemasaran, Halal Ekosistem, Pengurusan Integriti, Pengurusan Aset dan Prasarana	Pemasaran mesra Muslim, audit halal menyeluruh, etika staf, kemudahan lif & tandas mesra Muslim	Item sokongan penting – pastikan kelestarian operasi; jurang: integriti & latihan staf masih lemah
Taḥsīniyyāt (Penyempurna)	Kebersihan, Keselamatan Tambahan, Pembangunan Prasarana, Perhiasan	Kemudahan sertu, ruang wuduk kondusif, rondaan keselamatan, hiasan dalaman Islamik, suasana harmoni	Nilai tambah – bukan kosmetik, tetapi beri pengalaman harmoni; jurang: kos pembangunan & estetika masih cabaran

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.3 menunjukkan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel dilaksanakan melalui integrasi tiga domain utama *Maqāṣid Syarīʿah* yang saling melengkapi. Domain *Ḍarūriyyāt* menghimpunkan item-item asas yang wajib dipenuhi oleh sesebuah hotel patuh *Syarīʿah*, manakala domain *Ḥājiyyāt* menyediakan elemen sokongan yang memperkukuh pengurusan dan kelestarian operasi. Sementara itu, domain *Taḥsīniyyāt* menambah nilai kepada pengalaman pelanggan melalui aspek kebersihan, keselamatan, pembangunan dan perhiasan. Jadual ini turut memperlihatkan bahawa setiap domain masih mempunyai cabaran pelaksanaan yang berbeza seperti ketidakseragaman amalan, kekurangan latihan kakitangan, isu integriti organisasi serta

kekangan kos pembangunan. Oleh itu, Model MaSC-Hotel dibangunkan bagi mengintegrasikan ketiga-tiga domain tersebut dalam satu kerangka yang lebih sistematik, holistik dan praktikal.

Secara keseluruhannya, Fasa II berjaya mencapai objektif kajian dengan membangunkan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berdasarkan konsensus pakar menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi (FDM)*. Model yang dibangunkan mengintegrasikan tiga domain utama, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, yang diterjemahkan kepada konstruk dan item yang memenuhi keperluan Syariah serta realiti operasi industri. Rumusan ini menjadi asas kepada Fasa III yang menilai kebolehgunaan model melalui *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan seterusnya diperkukuhkan melalui pengesahan oleh wakil industri.

6.3.3 Rumusan Fasa III: Penilaian Kebolehgunaan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*

Fasa III merupakan peringkat akhir dalam pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang bertujuan menilai tahap kebolehgunaan, kesesuaian dan kebolehlaksanaan model sebelum diaplikasikan dalam industri. Penilaian ini dilaksanakan menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)* yang melibatkan tujuh orang pakar daripada bidang Syariah, hospitaliti, pelancongan Islam dan pensijilan halal. Pendekatan ini membolehkan model yang dibangunkan dinilai secara kolektif berdasarkan pengalaman dan kepakaran panel, sekali gus memastikan model bukan sahaja memenuhi keperluan akademik, malah sesuai dengan realiti operasi industri hospitaliti Islam.

Dapatan penilaian menunjukkan bahawa Model MaSC-Hotel mencapai tahap kebolehgunaan yang sangat tinggi dengan purata persetujuan pakar sebanyak 97.96%. Ketiga-tiga domain utama, iaitu *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt*, diterima dengan baik oleh panel pakar, sekali gus membuktikan bahawa konstruk dan item yang dibangunkan adalah relevan, mudah difahami dan berpotensi untuk dilaksanakan dalam operasi hotel patuh *Syarīʿah*. Selain mengesahkan kesesuaian model, pakar turut mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti penyediaan modul latihan kakitangan, pelaksanaan audit pematuhan Syariah secara berkala serta pembangunan garis panduan operasi bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan model di peringkat industri.

Penilaian melalui *Modified NGT* turut membuktikan bahawa pembangunan Model MaSC-Hotel berjaya menghubungkan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan sebenar industri hospitaliti. Maklum balas panel menunjukkan bahawa aspek pengurusan Syariah, integriti organisasi, latihan kakitangan dan pengalaman pelanggan perlu diberikan perhatian yang sama penting dengan penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah. Penemuan ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah* memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan tidak terhad kepada pematuhan terhadap aspek ritual semata-mata.



Rajah 6.1 Peratusan Kebolehgunaan Tiga Domain Utama Model
Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Rajah 6.1 memperlihatkan tahap kebolehgunaan bagi ketiga-tiga domain utama Model MaSC-Hotel berdasarkan penilaian panel pakar menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)*. Domain *Ḍarūriyyāt*, *Ḥājiyyāt* dan *Taḥsīniyyāt* masing-masing mencatatkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan skor purata 97.96%, sekali gus menunjukkan bahawa keseluruhan struktur model diterima secara positif oleh panel pakar. Tahap persetujuan ini membuktikan bahawa konstruk dan item yang dibangunkan bukan sahaja memenuhi prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*, malah sesuai diaplikasikan dalam pengurusan hotel patuh *Syarīʿah* serta berpotensi menjadi rujukan kepada pengusaha hotel dan pihak berkepentingan dalam industri hospitaliti Islam.

Secara keseluruhannya, Fasa III berjaya mencapai objektif kajian dengan mengesahkan bahawa Model MaSC-Hotel mempunyai tahap kebolehgunaan dan

kebolehlaksanaan yang tinggi berdasarkan penilaian pakar menggunakan *Modified Nominal Group Technique (NGT)*. Dapatan ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja sahih daripada perspektif akademik, malah praktikal untuk diaplikasikan dalam industri hospitaliti Islam. Pengesahan ini seterusnya diperkukuhkan melalui temu bual bersama wakil industri, yang membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel berpotensi dijadikan panduan dalam pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

6.4 Sumbangan Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ilmu dan amalan dalam bidang hospitaliti Islam melalui penghasilan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang dibangunkan secara sistematik menggunakan pendekatan *Design and Development Research (DDR)*. Berbeza dengan kajian terdahulu yang lebih memfokuskan kepada aspek Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS) atau pensijilan halal secara berasingan, kajian ini berjaya mengintegrasikan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dengan keperluan sebenar industri bagi menghasilkan satu model yang bersifat holistik, sistematik dan praktikal. Model yang dibangunkan turut melalui proses pengesahan yang komprehensif melibatkan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* serta pengesahan oleh wakil industri, sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan model yang dihasilkan.

Sumbangan kajian ini dapat dihuraikan daripada tiga dimensi utama, iaitu sumbangan kepada teori dan akademik, sumbangan kepada industri, serta sumbangan kepada pembentukan dasar dan pembangunan standard hotel patuh *Syarīʿah*. Ketiga-tiga dimensi ini memperlihatkan bahawa kajian bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang hospitaliti Islam, malah menyediakan panduan praktikal kepada pengusaha hotel, badan pensijilan halal dan pembuat dasar dalam memperkukuh ekosistem hospitaliti patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

6.4.1 Sumbangan Teoretikal / Akademik

Dari sudut teoretikal, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang hospitaliti Islam melalui pembangunan Model MaSC-Hotel Berteraskan

Maqāṣid Syarīʿah yang mengintegrasikan prinsip-prinsip Syariah dengan keperluan operasi hotel secara sistematik. Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang lebih memfokuskan kepada konsep Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), makanan halal atau kemudahan ibadah (Stephenson, 2014; Battour & Ismail, 2021), kajian ini membuktikan bahawa pembangunan hotel patuh *Syarīʿah* perlu berasaskan tiga hierarki utama *Maqāṣid Syarīʿah*, iaitu al-*Ḍarūriyyāt*, al-*Ḥājiyyāt* dan al-*Taḥsīniyyāt*. Pendekatan ini memperluaskan aplikasi teori *Maqāṣid Syarīʿah* daripada bidang fiqh kepada pembangunan model pengurusan hospitaliti Islam.

Kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan teori dengan menunjukkan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar menjadi asas penentuan hukum, malah boleh berfungsi sebagai kerangka konseptual dalam pembangunan sistem pengurusan organisasi. Melalui pemetaan konstruk kepada lima prinsip utama, iaitu *Ḥifẓ al-Dīn, Ḥifẓ al-Nafs, Ḥifẓ al-'Aql, Ḥifẓ al-'Irḍ dan Ḥifẓ al-Māl*, kajian ini membuktikan bahawa nilai moral, spiritual dan operasi boleh diintegrasikan dalam satu model yang menyeluruh. Penemuan ini memperkukuh kedudukan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai teori nilai (value-based theory) yang sesuai diaplikasikan dalam bidang pengurusan dan perkhidmatan moden.

Dari sudut metodologi, kajian ini memperkukuh aplikasi *Design and Development Research* (DDR) dalam bidang hospitaliti Islam melalui gabungan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* serta pengesahan industri. Gabungan pelbagai kaedah ini menghasilkan satu proses pembangunan model yang sistematik, berasaskan bukti (evidence-based) dan memenuhi tuntutan kesahan akademik serta keperluan industri. Pendekatan ini memperluaskan aplikasi DDR dalam bidang hospitaliti Islam yang sebelum ini masih terhad kepada kajian berbentuk konseptual.

Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada pembangunan epistemologi Islam dengan membuktikan bahawa *Maqāṣid Syarīʿah* boleh berfungsi sebagai paradigma penyelidikan yang menghubungkan sumber wahyu, pertimbangan rasional dan dapatan empirikal. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembangunan model dalam bidang hospitaliti Islam bukan sahaja perlu memenuhi aspek teknikal dan operasi, malah perlu mengambil kira dimensi etika, moral dan kemaslahatan yang menjadi teras kepada falsafah Syariah.

Secara keseluruhannya, sumbangan teoretikal kajian ini memperkayakan literatur hospitaliti Islam melalui penghasilan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid*

Syarīʿah sebagai satu kerangka teori yang baharu, komprehensif dan sistematik. Model ini bukan sahaja memperluaskan aplikasi teori *Maqāṣid Syarīʿah* dalam bidang pengurusan hospitaliti, malah berpotensi menjadi asas kepada kajian lanjutan yang menguji hubungan antara konstruk model dengan prestasi organisasi, kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan menggunakan pendekatan kuantitatif seperti Structural Equation Modelling (SEM) atau Partial Least Squares (PLS).

Jadual 6.4
Rumusan Sumbangan Teoretikal Kajian

Aspek	Sumbangan Kajian
Hospitaliti Islam	Menghasilkan Model MaSC-Hotel berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*
Teori Maqāṣid	Mengaplikasikan tiga hierarki maqasid dalam pembangunan model pengurusan hotel
Metodologi	Memperluaskan penggunaan DDR melalui gabungan analisis dokumen, temu bual, FDM, NGT dan pengesahan industri
Epistemologi Islam	Mengintegrasikan ilmu naqli, aqli dan empirikal dalam pembangunan model
Penyelidikan Masa Hadapan	Menjadi asas kepada pengujian empirikal menggunakan SEM atau PLS

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.4 memperlihatkan rumusan sumbangan teoretikal kajian terhadap perkembangan ilmu dalam bidang hospitaliti Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya memperluaskan aplikasi *Maqāṣid Syarīʿah* daripada kerangka fiqh kepada pembangunan model pengurusan hospitaliti melalui penghasilan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Model ini bukan sahaja mengintegrasikan tiga hierarki utama maqasid, iaitu al-*Ḍarūriyyāt*, al-*Ḥājiyyāt* dan al-*Taḥsīniyyāt*, malah membuktikan bahawa prinsip-prinsip tersebut boleh diterjemahkan kepada konstruk dan item yang bersifat operasional serta sesuai diaplikasikan dalam industri perhotelan.

Di samping itu, jadual ini menunjukkan bahawa kajian turut menyumbang kepada aspek metodologi melalui penggunaan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menggabungkan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* serta pengesahan industri. Gabungan pendekatan ini menghasilkan proses pembangunan model yang sistematik, berasaskan bukti dan mempunyai tahap kesahan yang tinggi. Selain itu,

kajian ini turut memperkukuh epistemologi Islam dengan mengintegrasikan sumber wahyu, pertimbangan rasional dan dapatan empirikal dalam pembangunan model.

Secara keseluruhannya, sumbangan teoretikal yang dirumuskan dalam Jadual 6.3 membuktikan bahawa kajian ini bukan sahaja memperkayakan literatur hospitaliti Islam, malah menyediakan satu kerangka konseptual yang boleh dijadikan rujukan dalam penyelidikan akan datang berkaitan pengurusan hospitaliti, pelancongan Islam dan pembangunan organisasi berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*.

6.4.2 Sumbangan Praktikal / Industri

Dari sudut praktikal, kajian ini menghasilkan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* sebagai satu panduan yang sistematik kepada pengusaha hotel dalam melaksanakan operasi yang selaras dengan prinsip Syariah. Model ini menghimpunkan konstruk dan item yang telah disahkan melalui analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* serta pengesahan industri, sekali gus menyediakan satu kerangka operasi yang komprehensif. Melalui model ini, pihak pengurusan hotel dapat mengenal pasti elemen-elemen kritikal seperti penyediaan makanan halal yang disahkan, kemudahan ibadah, perlindungan privasi pelanggan, keselamatan, integriti organisasi serta strategi pemasaran yang beretika bagi memastikan pematuhan Syariah dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten.

Selain memperkukuh aspek operasi, model ini turut menyumbang kepada pembangunan pengurusan organisasi dan sumber manusia dalam industri hospitaliti Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa latihan kakitangan, pengukuhan budaya integriti serta pelaksanaan audit pematuhan secara berkala merupakan antara faktor penting yang menentukan keberkesanan pelaksanaan hotel patuh *Syarīʿah*. Sehubungan itu, model ini boleh dijadikan asas dalam pembangunan modul latihan, sistem pemantauan dalaman serta amalan tadbir urus yang lebih berkesan bagi meningkatkan kompetensi kakitangan dan memastikan budaya kerja sentiasa selaras dengan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*.

Kajian ini juga memberikan sumbangan kepada aspek pemasaran dan penjenamaan industri hospitaliti Islam. Model yang dibangunkan membantu pengusaha hotel membentuk identiti hotel patuh *Syarīʿah* secara lebih jelas, sekali gus mengurangkan kekeliruan antara konsep Muslim-Friendly Hospitality Services

(MFHS) dan hotel patuh *Syarīʿah*. Pendekatan ini membolehkan hotel mempromosikan perkhidmatan yang bukan sahaja memenuhi keperluan pelanggan Muslim, malah menampilkan nilai sejagat seperti kebersihan, keselamatan, integriti dan layanan beretika yang turut dihargai oleh pelanggan bukan Muslim. Keadaan ini berpotensi meningkatkan daya saing industri hospitaliti Islam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Di samping itu, model ini menyokong pembangunan industri yang lebih mampan melalui penerapan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam pengurusan organisasi. Pendekatan ini menggalakkan penggunaan sumber secara berhemah, mengutamakan kebajikan pekerja dan pelanggan, memperkukuh tadbir urus organisasi serta meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Secara tidak langsung, model ini menyokong usaha pembangunan industri hospitaliti yang selaras dengan prinsip kelestarian dan tanggungjawab sosial.

Secara keseluruhannya, sumbangan praktikal kajian ini membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sekadar menjadi model konseptual, malah berfungsi sebagai panduan operasi yang boleh diaplikasikan dalam industri hospitaliti Islam. Model ini berpotensi membantu pengusaha hotel meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperkukuh pematuhan Syariah, membangunkan modal insan yang kompeten serta meningkatkan daya saing industri hospitaliti Islam di Malaysia.

Jadual 6.5
Rumusan Sumbangan Praktikal Kajian

Aspek	**Sumbangan Kajian**
Operasi Hotel	Panduan pelaksanaan Model MaSC-Hotel secara sistematik
Pengurusan Organisasi	Memperkukuh tadbir urus dan budaya integriti
Sumber Manusia	Asas pembangunan modul latihan dan audit pematuhan Syariah
Pemasaran	Memperkukuh identiti hotel patuh Syariah dan meningkatkan daya saing
Kelestarian Industri	Menyokong pembangunan hospitaliti Islam yang mampan

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.5 merumuskan sumbangan praktikal kajian terhadap pembangunan industri hospitaliti Islam. Model MaSC-Hotel yang dibangunkan menyediakan panduan

kepada pengusaha hotel dalam memperkukuh operasi berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*, khususnya melalui penambahbaikan aspek pengurusan organisasi, pembangunan sumber manusia, strategi pemasaran dan tadbir urus. Di samping itu, model ini membantu meningkatkan tahap pematuhan Syariah secara konsisten serta menyokong pembangunan industri yang lebih berdaya saing dan mampan. Secara keseluruhannya, sumbangan praktikal kajian ini membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja relevan dari sudut akademik, malah mempunyai nilai aplikasi yang tinggi dalam operasi sebenar industri hospitaliti Islam.

6.4.3 Sumbangan Polisi / Sosial / Masyarakat

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembentukan dasar dan pembangunan standard dalam industri hospitaliti Islam di Malaysia melalui penghasilan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Dapatan kajian yang mengenal pasti jurang antara konsep Muslim-Friendly Hospitality Services (MFHS), hotel halal dan hotel patuh *Syarīʿah* menyediakan asas ilmiah kepada pihak berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Standard Malaysia dan Islamic Tourism Centre (ITC) untuk menambah baik piawaian sedia ada seperti MS2610:2015. Model yang dibangunkan berpotensi dijadikan rujukan dalam usaha membentuk satu standard hotel patuh *Syarīʿah* yang lebih komprehensif, sistematik dan seragam bagi mengurangkan ketidakselarasan pelaksanaan dalam industri.

Selain itu, kajian ini turut menyokong pembangunan dasar pelancongan Islam yang lebih menyeluruh melalui penerapan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Pendekatan ini membantu pembuat dasar membangunkan ekosistem hospitaliti Islam yang bukan sahaja memenuhi keperluan pematuhan Syariah, malah menitikberatkan aspek tadbir urus, integriti organisasi, kebajikan pekerja, keselamatan pelanggan dan kelestarian industri. Dengan itu, pembangunan dasar tidak lagi hanya berorientasikan pertumbuhan ekonomi, sebaliknya mengambil kira nilai kemanusiaan dan kemaslahatan yang menjadi teras *Maqāṣid Syarīʿah*.

Dari perspektif sosial, model yang dibangunkan berpotensi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* melalui penyediaan persekitaran yang lebih selamat, bersih, beretika dan menghormati keperluan pelanggan. Pelaksanaan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* dalam operasi hotel bukan sahaja

memberi manfaat kepada pelanggan Muslim, malah turut menawarkan nilai sejagat seperti kejujuran, integriti, keselamatan, kebersihan dan layanan yang profesional kepada semua pelanggan tanpa mengira agama atau latar belakang. Keadaan ini menyumbang kepada pembentukan persepsi positif terhadap hospitaliti Islam sebagai satu sistem perkhidmatan yang bersifat inklusif dan berorientasikan kesejahteraan sejagat.

Di samping itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat melalui pembentukan budaya kerja yang berasaskan nilai moral dan etika. Penerapan latihan, polisi organisasi dan amalan pengurusan berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berpotensi melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja kompeten dari sudut profesional, malah mempunyai integriti, tanggungjawab sosial dan kesedaran terhadap kepentingan memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Pendekatan ini secara tidak langsung menyokong usaha memperkukuh keharmonian sosial serta meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam yang diyakini di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, sumbangan kajian ini melangkaui pembangunan model akademik semata-mata. Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berpotensi menjadi rujukan kepada pembuat dasar, badan pensijilan, agensi pelancongan, pengusaha hotel dan masyarakat dalam memperkukuh pembangunan industri hospitaliti Islam yang lebih sistematik, mampan dan berdaya saing. Penemuan ini membuktikan bahawa prinsip *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja relevan sebagai kerangka normatif Islam, malah mampu diterjemahkan kepada dasar, amalan industri dan pembangunan sosial yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.

Jadual 6.6
Rumusan Sumbangan Polisi, Sosial dan Masyarakat

Dimensi	**Sumbangan Kajian**
Polisi	Menyokong penambahbaikan dasar dan pembangunan standard hotel patuh Syariah
Standardisasi	Menjadi asas rujukan kepada JAKIM, Jabatan Standard Malaysia dan ITC
Sosial	Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan hotel patuh Syariah
Modal Insan	Membentuk budaya kerja berintegriti dan beretika
Negara	Menyokong aspirasi Malaysia sebagai hab pelancongan Islam global

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.6 merumuskan sumbangan kajian daripada aspek polisi, sosial dan masyarakat. Model MaSC-Hotel yang dibangunkan berpotensi menyokong usaha penambahbaikan dasar serta pembangunan standard hotel patuh Syariah yang lebih seragam melalui penerapan prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Selain itu, model ini menyumbang kepada peningkatan keyakinan masyarakat terhadap industri hospitaliti Islam, pembangunan modal insan yang berintegriti serta pengukuhan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam bertaraf antarabangsa. Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa Model MaSC-Hotel bukan sahaja memberi manfaat kepada industri, malah turut menyokong pembangunan masyarakat dan dasar negara yang berteraskan nilai, kemampanan dan kesejahteraan.

6.4.4 Sumbangan kepada Pihak Berkepentingan

Kajian ini memberikan manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan industri hospitaliti Islam di Malaysia. Penghasilan Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan, malah menyediakan satu kerangka praktikal yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai institusi dan organisasi mengikut peranan masing-masing.

Bagi komuniti akademik, model ini memperkayakan literatur dalam bidang hospitaliti Islam serta membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan berkaitan pembangunan model berasaskan *Maqāṣid Syarīʿah*. Penggunaan pendekatan *Design and Development Research (DDR)* yang menggabungkan analisis dokumen, temu bual pakar, *Fuzzy Delphi Method (FDM)*, *Modified Nominal Group Technique (NGT)* dan pengesahan industri turut menyediakan satu rujukan metodologi yang boleh diaplikasikan dalam kajian pembangunan model pada masa hadapan.

Bagi industri hospitaliti, Model MaSC-Hotel menyediakan panduan yang sistematik dalam memperkukuh pengurusan operasi hotel patuh *Syarīʿah*, khususnya dalam aspek pengurusan halal, penyediaan kemudahan ibadah, pembangunan sumber manusia, tadbir urus organisasi dan pengalaman pelanggan. Model ini membantu pengusaha hotel melaksanakan pematuhan Syariah secara lebih menyeluruh dan konsisten.

Bagi pembuat dasar dan badan pengawalseliaan, dapatan kajian menyediakan bukti empirikal yang boleh dijadikan asas dalam penambahbaikan standard, garis

panduan serta mekanisme pensijilan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia. Model ini juga berpotensi menyokong usaha penyelarasan dasar antara agensi berkaitan dalam memperkukuh pembangunan industri pelancongan Islam negara.

Selain itu, institusi pendidikan dan latihan boleh memanfaatkan model ini sebagai rujukan dalam pembangunan kurikulum, modul latihan dan program pembangunan profesional bagi melahirkan tenaga kerja hospitaliti yang kompeten serta memahami prinsip *Maqāṣid Syarīʿah*. Dari perspektif masyarakat, pelaksanaan model ini berpotensi meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan hotel patuh *Syarīʿah* serta memperkukuh imej hospitaliti Islam sebagai satu sistem perkhidmatan yang berteraskan integriti, keadilan dan kesejahteraan sejagat.

Secara keseluruhannya, Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* berpotensi memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan melalui pengukuhan aspek akademik, industri, dasar, pendidikan dan masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa model yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai nilai ilmiah, malah mampu memberikan impak yang luas terhadap pembangunan ekosistem hospitaliti Islam di Malaysia.

Jadual 6.7
Rumusan Manfaat Model MaSC-Hotel kepada Pihak Berkepentingan

Pihak Berkepentingan	**Manfaat Kajian**
Komuniti akademik	Memperkaya literatur dan metodologi penyelidikan hospitaliti Islam
Industri hospitaliti	Panduan pelaksanaan Model MaSC-Hotel dalam operasi hotel
Pembuat dasar / badan pensijilan	Asas penambahbaikan standard dan garis panduan hotel patuh Syariah
Institusi pendidikan	Rujukan pembangunan kurikulum dan modul latihan
Masyarakat / pelanggan	Meningkatkan keyakinan terhadap perkhidmatan hotel patuh Syariah

Sumber: Siti Nur Husna (2026)

Jadual 6.7 memperlihatkan rumusan sumbangan kajian kepada pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan industri hospitaliti Islam. Model MaSC-Hotel Berteraskan *Maqāṣid Syarīʿah* yang dibangunkan melalui kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti akademik melalui pengayaan literatur dan metodologi penyelidikan, malah menyediakan panduan praktikal kepada

pengusaha hotel dalam memperkukuh pengurusan operasi yang mematuhi prinsip Syariah. Di samping itu, dapatan kajian turut menyediakan asas rujukan kepada pembuat dasar dan badan pengawalseliaan dalam usaha menambah baik piawaian serta garis panduan hotel patuh *Syarīʿah* di Malaysia.

